

ANALISIS KESOPANAN BERBAHASA DALAM  
NOVEL *MELUNAS RINDU*

SARA BINTI BEDEN

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2016

ANALISIS KESOPANAN BERBAHASA DALAM NOVEL  
*MELUNAS RINDU*

SARA BINTI BEDEN

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2016

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama : **SARA BEDEN**  
(No. K.P/Pasport: **710309135330**)  
No. Pendaftaran/Matrik: **JHA130001**

Nama Ijazah: **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

Tajuk ~~Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi~~/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**ANALISIS KESOPANAN BERBAHASA DALAM NOVEL *MELUNAS RINDU***

Bidang Penyelidikan: Pragmatik

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut munasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

.....  
Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

.....  
Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama: **PROF. MADYA DR. INDIRAWATI ZAHID**

Jawatan: **PROFESOR MADYA**

## ABSTRAK

Kajian ini berkaitan dengan aspek kesopanan berbahasa berdasarkan novel *Melunas Rindu*, iaitu teks Komsas yang digunakan oleh para murid tingkatan empat di Zon 4 (Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan). Analisis data dalam kajian ini melibatkan 33 peristiwa bahasa berdasarkan dialog watak utama, iaitu Fuad dan watak sampingannya Farhana. Permasalahan kajian ini bertitik tolak daripada isu kesopanan berbahasa yang semakin terhakis dan terhadnya sumber rujukan di peringkat ilmiah. Keterbatasan dan kekurangan kajian dengan menggunakan bahan Komsas yang dianalisis secara pragmatik turut mendorong kajian ini dijalankan. Kajian ini mempunyai tiga objektif, iaitu mengklasifikasi pola kesopanan berbahasa, menganalisis pola kesopanan berbahasa dan memetakan struktur peristiwa bahasa dalam *Melunas Rindu*. Dapatan kajian ini akan dapat memberikan input baharu dengan nilai tambah, iaitu bahan Komsas ini diteliti dari perspektif pemikiran yang lebih tinggi dengan menggunakan teori-teori linguistik. Kajian ini juga menyumbang ke arah memperkaya khazanah dalam bidang pragmatik selain mengisi kekurangan kajian dengan menggunakan bahan Komsas. Seterusnya, dapat memberikan pendedahan tentang tatacara berkomunikasi kepada khalayak sasaran agar membudayakannya dalam kehidupan. Kajian ini menggunakan antara lainnya kaedah kepustakaan, analisis teks dan kaedah kuantitatif. Kajian ini mengaplikasikan dua teori, iaitu model Prinsip Kesopanan Leech (1983) dan Prinsip Kerjasama Grice (1975) bagi membentuk Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU). MPKMU mengandungi enam pola, iaitu Pola 1, 6 PS + 4 PK; Pola 2, 5 PS + 3 PK; Pola 3, 4 PS + 2 PK; Pola 4, 3 PS + 1 PK; Pola 5, 2 PS dan Pola 6, 1 PS untuk digunakan sebagai asas menganalisis data kajian. Analisis yang dilakukan telah mencapai ketiga-tiga objektif kajian ini. Dapatan kajian memperlihatkan 33

peristiwa bahasa dalam *Melunas Rindu* dapat diklasifikasikan dalam MPKMU berlandaskan prinsip hampir sama, tepat dan ekonomis. Pola 1 diwakili 93 dialog (42.09 %), Pola 2 diwakili 112 dialog (50.68 %) manakala Pola 3 dan Pola 4 masing-masing diwakili empat dialog (1.80 %). Pola 5 pula diwakili tujuh dialog (3.17 %) dan pola yang terakhir, iaitu Pola 6 diwakili satu dialog (0.46 %). Didapati Pola 2 telah dipatuhi oleh 17 peristiwa (50.68 %) dan paling tinggi penggunaannya manakala Pola 6 hanya dipatuhi oleh satu peristiwa (0.46 %), iaitu paling rendah penggunaannya berdasarkan MPKMU. Selain itu, hasil dapatan turut memperlihatkan pematuhan Pola 1 dan Pola 2 terhadap prinsip hampir sama, pematuhan Pola 3 dan Pola 4 terhadap prinsip ekonomis dan pematuhan Pola 5 dan Pola 6 terhadap prinsip tepat. Analisis penggunaan jumlah maksim dan dialog pula memperlihatkan lima variasi atas faktor konteks. Analisis konteks pula menunjukkan bahawa 20 peristiwa (60.6 %) kewujudan konteks yang bersifat signifikan manakala 12 peristiwa (36.4 %) memperlihatkan kewujudan konteks yang tidak bersifat signifikan. Sementara satu peristiwa (3.00 %) memperlihatkan penyediaan konteks Ø. Dapatan ini menunjukkan bahawa konteks bukanlah keperluan yang wajib wujud dalam sesebuah peristiwa bahasa. Kelengkapan maklumat dalam sesebuah peristiwa bahasa turut bergantung kepada keserasian antara perkara yang dibincangkan dengan penggunaan dan pemilihan unsur-unsur bahasa. Dapatan pemetaan struktur peristiwa pula memperlihatkan struktur yang bervariasi atas faktor konteks, latar dan topik atas keperluan mewujudkan situasi bebas konflik yang bertepatan dengan objektif komunikasi. Kesimpulannya, penggunaan kedua-dua teori ini, iaitu Leech (1983) dan Grice (1975) yang telah dikombinasi dapat memperincikan kesopanan berbahasa secara komprehensif dalam novel *Melunas Rindu* ini.

## ABSTRACT

This study is related to the aspect of language politeness based on the *Melunas Rindu* novel which is a literature text used by the Form 4 students in Zone 4 (Johor, Sabah, Sarawak and Wilayah Persekutuan Labuan) Malaysia. The analysis of the data in this study involves 33 speech events based on the dialogues of Fuad, the main character and Farhana, the supporting character. The problem of the study stems from the issues of the increase in language politeness erosion and limited references at the academic level. Limitation and lack of studies on literature materials that is being analysed pragmatically also encourages this study. This study consists of three objectives; to classify the language politeness patterns, to analyse the pattern of language politeness and to map of the speech event structures in *Melunas Rindu* novel. The results of the study will provide a new input with a value added, namely literature material is scrutinized from a higher thinking perspective using the linguistic theory. This study also contributes towards enriching material in pragmatic besides fulfilling the dearth of studies using literature materials. Subsequently, this study will confer the communication procedures to the targeted audiences to practice into their lives. This study has employed the library research, text analysis and quantitative method. This study has applied two theories; Leech's model of Politeness Principle (1983) and Grice's model of Cooperation Principle (1975) to form the General Maxim Combination Pattern Model (MPKMU). The General Maxim Combination Pattern Model consist of six maxim combination patterns; Pattern 1, 6 PS + 4 PK; Pattern 2, 5 PS + 3 PK; Pattern 3, 4 PS + 2 PK; Pattern 4, 3 PS + 1 PK; Pattern 5, 2 PS and Pattern 6, 1 PS, which is used as a basis to analyse the data. Through the analysis done all the three objectives in this study had been accomplished. The results showed 33 events in *Melunas Rindu* can be classified in

the MPKMU based on the principle of almost similar, accurate and economical. Pattern 1 represented by 93 dialogues (42.09%), Pattern 2 represented by 112 dialogues (50.68 %), whereas Pattern 3 and 4 represented by 4 dialogues (1.80 %) respectively , Pattern 5 represented by 7 dialogues (3.17 %) and the final pattern, Pattern 6 represented by 1 dialogue ( 0.46 %).The results based on MPKMU has shown the highest usage was Pattern 2 which conform to 17 events (50.68 %) and the lowest usage was Pattern 6 which conform to 1 event (0.46 %.). Besides that, the results showed compliance of Pattern 1 and 2 to almost the same principle, Pattern 3 and 4 compliance to economical principle and compliance of Pattern 5 and 6 to accurate principle. The analysis of total number of maxims and dialogues exhibit five variations based on the factor of context. The context analysis has shown 20 events (60.6 %) on existence of context are significant while 12 events (36.4%) exhibit existence of context which are insignificant. While, one event (3.00 %) disclosed context preparation of  $\emptyset$ . The results showed that context is not a mandatory need to exist in a given speech event. Complete information in a speech event also depends on the compatibility between discussed topic with the application and selection of the language elements. The results of the mapping event structures has disclosed variation of structures are based on factors of context, background and topic due to the need of creating a conflict free situation which coincide with the objective of communication. In conclusion, use of the combined theories, Leech's (1983) and Grice's (1975) could specify comprehensively language politeness in the *Melunas Rindu* novel.

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran dan pujian kepada Allah s.w.t. yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang atas kurniaan kesihatan fizikal serta mental, rahmat dan hidayah yang tidak terhingga dalam usaha menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya, pengalaman, cabaran dan perjalanan yang panjang dalam menyiapkan kajian ini memberikan makna yang amat mendalam. Semoga kajian ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak.

Segunung penghargaan dan ucapan terima kasih yang mewangi kepada penyelia kajian ini, iaitu Profesor Madya Dr. Indirawati Zahid yang telah membimbing, memberikan tunjuk ajar, memberikan dorongan dan mencurahkan idea yang bernas sehingga melancarkan kajian ini. Segala jasa baik dan pengorbanan masa beliau sangat-sangat dihargai, disanjung tinggi dan hanya Allah yang akan membalasnya. Semoga beliau memperoleh keberkatan, kesejahteraan serta kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah yang mencurahkan bakti di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya atas sokongan selama ini. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Bahagian Tajaan Kementerian Pelajaran Malaysia kerana telah membiayai dan merealisasikan impian ini. Tidak lupa juga sekalung penghargaan ditujukan kepada pihak Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Tun Seri Lanang (UKM), warga Sekolah Menengah Kebangsaan Lake, kakitangan pejabat ijazah tinggi APM dan pihak-pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung.



Terima kasih seharum kasturi kepada ayahanda Haji Beden Bujang dan bonda Hajah Baenah Johan atas restu dan doa selama ini. Sesungguhnya restu, perangsang, nasihat dan doa kalian sentiasa mengiringi perjalanan dalam menuntut ilmu selama ini. Kepada ahli keluarga yang lain, iaitu Mami Saniah, adik-beradik, Ct&Tai sekalung terima kasih atas dorongan, sokongan dan motivasi yang telah diberikan selama ini. Terima kasih daun keladi kerana menjadi insan-insan yang cukup memahami dan mengerti erti sebuah perjalanan menuju kota ilmu.

Selain itu, sekalung terima kasih juga kepada sahabat seperjuangan yang bersama-sama memerah minda di bumi Universiti Malaya ini, iaitu Awg Kasmurie, Suhana Sarkawi, Arina Johari, Hema, Nasihah, Nurul Jamilah, Mohd Zuber Ismail, Shapiza, Komathi dan rakan-rakan bilik karek Pendeta UM yang sering berkongsi minda dan pengalaman, memberikan motivasi, sokongan moral serta menyelami suka duka perjuangan ini. Penghargaan ini juga ditujukan kepada sahabat-sahabatku SPM 88 SMK Lundu, *Group PhD GOT Sabah Sarawak 2013*, *Group Alumni UM 95*, *Group Pelangi Impian* dan nama-nama yang tidak disebutkan di sini atas perkongsian dan sokongan moral yang diberikan. Hari-hari yang dilalui menjadi lebih indah dengan kehadiran kalian walaupun pelbagai cabaran yang mendatang dalam meniti ranjau suka duka perjalanan ini.

Akhir kalam, terima kasih kepada semua yang mengenali diri ini. Semoga kita semua beroleh kebahagiaan, keberkatan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Semoga kajian ini dapat memberikan sumbangan dalam memperkasa budaya dan khazanah ilmu pada masa akan datang. Amin.

---

Sara Binti Beden (JHA130001)  
Jabatan Bahasa Melayu  
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

## JADUAL KANDUNGAN

Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	v
Penghargaan	vii
Jadual Kandungan	ix
Senarai Gambar Rajah	xxiii
Senarai Carta	xxiv
Senarai Jadual	xxv
Senarai Simbol dan Singkatan	xxxiv
Senarai Lampiran	xxxvi

### **BAB 1: PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Komponen Sastera (Komsas) dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu	4
1.3	Sorotan Kajian	13
	1.3.1 Sorotan Kajian Luar Negara	14
	1.3.2 Sorotan Kajian Dalam Negara	24
	1.3.3 Ulasan Sorotan Kajian	44
1.4	Permasalahan Kajian	50
1.5	Objektif Kajian	55
1.6	Bidang Kajian	55
1.7	Bahan Kajian	57
	1.7.1 Sinopsis Novel <i>Melunas Rindu (MR)</i>	60
1.8	Batasan Kajian	61
1.9	Kaedah Penyelidikan	65
1.10	Kepentingan Kajian	67
1.11	Konsep Operasional	71
	1.11.1 Dialog	71

1.11.2	Komsas	71
1.11.3	Prinsip Kesopanan	72
1.11.4	Maksim	72
1.11.5	Ungkapan	72
1.11.6	Leksikal/kata	72
1.11.7	Prinsip Kerjasama	73
1.11.8	Pemetaan	73
1.11.9	Struktur	73
1.11.10	Pemetaan Struktur	73
1.11.11	Unsur bahasa	74
1.11.12	Peristiwa Bahasa	74
1.11.13	Tema dan subtema	74
1.11.14	Konteks	75
1.11.15	Pradata	75
1.11.16	Pascadata	75
1.11.17	Signifikan	75
1.11.18	Dominan	75
1.11.19	Pengklasifikasian	76
1.11.20	Penyediaan konteks Ø	76
1.11.21	Strategi	76
1.12	Rumusan	76

## **BAB 2 : KERANGKA TEORETIS DAN METODOLOGI**

2.1	Pendahuluan	77
2.2	Konsep Kesopanan	77
2.3	Model-Model Kesopanan	79
2.3.1	Model Prinsip Kerjasama Grice (1975)	79
2.3.1.1	Maksim Kuantiti	81
2.3.1.2	Maksim Kualiti	81
2.3.1.3	Maksim Relevan	82
2.3.1.4	Maksim Cara	83
2.3.2	Model Prinsip Kesopanan Leech (1983)	84
2.3.2.1	Maksim Kebijaksanaan	88

	2.3.2.2	Maksim Kedermawanan	89
	2.3.2.3	Maksim Sokongan	90
	2.3.2.4	Maksim Kerendahan Hati	91
	2.3.2.5	Maksim Persetujuan	92
	2.3.2.6	Maksim Simpati	93
2.4	Pembentukan Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU)		95
2.5	Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU)		99
	2.5.1	Pengaplikasian Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU)	100
	2.5.1.1	Prinsip Tepat	101
	2.5.1.2	Prinsip Hampir Sama	102
	2.5.1.3	Prinsip Ekonomis	105
	2.5.2	Penganalisan Data	106
	2.5.2.1	Maksim Kebijaksanaan	106
	2.5.2.2	Maksim Kedermawanan	110
	2.5.2.3	Maksim Sokongan	111
	2.5.2.4	Maksim Kerendahan Hati	111
	2.5.2.5	Maksim Persetujuan	112
	2.5.2.6	Maksim Simpati	112
	2.5.2.7	Maksim Kuantiti	113
	2.5.2.8	Maksim Kualiti	113
	2.5.2.9	Maksim Relevan	114
	2.5.2.10	Maksim Cara	115
2.6	Rumusan		116

### **BAB 3: PENGKLASIFIKASIAN POLA KESOPANAN BERBAHASA**

3.1	Pendahuluan	118
3.2	Analisis Data	118
3.3	Paparan Analisis Pengklasifikasian Pola Kesopanan Berdasarkan MPKMU	119

3.3.1	Pengklasifikasian Pola 1 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (6 PS + 4 PK)	119
3.3.1.1	Peristiwa 1 Taklimat daripada Farhana : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (penjelasan)	121
3.3.1.2	Peristiwa 2 Perbincangan tentang tahap kecerdasan pelajar : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Cara (Penjelasan)	124
3.3.1.3	Peristiwa 3 Perbincangan tentang persediaan mengajar dan maklumat Kertas Bahasa Inggeris : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Simpati + Cara (contoh)	126
3.3.1.4	Peristiwa 7 Perbincangan program peningkatan akademik : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Cara (tertib)	128
3.3.1.5	Peristiwa 11 Perbualan tentang keluarga Fuad : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Kualiti + Cara (penjelasan)	135
3.3.1.6	Peristiwa 22 Perbualan selepas balik dari rumah Fuad : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Relevan	142
3.3.1.7	Peristiwa 25 Perbualan Fuad dan Farhana tentang penyakit ibu Farhana dan teguran Fuad : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti	146

3.3.1.8	Peristiwa 28	Fuad bertanyakan hal ibu Farhana : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (penjelasan & susunan tertib)	150
3.3.1.9	Peristiwa 30	Fuad menasihati Farhana agar menerima takdir : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Simpati	153
3.3.1.10	Peristiwa 31	Perbualan Fuad dan Farhana tentang perpindahan Cikgu Zamani : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Persetujuan + Simpati	155
3.3.1.11	Peristiwa 32	Fuad akan melanjutkan pelajaran dan nasihat kepada Farhana : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan + Cara (susunan tertib)	159
3.3.2	Pengklasifikasian Pola 2 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Kualiti + Relevan (5 PS + 3 PK)		163
3.3.2.1	Peristiwa 4	Perbincangan tentang kertas peperiksaan : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan	164
3.3.2.2	Peristiwa 8	Fuad membawa jagung ke sekolah : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Persetujuan + Kualiti	166
3.3.2.3	Peristiwa 9	Fuad mempelawa Farhana menumpang keretanya : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Persetujuan	170

3.3.2.4	Peristiwa 10 Perbualan tentang keluarga Farhana : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan	172
3.3.2.5	Peristiwa 12 Perbualan ketika singgah dan selepas makan : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti	175
3.3.2.6	Peristiwa 14 Perbualan Fuad dan Farhana dalam telefon : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan	178
3.3.2.7	Peristiwa 15 Peristiwa Fuad memberi kad harijadi kepada Farhana : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti	180
3.3.2.8	Peristiwa 16 Peristiwa Fuad mempelawa Farhana keluar berjalan : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan	183
3.3.2.9	Peristiwa 17 Perbualan semasa memesan makanan : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Relevan	185
3.3.2.10	Peristiwa 18 Farhana ingin mendapat kepastian Fuad : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan	187
3.3.2.11	Peristiwa 19 Bergurau pasal makanan : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Relevan	192

3.3.2.12	Peristiwa 20 Perbualan tentang Fuad hendak ke rumah Cikgu Zamani :Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan	193
3.3.2.13	Peristiwa 21 Cadangan Fuad hendak membawa Farhana ke rumah selepas makan : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan	195
3.3.2.14	Peristiwa 26 Perbualan Fuad dan Farhana tentang adik-adik Farhana di rumah : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Kuantiti	197
3.3.2.15	Peristiwa 27 Fuad mengejutkan Farhana dari tidur : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Relevan	199
3.3.2.16	Peristiwa 29 Fuad mencungkil latar belakang ibu Farhana : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan	201
3.3.2.17	Peristiwa 33 Fuad berpesan kepada Farhana sebelum ke Mekah : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan	204
3.3.3	Pengklasifikasian Pola 3 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Kuantiti + Kualiti (4 PS + 2 PK)	206
3.3.3.1	Peristiwa 5 Perbincangan tentang Persediaan Memulakan Tugas : Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati	207
3.3.4	Pengklasifikasian Pola 4 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kuantiti (3 PS + 1 PK)	210



3.3.4.1	Peristiwa 24 Farhana balik ke Kuantan tanpa memberitahu Fuad : Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan	211
3.3.5	Pengklasifikasian Pola 5 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan (2 PS)	213
3.3.5.1	Peristiwa 6 Fuad hendak Membeli Buku Rujukan : Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan	213
3.3.5.2	Peristiwa 23 Perbualan ketika Sampai di Rumah Farhana : Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan	215
3.3.6	Pengklasifikasian Pola 6 : Pola Maksim Kebijaksanaan (1PS)	217
3.3.6.1	Peristiwa 23 Fuad menasihati Farhana yang bertengkar dengan Cikgu Zamani : Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan	217
3.4	Rumusan	218

#### **BAB 4: ANALISIS PENGGUNAAN POLA KESOPANAN BERBAHASA**

4.1	Pendahuluan	230
4.2	Prinsip Hampir Sama	230
4.3	Prinsip Ekonomis	231
4.4	Prinsip Tepat	232
4.5	Analisis Data	233
4.5.1	Penggunaan Pola Kombinasi Maksim Berdasarkan MPKMU	233
4.6	Analisis Penggunaan Pola Kombinasi Maksim Berdasarkan MPKMU	234

4.6.1	Pola 1: Pola Kombinasi Maksim Kebijakan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (6 PS + 4 PK)	235
4.6.1.1	Penggunaan Pola 1, 6 PS + 4 PK dalam 11 Peristiwa yang Mematuhi Prinsip Hampir Sama	236
4.6.1.2	Penggunaan Pola 1, 6 PS + 4 PK Berdasarkan Jumlah Maksim dan Dialog dalam 11 Peristiwa	238
4.6.2	Pola 2 : Pola Kombinasi Maksim Kebijakan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Kualiti + Relevan (5 PS + 3 PK)	259
4.6.2.1	Penggunaan Pola 2, 5 PS + 3 PK dalam 17 Peristiwa yang Mematuhi Prinsip Hampir Sama	260
4.6.2.2	Penggunaan Pola 2, 5 PS + 3 PK Berdasarkan Jumlah Maksim dan Dialog dalam 17 Peristiwa	262
4.6.3	Pola 3 : Pola Kombinasi Maksim Kebijakan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Kuantiti + Kualiti (4 PS + 2 PK)	293
4.6.3.1	Penggunaan Pola 3, 4 PS + 2 PK dalam 1 Peristiwa yang Mematuhi Prinsip Ekonomis	294
4.6.3.2	Penggunaan Pola 3, 4 PS + 2 PK Berdasarkan Jumlah Maksim dan Dialog dalam 1 Peristiwa	294
4.6.4	Pola 4 : Pola Kombinasi Maksim Kebijakan + Kedermawanan + Sokongan + Kuantiti (3 PS + 1 PK)	297
4.6.4.1	Penggunaan Pola 4 (3 PS + 1 PK) dalam 1 Peristiwa yang Mematuhi Prinsip Ekonomis	298

4.6.4.2	Penggunaan Pola 4, 3 PS + 1 PK Berdasarkan Jumlah Maksim dan Dialog dalam 1 Peristiwa	299
4.6.5	Pola 5 : Pola Kombinasi Maksim Kebijakan + Kedermawanan (2 PS)	302
4.6.5.1	Penggunaan Pola 5, 2 PS dalam 2 Peristiwa yang Mematuhi Prinsip Tepat Pola 5	303
4.6.5.2	Penggunaan Pola 5, 2 PS Berdasarkan Jumlah Maksim dan Dialog dalam 2 Peristiwa	303
4.6.6	Pola 6: Pola Kombinasi Maksim Kebijakan (1 PS)	308
4.6.6.1	Penggunaan Pola 6, 1 PS dalam 1 Peristiwa yang Mematuhi Prinsip Tepat Pola 6	308
4.6.6.2	Penggunaan Pola 6, 1 PS Berdasarkan Jumlah Maksim dan Dialog dalam 1 Peristiwa	309
4.7	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Pola Kombinasi Maksim Berdasarkan MPKMU	312
4.7.1	Pematuhan pada Prinsip Hampir Sama	313
4.7.2	Pematuhan pada Prinsip Hampir Ekonomis	314
4.7.3	Pematuhan pada Prinsip Tepat	315
4.7.4	Keberkaitan Peristiwa dengan Subtema dan Tema	316
4.7.4.1	Subtema sayang kepada sahabat akrab	318
4.7.4.2	Subtema sayang kepada keluarga	321
4.7.4.3	Subtema sayang kepada ibu bapa angkat	324
4.7.4.4	Subtema sayang kepada teman sekerja	325
4.7.4.5	Subtema sayang kepada adik-beradik	326
4.7.4.6	Subtema sayang kepada profesion perguruan	328
4.7.4.7	Subtema sayang kepada sumber alam	329
4.8	Rumusan	331

## **BAB 5: PEMETAAN STRUKTUR PERISTIWA BAHASA**

5.1	Pendahuluan	342
5.2	Analisis Data	342
5.3	Paparan Analisis Pemetaan Struktur Peristiwa	343
5.3.1	Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 1 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (6 PS + 4 PK)	344
5.3.1.1	Pemetaan Struktur Peristiwa 1 : Taklimat daripada Farhana	344
5.3.1.2	Pemetaan Struktur Peristiwa 2 : Perbincangan tentang tahap kecerdasan pelajar	346
5.3.1.3	Pemetaan Struktur Peristiwa 3 : Perbincangan tentang persediaan mengajar dan maklumat Kertas B/Inggeris	348
5.3.1.4	Pemetaan Struktur Peristiwa 7 : Perbincangan program peningkatan akademik	350
5.3.1.5	Pemetaan Struktur Peristiwa 11 : Perbualan tentang keluarga Fuad	353
5.3.1.6	Pemetaan Struktur Peristiwa 22 : Perbualan selepas balik dari rumah Fuad	356
5.3.1.7	Pemetaan Struktur Peristiwa 25 : Persitiwa perbualan tentang penyakit ibu Farhana dan teguran Fuad	358
5.3.1.8	Pemetaan Struktur Peristiwa 28 : Peristiwa Fuad bertanyakan hal ibu Farhana	361
5.3.1.9	Pemetaan Struktur Peristiwa 30 : Peristiwa Fuad menasihati Farhana agar menerima takdir	364
5.3.1.10	Pemetaan Struktur Peristiwa 31: Perbualan Fuad dan Farhana tentang Cikgu Zamani	366

5.3.1.11	Pemetaan Struktur Peristiwa 32: Peristiwa Fuad akan melanjutkan pelajaran dan nasihat kepada Farhana	368
5.3.1.1.1	Kesimpulan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 1, 6 PS + 4 PK	371
5.3.2	Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 2 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Kualiti + Relevan (5 PS + 3 PK)	373
5.3.2.1	Pemetaan Struktur Peristiwa 4 : Perbincangan tentang kertas peperiksaan	374
5.3.2.2	Pemetaan Struktur Peristiwa 8 : Fuad membawa jagung ke sekolah	375
5.3.2.3	Pemetaan Struktur Peristiwa 9 : Fuad mempelawa Farhana menumpang keretanya	377
5.3.2.4	Pemetaan Struktur Peristiwa 10 : Perbualan tentang keluarga Farhana	379
5.3.2.5	Pemetaan Struktur Peristiwa 12 : Perbualan ketika singgah dan selepas makan	380
5.3.2.6	Pemetaan Struktur Peristiwa 14 : Perbualan Fuad dan Farhana dalam telefon	382
5.3.2.7	Pemetaan Struktur Peristiwa 15 : Fuad memberi kad harijadi kepada Farhana	384
5.3.2.8	Pemetaan Struktur Peristiwa 16 : Fuad mempelawa Farhana keluar berjalan	386
5.3.2.9	Pemetaan Struktur Peristiwa 17 : Perbualan semasa memesan makanan	388
5.3.2.10	Pemetaan Struktur Peristiwa 18 : Farhana ingin mendapat kepastian Fuad	390
5.3.2.11	Pemetaan Struktur Peristiwa 19 : Bergurau pasal makanan	393

5.3.2.12	Pemetaan Struktur Peristiwa 20 : Perbualan tentang Fuad hendak ke rumah Cikgu Zamani	394
5.3.2.13	Pemetaan Struktur Peristiwa 21 : Cadangan Fuad hendak membawa Farhana ke rumah selepas makan	396
5.3.2.14	Pemetaan Struktur Peristiwa 26 : Perbualan Fuad dan Farhana tentang adik-adik Farhana di rumah	398
5.3.2.15	Pemetaan Struktur Peristiwa 27 : Fuad mengejutkan Farhana dari tidur	399
5.3.2.16	Pemetaan Struktur Peristiwa 29 : Fuad mencungkil latar belakang ibu Farhana	401
5.3.2.17	Pemetaan Struktur Peristiwa 33 : Fuad berpesan kepada Farhana sebelum ke Mekah	402
5.3.2.1.1	Kesimpulan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 2, 5 PS + 3 PK	403
5.3.3	Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 3 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Kuantiti + Kualiti (4 PS + 2 PK)	406
5.3.3.1	Pemetaan Struktur Peristiwa 5 : Perbincangan tentang persediaan memulakan tugas	406
5.3.3.1.1	Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 3, 4 PS + 2 PK	408
5.3.4	Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 4 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kuantiti (3 PS + 1 PK)	409
5.3.4.1	Pemetaan Struktur Peristiwa 24 : Farhana balik ke Kuantan tanpa memberitahu Fuad	409
5.3.4.1.1	Kesimpulan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 4, 3 PS + 1 PK	411

5.3.5	Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 5 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan (2 PS)	411
5.3.5.1	Pemetaan Struktur Peristiwa 6 : Perbualan Fuad dan Farhana dalam telefon	412
5.3.5.2	Pemetaan Struktur Peristiwa 13: Perbualan ketika sampai di rumah Farhana	413
5.3.5.1.1	Kesimpulan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 5, 2 PS	414
5.3.6	Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 6 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan (1 PS)	414
5.3.6.1	Pemetaan Struktur Peristiwa 23 : Farhana bertengkar dengan Cikgu Zamani	415
5.3.6.1.1	Kesimpulan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 6, 1 PS	415
5.4	Rumusan	416
 <b>BAB 6: PENUTUP</b>		
6.1	Pendahuluan	428
6.2	Ringkasan Kajian	428
6.3	Implikasi	437
6.4	Cadangan Kajian Lanjutan	439
 RUJUKAN		
MAKLUMAT TAMBAHAN : SENARAI PENERBITAN DAN KERTAS KERJA PEMBENTANGAN		441
LAMPIRAN A		455
LAMPIRAN B		458
		459

## SENARAI GAMBAR RAJAH

	<b>Muka Surat</b>
Rajah 2.1 Empat Skala Leech	88
Rajah 2.2 Pembentukan Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU)	97

University of Malaya



## SENARAI CARTA

	<b>Muka Surat</b>
Carta 4.1 Peratus Penggunaan Pola Kombinasi Maksim Berdasarkan MPKMU	234

University of Malaya

## SENARAI JADUAL

	<b>Muka Surat</b>	
Jadual 1.1	Antologi Tingkatan Empat (Mulai 2010)	6
Jadual 1.2	Novel Tingkatan Empat (Mulai 2010)	6
Jadual 1.3	Antologi Tingkatan Lima (Mulai 2010)	7
Jadual 1.4	Novel Tingkatan Lima (Mulai 2010)	8
Jadual 1.5	Jumlah Dialog Antara Watak dalam Novel <i>Melunas Rindu</i>	62
Jadual 1.6	Kedudukan Jumlah Dialog Watak Utama dan Sampingan	63
Jadual 2.1	Model Pola Kombinasi Maksim Umum	99
Jadual 2.2	Pengklasifikasian Peristiwa Bahasa	100
Jadual 2.3	Bijaksana Mencadang	107
Jadual 2.4	Bijaksana Menasihati	107
Jadual 2.5	Bijaksana Menyuruh	108
Jadual 2.6	Bijaksana Mengajak	108
Jadual 2.7	Bijaksana Meminta Bantuan	108
Jadual 2.8	Bijaksana Membuka Bicara	109
Jadual 2.9	Bijaksana Meminta Diri dan Meminta Maaf	110
Jadual 2.10	Maksim Kedermawanan	110
Jadual 2.11	Maksim Sokongan	111
Jadual 2.12	Maksim Kerendahan Hati	112
Jadual 2.13	Maksim Persetujuan; secara langsung	112
Jadual 2.14	Maksim Persetujuan; secara tidak langsung	112
Jadual 2.15	Maksim Simpati	113
Jadual 2.16	Maksim Kuantiti	113
Jadual 2.17	Maksim Kualiti	114

Jadual 2.18	Maksim Relevan	115
Jadual 2.19	Maksim Cara; teknik penjelasan	115
Jadual 2.20	Maksim Cara; teknik memberi contoh	116
Jadual 2.21	Maksim Cara; teknik susunan tertib	116
Jadual 3.1	Analisis Data	119
Jadual 3.2	Pengklasifikasian Pola 1, 6 PS + 4 PK	120
Jadual 3.3	Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (penjelasan)	121
Jadual 3.4	Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan +Kedermawanan + Cara (Penjelasan)	124
Jadual 3.5	Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan +Kedermawanan + Simpati + Cara (contoh)	126
Jadual 3.6	Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan+ Persetujuan + Cara (tertib)	129
Jadual 3.7	Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Kualiti + Cara (penjelasan)	135
Jadual 3.8	Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Relevan	143
Jadual 3.9	Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti	146
Jadual 3.10	Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (penjelasan&susunan tertib)	150
Jadual 3.11	Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Simpati	153
Jadual 3.12	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Simpati + Relevan	155
Jadual 3.13	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan + Cara (susunan tertib)	159
Jadual 3.14	Pengklasifikasian Pola 2, 5 PS + 3 PK	163
Jadual 3.15	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan	165
Jadual 3.16	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Persetujuan + Kualiti	166

Jadual 3.17	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Persetujuan	170
Jadual 3.18	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan	172
Jadual 3.19	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti	175
Jadual 3.20	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan	178
Jadual 3.21	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti	180
Jadual 3.22	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan	183
Jadual 3.23	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Relevan	185
Jadual 3.24	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan	188
Jadual 3.25	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Relevan	192
Jadual 3.26	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan	194
Jadual 3.27	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan	195
Jadual 3.28	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Kuantiti	198
Jadual 3.29	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Relevan	200
Jadual 3.30	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan	202
Jadual 3.31	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan	204
Jadual 3.32	Pengklasifikasian Pola 3, 4 PS + 2 PK	206
Jadual 3.33	Pola Kombinasi Maksim Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati	207

Jadual 3.34	Pengklasifikasian Pola 4, 3 PS + 1 PK	210
Jadual 3.35	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan	211
Jadual 3.36	Pengklasifikasian Pola 5, 2 PS	213
Jadual 3.37	Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan	214
Jadual 3.38	Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan	215
Jadual 3.39	Pengklasifikasian Pola 6, 1 PS	217
Jadual 3.40	Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan	218
Jadual 4.1	Analisis Data	233
Jadual 4.2	Pola 1 (6 PS + 4 PK)	235
Jadual 4.3	Empat Peristiwa yang Mematuhi Kehadiran Maksim Simpati	236
Jadual 4.4	Lima Peristiwa yang Mematuhi Kehadiran Maksim Cara	237
Jadual 4.5	Dua Peristiwa yang Mematuhi Kehadiran Maksim Simpati dan Cara	237
Jadual 4.6	Pola 1, 6 PS+4 PK - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Dialog dalam 11 Peristiwa	238
Jadual 4.7	Pola 1, 6 PS + 4 PK - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Jumlah Dialog	240
Jadual 4.8	Analisis Konteks Peristiwa 1	241
Jadual 4.9	Analisis Konteks Peristiwa 2	243
Jadual 4.10	Analisis Konteks Peristiwa 28	244
Jadual 4.11	Analisis Konteks Peristiwa 3	245
Jadual 4.12	Analisis Konteks Peristiwa 7	247
Jadual 4.13	Analisis Konteks Peristiwa 22	248
Jadual 4.14	Analisis Konteks Peristiwa 11	249
Jadual 4.15	Analisis Konteks Peristiwa 25	250

Jadual 4.16	Analisis Konteks Peristiwa 31	252
Jadual 4.17	Analisis Konteks Peristiwa 30	253
Jadual 4.18	Analisis Konteks Peristiwa 32	254
Jadual 4.19	Dapatan Analisis Konteks Pola 1	255
Jadual 4.20	Pola 2, (5 PS + 3 PK)	259
Jadual 4.21	Lapan Peristiwa yang Mematuhi Kehadiran Maksim Persetujuan	260
Jadual 4.22	Tiga Peristiwa yang Mematuhi Kehadiran Maksim Relevan	261
Jadual 4.23	Enam Peristiwa yang Mematuhi Kehadiran Maksim Persetujuan dan Relevan	261
Jadual 4.24	Pola 2, 5 PS+3 PK - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Dialog dalam 17 Peristiwa	262
Jadual 4.25	Pola 2, 5 PS+3 PK – Peristiwa, Jumlah Maksim dan Jumlah Dialog	265
Jadual 4.26	Analisis Konteks Peristiwa 8	267
Jadual 4.27	Analisis Konteks Peristiwa 15	268
Jadual 4.28	Analisis Konteks Peristiwa 17	270
Jadual 4.29	Analisis Konteks Peristiwa 29	271
Jadual 4.30	Analisis Konteks Peristiwa 10	273
Jadual 4.31	Analisis Konteks Peristiwa 12	274
Jadual 4.32	Analisis Konteks Peristiwa 4	275
Jadual 4.33	Analisis Konteks Peristiwa 33	276
Jadual 4.34	Analisis Konteks Peristiwa 18	277
Jadual 4.35	Analisis Konteks Peristiwa 21	279
Jadual 4.36	Analisis Konteks Peristiwa 9	281
Jadual 4.37	Analisis Konteks Peristiwa 14	282

Jadual 4.38	Analisis Konteks Peristiwa 16	283
Jadual 4.39	Analisis Konteks Peristiwa 20	284
Jadual 4.40	Analisis Konteks Peristiwa 26	285
Jadual 4.41	Analisis Konteks Peristiwa 19	286
Jadual 4.42	Analisis Konteks Peristiwa 27	287
Jadual 4.43	Dapatan Analisis Konteks Pola 2	288
Jadual 4.44	Pola 3, 4 PS + 2 PK	293
Jadual 4.45	Satu Peristiwa yang Memenuhi Tiga Kombinasi Maksim	294
Jadual 4.46	Pola 3, 4 PS+2 PK - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Dialog dalam Satu Peristiwa	294
Jadual 4.47	Pola 3, 4 PS + 2 PK - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Jumlah Dialog	295
Jadual 4.48	Analisis Konteks Peristiwa 5	296
Jadual 4.49	Dapatan Analisis Konteks Pola 3	297
Jadual 4.50	Pola 4, 3 PS + 1 PK	298
Jadual 4.51	Satu Peristiwa yang Mematuhi Tiga Pola Kombinasi Maksim	298
Jadual 4.52	Pola 4, 3 PS +1 PK - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Dialog dalam Satu Peristiwa	299
Jadual 4.53	Pola 4, 3 PS + 1 PK - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Jumlah Dialog	299
Jadual 4.54	Analisis Konteks Peristiwa 24	300
Jadual 4.55	Dapatan Analisis Konteks Pola 4	301
Jadual 4.56	Pola 5 (2 PS)	302
Jadual 4.57	Dua Peristiwa yang Mematuhi Kehadiran Maksim Kebijakan dan Kedermawanan	303
Jadual 4.58	Pola 5, 2 PS - Peristiwa Jumlah Maksim dan Dialog dalam Dua Peristiwa	303

Jadual 4.59	Pola 5, 2 PS - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Jumlah Dialog	304
Jadual 4.60	Analisis Konteks Peristiwa 6	305
Jadual 4.61	Analisis Konteks Peristiwa 13	306
Jadual 4.62	Dapatan Analisis Konteks Pola 5	307
Jadual 4.63	Pola 6, 1 PS	308
Jadual 4.64	Satu Peristiwa yang Mematuhi Kehadiran Maksim Kebijakan	309
Jadual 4.65	Pola 6, 1 PS - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Dialog dalam Satu Peristiwa	309
Jadual 4.66	Pola 6, 1 PS - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Jumlah Dialog	310
Jadual 4.67	Analisis Konteks Peristiwa 23	311
Jadual 4.68	Dapatan Analisis Konteks Pola 6	312
Jadual 4.69	Pengelompokan Peristiwa Pola 2 Berdasarkan Subtema	316
Jadual 4.70	Subtema sayang kepada sahabat akrab	318
Jadual 4.71	Subtema sayang kepada keluarga	322
Jadual 4.72	Subtema sayang kepada ibu bapa angkat	324
Jadual 4.73	Subtema sayang kepada teman sekerja	325
Jadual 4.74	Subtema sayang kepada adik-beradik	326
Jadual 4.75	Subtema sayang kepada profesion perguruan	328
Jadual 4.76	Subtema sayang kepada sumber alam	329
Jadual 4.77	Dapatan Analisis Konteks	333
Jadual 5.1	Analisis Data	342
Jadual 5.2	11 Peristiwa - Pola 1, 6 PS + 4 PK	344
Jadual 5.3	Pemetaan Struktur Peristiwa 1	345
Jadual 5.4	Pemetaan Struktur Peristiwa 2	347



Jadual 5.5	Pemetaan Struktur Peristiwa 3	348
Jadual 5.6	Pemetaan Struktur Peristiwa 7	350
Jadual 5.7	Pemetaan Struktur Peristiwa 11	353
Jadual 5.8	Pemetaan Struktur Peristiwa 22	358
Jadual 5.9	Pemetaan Struktur Peristiwa 25	358
Jadual 5.10	Pemetaan Struktur Peristiwa 28	361
Jadual 5.11	Pemetaan Struktur Peristiwa 30	365
Jadual 5.12	Pemetaan Struktur Peristiwa 31	366
Jadual 5.13	Pemetaan Struktur Peristiwa 32	368
Jadual 5.14	Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 1, 6 PS + 4 PK	371
Jadual 5.15	17 Peristiwa - Pola 2, 5 PS + 3P PK	373
Jadual 5.16	Pemetaan Struktur Peristiwa 4	374
Jadual 5.17	Pemetaan Struktur Peristiwa 8	375
Jadual 5.18	Pemetaan Struktur Peristiwa 9	377
Jadual 5.19	Pemetaan Struktur Peristiwa 10	379
Jadual 5.20	Pemetaan Struktur Peristiwa 12	381
Jadual 5.21	Pemetaan Struktur Peristiwa 14	382
Jadual 5.22	Pemetaan Struktur Peristiwa 15	384
Jadual 5.23	Pemetaan Struktur Peristiwa 16	386
Jadual 5.24	Pemetaan Struktur Peristiwa 17	388
Jadual 5.25	Pemetaan Struktur Peristiwa 18	390
Jadual 5.26	Pemetaan Struktur Peristiwa 19	393
Jadual 5.27	Pemetaan Struktur Peristiwa 20	395
Jadual 5.28	Pemetaan Struktur Peristiwa 21	396
Jadual 5.29	Pemetaan Struktur Peristiwa 26	398

Jadual 5.30	Pemetaan Struktur Peristiwa 27	400
Jadual 5.31	Pemetaan Struktur Peristiwa 29	401
Jadual 5.32	Pemetaan Struktur Peristiwa 33	402
Jadual 5.33	Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 2, 5 PS + 3 PK	404
Jadual 5.34	Satu Peristiwa - Pola 3, 4 PS + 2 PK	406
Jadual 5.35	Pemetaan Struktur Peristiwa 5	406
Jadual 5.36	Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 3, 4 PS + 2 PK	408
Jadual 5.37	Satu Peristiwa - Pola 4, 3 PS + 1PK	409
Jadual 5.38	Pemetaan Struktur Peristiwa 24	409
Jadual 5.39	Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 3, 3 PS + 1 PK	411
Jadual 5.40	Dua Peristiwa - Pola 5, 2 PS	411
Jadual 5.41	Pemetaan Struktur Peristiwa 6	412
Jadual 5.42	Pemetaan Struktur Peristiwa 13	413
Jadual 5.43	Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 5, 2 PS	414
Jadual 5.44	Satu Peristiwa - Pola 6, 1 PS	414
Jadual 5.45	Pemetaan Struktur Peristiwa 23	415
Jadual 5.46	Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 6, 1 PS	416

## SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

<b>Ø</b>	Penyediaan konteks kosong
<b>+</b>	Aturan gabungan atau kombinasi dua model untuk membentuk Model Pola Kombinasi Maksim Umum ( MPKMU)
<b>MR</b>	<i>Melunas Rindu</i>
<b>PS</b>	Prinsip Kesopanan
<b>PK</b>	Prinsip Kerjasama
<b>P&amp;P</b>	Pengajaran dan pembelajaran
<b>KPL</b>	Kesantunan Paling Luas
<b>PPK</b>	Pusat Perkembangan Kurikulum
<b>FPK</b>	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
<b>Fu</b>	Fuad
<b>Fa</b>	Farhana
<b>MPKMU</b>	Model Pola Kombinasi Maksim Umum
<b>B&amp;L</b>	Brown dan Levinson

## SENARAI LAMPIRAN

	<b>Muka Surat</b>
LAMPIRAN A Manual Pola Kombinasi Maksim	458
LAMPIRAN B Data atau korpus kajian	459

University of Malaya

## **BAB 1: PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Asmah Omar (1986) berpendapat bahawa bahasa merupakan wahana komunikasi paling berguna kepada manusia. Bahasa dilihat sebagai penghubung yang baik antara seorang individu dengan individu yang lain atau organisasi lain. Beliau turut berpandangan bahawa melalui bahasa manusia dapat melahirkan perasaan mereka seperti suka dan duka, kehendak atau keinginan. Komunikasi kebahasaan antara manusia bertujuan untuk menyampaikan sesuatu maksud agar difahami pendengar secara tepat sebagaimana yang dinyatakan oleh penuturnya. Pandangan ini memanasifestasikan fungsi bahasa yang menuntut bahawa bahasa harus digunakan dengan betul dan tepat. Perkara ini sekali gus berhubung rapat dengan kesopanan berbahasa yang perlu dititikberatkan dalam berkomunikasi agar bahasa yang digunakan dapat menjadi penghubung yang baik dan maklumat yang hendak disampaikan dapat diterima pendengar dengan senang hati. Tambahan pula, dalam berkomunikasi pemahaman terhadap sesuatu maklumat sahaja belum mencukupi andai kata orang yang mendengar tidak berasa selesa.

Kesopanan berbahasa merujuk kepada penggunaan bahasa yang sopan, beradab dan penuh penghormatan semasa berhubung dengan orang lain. Kesopanan berbahasa merangkumi dimensi verbal dan bukan verbal. Kesopanan secara verbal merujuk kepada seseorang yang bijak menyusun kata-kata, pandai mengambil hati dan cakap berlapik ketika berkomunikasi. Kesopanan bukan verbal pula dipancarkan melalui bahasa badan yang menunjukkan gerak laku yang sopan sama ada dalam acara formal atau sebaliknya. Teo Kok Siong (2003) menyatakan bahawa kesantunan atau kesopanan berbahasa merujuk pada bentuk bahasa seperti kata, frasa/rangkai

kata, ayat atau penggunaan bahasa seperti cakap secara berkias atau berlapik yang memperlihatkan kesopanan terhadap orang yang diajak bercakap agar dianggap berbudi bahasa (p.15). Perkara ini mencitrakan kepentingan bahasa dan cara penggunaannya yang betul dan tepat dalam berkomunikasi sekali gus memperlihatkan tataadab dalam usaha mencapai matlamat komunikasi.

Sehubungan dengan itu, pertuturan yang dilafazkan ketika berkomunikasi haruslah berlandaskan pertimbangan yang wajar dan berhati-hati kerana kehalusan budi bicara memberikan cerminan terhadap keperibadian dan kehalusan budi seseorang tanpa mengira ceruk rantau seseorang berada. Indirawati Zahid (2005a) berpendapat bahawa kesopanan amat penting tidak kira di mana seseorang itu berada dan anggota masyarakat di dunia menganggap kesopanan yang diamalkan mencerminkan budaya sesuatu masyarakat (p.47). Sementara Tenas Effendy (2011) menyatakan bahawa budaya Melayu sangat menjunjung tinggi nilai kesopanan, yang menjadi asas kejatidirian Melayu yang terpuji. Ungkapan adat Melayu mengatakan *Berbuah kayu rendang daunnya, bertuah Melayu terbilang santunnya. Elok kayu kerana daunnya, elok Melayu kerana santunnya* (p.1). Pandangan-pandangan ini melantunkan makna yang mendalam bahawa budaya Melayu amat mengagumi seseorang yang memiliki perilaku yang sopan supaya dikatakan beradat dan beradab selain mencerminkan budaya unggul yang menjadi kebanggaan sesuatu bangsa yang bertamadun.

Asmah Omar (2002) turut memperkatakan hal yang berkaitan, iaitu penggunaan bahasa dalam kehidupan seharian mempunyai tujuan tertentu. Ada berbagai-bagai cara untuk mencapai tujuan itu, ada cara kasar, dan menekan perasaan, ada juga cara halus dan sopan yang kesannya pasti akan tercapai (p.10). Oleh itu, jelaslah bahawa

kesopanan amat signifikan dalam kehidupan dan harus disemai dalam kalangan generasi pewaris sejak dari zaman kanak-kanak sehinggalah dewasa seperti yang termaktub dalam ikrar Rukun Negara yang kelima, iaitu Kesopanan dan Kesusilaan.

Aspek kesopanan berbahasa bukan sahaja signifikan dalam penggunaan bahasa yang bersifat lisan semata-mata malahan memainkan peranan yang penting dalam penggunaan bahasa yang bersifat tulisan (Sara Beden & Indirawati Zahid 2014b, p.152). Oleh itu, sesebuah teks sastera harus memaparkan penggunaan bahasa yang sopan agar menjadi wadah yang berkesan untuk mendidik generasi muda dan sekaligus membudayakannya dalam kehidupan. Perkara ini relevan dengan pendapat Ani Omar (2014) yang menyatakan bahawa adalah tidak keterlaluan jika dikatakan karya sastera dapat memperbaiki kemahiran berbahasa dalam kalangan murid (p.3). Sesebuah karya sastera merupakan garapan pemikiran intelektual seseorang pengarang yang sudah tentu memiliki gaya penulisan yang tersendiri ketika memanipulasi kata, ungkapan dan ayat agar mesej dan unsur didaktik yang hendak disampaikan diterima khalayak. Lanjutan itu, karya sastera yang bermutu tidak akan meminggirkan aspek kesopanan berbahasa sebagaimana yang dimanifestasikan oleh dialog watak-watak dalam menghidupkan plot cerita. Oleh itu, langkah mengintegrasikan Komsas atau Komponen Sastera (Komsas) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada tahun 2000 merupakan suatu langkah yang sistematik dan konstruktif.

Sehubungan itu, kajian ini akan membincangkan aspek kesopanan berbahasa yang tercakup dalam bidang pragmatik dengan meneliti penggunaan bahasa yang sopan dalam bahan Komsas. Teks yang menjadi korpus kajian ialah novel *Melunas*

*Rindu (MR)* yang digunakan oleh para murid<sup>1</sup> sekolah menengah tingkatan empat di Zon 4 dengan berlandaskan model Kesopanan yang dibentuk hasil daripada kombinasi model Prinsip Kesopanan Leech (PS) yang diketengahkan pada tahun 1983 dan model Prinsip Kerjasama Grice (PK) yang diutarakan pada tahun 1975.

## **1.2 Komponen Sastera (Komsas) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu**

Bahasa Melayu menjadi subjek yang wajib dipelajari oleh murid-murid di semua sekolah rendah dan menengah di Malaysia dan merupakan mata pelajaran yang wajib lulus di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Sukatan pelajaran subjek Bahasa Melayu sekolah menengah digubal berdasarkan penggunaan bahasa yang merangkumi tiga bidang utama, iaitu bidang interpersonal, bidang maklumat dan bidang estetika. Bidang estetika merupakan salah satu bidang utama yang berhubung rapat dengan kebahasaan, kehalusan dan keindahan bahasa. Oleh itu, bahan kesusasteraan telah diintegrasikan dalam sukatan ini. Tujuannya adalah untuk menanam minat membaca dan menggalakkan penghayatan terhadap bahan sastera (Kementerian Pelajaran, 2003a).

Penggunaan karya sastera dalam subjek Bahasa Melayu bukanlah perkara baharu kerana bahan ini telah diserapkan dalam subjek ini dan dikenali dengan unsur sastera<sup>2</sup> sejak tahun 1978. Perkara ini terdapat dalam perancangan sukatan pelajaran Bahasa Melayu (Samad Buang, 2000). Walaupun unsur sastera telah dilaksanakan, namun kajian yang dijalankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) pada

---

<sup>1</sup> Pengkaji menggunakan istilah murid dalam kajian ini untuk merujuk kepada pelajar sekolah menengah berdasarkan istilah yang digunakan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu walaupun penggunaan murid biasanya dirujuk kepada seseorang yang belajar di sekolah rendah.

<sup>2</sup> Unsur sastera diserapkan dalam subjek Bahasa Melayu dengan kadar 5+1, iaitu 5 waktu untuk kemahiran bahasa dan 1 waktu untuk unsur sastera dan bahan yang digunakan tidak ditentukan teksnya. Setelah pengintegrasian Komsas kadar waktu menjadi 4+2, iaitu 4 waktu untuk kemahiran bahasa dan 2 waktu untuk kemahiran dan penghayatan sastera.



tahun 1995 dan 1998 mendapati pelaksanaannya kurang berkesan sementara soalan dalam peperiksaan pula lebih memberikan fokus terhadap pemahaman teks semata-mata dan kemahiran bahasa sebaliknya kurang memberikan penekanan terhadap kemahiran dan penghayatan sastera (Kamaruzaman Abdullah, 2000).

Bagi memperkasa bidang pendidikan, Kementerian Pendidikan telah membuat penyemakan kurikulum yang bertujuan memantapkan Akta Pendidikan dan menyediakan keperluan murid untuk menghadapi cabaran pendidikan menjelang abad ke-21 (Abdul Syukor Abdullah, 2000). Selain faktor perlaksanaan yang kurang berkesan, pengimplementasian Komsas ini juga bertitik tolak daripada isu pendidikan kesusasteraan yang dipolemikkan pada tahun 1999. Misran Rokimin (2000) mengatakan bahawa polemik ini berlaku ekoran daripada kebimbangan para cendekiawan terhadap pendidikan kesusasteraan yang dikatakan mengalami zaman gerhana (p.12). Lanjutan daripada itu, berlakunya perkembangan yang positif, iaitu pihak kerajaan telah menguatkuasakan perlaksanaan dan pengintegrasian bahan sastera dalam subjek Bahasa Melayu secara sistematik dan terancang pada tahun 2000.

Insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani yang menjadi hasrat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dipercayai akan dapat direalisasikan melalui pendidikan bahasa dan kesusasteraan. Menyedari hakikat ini, Kementerian Pendidikan Malaysia mewajibkan semua murid sekolah menengah mempelajari kesusasteraan yang diintegrasikan dalam subjek Bahasa Melayu dengan nama Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Komsas diintegrasikan dalam subjek Bahasa Melayu pada tahun 2000 dan dilaksanakan secara berperingkat dari Tingkatan Satu sehingga Tingkatan Tiga dan Tingkatan Empat sehingga Tingkatan

Lima (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003b).

Komsas merangkumi genre sastera yang berbentuk novel, drama, cerpen, sajak, prosa klasik, dan puisi tradisional seperti pantun, syair, gurindam dan seloka. Teks-teks yang digunakan telah ditetapkan untuk setiap tingkatan. Teks dan antologi yang digunakan oleh para murid sekolah menengah tingkatan empat setelah penukaran kepada teks baharu mulai tahun 2010 terdapat dalam Jadual 1.1 dan 1.2 yang berikut:

**Jadual 1.1:** Antologi Tingkatan Empat (Mulai 2010)

Antologi	Genre	Judul
<i>Antologi Harga Remaja</i>	Cerpen	1.Ibu dan Ceper (Shahnon Ahmad) 2.Memori Seorang Tua (Zahari Affandi) 3.Israk (Erda Roslan Khairi) 4.Pemain Catur (Zaharah Nawawi) 5.Mellisa (Abdullah Hussain) 5.Biarkan Samudera (Raihanah Salleh)
	Drama	1.Gelanggang Tok Wali (Ismail Kassan) 2.Forum Remaja 2020 (Sharif Shaari) 3.Cempaka Berdarah (A. Rahim Abdullah)
	Prosa Tradisional	1.Pelayaran yang Penuh Peristiwa 2.Merah Silu 3.Hikayat Indera Nata 4.Hikayat Khoja Maimun
	Sajak/Puisi Moden	1.Harga Remaja (Rahman Shaari) 2.Di Perpustakaan (Shafie Abu Bakar) 3.Mengintai Ruang Insaf (Shukri Abdullah) 4.Adat Sezaman (Wan Nazihah Wan Abdullah) 5.Mahsuri (Zurinah Hassan) 6.Tiba Waktunya (Ghazali Lateh)
	Puisi Tradisional	1.Pantun Empat Kerat (Budi) 2.Pantun Empat Kerat (Jenaka dan Sindiran) 3.Syair Definisi Orang Berakal 4.Syair Siti Sianah 5.Gurindam 12 Fasal Keenam 6.Seloka Mak Sirandang

**Jadual 1.2:** Novel Tingkatan Empat (Mulai 2010)

Genre Novel	Zon
<i>Azfa Hanani</i> karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah	Zon 1: Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak
<i>Papa ... (Akhirnya Kau Tewas Jua)</i> Karya Deana Yusof	Zon 2 : Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya

**Jadual 1.2, sambungan**

<b>Genre Novel</b>	<b>Zon</b>
<i>Renyah</i> karya Gunawan Mahmood	Zon 3 :Melaka, Pahang, Terengganu dan Kelantan
<i>Melunas Rindu</i> karya Hartini Hamzah	Zon 4 : Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan

Jadual 1.1 dan Jadual 1.2 merupakan antologi dan novel yang digunakan mulai tahun 2010 khasnya bagi para murid tingkatan empat<sup>3</sup>. Semua murid tingkatan empat di seluruh Malaysia mengkaji antologi yang sama kecuali genre novel. Setiap Zon menggunakan novel yang berbeza dan para murid menjawab soalan berdasarkan novel yang dipelajari di Zon masing-masing. Para murid tingkatan lima<sup>4</sup> pula menggunakan antologi dan novel seperti dalam Jadual 1.3 dan 1.4 berikut:

**Jadual 1.3: Antologi Tingkatan Lima (Mulai 2010)**

<b>Antologi</b>	<b>Genre</b>	<b>Judul</b>
<i>Antologi Dirgahayu Bahasaku</i>	Cerpen	1.Pahlawan Buntung (S.Othman Kelantan) 2.Pungut Alias Zhara Alias Yap Siew Hong (Mohamed Latiff Mohamed) 3.Idola (Zaen Kasturi) 4.Penanggungan (Wijaya Mala) 5.Hutan Rimba (Sasjira) 5.Tanggar Amanat (Amaruszati Noor Rahim)
	Drama	1.Tiang Cengal Dinding Sayong (Suriani Mohd. Yusof) 2.1400 (Noordin Hassan) 3.Dato'Onn (Othman Haji Zainuddin)
	Prosa Tradisional	1.Hikayat Langlang Buana 2.Hikayat Siak 3.Dua Geliga Hikmat 4.Hikayat Opu Daeng Menambun

<sup>3</sup> Sekolah di Zon 4 khususnya murid tingkatan empat menggunakan novel *Terminal Tiga* karya Othman Puteh (2000-2009) dan mulai tahun 2010, novel ini digantikan dengan novel *Melunas Rindu*. Sementara antologi pula ialah *Antologi Anak Laut* (2000-2009) yang digantikan dengan *Antologi Harga Remaja*.

<sup>4</sup> Sekolah di Zon 4 khususnya murid tingkatan lima menggunakan novel *Seteguh Karang* karya Tuan Syed Faridah (2000-2009) dan mulai 2010 novel ini digantikan dengan novel *Kabus di Perbukitan*. Sementara antologi pula ialah *Antologi Kerusi* (2000-2009) yang digantikan dengan *Antologi Dirgahayu Bahasaku*.

**Jadual 1.3, sambungan**

Antologi	Genre	Judul
<i>Antologi Dirgahayu Bahasaku</i>	Sajak	1. Dirgahayu Bahasaku (Ahmad Sarju) 2. Kecek (Awang Abdullah) 3. Bangkitlah (Rejab F.I.) 4. Pasar Perasaan (T. Alias Taib) 5. Di Bawah Langit Yang Sama (Lim Swee Tin) 6. Arkitek Kota (Muhammad Haji Salleh)
	Puisi Tradisional	1. Pantun Enam Kerat 2. Pantun Lapan Kerat 3. Syair Makna Riak 4. Syair Pemberontakan Patani 5. Gurindam Tonggak Dua Belas 6. Seloka Si Lunchai

**Jadual 1.4: Novel Tingkatan Lima (Mulai 2010)**

Genre Novel	Zon
<i>Kembara Amira</i> karya Amer Hmzah L.Kadir	Zon 1: Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak
<i>Konserto Terakhir</i> karya Abdullah Hussein	Zon 2 : Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya
<i>Sutera dalam Lukisan</i> karya Abdul Talib Hassan	Zon 3 :Melaka, Pahang, Terengganu dan Kelantan
<i>Kabus di Perbukitan</i> karya Mohamad Kholid Hamzah	Zon 4 : Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan

Sesebuah karya sastera yang dipilih untuk bacaan dan kajian serta penghayatan para murid sudah tentu memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh PPK sejak bermulanya penyerapan teks Komsas secara terancang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada tahun 2000. Langkah ini diambil setelah mengkaji kandungan dalam sesebuah karya sastera yang sudah tentu mengandungi nilai-nilai murni sebagai wadah untuk mentarbiah dan menyemai unsur-unsur yang membina sama ada dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek seperti yang tercakup dalam FPK<sup>5</sup>.

<sup>5</sup> Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dinyatakan dengan jelas bahawa matlamat pendidikan negara adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Kementerian Pelajaran Malaysia, p.iii)

Sistem pendidikan menerusi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dan pengintegrasian Komsas akan dapat menerapkan kesopanan berbahasa dan penyemaian nilai-nilai kemanusiaan dalam jiwa murid (Nor Azian, 2005). Whitehead (1968) pula menegaskan bahawa sastera mengizinkan seseorang itu menjadi lebih peka, lebih prihatin terhadap pengolahan bahasa di samping membantunya menghayati pengalaman dan pemikiran dengan menggunakan kata-kata yang indah. Pandangan-pandangan tersebut menggambarkan bahan sastera amat signifikan dalam memberikan pendedahan tentang penggunaan dan pemilihan kata yang sesuai dalam berkomunikasi demi memperlihatkan kesopanan. Seseorang yang menjaga tutur kata serta sikap dan berperilaku sopan dapat mengelakkan konflik dan perasaan tersinggung atau tergores lawan tuturnya sehingga semua pihak bebas daripada konflik. Perkara ini turut memmanifestasikan kesopanan berbahasa dalam kehidupan seharian perlu diberi perhatian sewajarnya agar dapat mengharmoniskan hubungan antara satu sama lain.

Sawyer & Corner (1995) menegaskan bahawa penggunaan dan penghayatan teks sastera mampu membina sikap yang positif dalam usaha membantu murid bersikap toleransi, menghormati orang lain dan membina peribadi yang baik. Pandangan ini mencerminkan keupayaan karya sastera dalam membantu membentuk generasi yang berakhlak dan bermoral sebagai cerminan masyarakat yang berbudi pekerti dan berbudi bahasa. Senario ini juga amat signifikan dengan gagasan murni untuk memperkasa modal insan sejajar dengan hasrat murni dalam FPK. Inisiatif mengintegrasikan Komsas dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa Melayu memperlihatkan tindakan yang wajar dan signifikan.

Integrasi teks sastra dalam P&P mata pelajaran Bahasa Melayu berpotensi besar untuk menjadikan sukatan pelajaran Bahasa Melayu lebih bermutu dan mantap selain memberikan manfaat kepada para murid. Hal ini disebabkan peranan bahasa dan sastra yang amat erat. Awang Sariyan (2006) menjelaskan bahawa kebitaraan bahasa Melayu pada abad ke-16 dan ke-17, telah mencapai taraf bahasa antarabangsa, terutama dengan kedudukannya sebagai bahasa diplomatik, *lingua franca*, bahasa perdagangan sedunia, bahasa penyebaran agama besar di dunia dan bahasa sastra (p.11). Oleh itu, pandangan ini suatu representasi bahawa bahasa dan sastra tidak boleh dipisahkan dan pengintegrasian dalam subjek Bahasa Melayu memantapkan P&P Bahasa Melayu.

Kewajaran memasukkan unsur Komsas juga dapat dilihat berdasarkan kekuatan bahan ini dalam memotivasikan murid untuk belajar melalui bahan-bahan yang dibaca. Dalam hal ini, bahan yang dibaca atau yang didengar akan menyalurkan pemikiran positif, kreatif, dan kritis dalam proses pendidikan seumur hidup. Bahan-bahan Komsas akan dapat menarik perhatian murid untuk menghayati karya sastra yang kaya dengan pelbagai mesej dan nilai-nilai murni. Zul Fikri Zamir Mohamad Munir (2012) memberikan pandangan bahawa penyerapan teks sastra ke dalam sistem pendidikan negara ialah contoh strategi bijak kerajaan terutamanya bagi memenuhi matlamat FPK yang menekankan pengembangan potensi individu secara seimbang dan harmonis (p.31). Perkara ini bertujuan untuk melahirkan individu yang menyeluruh dan bersepadu (PPK, 2001). Inti pati falsafah ini memberikan fokus terhadap pengembangan potensi murid yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek dengan mengisi jiwa generasi muda negara dengan kehalusan budi dan kemanusiaan yang terdapat dalam teks sastra di negara kita. Perkara ini mencerminkan bahawa pengintegrasian ini akan dapat membantu dalam melahirkan

generasi yang bersikap positif, bijak mengawal diri dalam berkomunikasi dan mampu membina peribadi yang mulia melalui apresiasi terhadap teks-teks sastra yang dibaca. Dalam prakata *Antologi Harga Remaja* (2009) ditegaskan bahawa karya sastra yang terpilih mampu menjadikan murid seorang insan yang berfikir tentang kebaikan, kebenaran, kehalusan budi, kesantunan bahasa, kecekalan hati, menghargai kehidupan dan kemanusiaan (p.iii).

Teo Kok Seong (2010) pula memperkatakan soal keistimewaaan bidang sastra yang boleh dipaparkan dalam pelbagai bentuk dan laras bahasa. Segala macam bahasa termasuklah yang sopan, kasar, kesat, dialek, bahasa pasar dan slanga boleh wujud dalam karya sastra. Bentuk dan laras ini pula diperlihatkan dalam bentuk dialog dan monolog dengan pelbagai tujuan misalnya untuk menimbulkan kesan dramatik. Beliau turut memperkatakan penggunaan bentuk-bentuk bahasa yang sopan bagi menimbulkan sifat kehemahan dan kesopanan pada watak yang melafazkannya. Seajar dengan pandangan ini dapat diperjelas bahawa sesebuah karya sastra mementingkan pertuturan secara bersopan ketika watak berdialog di samping mendedahkan penggunaan bahasa yang berlapik. Para murid akan terdedah dengan penggunaan bahasa yang digunakan oleh watak yang memiliki ciri-ciri kesopanan seperti berbudi bahasa, lemah lembut, sopan, mengambil kira lingkungan di sekelilingnya selain mempamerkan kearifan dan kebijaksanaan dalam berkomunikasi. Penggunaan teks sastra dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dapat memberikan pendedahan tentang aspek kesopanan berbahasa dan meningkatkan kepekaan dalam berkomunikasi.

Kompetensi murid berinteraksi sama ada secara lisan atau tulisan turut memanifestasikan kesopanan bahasa mereka. Lanjutan daripada itu, integrasi bahan sastra dalam subjek Bahasa Melayu menjadikan P&P Bahasa Melayu lebih

memberangsangkan minat para murid. Hal ini demikian kerana penggunaan bahan sastera dapat membantu para murid mempertajamkan minda selain meningkatkan kepekaan mereka dalam komunikasi. Perkara ini ada dinyatakan oleh Nik Safiah Karim (1985), iaitu bahan-bahan sastera didapati amat sesuai untuk tujuan pemupukan kemahiran mendengar, membaca dan menulis. Sesuai dengan fokus Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu kepentingan aspek kesopanan berbahasa diberi penekanan dalam sukatan pelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah. Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Satu menggariskan aktiviti-aktiviti kebahasaan<sup>6</sup> yang menjurus pada aspek kesantunan atau kesopanan berbahasa. Aktiviti-aktiviti kebahasaan ini menyentuh tentang penggunaan kata dan ungkapan yang sesuai untuk berkomunikasi, menekankan aspek kemesraan dan kesopanan tanpa mengesampingkan penggunaan kata panggilan yang sesuai. Indirawati Zahid (2012) berpendapat bahawa kesantunan merupakan kemahiran yang perlu dipelajari dan diperolehi daripada satu proses pembelajaran, sama ada pembelajaran pasif (pemerhatian) atau aktif dengan diberi tunjuk ajar oleh orang-orang tertentu (p.175). Pandangan ini sejajar dengan aktiviti-aktiviti kebahasaan yang perlu diberi penekanan dalam P&P agar para murid mendapat pendedahan tentang penggunaan bahasa yang sopan sama ada secara formal dalam bilik darjah atau tidak formal dan sekali gus membudayakannya dalam kehidupan.

Menurut Musa Daia (1993) FPK merumuskan matlamat pendidikan negara sebagai usaha untuk melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik, seimbang dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (p.37). Justeru,

---

<sup>6</sup> Misalnya, 1.1 Aras 1 (i) Berbual dengan keluarga menggunakan sebutan, intonasi, kata dan ungkapan yang sesuai dan mengemukakan idea yang relevan dengan topik. 1.1 Aras 1 (ii) Memperkenalkan diri kepada seseorang dan memperkenalkan seseorang kepada ahli yang lain dengan mesra dan santun. 1.1 Aras (iii) Memahami dan menentukan gelaran atau panggilan yang sesuai (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003, p.1).



penekanan wajar diberikan dalam sistem pendidikan negara agar hasrat murni tersebut dapat dicapai dan salah satu platformnya adalah melalui bahan sastra dalam subjek Bahasa Melayu. Hal ini turut sejajar dengan pandangan Sara Beden dan Indirawati Zahid (2014a) yang berpendapat bahawa karya sastra berupaya membentuk generasi yang berakhlak dan bermoral sebagai cerminan masyarakat yang berbudi pekerti dan relevan dengan gagasan murni untuk memperkasa modal insan sejajar dengan hasrat murni dalam FPK (p.238). Perkara ini bertepatan dengan aspirasi dan hasrat murni FPK, iaitu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis (PPK, 2001). Oleh itu, kajian ini akan membincangkan kesopanan berbahasa berdasarkan dialog antara watak dalam peristiwa bahasa *MR*, iaitu salah sebuah novel yang telah dipilih sebagai teks Komsas di sekolah menengah di Zon 4.

### **1.3 Sorotan Kajian**

Kajian tentang kesopanan berbahasa sudah mendapat tempat dalam kalangan pengkaji sejak dahulu sama ada di luar mahupun di dalam negara. Di Barat, kajian-kajian ini dapat diteliti berdasarkan kajian Goffman (1955 dan 1967), Ervin Trip (1972), Grice (1975), Lakoff (1975), Leech (1983), Brown dan Levinson (B & L) (1978 & 1987) dan Fraser (1990). Sarjana-sarjana Barat ini telah mengemukakan konsep, peraturan, prinsip, strategi dan kontrak yang perlu dipatuhi dalam berkomunikasi bagi mewujudkan kesopanan. Kajian ini turut berkembang di Asia dan muncul pengkaji antaranya Ide Sachiko (1982) dan Matsumoto (1988), Yuego Gu (1990), Mao (1994), Khaidi Zhan (1992), Choi (1978), Kummer (1992) dan Scupin (1998).

Lanjutan daripada itu, kajian kesopanan bahasa turut mendapat perhatian sarjana-sarjana tempatan. Antaranya, Asmah Omar (1996 & 2000), Noriati A.Rashid (2003)

dan Awang Sariyan (2007). Kesenambungannya, kajian kesopanan turut dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji tempatan dalam pelbagai bidang termasuklah bidang sastera, iaitu bahan Komsas. Bagi memudahkan proses membuat ulasan, kajian-kajian yang berkaitan dikategorikan kepada sorotan kajian di luar negara dan sorotan kajian di dalam negara.

### 1.3.1 Sorotan Kajian Luar Negara

Goffman (1955) telah mengusulkan konsep *On Face Work*. Dalam konsep ini Goffman memberi tumpuan terhadap perlakuan dan pembawaan diri yang dihubungkan dengan konsep *muka*. Kajian Goffman ini merupakan perintis terhadap kajian kesopanan bahasa di Barat. Seterusnya, dalam mengembangkan konsep ini beliau mendefinisikan muka atau *face* sebagai :

*... as the positive social value a person effectively claims for himself by the line others assumes he has taken during a particular contact. Face is an image of self delineated in terms of approved social attributes-albeit an image that others may share, as when a person makes a good showing for his profession or religion by making a good showing for himself (Goffman 1967, p.5).*

Pemahaman terhadap konsep muka ini sangat penting dalam memelihara keharmonian sosial dan keperibadian. *Face* dapat dikonsepsikan sebagai kehormatan, harga diri dan imej atau citra diri di hadapan khalayak. Konsep *muka* juga merupakan satu imej yang dikongsi apabila seseorang mempamerkan kehebatan profesion atau agama. Konsep ini menyarankan apabila seseorang tidak bermaksud untuk melakukan tindakan yang boleh mengancam muka lawan tuturnya dan masih mengekalkan kesopanan, maka dia harus menggunakan strategi mengelak daripada tindakan yang boleh mengancam muka lawan tuturnya.

Pada tahun 1972 muncul Ervin Tripp melalui penulisannya yang bertajuk

*Sociolinguistics Rules and Address*. Beliau mengusulkan komponen interaksi bersemuka yang berhubung kait dengan peserta, suasana, fungsi interaksi, tajuk, pesanan dan saluran. Walau bagaimanapun, dalam membincangkan aspek kesopanan berbahasa dalam berkomunikasi kita tidak boleh menyampingkan teori Etnografi Komunikasi yang diketengahkan oleh Dell Hymes (1977) dalam buku yang bertajuk *Foundations in Sociolinguistics : An Ethnographic Approach*. Hymes merupakan perintis atau pencetus yang telah membincangkan norma-norma perlakuan pertuturan dalam pelbagai komuniti dan melancarkan satu disiplin baharu yang memberi tumpuan terhadap pola perlakuan komunikasi sebagai salah satu daripada sistem kebudayaan. Pola-pola ini berlaku dalam proses komunikasi sama ada dalam masyarakat, kumpulan atau individu. Hymes (1977) telah membincangkan 16 komponen komunikasi yang perlu diberi perhatian dalam meneliti dan mengendali peristiwa komunikasi. Antaranya bentuk mesej, kandungan mesej, latar, tujuan, genre, peserta, topik dan norma-norma interpretasi. Ringkasnya, Hymes memberi panduan tentang norma-norma perlakuan dalam peristiwa bahasa. Pandangan Hymes (1974), iaitu *who speaks what to whom, where, why, dan how* dalam berkomunikasi telah mendapat perhatian Asmah Omar (1996) apabila beliau menerapkan pandangan ini dalam model kesopanan beliau, iaitu Kesopanan Asas dan Kesopanan Berkendala.

Grice (1975) pula telah memberikan sumbangan dalam bidang kesopanan apabila menulis *Logic and Conversation* pada tahun 1975. Grice telah mengemukakan Prinsip Kerjasama (PK) untuk memperlihatkan pertalian antara maksud dengan kuasa. Prinsip yang dikemukakan oleh Grice memerlukan penutur mematuhi maksim-maksim perbualan untuk menghasilkan satu komunikasi yang berkesan apabila wujudnya kerjasama antara kedua-dua belah pihak dalam sesuatu peristiwa bahasa. Grice telah mengetengahkan empat maksim perbualan dalam PK, iaitu

Maksim Kuantiti, Maksim Kualiti, Maksim Relevan dan Maksim Cara. Maksim-maksim ini perlu dipatuhi penutur dan pendengar sebagai panduan agar wujudnya kerjasama bagi menjamin keberkesanan dan kelancaran komunikasi.

Seterusnya, muncul Lakoff (1975) dalam penulisannya yang bertajuk *Forms of Politeness* yang dimuatkan dalam bukunya *Language and Woman's Place* dengan mengusulkan tiga peraturan bagi mewujudkan kesopanan dalam perbualan. Peraturan-peraturan tersebut ialah (i) Kekalkan Jarak, (ii) Berikan Pilihan dan (iii) Ekspresikan Simpati atau Jadikan Pendengar Selesa (p.64). Ketiga-tiga peraturan ini digunakan dalam perbualan dan berfungsi untuk memberikan keselesaan kepada pendengar agar tidak berasa terbeban sebaliknya berasa lebih selesa.

Bidang pragmatik memperlihatkan perkembangannya pada era 1980-an dengan munculnya Leech (1983) yang telah mengetengahkan Prinsip Kesopanan (PS) dalam bukunya *Principle of Pragmatic*. Prinsip yang dikemukakan oleh Leech ini menekankan manfaat kepada pendengar. Prinsip Kesopanan ini lahir hasil daripada kekurangan-kekurangan yang terdapat dalam Prinsip Kerjasama Grice (1975). Beliau telah menambah baik model Grice dengan mengemukakan enam maksim, iaitu Maksim Kebijaksanaan, Maksim Kedermawanan, Maksim Sokongan, Maksim Kerendahan Hati, Maksim Persetujuan dan Maksim Simpati yang perlu dipatuhi oleh penutur bagi mewujudkan kesopanan dalam berkomunikasi. Maksim-maksim yang diketengahkan oleh Leech memberikan keselesaan kepada pendengar dan menuntut penutur agar sentiasa berhati-hati dalam berkomunikasi bagi mengelak pendengar menanggung kos. Maksim-maksim Leech tergolong dalam empat skala, iaitu skala kos manfaat, skala pujian cacian, skala persetujuan dan skala simpati.

Bidang pragmatik semakin menyerlah dan berkembang di Barat sehingga

memungkinkan kemunculan sarjana seperti B & L (1978 & 1987) yang telah mengemukakan konsep muka positif dan konsep muka negatif sebagai asas strategi kesopanan yang berhubungan dengan konsep “muka” dengan strategi mengelak tindakan ancaman muka (*Face Threatening Act*). Strategi yang dikemukakan oleh B&L ini terbahagi kepada dua, iaitu Melakukan Tindakan Ancaman Muka yang terbahagi kepada Berekod dan Tanpa Rekod. Strategi Berekod terbahagi pula kepada Tanpa Penyesuaian dan dengan Penyesuaian. Strategi dengan Penyesuaian terbahagi kepada Kesantunan Positif dan Kesantunan Negatif. Strategi yang kedua ialah Tidak Melakukan Tindakan Ancaman Muka (TAM). Strategi-strategi ini menjadi kayu ukur untuk mencapai tujuan dan keinginan dalam berkomunikasi.

Fraser (1990) mengetengahkan ‘Kontrak Perbualan’ antara penutur dan pendengar. Berdasarkan kontrak ini, penutur dan pendengar yang terlibat dalam sesuatu sesi perbualan memahami hak dan tanggungjawab yang menentukan batas-batas perbualan. Oleh itu, semacam wujud persetujuan antara pihak yang terlibat dalam perbualan namun bergantung kepada pihak baharu yang menyertai sesi perbualan. ‘Kontrak Perbualan’ Fraser berlandaskan dua rumus, iaitu rumus umum dan rumus khusus. Rumus umum berhubung dengan peraturan-peraturan seperti giliran, strategi, pilihan bahasa, gaya dan maklum balas sementara rumus khusus pula berhubung dengan peranan, status, tempat, saluran dan maklumat dalam perbualan. Dapat dijelaskan bahawa Fraser menekankan kesopanan bahasa yang wujud melalui komunikasi bersemuka yang melibatkan pernyertaan individu yang mengambil bahagian dalam interaksi.

Kajian kesopanan bukan sahaja berkembang di Amerika dan Eropah, malahan telah mendapat perhatian dalam kalangan penulis Asia seperti Jepun dan China.

Perkembangan dan kewujudan model-model kesopanan di Barat telah mendorong kemunculan pengkaji-pengkaji di Asia untuk membuat penyelidikan tentang aspek kesopanan. Berdasarkan kajian Noriati A. Rashid (2003), didapati konsep *muka* orang China mula ditulis sejak tahun 1944 dan 1962 yang kemudiannya terus mendapat perhatian berdasarkan hasil kajian Gu (1990), Khaidi Zhan (1992) dan Mao (1994). Sementara penulisan tentang kesopanan masyarakat Korea telah dilakukan oleh pengkaji seperti Choi (1978) dan Cho pada tahun 1983. Di Jepun, perkara ini telah diberi perhatian oleh Ide (1982) dan Matsumoto (1988) manakala aspek kesopanan di Thai telah diteliti oleh Kummer (1992) dan Scupin (1998). Walau bagaimanapun, pengkaji akan memberikan perhatian terhadap kajian kesopanan di China, Jepun dan sedikit ulasan tentang kesopanan di Thai sebagaimana yang diteliti oleh Kummer (1992) dan Scupin (1998) sekadar untuk memperlihatkan perkembangannya.

Ide Sachiko (1982) dalam *Jurnal Lingua*, mengkaji kesopanan berbahasa dalam masyarakat Jepun dalam kajiannya yang bertajuk *Japanese Sociolinguistic Politeness and Womens Language*. Kesopanan berbahasa di Jepun memberikan penekanan terhadap bentuk panggilan dan gelaran hormat atau bahasa yang honorifik bagi menggambarkan kesopanan dan kerendahan hati. Menurut Ide (1982), bentuk-bentuk hormat yang digunakan oleh masyarakat Jepun termasuklah gelaran atau panggilan peribadi dan gelaran profesional yang mempunyai tatatingkat seperti *syat yoo* (presiden syarikat), *senmu* (pengarah eksekutif syarikat), *butyoo* (ketua bahagian syarikat) dan *katyoo* (ketua jabatan syarikat). Masyarakat Jepun mempunyai peraturan sosial dalam memanifestasikan kesopanan, iaitu tertakluk kepada empat elemen yang mencakupi kedudukan sosial, kuasa, umur, dan situasi formal. Setiap orang perlu menghormati golongan yang berkedudukan tinggi seperti profesor

(*kyoozyu*) dan doktor. Golongan yang ada kuasa seperti polis, dan doktor termasuklah pengguna yang ada kuasa membeli perlu dihormati. Selain itu, dalam masyarakat Jepun, golongan yang lebih tua dan berumur juga harus diutamakan kerana sangat penting dalam membuat keputusan.

Berdasarkan penelitian terhadap kesopanan dalam kalangan wanita Jepun, Ide mendapati wanita Jepun lebih sopan dibandingkan dengan lelaki Jepun. Ide (1982) mendapati terdapat empat faktor yang mempengaruhi kesopanan dalam kalangan wanita Jepun. Pertama, wanita menunjukkan kekerapan penggunaan bentuk hormat yang lebih tinggi daripada lelaki. Faktor kedua adalah disebabkan penggunaan kekerapan bentuk formal yang tinggi dalam berkomunikasi walaupun mereka berstatus rendah. Faktor yang ketiga disebabkan wanita Jepun tidak menggunakan bahasa yang kesat dalam percakapan dibandingkan dengan golongan lelaki yang suka menggunakan kata kesat seperti *shit* atau *damn*. Faktor yang keempat pula disebabkan wanita lebih suka menggunakan bahasa dan nada yang lebih lembut dalam berkomunikasi. Ringkasnya, bentuk hormat honorifik merupakan penanda kesopanan yang amat signifikan dalam kalangan masyarakat Jepun.

Pengkaji di Asia juga membuat penilaian dan penyelidikan dengan menggunakan teori Barat untuk mengkaji aspek kesopanan. Matsumoto (1988) dalam membuat penilaian semula terhadap model B&L dan telah mendapati bahawa konsep “muka” yang diusulkan B&L tidak sesuai untuk mengkaji kesopanan dalam masyarakat Jepun kerana perbezaan pengertian tentang konsep “muka”. Seterusnya, Matsumoto menegaskan bahawa *The Japanese concepts of face, then are qualitatively different from those defined as universals by Brown and Levinson* (p.405). Matsumoto mendedahkan perbezaan konsep “muka” yang dikatakan bersifat sejagat oleh B & L.

Masyarakat Jepun dikatakan memiliki ciri-ciri bahasa yang unik dan mereka menggunakan bahasa yang bersesuaian dengan status lawan tutur. Matsumoto (1988) mengemukakan contoh sapaan yang berbeza berdasarkan kedudukan orang yang disapa atau menjadi lawan tutur, iaitu menggunakan bentuk honorifik bagi menyapa seseorang mengikut kesesuaian (p.415). Dapatan ini selari dengan hasil penyelidikan Ide Sachiko (1982), iaitu masyarakat Jepun lebih cenderung menggunakan bahasa hormat honorifik. Ringkasnya, masyarakat Jepun sangat menitikberatkan penggunaan bahasa yang sopan dan halus dan mengambil kira faktor status dan kedudukan seseorang ketika berkomunikasi dengan lawan tuturnya.

Yueguo Gu (1990) dalam *Jurnal of Pragmatics* telah membuat kajian yang bertajuk *Politeness Phenomena in Modern Chinese*. Gu mendapati kerangka B & L tidak sesuai untuk mengkaji kesopanan bahasa dalam masyarakat China. Gu (1990) menyatakan:

*Brown and Levinson model is not suitable for Chinese data on the following accounts. First, the Chinese notions of negative face seems to differ from that defined by Brown and Levinson. For example, offering, inviting, and promising in Chinese, underordinary circumstance, will not considered as threatening. Second, in interaction politeness is not just instrumental. It is also normative (p.242-243).*

Gu (1990) menyimpulkan bahawa *Politeness is a phenomenon belonging to the level of society*. Dapatan Gu ini selari dengan hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Mao (1994) tentang model B&L yang tidak sesuai untuk mengkaji kesopanan masyarakat China. Pengkaji-pengkaji ini mendapati konsep “muka” bukan hak individu tetapi kepunyaan kumpulan sosial atau masyarakat dan berbeza mengikut sistem nilai dan norma dalam sesebuah masyarakat. Mao (1994) mendapati kesopanan dalam masyarakat China sentiasa berubah dan model B&L hanya sesuai untuk masyarakat Barat berdasarkan perbezaan tafsiran konsep “muka” dan budaya.



Noriati A. Rashid (2013) mengatakan bahawa konsep “muka” dalam masyarakat China dinamakan *mianzi* dan *lian*. *Mianzi* bermaksud reputasi atau darjat yang diperolehi seseorang dalam hidupnya manakala *lian* bermaksud penghormatan yang diperolehi oleh seseorang kerana perlakuannya yang baik (p.4). Konsep *mianzi* dan *lian* ini turut didiskusikan oleh Agung Pramujiono (2012) dalam makalah yang bertajuk *Dari Mianzi dan Lian Menuju Face: Dari kearifan lokal Cina menuju Teori Kesantunan yang mendunia* dalam *Jurnal Lingua Cultura* ketika membahaskan model B&L telah mengatakan bahawa model ini paling berpengaruh dan mendunia (p.205). Berdasarkan penelitiannya, teori ini berasal daripada kearifan lokal Timur (Cina Klasik), yaitu *mianzi* dan *lian*. *Mianzi* merepresentasikan persepsi sosial tentang harga diri seseorang yang dibentuk melalui *lian* yang merepresentasikan moral seseorang.

Khaidi Zhan (1992) dalam Noriati A. Rashid (2003) turut mengkaji kesopanan dalam masyarakat China selain Gu (1990) dan Mao (1994). Khaidi bersetuju bahawa model B&L bersifat universal, namun terdapat perbezaan strategi mengikut masyarakat dan budaya. Khaidi Zhan mendapati bahawa amalan tradisional menerusi ajaran Confucius telah mempengaruhi strategi kesopanan orang China. Masyarakat China sangat menyanjung tinggi sistem *kinship* sehingga wujudnya unsur panggilan atau gelaran yang sangat halus.

Berdasarkan penyelidikan Noriati A. Rashid (2003), kesopanan di Thai pula telah diberi perhatian oleh Kummer (1992) dan Scupin (1998). Dapat disimpulkan bahawa kedua-dua pengkaji mendapati bahawa masyarakat Thai mengamalkan penggunaan bahasa yang berbeza mengikut status, keturunan, kedudukan, pendidikan, pekerjaan, dan jantina. Kesopanan berbahasa masyarakat Thai turut dipengaruhi ajaran Buddha

yang menitikberatkan kehalusan dan kesopanan sama ada dalam berkomunikasi mahupun perlakuan. Walau bagaimanapun, masyarakat Thai yang beragama Islam sebagai golongan minoriti mengamalkan strategi kesopanan berasaskan *sakdinaa* (berstrata seperti sistem kasta masyarakat Hindu) ketika berhubung dengan masyarakat Thai yang beragama Buddha. Masyarakat Thai yang beragama Islam menggunakan strategi kesopanan dengan memberikan salam ketika berhubung dengan rakan sesama Islam. Ringkasnya, masyarakat Thai amat memberatkan aspek kesopanan dalam komunikasi yang berlangsung sebagai tanda penghormatan terhadap pihak yang dilawan bicara sehingga wujudnya penggunaan bahasa halus dan sopan. Ternyata, masyarakat Thai amat mementingkan status dan kedudukan berdasarkan sistem dan hierarki sosial yang melatari masyarakatnya.

Kajian Boonjeera Chiravate (2011) yang bertajuk *Perception of politeness in English requests by Thai EFL Learners* telah mengesan sejauh mana perbezaan penggunaan strategi kesopanan antara pelajar Thai *EFL* dan penutur natif bahasa Inggeris. Kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan yang ketara antara kedua-dua sampel kajian dari segi penggunaan strategi kesopanan. Penutur natif didapati menggunakan strategi kesopanan yang lebih ketara dibandingkan dengan pelajar Thai *EFL*. Dapatan ini memperlihatkan bahawa unsur budaya, nilai dan norma kehidupan bermasyarakat amat sehati dengan kehidupan penutur natif sehingga mempengaruhi kesopanan berbahasa mereka dengan signifikan. Oleh itu, penggunaan strategi kesopanan dalam kalangan mereka lebih menyerlah.

Sementara sarjana Indonesia, iaitu Tenas Effendi (2011) dalam bukunya *Kesantunan dan Semangat Melayu* memperincikan keberkaitan kearifan dan kebijaksanaan dalam mengemukakan tutur kata agar dapat menzahirkan kesopanan.

Tenas memperincikan kesopanan secara menyeluruh yang menyentuh segenap ciri kehidupan orang Melayu. Kesopanan menjadi ukuran dalam pergaulan seharian tanpa mengira pangkat atau status seseorang. Kesopanan dalam budaya Melayu merupakan kesopanan yang memancarkan nilai-nilai asas adat dan budaya Melayu yang berlandaskan ajaran Islam. Kesopanan yang digariskan beliau meliputi ciri sopan dalam memberikan nasihat, berpesan, membuat teguran, menyanggah pendapat, menjemput, menyuruh, mengingatkan, memberikan pendapat, memberikan saranan, berunding, bermusyawarah termasuklah pantang larang dalam berbicara. Semua ciri ini harus disampaikan dengan cara yang berhemah dan arif agar dapat memperlihatkan hati budi si penutur. Lanjutan itu, kesopanan akan mewujudkan hubungan yang harmonis khususnya dalam hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

Qaisar Khan dan Faraz Ali (2012) dalam kajian yang bertajuk *Nunnery Scene: A Pragmatic Analysis of Hamlet-Ophelia Encounter* mengaplikasikan PK Grice untuk mengkaji Aksi 3 babak 1 dalam drama *Hamlet* karya agung Shakespeare. Kajian ini mendapati berlakunya perlanggaran maksim dalam setiap perbualan di peringkat luaran, namun secara mendalam atau mendasar didapati setiap perlanggaran maksim mewujudkan implikatur. Kewujudan implikatur ini menjadikan perbualan lebih bermakna dan memanasikan kerjasama antara Hamlet dan Ophelia yang sekali gus memperlihatkan kesopanan berbahasa. Kajian ini juga dapat menunjukkan kepentingan konteks perbualan dalam memberikan makna terhadap komunikasi walaupun babak ini memaparkan perbezaan personaliti dan pemikiran antara Hamlet dan Ophelia.

### 1.3.2 Sorotan Kajian Dalam Negara

Kajian dalam negara memperlihatkan kemunculan nama-nama besar dalam kalangan sarjana tempatan termasuklah Za'ba. Za'ba (1950) telah menulis nilai dalam perlakuan dan etiket Melayu yang disiarkan dalam *Journal Malayan Branch*. Dalam penulisannya, Za'ba telah menyenaraikan beberapa perkara yang menjadi peraturan penting dalam masyarakat Melayu bagi mengawal perlakuan dan etiket. Salah satu perlakuan yang disebutkan ialah perlakuan dalam percakapan. Menurutnya, pengawalan kelantangan suara adalah sangat penting, iaitu kita sama sekali tidak boleh menjerit dan meninggikan suara seolah-olah sedang marah atau sedang bercakap dengan orang pekak. Kita juga diingatkan agar tidak memonopoli sidang perbualan dan bercakap terlalu banyak apatah lagi tentang diri sendiri. Sikap meninggi diri dan bercakap besar harus dielakkan walaupun perkara yang dicakapkan itu benar manakala perbuatan memuji diri sendiri ialah perbuatan yang tidak dapat diterima oleh pendengar. Kebolehan dan kesempurnaan diri tidak perlu disuarakan kepada semua orang kerana orang lain akan menilai kerja kita yang sebenar. Sikap merendah diri amat penting dan menjadi kunci pembawaan diri untuk menunjukkan kesopanan dan kita diseru mengikut resmi padi, semakin berisi semakin tunduk.

Selain itu, faktor sosial turut diambil kira dengan siapa kita bercakap khususnya apabila menyapa orang yang statusnya lebih tinggi daripada kita sementara penggunaan kata sapaan yang betul sangat penting dalam pergaulan. Sikap menyampuk ketika orang lain berbual adalah tidak sopan sebaliknya kita hendaklah meminta maaf jika tidak, kita hendaklah menunggu sehingga penutur berhenti bercakap. Jelaslah bahawa sejak dari zaman dahulu lagi aspek kesopanan amat dititikberatkan dalam kehidupan masyarakat Melayu agar kita tidak dilabelkan *tidak*

*tahu bahasa.*

Asmah Omar (1996 & 2000) dalam bukunya *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*, telah membuat penelitian terhadap aspek kesopanan dengan membahagikannya kepada Kesopanan Asas dan Kesopanan Berkendala. Kesopanan Asas merujuk pada kesopanan sedia ada yang menjadi pedoman kepada ahli masyarakat untuk berhubung antara satu sama lain dengan cara menunjukkan sikap baik-baik antara mereka manakala Kesopanan Berkendala merupakan usaha yang dilakukan dalam sesuatu interaksi dengan menekankan kendala-kendala tertentu, iaitu (i) Taraf dan peranan orang yang bercakap dengan kita, (ii) Di mana dan bagaimana keadaan percakapan itu berlaku, (iii) Apa yang dipercakapkan, (iv) Mengapa percakapan itu berlaku dan (v) Cara percakapan itu disampaikan. Kesopanan Berkendala menekankan perhatian terhadap peranan sosial pihak yang terlibat dalam percakapan, latar belakang percakapan, judul percakapan, sebab dan cara percakapan serta penyesuaian peraturan pertuturan dengan keadaan itu.

Asmah berpandangan bahawa Kesopanan Asas ada perkaitannya dengan didikan awal yang diterima oleh seseorang manakala kesopanan sebagai strategi merupakan tambahan kepada Kesopanan Asas. Oleh itu, beliau merumuskan bahawa Kesopanan Berkendala ialah Kesopanan Asas yang disertai dengan strategi komunikasi. Asmah (1996) mengemukakan beberapa strategi komunikasi santun dalam perbincangan dengan melibatkan faktor, iaitu (i) pengakuan adanya perkaitan peranan antara peserta terlibat dalam rundingan, (ii) kesedaran terhadap perbezaan taraf sosial dalam kalangan peserta, (iii) kesedaran akan kuasa yang ada pada sesuatu peranan, (iv) menjaga air muka dan (v) kepatuhan pada tajuk dan peraturan rundingan.

Dalam hubungan bersemuka, iaitu dalam majlis perbincangan, perbahasan, dan perundingan, individu yang berlainan taraf sosial dan peranan perlu sedar tentang wujudnya peraturan untuk memperlihatkan kesopanan. Peraturan ini dapat memastikan bahasa yang digunakan halus, dan baik selain pemilihan kata nama sapaan yang sesuai dengan status sosial. Ringkasnya, Asmah mengekspresikan kesopanan sebagai satu keperluan dalam berkomunikasi agar penyampaian maksud benar-benar berkesan tanpa menggores perasaan atau mencalar *air muka* orang lain. *Air muka* bagi Asmah melibatkan maruah dan martabat yang berkaitan dengan budaya dan akar umbi.

Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad (2001), dalam bukunya *Santun Komunikasi* turut membicarakan kesantunan berbahasa dalam berkomunikasi. Beliau memberikan penekanan terhadap komunikasi dalam keluarga, komunikasi di tempat kerja dan komunikasi dari sudut Islam. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad (2001) menegaskan bahawa pemantapan komunikasi harus bermula di rumah sebelum keluar membanting tulang mencari rezeki yang halal (p.ix). Istilah santun komunikasi digunakan kerana membawa maksud komunikasi yang dijalankan adalah bersandarkan etika, prinsip, norma, adat dan budaya masyarakat kita. Komunikasi yang berkesan melalui sapaan, pujian, teguran dan sentuhan dapat membentuk harga diri anak-anak sementara komunikasi di tempat kerja pula memberikan implikasi terhadap kejayaan dan kegagalan seseorang individu mengelakkan konflik dalam berurusan dengan individu lain di tempat kerja. Beliau turut menghuraikan pandangan Islam tentang komunikasi, iaitu komunikasi dalam Islam berpaksikan usaha menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran atau *amar makruf nahi mungkar*.

Seterusnya, Noriati A. Rashid (2003) telah mengkaji kesantunan orang Melayu dalam kajian kedoktorannya yang bertajuk *Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan*. Beliau menentengahkan input Islam sebagai gagasan perlakuan yang santun dalam masyarakat Melayu. Noriati menggunakan model kesantunan tempatan dan Barat sebagai landasan kajiannya, iaitu Model Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan sebagai landasan kesantunan. Noriati berpendapat bahawa kesantunan bahasa bukanlah unsur budaya tetapi merupakan tuntutan Islam untuk menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran. Oleh itu, beliau menggunakan KPL untuk mengkaji kesantunan dalam majlis pertunangan. Kajian ini mendapati bahawa sebanyak 36 strategi ayat yang dipecahkan daripada lapan kategori strategi yang menguasai perlakuan berbahasa dalam kalangan orang Melayu dalam majlis pertunangan. Setiap strategi yang digunakan berperanan untuk memastikan keberkesanan dan kelancaran rundingan dalam menyempurnakan ikatan pertunangan. Islam memberi pengaruh yang kuat terhadap strategi berbahasa orang Melayu apabila nilai-nilai Islam itu diamalkan dalam pertuturan orang Melayu.

Awang Sariyan (2007) dalam bukunya *Santun Bahasa* menghubungkan kesopanan bahasa dengan *amar makruf nahi mungkar*, iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Gagasan *amar makruf nahi mungkar* sejalur dengan gagasan Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad (2001) dalam *Santun Komunikasi* ketika membicarakan kesopanan berbahasa. Awang Sariyan memetik definisi kesantunan Asmah Omar (2002), iaitu kesantunan perlu mematuhi tiga prinsip, iaitu tatabahasa, sosiolinguistik dan pragmatik. Beliau membuat perincian bahawa kesopanan merupakan perkara yang dituntut dalam Islam. Dalam memperkatakan hal ini, kesopanan bahasa diperlukan agar mesej (nasihat, ajaran dan teguran) yang disampaikan dapat diterima dengan baik dan tidak mengakibatkan kemarahan,

kebencian dan permusuhan.

Awang Sariyan (2007) menegaskan bahawa agama Islam memberi penekanan terhadap kesopanan berbahasa dengan ibu bapa, jiran tetangga dan manusia keseluruhannya. Penekanan ini perlu untuk memelihara hubungan sesama manusia dan hubungannya dengan Tuhan. Buku ini juga menyentuh tentang sistem sapaan yang betul dalam mencapai komunikasi yang sopan dan gaya pengungkapan yang santun dalam berbahasa kerana kesantunan berbahasa itu ialah warisan bangsa.

Kajian-kajian lain yang berkaitan dengan kesopanan berbahasa di peringkat sarjana pula termasuklah kajian Mohamad Azmi Sidek (1997) yang bertajuk *Kesantunan Berbahasa di dalam Pantun*. Beliau telah mengaplikasikan pendekatan Barat, iaitu Prinsip Kerjasama Grice dan Prinsip Kesopanan Leech untuk mengkaji kesantunan berbahasa dalam pantun Melayu dengan menggunakan *Kumpulan Pantun Melayu* (1991) dan *Kurik Kundi Merah Saga*. Hasil dapatan menunjukkan bahawa keseluruhan pantun Melayu berjaya memprojeksi kesantunan masyarakat Melayu pada zaman lampau dan memberikan gambaran bahawa pantun menepati pendapat beberapa pandangan sarjana Barat terutama Grice dan Leech. Prinsip Kesopanan Leech dan Prinsip Kerjasama Grice dapat memprojeksi dengan jelas kesantunan orang Melayu. Unsur-unsur kerohanian juga terdapat dalam pantun untuk mendidik masyarakat agar berakhlak mulia. Pantun yang menjadi bahan kajian ini dapat menunjukkan kesantunan dan kehalusan budi orang Melayu seperti berbudi bahasa, mencari rezeki dan perlakuan positif dalam pergaulan.

Yong Suet Ping (1997) dalam tesis sarjananya yang bertajuk *Satu Analisis Perbualan dalam Kalangan Guru Berpandukan Grice* telah mengaplikasikan Prinsip Kerjasama Grice (1975) untuk melihat sama ada empat maksim kerjasama Grice



dipatuhi dalam perbualan atau sebaliknya. Hasil dapatan menunjukkan bahawa perbualan dalam kalangan guru-guru tersebut telah mematuhi prinsip Kerjasama Grice namun terdapat pelanggaran maksim. Berdasarkan analisis, didapati Maksim Kuantiti dan Maksim Cara lebih terserlah dalam perbualan. Hal ini demikian kerana sifat rakyat Malaysia yang peramah dan tidak suka menyinggung perasaan pendengar. Faktor budaya menyebabkan mereka melanggar Maksim Kualiti, Maksim Kuantiti dan Maksim Cara. Beliau berpendapat bahawa walaupun teori Grice tidak penting untuk komunikasi berterusan dalam kalangan rakyat Malaysia, namun teori ini boleh menjadikan sesuatu komunikasi lebih berkesan, bermakna dalam memberikan garis panduan kepada penutur supaya sentiasa menyampaikan maklumat yang cukup, benar, mempunyai pertalian dan jelas dalam sesuatu komunikasi.

Look Thien Jee (1997) dalam tesis sarjananya yang bertajuk *Retorik dalam Penjualan Insurans: Satu Analisis Prinsip Kerjasama dan Prinsip Kesopanan* telah mengaplikasikan keempat-empat maksim dalam Prinsip Kerjasama Grice (1975) dan keenam-enam maksim dalam Prinsip Kesopanan Leech (1983). Hasil dapatan menunjukkan bahawa perbualan kedua-dua penjual insurans mematuhi keempat-empat maksim dalam Prinsip Kerjasama Grice. Jurujual insurans memberikan maklumat secukupnya dalam menjawab soalan pembeli. Selain itu, jurujual insurans juga bercakap perkara yang benar dan tidak meragukan pembeli, berkaitan dan jelas serta tidak berbelit-belit sehingga menjadi retorik untuk menarik hati pelanggan. Jurujual insurans juga mematuhi keenam-enam maksim dalam Prinsip Kesopanan Leech. Jurujual tidak mengabaikan kesopanan berbahasa walaupun jurujual bermotifkan keuntungan. Walaupun kajian ini mengaplikasikan kedua-dua model secara berasingan, namun kesopanan dapat diperlihatkan dengan ketara.

Abdullah Mohd Yassin (1998), dalam tesis sarjananya yang bertajuk *Kesopanan Berteraskan Prinsip dan Maksim Leech dalam teks Lembaga Budi* pula meneliti aspek kesopanan dalam karya Hamka. Beliau menghujahkan bahawa ciri kesopanan Leech ini wujud secara sedar atau tidak di dalam teks keagamaan tersebut. Data yang dikutip dalam teks keluaran tahun 1967 tersebut ialah teks cetakan pertama edisi pustaka yang berjumlah 131 halaman. Hasil daripada analisis, didapati Maksim Santun mempunyai kekerapan yang tinggi, iaitu sebanyak 19 data. Kemudian, diikuti oleh Maksim Simpati sebanyak 16 data, 14 data Maksim Sokongan, tiga data Maksim Persetujuan dan dua data untuk Maksim Sokongan dan Kedermawan. Berdasarkan taburan ini dikatakan terdapat tiga maksim dijadikan landasan dalam menyampaikan mesej yang bercorak dakwah dan berbentuk tulisan, iaitu Maksim Santun, Maksim Simpati dan Maksim Sokongan. Maksim-maksim lain seperti Maksim Persetujuan, Maksim Kedermawanan dan Maksim Kerendahan Hati kurang dijadikan landasan. Dapat dirumuskan teks *Lembaga Budi* merupakan teks keagamaan yang dipersembahkan dengan bercirikan kesopanan yang tinggi.

Mohamad Idris (2000) dalam kajian sarjananya yang bertajuk *Kesantunan Berbahasa dalam Perbualan Keluarga Melayu* telah menggunakan keenam-enam maksim dalam Prinsip Kesopanan Leech (1983) bagi mengenal pasti ciri-ciri kesopanan budaya Melayu khasnya dalam berkomunikasi. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa Prinsip Kesopanan Leech dapat menggambarkan kesantunan berbahasa dalam keluarga Melayu. Perincian daripada hasil dapatan beliau menunjukkan bahawa Maksim Santun paling tinggi kekerapan penggunaannya dalam perbualan keluarga Melayu di kawasan yang dikaji dengan 26.8 peratus. Seterusnya, Maksim Kerendahan Hati, iaitu sebanyak 20.8 peratus, Maksim Persetujuan pula

sebanyak 15.28 peratus dan Maksim Kedermawanan 12.8 peratus. Maksim Sokongan, iaitu maksim terakhir yang dapat dikesan dalam data perbualan keluarga Melayu sebanyak lapan peratus sahaja dan tidak terdapat Maksim Simpati dalam perbualan keluarga Melayu. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu masih membudayakan nilai-nilai kesantunan dalam amalan kehidupan seharian walaupun terdapat pelanggaran terhadap maksim-maksim tersebut.

Zainol Abidin Kassim (2003) mengkaji kesopanan berbahasa dalam kalangan pengajar Jepun di Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya yang bertajuk *Kesantunan Berbahasa: Kajian Kes dalam Interaksi Verbal di kalangan Pengajar-pengajar Jepun* dalam kajian sarjananya. Kajian ini bertujuan untuk meneliti kesopanan berbahasa yang wujud dalam kalangan tenaga pengajar Jepun ketika mesyuarat sedang berlangsung. Data dirakam dengan melibatkan seramai 30 orang tenaga pengajar. Beliau menggunakan kerangka teori Prinsip Kesopanan Leech (1983) bagi meneliti penggunaan kesopanan berbahasa dalam interaksi verbal semasa mesyuarat berlangsung. Hasil dapatan menunjukkan bahawa interaksi verbal dalam kalangan tenaga pengajar Jepun mematuhi keenam-enam maksim dalam Prinsip Kesopanan Leech. Senario ini memperlihatkan kepentingan penggunaan bahasa yang sopan dalam bermesyuarat agar tidak menyinggung perasaan ahli mesyuarat yang lain.

Kesopanan berbahasa turut menyerlah dalam teks ceramah motivasi kerana fungsi ceramah motivasi adalah untuk menasihati dan memberikan semangat agar seseorang dapat mencapai kejayaan dalam kehidupan. Perkara ini telah dikaji oleh Abdul Ganing Laengkang (2010) dalam kajian sarjananya yang bertajuk *Kesantunan Berbahasa dalam Ceramah Motivasi*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis

kategori dan strategi kesantunan dalam struktur ceramah motivasi. Data kajian ini menggunakan ceramah motivasi yang disampaikan oleh Datuk Mohamad Fadzilah Kamsah. Pengkaji ini telah menggunakan kerangka Kesantunan Pindaan dan Tambahan yang ditunjangi tiga kerangka model, iaitu Prinsip Kerjasama Grice (1975), Model Kesantunan Paling Luas (KPL) yang diperkenalkan oleh Sanat Md. Nasir (2000) dan Model Kesantunan Noriati A.Rashid (2003).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penceramah menggunakan tujuh kategori kesantunan dan 20 strategi kesantunan untuk menyampaikan ceramah. Kategori kesantunan tersebut termasuklah Kategori Kuantiti, Kategori Rujukan Sumber, Kategori Relevan, Kategori Cara, Kategori Ungkapan Rabbani, Kategori Penghargaan dan Kategori Berhemah. Kajian ini mendapati Kategori Cara dan Kategori Relevan dipatuhi semua unit kerana semua maklumat adalah berkaitan dalam ceramah dan disampaikan dengan jelas. Kategori Kuantiti berada di tempat yang kedua, iaitu dipatuhi 80 unit ceramah dan maklumat yang disampaikan oleh penceramah mencukupi dan berinformatif. Kategori Rujukan Sumber pula 40 unit, iaitu penceramah membuat rujukan dan sumber-sumbernya adalah benar. Kategori Berhemah sebanyak 36 unit, iaitu penceramah sentiasa memberikan sapaan yang baik, menyelitkan unsur kecindan dan harapan. Kategori Ungkapan Rabbani 12 unit dan penceramah meletakkan Allah sebagai yang utama dan kerendahan hati terhadap Allah. Akhirnya, Kategori Penghargaan yang dipatuhi tiga unit ceramah, iaitu penceramah tidak lupa memberikan penghargaan dengan memuji dan mengucapkan terima kasih. Kajian ini menunjukkan bahawa Kerangka Pindahan dan Tambahan berjaya merungkai kesopanan bahasa dalam teks ceramah motivasi.

Marlyna Maros (2011) dalam makalah yang bertajuk *Strategi Kesantunan Melayu dalam Membuat Teguran dalam Jurnal Elektronik* telah menggunakan pendekatan Teori Kesantunan B & L (1987) dan prinsip perbezaan budaya Timur dan Barat oleh Hsu (1981). Kajian ini mendapati bahawa terdapat persamaan dalam strategi kesantunan oleh penutur bahasa Melayu dengan penutur asli bahasa Cina yang menetap di Amerika Utara. Sehubungan itu, kajian ini turut menunjukkan persamaan strategi yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu perkara yang berat oleh penutur bahasa dari budaya Timur. Ringkasnya, kajian ini menyimpulkan bahawa dari sudut linguistik kesantunan, didapati penutur asli budaya Timur amnya dan Melayu khususnya masih berpegang kepada budaya luhur mereka walaupun sudah melalui proses urbanisasi, modenisasi dan globalisasi. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu difahami apabila melibatkan komunikasi antarbudaya dalam pelbagai konteks.

Seterusnya, Marlyna Maros & Mohd. Baharin Mayidin (2011) telah mengkaji jenis dan fungsi sapaan dalam *Jurnal Bahasa* dengan tajuk *Jenis dan Fungsi Sapaan serta Persepsi Kesantunan dalam Interaksi di Kaunter Pertanyaan*. Kajian ini mengambil pendekatan dengan berpandukan kerangka kesantunan dan kebudayaan Melayu yang mengandaikan ucapan sekurang-kurangnya diberikan semasa bertemu atau memulakan bicara. Andaian ini dijadikan asas untuk melihat perlakuan sapaan dalam konteks interaksi di kaunter pertanyaan dan menghubungkan konsep kesantunan dengan komunikasi fatik dan kecekapan berkomunikasi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa lakuan bahasa sapaan kurang diamalkan dalam urusan di kaunter pertanyaan pusat beli-belah. Situasi ini berlaku disebabkan pengaruh tempat berlakunya interaksi, bukannya disebabkan penutur tidak cekap berkomunikasi atau kurang ilmu kesantunan berbahasa dalam budaya Melayu. Ringkasnya, rincian

dapatan ini dapat menyumbang kepada pertambahan khazanah ilmu kesantunan Melayu.

Kesopanan berbahasa dalam kalangan pelajar sekolah juga menjadi usul penting dewasa ini dalam usaha melahirkan modal insan yang berakhlak mulia. Kepentingan usul ini dapat ditekuni melalui kajian Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Hassan & Mohd Nur Hafizudin Md Adama (2011), dalam *Jurnal Bahasa* dengan tajuk *Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah*. Kajian ini mengaplikasikan Prinsip Kesopanan Leech. Hasil kajian mendapati bahawa remaja sekolah paling kerap menggunakan Maksim Santun dan Maksim Kerendahan Hati dalam perbualan mereka. Kosa kata yang paling kerap digunakan untuk menunjukkan nilai santun ialah kosa kata “boleh” “ingin” “nak” dan “mahu”. Dalam kajian ini, remaja turut mengujarkan kata “maaf” sebagai strategi santun kepada pendengar. Penggunaan kata “hai” dianggap melanggar Prinsip Kesopanan Leech. Implikasi dapatan kajian ini menunjukkan remaja mengutamakan kesantunan berbahasa di dalam kelas khususnya dalam situasi formal dan ini menggambarkan keberkesanan pendidikan kesopanan di sekolah. Penggunaan Prinsip Kesopanan Leech (1983) untuk menganalisis kesopanan berbahasa dalam kalangan remaja sekolah menengah sememangnya dapat membantu penutur dalam mempraktikkan strategi kesopanan berbahasa dalam perbualan. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati tahap kesopanan remaja sekolah menengah berada pada tahap sederhana.

Norazlina Mohd Kiram dan Raja Masittah Raja Ariffin (2012), dalam *Jurnal Bahasa* membicarakan *Kesantunan Berbahasa Orang Melayu Menerusi Pengurusan Air Muka*. Kajian ini mengaplikasikan teori Pengurusan Air Muka Stella Ting-Toomey dengan meneliti peristiwa malu dalam novel *Saga*. Kajian ini mendapati

sebanyak 21 peristiwa malu dalam novel ini dan kesemuanya melibatkan keempat-empat gaya pengurusan air muka dalam teori Ting-Toomey, iaitu baik pulih air muka, jaga air muka, tuntutan air muka dan beri muka. Hasil analisis mendapati tuntutan air muka mendominasi dan mengatasi gaya air muka yang lain, iaitu sebanyak 76.2 peratus. Keadaan ini menunjukkan bahawa gaya tuntutan air muka lebih banyak digunakan dalam peristiwa malu dengan tujuan untuk melindungi dan mempertahankan air muka daripada terjejas. Watak-watak dalam novel *Saga* sentiasa menggunakan strategi pelarian untuk melindungi air mukanya daripada terjejas. Kajian ini memberikan cerminan bahawa orang Melayu amat memandang serius maruah diri dan kesopanan berbahasa agar harga diri tidak tercalar.

Zena Moayad Najeeb, Marlyna Maros & Nor Fariza (2012) dalam *GEMA Online Journal* telah membuat kajian yang bertajuk *Politeness In E-mails Of Arab Students In Malaysia*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis strategi kesopanan yang digunakan oleh pelajar-pelajar Arab yang menuntut di universiti di Malaysia ketika berinteraksi dengan penyelia melalui e-mel. Hasilnya, kajian ini mendapati bahawa pelajar-pelajar Arab menggunakan strategi kesopanan yang bervariasi, iaitu strategi kesopanan positif dan negatif. Selain itu, pelajar Arab lebih cenderung menggunakan permintaan secara langsung dalam berkomunikasi dan tidak terdapat penggunaan strategi secara tidak langsung. Dapat disimpulkan bahawa strategi kesopanan yang digunakan oleh pelajar Arab telah menyebabkan salah faham dan kesilapan dalam membuat interpretasi terhadap maklumat berdasarkan interaksi dalam e-mel. Kajian ini menunjukkan bahawa peserta yang terlibat dalam komunikasi perlu menitikberatkan penggunaan strategi yang tertentu dan sesuai agar tidak menimbulkan salah faham tentang sesuatu maklumat. Kajian ini dapat memberikan

kesedaran dan pemahaman kepada pelajar-pelajar Arab tentang penggunaan strategi kesopanan.

Rohaidah Mashudi, Ahmad Mahmood Musanif, Adi Yasran Abdul Aziz & Hasnah Mohamad (2013), telah membuat kajian yang bertajuk *Faktor Kesopanan dan Strategi Komunikasi dalam Genre Perbincangan di Televisyen* yang diterbitkan oleh *GEMA Online Journal*, menggunakan kerangka pendekatan kesopanan Asmah Omar (1996, 2000) untuk meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan strategi komunikasi dalam genre perbincangan di televisyen. Hasil dapatan memperlihatkan pemeran-pemeran dalam peristiwa bahasa ini tidak mengabaikan strategi yang menandai kesopanan sebagaimana yang dibincangkan oleh Asmah Omar, iaitu faktor-faktor perkaitan peranan, perbezaan taraf sosial, kewujudan kuasa, menjaga air muka, kepatuhan kepada tajuk atau bidang dan kepatuhan kepada peraturan perbincangan. Kajian ini menunjukkan perbincangan interaktif dalam televisyen dapat mencapai objektif perbincangan melalui strategi komunikasi yang ditandai dengan kesopanan.

Sementara Norhana Bakhary (2014) dalam makalah *Jurnal Bahasa* yang bertajuk *Strategi Kesopanan Berbahasa Masyarakat Adat Perpatih dalam Kata Perbilang* telah memperincikan kesopanan berbahasa berdasarkan kata perbilang dalam masyarakat adat perpatih. Kajian ini telah mengaplikasikan keenam-enam maksim Prinsip Kesopanan Leech (1983) dalam empat peristiwa perundingan. Hasil dapatan memperlihatkan bahawa strategi kesopanan berbahasa yang digunakan oleh penutur untuk menyampaikan sesuatu mesej, terpancar dalam ujaran yang membawa maksud tersirat. Sisipan bahasa kiasan, pemilihan bentuk bahasa yang bersifat halus dan sopan di samping penggunaan dialek atau kata berunsur tempatan telah berjaya



membentuk kesopanan berbahasa dalam peristiwa perundingan. Ringkasnya, komunikasi yang disulami tata tertib dan adab dapat mengekalkan hubungan mesra, harmoni selain mewujudkan kerjasama antara peserta.

Kajian kesopanan berbahasa dalam negara telah berkembang dalam pelbagai bidang dan ranah bahasa sebagaimana yang telah dibincangkan. Lanjutan daripada perkembangan tersebut, kajian turut dijalankan dengan menggunakan korpus bahan Komsas yang telah mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji. Tan Ang Gaik (2003) dalam tesis sarjannya yang bertajuk *Cerpen-cerpen Komsas: Satu kajian tentang Kompleksiti Kasih Sayang* telah meneliti cerpen-cerpen dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Hasil dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa persoalan kasih sayang mendominasi cerpen-cerpen kajian. Elemen kasih sayang yang merangkumi kasih sayang kepada ibu bapa, guru, rakan-rakan dan sesama individu amat signifikan dalam kehidupan manusia. Kajian ini memperlihatkan bahawa elemen kasih sayang harus disubur dan dikekalkan dalam kalangan generasi muda dan masyarakat amnya kerana nilai kasih sayang merupakan nilai sejagat, iaitu wujud dalam semua masyarakat.

Kajian Siti Zakiah Mat Nor (2003) pula membuat perbandingan dari segi minat antara novel *Julia* dan *Perlumbaan Kedua* dalam tesis sarjannya yang bertajuk *Teks Komsas Perlumbaan Kedua dan Julia: Satu Perbandingan Kecenderungan Struktur*. Hasil dapatan mendapati kedua-dua buah novel memperlihatkan penerimaan yang positif daripada para murid, namun dari segi perbandingannya didapati novel *Julia* lebih digemari. Hal ini disebabkan hasil dapatan menunjukkan hubungan yang lebih signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bergantung terhadap novel tersebut. Ternyata novel *Julia* lebih sesuai dijadikan bahan bacaan

para murid. Kecenderungan minat para murid membaca novel ini disebabkan faktor jalan cerita yang menarik, wataknya yang pelbagai, bahasanya yang mudah difahami selain memaparkan isu-isu yang bersifat realiti, iaitu relevan dengan kehidupan masyarakat. Sementara novel *Perlumbaan Kedua* memperlihatkan dapatan sebaliknya. Walau bagaimanapun, novel *Perlumbaan Kedua* masih relevan sebagai bahan Komsas, cuma terdapat perbezaan minat dan keterbatasan para pelajar dalam usaha memahami dan menghayatinya.

Kajian berkaitan Komsas juga dapat dilihat melalui kajian Mohamad Hanafi Hairan (2004) dalam kajian sarjana yang bertajuk *Masalah Pendidikan Komsas: Satu Kajian Kes di Hulu Langat Selangor*. Kajian ini telah meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Komsas. Kajian ini mendapati bahawa faktor guru, pelajar, bahan atau teks dan soalan peperiksaan masing-masing menyumbang masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Komsas. Berdasarkan empat faktor berkenaan, didapati faktor guru memperlihatkan masalah yang tertinggi kerana guru menghadapi beban masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran di samping bahan Komsas yang terlalu banyak. Faktor kedua tertinggi ialah faktor pelajar yang mengalami kesukaran untuk memahami prosa tradisional dan beban teks yang banyak. Seterusnya, barulah faktor bahan atau teks dan yang terakhir ialah faktor aspek soalan. Kajian ini mendapati minat membaca murid berhubung rapat dengan mudahnya belajar dan menguasai Komsas.

Kajian Nor Azian Abdul Aziz (2005) merupakan kajian yang menggunakan Komsas untuk meneliti aspek kesopanan berbahasa. Nor Azian dalam kajian sarjananya yang bertajuk *Analisis Kesantunan Berbahasa: Satu Kajian Kes* telah meneliti budaya sopan santun dalam kalangan masyarakat Melayu berdasarkan

analisis terhadap nilai-nilai murni dalam novel Komsas *Seteguh Karang* dengan kerangka teori sarjana Barat, iaitu Leech (1983) dan aspek nilai-nilai murni dalam FPK.

Hasil dapatan menunjukkan novel ini berjaya menepati 16 nilai murni seperti dalam hasrat FPK. Berdasarkan kerangka Leech, didapati 68 sampel telah digunakan dan hasilnya menunjukkan Maksim Santun yang paling tinggi penggunaannya, iaitu sebanyak 27 peratus. Kedua, Maksim Persetujuan, iaitu 19 peratus, Kerendahan Hati 16 peratus, Maksim Sokongan 14 peratus, Maksim Simpati 13 peratus dan Maksim Kedermawanan 11 peratus. Situasi ini menggambarkan novel *Seteguh Karang* memenuhi ciri-ciri kesantunan berbahasa dan taburan bagi setiap maksim hampir sekata. Kaji selidik berdasarkan respons pelajar pula menunjukkan sebanyak 67 peratus pelajar berminat untuk mempelajari bahan Komsas dan 33 peratus pula kurang berminat atas faktor sikap dan keupayaan yang terbatas. Kajian ini membuktikan bahawa novel *Seteguh Karang* bukan sahaja amat sesuai sebagai bahan bacaan untuk murid sekolah menengah bahkan bersesuaian dengan kepentingan penghayatan nilai-nilai murni yang semakin memuncak dewasa ini.

Seterusnya, Muhd Yazid Kasim (2005) dalam kajian kedoktorannya telah mengkaji bahan Komsas dari Tingkatan 1-5 dengan memberikan fokus terhadap genre drama, iaitu *Genre Drama dalam Teks Sastera: Kajian Kandungan Nilai*. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis dan kategori nilai yang terdapat dalam teks drama. Kajian ini turut meneliti kekerapan dan peratus nilai dalam teks sastera serta menilai keselarasan nilai teks drama yang dikaji. Hasil dapatan menunjukkan sebanyak 749 kali nilai ditampilkan dalam genre drama yang dikaji. Hasil kajian juga mendapati bahawa Nilai Peribadi yang paling kerap ditampilkan

dalam drama, iaitu sebanyak 342 (45.66%). Kedua, Nilai Kewarganegaraan sebanyak 195 (26.03%), Nilai Ketuhanan sebanyak 136 kali (18.16%), Nilai Kemasyarakatan pula sebanyak 50 (6.68%) dan akhirnya Nilai Kekeluargaan sebanyak 26 (3.47%). Kekekapan penggunaan nilai dalam genre drama sebagai bahan Komsas memberikan gambaran bahawa hasil dapatan ini selaras dengan hasrat FPK dalam usaha melahirkan insan yang seimbang dan harmonis.

Komsas dalam pembelajaran Bahasa Melayu pula telah dibincangkan oleh Nik Hassan Basri Nik Abdul Kadir (2005), dalam bukunya yang bertajuk *Citra Komsas*. Buku ini membentangkan pengajaran dan pembelajaran Komsas dalam subjek Bahasa Melayu di sekolah menengah dari Tingkatan Satu sehingga Lima. Beliau memfokuskan perbincangan terhadap citra, konsep, sejarah dan sukatan pelajaran. Elemen penting yang turut dibicarakan ialah kepentingan, tanggungjawab dan pengetahuan guru dalam pengajaran Komsas. Penguasaan guru dalam mengajar komponen ini perlu dititikberatkan supaya guru tidak mengajar Komsas seperti subjek Kesusasteraan Melayu. Secara keseluruhannya buku ini menyentuh aspek pembelajaran Komsas yang dapat membentuk generasi yang menghayati karya sastera dan bersahsiah tinggi melalui paparan nilai murni dan unsur didaktiknya yang sudah tentu berkait rapat dengan konsep kesopanan bahasa.

Kajian di peringkat kedoktoran yang berkaitan dengan Komsas turut dapat diteliti berdasarkan kajian Ab Rahman Ab Rashid (2006) yang bertajuk *Hubungan Estetik dan Nilai dengan Latar Belakang Murid dalam Pendidikan Komsas*. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang meneliti hubungan estetik dan nilai dengan latar belakang murid dalam pendidikan Komsas dengan menggunakan novel *Perlumbaan Kedua* di 33 buah sekolah di Perak. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa 17

daripada 35 hipotesis nul yang dibina didapati memperlihatkan hubungan yang signifikan. Aspek yang diberi fokus ialah antara jantina dan estetik, antara jantina dengan sikap estetik, antara jantina dengan pengalaman estetik dan antara jantina dengan pengajaran. Seterusnya, antara kaum dengan sikap estetik, kaum dengan pengalaman estetik, kaum dengan nilai murni dan kaum dengan pengajaran. Begitu juga dengan antara jenis sekolah dengan sikap estetik, jenis sekolah dengan pengalaman estetik, jenis sekolah dengan nilai murni dan jenis sekolah dengan pengajaran. Walaupun peratus dapatan agak kecil, iaitu antara 0.2 % hingga 2.2 % namun hubungannya tetap ada. Sementara 18 hipotesis nul lagi didapati tidak mempunyai hubungan yang signifikan. Dapatan turut memperlihatkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kelayakan guru dengan kemahiran bidang estetik dan kelayakan guru dengan proses pengajaran dan pembelajaran *Perlumbaan Kedua*. Kajian ini menyimpulkan bahawa dalam penghayatan estetik dan nilai berlandaskan novel tersebut, perbezaan latar belakang pembaca tidak memberikan kesan yang besar kerana penerimaan terhadap estetik dan nilai bergantung kepada kesungguhan penghayatan responden (murid) sendiri.

Nik Hassan Basri Nik Abdul Kadir (2007), dalam *Jurnal Peradaban Melayu* pula membicarakan fungsi pengajaran Komsas kepada golongan pelajar melalui keterampilan dan pertimbangan guru dalam pengajaran dan pembelajaran Komsas. Pembacaan teks-teks dan bahan sastera membolehkan murid meneladani amalan mulia dan menambahkan ilmu pengetahuan, menyuburkan emosi, membina moral dan pengajaran serta nilai kemanusiaan termasuklah estetika. Rentetan daripada penyemaian unsur-unsur tersebut, maka murid dapat membentuk konsep-konsep kebaikan, kebenaran dan pemikiran yang positif. Beliau turut berpandangan bahawa teks-teks sastera bukan hanya sebuah cerita tetapi mampu membawa perubahan

terhadap alam pendidikan dan dunia kehidupan. Tegasnya, sesebuah karya sastera seharusnya dapat memberikan kesejahteraan dan kebahagiaan hidup manusia dan alam bukannya bersifat antimoral dan antisosial.

Shukri Zakaria (2007) membuat kajian yang bertajuk *Analisis Nilai-Nilai Murni: Satu Kajian terhadap novel Panas Salju* dalam tesis sarjananya. Pengkaji ini menggunakan Komsas Tingkatan Tiga dengan memberikan fokus terhadap kandungan nilai-nilai murni dalam novel *Panas Salju* berlandaskan nilai-nilai murni yang digunakan dalam model Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa novel *Panas Salju* berjaya menepati kehendak 16 nilai murni dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah di samping meningkatkan kemahiran berbahasa dan penguasaan isi kandungan pelajaran yang berasaskan nilai-nilai agama dan sosiobudaya tempatan. Berdasarkan kajian soal selidik, sebanyak 98 peratus pelajar bersetuju bahawa novel *Panas Salju* mengandungi nilai-nilai murni selain dapat mempertingkatkan kemahiran berbahasa.

Nurul Jamilah Rosly (2010), mengkaji kesopanan berbahasa dalam bahan Komsas melalui tesis sarjananya yang bertajuk *Kesantunan Berbahasa dalam Novel Julia: Satu Analisis Lakuan Bahasa Maaf Berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech (1983)*. Berdasarkan kajian, didapati 13 data perbualan dalam novel *Julia* yang menepati objektif kajian namun data perbualan yang mematuhi Maksim Santun dan Maksim Kerendahan Hati dalam lakuan bahasa maaf adalah tidak sekata dalam setiap bab. Penggunaan Maksim Santun banyak ditemukan dalam novel *Julia* dan kebanyakan maksim ini diperolehi dalam perbualan yang bertujuan menasihati, melarang, memperlawa, meminta dan menghulurkan pertolongan. Perlakuan dalam maksim ini dipatuhi dengan memaksimumkan manfaat kepada orang lain. Tambahan pula,

kebanyakan watak khasnya watak utama menggunakan ungkapan maaf bagi mempamerkan kesopanan berbahasa. Hasil dapatan juga mendapati ada dua pola maaf yang digunakan iaitu IFIDS dan IFIDS + Strategi sebagai penanda kesopanan berbahasa. Sesungguhnya, Prinsip Kesopanan Leech mempunyai kekuatan untuk mengukur kesopanan berbahasa.

Maizatul Akma Abdul Aziz (2010) pula menggunakan bahan Komsas di peringkat menengah rendah (Tingkatan Tiga) untuk meneliti elemen-elemen patriotisme dalam kajian sarjananya yang bertajuk *Patriotisme dalam Novel Komsas*. Kajian ini mendapati elemen-elemen patriotisme seperti patriotisme kapital, patriotisme alam sekitar, patriotisme ikon dan patriotisme simbolik nasionalis mendominasi novel-novel Komsas di peringkat menengah rendah. Kajian ini lebih memberikan penekanan terhadap unsur patriotisme yang sewajarnya didedahkan kepada para murid agar dapat melahirkan warganegara yang memiliki semangat patriotik yang tinggi.

Kajian berkaitan juga dapat dilihat menerusi kajian Noor Hatini Zolkifli & Siti Saniah (2011), dalam *Jurnal Bahasa* tentang *Unsur Eufemisme dalam novel Papa dan Azfa Hanani*. Novel ini digunakan oleh murid-murid di Zon 1 dan Zon 2 mulai tahun 2010. Dapatan kajian menunjukkan novel *Azfa Hanani* lebih banyak menggunakan unsur eufemisme, iaitu sebanyak 36 (52.1%) manakala novel *Papa* dengan jumlah sebanyak 27 (47.9%). Dapatan kajian ini memberikan gambaran bahawa unsur eufemisme harus diberikan perhatian oleh guru kerana unsur ini memmanifestasikan bahasa halus yang sesuai diterapkan dengan peringkat umur murid di sekolah menengah. Penggunaan eufemisme dapat melahirkan remaja dan masyarakat yang mengutamakan kesopanan dalam berbahasa dan membudayakannya

agar tidak dicemari ledakan arus globalisasi pada dewasa ini. Implikasinya, kajian ini dapat memberikan pendedahan tentang penggunaan bahasa halus kepada remaja sekolah sekali gus mempraktikkannya dalam pergaulan dan kehidupan mereka.

### **1.3.3 Ulasan Sorotan Kajian**

Berdasarkan sorotan kajian di luar negara, didapati kajian kesopanan telah bermula seawal tahun 1950-an di Barat selaras dengan perkembangan bidang pragmatik. Sarjana-sarjana Barat telah mengetengahkan prinsip, kontrak, strategi, peraturan, panduan, maksim dan konsep untuk memanifestasikan kesopanan. Pada masa yang sama terhasillah model-model kesopanan sebagai panduan dalam berkomunikasi. Lanjutan itu, model-model Barat ini telah diaplikasi oleh sarjana-sarjana di Timur untuk meneliti aspek kesopanan dalam masyarakat masing-masing. Oleh itu, kajian kesopanan memperlihatkan perkembangannya di Asia yang menjurus kepada aspek budaya berdasarkan penyelidikan Ide (1982) dan Matsumoto (1988) yang mengkaji kesopanan masyarakat Jepun manakala Gu (1990), Mao (1994) dan Khaidi Zhan (1992) telah memberikan perhatian terhadap masyarakat di China. Di Thailand, perkara ini telah mendapat perhatian Kummer (1992) dan Scupin (1998).

Berdasarkan perbincangan sorotan kajian di luar negara, didapati strategi dan konsep kesopanan antara masyarakat Timur dan Barat memperlihatkan perbezaan. Konsep kesopanan di Barat lebih bersifat individualistik dan kesopanan diperlihatkan bagi memenuhi kehendak *muka*. Konsep *muka* diutamakan agar pihak-pihak yang terlibat dalam sesebuah interaksi memberikan keutamaan terhadap keinginan mencapai sesuatu tujuan yang melibatkan penjagaan imej semasa komunikasi berlangsung. “Muka” bagi sarjana Barat merujuk kepada penghormatan, iaitu seseorang sentiasa mahu dihormati dan tidak mahu imejnya terjejas dalam sesuatu



komunikasi. Oleh itu, pelbagai strategi kesopanan digunakan semasa komunikasi berlangsung. Sementara masyarakat di Timur sebagaimana yang diperlihatkan oleh pengkaji-pengkaji di China, Jepun dan Thai didapati menitikberatkan norma, nilai dan budaya yang bertunjangkan ajaran agama masing-masing. Atas dasar tersebut pengkaji-pengkaji ini mendapati model B&L tidak sesuai dan relevan dengan sosiobudaya masyarakat di Timur atas faktor perbezaan konsep *muka*. Perkara ini pernah dikritik oleh Asmah Omar (1996) bahawa konsep *muka* B & L berbeza dengan *air muka* dalam masyarakat Melayu yang mengutamakan aspek budaya akar umbi, maruah, martabat dan kesannya lebih meluas, iaitu bukan hanya semasa komunikasi berlangsung.

Perbezaan ini telah menjadi penanda bahawa kesopanan masyarakat di Timur lebih menyerlah dengan penggunaan bahasa yang lebih halus dan sopan yang ditunjangi sosiobudayanya selain status sosial masyarakat. Kesopanan juga bersifat kontekstual, yakni bergantung kepada faktor budaya, masyarakat, tempat dan situasinya. Oleh itu, aspek penggunaan dan pemilihan kata sapaan yang tepat, lebih halus dan sopan diberi keutamaan atau dengan kata lain menggunakan kata honorifik untuk memperlihatkan sikap hormat dan kehalusan berbahasa sebagaimana kajian Ide (1982) dan Matsumoto (1988). Perkara ini turut dapat diperlihat berdasarkan dapatan kajian Boonjeera Chiravate (2011) yang mendapati penutur natif Thai lebih menunjukkan penggunaan strategi kesopanan yang ketara atas kekuatan faktor nilai dan budaya yang melingkungi masyarakatnya. Dapatan-dapatan ini menunjukkan betapa signifikannya faktor sosiobudaya dalam sesebuah masyarakat dalam mempengaruhi kesopanan berbahasa.

Kajian kesopanan dalam negara telah menampakkan perkembangan berdasarkan kajian pelbagai bidang yang mencakupi budaya masyarakat, komunikasi, motivasi, urusan jual-beli, dan teks sastera seperti pantun dan novel. Jelasnya, kajian terhadap kesopanan berbahasa sudah berkembang sejak zaman Za'ba (1950) dalam pelbagai aspek khususnya yang berfokus pada aspek budaya dan kehidupan bermasyarakat. Kajian dalam negara memperlihatkan pengaplikasian model-model Barat seperti Leech (1983) dan Grice (1975). Kajian Mohamad Azmi Sidek (1997), Mohamad Idris (1997), Look Thien Jee (1997), Abdullah Mohd Yassin (1998), Zainol Abidin (2003), Zaitul Azma et al., (2011), dan Norhana Bakhary (2014) telah mengaplikasikan PS Leech dalam kajian masing-masing. Jika disorot, didapati PS Leech relevan dan memperlihatkan keserasian untuk mengungkai, meneroka dan memprojeksikan kesopanan dalam budaya masyarakat Melayu menerusi pelbagai ranah atau bidang yang telah dikaji walaupun model ini diketengahkan oleh sarjana Barat. Maksim-maksim Leech bukan sahaja dapat menzahirkan kemuliaan, keluhuran dan kehalusan hati budi dalam budaya Melayu malahan dapat merungkai aspek kesopanan dalam teks keagamaan sebagaimana dalam kajian Abdullah Mohd Yasin (1998).

Zainol Abidin Kassim (2003) yang membuat penyelidikan tentang aspek kesopanan dalam mesyuarat yang terdiri daripada orang Jepun yang menjadi pensyarah di Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya telah mendapati bahawa budaya orang Jepun sinonim dengan budaya Melayu yang suka mempraktikkan kerendahan hati dengan cara merendah diri apabila diberi pujian. Paparan ini memmanifestasikan bahawa PS Leech (1983) mempunyai kekuatan, kelebihan dan keserasian untuk menzahirkan kesopanan berbahasa dalam pelbagai ranah bahasa dan genre bukan sahaja dalam budaya Melayu malahan budaya masyarakat Jepun.

Robert Sibarani (2004) dalam makalahnya yang bertajuk *Fenomena Kesantunan Bahasa Indonesia/Melayu* menegaskan bahawa kesantunan bahasa tercermin dalam tatacara berkomunikasi dan dalam berkomunikasi kita harus tunduk kepada norma-norma budaya (p.218). Dengan kata lain, tatacara dan adab berbahasa haruslah selaras dengan norma-norma budaya hidup dalam masyarakat yang mengamalkannya yang akhirnya akan memmanifestasikan kesopanan berbahasa.

Sementara pengaplikasian model Grice sebagaimana dalam kajian Yong Suet Ping (1997), dapat menggambarkan perbualan yang sopan dan kerjasama walaupun tidaklah secara menyeluruh dan terdapat pelanggaran maksim apabila penutur tidak dapat mematuhi maksim-maksim Grice tersebut. Walaupun maksim-maksim Grice secara umumnya memperlihatkan pelanggaran antara satu sama lain namun secara mendalam, hal ini mewujudkan implikatur yang menjadikan perbualan lebih bermakna sebagaimana dalam kajian Qaisar Khan & Faraz Ali Bughio (2012, p. 32) yang mendapati bahawa:

*“... the maxim is generally flouted on the surface level but at the deeper level, such flouting gives rise to implicatures. Such implicatures in turn render the conversation lively and more meaningful.”*

Sementara model B & L lebih relevan untuk mengkaji data yang bersifat kritikan dan teguran sebagaimana yang diaplikasikan oleh Marlyna Maros (2011) dalam kajiannya yang berkaitan dengan strategi teguran. Walaupun kajian-kajian yang telah dibincangkan berbeza khususnya dari segi data korpusnya dengan kajian yang akan dilakukan, namun hasil dapatan kajian-kajian tersebut dapat dijadikan panduan dan sokongan untuk meneruskan kajian ini.

Kajian kesopanan berbahasa yang menjurus terhadap penggunaan teks Komsas setelah pengintegrasian teks-teks tersebut pada tahun 2000 sehinggalah sekarang masih belum meluas dan belum mendapat perhatian yang sewajarnya setakat ini. Walau bagaimanapun, sudah terdapat kajian-kajian awal di peringkat universiti awam di negara kita. Kajian menggunakan bahan Komsas terdapat dalam kajian Ab Rahman Ab Rashid (2006) di peringkat kedoktoran yang memberikan fokus kepada hubungan estetik dan nilai dengan latar belakang murid sementara kajian Siti Zakiah Mat Nor (2003) di peringkat sarjana pula meneliti aspek minat. Kajian Mohamad Hanafi Hairan (2004) pula lebih memberikan fokus kepada penelitian terhadap masalah-masalah pendidikan Komsas. Kajian-kajian ini tidak menganalisis isi kandungan bahan Komsas secara langsung dan tidak menyentuh aspek kesopanan berbahasa. Kajian yang menganalisis isi kandungan bahan Komsas pula terdapat dalam kajian Tan Gan Aik (2003) yang membincangkan isu kasih sayang, Shukri Zakaria (2007) pula berfokus kepada nilai murni dalam *Panas Salju*, Maizatul Akma (2010) memperlihatkan aplikasi dan analisis unsur patriotisme manakala Muhd Yazid Kassim (2005) di peringkat kedoktoran memberikan penekanan terhadap aplikasi nilai-nilai murni yang menjadi hasrat dalam FPK. Kajian-kajian ini menganalisis isi kandungan bahan Komsas dengan menekuni nilai-nilai murni tetapi tidak memberikan fokus terhadap aspek kesopanan berbahasa khususnya dari perspektif linguistik atau menjurus kepada bidang pragmatik. Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini turut menjadi panduan untuk menyokong kajian yang akan dilakukan ini.

Kajian-kajian terdahulu yang menggunakan korpus bahan Komsas didapati berbeza dengan kajian yang akan dilakukan kerana tidak memberikan fokus terhadap aspek kesopanan berbahasa secara langsung atau khususnya dari perspektif linguistik sebagaimana kajian Nor Azian (2005), Nurul Jamilah (2010) di peringkat

sarjana dan kajian Noor Hatini Zolkifli & Siti Saniah Abu Bakar (2011) dalam *Jurnal Bahasa*. Ketiga-tiga kajian ini merupakan kajian yang terhampir dengan kajian yang akan dilakukan ini. Nor Azian Abdul Aziz mengaplikasikan keenam-enam maksim dalam Prinsip Kesopanan (PS) Leech dengan menggunakan data dari novel *Seteguh Karang* manakala Nurul Jamilah pula lebih kecil skopnya, iaitu dengan hanya mengaplikasikan Maksim Santun (Kebijaksanaan dalam kajian ini) dan Maksim Kerendahan Hati dalam model PS Leech dengan menggunakan data novel *Julia* bagi memperlihatkan lakuan bahasa maaf. Kedua-dua kajian tersebut pula berbeza dengan Noor Hatini & Siti Saniah (2011) yang menganalisis kesopanan berbahasa menggunakan Maksim Santun sahaja atau lebih kecil skopnya daripada kajian Nurul Jamilah (2010) untuk membuat kupasan tentang unsur eufemisme dalam novel *Azfa Hanani dan Papa*.

Berdasarkan ketiga-tiga kajian ini, didapati hanya kajian Nor Azian yang menggunakan PS Leech secara menyeluruh sebaliknya dua lagi kajian hanya menggunakan maksim-maksim tertentu. Impaknya, sudah tentu tidak dapat memperlihatkan aspek kesopanan berbahasa secara holistik dan komprehensif dalam data kajian. Gagasan Leech yang mengutamakan tutur kata yang beradab menerusi keenam-enam maksimnya didapati relevan untuk meneliti kesopanan berbahasa dalam bahan Komsas yang bersifat didaktik. Walau bagaimanapun, pengaplikasian satu model sahaja didapati kurang memadai untuk menggambarkan kesopanan secara terperinci sebagaimana dalam kajian Nor Azian (2005) di peringkat sarjana. Setakat ini belum ada kajian yang menggabungkan dua model kesopanan untuk meneliti aspek kesopanan dengan menggunakan bahan Komsas, terutamanya di peringkat kedoktoran. Sehubungan itu, kajian ini akan menggabungkan dua model kesopanan, iaitu PS Leech (1983) dan PK Grice (1975) sebagai asas analisis. Ringkasnya,

sungguhpun diakui bahawa terdapat kelemahan dalam ketiga-tiga kajian sebelum ini, namun tetap dapat dijadikan titik tolak kepada pengkaji untuk melakukan kajian lanjutan dengan menggunakan bahan Komsas, iaitu novel *Melunas Rindu* tetapi dengan penambahbaikan model kajian, iaitu berasaskan kombinasi dua model kesopanan.

Berdasarkan ulasan terhadap sorotan-sorotan kajian yang terdahulu, didapati kajian kesopanan berbahasa telah berkembang dalam pelbagai bidang sekali gus menunjukkan bahawa bidang ini amat signifikan untuk diterokai. Walau bagaimanapun, kajian dengan menggunakan bahan Komsas khususnya dalam bidang pragmatik masih terbatas. Keterbatasan dan kekurangan kajian dengan menggunakan bahan Komsas yang menjurus kepada penelitian dan penganalisan aspek kesopanan berbahasa memerlukan kajian lanjut dan berterusan.

#### **1.4 Permasalahan Kajian**

Permasalahan dalam kajian ini bertitik tolak daripada kekurangan dan keterbatasan kajian kesopanan berbahasa dengan menggunakan teks-teks Komsas peringkat menengah atas sama ada sebelum (2000-2009) atau setelah penukarannya dengan teks yang baharu pada tahun 2010. Kekurangan dan keterbatasan ini dilihat dari sudut kajian yang memberikan fokus terhadap aspek kesopanan dengan menggunakan korpus bahan Komsas khususnya dari sudut pragmatik sedangkan bidang ini amat signifikan sumbangannya. Keterbatasan dan kekurangan inilah yang mendorong kajian ini dilakukan dengan lebih lanjut. Setakat ini kajian yang berkaitan bahan Komsas dapat diteliti dalam kajian Mohamad Hanafi Hairan (2004), Muhd Yazid Hj Kassim (2005), Shukri Zakaria (2007), dan Maizatul Akma Abdul Aziz (2010). Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini tidak menjurus kepada kajian

kesopanan berbahasa. Kajian yang terhampir ialah kajian Nor Azian Abdul Aziz (2005), Nurul Jamilah Rusly (2010) di peringkat sarjana dan kajian Noor Hatini & Siti Saniah (2011) dalam makalah *Jurnal Bahasa*. Kajian Nurul Jamilah (2010) dan Noor Hatini & Siti Saniah (2011) tidak menggunakan model Leech secara keseluruhannya dalam memaparkan kesopanan berbahasa. Setakat ini, kajian di peringkat kedoktoran dengan menggabungkan dua model kesopanan untuk mengkaji bahan Komsas dengan memberikan fokus kepada aspek kesopanan berbahasa dari sudut pragmatik belum mendapat perhatian sewajarnya. Oleh itu, kelompangan dan kekurangan ini memerlukan pengisian menerusi kajian lanjut.

Selain itu, isu kesopanan berbahasa yang semakin terhakis dewasa ini turut mendorong kajian ini dilakukan. Dapat dijelaskan bahawa bahan-bahan Komsas sepatutnya mempunyai nilai-nilai murni, moral dan memaparkan aspek kesopanan berbahasa. Nik Hassan Nik Abdul Kadir (2007) menjelaskan bahawa bahan-bahan sastera juga berpotensi membentuk diri murid agar menghormati orang lain, membina sahsiah yang elok dan bertoleransi. Lanjutan daripada itu, murid-murid di sekolah dapat diterapkan dengan amalan kesopanan agar mereka dapat menjadi “penjaga” budaya bangsa. Walau bagaimanapun, isu kesopanan yang semakin terhakis masih memuncak dewasa ini dan harus diberi perhatian. Pengabaian terhadap aspek kesopanan berbahasa ketika berinteraksi menjadi agenda penting dalam kajian Zaitul Azma Zainon Hamzah et al., (2011) dengan melihat permasalahan moral dalam kalangan murid sekolah yang bercakap kasar dengan gurunya di sebuah sekolah di Nibong Tebal dalam *Berita Harian* yang bertarikh 15 Januari 2010. Isu yang sama pernah ditegaskan oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah (2009) dalam artikel yang bertajuk *Akhlak Mulia Melalui Kesantunan Berbahasa*, dengan menyatakan bahawa budaya santun dalam kalangan generasi muda semakin

terhakis berdasarkan perilaku dan cara berbahasa golongan ini (p.28).

Isu kesopanan berbahasa yang semakin terhakis dalam kalangan generasi muda dewasa ini telah mengakibatkan pelbagai gejala seperti bercakap kasar, memaki, bergaduh dan bersikap menimbulkan kemarahan seseorang. Situasi negatif ini selaras dengan pendapat Siti Hajar Che Man et al., (2012) bahawa gejala sosial yang menjadi-jadi dan kritikal malahan memperlihatkan kerakusan dan keganasan memerlukan penyelesaian. Jeniri Amir (2009) turut melontarkan kritikan beliau tentang isu ini dengan mengatakan bahawa “Kehalusan, keindahan, kesopanan dan kemurnian bahasa sering diketepikan. Orang lebih melihat kulit daripada isi, material daripada peribadi dan kehebatan luaran daripada kehebatan dalaman” (p.139). Pandangan ini memperjelas bahawa aspek kesopanan berbahasa dipinggir atau dianaktirikan dalam masyarakat kerana faktor material sedangkan aspek ini dapat mencerminkan keperibadian yang mulia dan unggul. Isu yang sama turut ditegaskan oleh Ainul Nuriman (2015) yang mengatakan bahawa generasi sekarang menganggap kesopanan berbahasa sebagai nilai kuno yang tidak selari dengan perkembangan semasa dan generasi ini kurang peka dengan penggunaan bahasa yang sopan. Sehubungan dengan permasalahan ini, langkah yang konstruktif untuk menyemai dan menyuburkan amalan ini sewajarnya diberi perhatian agar tanggapan ini tidak mendarah daging dalam kalangan generasi hari ini. Lanjutan itu, perlakuan ini harus ditangani sebaik mungkin dengan menggunakan pendekatan yang berbentuk pendidikan khasnya melalui saluran pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, iaitu melalui bahan sastera yang dibaca dan dihayati oleh para murid.

Hakikatnya, kesopanan berbahasa mempunyai hubungan yang erat dengan aspek nilai dan moral dalam usaha melahirkan insan yang seimbang dan memperlihatkan



kesopanan berbahasa ketika berkomunikasi dengan pihak yang lain. Hubungan antara nilai dan moral yang erat dengan aspek kesopanan berbahasa dapat dibuktikan melalui pendapat Ding Choo Ming (2005) yang menyatakan bahawa “Semua sebahagian daripada kesopanan berbahasa melibatkan nilai, moral, etika, pengasuhan, dan budi bahasa yang menjadi “penjaga” budaya kita di satu pihak dan bahasa itu pula “penjaga” etika, sopan santun, budi bahasa dan bahasa kita di pihak lain” (p.49). Pendapat beliau ini menjelaskan bahawa aspek kesopanan berbahasa dan bahasa amat berhubung erat dengan etika, budaya, nilai, dan moral yang harus disemai dalam kalangan generasi muda kerana mereka merupakan pewaris negara pada masa depan. Walau bagaimanapun, situasi yang berlaku adalah sebaliknya, iaitu generasi muda tidak peka dengan tanggungjawab malahan mengabaikan nilai-nilai kesopanan dalam kehidupan dan pergaulan mereka. Sehubungan itu, perkara ini bertepatan dengan pandangan Jeniri Amir (2009) bahawa masyarakat Malaysia harus dididik supaya berjiwa halus dan berakhlak mulia sesuai dengan acuan budayanya dan perkara yang perlu diamalkan ialah pembudayaan bahasa yang mencerminkan ketinggian nilai budi.

Mana Sikana (2009) dalam bukunya *Kritikan Sastera Melayu Moden* berpandangan bahawa karya yang baik harus bermoral dan keunggulan sesebuah karya bergantung kepada ketinggian moral dalam karya itu manakala karya yang tidak mementingkan moral dianggap tidak bernilai (p.367). Sehubungan dengan itu, teks Komsas yang dipilih sudah tentu memiliki kualiti dan kaya dengan nilai moral sebagaimana yang ditentukan oleh panel penilai. Oleh itu, kajian kesopanan terhadap teks Komsas amat signifikan bertitik tolak daripada pengisian nilai moral yang terdapat dalam bahan sastera dan perkara ini sekali gus akan dapat membantu dalam usaha menyemai budaya bersopan santun dalam kalangan generasi muda. Oleh itu,

kajian ini amat relevan dengan situasi dan isu semasa khususnya yang berhubung kait dengan isu kesopanan yang semakin terhakis dewasa ini dan selaras dengan kepentingan amalan kesopanan yang harus dibudayakan dalam kalangan generasi muda.

Sehubungan dengan itu, permasalahan kajian ini juga bertitik tolak daripada kekurangan sumber rujukan pada peringkat aras pemikiran yang tinggi. Pemilihan bahan Komsas oleh panel penilai telah melalui proses-proses tertentu termasuklah penyaringan dan penilaian berdasarkan kriteria dan garis panduan yang telah ditetapkan. Fauziah Ahmad, et al., (2010) yang memetik *Utusan Malaysia* yang bertarikh 20/01/2008, menjelaskan bahawa pihak PPK dan Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggunakan kriteria yang lebih terperinci dalam pemilihan teks untuk kitaran kedua mulai tahun 2010. Pihak PPK telah mengambil kira teks atau karya yang dipilih mesti selaras dengan kehendak FPK, Kurikulum Kebangsaan, Sukatan Pelajaran, Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu Elektif. Perkara ini termasuklah pertimbangan terhadap bahan yang bermutu, bernilai estetika dan memiliki kesesuaian agar dapat memenuhi hasrat yang terkandung dalam FPK, iaitu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis. Oleh itu, selaras dengan langkah pengintegrasian Komsas sejak tahun 2000, buku-buku rujukan dan ulasan terdapat banyak di pasaran sebagai sumber untuk membantu para guru dan murid memahami serta menghayati teks yang dibaca.

Walau bagaimanapun, buku rujukan dan ulasan yang sedia ada hanya membincangkan 16 nilai murni yang tersenarai dalam FPK, seperti nilai Baik Hati, Kasih Sayang, Kerajinan dan Hemah Tinggi. Ulasan yang sedia ada tidak menampakkan pengaplikasian teori-teori tertentu dan kajian di peringkat ilmiah yang

tinggi. Dengan perkataan lain, sumber rujukan sedia ada bukanlah sumber rujukan ilmiah yang berdasarkan teori linguistik tertentu dalam bidang pragmatik. Lanjutan itu, sumber rujukan sedia ada tidak dapat memberikan gambaran kesopanan berbahasa pada aras pemikiran yang tinggi. Kajian ini akan menggabungkan dua model kesopanan, iaitu model Leech (1983) dan model Grice (1975) bagi memperlihatkan kesopanan berbahasa yang digunakan dalam korpus kajian, iaitu novel *Melunas Rindu*. Kombinasi dua model kesopanan ini akan memberikan gambaran tentang aspek kesopanan secara komprehensif selain memperlihatkan kerelevanan teks ini sebagai bahan Komsas yang sarat dengan nilai-nilai murni yang dapat menyemai budaya berbudi bahasa.

Lanjutan daripada kekurangan dan permasalahan yang wujud, maka kajian yang mendalam dan meluas terhadap bahan Komsas yang menjurus kepada aspek kesopanan berbahasa yang amat rapat hubungannya dengan nilai-nilai murni perlu diberi perhatian sewajarnya dan memerlukan kajian yang berterusan.

### **1.5 Objektif**

Kajian ini mempunyai tiga objektif, iaitu :

- i. Mengklasifikasikan pola kesopanan berbahasa dalam novel yang dipilih.
- ii. Menganalisis penggunaan pola kesopanan berbahasa dalam novel yang dipilih.
- iii. Memetakan struktur peristiwa bahasa dalam novel yang dipilih.

### **1.6 Bidang Kajian**

Kajian kesopanan berbahasa termasuk dalam bidang pragmatik. Pelbagai pandangan yang diberikan oleh sarjana Barat tentang pengertian pragmatik. Thomas (1995) memerihalkan pragmatik berdasarkan dua sudut pandangan, iaitu dari sudut

pandangan sosial dan sudut pandangan kognitif. Sudut pandangan sosial menghubungkan pragmatik dengan makna yang disampaikan oleh penutur (*speaker meaning*) sementara sudut pandangan kognitif menghubungkan pragmatik dengan interpretasi ujaran (*utterance interpretation*). Lanjutan daripada itu, Thomas mengandaikan bahawa proses pemaknaan melibatkan komunikasi antara penutur dan pendengar berdasarkan konteks perbualan. Leech (1993) melihat pragmatik sebagai bidang linguistik yang mempunyai hubungan dengan semantik, iaitu melihat pragmatik dan semantik sebagai dua bidang yang saling melengkapi (p.6).

George Yule (1996), memberikan pengertian pragmatik berdasarkan empat konsep yang menjadi gagasan beliau. Pertama, pragmatik sebagai suatu kajian tentang makna yang diujarkan oleh penutur dan diinterpretasikan oleh pendengar. Kedua, pragmatik diertikan sebagai kajian makna berdasarkan konteks dengan mengambil kira faktor lawan tutur, tempat, masa dan tujuan percakapan berlangsung. Ketiga, pragmatik merujuk kepada kajian untuk memperoleh makna yang tersirat daripada makna yang tersurat sementara yang keempat, pragmatik ialah kajian yang melihat bentuk ekspresi melalui hubungan atau jarak sosial antara penutur dan pendengar.

Berdasarkan pandangan Thomas (1955), Leech (1993) dan Yule (1996), dapat dirumuskan bahawa pragmatik merupakan bidang kajian tentang makna yang diujarkan oleh penutur dan diinterpretasikan oleh pendengar berdasarkan konteks dalam perbualan bagi mencapai matlamat komunikasi walaupun pandangan tersebut mencakupi period yang berbeza. Komunikasi bukan sahaja memperlihatkan keperluan semantik dan sintaksis tetapi turut memerlukan pragmatik untuk melihat hubungan antara struktur yang digunakan oleh penutur dan tafsiran makna daripada

sesuatu perbualan. Fungsi pragmatik yang tidak terdapat dalam semantik dan sintaksis diperlihatkan melalui bagaimana strategi kesopanan mempengaruhi penggunaan bahasa, memahami implikatur dalam perbualan dan keadaan atau situasi yang menghadirkan sesebuah peristiwa bahasa.

Sehubungan dengan itu, kajian kesopanan bahasa dengan menggunakan teks Komsas, iaitu novel *MR* (2009) tercakup dalam bidang pragmatik. Novel ini akan dianalisis berdasarkan konteks peristiwa bahasa dengan memberikan fokus terhadap dialog yang dilafazkan oleh watak Fuad dan Farhana. Analisis setiap peristiwa bahasa tersebut dilakukan dengan menggunakan Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU), iaitu model yang terbentuk hasil daripada kombinasi model kesopanan Leech (1983) dan model kerjasama Grice (1975).

### **1.7 Bahan Kajian**

Kajian ini menggunakan genre novel yang bertajuk *MR* karya Hartini Hamzah. Novel *MR* merupakan novel yang telah dipilih oleh panel penilai untuk dijadikan bahan Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah dan digunakan oleh para murid tingkatan empat di Zon 4 (Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan) mulai tahun 2010. Novel ini digunakan khusus oleh para murid tingkatan empat manakala murid tingkatan lima di Zon ini menggunakan novel *Kabus di Perbukitan*. Novel ini mengandungi 19 bab dengan ketebalan 209 halaman. Novel ini diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd. pada tahun 2009 untuk edisi murid.

Bahan ini dipilih kerana telah diiktiraf bermutu atau memiliki keistimewaan. Perkara ini terbukti kerana novel ini pernah memenangi tempat pertama kategori Novel Remaja Hadiah Sastera Utusan Melayu & Public Bank pada tahun 1998.

Karya yang bermutu sudah tentu memiliki plot yang teratur, watak yang pelbagai, tema yang universal, persembahan yang menarik, sudut pandangan yang berkesan selain sarat dengan paparan nilai dan pengajaran. Menurut Othman Puteh (1995) mutu karya sesebuah teks pilihan berkaitan dengan bentuk dan isi, teknik dan muatan karya. Karya harus mempunyai mutu, tentunya yang bernas, matang, mencabar minda dan mempunyai upaya mengkritiskan dan mendewasakan pemikiran pelajar (p.39).

Bahan kajian ini juga dipilih kerana bahan ini disajikan dalam bentuk bertulis. Paparan dialog antara watak dapat diteliti dengan lebih mudah sekali gus memudahkan kajian ini dilakukan. Pengklasifikasian peristiwa akan dapat dilakukan dengan lebih teratur dan sistematik. Ab Rahman Ab Rashid (2006) berpendapat bahawa sesetengah peristiwa dan watak dalam novel boleh dijadikan konteks yang sesuai untuk membincang dan memupuk nilai-nilai murni (p.135). Oleh itu, bahan ini relevan sebagai data korpus untuk meneliti aspek kesopanan berbahasa.

Selain itu, kualiti bahasanya mudah difahami kerana memperlihatkan penggunaan bahasa kolokial dan bersahaja bagi memudahkan penyampaian mesej kepada pembaca khususnya para murid. Bahasa sastera dipilih, distruktur dan digarap dengan sempurna dan indah agar dapat melahirkan makna dan motif tertentu. Rahman Shaari (1990) memberikan pandangan bahawa bahan sastera menggunakan bahasa secara terbaik kerana karya yang dipilih itu bermutu, maka bahasanya menarik. Oleh itu, dapat diperjelas bahawa bahan ini memiliki bahasa yang berkualiti sekali gus memudahkan khalayak menerima dan menghayati mesej yang disampaikan sama ada yang bersifat ekspresif, emotif, imaginatif mahupun alam realiti. Oleh itu, pendapat Nik Safiah Karim (2003) bahawa salah satu aspek keindahan karya sastera

diperlihatkan melalui susunan bahasa yang luar biasa dan menyentuh perasaan (p.56), bertepatan dengan keistimewaan bahasa yang dimiliki bahan sastra.

Sehubungan dengan itu, bahan ini juga sarat dengan nilai-nilai murni yang dapat menyemai kesedaran, memberikan panduan dan pengajaran kepada para murid selain meningkatkan daya motivasi berdasarkan paparan nilai-nilai murni yang dimiliki para watak. Oleh itu, pemilihan bahan ini relevan dengan hasrat murni sebagaimana dalam FPK untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis selain memiliki sahsiah yang terpuji.

Lanjutan daripada itu, bahan ini mempunyai tema dan persoalan yang bersifat universal atau sejagat. Novel ini bertemakan kasih sayang yang meliputi kasih sayang kepada rakan, adik, ibu bapa, saudara mara, dan ibu bapa angkat. Tema kasih sayang merupakan tema yang bercorak kemasyarakatan dan tidak berkaitan langsung dengan isu yang sensitif malahan kasih sayang wujud dan perlu disuburkan dalam jiwa masyarakat. Persoalan dalam novel ini juga berkaitan dengan sosiobudaya yang melingkungi kehidupan seharian selain memaparkan pergolakan dan corak hidup yang merentas budaya masyarakat. Perkara ini bertepatan dengan pandangan Sohaimi Abdul Aziz (2002) bahawa hasil penulisan pengarang-pengarang di Malaysia harus merentasi pelbagai budaya yang terdapat di Malaysia. Isu-isu yang digarap pengarang memaparkan realiti yang boleh menghidupkan emosi dan suasana bagi menggalakkan penghayatan (p.46). Novel pilihan ini menggarap isu kahwin campur, kehidupan seorang mualaf, isu tanggungjawab dan transformasi positif berkait rapat dengan alam realiti kehidupan. Walau bagaimanapun, unsur konflik turut mewarnai plot novel ini yang selaras dengan realiti kehidupan masyarakat. Bahan ini dapat memberikan pengaruh besar terhadap cara berfikir, tentang

kehidupan, baik buruk sesuatu perbuatan selain memperkaya wawasan diri dan memupuk jati diri sebagai insan yang memiliki matlamat hidup.

Ringkasnya, bahan Komsas bukan sahaja dapat meningkatkan penghayatan terhadap nilai estetika, budaya masyarakat dan nilai-nilai murni malahan dapat mendedahkan dan mempertajamkan minda dalam kepekaan berkomunikasi.

### **1.7.1 Sinopsis Novel *Melunas Rindu* (MR)**

Fuad/Joshua/Abdul Halim ialah seorang pemuda yang berketurunan Cina dan beragama Islam. Ayahnya ialah Robert Lim yang berketurunan Cina dan berkahwin dengan Mariana yang berketurunan Melayu. Walau bagaimanapun, hidupnya penuh dengan liku kerana sejak kecil lagi dia tidak mengenali dan tidak mendapat kasih sayang daripada ibu dan bapanya. Dia dibesarkan oleh Peter Lim, iaitu bapa saudaranya yang juga adik kepada Robert Lim, iaitu ayah kandungnya. Selepas itu, dia menjadi anak angkat kepada Pak Ismail dan Mak Salmah. Fuad cuba mencari kubur ibunya dan mendapat sokongan moral daripada Pak Ismail, Mak Salmah, Peter Lim, Swee Lan. Robert Lim sendiri memberikan bantuan untuk mengesan ibunya melalui cincin yang diberikan Robert Lim kepada Mariana.

Selain itu, Fuad juga dibantu oleh Pak Said dan Pak Ngah Lias untuk mengesan pusara ibunya itu. Akhirnya, Fuad mendapat maklumat bahawa ibunya tidak meninggal dunia dan masih hidup. Fuad telah ditawarkan sebagai guru sandaran tidak terlatih di Sekolah Menengah Seri Setia oleh Cikgu Abas dan dia bersedia untuk menerima tawaran tersebut. Di sekolah itu Fuad telah berkenalan dengan Farhana yang menjadi Ketua Panitia Bahasa Inggeris dan Farhana banyak memberi bantuan kepadanya. Fuad sentiasa memberikan komitmen yang tinggi terhadap tugasnya dan hubungannya menjadi semakin rapat dengan Farhana. Hubungan yang



rapat itu akhirnya melahirkan perasaan cinta antara mereka berdua walaupun masing-masing tidak meluapkannya.

Semasa Fuad menemani Farhana di hospital kerana ibunya, iaitu Mariana dimasukkan ke hospital akibat sakit lelah itulah Fuad mengetahui bahawa nama emak Farhana itu sama dengan nama ibu kandungnya selepas terpandang nama emak Farhana pada rekod catatan perubatan. Fuad terpaksa menenangkan perasaan Farhana yang sukar menerima hakikat bahawa mereka berdua ialah adik-beradik manakala Fuad pula cukup bersedia untuk menerima hakikat itu kerana dia sudah biasa hidup dalam keadaan yang penuh dengan cabaran. Ayah kandung Fuad juga menyesali perbuatan silamnya yang meninggalkan Mariana selepas tiga bulan berkahwin tanpa sebarang berita. Robert Lim memohon maaf daripada Pak Ismail, Mak Salmah dan juga Mariana atas kesalahan-kesalahannya. Fuad juga akhirnya menerima hakikat bahawa Robert Lim ialah ayah kandungnya dan bertekad akan menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang anak dan abang kepada Farhana.

### **1.8 Batasan kajian**

Kajian ini dibataskan dengan memilih dialog yang dilafazkan oleh watak utama, iaitu Fuad/Joshua/Abdul Halim dan watak sampingan, iaitu Farhana. Terdapat lebih daripada 10 watak sampingan yang beraksi dalam novel ini dan pengkaji membataskannya dengan memilih satu watak sampingan yang dominan dari segi jumlah dialog, iaitu watak Farhana. Jumlah dialog yang dilafazkan oleh watak Farhana amat dominan dan signifikan dibandingkan dengan empat watak sampingan lain yang telah disenarai pendek, iaitu watak yang melafazkan dialog sekurang-kurangnya 10 dialog. Perkara ini terdapat dalam Jadual 1.5 yang berikut:

**Jadual 1.5:** Jumlah Dialog Antara Watak dalam *Novel Melunas Rindu*

<b>Watak</b> <b>Bab</b>	<b>Farhana</b>	<b>Pak Ismail</b>	<b>Zamani</b>	<b>Abas</b>	<b>Swee Lan</b>
<b>1</b>	-	5	-	-	-
<b>2</b>	-	9	-	-	-
<b>3</b>	-	-	-	6	-
<b>4</b>	12	-	-	4	-
<b>5</b>	11	-	-	-	-
<b>6</b>	-	10	7	-	-
<b>7</b>	18	-	-	-	-
<b>8</b>	3	-	-	-	10
<b>9</b>	-	-	-	-	-
<b>10</b>	-	-	-	-	-
<b>11</b>	-	-	-	-	-
<b>12</b>	32	1	-	-	-
<b>13</b>	-	-	11	-	-
<b>14</b>	-	-	-	-	-
<b>15</b>	2	3	-	-	-
<b>16</b>	20	-	-	-	-
<b>17</b>	9	-	-	5	-
<b>18</b>	-	-	-	-	-
<b>19</b>	1	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>107</b>	<b>28</b>	<b>18</b>	<b>15</b>	<b>10</b>

Jadual 1.5 menunjukkan jumlah dialog yang dituturkan oleh watak sampingan yang terdapat dalam novel *Melunas Rindu*. Oleh itu, didapati jumlah dialog watak sampingan yang dipilih, iaitu Farhana amat dominan kerana sebanyak 107 dialog dibandingkan dengan empat watak sampingan lain, iaitu Pak Ismail (28 dialog), Zamani (18 dialog), Abas (15 dialog) dan Swee Lan (10 dialog) yang hanya berjumlah 71 dialog keseluruhannya. Jumlah 107 dialog sudah pasti dominan dan signifikan dalam menggambarkan pelbagai maklumat dan peristiwa dibandingkan dengan 71 dialog.

Tambahan pula dialog watak Farhana muncul dalam 9 bab daripada 19 bab dalam novel ini, iaitu separuh daripada keseluruhan bab sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 1.6 berikut :

**Jadual 1.6:** Kedudukan Jumlah Dialog Watak Utama dan Sampingan

<b>Watak</b>	<b>Bab</b>	<b>Fuad</b>	<b>Farhana</b>	<b>Jumlah</b>
	<b>1</b>	-	-	-
	<b>2</b>	-	-	-
	<b>3</b>	-	-	-
	<b>4</b>	9	11	20
	<b>5</b>	11	11	22
	<b>6</b>	-	-	-
	<b>7</b>	16	18	34
	<b>8</b>	3	3	6
	<b>9</b>	-	-	-
	<b>10</b>	-	-	-
	<b>11</b>	-	-	-
	<b>12</b>	36	32	68
	<b>13</b>	-	-	-
	<b>14</b>	-	-	-
	<b>15</b>	3	2	5
	<b>16</b>	24	20	44
	<b>17</b>	11	9	20
	<b>18</b>	-	-	-
	<b>19</b>	1	1	2
	<b>Jumlah</b>	<b>114</b>	<b>107</b>	<b>221</b>

Berdasarkan Jadual 1.6, dialog watak Fuad dan watak Farhana hadir dalam Bab 4, 5, 7, 8, 12, 15, 16, 17 dan 19, iaitu sebanyak sembilan bab. Dalam Bab 1, 2, 3, 6, 9, 10, 11, 13, 14 dan 18, dialog antara Fuad dan Farhana tidak wujud dan hanya watak Fuad yang berdialog dengan watak sampingan lain yang tidak dipilih.

Jumlah dialog yang diujarkan oleh watak Fuad (114 dialog), Farhana (107 dialog) dan jumlah 221 dialog yang akan digunakan dalam kajian ini bukanlah jumlah mutlak yang mewakili jumlah ayat dalam sesuatu dialog kerana dialog dalam kajian ini dirujuk sebagai bentuk ujaran seseorang watak yang boleh menyamai jumlah satu ayat atau bentuk ujaran seseorang watak yang melebihi jumlah satu ayat dalam sesuatu peristiwa bahasa. Jumlah 221 dialog yang digunakan dalam kajian ini berjumlah 661 ayat. Oleh itu, jumlah dialog kedua-dua watak mencukupi atau memadai selain amat signifikan dalam setiap peristiwa bahasa yang akan dianalisis.

Selain itu, pengkaji membataskan pemilihan dialog berdasarkan kedua-dua watak tersebut kerana perbualan kedua-dua watak ini dapat memberikan gambaran tentang kesopanan berbahasa secara holistik dari sudut hubungan kedua-duanya yang bersifat dinamik. Hubungan mereka bermula sebagai rakan sekerja yang menggambarkan komunikasi yang situasinya secara formal berdasarkan penggunaan kata ganti nama *saya* dan *kata nama peribadi*. Setelah tempoh masa tertentu hubungan menjadi akrab dan jarak sosial semakin dekat sehingga berlakunya perubahan terhadap penggunaan kata ganti nama yang digunakan, iaitu *aku* dan *kau*. Keakraban mereka kemudiannya membibitkan perasaan sebagai pasangan kekasih, namun kemudian hubungan ini berubah sebagai adik-beradik kandung. Jadi peserta perbualan ini walaupun melibatkan dua orang watak tetapi dapat memperlihatkan hubungan yang pelbagai dan dinamik sifatnya selain memperlihatkan perubahan penggunaan kata sapaan.

Perbualan kedua-dua watak ini juga mencakupi pelbagai latar dan peristiwa. Latarnya meliputi sekolah atau pejabat, dalam kereta, di restoran, di rumah Farhana dan di hospital. Topik perbualan dalam setiap peristiwa juga pelbagai fokus, iaitu tentang urusan kerja, hal peribadi, hal rakan sekerja dan termasuklah hal keluarga. Oleh itu, perbualan kedua-dua watak ini mencukupi bagi memberikan gambaran secara menyeluruh tentang isi kandungan dan keseluruhan plot cerita.

Batasan pemilihan watak sedemikian juga bertitik tolak daripada konteks perbualan kedua-dua watak dapat menggambarkan tema novel secara keseluruhannya, iaitu tentang kasih sayang. Berdasarkan hubungan ini terbentuknya kasih sayang antara Fuad dan Farhana sebagai rakan sekerja, kemudian sayang sebagai kekasih dan akhirnya kasih sayang sebagai adik-beradik. Kasih sayang menjadi semakin kukuh apabila hubungan Fuad dengan Farhana mengheret Fuad

bertemu ibu yang dicarinya selama ini, iaitu Mariana yang juga ibu kandung Farhana. Pemilihan satu watak sampingan untuk digandingkan dengan watak utama dapat menggambarkan kesopanan berbahasa secara menyeluruh atas faktor-faktor tersebut.

Kajian ini juga tidak akan membincangkan aspek sastera secara terperinci dan mendalam. Walau bagaimanapun, kajian ini secara tidak langsung akan menyentuh atau menggunakan konsep yang wujud dalam bidang sastera seperti tema, subtema, dialog, watak, perwatakan dan latar dari perspektif linguistik.

Analisis yang dilakukan hanya melibatkan peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam bab-bab yang mengandungi dialog antara watak utama dan watak sampingan yang dipilih. Dialog-dialog yang menjadi korpus kajian dianalisis berlandaskan kombinasi maksim-maksim dalam model PS Leech dan maksim-maksim dalam model PK Grice sebagaimana dalam MPKMU.

Walaupun bagaimanapun, analisis kajian ini akan mengutamakan maksim-maksim Leech jika terdapat tumpang tindih yang ketara antara kedua-dua prinsip yang diketengahkan oleh kedua-dua sarjana ini. Maksim-maksim Grice akan diaplikasi jika terdapat kata, ungkapan dan ayat yang tidak dapat dipadankan dengan maksim-maksim Leech. Analisis dilakukan dengan mengenal pasti unsur bahasa yang digunakan dalam dialog antara watak berdasarkan peristiwa bahasa yang bersesuaian dengan padanan maksim-maksim bagi kedua-dua sarjana.

## **1.9 Kaedah Penyelidikan**

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan dan kaedah analisis teks dengan menggabungkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Kajian kepustakaan

melibatkan pembacaan dan pengumpulan bahan-bahan atau sumber yang berkaitan dengan tajuk kajian, iaitu tentang kesopanan berbahasa. Sumber utama yang bakal digunakan terdapat dalam bentuk bertulis seperti buku, majalah, jurnal, akhbar, kertas-kertas kerja seminar, tesis dan disertasi.

Kaedah analisis teks dilakukan dengan membuat pembacaan secara teliti. Pembacaan secara teliti dilakukan terhadap teks diikuti dengan pemilihan watak yang terlibat untuk dijadikan fokus kajian. Dalam konteks kajian ini, pembacaan secara teliti merupakan suatu proses yang dilakukan untuk mengenal pasti jumlah dialog antara watak utama dan watak sampingan yang lebih dominan. Umum mengetahui bahawa sesebuah novel mempunyai watak sampingan yang ramai dan novel ini memiliki lebih daripada 10 watak sampingan. Oleh itu, pengkaji perlu meneliti jumlah dialog yang diujarkan oleh setiap watak sampingan. Hasil daripada penelitian ini membolehkan pengkaji memilih satu watak sampingan yang menonjol dari segi peranannya dalam menggerakkan plot cerita selain jumlah dialognya lebih dominan. Berdasarkan jumlah dialog dan peranannya maka watak sampingan, iaitu Farhana lebih signifikan dibandingkan dengan watak sampingan yang lain.

Seterusnya, pengkategorian data dibuat dengan memilih dialog yang diujarkan oleh watak utama dengan satu watak sampingan yang telah dipilih. Dialog-dialog tersebut dikeluarkan dan melalui proses pelabelan atau pengekodan. Menurut Ary, Jacob & Razaveih (2002), data-data perlu dikategori dan diberikan kod atau melalui proses pengekodan sebelum dianalisis setelah data yang dalam bentuk tulisan diklasifikasi secara sistematik. Data atau dialog dikod berdasarkan tajuk buku, bab (jumlah halaman dalam satu-satu bab), watak yang melafazkan dialog, halaman dan nombor dialog mengikut urutan dalam sesebuah bab. Misalnya, MR-B4(11)-Fa-H37-D1/1. MR bermaksud *Melunas Rindu*, B4(11) bermakna Bab 4 dan angka 11 dalam

kurungan merujuk kepada jumlah halaman dalam Bab 4, singkatan Fa bagi nama watak yang melafazkan dialog, iaitu Farhana, H37 ialah halaman 37 dan D1/11 pula ialah dialog 1 daripada 11 dialog yang dilafazkan oleh watak Farhana dalam Bab 11. Tujuan pengkodan adalah untuk memudahkan pengenalanpastian data analisis.

Seterusnya, data-data yang telah melalui proses pengkodan, diklasifikasi berdasarkan peristiwa bahasa sebelum dianalisis. Pengklasifikasian ini mengambil kira faktor topik, latar dan faktor kesenyapan. Berdasarkan faktor-faktor tersebut, korpus kajian ini telah diklasifikasikan kepada 33 peristiwa.

Analisis kuantitatif diaplikasi untuk menunjukkan jumlah dan peratusan pola kesopanan berbahasa yang dipaparkan dalam bentuk jadual dan carta pai. Tujuannya adalah untuk memperlihatkan jumlah dan peratusan pola-pola kombinasi maksim yang dominan berdasarkan dapatan kajian yang seterusnya dapat memberikan gambaran tentang pola kesopanan berbahasa yang signifikan.

#### **1.10 Kepentingan Kajian**

Kajian ini diharap dapat menambah khazanah dalam bidang pragmatik khususnya dalam aspek kesopanan berbahasa dengan menggunakan bahan Komsas memandangkan tumpuan terhadap aspek ini masih terbatas. Keterbatasan dan kekurangan kajian ini perlu diberi perhatian supaya dapat memperkasa kepentingan Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berdasarkan penelitiannya dari sudut pragmatik. Oleh itu, kajian ini dapat diperbanyak dan seterusnya dapat menjadi pemangkin terhadap kajian-kajian baharu dalam bidang pragmatik dengan menggunakan bahan Komsas yang mengkhusus kepada aspek kesopanan. Kepentingan bidang pragmatik ini dapat dikesan melalui pandangan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2009) yang memberi penegasan bahawa aspek kecekapan

pragmatik perlu diterapkan kerana kecekapan pragmatik dapat menyerlahkan penggunaan bahasa sebagai aksi sosial, mewakili hajat seseorang dan panduan tingkah laku dalam berkomunikasi yang sekali gus menonjolkan keterampilan berbahasa seseorang. Hakikatnya, keterampilan berbahasa dapat dicungkil melalui penghayatan terhadap bahan-bahan sastera dari sudut pragmatik. Impaknya, kajian ini akan dapat memperkaya khazanah ilmu kesantunan Melayu.

Selain itu, kajian kesopanan berbahasa dalam novel *Melunas Rindu* diharap dapat memberi sumbangan sebagai sumber rujukan tentang aspek kesopanan berbahasa dalam bahan Komsas di peringkat sekolah dan institusi pendidikan. Bahan-bahan Komsas menyajikan nilai-nilai murni untuk penghayatan para murid yang aspirasinya untuk membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia. Kajian ini juga memberikan fokus terhadap nilai-nilai murni tetapi nilai-nilai murni ini dihuraikan secara komprehensif dan holistik dengan tumpuan terhadap aspek kesopanan berbanding dengan hanya penyenaian 16 nilai murni yang terdapat dalam Huraian Sukatan Pelajaran sebagaimana yang menjadi hasrat dalam FPK. 16 nilai murni tersebut ialah Baik Hati, Berdikari, Hemah Tinggi, Hormat-Menghormati, Kasih Sayang, Keadilan, Kebebasan, Keberanian, Kebersihan Fizikal dan Mental, Kejujuran, Kerajinan, Kerjasama, Kesederhanaan, Kesyukuran, Patriotisme, Rasional dan Semangat Bermasyarakat.

Kajian ini akan memperincikan aspek kesopanan berbahasa dengan berlandaskan gabungan dua model kesopanan, iaitu model Leech yang mengetengahkan enam maksim dan diklasifikasikan kepada empat skala, iaitu skala Kos-Manfaat, skala Pujian-Cacian, skala Persetujuan dan skala Simpati. Sementara model Grice pula mengutarakan empat maksim, iaitu Maksim Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara.



Kajian ini akan dapat memperlihatkan aspek kesopanan berbahasa yang signifikan pada aras pemikiran yang lebih tinggi secara terperinci sebagaimana yang diaplikasikan dalam dialog-dialog yang dilafazkan oleh para watak yang terlibat. Kesenambungannya, kajian ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan yang berguna dalam memmanifestasikan kesopanan berbahasa di pelbagai peringkat.

Kajian ini juga diharap dapat memberi pendedahan tentang penggunaan aspek kesopanan berbahasa secara tersirat dan tersurat kepada individu khususnya para murid. Amalan kesopanan berbahasa ini secara tidak langsung akan dapat membentuk jati diri yang berkualiti dan membina insaniah dalam kehidupan para murid melalui paparan peristiwa dan dialog yang memenuhi prinsip kesopanan. Para murid dapat didedahkan dengan konteks budaya dan sosial di samping mereka mengasah bakat kemahiran berbahasa kerana kesopanan berbahasa merupakan suatu kemahiran. Para murid dapat belajar berdasarkan penghayatan dan peniruan terhadap aksi, tindakan berhemah, penampilan yang mulia, tingkah laku positif dan sikap dermawan watak-watak dalam genre yang menjadi bahan Komsas.

Unsur motivasi mewarnai watak dalam novel *Melunas Rindu* dan murid sememangnya wajar mendapat input unsur motivasi ini demi memperkaya pengetahuan yang berguna. Ismail Mis (2011) menjelaskan bahawa unsur motivasi seperti unsur pengorbanan, kesabaran, kerajinan, ketabahan, optimistik dan keyakinan yang tinggi dapat mengubah pemikiran dan merawat jiwa individu yang dizahirkan oleh watak utamanya (p.26). Paparan unsur-unsur ini memberikan gambaran secara realiti tentang kehidupan di alam fana dan mengajar murid untuk bersedia menghadapi cabaran selain memugar tendensi dan potensi yang ada dalam diri mereka untuk mencapai matlamat pada masa depan. Penghayatan terhadap unsur motivasi ini sekali gus memberikan pendedahan tentang tatacara berkomunikasi

dalam kalangan murid. Perkara ini bertepatan dengan pendapat Teo Kok Seong (2003) bahawa kesopanan berbahasa merupakan salah satu aspek yang penting lebih-lebih lagi semasa mengajar Bahasa Melayu yang akan berjaya menghasilkan para murid atau pengguna yang boleh berfungsi dengan baik dalam komuniti bahasa Melayu (p.23) sementara Abdullah Sani Yahya (2007) menegaskan bahawa memang tidak dinafikan bahawa penggunaan bahan-bahan sastera dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa pelajar serta menghiburkan mereka dengan keindahan dan mesej yang dibawa. Ternyata bahan sastera signifikan dalam menyuburkan amalan sopan dalam berbahasa yang dapat dikaitkan dengan akal dan bahasa menjadi wahana akal untuk melahirkan buah fikiran yang bernas dan positif selain mempamerkan kejernihan fikiran dan kebijaksanaan menggunakan bahasa dalam berkomunikasi.

Kesinambungannya, murid tahu menggunakan bahasa mengikut situasi dan mengambil kira faktor seperti siapa lawan pemerannya, situasi, tempat dan tujuan komunikasi berdasarkan konteks yang sesuai. Secara tidak langsung, murid yang berakhlak mulia dan berjiwa halus dapat dilahirkan di samping memenuhi prinsip Rukun Negara yang kelima, iaitu Kesopanan dan Kesusilaan selain melahirkan generasi yang beradab dan membudayakan kesopanan dalam berkomunikasi dengan sesiapa sahaja. Kita tidak mahu melahirkan suatu bangsa seperti robot yang tidak mempunyai nilai-nilai kemanusiaan ketika bertindak atau mengambil keputusan. Jeniri Amir (2009) menegaskan bahawa pemupukan, penghayatan dan penggunaan bahasa yang sopan dalam masyarakat hendaklah ditekankan kerana amalan ini menggambarkan amalan budaya tinggi. Budi bahasa tidak akan sempurna tanpa bahasa yang sopan selain perlu menyerlahkan kejelasan, kejujuran, ketepatan, keindahan dan kehalusan bahasa.

Tuntasnya, tidak dapat dinafikan bahawa kesopanan berbahasa amat signifikan untuk dibudayakan dalam kehidupan masyarakat keseluruhannya. Mohd Fahmi Mohamed Zaki (2011) menyatakan bahawa dengan bahasa kita menyembunyikan atau mengungkapkan fikiran dan dengan bahasa juga kita dapat mengakhiri sesuatu konflik dan pertelingkahan (p.14). Sementara Azlina Mohd Kiram (2010) berpendapat bahawa Islam juga menegaskan umatnya supaya sentiasa memelihara aib diri dan orang lain, menjaga kesopanan tutur kata dan tingkah laku serta memelihara maruah kerana Allah (p.61). Kedua-dua pandangan tersebut merupakan representasi bahawa bahasa yang sopan akan dapat melahirkan bangsa yang bertamadun, berjati diri dan terhindar daripada sengketa.

### **1.11 Konsep Operasional**

Berikut merupakan konsep-konsep yang digunakan dalam kajian ini, iaitu:

#### **1.11.1 Dialog**

*Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007) memerihalkan pengertian dialog sebagai kata-kata yang dituturkan oleh watak-watak dalam drama atau fiksyen. Dalam kajian ini pula, dialog bermaksud bentuk ujaran seseorang watak yang boleh menyamai jumlah satu ayat ataupun lebih. Jumlah dialog adalah berdasarkan kepada sesuatu konteks peristiwa bahasa.

#### **1.11.2 Komsas**

Komsas ialah elemen komponen sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam sistem pendidikan negara mulai tahun 2000 di seluruh sekolah menengah. Bahan Komsas yang menjadi elemen dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ialah genre cerpen, drama, novel, prosa

tradisional, puisi tradisional dan puisi moden atau sajak. Dalam kajian ini, genre novel yang digunakan oleh murid tingkatan empat di Zon 4 yang akan diteliti.

### **1.11.3 Prinsip Kesopanan**

Prinsip dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007) bermaksud asas atau dasar (yang menjadi pokok sesuatu pemikiran, kajian, tindakan) hukum sesuatu teori. Kesopanan yang sinonim dengan kesantunan pula bermaksud perihal santun, kesopanan, kehalusan (yang merujuk pada budi bahasa atau budi pekerti) baik dalam bahasa lisan ataupun tulisan. Oleh itu, Prinsip Kesopanan (PS) dalam kajian ini merujuk kepada cara atau peraturan menggunakan bahasa secara halus dan sopan dalam berkomunikasi atau berdialog seperti yang tercakup dalam kerangka PS Leech (1983).

### **1.11.4 Maksim**

Maksim dalam *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (2003) bermaksud ayat (kalimat), frasa atau kata yang digunakan sebagai semboyan, pedoman atau prinsip. Dalam kajian ini, maksim merujuk kepada pecahan prinsip yang dikemukakan oleh Leech (1983), iaitu enam maksim dalam PS dan empat maksim dalam PK Grice (1975).

### **1.11.5 Ungkapan**

Ungkapan ialah susunan kata yang digunakan dalam percakapan (tulisan), frasa atau rangkai kata yang tertentu susunan katanya dan melebihi jumlah satu kata.

### **1.11.6 Leksikal/Kata**

Leksikal dalam *Dictionary of Language Teaching & Learning Applied Linguistics* (1995, p.210) bermaksud “*the smallest unit in the meaning system of language that*

*can be distinguished from other similar units. A lexeme is an abstract unit. It can be occur in many different forms in actual spoken or written sentences, and is regarded as the same lexeme even when inflected*". Bertitik tolak daripada definisi tersebut, kata dalam kajian ini merujuk pada bentuk kata atau perkataan yang digunakan dalam percakapan atau penulisan dan mengandungi makna yang tertentu mengikut konteks penggunaannya yang berubah-ubah.

#### **1.11.7 Prinsip Kerjasama**

Prinsip Kerjasama (PK) ialah suatu peraturan dalam perbualan bagi melancarkan komunikasi seperti yang dikemukakan oleh Grice (1975). Terdapat empat maksim yang menjadi gagasan PK Grice ini, iaitu Maksim Kuantiti, Maksim Kualiti, Maksim Relevan dan Maksim Cara.

#### **1.11.8 Pemetaan**

Pemetaan dalam kajian ini merujuk pada paparan aturan struktur berdasarkan peristiwa bahasa.

#### **1.11.9 Struktur**

Struktur dalam kajian ini merujuk pada kaedah aturan penggunaan unsur bahasa berdasarkan maksim.

#### **1.11.10 Pemetaan struktur**

Pemetaan struktur dalam kajian ini merujuk pada paparan aturan struktur penggunaan unsur bahasa berdasarkan maksim dalam peristiwa bahasa.

### **1.11.11 Unsur bahasa**

Unsur bahasa dalam kajian ini merujuk pada kata, ungkapan dan ayat yang digunakan dalam dialog.

### **1.11.12 Peristiwa bahasa (*speech event*)**

Peristiwa bahasa menurut Muriel Saviile-Troike (1991, p.30) antaranya merujuk pada satu set komponen yang seragam, dimulai tujuan umum, topik umum yang sama, melibatkan peserta yang sama, peraturan interaksi yang sama dan latar yang sama. Peristiwa berakhir apabila berlaku perubahan pada peranan dan fokus perhatian. Jika tidak berlaku sedemikian, maka garis sempadan antara peristiwa ditandai jarak masa kesenyapan. Ringkasnya, peristiwa bahasa dalam kajian ini turut merujuk pada konsep yang sama, iaitu ada topik, latar, peserta serta ditandai kesenyapan selain mengandungi dialog antara watak utama dan satu watak sampingan yang telah melalui proses pelabelan. Dalam kajian ini, perkataan peristiwa turut digunakan untuk merujuk kepada peristiwa bahasa.

### **1.11.13 Tema dan subtema**

Hashim Awang (1987, p.82) memerihalkan tema ialah gagasan, fikiran atau persoalan utama yang mendasari sesebuah karya dan terungkap secara eksplisit dan implisit manakala Rahman Shaari (1985, p.94) pula memberikan pengertian tema sebagai idea pusat atau idea dasar atau persoalan pokok bagi sesebuah karya. Kedua-dua pandangan memberikan pengertian tema yang sinonim. Dalam kajian ini, tema juga merujuk kepada idea atau gagasan utama dalam novel *Melunas Rindu* dan subtema pula merupakan idea sokongan untuk memperkukuh tema atau gagasan utama yang akan diteliti dari perspektif linguistik.

#### **1.11.14 Konteks**

Dalam kajian ini konteks merujuk kepada satu perenggan sebelum dan satu perenggan selepas peristiwa yang dirujuk jika didapati relevan dan berkesinambungan dengan data. Sekiranya berlaku kasus sebaliknya, maka dua ayat sebelum dan dua ayat selepas peristiwa yang dirujuk akan diambil kira sebagai konteks.

#### **1.11.15 Pradata**

Pradata dalam kajian ini merujuk kepada kewujudan penyediaan konteks sebelum data atau peristiwa bahasa yang dirujuk.

#### **1.11.16 Pascadata**

Pascadata dalam kajian ini merujuk kepada kewujudan penyediaan konteks selepas data atau peristiwa bahasa yang dirujuk.

#### **1.11.17 Signifikan**

Signifikan dalam kajian ini merujuk kepada analisis konteks yang memberikan impak atau kesan kepada penggunaan jumlah dialog dalam peristiwa bahasa sama ada berdasarkan kewujudan konteks pradata sahaja atau pascadata sahaja atau gabungan pra dan pascadata.

#### **1.11.18 Dominan**

Dominan dalam kajian ini merujuk kepada jumlah peristiwa bahasa yang bilangannya lebih banyak berdasarkan analisis konteks.

### **1.11.19 Pengklasifikasian**

Pengklasifikasian dalam kajian ini merujuk kepada proses mengkategorikan pola kombinasi maksim yang terbentuk hasil daripada analisis ke dalam Model Pola Kombinasi Maksim Umum yang mengandungi enam pola, iaitu Pola 1, Pola 2, Pola 3, Pola 4, Pola 5 dan Pola 6 berdasarkan prinsip hampir sama, ekonomis dan tepat.

### **1.11.20 Penyediaan konteks Ø**

Penyediaan konteks Ø dalam kajian ini merujuk kepada peristiwa bahasa yang memperlihatkan penyediaan konteks yang tidak relevan sama ada pradata, pascadata atau gabungan kedua-dua situasi.

### **1.11.21 Strategi**

Strategi dalam kajian ini merujuk kepada kaedah yang digunakan untuk mencapai objektif komunikasi.

## **1.12 Rumusan**

Bab ini telah membincangkan 11 perkara, iaitu bahagian pendahuluan, Komsas, sorotan kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, bidang kajian, bahan kajian, batasan kajian, kaedah penyelidikan, kepentingan kajian dan konsep operasional yang digunakan dalam kajian ini. Semua perkara yang telah dibincangkan dalam bab ini menjadi landasan, asas dan garis panduan kepada kajian yang akan dilakukan dalam penyelidikan ini. Bab 2 pula akan membincangkan kerangka teoretis dan metodologi.



## **BAB 2: KERANGKA TEORETIS DAN METODOLOGI**

### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini akan membicarakan konsep kesopanan dan model-model kesopanan yang digunakan dalam kajian ini. Model yang diaplikasi dalam kajian ini ialah Prinsip Kerjasama Grice (1975) dan Prinsip Kesopanan Leech (1983). Bab ini juga akan memperincikan kerangka teoretis bagi kedua-dua model. Selain itu, bab ini juga membicarakan proses pembentukan Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU) selain perincian terhadap pengaplikasian tiga prinsip, iaitu tepat, hampir sama dan ekonomis. Bab ini diakhiri dengan bahagian rumusan.

### **2.2 Konsep Kesopanan**

Kesopanan atau *politeness* dalam *Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistics* (1995) bermaksud (a) “*how language express the social distance between speakers and their different role relationship*” (b) *how face-work that is, the attempt to establish, maintain and save face during conversation, is carried out in a speech community*” (p.281). Sarjana Barat, iaitu Lakoff (1974) memerihalkan kesopanan sebagai perlakuan yang mengurangkan pergeseran dalam interaksi dan penutur sentiasa memberikan keselesaan kepada pendengar dalam interaksi berlandaskan tiga peraturan yang digagaskan oleh beliau, iaitu jarak, pilihan dan keselesaan manakala Leech (1983) menghubungkan kesopanan dengan perlakuan yang mewujudkan dan mengekalkan pengiktirafan diri dalam interaksi antara penutur dan pendengar.

Tenas Effendy (2011) dalam karyanya *Kesantunan dan Semangat Melayu* memerihalkan kesopanan atau kesantunan sebagai perilaku yang “tahu diri” atau “sedar diri”, yakni perilaku yang mencerminkan kearifan dan kebijaksanaan dalam

menilai dan mengukur kemampuan diri agar dapat menempatkan dirinya secara baik dan benar dalam kehidupan berumah tangga, bermasyarakat, berbangsa dan bernegara (p.5). Awang Sariyan (2007) pula dalam buku beliau yang bertajuk *Santun Berbahasa* menghubungkan kesopanan dengan prinsip utama Islam. Awang Sariyan (2007) menyifatkan kesopanan berbahasa berdasarkan prinsip Islam mempunyai hubungan yang erat dengan peranan manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini, iaitu menyeru kebaikan (*amar ma'ruf*) dan mencegah kemungkaran (*nahi mungkar*) (p.7). Beliau menegaskan bahawa hubungan sesama manusia dan hubungan dengan pencipta harus dipelihara kerana dapat memancarkan manfaat selain memberi penekanan terhadap kesopanan dalam kehidupan bermasyarakat.

Asmah Omar (1996) menghubungkan penggunaan bahasa sehari-hari yang tidak menimbulkan kemarahan, kegusaran atau rasa kecil hati daripada pihak yang lain untuk mewakili penggunaan bahasa yang sopan (p.88). Sementara Noriati A.Rashid (2005) menyimpulkan kesopanan sebagai penggunaan kata-kata yang sesuai, tidak menimbulkan konflik dan sentiasa menjaga air muka pendengar (p.35). Indirawati Zahid (2010) pula memperkatakan bahasa halus sebagai gambaran kesopanan dengan pelbagai cara seperti melalui pemilihan perkataan, penggunaan ungkapan, penggunaan kata sapaan yang tepat dan sesuai dengan konteks, prosodi yang betul dan kinesik yang mematuhi norma dalam sesuatu masyarakat penutur (p.12). Beliau menegaskan bahawa pemilihan kata perlu dilakukan dengan tepat agar dapat membentuk ungkapan yang bersopan santun selain mencapai objektif komunikasi (Indirawati Zahid, 2005b).

Sehubungan dengan itu, berdasarkan pandangan sarjana Barat dan tempatan tersebut dapat disimpulkan bahawa kesopanan merupakan penggunaan bahasa yang

berlapik, halus, berhemah, mengambil kira jarak sosial antara penutur dan pendengar dengan tidak mengesampingkan perbezaan peranan, budaya dan prinsip agama selain menggunakan kebijaksanaan dalam pemilihan kata agar dapat memancarkan kesopanan. Hal ini termasuklah usaha untuk menjaga atau menyelamatkan air muka semasa berkomunikasi agar tidak ada pihak yang tersinggung atau berkecil hati sebaliknya semua pihak mendapat kebaikan atau manfaat. Kesopanan yang mencerminkan budaya masyarakat sekali gus dititikberatkan dalam agama yang menyeru agar semua pihak menzahirkan kesopanan dalam perhubungan dengan pihak lain. Kesopanan berbahasa memberikan impak yang signifikan kepada minda, jiwa dan aspek rohani khalayaknya apabila pendengar berasa tenang dan sejuk hati. Pertuturan yang bersopan santun dapat mengharmoniskan hubungan di antara satu sama lain sekali gus semua pihak berada dalam situasi bebas konflik.

### **2.3 Model-Model Kesopanan**

Perkembangan bidang pragmatik telah memangkinkan kemunculan pengkaji-pengkaji Barat dengan mengetengahkan model masing-masing untuk meneliti aspek kesopanan. Antara model kesopanan yang terkenal dan diaplikasi dalam kajian ini ialah Model Prinsip Kerjasama Grice (1975) dan Model Prinsip Kesopanan Leech (1983).

#### **2.3.1 Model Prinsip Kerjasama Grice (1975)**

Grice (1975) telah mengemukakan model kerjasama dan dikenali sebagai Prinsip Kerjasama (PK) untuk memperlihatkan pertalian dan perkaitan antara maksud dengan kuasa. Secara umumnya, PK Grice ini ialah prinsip atau peraturan atau tatacara yang perlu dipatuhi oleh penutur-penutur dalam perbualan mereka untuk menghasilkan satu komunikasi yang berkesan dengan kewujudan kerjasama

kedua-dua belah pihak yang mengambil bahagian dalam perbualan tersebut. Prinsip ini merupakan satu kaedah yang unggul atau ideal untuk mengatur pertuturan atau interaksi verbal bersemuka. PK ini membolehkan sesuatu perbualan berjalan dengan lancar apabila mereka yang terlibat dalam perbualan mengandaikan bahawa pasangan mereka sedang bekerjasama dan seterusnya dapat menggambarkan kesopanan berbahasa.

Jelasnya, maksim-maksim yang dikemukakan oleh Grice seolah-olah menjadi pengawal kepada peserta supaya mengujarkan sesuatu yang mewujudkan kerjasama dan mampu menyumbang ke arah matlamat komunikasi atau wacana perbualan tersebut. Dalam membincangkan PK Grice, Leech (1993) berpendapat bahawa maksim-maksim kerjasama dapat mengurangkan kekeliruan dan ketaksaan dalam peristiwa komunikasi (p.80). Empat maksim yang dikemukakan oleh Grice (1975) ialah Maksim Kuantiti, Maksim Kualiti, Maksim Relevan dan Maksim Cara dan perinciannya seperti berikut:

<b>Maksim Kuantiti</b>	: Memberi maklumat yang sempurna 1. Memberi maklumat yang informatif dan mencukupi 2. Jangan memberi maklumat yang berlebihan daripada yang diperlukan
<b>Maksim Kualiti</b>	: Memberi maklumat yang betul 1. Tidak menyebut sesuatu yang anda tidak tahu atau benar 2. Tidak menyebut sesuatu yang anda tidak tahu dalil atau kesahihan buktinya
<b>Maksim Relevan</b>	: Maklumat yang relevan 1. Maklumat yang disampaikan haruslah berkaitan dan mempunyai pertalian
<b>Maksim Cara</b>	: Menyatakan sesuatu dengan cara yang jelas dan mudah difahami dan harus : 1. Tidak kabur    2. Tidak taksa    3. Ringkas    4. Tersusun

(Sumber: Grice, 1975)

### **2.3.1.1 Maksim Kuantiti**

Maksim Kuantiti berpegang pada prinsip pastikan sumbangan maklumat anda secukupnya yang diperlukan dan jangan jadikan sumbangan anda lebih bermaklumat daripada yang diperlukan. Oleh itu, Grice (1975) telah membuat analogi berkaitan dengan Maksim Kuantiti, iaitu katakanlah anda sedang membantu saya membaiki sebuah kereta, saya jangkakan sumbangan anda tidak lebih dan tidak kurang daripada yang diperlukan (p.47). Misalnya, jika saya meminta empat pemutar skru, saya akan menjangkakan anda memberikan saya empat pemutar skru, bukannya anda memberikan saya dua, tiga atau enam pemutar skru. Berdasarkan analogi tersebut, Maksim Kuantiti ini sebenarnya memberikan penekanan terhadap ketepatan maklumat yang diperlukan. Perkara ini memberikan penjelasan bahawa dalam komunikasi maklumat yang disampaikan mestilah mencukupi atau memenuhi kehendak soalan atau permintaan dalam sesuatu sesi perbualan. Maksim ini tidak memerlukan sumbangan maklumat yang berlebihan kerana maklumat yang berlebihan akan membosankan pendengar.

### **2.3.1.2 Maksim Kualiti**

Dalam menjelaskan Maksim Kualiti pula, Grice (1975) membuat analogi, iaitu saya jangkakan sumbangan anda adalah asli dan bukannya palsu. Jika saya perlukan gula sebagai bahan ramuan dalam kek, saya tidak akan menjangkakan anda memberikan saya garam, jika saya perlukan sudu, saya tidak jangkakan anda akan memberikan saya sudu palsu yang diperbuat daripada getah. Berdasarkan analogi di atas, maka prinsip Maksim Kualiti yang dikemukakan oleh Grice adalah jangan mengatakan sesuatu yang anda percaya tidak benar dan jangan mengatakan sesuatu yang tidak ada dalil yang mencukupi. Maksim Kualiti mementingkan kejujuran dan kebenaran sesuatu maklumat. Kejujuran menjadi agenda yang penting dalam maksim ini kerana

setiap maklumat yang disampaikan perlu disertai bukti yang kukuh atau alasan yang konkrit. Grice (1975) menyatakan empat perkara yang akan melanggar Maksim Kualiti ialah ironi, metafora, meiosis dan hiperbola (p.53). Ironi berlaku apabila penutur tidak mengutarakan maklumat yang sebenar walaupun mengetahuinya. Misalnya, A telah mengkhianati B namun B tetap menyatakan bahawa A ialah kawan baiknya walaupun B telah mengetahui pengkhianatan yang dilakukan oleh A. Metafora pula merujuk kepada situasi apabila penutur menyatakan sesuatu yang palsu dan bertentangan dengan perkara sebenar yang hendak disampaikan. Sementara meiosis merujuk kepada ujaran atau pernyataan yang tidak memperlihatkan kesahihan tentang sesuatu kejadian atau peristiwa sebenar yang berlaku. Hiperbola pula merupakan ungkapan dan pernyataan yang berlebih-lebihan untuk memperoleh kesan tertentu.

### **2.3.1.3 Maksim Relevan**

Maksim Relevan berkaitan dengan sumbangan yang berkaitan atau mempunyai pertalian yang rapat dengan keperluan atau permintaan. Dengan kata lain, jawapan yang diberikan mestilah relevan dengan apa-apa yang dikehendaki soalan sama ada jawapan secara langsung atau secara tidak langsung atau sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Grice (1975) mengemukakan analogi untuk menggambarkan Maksim Relevan, iaitu saya menjangkakan sumbangan yang diberikan sesuai dengan apa-apa yang diperlukan, jika saya sedang mencampurkan ramuan ke dalam kek, saya tidak menjangkakan anda memberikan saya sebuah buku atau pakaian (p.47). Dalam sesuatu komunikasi, maksim ini perlu dipatuhi untuk mewujudkan kerjasama dalam berbahasa. Dalam konteks kesopanan, Maksim Relevan sangat penting kerana pendengar akan berasa tersinggung sekiranya sesuatu yang disampaikan tidak

berkaitan dengan tajuk/topik atau tema perbualan. Contoh yang menggambarkan Maksim Relevan:

A: Siapa yang memakan roti saya?

B: Saya tengok Ali yang duduk di sini tadi.

Jawapan B di atas masih relevan dengan soalan yang dikemukakan oleh A. Walaupun jawapan B itu tidak secara langsung menjawab soalan A, namun dapat dijelaskan perkaitannya. Sebenarnya B mengelak daripada dituduh A, jadi memberikan jawapan sedemikian, iaitu bukan dia atau lebih jelasnya B ingin memberitahu bahawa bukan dia yang memakan roti itu dan ada orang lain, iaitu Ali.

#### **2.3.1.4 Maksim Cara**

Maksim ini menekankan ungkapan yang jelas agar perbualan yang berlaku mudah difahami dan maklumat mudah diterima sekali gus menyumbang terhadap kelancaran komunikasi. Maksim ini menyarankan penutur agar mengelak daripada mengucapkan sesuatu yang kabur, taksa dan ayat yang berbelit-belit. Seandainya contoh dalam Maksim Relevan diambil kira, B sepatutnya memberi jawapan bahawa “Bukan saya yang memakan roti itu”. Jawapan ini jelas menepati kehendak soalan tanpa perlu berselindung dan mengelak dituduh. Berdasarkan maksim ini penutur perlu memberi penjelasan, bercakap dengan teratur atau tertib, membuat penegasan, memberikan penjelasan dan mengulang maklumat yang perlu untuk memberikan penekanan terhadap sesuatu perkara agar maklumat yang disampaikan lebih jelas dan tidak menggambarkan kekaburan. Ketaksaan dan kekaburan makna akan menghalang kerjasama antara penutur dan pendengar dalam berkomunikasi.

Ringkasnya, maksim-maksim yang diketengahkan oleh Grice (1975) bertindak sebagai pengawal dalam perbualan agar sesi komunikasi menjadi lebih berkesan dan wujudnya kerjasama. Model yang diketengahkan oleh Grice (1975) ini ada kekurangannya dan menjadi pemangkin terhadap kemunculan model Leech (1983). Walau bagaimanapun, Leech (1983) mengatakan bahawa prinsip ini memperlihatkan keistimewaan kerana membawa masuk nilai komunikasi misalnya nilai kejujuran dalam kajian bahasa. Kajian ini akan mengaplikasikan keempat-empat maksim yang diusulkan oleh Grice, iaitu Maksim Kuantiti, Maksim Kualiti, Maksim Relevan dan Maksim Cara untuk melengkapinya maksim-maksim Leech.

### **2.3.2 Model Prinsip Kesopanan Leech (1983)**

Leech (1983) telah mengemukakan model kesopanan dan diberi nama Prinsip Kesopanan (PS) yang berlandaskan enam maksim, iaitu Maksim Kebijaksanaan, Maksim Kedermawanan, Maksim Sokongan, Maksim Kerendahan Hati, Maksim Persetujuan dan Maksim Simpati. Keenam-enam maksim ini menjadi kerangka bagi mencerminkan kesopanan dalam berkomunikasi. PS diusulkan oleh Leech adalah untuk menyelamatkan PK yang diketengahkan oleh Grice (1975) yang mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu.

Leech (1993) menyatakan bahawa PK tidak dapat menjelaskan (i) mengapa orang selalunya tidak secara terus menyampaikan perkara yang mereka maksudkan dan (ii) apakah pertalian yang wujud antara maksud dengan kuasa dalam jenis ayat yang bukan ayat berita (p.95). Selain itu, maksim dalam PK bukan bersifat sejagat dan bukan semua maksim ini dapat digunakan dalam komunikasi yang sebenar. Misalnya, dalam mengaplikasikan Maksim Kualiti tidak semua orang akan mengemukakan bukti/dalil ketika berkomunikasi dan sukar untuk memberikan



maklumat yang secukupnya seperti yang dikehendaki dalam Maksim Kuantiti. Oleh itu, gagasan-gagasan peraturan dalam maksim-maksim Grice sukar dipatuhi dalam perbualan, namun maksim-maksim ini dapat dijadikan asas bagi mendapatkan maklumat dengan berkesan.

Oleh itu, Leech mengambil tindakan dengan mengusulkan PS yang bertindak sebagai pelengkap kepada PK dan menyelamatkan PK daripada kekurangan-kekurangan tersebut (Leech 1993, p.96). Model kesopanan yang diusulkan oleh Leech mengutamakan ujaran yang beradab dan sentiasa mengutamakan pihak lain daripada diri sendiri bagi meletakkan diri kita berada dalam kerangka kesopanan selain dapat mewujudkan hubungan yang mesra. Kerangka Leech juga memberikan penekanan terhadap kos manfaat dan konsep keterusan dan ketidakterusan. Bagi Leech, selain daripada gagasan yang diberikan oleh Grice, dalam sesuatu perbualan juga memerlukan unsur kesopanan berbahasa untuk memahami maksud sesuatu ujaran. PS Leech lebih menekankan faktor budaya masyarakat, konteks ujaran, penutur dan pendengar dan matlamat ujaran dalam menyampaikan maksud dengan berkesan. Tegasnya, prinsip yang dikemukakan oleh Leech merupakan pelengkap dan penyelamat kepada PK Grice untuk menyampaikan makna sebaik mungkin. PS ini lebih memberi fokus pada tingkah laku beradab yang menghubungkan dua pihak dalam sesuatu proses komunikasi, iaitu antara diri sendiri yakni penutur dan orang lain yakni pendengar.

PS yang dikemukakan oleh Leech merangkumi semua jenis konsep sopan dalam perhubungan antara manusia dalam semua bentuk bahasa (Abdullah Mohd Yassin, 1998). Perkara yang dipentingkan oleh beliau ialah maksud yang hendak disampaikan oleh penutur dan keberkesanan atau intepretasi makna yang difahami oleh pendengar atau penerima. Leech menekankan dua perkara penting dan dijadikan

rujukan utama, iaitu fungsi ilokusi dan kategori lakuan ilokusi. Fungsi ilokusi merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh makna kata dari segi matlamat dan lebih bertanggungjawab untuk menjelaskan maksud ujaran. Fungsi ilokusi dikelaskan dalam empat jenis, berasaskan bagaimana setiap fungsi ini dikaitkan dengan matlamat sosial untuk membentuk dan menyelenggarakan sikap hormat (Leech 1993, p.124). Berikut merupakan empat jenis fungsi ilokusi:

- (a) Bersaingan-matlamat ilokusi bersaing dengan matlamat sosial; misalnya memerintah, meminta, mendesak dan merayu.
- (b) Beramah-tamah-matlamat ilokusi sama dengan matlamat sosial; misalnya, mempelawa, menjemput, menyapa, mengucapkan terima kasih, mengucapkan tahniah.
- (c) Kolaboratif-matlamat ilokusi tak peka terhadap matlamat sosial; misalnya menyatakan, melaporkan, mengumumkan, mengarahkan.
- (d) Berkonflik-matlamat ilokusi berkonflik dengan matlamat sosial; misalnya mengancam, menuduh, menyumpah dan mencela.

Daripada empat jenis fungsi ilokusi tadi, ilokusi bersaing dan beramah tamah sahaja yang banyak melibatkan kesopanan. Jika sesuatu fungsi ilokusi ialah fungsi bersaing, maka kesopannya merupakan kesopanan negatif. Fungsinya adalah untuk mengurangkan pergeseran dan perselisihan yang tersirat dalam persaingan supaya apa-apa yang hendak dilakukan oleh penutur dianggap sebagai beradab. Fungsi beramah tamah merujuk kepada menjadikan kesopanan yang lebih positif untuk mendapatkan peluang bagi memajukan sikap hormat. Kesopanan positif bermakna mematuhi PS Leech. Misalnya, jika kita berpeluang mengucapkan tahniah kepada seseorang pada hari jadinya yang ke-100 maka kita harus melakukannya bagi


meraikan kawan, kenalan atau individu tersebut (Leech 1993, p.125) Matlamat bersaing pada dasarnya ialah matlamat biadab. Misalnya matlamat meminta seseorang meminjamkan duitnya kepada kita. Dalam hal ini PS diperlukan untuk mengurangkan kebiadaban ujaran dalam sesuatu matlamat.

Fungsi ilokusi lebih bertanggungjawab untuk menjelaskan maksud ujaran manakala kategori lakuan ilokusi pula menjelaskan maksud ujaran yang dapat melahirkan lakuan bahasa dan tatatingkat bentuk lakuan yang dilahirkan oleh makna kata dari segi matlamat. Lakuan ini juga melahirkan jenis-jenis lakuan ilokusi dan seterusnya melahirkan lakuan bahasa. Kepentingan kedua-duanya dapat menjelaskan perkaitan antara maksud dengan kuasa dalam maksud ujaran.

Konteks amat penting dalam sesuatu peristiwa bahasa. Faktor budaya juga mempengaruhi ciri-ciri perbualan dalam sesebuah masyarakat. Sikap tidak berterus terang merupakan salah satu aturan yang harus dipatuhi agar tidak dianggap kurang sopan. Penyampaian ujaran secara tidak langsung biasanya digunakan untuk menegur, menasihati, memuji dan melarang. Penyampaian maksud secara langsung untuk membuat teguran dianggap sebagai biadab. Leech (1993) telah menyatakan bahawa ilmu pragmatik mesti diambil kira dalam linguistik khususnya dalam kajian tentang makna bahasa kerana pada dasarnya pragmatik bersifat peka matlamat dan bersifat menilai (p.xii).

Kesemua maksim dalam PS Leech berperanan menjelaskan maksud yang hendak disampaikan penutur dan memberi penekanan terhadap interpretasi pendengar dalam sesuatu perbualan. Leech (1983&1993) mengklasifikasikan enam maksim itu dalam empat skala. Empat maksim yang pertama mengendalikan skala yang bersifat dwikutub, iaitu Skala Kos Manfaat, dan Skala Pujian Cacian manakala dua lagi

maksim yang berbaki mengendalikan skala ekakutub, iaitu Skala Persetujuan dan Skala Simpati. Kajian ini akan mengaplikasikan maksim-maksim Leech berdasarkan empat skala ini seperti dalam Rajah 2.1 yang berikut:



**Rajah 2.1:** Empat Skala Leech (Sumber: Leech, 1983)

### 2.3.2.1 Maksim Kebijaksanaan

*Meminimumkan kos bagi orang lain  
Memaksimumkan manfaat kepada orang lain*

Maksim ini menggalakkan ungkapan pendapat yang beradab, bersopan santun dan bukannya pendapat yang biadab, tergolong dalam Skala Kos Manfaat. Maksim Kebijaksanaan ini boleh dilihat dari dua sudut kesopanan, iaitu kesopanan positif dan kesopanan negatif. Kesopanan negatif ialah ujaran pendapat yang mengimplicasikan kos yang minimum kepada pendengar manakala kesopanan yang positif memberikan manfaat yang maksimum kepada pendengar. Bagi meminimumkan kos kepada pendengar, penutur perlulah mengambil langkah seperti menyisihkan, mengurangkan, atau memendamkan terus pendapat yang berkos tinggi atau agak sukar diterima pendengar. Dengan itu penutur sedaya upaya akan cuba mengujarkan

pendapat yang bersifat minimum kosnya agar tidak menyinggung dan membebankan lawan tuturnya.

Berdasarkan maksim ini, pendapat yang berkost tinggi ialah pendapat yang maknanya lebih bersifat memaksa atau tidak memberi pilihan kepada pendengar dan pendengar berasa keberatan untuk menerimanya. Pertuturan yang bersifat minimum kosnya merupakan cara untuk mengelakkan seseorang tersinggung dan dapat memelihara hubungan dalam berkomunikasi. Kesopanan positif pula merupakan usaha untuk memaksimumkan manfaat kepada pendengar. Oleh itu, penutur akan memenuhi kehendak atau pun mendedahkan terus pendapat yang membawa manfaat kepada pendengar. Pendapat atau ujaran yang memaksimumkan manfaat kepada pendengar akan memberi keselesaan dan pendengar berasa senang hati seterusnya beroleh faedah daripada peristiwa bahasa yang berlangsung.

### **2.3.2.2 Maksim Kedermawanan**

*Meminimumkan manfaat bagi diri sendiri  
Memaksimumkan kos bagi diri sendiri*

Maksim ini juga dikelaskan dalam Skala Kos Manfaat kerana Leech telah memperihalkan maksim ini sebagai pengujaran yang memberi keuntungan minimum bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos diri. Maksim ini berbeza dengan Maksim Kebijaksanaan kerana maksim ini lebih menumpukan manfaat atau keuntungan yang minimum dan kos yang maksimum bagi diri sendiri. Ujaran akan dilihat lebih beradab jika penuturnya meminimumkan keuntungan kepada dirinya. Oleh itu, penutur akan sentiasa menilai, menyaring ujaran, dan memelihara kehalusan bahasanya supaya dilihat sebagai orang yang beradab dan bersopan sekali gus memberikan manfaat kepada pendengar.

Maksim ini menuntut penutur agar sanggup meminimumkan hak dan keuntungan diri sendiri demi mengelakkan daripada pendengar menanggung kos atau beban yang tinggi. Hal ini kerana ujaran atau ungkapan yang sopan mampu menghasilkan lakuan bahasa yang menyenangkan hati. Maksim ini merupakan cara penutur menilai dan menapis bentuk ujaran yang akan diujarkan dengan meminimumkan keuntungan diri sendiri atau memaksimumkan tanggungan untuk diri sendiri. Maksim ini hadir dalam bentuk lakuan ilokusi impositif dan komisif. Impositif merujuk kepada penggunaan ilokusi persaingan yang digunakan untuk memberikan arahan seperti menyuruh, memerintah dan menasihati. Komisif pula merujuk kepada ilokusi beramah tamah seperti menjemput, mempelawa dan mengucapkan tahniah.

### **2.3.2.3 Maksim Sokongan**

*Meminimumkan cacian terhadap orang lain  
Memaksimumkan pujian terhadap orang lain*

Maksim Sokongan dikelaskan dalam Skala Pujian Cacian dan setiap ujaran dikira sebagai sopan dan memenuhi maksim ini berdasarkan nilai tara cacian dan pujian yang ditujukan kepada pendengar. Penutur haruslah menggunakan kata-kata yang berunsurkan pujian atau sanjungan dan perkataan yang disenangi oleh pendengar. Oleh itu, penutur mestilah mengelakkan diri daripada mengujarkan perkataan yang tidak sopan seperti kata-kata yang kesat dan kasar dalam berkomunikasi. Cacian dan pujian adalah dua bentuk perlakuan yang berlawanan. Cacian boleh membawa kesan yang negatif kerana menimbulkan perasaan benci, dendam dan sakit hati kepada orang yang mencaci sebaliknya pujian ialah ungkapan kata yang manis dan sedap didengar serta dapat mewujudkan hubungan yang harmonis dengan penutur. Pendengar akan berasa lebih selesa dalam keadaan begini. Hal ini ialah lumrah dan

fitrah dalam kehidupan kerana manusia lebih gemar mendengar pujian daripada cacian.

Konsep ketidakterusan berbahasa boleh digunakan untuk menggambarkan cacian ini. Sesuatu ujaran itu dikira sopan sekiranya semakin tinggi kadar tidak terus digunakan untuk mencaci seseorang. Oleh itu, penutur akan mengawal diri daripada mengemukakan cacian atau ungkapan yang kurang sopan kerana semakin kurang kadar ketidakterusan untuk mengujarkan cacian kepada orang lain, penutur tersebut dianggap melanggar maksim ini dan dikategorikan biadab. Penggunaan kata-kata pujian dalam berkomunikasi akan memperlihatkan kesopanan seseorang itu. Maksim ini hadir dalam bentuk lakuan ekspresif dan penegasan seperti mengucapkan terima kasih, tahniah dan memuji.

#### **2.3.2.4 Maksim Kerendahan Hati**

*Meminimumkan pujian terhadap diri sendiri  
Memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri*

Maksim ini juga dikelaskan dalam Skala Pujian Cacian namun berbeza daripada Maksim Sokongan kerana lebih berpusat kepada diri sendiri dalam usaha mengekspresikan ujaran yang bersopan. Sesebuah masyarakat menganggap perbuatan ini boleh melahirkan penilaian yang positif dan bersopan oleh pendengar. Biasanya penutur akan dianggap sebagai merendah diri, tidak sombong dan baik hati. Contoh yang paling mudah adalah dengan tindakan meminta maaf yang dianggap sebagai salah satu cara untuk memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri. Tindakan merendah diri dengan mengaku dan menyesali kesilapan akan memperlihatkan kesopanan. Penggunaan konsep ini dapat mendekatkan lagi jarak sosial antara penutur dengan pendengar. Penutur yang memperlihatkan sikap yang

bertentangan dengan maksim ini akan dianggap sombong dan ego yang akhirnya menyebabkan hubungan penutur dan pendengar menjadi renggang.

Berdasarkan maksim ini, sikap menyelar, menghina, mengkritik dan mengakui kelemahan diri merupakan tindakan yang sopan kerana cacian terhadap diri sendiri dapat diterima sebagai sopan walaupun berlebihan (Leech 1993, p.164). Dalam maksim ini, sikap menolak pujian juga dianggap sopan dalam berkomunikasi dengan orang lain dan seseorang akan dianggap sebagai merendahkan diri dan tidak bermegah-megah dengan pujian. Dalam maksim ini, bercakap besar merupakan suatu larangan sosial. Maksim ini hadir dalam bentuk lakuan ekspresif dan penegasan.

#### **2.3.2.5 Maksim Persetujuan**

*Meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain  
Memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain*

Maksim ini dikelaskan dalam Skala Persetujuan dan dipatuhi oleh penutur apabila penutur berusaha untuk meminimumkan perbalahan dengan memendamkannya atau menyipikannya walaupun pada hakikatnya dia tidak bersetuju. Ungkapan setuju disampaikan dengan jelas dan seseorang akan sedaya upaya memaksimumkannya dalam komunikasi. Hal ini demikian kerana maksim ini mengambil kira persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain. Konsep ketidakterusan juga perlu digunakan untuk melahirkan ujaran yang bersopan bagi mengelak perbalahan. Kesopanan semakin menyerlah sekiranya konsep ketidakterusan pengujaran digunakan sehingga mampu mengelak atau meminimumkan perbalahan. Semakin jelas pendapat setuju maka semakin tinggilah kesopanannya. Seseorang penutur akan dinilai sebagai tidak sopan atau dianggap biadab apabila terus mengeluarkan pernyataan yang boleh membawa kepada perbalahan atau tidak bersetuju secara terus-terang dengan lawan tutur.



Maksim ini amat diperlukan dalam sebuah perbualan demi menjaga kelancaran dalam berinteraksi. Pernyataan setuju dinyatakan secara langsung dan jelas atau semaksimum mungkin bagi menepati gagasan memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan seseorang. Menurut Leech (1993) persetujuan separa dan ungkapan kesalan selain persetujuan sepenuhnya adalah lebih baik daripada tidak bersetuju sepenuhnya dengan pendapat orang lain kerana boleh dianggap biadab (p.166). Maksim ini hadir dalam bentuk lakuan ilokusi penegasan misalnya untuk mengumumkan, mengarahkan dan menyatakan sesuatu.

#### **2.3.2.6 Maksim Simpati**

*Meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain  
Memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain*

Maksim ini dikelaskan dalam Skala Simpati dan akan dipatuhi apabila penutur meminimumkan pendapat yang mengakibatkan antipati (rasa benci) dan memaksimumkan rasa belas kasihan, simpati antara diri sendiri dan orang lain. Contohnya, pengucapan takziah sebagai ungkapan simpati kepada seseorang yang ditimpa musibah. Dalam usaha untuk meminimumkan pendapat yang mengakibatkan antipati, penutur perlu menggunakan konsep ketidakterusan berbahasa kerana apabila ketidakterusan digunakan maka semakin beradab dan sopanlah seseorang itu. Dalam komunikasi, usaha memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain juga sebagai langkah mematuhi maksim simpati ini. Kesopanan berbahasa tidak akan dipenuhi sekiranya penutur bertindak melanggar ciri-ciri dalam maksim ini. Maksim ini hadir dalam bentuk lakuan ilokusi penegasan. Ilokusi penegasan ini ialah ilokusi yang neutral dan tergolong dalam kategori kolaboratif seperti menyatakan, mengadu dan melapor.

Ringkasnya, kajian ini akan mengaplikasi penggunaan keenam-enam maksim dalam PS yang dikelaskan dalam empat skala seperti yang telah dibincangkan di atas. Kategori lakuan ilokusi sebagaimana yang diusulkan oleh Searle (1979) tidak diterapkan secara langsung dalam kajian ini kerana kajian ini memberikan fokus terhadap penggunaan leksikal atau kata, ungkapan dan ayat yang berpadanan dengan maksim-maksim Leech (1983) dan Grice (1975). Kedua-dua model ini relevan untuk menganalisis data kajian. Kajian ini tidak mengukur darjah sopan atau santun sebagaimana yang dijelaskan oleh Leech dalam skala pragmatik. Berdasarkan penelitian terhadap maksim-maksim yang dikemukakan oleh Leech dapatlah dirumuskan bahawa aspek kesopanan berbahasa menjurus kepada interpretasi berdasarkan konteks dalam sesuatu komunikasi sama ada secara lisan mahupun tulisan. Hal ini bertepatan dengan kajian kesopanan berbahasa terhadap teks Komsas kerana kajian ini akan memberikan gambaran kesopanan berdasarkan konteks peristiwa bahasa. Generasi muda khasnya golongan murid di sekolah menengah harus disemai dan ditarbiah dengan amalan berbahasa yang lemah lembut, bersopan, berhemah tinggi dan tertib ketika berkomunikasi atau berinteraksi kerana tersirat di dalamnya unsur kesopanan, kemesraan dan rasa hormat.

Sehubungan itu, kajian ini akan menggunakan kombinasi Model PS Leech (1983) dan Model PK Grice (1975). Kedua-dua model ini sesuai dan amat berguna untuk mengkaji aspek kesopanan berbahasa. Model Leech amat sesuai untuk menganalisis aspek kesopanan berbahasa kerana usulan yang diketengahkan oleh Leech dalam keenam-enam maksim adalah untuk menyenangkan pendengar dibandingkan dengan diri sendiri melalui ungkapan yang beradab bukannya biadab. Pengaplikasian model Leech didapati relevan bagi memperlihatkan kesopanan berbahasa dalam bahan yang berbentuk didaktik seperti bahan Komsas yang sarat dengan penghayatan terhadap

nilai-nilai murni sebagaimana dalam kajian Nor Azian (2005), Nurul Jamilah (2010) dan Noor Hatini et al., (2011). Maksim-maksim Leech amat signifikan dalam memperlihatkan kesopanan kerana mementingkan adab dalam berkomunikasi agar tidak menyinggung perasaan orang lain. Noriati A.Rashid (2005) berpendapat bahawa Maksim Kebijaksanaan, Maksim Kedermawanan dan Maksim Kerendahan Hati dapat menggambarkan peribadi yang santun.

Walau bagaimapun, terdapat kekurangan yang perlu ditampung oleh model Grice. Hal ini demikian kerana maksim-maksim Leech tidak sepenuhnya dapat dipadankan dengan korpus kajian dan memerlukan kombinasi maksim Grice dalam kasus tertentu. Yong Suet Ping (1997) berpendapat bahawa model Grice memudahkan kerjasama dalam komunikasi antara penutur dan pendengar untuk menghasilkan komunikasi yang harmonis selain menghaluskan proses komunikasi. Oleh itu, kajian ini akan membina satu model kesopanan yang baharu berdasarkan kedua-dua model tersebut untuk menganalisis dialog-dialog dalam peristiwa bahasa *MR*. Model yang baharu tersebut dikenali sebagai Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU).

#### **2.4 Pembentukan Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU)**


Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU) dibentuk dengan tujuan untuk menyederhanakan pola-pola kombinasi maksim yang terbentuk berdasarkan gabungan teori kedua-dua sarjana ini, lihat Lampiran A (Manual Pola Kombinasi Maksim). Terdapat 24 pola kombinasi maksim dalam Manual Pola Kombinasi Maksim berdasarkan gabungan secara manual bagi kedua-dua model ini yang ternyata rencam dan pelbagai. Oleh itu, proses penyederhanaan dilakukan dengan membentuk model baharu berdasarkan pengaplikasian tiga prinsip, iaitu secara tepat, hampir sama dan ekonomis.

MPKMU yang terbentuk hasil daripada kombinasi kedua-dua model kesopanan adalah berdasarkan aturan gabungan maksim-maksim dalam PS Leech, kemudiannya dilengkapi dengan maksim-maksim yang diketengahkan oleh Grice dalam PK Grice. Leech mengusulkan PS berasaskan enam maksim, iaitu Maksim Kebijaksanaan, Maksim Kedermawanan, Maksim Sokongan, Maksim Kerendahan Hati, Maksim Persetujuan dan Maksim Simpati yang perlu dipatuhi dalam berkomunikasi. Sementara Grice pula mengetengahkan empat maksim yang perlu dipatuhi, iaitu Maksim Kuantiti, Maksim Kualiti, Maksim Relevan dan Maksim Cara. Keempat-empat maksim ini berfungsi untuk mengawal perbualan agar dapat mewujudkan kerjasama antara penutur dan pendengar dalam sesuatu komunikasi.

Kombinasi kedua-dua model ini dilakukan atas dasar keperluan dan kesesuaian kedua-dua model ini untuk menganalisis data-data kajian secara menyeluruh. Model ini juga merupakan sebuah model baharu kerana kajian dengan menggunakan bahan Komsas sehingga kini didapati hanya menggunakan satu model kajian yang tidak secara menyeluruh dapat menggambarkan aspek kesopanan. Bertitik tolak daripada situasi tersebut, maka pengkaji mengambil pendekatan untuk menggabungkan kedua-dua model sebagai asas kajian ini. Gabungan kedua-dua model ini dilakukan setelah mengambil kira faktor keupayaan maksim-maksim dalam PS Leech tidak sepenuhnya dapat dipadankan dengan korpus kajian dan memerlukan kombinasi maksim Grice dalam kasus tertentu. Gagasan Leech yang mengutamakan adab dan gagasan Grice yang mementingkan kerjasama akan dapat menggambarkan kesopanan berbahasa secara komprehensif. Tambahan pula, dalam konteks kajian ini data dianalisis berdasarkan konteks peristiwa bahasa bukannya berdasarkan satu ayat. Oleh itu, didapati penutur lebih cenderung untuk menggunakan pelbagai maksim agar dapat memperlihatkan kesopanan sekali gus mencapai objektif

komunikasi. Ternyata, kombinasi kedua-dua model ini bukanlah berlaku secara sewenang-wenangnya, sebaliknya bertitik tolak atas faktor keperluan dan kesesuaiannya dengan data atau peristiwa bahasa yang dianalisis.

Model baharu ini terbentuk daripada aturan gabungan maksim yang melibatkan dua proses, iaitu proses penggabungan dan pengguguran bagi kedua-dua model berdasarkan pengaplikasian tiga prinsip, iaitu secara tepat (Rujuk 2.6.1.1), hampir sama (Rujuk 2.1.1.2) dan ekonomis atau ringkas (Rujuk 2.6.1.3). Model baharu ini dikenali sebagai Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU). Rajah pembentukan model ini adalah seperti dalam Rajah 2.2 yang berikut:



**Rajah 2.2:** Pembentukan Model Pola Kombinasi Maksim Umum (Sumber: Leech,1983 & Grice,1975)

Rajah 2.2 menunjukkan pembentukan MPKMU yang akan diguna pakai sebagai landasan kajian ini. Pembentukan MPKMU melibatkan proses penggabungan penuh bagi kedua-dua model. Seterusnya, barulah berlaku proses pengguguran yang bermula dengan Pola 2 dan seterusnya pola-pola yang lain. Proses pengguguran ini akan melibatkan pengguguran satu maksim bagi setiap model dalam setiap pola yang bermula dengan Pola 2 dan seterusnya. Aturan gabungan atau kombinasi maksim kedua-dua model ini membentuk enam pola, iaitu Pola 1, 6 PS + 4 PK; Pola 2, 5 PS + 3 PK; Pola 3, 4 PS + 2 PK; Pola 4, 3PS + 1 PK; Pola 5, 2 PS dan Pola 6, 1 PS.

**Pola 1, 6 PS + 4 PK** terbentuk hasil gabungan penuh keenam-enam maksim, iaitu Kebijaksanaan, Sokongan, Kedermawanan, Kerendahan Hati, Persetujuan dan Simpati dalam PS Leech dengan dilengkapi keempat-empat maksim, iaitu Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara dalam PK Grice. **Pola 1** merupakan gabungan penuh atau sempurna bagi kedua-dua model sarjana ini dan Pola 1 ini memenuhi prinsip hampir sama. **Pola 2, 5 PS + 3 PK** terbentuk hasil gabungan lima maksim, iaitu Kebijaksanaan, Sokongan, Kedermawanan, Kerendahan Hati dan Persetujuan dalam PS Leech dengan dilengkapi tiga maksim, iaitu Kuantiti, Kualiti dan Relevan dalam PK Grice. Aturan gabungan maksim dalam Pola 2 ini melibatkan pengguguran satu maksim Leech dan satu maksim Grice. Pola ini juga memenuhi prinsip hampir sama dalam MPKMU.

**Pola 3, 4 PS + 2 PK** pula terbentuk hasil gabungan empat maksim, iaitu Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan dan Kerendahan Hati dalam PS Leech dengan dilengkapi dua maksim, iaitu Kuantiti dan Kualiti dalam PK Grice. Pola 3 menggugurkan dua maksim Leech dan dua maksim Grice. **Pola 4, 3 PS + 1 PK** terbentuk hasil gabungan tiga maksim, iaitu Kebijaksanaan, Kedermawanan dan

Sokongan dalam PS Leech dengan dilengkapi satu maksim, iaitu Kuantiti dalam PK Grice. Pola 4 ini menggugurkan tiga maksim Leech dan tiga maksim Grice. Pola 3 dan Pola 4 ini memenuhi prinsip ekonomis dalam MPKMU.

**Pola 5, 2 PS** pula terbentuk hasil gabungan dua maksim, iaitu Kebijaksanaan dan Kedermawanan dalam PS Leech dan tidak dilengkapi PK Grice. Pola 5 menggugurkan empat maksim Leech dan keempat-empat maksim Grice. Akhirnya, **Pola 6, 1 PS** terbentuk daripada satu maksim, iaitu Kebijaksanaan dalam PS Leech. Pola 6 menggugurkan lima maksim Leech dan tidak dilengkapi maksim Grice. Pola 5 dan Pola 6 ini pula memenuhi prinsip secara tepat dalam MPKMU.

## 2.5 Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU)

MPKMU yang mengandungi enam pola kombinasi maksim ini akan digunakan untuk menganalisis data kajian. Keenam-enam pola ini terbentuk hasil daripada proses penggabungan dan pengguguran dan pengaplikasiannya berlandaskan tiga prinsip, iaitu secara tepat, hampir sama dan ekonomis dalam MPKMU. Model baharu ini dibina bertitik tolak daripada faktor pengaplikasiannya yang relevan dengan data kajian. Ringkasnya, MPKMU ini terdapat dalam Jadual 2.1 berikut:

**Jadual 2.1:** Model Pola Kombinasi Maksim Umum

<b>Pola</b>	<b>Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU)</b>
Pola 1	6 PS + 4 PK
Pola 2	5 PS + 3 PK
Pola 3	4 PS + 2 PK
Pola 4	3 PA + 1 PK
Pola 5	2PS
Pola 6	1 PS

PS=Prinsip Kesopanan    PK= Prinsip Kerjasama

Berdasarkan Jadual 2.1 menunjukkan keenam-enam pola kombinasi maksim, iaitu Pola 1, 6 PS + 4 PK; Pola 2, 5 PS + 3 PK; Pola 3, 4 PS + 2 PK; Pola 4, 3PS + 1 PK; Pola 5, 2 PS dan Pola 6, 1 PS yang terbentuk dalam yang terbentuk dalam MPKMU.

### 2.5.1 Pengaplikasian Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU)

Analisis data akan dilakukan dengan menggunakan MPKMU. Bagi memudahkan penganalisan, maka data-data diklasifikasi berdasarkan peristiwa bahasa. Data-data yang mengandungi 221 dialog diklasifikasikan kepada 33 peristiwa bahasa sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 2.2 yang berikut:

**Jadual 2.2:** Pengklasifikasian Peristiwa Bahasa

Bil.	Peristiwa Bahasa
1	Taklimat daripada Farhana
2	Perbincangan tentang tahap kecerdasan pelajar
3	Perbincangan tentang persediaan mengajar dan maklumat Kertas Bahasa Inggeris
4	Perbincangan tentang kertas peperiksaan
5	Perbincangan tentang persediaan memulakan tugas
6	Fuad hendak membeli buku rujukan
7	Perbincangan program peningkatan akademik
8	Fuad membawa jagung ke sekolah
9	Fuad mempelawa Farhana menumpang keretanya
10	Perbualan tentang keluarga Farhana
11	Perbualan tentang keluarga Fuad
12	Perbualan ketika singgah dan selepas makan
13	Perbualan ketika sampai di rumah Farhana
14	Perbualan Fuad dan Farhana dalam telefon
15	Fuad memberi kad harijadi kepada Farhana
16	Fuad mempelawa Farhana keluar berjalan
17	Perbualan di restoran
18	Farhana ingin mendapat kepastian Fuad
19	Bergurau pasal makanan
20	Perbualan tentang Fuad hendak ke rumah Cikgu Zamani
21	Cadangan Fuad hendak membawa Farhana ke rumah selepas makan
22	Perbualan selepas balik dari rumah Fuad
23	Fuad menasihati Farhana yang bertengkar dengan Cikgu Zamani
24	Farhana balik ke Kuantan tanpa memberitahu Fuad
25	Perbualan Fuad dan Farhana tentang penyakit ibu Farhana
26	Perbualan Fuad dan Farhana tentang adik-adik Farhana di rumah
27	Fuad mengejutkan Farhana dari tidur



**Jadual 2.2, sambungan**

<b>Bil.</b>	<b>Peristiwa Bahasa</b>
<b>28</b>	Fuad bertanyakan hal ibu Farhana
<b>29</b>	Fuad mencungkil latar belakang ibu Farhana
<b>30</b>	Fuad menasihati Farhana agar menerima takdir
<b>31</b>	Perbualan Fuad dan Farhana tentang Cikgu Zamani
<b>32</b>	Fuad akan melanjutkan pelajaran dan nasihat kepada Farhana
<b>33</b>	Fuad berpesan kepada Farhana sebelum ke Mekah

Jadual 2.2 ini menunjukkan 33 peristiwa bahasa yang telah diklasifikasi dengan mengambil kira faktor latar, topik perbualan dan faktor kesenyapan. MPKMU diaplikasi dengan prinsip bahawa mana-mana pola kombinasi maksim yang terbentuk hasil daripada analisis sama ada pola kombinasi maksim yang mematuhi prinsip tepat dan/atau hampir sama atau ekonomis akan disesuaikan dengan MPKMU ini. Pengaplikasian atau pengklasifikasian pola-pola yang terbentuk hasil daripada analisis dalam keenam-enam pola ini adalah berdasarkan tiga prinsip, iaitu pola yang memenuhi cakupan MPKMU (i) secara tepat, iaitu kasus yang menepati sepenuhnya MPKMU. Sekiranya kasus (i) tidak berlaku maka prinsip (ii) akan diambil kira, iaitu yang hampir sama dan sekiranya prinsip (i) dan (ii) tidak memenuhi cakupan pola-pola berkenaan maka prinsip (iii), iaitu ekonomis akan diguna pakai.

#### **2.5.1.1 Prinsip Tepat**

Prinsip yang pertama, iaitu memenuhi cakupan MPKMU secara tepat bermaksud pola-pola kombinasi maksim yang terbentuk hasil daripada analisis yang memenuhi dengan tepat Pola 5, 2 PS dan Pola 6, 1 PS dalam MPKMU. Terdapat dua peristiwa yang mematuhi Pola 5, iaitu peristiwa 6 dan 13 manakala satu peristiwa, iaitu peristiwa 23 yang mematuhi Pola 6 sebagaimana paparan berikut:

- i. Peristiwa 6 (Perbualan Fuad dan Farhana dalam telefon) - **Kebijaksanaan + Kedermawanan**
- ii. Peristiwa 13 (Perbualan ketika sampai di rumah Farhana) - **Kebijaksanaan + Kedermawanan**

Kedua-dua pola kombinasi maksim dalam peristiwa 6 dan 13 mematuhi dengan tepat Pola 5 dalam MPKMU, iaitu pola kombinasi maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan. Sementara satu peristiwa yang mematuhi Pola 6 dengan tepat seperti paparan yang berikut:

- i. Peristiwa 23 (Peristiwa Fuad menasihati Farhana yang bertengkar dengan Cikgu Zamani) - pola kombinasi **Maksim Kebijaksanaan**.

Kasus yang sama berlaku dalam Peristiwa 23 yang mematuhi dengan tepat Pola 6, iaitu pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan sebagaimana dalam MPKMU.

#### **2.5.1.2 Prinsip Hampir Sama**

Prinsip yang kedua, iaitu prinsip hampir sama pula bermaksud mana-mana pola kombinasi maksim yang memenuhi cakupan yang hampir sama dengan Pola 1, 6 PS + 4 PK dan Pola 2, 5 PS + 3 PK dalam MPKMU. Prinsip ini dapat dilihat berlaku dalam kasus pola-pola kombinasi maksim yang terbentuk hasil daripada analisis yang mengandungi maksim-maksim yang tercakup dalam Pola 1, iaitu Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan, Simpati, Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara. Dalam kasus ini, pola-pola yang terbentuk hasil daripada analisis, khasnya bagi pola kombinasi maksim yang ada mengandungi aturan gabungan maksim salah satu sama ada **Maksim Simpati** atau **Maksim Cara** atau **kedua-duanya** selain maksim yang lain maka diklasifikasikan dalam Pola 1.

Terdapat 11 peristiwa yang mematuhi Pola 1, iaitu peristiwa 1, 2, 3, 7, 11, 22, 25, 28, 30, 31 dan 32, Contohnya:

- i. Peristiwa 1 (Taklimat daripada Farhana) - Kebijaksanaan + Persetujuan + **Cara** (penjelasan)
- ii. Peristiwa 2 (Perbincangan tentang tahap kecerdasan pelajar) - Kebijaksanaan + Kedermawanan + **Cara** (Penjelasan)
- iii. Peristiwa 3 (Perbincangan tentang persediaan mengajar dan maklumat Kertas B/I) -Kebijaksanaan + Kedermawanan + **Simpati** + **Cara** (contoh)
- iv. Peristiwa 7 (Perbincangan program peningkatan akademik) - Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + **Cara** (tertib)
- v. Peristiwa 11 (Perbualan tentang keluarga Fuad) - Kebijaksanaan + Persetujuan + **Simpati** + Kualiti + **Cara** (penjelasan)

Pola-pola kombinasi maksim dalam Peristiwa 1, 2, 3, 7, dan 11 secara langsung diklasifikasikan dalam Pola 1 kerana memenuhi cakupan pola kombinasi maksim yang hampir sama dengan Pola 1 atas faktor kehadiran maksim Cara, Simpati atau kehadiran kedua-dua maksim.

Pola yang memenuhi prinsip yang hampir sama juga berlaku dalam pola-pola kombinasi maksim yang memenuhi cakupan maksim yang hampir sama dengan Pola 2, 5 PS + 3 PK dalam MPKMU. Prinsip ini dapat dilihat berlaku dalam kasus pola-pola yang terbentuk hasil daripada analisis yang mengandungi maksim-maksim yang tercakup dalam Pola 2, iaitu Maksim Kebijaksanaan, kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan, Kuantiti, Kualiti, Relevan. Dalam kasus ini, pola-pola yang terbentuk hasil daripada analisis, khasnya bagi pola kombinasi maksim yang mengandungi aturan gabungan maksim sama ada **Maksim**

**Persetujuan** atau **Maksim Relevan** atau **kedua-duanya** selain maksim-maksim yang lain maka diklasifikasikan dalam Pola 2 MPKMU. Terdapat 17 peristiwa yang mematuhi Pola 2, iaitu peristiwa 4, 8, 9, 10, 12, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 26, 27, 29 dan 33. Contohnya :

- i. Peristiwa 4 (Perbincangan tentang kertas peperiksaan) - Kebijaksanaan + **Persetujuan**
- ii. Peristiwa 8 (Fuad membawa jagung ke sekolah) - Kebijaksanaan + Kedermawanan + **Persetujuan** + Kualiti
- iii. Peristiwa 9 (Fuad membawa jagung ke sekolah) – Kebijaksanaan + Kedermawanan + **Persetujuan**
- iv. Peristiwa 10 (Perbualan tentang keluarga Farhana) – Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + **Persetujuan** + Kuantiti + **Relevan**
- v. Peristiwa 12 (Perbualan ketika singgah dan selepas makan) – Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + **Persetujuan** + Kuantiti
- vi. Peristiwa 14 (Perbualan Fuad dan Farhana dalam telefon) - Kebijaksanaan + **Persetujuan** + **Relevan**
- vii. Peristiwa 21 (Cadangan Fuad hendak membawa Farhana ke rumah selepas makan) – Kebijaksanaan + **Persetujuan** + **Relevan**

Pola kombinasi maksim dalam paparan tersebut secara langsung diklasifikasikan dalam Pola 2 kerana memenuhi cakupan yang hampir sama dengan pola kombinasi maksim dalam Pola 2 atas faktor kehadiran Maksim Persetujuan atau Relevan atau kedua-dua maksim.

### 2.5.1.3 Prinsip Ekonomis

Prinsip yang ketiga, iaitu ekonomis pula diaplikasikan pada pola kombinasi maksim yang terbentuk hasil daripada analisis yang tidak memenuhi prinsip (i) tepat dan (ii) hampir sama. Pola 3, 4 PS + 2 PK, iaitu cakupan Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Kuantiti dan Kualiti manakala Pola 4, 3 PS + 1 PK, iaitu cakupan Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan dan Kuantiti. Berdasarkan prinsip ekonomis atau ringkas ini, pola-pola kombinasi maksim yang terbentuk hasil daripada analisis harus memenuhi sekurang-kurangnya tiga cakupan maksim yang terdapat dalam Pola 3. Perkara yang sama juga berlaku dalam kasus Pola 4, iaitu pola kombinasi maksim tersebut harus memenuhi sekurang-kurangnya tiga cakupan maksim. Terdapat satu peristiwa yang mematuhi Pola 3, iaitu peristiwa 5 dan satu peristiwa, iaitu peristiwa 24 yang mematuhi Pola 4. Peristiwa-peristiwa tersebut adalah seperti berikut:

- i. Peristiwa 5 (Perbincangan tentang persediaan memulakan tugas) – **Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati**
- ii. Peristiwa 24 (Peristiwa Farhana balik ke Kuantan tanpa memberitahu Fuad) – **Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan.**

Peristiwa 5 memenuhi cakupan tiga maksim, iaitu Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati yang terdapat dalam Pola 3 bagi membolehkannya diklasifikasikan dalam Pola 3. Kasus yang sama berlaku dalam Peristiwa 24, iaitu pola ini memenuhi cakupan tiga maksim, iaitu Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan dalam Pola 4.

## 2.5.2 Penganalisan Data

Analisis dilakukan dengan mengenal pasti unsur bahasa yang digunakan dalam dialog antara watak berdasarkan peristiwa bahasa dengan memberikan fokus terhadap penggunaan kata (leksikal), ungkapan, dan ayat yang berpadanan dengan maksim-maksim dalam MPKMU.

### 2.5.2.1 Maksim Kebijaksanaan

Maksim ini ditandai cara yang berhemah untuk berurusan dan mendekati seseorang. Maksim ini diteliti dalam data kajian berdasarkan cara berhemah atau bijaksana untuk menyapa atau memanggil seseorang dan cara berhemah untuk mendekati dan berurusan dengan pihak lain. **Cara berhemah untuk menyapa atau memanggil seseorang** termasuklah penggunaan bentuk-bentuk panggilan yang sesuai seperti kata ganti nama diri pertama, iaitu *saya*, *aku* dan *kita* manakala kata ganti nama diri kedua ialah penggunaan *awak*, *kau* dan penggunaan kata nama peribadi yang merujuk kepada *Fuad* dan *Farhana/Ana*. Bentuk panggilan lain yang turut diteliti dalam kajian ini ialah kata panggilan hormat seperti *cikgu* dan *tuan haji* selain kata panggilan keluarga, iaitu *emak/ibu/mama* dan *ayah*. Sementara **cara berhemah atau bijaksana dalam berurusan dan mendekati seseorang** berdasarkan Maksim Kebijaksanaan adalah seperti berikut.

#### (a) Bijaksana Mencadang

Bijaksana mencadang merupakan cara sopan yang digunakan oleh penutur ketika menyatakan permintaan, pandangan atau pertanyaan bagi mengurangkan pergeseran antara penutur dan pendengar. Cadangan ditandai dengan kata seperti *kalau*, *ingat*, *boleh*, *dialog berbentuk ayat tanya* dengan ungkapan *boleh tak* dan *nak tak*. Pemberian dan pengemukaan cadangan hendaklah dilandasi dengan pemikiran yang

bernas dan niat yang ikhlas dan memberi manfaat kepada pendengar sekali gus mengurangkan kos pendengar. Contoh penggunaannya terdapat dalam Jadual 2.3 berikut:

**Jadual 2.3:** Bijaksana mencadang

MR-B4(11)-Fa-H37-D1/11	<p><i>Kalau</i> Cikgu Fuad senang, kita duduk di kerusi tu sekejap.  <i>Ingat</i> nak cari buku tu di kedai.            Apa kata <i>kalau</i> kita buat satu program yang mendidik murid secara individu.            Ana ... Hari ni saya ada bawa barang sikit. Istimewa. Awak <i>nak tak?</i></p>
MR-B5(10)-Fu-H44-D2/11	
MR-B5(10)-Fu-H46-D6/11	
MR-B5(10)-Fu-H49-D9/11	

**(b) Bijaksana Menasihati**

Tindakan menasihati harus dilakukan dengan berhati-hati agar tidak menggores perasaan orang lain dan ditandai dengan kata dan ungkapan nasihat atau bahasa yang berlapik seperti dalam ayat *Perlahan-lahanlah* dan *Tak baik tahu makan tak habis*. Pemilihan kata dan ungkapan yang sesuai perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh penutur agar dapat diterima pendengar. Contohnya terdapat dalam Jadual 2.4 berikut:

**Jadual 2.4:** Bijaksana Menasihati

MR-B4(11)-Fa-H41-D11/11	<p>Tak apa. <i>Perlahan-lahanlah</i>.            Laa ... Ngapa tak cakap? <i>Tak baik tahu makan tak habis</i>.            Rezeki!</p>
MR-B7(14)-Fu-H76-D14/16	

**(c) Bijaksana Menyuruh**

Perbuatan menyuruh atau memerintah seseorang merupakan perbuatan yang negatif namun jika disampaikan dengan cara yang betul, tertib dan disertai penggunaan bahasa yang halus dan lembut, bukan dengan cara yang kasar atau memaksa maka citra kesopanan berbahasa akan terserlah. Perbuatan menyuruh yang disampaikan dengan cara yang sopan ditandai kata kerja dan kadang-kadang partikel *lah* seperti *cari sajalah*, *ambil*, *duduklah* dan *minum*. Contohnya terdapat dalam Jadual 2.5 berikut:

**Jadual 2.5:** Bijaksana Menyuruh

MR-B4(11)-Fa-H40-D10/11	Oh ... Senang saja! <i>Cari</i> di meja saya. Nak apa-apa, <i>cari sajalah</i> . Insyallah, semua ada.
MR-B5(10)-Fa-H45-D3/11	Tapi sebelum tu, <i>duduklah</i> dulu. Awak tu dahlah tinggi, berdiri pula. Sakit tengkuk saya.

**(d) Bijaksana Mengajak atau Menjemput**

Perbuatan mengajak atau menjemput seseorang memmanifestasikan amalan yang murni kerana memberikan manfaat kepada seseorang. Kebijaksanaan mengajak dan menjemput ini ditandai kata *jom* dan *mari* yang dapat menggambarkan kelembutan dalam berkomunikasi. Contohnya terdapat dalam Jadual 2.6 berikut:

**Jadual 2.6:** Bijaksana Mengajak

MR-B7(14)-Fa-H79-D18/18	<i>Mari</i> Fuad, kita masuk ke dalam.
-------------------------	--

**(e) Bijaksana Meminta Bantuan**

Perbuatan meminta bantuan orang lain haruslah disampaikan dengan cara yang lembut, sopan dan penuh adab. Kebijaksanaan dalam meminta bantuan biasanya ditandai dengan kata *tolong* dan *minta* selain ditandai ungkapan dan ayat yang berlapik atau secara tidak berterus-terang. Asmah Omar (1997) berpendapat bahawa penggunaan kata *tolong* untuk meminta bantuan boleh melembutkan permintaan (p.28). Penggunaan ungkapan *nak tanya awak, mana tahu awak ada idea nak tambah* pula merupakan ungkapan berlapik dalam meminta bantuan. Contohnya terdapat dalam Jadual 2.7 berikut:

**Jadual 2.7:** Bijaksana Meminta Bantuan

MR-B5(10)-Fa-H45-D3/11	<i>Tolong</i> saya, Fuad.
MR-B5(10)-Fa-H45-D4/11	Ini ha ... Saya ada mesyuarat tengah hari ni dan kena bentangkan beberapa program sebagai lanjutan daripada program yang dah sedia ada. Saya dah siap sebahagian. Itulah <i>nak tanya awak, mana tahu awak ada idea nak tambah</i> .



**(f) Bijaksana Membuka Bicara**

Perbuatan membuka bicara dengan ucapan *selamat pagi, selamat datang dan memberi salam, iaitu assalamualaikum* adalah antara ungkapan pertama sebagai pengenalan untuk berkomunikasi manakala *waalaikumussalam* digunakan untuk menamatkan bicara. Tindakan ini menandakan kesopanan dalam berbahasa. Amalan ini amat signifikan dengan budaya Melayu khasnya bagi yang beragama Islam sebelum memulakan bicara kerana salam akan diucapkan dan wajib disambut. Masyarakat Melayu mengucapkan salam pada awal dan akhir perbualan sama ada secara bersemuka, bertulis atau perbualan dalam telefon. Wan Aminurrashid (2002) mengatakan bahawa kita akan berasa tenang hati apabila orang mengucapkan salam kerana dia mendoakan kesejahteraan kita dan dapat mengeratkan persaudaraan sesama Islam (p.15). Tindakan membuka bicara dengan mengucapkan salam memanasifestasikan budaya Melayu yang amat mementingkan kehalusan budi bahasa. Usaha ini bukan sahaja dapat memancarkan kesopanan malahan dapat memaksimumkan manfaat kepada pendengar. Contohnya terdapat dalam Jadual 2.8 berikut:

**Jadual 2.8:** Bijaksana Membuka Bicara

MR-B4(11)-Fa-H38-D3/11 MR-B8(13)-Fa-H90-D1/3 MR-B8(13)-Fa-H90-D3/3 MR-B8(13)-Fu-H90-D3/3	Sekali lagi <i>selamat datang</i> . Ini jadual Fuad. <i>Assalamualaikum</i> ... Hei, akulah! Kau selamat tiba di rumah, kan? Oh yakah? Okeylah, <i>assalamualaikum</i> <i>Walaikumussalam</i> .
---	--

**(g) Bijaksana Meminta diri dan Meminta maaf**

Perbuatan meminta diri atau mengundur diri haruslah diungkapkan dengan cara yang sopan dalam berkomunikasi bagi mencerminkan sikap berbudi bahasa sebagaimana dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H136-D32/32. Sementara meminta maaf jika hendak bertanya atau menyampuk percakapan seseorang amat dituntut bagi mencerminkan

kesopanan seperti dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H74-D11/18. Lafaz kata *maaf* sebelum bertanya bukan sahaja dapat meminimumkan kos pendengar malahan dapat memperlihatkan tatacara berbahasa. Tindakan meminta maaf bukan kerana melakukan kesalahan dalam konteks ini mencerminkan kebijaksanaan seseorang dalam berbahasa. Contohnya terdapat dalam Jadual 2.9 berikut:

**Jadual 2.9:** Bijaksana Meminta Diri dan Meminta Maaf

MR-B12(13)-Fa-H136-D32/32 MR-B7(14)-Fa-H74-D11/18	<i>Aku turun dululah</i> , Fuad. Esok kita jumpa lagi. Jadi maksud awak ... <i>Maaflah</i> Fuad, saya nak tanya...
--	---

Ringkasnya, penggunaan Maksim Kebijaksanaan dapat memaparkan cara berdiplomasi secara halus dengan pihak yang lain agar dapat memberikan manfaat dan mewujudkan situasi yang selesa dalam berkomunikasi.

### 2.5.2.2 Maksim Kedermawanan

Maksim ini dianalisis dengan meneliti perbuatan yang menggambarkan sikap murah hati, iaitu dengan memberi dan menawarkan bantuan. Dalam menganalisis maksim ini, sikap menolak bantuan dan pelawaan turut termasuk dalam sikap dermawan. Penggunaan maksim ini menunjukkan kebaikan hati seseorang kerana memikirkan kos yang akan ditanggung oleh orang lain walaupun diri sendiri menanggung beban. Contohnya terdapat dalam Jadual 2.10 berikut:

**Jadual 2.10:** Maksim Kedermawanan

MR-B4(11)-Fa-H38-D4/11	<i>Nanti saya beritahu perlahan-lahan</i> . Hari ni taklimat saja.(menawarkan bantuan)
MR-B5(10)-Fa-H44-D2/11	Tak payah susah-susah beli, Fuad. <i>Pakai sajalah buku saya tu</i> .(memberikan bantuan)
MR-B4(11)-Fa-H39-D5/11	Sebelum terlupa, <i>ini buku-buku Fuad</i> . Ini sajalah stok yang kita ada. (memberikan bantuan)
MR-B5(10)-Fu-H49-D9/11	Awak punya pasal, <i>kalau nak, saya hantar sampai ke rumah</i> . (menawarkan bantuan)
MR-B7(14)-Fa-H71-D2/18	<i>Tak apalah</i> Fuad. Kalau tak ada tiket pun, saya boleh ambil bas sambung-sambung. (menolak pelawaan)
MR-B5(10)-Fu-H45-D3/11	Susah juga kalau kita sama-sama nak pakai serentak. <i>Biarlah saya beli, senang saya nak buat ulang kaji di rumah</i> .(menolak bantuan)

### 2.5.2.3 Maksim Sokongan

Maksim ini berfokus pada lakuan memuji dan mengurangkan cacian. Data-data yang berpadanan dengan lakuan memuji, menghargai seperti ucapan tahniah dan terima kasih selain kata atau ungkapan yang mengurangkan cacian diklasifikasikan sebagai maksim ini. Pujian ditandai dengan kata sifat yang positif seperti *cantik*, *bagus*, *baik* dan *istimewa* sementara menghargai orang lain ditandai dengan ucapan *terima kasih*. Maksim ini juga dikenal pasti berdasarkan ungkapan negatif bagi menggambarkan perasaan rendah diri. Contohnya terdapat dalam Jadual 2.11 berikut:

**Jadual 2.11:** Maksim Sokongan

MR-B5(10)-Fa-H48-D7/11	Eh <i>bagus, bagus</i> tu!
MR-B5(10)-Fa-H49-D8/11	Okey, <i>cantik</i> nama tu.
MR-B12(13)-Fu-H12-D12/37	Sebab kau <i>cantik</i> .
MR-B12(13)-Fu-H12-D15/37	Mungkin sebab kau <i>istimewa</i> . Aku sukakan kau.
MR-B12(13)-Fa-H127-D8/32	Okey, <i>terima kasih</i> .

### 2.5.2.4 Maksim Kerendahan Hati

Maksim ini dipadankan dengan data-data yang memperlihatkan sikap rendah diri seperti meminta maaf, mencaci diri sendiri, dan mengkritik diri sendiri termasuklah menolak pujian daripada seseorang. Teo Kok Seong (2003) mengatakan bahawa apabila pujian dijawab dengan penafian, bermakna seseorang itu tahu sosiobudaya masyarakatnya sendiri dan jika sebaliknya, sudah memperlihatkan fenomena baharu (p.23). Perbuatan meminta maaf dan merendahkan diri sendiri melambangkan sikap sopan kerana memperlihatkan kesedaran atas keterlanjuran kata ketika berkomunikasi. Tindakan meminta maaf ditandai dengan kata *maaf* sementara tindakan merendahkan diri sendiri ditandai *ungkapan-ungkapan yang negatif*. Contohnya terdapat dalam Jadual 2.12 berikut:

**Jadual 2.12:** Maksim Kerendahan Hati

MR-B4(11)-Fa-H40-D10/11	Fuad nampak tak meja yang berpembalut merah dan yang <i>paling semak</i> tu? Ha .meja sayalah tu. (ungkapan negatif)
MR-B12(13)-Fa-H130-D18/32	<i>Maaf</i> Fuad, <i>maaf</i> . (meminta maaf)
MR-B12(13)-Fa-H128-D11/32	<i>Bohonglah</i> (menolak pujian)

### 2.5.2.5 Maksim Persetujuan

Maksim ini diteliti melalui kesepakatan, iaitu sama ada persetujuan secara langsung dengan mengiakan, mengulang semula perkara yang diperkatakan dan persetujuan dalam bentuk pertanyaan. Penanda linguistik bagi persetujuan secara langsung adalah seperti *boleh*, *betul*, *ya* dan *okeylah*. Contohnya terdapat dalam Jadual 2.13 berikut:

**Jadual 2.13:** Maksim Persetujuan; secara langsung

MR-B4(11)-Fu-H-H38-D1/9	<i>Boleh ... Boleh.</i>
MR-B4(11)-Fa-H38-D3/11	Nak panggil Fuad saja? <i>Okeylah</i> , kalau gitu.
MR-B5(10)-Fu-H50-D10/11	Eh, <i>betul!</i> Apa pula tak betulnya.
MR-B7(14)-Fu-H73-D8/16	<i>Sihat.</i>
MR-B12(13)-Fa-H130-D17/32	<i>Yalah ...</i>

Persetujuan secara tidak langsung pula merujuk pada persetujuan yang tidak sepenuhnya dan berlaku apabila lawan tutur menggunakan konsep tidak berterus-terang dalam menjawab pertanyaan penutur. Penutur akan menggunakan kata seperti *entahlah* dan ungkapan berlapik seperti *gitulah lebih kurang* bagi mengelakkan perbalahan. Contohnya terdapat dalam Jadual 2.14 berikut:

**Jadual 2.14:** Maksim Persetujuan; secara tidak langsung

MR-B7(14)-Fa-H75-D13/18	<i>Entahlah</i> Fuad.
MR-B5(10)-Fu-H46-D7/11	<i>Gitulah lebih kurang.</i>

### 2.5.2.6 Maksim Simpati

Maksim Simpati dikenal pasti melalui ekspresi belas kasihan apabila mendengar peristiwa yang malang, menyedihkan dan tragis. Seseorang yang tahu budaya

berbahasa sudah pasti mengekspresikan sikap belas kasihan atas nasib atau permasalahan yang menimpa orang lain. Sikap simpati ditandai kata seperti *simpati*, *kasihan*, *risau*, *sedih* dan ayat yang menggambarkan sikap mengambil berat seperti *Masih bernasib baik*. Contohnya terdapat dalam Jadual 2.15 berikut:

**Jadual 2.15:** Maksim Simpati

MR-B4(11)-Fu-H40-D6/9	<i>Masih bernasib baik.</i>
MR-B7(14)-Fa-H75-D13/18	Aku ... Sebenarnya <i>simpati</i> dengan kau. Tak aku sangka..
MR-B12(13)-Fa-H13-D27/32	Aku <i>kasihan</i> tengok dia.

### 2.5.2.7 Maksim Kuantiti

Maksim Kuantiti ini dipadankan dengan data-data yang memperlihatkan sumbangan maklumat yang mencukupi bagi menjawab sama ada pertanyaan atau permintaan dan sumbangan maklumat tersebut tidak berlebihan. Berdasarkan contoh dalam jadual 2.16 dapat diinterpretasikan bahawa Farhana memberikan maklumat hanya mak dan adik-adiknya yang berada di rumah. Senario ini memanifestasikan sumbangan maklumat yang mencukupi dan berinformatif dalam berkomunikasi di samping dapat memenuhi kehendak penutur. Contohnya dalam Jadual 2.16:

**Jadual 2.16:** Maksim Kuantiti

MR-B7(14)-Fu-H72-D4/16	<i>Siapa ada di rumah?</i>
MR-B7(14)-Fa-H72-D4/18	<i>Mak, adik-adik.</i>

### 2.5.2.8 Maksim Kualiti

Maksim ini dipadankan dengan maklumat-maklumat yang memperlihatkan bukti/dalil atau fakta yang kukuh bagi membuktikan sesuatu pernyataan selain untuk meraih kepercayaan daripada seseorang. Justeru, penutur sedaya upaya berlaku jujur dengan mengemukakan bukti yang sahih dalam berkomunikasi. Contohnya, Fuad membuktikan maklumatnya dengan memberikan fakta bahawa Cikgu Abas

mengetahui latar kehidupannya dalam ayat *Cikgu Abas misalnya, dia tahu* apabila Farhana mengatakan bahawa semua orang tidak tahu tentang kehidupan peribadi Fuad dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H73-D10/18. Fuad sebagai penutur meyakinkan Farhana agar mempercayai bahawa dia berkata benar, iaitu ada orang yang mengetahui tentang cerita dirinya, iaitu *Cikgu Abas* yang menjadi bukti bahawa Fuad berkata benar. Kehadiran maksim ini dalam perbualan mencerminkan penutur berusaha untuk mengemukakan maklumat yang sahih dan ada bukti agar komunikasi lebih bermakna. Contohnya terdapat dalam Jadual 2.17:

**Jadual 2.17:** Maksim Kualiti

MR-B7(14)-Fu-H73-D10/16	Tak semua, Ana. Maksud saya, ada juga orang yang tahu cerita sebenarnya. <i>Cikgu Abas misalnya, dia tahu</i> . Cuma mereka tak beritahu orang. Kau pun tentu nampak rasionalnya, kan?
-------------------------	--

### 2.5.2.9 Maksim Relevan

Maksim Relevan dipadankan dengan data-data yang berkaitan atau mempunyai ciri yang rapat dengan topik/tema atau perkara yang diminta dan ditanya. Sumbangan maklumat boleh secara tersurat atau tersirat. Maksim Relevan terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H128-D10/32 seperti dalam jadual 2.18. Ayat yang dituturkan oleh Farhana dalam dialog ini memberikan sumbangan maklumat yang mempunyai pertalian dengan pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H128-D11/37. Jawapan yang diberikan oleh Farhana, *Ikut kaulah. Aku ikut saja, orang nak belanjalah katakan*, secara tersiratnya berkaitan dengan pertanyaan Fuad tentang apa yang hendak dimakan oleh Farhana walaupun jawapannya langsung tidak berkaitan dengan makanan. Walau bagaimanapun, jawapannya difahami dan Fuad bebas untuk memesan makanan. Contohnya terdapat dalam Jadual 2.18:

**Jadual 2.18:** Maksim Relevan

MR-B12(13)-Fu-H128-D11/37 MR-B12(13)-Fa-H128-D10/32	Kau nak makan apa Ana? <i>Ikut kaulah. Aku ikut saja, orang nak belanjalah katakan.</i>
--	--

### 2.5.2.10 Maksim Cara

Maksim ini dipadankan dengan data-data yang mempunyai susunan tertib, mempunyai penjelasan dan contoh. Teknik penjelasan digunakan untuk menerangkan situasi atau keadaan sesuatu perkara yang menjadi topik perbualan. Teknik ini menggunakan kata kerja, kata adjektif dan kata nama. Contohnya, keadaan tahap penguasaan pelajar dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H38-D4/11 seperti paparan dalam jadual 2.19 ditandai kata adjektif dalam bentuk skala tahap seperti *bagus*, *cemerlang*, *sederhana* dan *lemah* supaya dapat memberikan maklumat yang jelas kepada Fuad bahawa tahap penguasaan para pelajar adalah pelbagai atau tidak sama dalam sesebuah kelas yang akan diajar. Contohnya terdapat dalam Jadual 2.19:

**Jadual 2.19:** Maksim Cara; teknik penjelasan

MR-B4(11)-Fa-H38-D4/11	Itulah ... Nak kata <i>bagus</i> , taklah <i>bagus</i> sangat. Kalau ikutkan pembahagiannya, kelas 5 Bestari tu kelas <i>cemerlang</i> , 5 Dedikasi <i>sederhana</i> , last sekali kelas 3 Ikhlas tu <i>lemah</i> sikit. Maknanya, Fuad dapat satu kelas cemerlang, 3 kelas sederhana dan satu kelas lemah.
------------------------	---

Teknik memberi contoh ditandai kata seperti *contohnya*, *misalnya* dan *katakan*. Hakikatnya, teknik memberi contoh dapat menyokong dan meningkatkan daya pemahaman pendengar agar maklumat yang disampaikan oleh penutur tidak kabur. Pemahaman yang tinggi terhadap maklumat yang hendak disampaikan dapat mewujudkan kerjasama dalam komunikasi yang sekali gus menyerlahkan kesopanan berbahasa. Contohnya terdapat dalam Jadual 2.20:

**Jadual 2.20:** Maksim Cara; teknik memberi contoh

MR-B4(11)-Fa-H40-D7/11	<i>Contohnya</i> , kalau P4 piawaian kita, mungkin P7 piawaian mereka. Tapi itu sebagai makluman saja. Penilaian ke universiti, mereka pakai piawaian kita.
------------------------	---

Sementara teknik susunan tertib ditandai kata bilangan seperti *pertama*, *kedua* dan *lagi satu* pada pangkal ayat dalam dialog tertentu. Sumbangan maklumat secara tertib dan tersusun dapat meningkatkan kejelasan maklumat yang hendak disampaikan oleh penutur dalam berkomunikasi agar maklumat dapat disampaikan dengan sistematik dan diterima dengan mudah. Apabila maklumat dapat difahami dengan jelas, maka wujudlah kerjasama yang sekali gus memmanifestasikan kesopanan berbahasa. Contohnya terdapat dalam Jadual 2.21:

**Jadual 2.21:** Maksim Cara; teknik susunan tertib

MR-B5(10)-Fu-H46-D7/11	<i>Pertama</i> , kita tahu apa penyakit seseorang murid itu. <i>Kedua</i> , kita boleh ajar mereka berdasarkan kelemahan mereka dan bukannya mengajar berdasarkan apa yang kita nak beri. <i>Lagi satu</i> bila masanya kita nak jumpa budak-budak tu kerana jadual mereka penuh dan kita pula tak boleh ambil masa cikgu lain.
------------------------	---

## 2.6 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini telah membincangkan kedua-dua model kesopanan yang digunakan dalam analisis. Kajian ini menggunakan model kesopanan Leech (1983) dan Grice (1975) atas dasar keperluan, kesesuaian dan saling melengkapi untuk menganalisis korpus kajian. Oleh itu, kajian ini akan mengaplikasikan MPKMU yang telah terbentuk berdasarkan proses penggabungan dan pengguguran dengan aturan gabungan atau kombinasi model Leech (1983) dan Grice (1975). Pengklasifikasian pola kombinasi maksim dalam MPKMU adalah berdasarkan pengaplikasian tiga prinsip, iaitu hampir sama, ekonomis dan tepat. Terdapat enam pola kombinasi maksim berdasarkan pembentukan tersebut dan keenam-enam pola



berkenaan akan diaplikasi dalam kajian ini. Data kajian yang berjumlah 221 dialog atau sebanyak 33 peristiwa bahasa dapat diklasifikasikan dalam keenam-enam pola kombinasi maksim dalam MPKMU. Ringkasnya, kombinasi kedua-dua kerangka teoretis, iaitu PS Leech (1983) dan PK Grice (1975) setelah penambahbaikan memperlihatkan kesesuaian untuk menganalisis korpus kajian.

University of Malaya

## **BAB 3: PENGKLASIFIKASIAN POLA KESOPANAN BERBAHASA**

### **3.1 Pendahuluan**

Bab ini akan membincangkan pengklasifikasian pola kesopanan berbahasa dalam novel *Melunas Rindu*. Pengklasifikasian data dijalankan adalah dengan mengaplikasikan Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU) yang terbentuk hasil daripada kombinasi model kesopanan Leech (1983) dan model kerjasama Grice (1975). Pengaplikasian MPKMU berteraskan prinsip tepat, hampir sama dan ekonomis. Oleh yang demikian, bab ini akan mengklasifikasikan pola-pola kombinasi maksim yang terbentuk hasil daripada analisis terhadap 33 peristiwa bahasa berlandaskan keenam-enam pola dalam MPKMU. Keenam-enam pola yang akan dianalisis ialah Pola 1, 6 PS + 4 PK; Pola 2, 5 PS + 3 PK; Pola 3, 4 PS + 2 PK; Pola 4, 3PS + 1 PK; Pola 5, 2 PS dan Pola 6, 1 PS. Pengklasifikasian pola-pola ini dalam MPKMU adalah berdasarkan pematuhan pada prinsip tepat, hampir sama dan ekonomis. Seterusnya analisis akan berfokus pada kata, ungkapan dan ayat yang berpadanan dengan model kajian. Bab ini diakhiri dengan bahagian rumusan.

### **3.2 Analisis Data**

Jumlah data berdasarkan analisis dengan menggunakan keenam-enam pola dalam MPKMU (Rujuk Bab 2) ialah sebanyak 221 dialog yang diujarkan oleh watak utama, iaitu Fuad dan watak sampingan, iaitu Farhana dalam novel *Melunas Rindu*. Pengklasifikasian data sebanyak 33 peristiwa bahasa memperlihatkan pembentukan pola-pola kombinasi maksim yang tertentu sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 3.1 di bawah.

**Jadual 3.1:** Data Analisis

<b>Pola</b>	<b>Pola Kombinasi Maksim</b>	<b>Peristiwa bahasa</b>	<b>Jumlah Peristiwa bahasa</b>	<b>Jumlah Dialog</b>	<b>Peratus (%)</b>
1	6 PS + 4 PK	1,2,3,7,11,22, 25,28,30,31,32,	11	93	42.09
2	5 PS + 3 PK	4,8,9,10,12,14,15,16,17, 18,19,20,21,26,27,29,33	17	112	50.68
3	4 PS + 2 PK	5	1	4	1.80
4	3 PS + 1 PK	24	1	4	1.80
5	2 PS	6, 13	2	7	3.17
6	1 PS	23	1	1	0.46
<b>Jumlah</b>			<b>33</b>	<b>221</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 3.1, Pola 1, 6 PS + 4 PK diwakili 93 dialog atau 42.09 peratus, Pola 2, 5 PS + 3 PK diwakili 112 dialog atau 50.68 peratus manakala Pola 3, 4 PS + 2 PK dan Pola 4, 3 PS + 1 PK masing-masing diwakili empat dialog atau 1.80 peratus. Pola 5, 2 PS pula diwakili tujuh dialog atau 3.17 peratus dan pola yang terakhir, iaitu Pola 6, 1 PS diwakili satu dialog atau 0.46 peratus.

### **3.3 Paparan Analisis Pengklasifikasian Pola Kesopanan Berdasarkan MPKMU**

Analisis pengklasifikasian ini akan dipaparkan dalam bentuk jadual yang mengandungi tiga kolum. **Kolum 1** ialah keterangan tentang buku dan bab, **kolum 2** ialah paparan pengklasifikasian pola kombinasi maksim dan dialog yang dianalisis manakala **kolum 3** pula ialah nombor peristiwa dan peristiwa bahasa yang dianalisis. Analisis pengklasifikasian pola kombinasi maksim ini akan disusun berdasarkan pola kombinasi maksim yang mematuhi MPKMU, iaitu bermula dengan Pola 1, Pola 2, Pola 3, Pola 4, Pola 5 dan Pola 6 sebagaimana dalam paparan analisis seterusnya.

#### **3.3.1 Pengklasifikasian Pola 1: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (6 PS + 4 PK)**

Pengklasifikasian Pola 1, iaitu pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti

+ Kualiti + Relevan + Cara dalam analisis ditandai oleh kata kunci yang tertentu. Maksim Kebijaksanaan merujuk pada cara yang berhemah dan sopan untuk mendekati dan berkomunikasi dengan orang lain bagi mewujudkan keselesaan dan kemesraan. Perlakuan bijaksana ini ditandai dengan penggunaan bentuk panggilan yang sesuai dan sopan selain bijaksana dalam berurusan dengan orang lain sama ada untuk mencadang, menasihati, meminta bantuan, membuka bicara termasuklah menyuruh. Maksim Kedermawanan ditandai sikap murah hati atau dermawan manakala Maksim Sokongan ditandai kata-kata pujian. Maksim Kerendahan Hati pula ditandai ungkapan meminta maaf dan tindakan merendah diri. Maksim Persetujuan pula ditandai dengan perlakuan dan kesediaan pendengar bersetuju dengan permintaan atau pertanyaan daripada penutur sementara Maksim Simpati ditandai sikap simpati dan mengambil berat akan permasalahan seseorang. Maksim Kuantiti ditandai sumbangan maklumat yang mencukupi manakala Maksim Kualiti ditandai maklumat yang benar dan ada bukti. Maksim Relevan ditandai maklumat yang berkaitan dengan perkara yang ditanya atau diminta sementara Maksim Cara ditandai teknik penjelasan, memberi contoh, maklumat tersusun dan ringkas. Terdapat 11 peristiwa yang mematuhi prinsip hampir sama dalam MPKMU dan diklasifikasikan dalam Pola 1. Kesemua dialog ini dianalisis berdasarkan peristiwa-peristiwa dalam Jadual 3.2 yang berikut:

**Jadual 3.2:** Pengklasifikasian Pola 1, 6 PS + 4 PK

Bil	Peristiwa bahasa	Pola 1, 6 PS + 4 PK	Dialog
1	1	Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (penjelasan)	5
2	2	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Cara (Penjelasan)	2
3	3	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Simpati + Cara (contoh)	6
4	7	Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Cara (tertib)	11
5	11	Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Kualiti + Cara (penjelasan)	11
6	22	Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Relevan	14
7	25	Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti	10
8	28	Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (penjelasan & susunan tertib)	11
9	30	Kebijaksanaan + Simpati	3

**Jadual 3.2, sambungan**

Bil	Peristiwa bahasa	Pola 1, 6 PS + 4 PK	Dialog
10	31	Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Simpati + Relevan	8
11	32	Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan + Cara (susunan tertib)	12
<b>Jumlah</b>			<b>93</b>

Berdasarkan Jadual 3.2, terdapat 11 peristiwa dengan jumlah 93 dialog yang akan dianalisis dan diklasifikasikan dalam Pola 1 ini. Peristiwa 1 diwakili lima dialog, peristiwa 2 diwakili dua dialog, peristiwa 3 diwakili enam dialog, peristiwa 7 diwakili 11 dialog, peristiwa 11 diwakili 11 dialog, peristiwa 22 diwakili 14 dialog, peristiwa 25 diwakili 10 dialog, peristiwa 28 diwakili 11 dialog, peristiwa 30 diwakili tiga dialog, peristiwa 31 diwakili lapan dialog dan peristiwa 32 diwakili 12 dialog. Analisis berikut akan dihurai berdasarkan peristiwa dan pola kombinasi maksim.

### 3.3.1.1 Peristiwa 1 Taklimat daripada Farhana: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (penjelasan)

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (penjelasan) ini terdapat dalam Jadual 3.3 berikut:

**Jadual 3.3:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (penjelasan)

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa	Kebijaksanaan+Persetujuan+Cara (penjelasan)	Peristiwa 1
<b>Buku/Bab</b>		
MR-B4(11)-Fa-H37-D1/11 MR-B4(11)-Fu-H38-D1/9 MR-B4(11)-Fa-H38-D2/11 MR-B4(11)-Fu-H38-D2/9 MR-B4(11)-Fa-H38-D3/11	Kalau Cikgu Fuad senang, kita duduk di kerusi tu sekejap. Boleh ... Boleh. Terlebih dahulu, saya nak ucapkan selamat datangnya kepada Cikgu Fuad Fuad ... Panggil Fuad sudahlah. Nak panggil Fuad saja? Okeylah, kalau gitu. Sekali lagi selamat datang. Ini jadual Fuad. Lima kelas semuanya, satu kelas lima waktu seminggu. Jadi, dua puluh lima waktulah seminggu. Tiga kelas tingkatan lima, dua kelas tingkatan tiga. 5 Bestari, 5 Dedikasi, 5 Jujur, 3 Dedikasi dan 3 Ikhlas. Ha ... lima semuanya.	Taklimat daripada Farhana

Jadual 3.3 memaparkan perbualan dalam peristiwa taklimat daripada Farhana yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (penjelasan). Maksim Kebijaksanaan diteliti melalui pemilihan kata yang sesuai dalam memberikan cadangan. Farhana memberi cadangan agar mereka duduk untuk berbincang jika Fuad mempunyai kelapangan. Cadangan ini ditandai dengan kata *kalau* dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H37-D1/11 : *Kalau Cikgu Fuad senang, kita duduk di kerusi tu sekejap*. Penggunaan kata *kalau* memberikan intepretasi yang lembut dan mencerminkan kebijaksanaan penuturnya kerana dapat memberikan pilihan kepada pendengar, bukannya desakan sekali gus memberikan manfaat kepada pendengar. Perkara ini bertepatan dengan pendapat Abdul Ganing Laengkang (2010) yang mengatakan bahawa cadangan dengan menggunakan kata *kalau* dan *tolong* merupakan ungkapan yang sopan kerana tidak mengandungi unsur paksaan (p.108).

Penggunaan kata panggilan hormat, iaitu *cikgu* kepada rakan sekerja yang baharu memulakan tugas merupakan pemilihan kata yang tepat kerana pendengar akan berasa dihormati. Tambahan pula kata panggilan hormat *cikgu* merujuk kepada seseorang yang memainkan peranan penting dalam masyarakat. Farhana memanggil Fuad dengan panggilan *Cikgu Fuad* pada pertemuan pertama mereka dalam peristiwa ini. Penggunaan kata panggilan hormat ini bersesuaian dengan jarak sosial antara mereka sebagai rakan sekerja yang baharu berkenalan dan situasinya pula lebih formal. Penggunaan kata ganti nama diri *saya* oleh Farhana dalam perbualan ini juga mencerminkan kehalusan berbahasa.

Kebijaksanaan dalam perbualan ini menyerlah apabila penutur bertindak menolak panggilan hormat daripada rakan sekerja. Apabila Farhana memanggil Fuad dengan panggilan *Cikgu Fuad* dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H38-D2/11 : Fuad meminta dirinya dipanggil dengan nama peribadi, iaitu *Fuad* seperti yang terdapat dalam

dialog MR-B4(11)-Fu-H38-D2/9 : *Fuad... Panggil Fuad sudahlah.* Tindakan ini dapat mewujudkan kemesraan antara satu sama lain dalam komunikasi kerana dapat mengurangkan jarak sosial antara mereka sehingga memaksimumkan manfaat kepada Farhana sebagai pendengar. Tindakan membuka bicara melalui ungkapan *selamat datang* daripada Farhana sebelum memberikan taklimat kepada Fuad juga berpadanan dengan Maksim Kebijaksanaan. Ungkapan *selamat datang* dapat melahirkan harapan akan kesejahteraan dan keselamatan rakan sekerja agar berasa dihormati. Tindakan bijaksana Farhana ini memaksimumkan manfaat kepada Fuad sebagai pendengar agar berasa dirinya dihargai dan dialu-alukan kedatangannya dalam peristiwa ini.

Maksim Persetujuan dipatuhi melalui persetujuan secara langsung antara penutur dan pendengar dalam perbualan. Cadangan daripada Farhana yang meminta Fuad duduk, dipersetujui secara langsung oleh Fuad dalam dialog MR-B4(11)-Fu-H38-D1/9 : *Boleh ... Boleh.* Kata *Boleh* menandakan persetujuan daripada Fuad atas permintaan Farhana bagi memudahkan mereka berbincang. Farhana pula menyatakan persetujuannya secara langsung dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H38-D3/11 : *Nak panggil Fuad saja? Okeylah, kalau gitu. ....* apabila Fuad meminta dirinya dipanggil Fuad sahaja. Kata *okeylah* bermaksud *baiklah* menandakan persetujuan secara langsung Farhana terhadap permintaan Fuad. Persetujuan antara penutur dan pendengar secara langsung dalam berkomunikasi bukan sahaja dapat melancarkan komunikasi malahan mencitrakan kesopanan berbahasa. Situasi ini juga mencerminkan penutur dan pendengar sentiasa memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain sebagaimana gagasan Leech (1983).

Maksim Cara, iaitu teknik penjelasan terdapat dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H38-D3/11 apabila Farhana memberikan penerangan tentang jadual kelas yang akan

diajar oleh Fuad. Farhana menggunakan kata nama dan kata bilangan untuk menerangkan jadual kelas yang akan diajar oleh Fuad. Farhana sebagai penutur menggunakan kata nama seperti *kelas*, *waktu*, *jadual* dan *tingkatan*. Kata bilangan pula termasuklah *lima*, *tiga*, *dua* dan *dua puluh lima*. Penjelasan dengan menggunakan **kata nama** dan **kata bilangan** ini memudahkan Fuad memahami dan memperolehi maklumat dengan lebih jelas tentang jumlah jadual waktunya selama seminggu. Kejelasan maklumat dalam dialog ini amat signifikan dengan maklumat yang hendak diperolehi dalam komunikasi bagi memperlihatkan kerjasama antara penutur dan pendengar selain menggambarkan kesopanan berbahasa.

### 3.3.1.2 Peristiwa 2 Perbincangan tentang tahap kecerdasan pelajar: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Cara (Penjelasan)

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Cara (penjelasan) terdapat dalam Jadual 3.4 berikut:

**Jadual 3.4:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Cara (penjelasan)

Pola kombinasi maksim /Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan+Kedermawanan+Cara (penjelasan)	Peristiwa 2
MR-B4(11)-Fu-H38-D3/9 MR-B4(11)-Fa-H38-D4/11	Murid-muridnya macam mana? Itulah ... Nak kata bagus, taklah bagus sangat. Kalau ikutkan pembahagiannya, kelas 5 Bestari tu kelas cemerlang, 5 Dedikasi sederhana, <i>last</i> sekali kelas 3 Ikhlas tu lemah sikit. Maknanya, Fuad dapat satu kelas cemerlang, 3 kelas sederhana dan satu kelas lemah. Dan ketiga-tiga kelompok tu, teknik pengajaran kena berbeza. Nanti saya beritahu perlahan-lahan. Hari ni taklimat saja.	Perbincangan tentang tahap kecerdasan pelajar

Jadual 3.4 memaparkan perbualan dalam peristiwa perbincangan tentang tahap kecerdasan pelajar yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Cara (penjelasan). Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui kebijaksanaan memberikan cadangan kepada rakan sekerja tentang teknik pengajaran



setelah memberitahu tentang tahap kecerdasan para pelajar. Farhana memberikan cadangan yang bernas kepada Fuad dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H38-D4/11 : ... *Dan ketiga-tiga kelompok tu, teknik pengajaran kena berbezalah.* Ungkapan *teknik pengajaran kena berbezalah* merupakan cadangan yang memberikan manfaat kepada Fuad sebagai guru sandaran yang baru memulakan tugas. Cadangan ini dilunakkan dengan partikel-*lah* supaya lebih sopan dan lembut serta memberikan manfaat kepada pihak yang mendengar agar dapat menerima cadangan dengan hati terbuka selain meminimumkan beban pendengar. Nor Azian Abdul Aziz (2005) menyatakan bahawa partikel *lah* mampu melembutkan sesuatu ujaran dan dapat membuat pendengar berasa senang (p.59). Penutur, iaitu Farhana berusaha meminimumkan kos Fuad sebagai pendengar supaya cadangan tersebut dapat memberikan manfaat.

Sikap murah hati dengan menawarkan bantuan kepada rakan sekerja menandakan Maksim Kedermawanan dalam peristiwa ini. Farhana menawarkan bantuan kepada Fuad dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H38-D4/11 : ... *Nanti saya beritahu perlahan-lahan. Hari ni taklimat saja.* Ungkapan *saya beritahu perlahan-lahan* memperlihatkan kerelaan dan sikap murah hati Farhana menawarkan bantuan yang menguntungkan Fuad, iaitu Farhana akan membantu Fuad dengan memberitahunya perkara yang berkaitan dengan tugas Fuad. Penutur, iaitu Farhana sanggup memaksimumkan kos diri agar pendengar mendapat faedahnya.

Maksim Cara, iaitu teknik penjelasan terdapat dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H38-D4/11 apabila Farhana menerangkan situasi atau keadaan tahap penguasaan para pelajar. Keadaan tahap penguasaan pelajar dalam dialog ini ditandai kata adjektif dalam bentuk skala tahap seperti *bagus, cemerlang, sederhana* dan *lemah* supaya dapat memberikan maklumat yang jelas kepada Fuad bahawa tahap penguasaan para

pelajar adalah pelbagai atau tidak sama dalam sesebuah kelas yang akan diajar. Penjelasan ini memudahkan Fuad memperoleh maklumat dengan lebih jelas dalam membuat persediaan yang rapi sebelum memulakan tugas mengajar. Perkara ini memberikan gambaran bahawa sumbangan maklumat yang terperinci sekali gus dapat melancarkan komunikasi.

### 3.3.1.3 Peristiwa 3 Perbincangan tentang persediaan mengajar dan maklumat Kertas Bahasa Inggeris: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Simpati + Cara (contoh)

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Simpati + Cara (contoh) terdapat dalam Jadual 3.5 berikut:

**Jadual 3.5:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Simpati + Cara (contoh)

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa  Buku/Bab	Kebijaksanaan+Kedermawanan+Simpati +Cara (contoh)	Peristiwa 3
MR-B4(11)-Fa-H39-D5/11  MR-B4(11)-Fu-H39-D4/9 MR-B4(11)-Fa-H39-D6/11  MR-B4(11)-Fu-H40-D5/9 MR-B4(11)-Fa-H40-D7/11  MR-B4(11)-Fu-H40-D6/9	Sebelum terlupa, ini buku-buku Fuad. Ini sajalah stok yang kita ada. Tapi sebenarnya untuk Bahasa Inggeris ni, kita tak banyak pakai buku teks. Dah lama sangat buku teks ni, tak sesuai lagi dengan sukatan sekarang. Sekarang kita guna sukatan pelajaran 1119, Fuad tahu, kan? 1119, kertas yang kita ambil dulu tu? Ini dah masuk tahun kedua sukatan baru ini dilaksanakan. Kasihan budak-budak kita. Bayangkanlah, mereka yang rata-rata anak nelayan, petani mengambil peperiksaan yang piawaiannya bertaraf England! Pemarkahannya bagaimana? Piawaian Malaysia. Tapi disertakan juga piawaian antarabangsa dalam sijil mereka. Contohnya, kalau P4 piawaian kita, mungkin P7 piawaian mereka. Tapi itu sebagai makluman saja. Penilaian ke universiti, mereka pakai piawaian kita. Masih bernasib baik.	Perbincangan tentang persediaan mengajar dan maklumat Kertas Bahasa Inggeris

Jadual 3.5 memaparkan perbualan dalam peristiwa perbincangan tentang persediaan mengajar dan maklumat Kertas Bahasa Inggeris yang mematuhi pola

kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Simpati + Cara (contoh). Pemilihan kata yang bijaksana dan tepat untuk memanggil rakan sekerja menandakan Maksim Kebijaksanaan dalam peristiwa ini. Farhana memanggil Fuad dengan nama peribadi dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H39-D5/11 : *Sebelum terlupa, ini buku-buku Fuad. Ini sajalah stok yang kita ada.* Penggunaan kata ganti nama peribadi adalah lebih sopan dan lembut serta tepat untuk menginterpretasikan kemesraan hubungan antara dua orang rakan sekerja.

Kerelaan memberikan bantuan buku kepada rakan sekerja untuk memulakan persediaan mengajar pula mematuhi Maksim Kedermawanan. Farhana memberikan bantuan buku kepada Fuad dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H39-D5/11 : *Sebelum terlupa, ini buku-buku Fuad.* Ungkapan *ini buku-buku Fuad* mencerminkan sikap dermawan dan baik hati Farhana terhadap rakan sekerja sehingga sanggup memaksimumkan kos dirinya demi memberikan keuntungan kepada pendengar, iaitu Fuad.

Maksim Simpati dalam peristiwa ini ditandai dengan ekspresi sikap simpati dan mengambil berat akan masalah orang lain. Sikap simpati ditandai dengan kata *kasihan* dalam peristiwa ini. Farhana menunjukkan sikap simpati kepada pelajar yang mempunyai latar belakang yang serba kekurangan tetapi terpaksa mempelajari bahasa Inggeris mengikut piawai England dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H39-D6/11 : *Ini dah masuk tahun kedua sukatan baru ini dilaksanakan. Kasihan budak-budak kita. Bayangkanlah, mereka yang rata-rata anak nelayan, petani mengambil peperiksaan yang piawaiannya bertaraf England!* Sikap mengambil berat pula ditandai dengan ayat *Masih bernasib baik* seperti dalam dialog MR-B4(11)-Fu-H40-D6/9 yang dituturkan oleh Fuad. Fuad mengekspresikan sikap mengambil berat akan nasib pelajar kerana kertas Bahasa Inggeris masih dinilai mengikut piawai

Malaysia walaupun bertaraf England. Permasalahan pelajar yang disampaikan oleh Farhana telah difahami oleh Fuad dengan mendalam sehingga terbitnya perasaan peka atau mengambil berat akan permasalahan tersebut. Situasi ini bertepatan dengan pandangan Zainol Abidin (2003) bahawa seseorang perlu memahami maksud dan maklum balas pendengar untuk melahirkan perasaan simpati (p.64). Sikap simpati dan mengambil berat dapat memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain walaupun pihak ketiga.

Maksim Cara, iaitu teknik memberi contoh terdapat dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H40-D7/11 : *Contohnya, kalau P4 piawaian kita, mungkin P7 piawaian mereka. Tapi itu sebagai makluman saja. Penilaian ke universiti, mereka pakai piawaian kita.* Teknik ini ditandai kata *contohnya* dalam penerangan Farhana kepada Fuad. Fuad amat memahami bahawa piawaian Malaysia yang digunakan untuk menilai para pelajar berdasarkan contoh yang diberikan oleh Farhana. Hakikatnya, teknik memberi contoh dapat menyokong dan meningkatkan daya pemahaman pendengar agar maklumat yang disampaikan oleh penutur tidak kabur. Pemahaman yang tinggi terhadap maklumat yang hendak disampaikan dapat mewujudkan kerjasama dalam komunikasi yang sekali gus menyerlahkan kesopanan berbahasa.

#### **3.3.1.4 Peristiwa 7 Perbincangan program peningkatan akademik: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Cara (tertib)**

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Cara (susunan tertib) terdapat dalam Jadual 3.6 berikut:

**Jadual 3.6:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Cara (susunan tertib)

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa  Buku/Bab	Kebijaksanaan+Sokongan+Persetujuan+ Cara (susunan tertib)	Peristiwa 7
MR-B5(10)-Fa-H45-D3/11	Tolong saya, Fuad. Tapi sebelum tu, duduklah dulu. Awak tu dahlah tinggi, berdiri pula. Sakit tengkuk saya.	Perbincangan program peningkatan kecemerlangan akademik
MR-B5(10)-Fu-H45-D4/11	Tolong apa tu?	
MR-B5(10)-Fa-H45-D4/11	Ini ha ... Saya ada mesyuarat tengah hari ni dan kena bentangkan beberapa program sebagai lanjutan daripada program yang dah sedia ada. Saya dah siap sebahagian. Itulah nak tanya awak, mana tahu awak ada idea nak tambah.	
MR-B5(10)-Fu-H45-D5/11	Hodohnya tulisan awak. (Spontan dia mengusik)	
MR-B5(10)-Fa-H45-D5/11	Pengajaran berkelompok berdasarkan keputusan ujian bulan Februari dah ada, penekanan pada aspek grammar dah ada, begitu juga dengan kelas bimbingan untuk budak-budak yang lemah dalam penulisan karangan. Apa lagi ya?	
MR-B5(10)-Fu-H46-D6/11	Apa kata kalau kita buat satu program yang mendidik murid secara individu. Maksud saya, kita pilih murid berdasarkan beberapa kriteria ,kumpulkan mereka dalam lima hingga enam orang sekumpulan. Seorang cikgu akan bertanggungjawab untuk setiap kumpulan.	
MR-B5(10)-Fa-H46-D6/11	Macam program mentor-mentee, gitu?	
MR-B5(10)-Fu-H46-D7/11	Gitulah lebih kurang. Tapi program ini khusus untuk Bahasa Inggeris saja. Memang nampak stereotaip, tapi saya percaya, yang menjadikan satu-satu program itu stereotaip adalah kerana perlaksanaan yang lemah. Saya percaya, kalau kita betul-betul melaksanakan program ini dengan cuba mencari masa membimbing murid secara individu, sedikit sebanyak akan ada kesannya. Banyak kelebihanannya. Pertama, kita tahu apa penyakit seseorang murid itu. Kedua, kita boleh ajar mereka berdasarkan kelemahan mereka dan bukannya mengajar berdasarkan apa yang kita nak beri. Selama ini kita mungkin ajar secara umum, sedangkan ada murid yang lemah <i>grammar</i> misalnya, atau grammarnya dah bagus, tapi kurang perbendaharaan kata pula. Yalah, saya tahu, masalah tentu ada. Yang pastinya kita tak cukup cikgu. Lagi satu bila masanya kita nak jumpa budak-budak tu kerana jadual mereka penuh dan kita pula tak boleh ambil masa cikgu lain. Kalau Ana benarkan, saya ambil tiga kumpulan. Saya akan buat jadual untuk mereka pada sebelah petang, selepas kelas lanjutan. Saya tak kisah balik lambat sikit tiap-tiap hari. Macam mana Ana, tak baguskah cadangan saya tu?	

**Jadual 3.6, sambungan**

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa  Buku/Bab	Kebijaksanaan+Sokongan+Persetujuan+ Cara (susunan tertib)	Peristiwa 7
MR-B5(10)-Fa-H48-D7/11	Eh bagus, bagus tu! Apa ... Apa agaknya nama yang Fuad nak beri kepada program ni? Apa-apa program, kita mesti ada nama.	
MR-B5(10)-Fu-H49-D8/11	Hm ... Personal ... Personal Guidance. Ha ... Apa kata kalau kita beri nama, <i>English Personal Guidance?</i>	
MR-B5(10)-Fa-H49-D8/11	Okey, cantik nama tu.	

Jadual 3.6 memaparkan perbualan dalam peristiwa perbincangan tentang program peningkatan akademik yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijakan + Sokongan + Persetujuan + Cara (susunan tertib). Maksim Kebijakan dikenal pasti melalui pemilihan kata yang bijaksana dan sopan untuk meminta, menyuruh dan mencadangkan sesuatu. Seseorang yang hendak meminta pertolongan daripada orang lain harus berurusan dengan sopan agar pendengar berasa senang hati kerana perbuatan meminta, menyuruh dan mencadang menjadi negatif jika disampaikan dengan cara yang tidak berhemah. Farhana meminta pertolongan daripada Fuad dalam dialog MR-B5(10)-Fa-H45-D3/11: *Tolong saya, Fuad*. Penggunaan kata *tolong* dalam dialog ini mencitrakan kelembutan dan harapan untuk mendapatkan pertolongan daripada seseorang, iaitu Fuad. Situasi ini bersesuaian dengan pandangan Indirawati Zahid (2005b) bahawa walaupun permintaan tersebut berbentuk perintah tetapi dilembutkan dengan kata *tolong* selain penggunaan kata *boleh* (p.26).

Tindakan meminta tolong turut terdapat dalam dialog MR-B5(10)-Fa-H45-D4/11 : *Saya dah siap sebahagian. Itulah nak tanya awak, mana tahu awak ada idea nak tambah*. Ungkapan *mana tahu awak ada idea nak tambah*, yang dituturkan oleh Farhana sebenarnya bermaksud meminta bantuan Fuad untuk memberikan idea

kepadanya tetapi disampaikan dengan cara berlapik dan tidak berterus-terang bagi mencerminkan kesopanan berbahasa dan sekali gus tidak membebankan pendengar. Ungkapan tidak berterus-terang atau penggunaan bahasa berlapik dalam dialog Farhana ini amat tinggi gambaran kesopanannya dalam komunikasi sepertimana gagasan Leech (1983). Konsep tidak berterus-terang atau penggunaan bahasa berlapik dalam dialog Farhana ini mendalam gambaran kesopanannya dalam komunikasi. Hal ini selaras dengan pandangan Noor Hatini & Siti Saniah (2011) iaitu budaya Timur terutamanya budaya Melayu yang mementingkan kesopanan selalunya mengamalkan bahasa *berlapik* yang merujuk pada lakuan tidak terus yang lebih beradab dan memberikan peluang pilihan semasa berbicara (p.88).

Pemilihan kata yang sesuai untuk menyuruh juga terdapat dalam peristiwa ini. Farhana menyuruh Fuad duduk bagi memudahkan mereka berbincang dalam dialog MR-B5(10)-Fa-H45-D3/11 : *Tapi sebelum tu, **duduklah dulu**. Awak tu dahlah tinggi, berdiri pula. Sakit tengkuk saya.* Ungkapan ***duduklah dulu*** dalam dialog ini adalah sebagai tanda menghormati rakan sekerja kerana duduk adalah lebih sopan daripada berbincang dalam keadaan berdiri. Cara menyuruh duduk ini pula dilunakkan dengan partikel-***lah*** supaya lebih lembut pada pendengaran pendengar dan dapat meminimumkan kos kepada pendengar. Nik Safiah Karim et al., (1993) menegaskan bahawa ayat dan ungkapan yang berbentuk suruhan dianggap agak keras, jadi untuk melembutkannya maka partikel *lah* disertakan (p.429). Oleh itu, penggunaan partikel *lah* dalam kajian ini berperanan sebagai pelembut berdasarkan fungsi komunikatif walaupun analisis ini tidak menyentuh aspek intonasi. Situasi ini bersesuaian dengan penggunaan ungkapan *duduklah* yang dilafazkan oleh watak Farhana ketika menyuruh Fuad duduk untuk berbincang.

Dalam usaha mencadangkan sesuatu kepada orang lain, penutur harus pandai berdiplomasi agar cadangan tersebut dapat diterima pendengar dengan hati yang terbuka. Fuad memberikan cadangan apabila diminta oleh Farhana dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H46-D6/11 : *Apa kata **kalau** kita buat satu program yang mendidik murid secara individu.* Cadangan daripada Fuad juga terdapat dalam dialog : MR-B5(10)-Fu-H46-D7/11 *Saya percaya, **kalau** kita betul-betul melaksanakan program ini dengan cuba mencari masa membimbing murid secara individu, sedikit sebanyak akan ada kesannya. **Kalau** Ana benarkan, saya ambil tiga kumpulan.* Fuad memberikan cadangan kepada Farhana agar dapat membantunya untuk meningkatkan kecemerlangan akademik para pelajar di sekolah itu. Dialog MR-B5(10)-Fu-H49-D8/11 : *Ha ... Apa kata **kalau** kita beri nama, English Personal Guidance?* juga berupa cadangan Fuad tentang nama program yang dibincangkan oleh mereka.

Cadangan dalam peristiwa ini ditandai kata **kalau** yang bukan sahaja mengintepretasikan pilihan dan lebih lembut sifatnya malahan mencerminkan cara berhemah dan berbudi bahasa supaya tidak menyinggung perasaan orang lain. Penggunaan kata **kalau** dalam usaha mencadangkan sesuatu memanifestasikan kesopanan kerana tidak menggambarkan desakan sebaliknya memberikan pilihan kepada pendengar yang sekali gus meminimumkan kos pendengar. Noriati A.Rashid (2013) mengatakan bahawa cadangan merupakan cara santun yang digunakan oleh penutur sewaktu menyatakan permintaan atau mengemukakan pandangan dengan penggunaan ungkapan *kalau boleh, kalau dapat, ingat* dan ujaran-ujaran berbentuk ayat tanya (p.62).

Maksim Kebijaksanaan dalam peristiwa ini turut ditandai dengan penggunaan dan pemilihan kata yang sopan dan sesuai untuk memanggil atau menyapa seseorang.



Penggunaan kata ganti nama diri *saya* untuk menggantikan nama diri sendiri, kata ganti nama *awak* dan kata nama peribadi seperti *Ana* dan *Fuad* untuk memanggil rakan sekerja mencerminkan penutur sentiasa berhati-hati dalam berkomunikasi. Penggunaan kata ganti nama *saya*, *awak* dan *kata nama peribadi* memanifestasikan kesopanan berbahasa selain dapat memaksimumkan manfaat kepada pendengar. Penggunaan kata panggilan dan sapaan yang sesuai, memanifestasikan kebijaksanaan penuturnya dalam berbahasa dan menepati ciri-ciri sosiobudaya masyarakat yang menganggap kesopanan berbahasa sebagai nadi keutuhan bangsa.

Maksim Sokongan pula ditandai kata-kata pujian seperti dalam dialog MR-B5(10)-Fa-H48-D7/11 : *Eh bagus, bagus tu!* dan dialog MR-B5(10)-Fa-H49-D8/11 : *Okey, cantik nama tu*. Kata adjektif atau sifat seperti *bagus* dan *cantik* dalam kedua-dua dialog yang dituturkan oleh Farhana menandakan penghargaan dan sokongan terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Fuad. Sesungguhnya, pujian dapat memberikan motivasi dan menyenangkan hati pendengar selain dapat memaksimumkan pujian antara diri sendiri dengan orang lain. Teo Kok Seong (2012) menyatakan bahawa dalam masyarakat dan budaya Melayu, apabila memberi pujian, seseorang itu sebenarnya memperlihatkan kesetiakawanan kepada pihak yang dipuji (p.124). Pandangan ini bertepatan dengan pujian yang diberikan oleh Farhana kepada Fuad bagi menggambarkan penghargaannya kepada rakan sekerja yang telah memberikan idea kepadanya.

Maksim Persetujuan ditandai dengan usaha penutur dan pendengar mewujudkan kesepakatan dan mengelakkan konflik dalam berkomunikasi. Fuad bersetuju secara tidak langsung ketika menjawab pertanyaan Farhana dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H46-D7/11 : *Gitulah lebih kurang*. Ayat *Gitulah lebih kurang* yang dituturkan oleh

Fuad bermaksud *agak sama* atau ada *sedikit kelainan* apabila Farhana bertanya adakah program yang dicadangkan oleh Fuad seperti program mentor-mentee dalam dialog MR-B5(10)-Fa-H46-D6/11. Jawapan yang diberikan oleh Fuad memperlihatkan kesopanan kerana masih memmanifestasikan persetujuan yang dapat meminimumkan perbalahan atau konflik dalam komunikasi. Hakikatnya, program yang dicadangkan oleh Fuad agak berbeza dengan program yang dinyatakan oleh Farhana. Persetujuan secara langsung pula terdapat dalam dialog MR-B5(10)-Fa-H49-D8/11 : *Okey, cantik nama tu*. Kata *okey* yang dituturkan oleh Farhana menandakan persetujuan secara langsung terhadap nama program yang dicadangkan oleh Fuad, iaitu *English Personal Guidance*. Persetujuan secara langsung dapat memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain dalam usaha melancarkan komunikasi.

Maksim Cara, iaitu teknik susunan tertib pula terdapat dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H46-D7/11 : *Pertama, kita tahu apa penyakit seseorang murid itu. Kedua, kita boleh ajar mereka berdasarkan kelemahan mereka dan bukannya mengajar berdasarkan apa yang kita nak beri. Lagi satu bila masanya kita nak jumpa budak-budak tu kerana jadual mereka penuh dan kita pula tak boleh ambil masa cikgu lain*. Teknik susunan tertib ditandai kata bilangan seperti *pertama, kedua* dan *lagi satu* pada pangkal ayat dalam dialog tersebut. Penerangan Fuad dengan menggunakan teknik ini memudahkan Farhana mendapatkan maklumat terperinci tentang program berkenaan. Sumbangan maklumat secara tertib dan tersusun yang diberikan oleh Fuad dapat meningkatkan kejelasan maklumat yang hendak disampaikan oleh penutur dalam berkomunikasi agar maklumat dapat diterima dengan mudah. Perkara ini ada dikongsikan oleh Abdul Ganing Laengkang (2010) bahawa penanda linguistik tertib menunjukkan maklumat itu telah disampaikan dan diikuti maklumat

berikutnya. Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa penyampaian maklumat menjadi lebih tersusun dan mudah difahami. Apabila maklumat dapat difahami dengan jelas, maka wujudlah kerjasama yang sekali gus memmanifestasikan kesopanan berbahasa.

### 3.3.1.5 Peristiwa 11 Perbualan tentang keluarga Fuad : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Kualiti + Cara (penjelasan)

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Kualiti + Cara (penjelasan) ini terdapat dalam Jadual 3.7 berikut:

**Jadual 3.7:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Kualiti + Cara (penjelasan)

Pola kombinasi maksim /Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan+Persetujuan+Simpati+Kualiti +Cara (penjelasan)	Peristiwa 11
MR-B7(14)-Fa-H73-D8/18	Awak pula macam mana? Mak dan ayah awak di Raub tentu sihat lagi,kan?	Perbincangan tentang keluarga Fuad
MR-B7(14)-Fu-H73-D8/16	Sihat. Memang mereka sihat tapi mereka tu sebenarnya bukan orang tua saya. Saya sebenarnya nak cari saudara-mara sebelah emak. Nak minta mereka tunjuk di mana kubur emak saya.	
MR-B7(14)-Fa-H73-D9/18	O ... Jadi yang di Raub tu bukan ... .	
MR-B7(14)-Fu-H73-D9/16	Bukan. Mereka tu ayah dan emak saudara saya. Yang sebetulnya ayah saya ialah Robert Lim, ayah Sofia juga. Saya dengan Sofia tapi adik-beradik, tapi berlainan ibu. Emak saya Melayu, dengan ayah saya yang memeluk Islam semata-mata untuk memenuhi syarat berkahwin secara Islam. Tak lama lepas tu ayah saya kahwin dengan Aunti Susan, dapat Sofia. Emak saya pula mati sewaktu melahirkan saya.	
MR-B7(14)-Fa-H73-D10/18	Tapi, kenapa semua orang tak tahu? Maksud saya, semua orang mengikut apa yang saya faham, sedangkan cerita tu tak berapa betul..	
MR-B7(14)-Fu-H73-D10/16	Tak semua, Ana. Maksud saya, ada juga orang yang tahu cerita sebenarnya. Cikgu Abas misalnya, dia tahu. Cuma mereka tak beritahu orang. Kau pun tentu nampak rasionalnya, kan? Buat apa lagi bercerita tentang masa silam aku sedangkan aku sekarang sudah ada kehidupan baharu?	
MR-B7(14)-Fa-H74-D11/18	Jadi maksud awak ... Maaflah Fuad, saya nak tanya ...	
MR-B7(14)-Fu-H74-D11/16	Tak apa. Teruskan.	
MR-B7(14)-Fa-H74-D12/18	Maksudnya, awak ni memang lahir Islam?	

**Jadual 3.7, sambungan**

Pola kombinasi maksim /Peristiwa	Kebijaksanaan+Persetujuan+Simpati+Kualiti+ Cara (penjelasan)	Peristiwa 11
Buku/Bab		
MR-B7(14)-Fu-H74-D12/16	Aku memang dibenihkan dalam syariat Islam. Cuma jangan tanya apa agama ayah aku sekarang? Sebab itulah Ana, sampai sekarang aku masih belum rasa nak jumpa ayah aku. Aku terkilan. Bagi aku tak menjadi hal kalau dia tak tahu langsung tentang Islam atau tak pernah menganutinya. Tapi hakikatnya itu agamanya dulu. Apa pun alasannya masuk Islam dulu, bagi aku agama tetap satu perkara yang tak boleh dipermainkan. Agama itu satu kepercayaan, bukan satu perkara yang boleh ditukar ganti sesuka hati. Salahkah kalau aku tak mempedulikan ayah sendiri akibat ketidacacuhannya kepada agama? Salahkah aku, Ana?	
MR-B7(14)-Fa-H75-D13/18	Entahlah Fuad. Aku ... Sebenarnya simpati dengan kau. Tak aku sangka.....	

Jadual 3.7 memaparkan perbualan dalam peristiwa perbincangan tentang keluarga Fuad yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Kualiti + Cara (penjelasan). Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui pemilihan kata yang sesuai untuk meminta pertolongan daripada orang lain. Fuad memberitahu Farhana bahawa dia hendak meminta pertolongan saudara maranya untuk menjejaki kubur ibunya. Perkara ini terdapat dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H73-D8/16 : *Saya sebenarnya nak cari saudara-mara sebelah emak. Nak minta mereka tunjuk di mana kubur emak saya.* Ungkapan ***nak minta*** bermaksud hendak memohon pertolongan atau meminta bantuan daripada saudara maranya. Penggunaannya mencerminkan tatacara berbahasa yang penuh adab dan serasi dengan tujuan untuk meminta bantuan.

Maksim Kebijaksanaan juga dikenal pasti melalui cara yang berhemah dalam berurusan dengan orang lain dan ditandai dengan tindakan meminta maaf sebelum bertanya. Farhana dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H74-D11/18 : *Jadi maksud awak ...* ***Maaf*** Fuad, *saya nak tanya ...*, meminta maaf terlebih dahulu dengan ujaran kata

*maaf* sebelum bertanya kepada Fuad untuk mengelakkan Fuad tersinggung jika pertanyaannya bersifat sensitif. Tindakan Farhana dapat mengelakkan salah faham antara dirinya dengan Fuad. Lafaz kata *maaf* sebelum bertanya dapat mengurangkan beban atau meminimumkan kos pendengar. Tindakan meminta maaf bukan kerana melakukan kesalahan dalam konteks ini mencerminkan sikap berhati-hati dalam berkomunikasi agar tidak menyinggung perasaan seseorang selain memanifestasikan kehalusan berbahasa. Zainol Abidin (2003) yang mengkaji kesopanan bermesyuarat dalam kalangan pensyarah Jepun mengatakan bahawa permintaan maaf untuk bertanya selain menggambarkan sopan dapat menarik perhatian pendengar dan peluang untuk berinteraksi seterusnya. Situasi ini mencerminkan bahawa ada persamaan antara budaya masyarakat Jepun dan budaya Melayu dari perspektif kesopanan berbahasa.

Kebijaksanaan berkomunikasi dalam peristiwa ini turut ditandai dengan pemilihan kata yang sesuai dan tepat untuk memanggil atau menyapa orang lain tanpa menyampingkan penggunaan kata yang sopan untuk menamakan diri sendiri. Dalam peristiwa ini, Fuad dan Farhana menggunakan kata ganti nama *saya, awak* serta kata nama peribadi seperti *Ana* dan *Fuad* bagi mencerminkan kehalusan berbahasa. Walau bagaimanapun, dalam peristiwa ini juga terdapat penggunaan kata ganti nama *aku* dan *kau* seperti dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H73-D10/1 : *Kau pun tentu nampak rasionalnya, kan? Buat apa lagi bercerita tentang masa silam aku sedangkan aku sekarang sudah ada kehidupan baharu?* Penggunaan kata ganti nama *aku* dan *kau* dalam dialog ini (bab 7) merupakan pertama kali digunakan oleh Fuad kerana dalam bab-bab sebelumnya (bab 3 dan 4) Fuad menggunakan kata ganti nama *saya, awak* dan kata nama peribadi untuk memanggil Farhana.

Penggunaan *aku* dan *engkau* atau singkatannya *kau* dalam konteks perbualan Fuad dan Farhana masih sopan dan sesuai walaupun agak kasar bunyinya. Nor Hashimah Jalaludin (1992) mengatakan bahawa penggunaan *aku* dan *kau* bersifat neutral walaupun kedua-dua kata ganti nama ini tergolong dalam bahasa kasar dan penggunaannya sesuai dalam situasi tidak formal. Sehubungan dengan itu, penggunaan kata ganti nama *aku* dan *kau* dalam peristiwa ini sesuai atas faktor keakraban hubungan antara mereka dan situasinya pula tidak formal. Penggunaan kata *aku* dan *kau* masih tepat dan sesuai dan tidak menjejaskan hubungan kedua-duanya yang sudah akrab dan mengenali hati budi masing-masing.

Kebijaksanaan dalam memilih kata yang sesuai dalam berkomunikasi juga dikesan melalui penggunaan kata panggilan hormat seperti *cikgu* untuk memanggil *Cikgu Abas* sebagai tanda hormat walaupun tidak berada dalam peristiwa bahasa ini. Penggunaan kata panggilan keluarga seperti *emak/ibu*, *ayah* dan *aunti* juga menyerlah dalam peristiwa ini seperti dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H73-D9/16 : *Mereka tu ayah dan emak saudara saya. Yang sebetulnya ayah saya ialah Robert Lim, ayah Sofia juga. Saya dengan Sofia adik-beradik, tapi berlainan ibu. Emak saya Melayu, dengan ayah saya yang memeluk Islam semata-mata untuk memenuhi syarat berkahwin secara Islam. Tak lama lepas tu ayah saya kahwin dengan Aunti Susan, dapat Sofia. Emak saya pula mati sewaktu melahirkan saya.* Penggunaan kata panggilan keluarga, iaitu *ayah*, *emak/ibu* dan *aunti* untuk memanggil orang tua dalam perbualan adalah sebagai tanda hormat dan merupakan kata keramat untuk golongan yang berjasa kepada kita. Pemilihan dan penggunaan kata yang bijaksana dan tepat dalam menyapa atau memanggil seseorang bukan sahaja menjadikan proses komunikasi lebih efektif dalam mengeratkan hubungan antara satu sama lain

malahan dapat mencerminkan kesopanan dan memaksimumkan manfaat kepada pendengar.

Maksim Persetujuan ditandai dengan persetujuan secara langsung dan persetujuan secara tidak langsung. Persetujuan secara langsung terdapat dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H73-D8/16 : ***Sihat***. Fuad menyatakan persetujuan secara langsung dengan mengulang semula kata ***sihat*** bagi menjawab pertanyaan Farhana dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H73-D8/18. Persetujuan secara langsung juga terdapat dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H73-D9/16 : ***Bukan***. *Mereka tu ayah dan emak saudara saya. Yang sebetulnya ayah saya ialah Robert Lim, ayah Sofia juga.* Kata ***Bukan*** yang diulang oleh Fuad dalam dialog ini menandakan persetujuan secara langsung bagi menyetujui kata-kata Farhana dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H73-D9/18 bahawa di Raub itu bukan ibu dan bapanya yang sebenar. Dialog MR-B7(14)-Fu-H74-D12/16 : ***Aku memang dibenihkan dalam syariat Islam***, merupakan persetujuan secara langsung Fuad bagi menjawab pertanyaan Farhana tentang status agama yang dianuti Fuad sepertimana dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H74-D12/18. Persetujuan secara langsung dalam peristiwa komunikasi ini bukan sahaja melancarkan komunikasi malahan dapat memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dan orang lain di samping mewujudkan persepakatan.

Maksim Persetujuan juga ditandai dengan tindakan bersetuju secara tidak langsung seperti dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H75-D13/18 : ***Entahlah Fuad***. Ayat ***Entahlah Fuad*** yang dilafazkan oleh Farhana bagi menjawab pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H74-D12/16 : *Salahkah kalau aku tak mempedulikan ayah sendiri akibat ketidacacuhannya kepada agama? ***Salahkah aku, Ana?****, memmanifestasikan persetujuan secara tidak langsung kerana jawapan tersebut tidak secara terus-terang. Dalam konteks ini, terdapat konsep ketidakterusan berbahasa

kerana Farhana mengambil jalan tengah dengan memendamkan pendapatnya dengan menyatakan *Entahlah Fuad. Entah* boleh diinterpretasikan sebagai *tidak tahu* atau *mungkin benar* atau *mungkin tidak* (Kamus Dewan, 2007). Penggunaan partikel-*lah* pula adalah untuk melembutkan kata yang diujarkan oleh penutur. Dalam konteks peristiwa ini, ada kemungkinan Farhana berpendapat perbuatan Fuad itu salah dan Fuad harus menghormati ayahnya. Walaupun perangai Robert Lim itu buruk, hakikat bahawa itu ialah ayahnya tidak dapat diubah oleh sesiapa pun.

Walau bagaimanapun, konsep ketidakterusan digunakan oleh Farhana untuk mengelakkan Fuad daripada tersinggung jika Farhana menyatakan perkara sebenar yang bermain dalam fikirannya. Norhana Bakhari (2014) mengatakan bahawa demi menjaga hubungan antara penutur dan pendengar, penutur menggunakan ketersiratan yang tinggi untuk menyampaikan maksud dan niat di hatinya (p.251). Penutur akan dianggap biadab jika terus menyuarakan pendapat yang boleh menyinggung perasaan pendengar. Tindakan memendamkan pendapat dengan persetujuan secara tidak langsung sebagaimana yang dilakukan oleh Farhana dapat meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dan orang lain. Strategi ini juga dapat melancarkan komunikasi selain memanasikan sikap berhati-hati penutur yang berusaha untuk menjaga air muka lawan tuturnya. Situasi ini bertepatan dengan pendapat Indirawati Zahid (2012) yang menyatakan bahawa penjagaan air muka setiap individu dalam masyarakat menjadi agenda yang penting. Air muka merupakan maruah yang perlu dijaga dan seandainya maruah ini tidak dijaga atau diremehkan, konflik dalaman akan berlaku (p.186). Perkara ini dapat diperkukuh dengan perkongsian Marlyna Maros (2011) bahawa sekiranya sesuatu lakuan itu difikirkan terlalu memberikan ancaman kepada air muka seseorang, ianya tidak diujarkan sama sekali (p.9). Paparan ini melantunkan makna yang mendalam bahawa orang Melayu



sangat berhati-hati apabila mengeluarkan tutur kata agar tidak menggores atau menyinggung perasaan orang lain.

Maksim Simpati dalam peristiwa ini terdapat dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H75-D13/18 : *Aku ... Sebenarnya aku **simpati** dengan kau. Tak aku sangka.....* . Farhana mengungkapkan kata **simpati** atas nasib Fuad yang mempunyai latar belakang keluarga dan kisah silam yang bercelaru. Kata **simpati** mencerminkan penutur memahami penderitaan rakannya dan usaha ini dapat memaksimumkan simpati antara diri sendiri dan orang lain.

Maksim Kualiti pula dikesan dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H73-D10/16 : *Tak semua, Ana. Maksud saya, ada juga orang yang tahu cerita sebenarnya. **Cikgu Abas misalnya, dia tahu.** Cuma mereka tak beritahu orang. Kau pun tentu nampak rasionalnya, kan?* Fuad memberikan bukti kepada Farhana bahawa bukan semua orang tidak tahu tentang kehidupan peribadinya apabila Farhana mengatakan bahawa semua orang tidak tahu tentang kehidupan peribadi Fuad dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H73-D10/18. Fuad membuktikan maklumatnya dengan memberikan fakta bahawa Cikgu Abas mengetahui latar kehidupannya dalam ayat **Cikgu Abas misalnya, dia tahu.** Fuad sebagai penutur meyakinkan Farhana agar mempercayai bahawa dia berkata benar, iaitu ada orang yang mengetahui tentang cerita dirinya, iaitu Cikgu Abas. Kehadiran maksim ini dalam perbualan mencerminkan penutur berusaha untuk mengemukakan maklumat yang sahih dan ada bukti agar komunikasi lebih bermakna.

Peristiwa ini juga memperlihatkan kehadiran Maksim Cara, iaitu teknik penjelasan dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H74-D12/16. Fuad memberi penjelasan kepada Farhana dengan menggunakan *kata kerja* untuk menggambarkan perbuatan

ayahnya yang memberikan kesan kepada kehidupannya. Fuad menggunakan kata kerja seperti *dibenihkan*, *tahu*, *jumpa*, *terkilan*, *menganutinya*, *masuk*, *dipermainkan*, *ditukar* dan ungkapan *tak mempedulikan* untuk menjelaskan akibat perbuatan ayahnya sehingga agama Fuad dipersoalkan. Penggunaan kata kerja *dibenihkan* dalam dialog ini memberikan pengertian bahawa Fuad memang sejak lahir beragama Islam. Kata *tahu*, *jumpa* dan *terkilan* pula digunakan oleh Fuad untuk menjelaskan tindakannya yang tidak mahu berjumpa dengan ayahnya kerana dia masih terkilan atau kesal dengan sikap ayahnya.

Kata *menganuti*, *masuk*, *dipermainkan* dan *ditukar* menjelaskan sikap ayahnya yang tidak mementingkan agama dan mempermainkan soal agama sehingga agama Fuad dipersoalkan. Penggunaan ungkapan *tak mempedulikan* pula memberikan penjelasan bahawa Fuad tidak menghiraukan ayahnya kerana masih kesal dengan perbuatan ayahnya. Penggunaan kata kerja dan ungkapan yang mudah dalam dialog ini dapat memberikan penjelasan kepada pendengar bahawa penutur tidak berpuas hati dengan ketidakacuhan ayahnya terhadap agama yang telah menyebabkan kehidupannya turut terjejas. Teknik penjelasan yang digunakan oleh Fuad dapat meningkatkan daya pemahaman Farhana terhadap dilema yang dialami oleh Fuad. Kejelasan maklumat yang disampaikan oleh penutur dapat memuaskan hati pendengar selain mewujudkan kerjasama dalam berbahasa.

### **3.3.1.6 Peristiwa 22: Perbualan selepas balik dari rumah Fuad : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Persetujuan+Simpati+Relevan**

Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Relevan terdapat dalam Jadual 3.8 berikut:

**Jadual 3.8:** Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Relevan

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa	Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Relevan	Peristiwa 22
<p style="text-align: center;"><b>Buku/Bab</b></p> MR-B12(13)-Fu-H134-D30/37 MR-B12(13)-Fa-H134-D27/32 MR-B12(13)-Fu-H134-D31/37	Senyap saja, Ana? Ingat Mak Mahkah? Aku kasihan tengok dia. Aku pun. Sebab itulah, aku bawa kau jumpa dia. Sekurang-kurangnya selepas ni, kalau kau sudi, bolehlah kau temankan dia.	
MR-B12(13)-Fu-H135-D32/37 MR-B12(13)-Fa-H135-D28/32	Tak nak ikut sekali ke rumah Cikgu Zamani? Tak naklah. Pakai baju macam ni, tak kan nak pergi makan kenduri.	
MR-B12(13)-Fu-H135-D33/37	Aku hantar balik dulu. Mandi, salin baju lain. Aku tunggu sampai kau siap pakai gincu.	
MR-B12(13)-Fa-H135-D29/32	Tak naklah. Lagipun, orang jemput engkau, bukannya aku.	
MR-B12(13)-Fu-H136-D34/37	Jauh hati bunyinya?	Perbualan selepas balik dari rumah Fuad
MR-B12(13)-Fa-H136-D30/32	Jauh hati tu tidaklah. Lagipun, apa faedahnya nak kecil hati dengan orang macam Cikgu Zamani tu? Aku ni kan semua tak betul pada mata dia? Orang putih celup, sosial, tak pandai pakai baju kurung, tudung sibai ...	
MR-B12(13)-Fu-H136-D35/37 MR-B12(13)-Fa-H136-D31/32	Tudung sibai? Apa benda tu? Tudung macam aku pakai nilah. Tudung sibai ke belakang.	
MR-B12(13)-Fu-H136-D36/37 MR-B12(13)-Fa-H136-D32/32	O ... Aku turun dululah, Fuad. Esok kita jumpa lagi. Jaga-jaga Fuad. Aku dengar cerita Cikgu Zamani nak jodohkan kau dengan seseorang.	
MR-B12(13)-Fu-H136-D37/37	Siapa? Ah, aku tak nak!	

Jadual 3.8 memaparkan perbualan dalam peristiwa selepas balik dari rumah Fuad yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Relevan. Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui sikap bijaksana dalam mencadang. Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H134-D31/37: *Sekurang-kurangnya selepas ni, kalau kau sudi, bolehlah kau temankan dia*, memberikan cadangan kepada Farhana agar menemani mak angkatnya dengan ditandai penggunaan kata *kalau* dan *bolehlah*. Kedua-dua perkataan tersebut lebih lembut sifatnya dan memberikan pilihan kepada pendengar, iaitu Farhana. Cara yang berhemah untuk meminta diri pula terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H136-D32/32 : *Aku turun*

*dululah*, *Fuad*. *Esok kita jumpa lagi*. Farhana meminta diri sebagai tanda hormat kepada Fuad setelah Fuad menghantarnya ke rumah. Ungkapan *Aku turun dululah* dengan disertai partikel-*lah* dalam ungkapan tersebut mencerminkan kelembutan seseorang dalam berkomunikasi dan alangkah tidak manisnya andai kata Farhana terus beredar meninggalkan Fuad tanpa meminta diri terlebih dahulu. Tindakan Farhana ini mencerminkan kehalusan budi bahasa yang amat disanjung tinggi dalam masyarakat Melayu.

Maksim Kebijaksanaan juga ditandai penggunaan bentuk panggilan yang tepat dan sopan untuk memanggil seseorang. Perbualan Fuad dan Farhana didominasi penggunaan kata ganti nama seperti *aku*, *kau* dan kata nama peribadi seperti *Ana* dan *Fuad* yang sesuai dan mencerminkan kesopanan dalam berbahasa. Kata panggilan hormat seperti *cikgu* juga digunakan untuk memanggil *Cikgu Zamani* walaupun watak tersebut tidak wujud dalam peristiwa bahasa ini. Fuad juga memanggil ibu angkatnya dengan panggilan *Mak Mah* sebagai tanda hormat. Penggunaan kata panggilan yang sesuai dan tepat dapat memaksimumkan manfaat kepada pendengar. Abdul Sukor Shaari et al., (2003) berpandangan bahawa ganti nama yang salah boleh menimbulkan salah faham, perselisihan dan menjatuhkan maruah seseorang (p.20).

Maksim Persetujuan dalam peristiwa ini terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H134-D31/37 : *Aku pun* yang dilafazkan oleh Fuad menandakan persetujuan secara langsung Fuad dengan pandangan Farhana yang menyatakannya kasihan dengan ibu angkat Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H134-D27/32. Persetujuan secara langsung dapat memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dan orang lain dalam memanifestasikan kesopanan berbahasa.

Maksim Simpati ditandai kata *kasihan* dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H134-D27/32 : *Aku kasihan tengok dia*, yang dituturkan oleh Farhana untuk mencerminkan sikap simpatinya kepada ibu angkat Fuad yang kekurangan kasih sayang seorang anak. Sikap simpati dapat memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain selain mencitrakan sikap yang mulia, iaitu peka dan memahami perasaan atau permasalahan orang lain.

Maksim Relevan dalam peristiwa ini terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H135-D29/32 : *Tak naklah. Pakai baju macam ni, tak kan nak pergi makan kenduri*, yang dituturkan oleh Farhana untuk menjawab pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H135-D32/37, yang mengajak Farhana ke rumah Cikgu Zamani. Jawapan Farhana berkaitan dengan pertanyaan Fuad kerana Farhana memberikan sebab dia tidak mahu mengikut Fuad dengan memberikan jawapan secara tersurat sambil menerangkan sebabnya. Dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H135-D34/38 : *Aku hantar balik dulu. Mandi, salin baju lain. Aku tunggu sampai kau siap pakai gincu*, Fuad sekali lagi mengajak Farhana dan jawapan Farhana dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H135-D29/32 : *Tak naklah. Lagipun, orang jemput engkau, bukannya aku*, juga relevan dengan cadangan dan ajakan tersebut. Dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H136-D30/32 : *Jauh hati tu tidaklah. Lagipun, apa faedahnya nak kecil hati dengan orang macam Cikgu Zamani tu? Aku ni kan semua tak betul pada mata dia? Orang putih celup, sosial, tak pandai pakai baju kurung, tudung sibai ...* yang dituturkan oleh Farhana bagi menjawab pertanyaan Fuad yang mengatakan Farhana berjauh hati dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H136-D34/37, mempunyai ciri-ciri yang rapat dengan jawapan bagi pertanyaan tersebut kerana Farhana memberikan maklumat tentang sebab tiada faedahnya dia berjauh hati dengan Cikgu Zamani.

Farhana menerangkan bahawa dia akur yang Cikgu Zamani memang tidak senang hati dengan penampilannya. Penerangan maklumat yang relevan daripada Farhana dapat membantu Fuad untuk memahami situasi yang berlaku antara Farhana dan Cikgu Zamani. Yong Suet Ping (1997) berpendapat bahawa pertalian maklumat adalah sangat penting untuk dipatuhi kerana dapat menghasilkan komunikasi yang bermakna (p.105). Maklumat yang relevan daripada Farhana dapat meningkatkan pemahaman pendengar, iaitu Fuad selain melancarkan komunikasi sekali gus memperlihatkan kerjasama antara penutur dan pendengar dalam mempamerkan kesopanan berbahasa.

### 3.3.1.7 Peristiwa 25 Perbualan Fuad dan Farhana tentang penyakit ibu Farhana dan teguran Fuad: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti terdapat dalam Jadual 3.9 berikut:

**Jadual 3.9:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti

<b>Pola kombinasi maksim/ Peristiwa</b> <b>Buku/Bab</b>	<b>Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti</b>	<b>Peristiwa 25</b>
MR-B16(19)-Fu-H174-D1/24	Tak apa. Jom, kita ke atas. Mak sakit apa? Terukkah?	Perbualan tentang penyakit ibu Farhana dan teguran Fuad tentang sikap Farhana
MR-B16(19)-Fa-H174-D1/20	Sakit biasa dialah. Lelah. Semasa masuk hospital tengah hari tadi, katanya teruk. Sekarang okey sikit, dah boleh bercakap.	
MR-B16(19)-Fu-H174-D2/24	Alhamdulillah.	
MR-B16(19)-Fa-H174-D2/20	Mak sakit tak menentu. Mujurlah adik-adik boleh diharap. Masa-masa ginilah aku rasa macam nak minta tukar saja tahun depan. Kasihan mak. Esok macam mana, tak kan kau nak cuti sakit?	
MR-B16(19)-Fu-H175-D3/24	Aku ingat nak ambil cuti sakit sajalah. Lagipun aku belum pernah ambil sejak kerja.	
MR-B16(19)-Fa-H175-D3/20	Menyusahkan kau saja, Fuad.	
MR-B16(19)-Fu-H175-D4/24	Ana ... Kalau betul kau kawan aku, aku harap kau tak cakap lagi perkara-perkara macam tu. Kau buat aku ni tak penting langsung bagi engkau, sedangkan pada pihak aku, kau sangat penting.	
MR-B16(19)-Fa-H175-D4/20	Okey, maaf, maaf.	

**Jadual 3.9, sambungan**

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti	Peristiwa 25
MR-B16(19)-Fu-H176-D5/24	Aku tak marah, Ana.	Perbualan tentang penyakit ibu Farhana dan teguran Fuad tentang sikap Farhana
MR-B16(19)-Fa-H176-D5/20	Aku tahu. Kau memang takut nak marah aku.	

Jadual 3.9 memaparkan perbualan dalam peristiwa tentang penyakit ibu Farhana dan teguran Fuad tentang sikap Farhana yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti. Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui cara yang bijaksana untuk menasihati seperti dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H175-D4/24 : *Ana ... Kalau betul kau kawan aku, aku harap kau tak cakap lagi perkara-perkara macam tu*, yang dilafazkan oleh Fuad merupakan nasihat kepada Farhana. Penggunaan ayat *Kalau betul kau kawan aku, aku harap kau tak cakap lagi perkara-perkara macam tu* mencirikan nasihat yang sopan dan membawa maksud bahawa Fuad menasihati Farhana agar tidak bersikap sedemikian selain tidak mahu Farhana mengatakan dirinya menyusahkan Fuad. Penggunaan kata *harap* dalam ayat ini mencirikan nasihat bahawa penutur menaruh harapan supaya orang yang mendengar dapat menerima nasihat dengan senang hati. Apabila nasihat disampaikan dengan cara yang berhemah, maka perkara ini tidak membebankan perasaan orang yang mendengar. Situasi ini bertepatan dengan perkongsian Tenas Effendi (2011) bahawa nasihat hendaklah disampaikan dengan baik, telus ikhlas agar mendatangkan faedah dan kebajikan (p.30).

Pemilihan kata yang tepat untuk menandakan kesyukuran juga memanifestasikan sikap bijaksana dalam berkomunikasi. Fuad dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H174-D2/24 : *Alhamdulillah*, meluahkan kesyukurannya apabila menerima berita baik

tentang penyakit ibu Farhana yang semakin pulih. Perkataan *Alhamdulillah* yang diungkapkan oleh Fuad dapat memaksimumkan manfaat kerana pendengar akan berasa senang hati dengan ujaran kesyukuran tersebut.

Maksim Kebijaksanaan juga ditandai penggunaan kata yang tepat untuk memanggil seseorang seperti kata *mak* yang disebut Fuad walaupun ibu Farhana bukan ibunya. Tindakan Fuad ini mencerminkan sikap hormat dan perasaan kasih sayang terhadap orang tua. Kata ganti nama *aku* dan *kau* digunakan dalam peristiwa ini kerana sesuai dengan konteks hubungan mereka yang sudah akrab.

Maksim Kerendahan Hati pula terdapat dalam dialog MR-B16(19)-Fa-H175-D4/20 : *Okey, maaf, maaf*, yang dituturkan oleh Farhana bagi mengekspresikan kerendahan hatinya. Kata *maaf* tersebut dilafazkan oleh Farhana kepada Fuad kerana Farhana asyik mengatakan dirinya menyusahkan Fuad. Tindakan meminta maaf dalam berkomunikasi mencerminkan kekesalan setelah melakukan kesilapan supaya pendengar tidak berasa tersinggung, sebaliknya berasa sejuk hati. Permohonan maaf bukan sahaja dapat mencerminkan kesopanan berbahasa malahan dapat memaksimumkan cacian kepada diri sendiri sebagaimana yang diusulkan oleh Leech (1993, p.164) dalam membincangkan maksim ini.

Maksim Persetujuan dimanifestasikan melalui persetujuan secara langsung dalam peristiwa ini seperti dalam dialog MR-B16(19)-Fa-H176-D5/20 : *Aku tahu. Kau memang takut nak marah aku*. Ayat tersebut menandakan persetujuan secara langsung Farhana bahawa dia menyetujui kata-kata Fuad dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H176-D5/24 bahawa Fuad memang tidak berani memarahinya. Berdasarkan peristiwa bahasa ini, penggunaan kata tugas *memang* dalam dialog ini bermaksud *pasti* yang menandakan keyakinan Farhana bahawa Fuad tidak mempunyai



keberanian untuk memarahinya. Keyakinan Farhana ini bertitik tolak daripada hubungan mereka yang akrab dan telah mengenali hati budi masing-masing. Oleh itu, Farhana berani mengemukakan pernyataan berunsur lawak. Tindakan Farhana seolah-olah mencabar Fuad bahawa Fuad tidak akan berani memarahinya. Unsur ini juga dapat dikesan berdasarkan makna ujaran yang memperlihatkan kelucuan. Persetujuan dengan menyelitkan gurauan atau humor ini dapat mengurangkan perasaan yang gundah gulana dan ketegangan yang wujud sekali gus melancarkan komunikasi.

Maksim Simpati dalam peristiwa ini terdapat dalam dialog MR-B16 (19)- Fa-H75-D3/20 : ***Menyusahkan kau saja, Fuad***, yang diujarkan oleh Farhana. Ayat ini mencerminkan sikap mengambil berat Farhana akan bebanan yang ditanggung oleh Fuad kalau Fuad membantunya atas dasar tidak mahu Fuad terbeban dengan masalahnya. Perasaan kasihan dengan mengambil berat bebanan yang ditanggung oleh orang lain menggambarkan sifat bertimbang rasa dalam diri seseorang. Perbuatan ini dapat memaksimumkan simpati kepada orang lain.

Maksim Kuantiti hadir dalam dialog MR-B16(19)-Fa-H174-D1/20 : ***Sakit biasa dialah. Lelah. Semasa masuk hospital tengah hari tadi, katanya teruk. Sekarang okey sikit, dah boleh bercakap***, merupakan jawapan atau maklumat yang mencukupi untuk menjawab pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H174-D1/24 : ***Mak sakit apa? Terukkah?*** Farhana memberitahu penyakit dan keadaan ibunya bagi memenuhi permintaan atau pertanyaan Fuad dan sumbangan maklumat yang diberikan oleh Farhana mencukupi kerana memenuhi kehendak Fuad. Perkara ini penting untuk mewujudkan kerjasama dalam berkomunikasi. Maklumat yang mencukupi dan tidak berlebihan menghindar pendengar berasa bosan dan sekali gus melancarkan komunikasi sebagaimana gagasan Grice (1975).

**3.3.1.8 Peristiwa 28 Fuad bertanyakan maklumat ibu Farhana: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (penjelasan&susunan tertib)**

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (penjelasan dan susunan tertib) terdapat dalam Jadual 3.10 berikut:

**Jadual 3.10:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (penjelasan dan susunan tertib)

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan+ Persetujuan+Cara (penjelasan dan susunan tertib)	Peristiwa 28
<p>MR-B16(19)-Fu-H182-D11/24 MR-B16(19)-Fa-H182-D10/20 MR-B16(19)-Fu-H183-D12/24 MR-B16(19)-Fa-H183-D11/20 MR-B16(19)-Fu-H183-D13/24 MR-B16(19)-Fa-H183-D12/20</p> <p>MR-B16(19)-Fu-H183-D14/24</p> <p>MR-B16(19)-Fa-H183-D13/20 MR-B16(19)-Fu-H183-D15/24 MR-B16(19)-Fa-H183-D14/20</p> <p>MR-B16(19)-Fu-H183-D16/24</p>	<p>Ana ... Betul ke nama mak kau, Mariana? Memang pun nama mak aku Mariana. Jadi, memang betulah? Mariana binti Osman, ya? Ya, betul. Apa hal ni, Fuad? Bingung aku. Kenapa kau tak pernah beritahu aku? Beritahu apa? Nama mak? Perlukah aku beritahu? Maksud aku, dalam persahabatan kita dengan sesiapa pun, adakah pernah kita tanya nama mak kawan kita? Kalau kita tahu pun, mungkin secara kebetulan. Saja-saja nak tanya, rasa aku tidak. Ganjil bunyinya. Lagipun, cuba kau ingat balik. Ada pernah kau tanya nama mak kepada aku selama ni? Apa hal ni, Fuad? Tolonglah beritahu aku.</p> <p>Kau tau Ana, nama mak aku pun Mariana juga. Dan datang aku pula, dipanggil Seman. Besar kemungkinan nama betulnya ialah Osman. Jadi, nama mak aku ialah Mariana binti Osman, sama macam nama mak engkau dan mak aku pula khabarnya masih hidup ...</p> <p>Fuad ...?</p> <p>Betul nama mak engkau, Mariana? Betul. Ya Allah, kenapa boleh jadi macam ni? Nama aku sendiri adalah gabungan nama mak dengan nama arwah ayah!</p> <p>Ginilah Ana. Pertama sekali, kita perlu tenangkan fikiran. Gunakan segala kematangan dan kebijaksanaan yang kita ada untuk menerima apa sahaja takdir untuk kita. Kita semua ni makhluk Allah. Ingat, Allah menurunkan dugaan kepada hamba-hamba yang dikasihi-Nya. Kedua, kita siasat dulu. Semua ini mungkin betul, tapi mungkin juga salah. Segala-galanya bergantung pada jawapan engkau selepas ini. Boleh?</p> <p>Farhana: (mengangguk)</p>	<p>Fuad bertanyakan maklumat ibu Farhana</p>

Jadual 3.10 memaparkan perbualan dalam peristiwa Fuad bertanyakan maklumat ibu Farhana yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan +

Cara (penjelasan dan susunan tertib). Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui cara yang berhemah untuk meminta. Dialog MR-B16(19)-Fa-H183-D12/20 *Apa hal ni, Fuad? Tolonglah beritahu aku*, yang dilafazkan oleh Farhana merupakan tindakan meminta bantuan Fuad agar memberitahunya. Kata *tolonglah* sesuai dan tepat digunakan jika hendak meminta atau memohon bantuan daripada seseorang kerana lebih lembut dan halus apatah lagi disertai partikel-*lah* sebagaimana yang telah dibincangkan dalam peristiwa-peristiwa sebelum ini. Peristiwa ini juga memaparkan penggunaan kata panggilan keluarga yang sesuai seperti *mak*, *ayah* dan *datuk* sebagai tanda hormat kepada orang tua di samping penggunaan kata ganti nama seperti *aku*, *kau* dan kata nama peribadi seperti *Fuad* dan *Ana*. Penggunaan kata ganti nama ini bersesuaian dengan konteks pengguna dan penggunaannya dalam peristiwa bahasa yang berlangsung.

Maksim Persetujuan pula ditandai persetujuan secara langsung dalam berkomunikasi seperti dalam dialog MR-B16(19)-Fa-H182-D10/20 : *Memang pun nama mak aku Mariana*. Ayat tersebut merupakan persetujuan Farhana untuk menjawab soalan Fuad dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H182-D11/24 : *Ana ... Betul ke nama mak kau, Mariana?* Dialog MR-B16(19)-Fa-H183-D11/20 : *Ya, betul. Apa hal ni, Fuad?*, juga mencerminkan persetujuan Farhana terhadap pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H183-D12/24 : *Jadi, memang betullah? Mariana binti Osman, ya?* Begitu juga dalam dialog MR-B16(19)-Fa-H183-D14/20 : *Betul*, yang dilafazkan oleh Farhana menandakan persetujuan secara langsung terhadap pertanyaan Fuad tentang nama ibunya. Persetujuan secara langsung dapat melancarkan komunikasi kerana maklumat dapat diperoleh dengan cepat, tepat dan memberikan kepuasan kepada pendengar. Strategi ini dapat mencerminkan

kesopanan berbahasa yang sekali gus memaksimumkan persetujuan atau persepakatan antara diri sendiri dengan orang lain.

Maksim Cara, iaitu teknik penjelasan terdapat dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H183-D14/24 : *Kau tau Ana, nama **mak** aku pun **Mariana** juga. Dan **datuk** aku pula, dipanggil **Seman**. Besar kemungkinan nama betulnya ialah **Osman**. Jadi, nama **mak** aku ialah **Mariana binti Osman**, sama macam nama **mak** engkau dan **mak** aku pula khabarnya masih hidup.* Dalam dialog ini, Fuad memberikan penjelasan tentang nama ibu dan nama datuknya yang mempunyai persamaan dengan nama ibu dan datuk Farhana. Fuad menggunakan *kata nama* seperti **datuk** dan **mak** manakala *kata nama khas* seperti **Mariana binti Osman**, **Seman** dan **Osman** yang mudah, jelas dan sesuai agar difahami oleh Farhana. Penjelasan sebegini memudahkan penerimaan dan pemahaman maklumat yang disampaikan agar lebih jelas selain mewujudkan kerjasama dan kesopanan dalam berkomunikasi.

Teknik susunan tertib pula terdapat dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H183-D16/24 : *Ginilah Ana. **Pertama sekali**, kita perlu tenangkan fikiran. Gunakan segala kematangan dan kebijaksanaan yang kita ada untuk menerima apa sahaja takdir untuk kita. Kita semua ni makhluk Allah. Ingat, Allah menurunkan dugaan kepada hamba-hamba yang dikasihi-Nya. **Kedua**, kita siasat dulu. Semua ini mungkin betul, tapi mungkin juga salah.* Teknik ini digunakan oleh Fuad untuk menasihati dan menenangkan fikiran Farhana agar menerima takdir yang ditentukan oleh Allah dan memikirkan tindakan rasional yang perlu dilakukan oleh mereka. Penggunaan *kata bilangan* pada pangkal ayat seperti **pertama** dan **kedua** menjadikan maklumat yang disampaikan lebih teratur, sistematik dan lebih berkesan supaya pendengar dapat menghadamkan maklumat tersebut satu persatu selain dapat mengelakkan kekeliruan. Pemberian maklumat secara susunan tertib ini bukan sahaja

meningkatkan pemahaman pendengar malahan dapat meningkatkan kerjasama dalam berkomunikasi. Bertatertib dalam pertuturan mencerminkan budaya positif masyarakat Melayu bahawa ketertiban perlu diutamakan dalam komunikasi.

### 3.3.1.9 Peristiwa 30 Fuad menasihati Farhana agar menerima takdir: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Simpati

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Simpati terdapat dalam Jadual 3.11 berikut:

**Jadual 3.11:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Simpati

Pola kombinasi maksim /Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan + Simpati	Peristiwa 11
MR-B16(19)-Fa-H187-D20/20  MR-B16(19)-Fu-H187-D23/24  MR-B16(19)-Fu-H188-D24/24	Macam mana kalau mak terjaga? Dia sakit, lelah lagi. Saya bimbang sakitnya bertambah teruk. Sabarlah Ana, sabarlah. Mari, Ana. Kita duduk di koridor tu sekejap. Segalanya cukup berat untuk kita, Ana. Aku pun tak tahu, mengapa semuanya harus berakhir seperti ini. Walaupun aku belum pernah berterus terang dengan engkau, aku yakin kau sebenarnya tahu perasaan aku. Mana mungkin...ya, mana mungkin kita hadapi hakikat yang sebegini. (Tangisan Farhana mulai menggila) Tapi, yakinlah Ana. Setiap satu pemberian Allah kepada kita, tentu ada hikmahnya. Mungkin sekarang kita tak dapat melihatnya lagi kerana kita sangat hampa. Tapi sekurang-kurangnya tidakkah kau rasa bangga, kita yang sama-sama cerdik ni, sebenarnya keluar daripada rahim yang sama. Lama-lama nanti, kau tentu akan gembira menerima aku sebagai abang kau. Jodoh pertemuan, semua tu kuasa Tuhan. Aku yakin, kau akan bertemu jodoh dengan orang yang jauh lebih baik daripada aku. Dahlah, jangan nangis lagi.	Fuad memberi nasihat kepada Farhana agar menerima takdir

Jadual 3.11 memaparkan perbualan dalam peristiwa Fuad memberi nasihat kepada Farhana yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan. Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui cara yang berhemah untuk menasihati seperti dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H187-D23/24 : *Sabarlah Ana, sabarlah*. MR-B16(19)-Fu-H188-D24/24 : *Tapi, yakinlah Ana. Setiap satu pemberian Allah*

*kepada kita, tentu ada hikmahnya.... Aku yakin, kau akan bertemu jodoh dengan orang yang jauh lebih baik daripada aku. Dahlah, jangan nangis lagi.*

Ayat-ayat dalam dialog tersebut merupakan nasihat yang diberikan oleh Fuad sebagai abang kandung kepada seorang adik yang sebelum ini ialah kawan baik yang hampir menjadi kekasih hatinya. Fuad menasihati Farhana agar bersabar dalam ayat *Sabarlah Ana, sabarlah* agar Farhana bertenang dan menerima takdir Allah dengan tabah. Nasihat yang disampaikan dengan isi yang bernas dapat memberikan kekuatan dan manfaat kepada Farhana sebagai pendengar agar dapat menerima kenyataan hidup dengan tenang.

Dalam nasihatnya, Fuad juga mendoakan dan memberikan motivasi yang terbaik bagi meningkatkan kekuatan dalam diri Farhana berdasarkan ayat *Aku yakin, kau akan bertemu jodoh dengan orang yang jauh lebih baik daripada aku.* Fuad turut menasihati Farhana agar berhenti bersedih dalam ayat *Dahlah, jangan nangis lagi* supaya Farhana lebih bersikap positif dan menerima takdir dengan reda. Penyampaian nasihat dalam peristiwa bahasa ini memperlihatkan kelembutan kerana disertai partikel *lah* menerusi kata *sabarlah* dan *dahlah* dalam ayat-ayat berkenaan. Nasihat yang disampaikan oleh Fuad dengan cara berhemah menerusi tutur kata yang halus dan lembut dapat meminimumkan beban perasaan yang ditanggung oleh Farhana. Tindakan Fuad ini bertepatan dengan adab dalam masyarakat Melayu sebagaimana perkongsian Razali Ayob (2007) yang mengatakan bahawa orang Melayu mempunyai etika yang tinggi dalam menyampaikan mesej dan pengajaran. Orang yang dinasihati sedapat mungkin dijaga hati dan perasaannya (p.124).

Peristiwa ini juga memperlihatkan penggunaan kata ganti nama yang sesuai dan sopan dalam berkomunikasi seperti *aku, kau, saya* dan *kata nama peribadi* seperti *Ana* yang memmanifestasikan kesopanan berbahasa dan memaksimumkan manfaat

kepada pendengar. Penggunaan kata ganti nama ini bersesuaian dengan hubungan antara mereka sebagai adik dan abang.

Maksim Simpati pula terdapat dalam dialog MR-B16(19)-Fa-H187-D20/20 : *Macam mana kalau mak terjaga? Dia sakit, lelah lagi. Saya **bimbang** sakitnya bertambah teruk.* Farhana mengekspresikan sikap mengambil berat terhadap ibunya melalui penggunaan kata adjektif **bimbang**. Dalam hal ini Farhana risau akan penyakit ibunya bertambah teruk jika ibunya terjaga. Sikap mengambil berat terhadap penderitaan orang lain dapat memaksimumkan simpati antara diri sendiri dan orang lain selain mencerminkan kesopanan berbahasa.

### 3.3.1.10 Peristiwa 31 Perbualan Fuad dan Farhana tentang perpindahan Cikgu Zamani: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan+ Sokongan + Persetujuan + Simpati

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Simpati + Relevan terdapat dalam Jadual 3.12 berikut:

**Jadual 3.12:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Simpati + Relevan

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan+Sokongan+Persetujuan +Simpati+Relevan	Peristiwa 31
MR-B17(10)-Fu-H196-D1/11	Sunyiilah sekolah ni tahun depan. Tak nak beli hadiah, Ana?	
MR-B17(10)-Fu-H196-D2/11	(Farhana tersenyum sedikit)	
MR-B17(10)-Fu-H196-D3/11	Jom, minum. Aku rasa lega dengar Cikgu Zamani dapat tukar.	
MR-B17(10)-Fa-H197-D1/9	Kenapa pula?	
MR-B17(10)-Fa-H197-D2/9	Tak tahan aku, hari-hari dengar kau bergaduh dengan dia. Sakit telinga..	
MR-B17(10)-Fa-H197-D3/11	Selepas ni kau bolehlah nasihat aku banyak-banyak. Lima kilo sehari pun boleh. Aku tak marah.	
MR-B17(10)-Fa-H197-D4/11	Aku sebenarnya lega bukan semata-mata kerana mengenangkan engkau, tapi Cikgu Abas. Aku kasihan tengok dia. Cikgu Zamani sentiasa membuatkan dia serba salah dan toleransinya pula mengagumkan aku. Sekurang-kurangnya apabila Cikgu Zamani tak ada, taklah dia bermasalah sangat tahun depan. Betul tak Ana?	
MR-B17(10)-Fa-H197-D4/11		Perbualan Fuad dan Farhana tentang perpindahan Cikgu Zamani

Jadual 3.12, sambungan

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa	Kebijaksanaan+Sokongan+Persetujuan +Simpati+Relevan	Peristiwa 31
<p>MR-B17(10)-Fa-H197-D3/9</p> <p>MR-B17(10)-Fu-H197-D5/11</p>	<p>Dan Zamani tu pula akan buat perangai yang serupa di sekolah baharunya. Percayalah cakap aku. Manusia, kalau dah macam tu susah nak ubah. Biarlah dia. Janji kita tak tengok lagi muka dia. Bagi diri aku pula, terus teranglah Ana. Sikap Cikgu Zamani tu sedikit pun tidak mengubah tanggapan aku terhadap kemuliaan tugas seorang guru. Pada aku, seorang guru itu tetap terhormat, luhur, berjasa dan sentiasa bersedia ... Sekurang-kurangnya itulah pendapat aku sepanjang berada di sekolah ini. Orang seperti Cikgu Zamani itu ibarat nila setitik saja. Tapi kalau belanga yang mengisi susu itu besar, rasa aku takkanlah ternampak kesan nila setitik tadi. Sekurang-kurangnya aku tidak menghukumnya sebagai guru, tetapi aku lebih melihatnya sebagai seorang individu ... Yang mungkin dari saat lahirnya sudah begitu perwatakannya. Menjadi guru pula semacam satu kebetulan saja bagi dirinya. Apa lagi kita nak kata? Lantaran sebagai manusia, kita lahir dan terdidik dalam berbagai-bagai persekitaran yang akhirnya mencorakkan peribadi kita!</p>	<p>Perbualan Fuad dan Farhana tentang perpindahan Cikgu Zamani</p>

Jadual 3.12 memaparkan perbualan dalam peristiwa Fuad dan Farhana berbual tentang perpindahan Cikgu Zamani yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Simpati + Relevan. Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui cara berhemah untuk mencadangkan sesuatu seperti dalam dialog MR-B17(10)-Fa-H197-D2/9 : *Selepas ni kau bolehlah nasihat aku banyak-banyak* yang dituturkan oleh Farhana. Kata *bolehlah* digunakan agar lebih lembut dan sopan walaupun abang sendiri dan Farhana memberikan cadangan kepada Fuad jika hendak menasihatinya dengan nada gurauan. Penggunaan kata panggilan hormat *cikgu* juga terdapat dalam peristiwa ini khasnya untuk memanggil *Cikgu Abas* dan *Cikgu Zamani* sebagai tanda hormat walaupun watak-watak tersebut tidak wujud dalam peristiwa bahasa ini. Penggunaan kata ganti nama yang



sesuai seperti *aku*, *kau* dan *Ana* juga tepat dalam konteks hubungan antara Fuad dan Farhana.

Maksim Sokongan pula terdapat dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H197-D5/10 : *Sekurang-kurangnya aku tidak menghukumnya sebagai guru, tetapi aku lebih melihatnya sebagai seorang individu ... Yang mungkin dari saat lahirnya sudah begitu perwatakannya*, yang dilafazkan oleh Fuad menandakan sokongan untuk meminimumkan cacian kepada Cikgu Zamani. Ungkapan *aku tidak menghukumnya, aku lebih melihatnya sebagai seorang individu dan sudah begitu perwatakannya* mencerminkan sokongan Fuad walaupun Cikgu Zamani mempunyai rekod yang kurang baik di sekolah. Fuad tidak menyalahkan Cikgu Zamani malahan Fuad melihat sikap negatif Cikgu Zamani bukan disebabkan profesion perguruan tetapi pembawaan karakter dirinya sendiri secara semula jadi. Tindakan Fuad bukan sahaja memanasikan kehalusan berbahasa malahan dapat meminimumkan cacian antara dirinya sendiri dengan orang lain. Situasi ini bertepatan dengan pendapat Razali Ayob (2007) bahawa orang Melayu menjaga hati dan perasaan orang lain agar tidak dilihat sebagai orang yang mementingkan diri sendiri.

Maksim Persetujuan diperlihatkan melalui persetujuan secara tidak langsung Farhana dalam dialog MR-B17(10)-Fa-H197-D3/9 : *Dan Zamani tu pula akan buat perangai yang serupa di sekolah baharunya*. Ayat ini memberikan gambaran bahawa Farhana bersetuju dengan pandangan Fuad dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H197-D4/10 : *Sekurang-kurangnya apabila Cikgu Zamani tak ada, taklah dia bermasalah sangat tahun depan. Betul tak Ana?* tetapi disampaikan secara tidak langsung. Farhana bermaksud memang Cikgu Zamani tidak membuat masalah di sekolah mereka kerana perpindahannya namun dia mungkin akan meneruskan perangai lama tersebut di sekolah baharu sebagai tanda persetujuannya. Persetujuan

secara tidak langsung dapat meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dan orang lain.

Maksim Simpati pula terdapat dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H197-D4/10 : *Aku sebenarnya lega bukan semata-mata kerana mengenangkan engkau, tapi Cikgu Abas. Aku **kasihan** tengok dia*, yang dituturkan oleh Fuad sebagai tanda simpatinya kepada Cikgu Abas yang terpaksa berhadapan dengan perangai negatif Cikgu Zamani. Kata **kasihan** yang diungkapkan memancarkan kesopanan berbahasa kerana dapat memaksimumkan simpati antara diri sendiri dan orang lain.

Maksim Relevan dalam peristiwa ini diperlihatkan dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H197-D3/10 : *Tak tahan aku, hari-hari dengar kau bergaduh dengan dia. Sakit telinga*. Jawapan ini diberikan oleh Fuad untuk menjawab soalan Farhana dalam dialog MR-B17(10)-Fa-H197-D1/9 : *Kenapa pula?* Farhana bertanya sebab Fuad mengatakan dia lega apabila Cikgu Zamani pindah dalam dialog *Aku rasa lega dengar Cikgu Zamani dapat tukar*. Maklumat yang diberikan oleh Fuad berkaitan atau mempunyai pertalian dengan soalan Farhana walaupun secara tersirat. Dalam hal ini, Fuad hendak memberitahu Farhana supaya tidak bergaduh dengan Cikgu Zamani. Perkara ini tidak disampaikan secara terus-terang sebaliknya mengatakan dia tidak tahan mendengar Farhana bergaduh. Andai kata Fuad menyatakan perkara sebenarnya, sudah tentu akan menggores perasaan Farhana seolah-olah Farhana *kaki gaduh*. Tambahan pula, pepatah Melayu ada mengungkapkan *sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan merana* yang membawa pengertian bahawa tutur kata harus dipelihara sebaik mungkin agar tidak menyinggung perasan orang lain. Maklumat yang disampaikan Fuad tersebut berkaitan dengan pertanyaan Farhana. Sumbangan maklumat yang berkaitan dapat mewujudkan kerjasama dalam

komunikasi sekali gus menzahirkan kehalusan budi bahasa yang disanjung tinggi dalam budaya masyarakat Melayu.

### 3.3.1.11 Peristiwa 32 Fuad akan melanjutkan pelajaran dan nasihat kepada Farhana: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan + Cara (susunan tertib)

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan + Cara (susunan tertib) terdapat dalam Jadual 3.13 berikut:

**Jadual 3.13:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan + Cara (susunan tertib)

Pola kombinasi maksim /Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan+ Kuantiti + Relevan + Cara (susunan tertib)	Peristiwa 11
MR-B17(10)-Fu-H198-D6/11 MR-B17(10)-Fa-H198-D4/9 MR-B17(10)-Fu-H198-D7/11 MR-B17(10)-Fa-H198-D5/9 MR-B17(10)-Fu-H198-D8/11  MR-B17(10)-Fa-H198-D6/9 MR-B17(10)-Fu-H199-D9/11 MR-B17(10)-Fa-H199-D7/9  MR-B17(10)-Fu-H199-D10/11   MR-B17(10)-Fa-H199-D8/9 MR-B17(10)-Fu-H199-D11/11 MR-B17(10)-Fa-H199-D9/9	Aku cuma kasihankan kau Ana. Selepas ini tak ada lagilah kawan kau nak bergaduh. Kau ada? Eh, aku pun nak pindah juga! Kau nak ke mana? Berita baik untuk aku. Berita buruk untuk engkau. Maktab dah panggil aku, buat KPLI Bahasa Inggeris. Jadi, engkaulah yang kena tanggung aku selepas ni. Yakah? Maktab mana? Bila? MPIK. Lambat lagi, sebulan dari sekarang. Oohh...? Tahniah! Jadi, miskinlah engkau selepas ni, tak ada gaji. Yalah. Sebab tu aku nak berbaik-baik dengan engkau. Ana ...Bila tengok kau dah gembira sikit ni, aku rasa dah sesuai jugalah untuk aku cakap dengan kau. Aku mahu kau terima hakikat bahawa kita sekarang ada tiga emak dan tiga ayah yang semuanya perlu kita hormati. Pertama emak di Kuantan, kedua ayah di Kuala Lumpur, ketiga dan keempat mama dan apak di Sungai Ruan dan kelima dan keenam, Pak Mail dan Mak Salmah. Jadi enam kesemuanya, di empat tempat yang berasingan. Kau boleh terima mereka Ana? Aku malah berbangga kerana rupa-rupanya aku ini mempunyai keluarga yang besar. Emak dan ayah kau akan jadi lapan pula selepas kau kahwin nanti, tahu? Mak dan ayah kau pula kan jadi sembilan selepas kau kahwin nanti. Sebabnya, ayah mentua kau pasang dua. Aaa ... Terkena engkau, padan muka!	Fuad yang hendak melanjutkan pelajaran dan nasihat kepada Farhana

Jadual 3.13 memaparkan perbualan dalam peristiwa Fuad hendak melanjutkan pelajaran dan nasihat kepada Farhana yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan + Cara (susunan tertib). Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui penggunaan kata panggilan keluarga seperti *mak, ayah, mama, apak, Pak Mail* dan *Mak Salmah* yang mencerminkan kesopanan berbahasa. Penggunaan kata panggilan tersebut adalah sebagai tanda hormat kepada orang tua yang banyak berjasa selain memaparkan kesopanan dalam berbahasa.

Maksim Sokongan pula terdapat dalam dialog MR-B17(10)-Fa-H199-D7/9 : *Oohh...? Tahniah!* yang dituturkan oleh Farhana untuk memberikan sokongan dan sebagai tanda penghargaan atas kejayaan Fuad melanjutkan pelajaran. Sokongan yang diberikan melalui ucapan *tahniah* dapat memaksimumkan pujian antara diri sendiri dan orang lain. Abdul Sukor et al., (2003) menyatakan bahawa menghargai bermakna membanyakkan pujian kepada orang yang dilawan bercakap kerana dengan pujian hubungan akan menjadi lebih positif dan kita sebenarnya menghargai individu tersebut (p.53).

Maksim Persetujuan diperlihatkan melalui persetujuan secara langsung dan persetujuan secara tidak langsung. Persetujuan secara langsung terdapat dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H199-D10/11 : *Yalah. Sebab tu aku nak berbaik-baik dengan engkau.* Fuad bersetuju dengan menuturkan kata *yalah* apabila Farhana dalam dialog MR-B17(10)-Fa-H199-D7/9 mengatakannya miskin sebab tidak ada gaji. Persetujuan secara tidak langsung pula terdapat dalam dialog MR-B17(10)-Fa-H199-D8 : *Aku malah berbangga kerana rupa-rupanya aku ini mempunyai keluarga yang besar,* yang dituturkan oleh Farhana untuk menjawab pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H199-D10/11 : *Kau boleh terima mereka Ana?* Jawapan yang

diberikan oleh Farhana walaupun secara tidak langsung tetap mencerminkan persetujuan apabila ungkapan *Aku malah berbangga* digunakan untuk memberikan persetujuan yang Farhana boleh dan bangga menerima keluarga besar tersebut. Persetujuan secara tidak langsung ini bukan sahaja mencitrakan kesopanan malahan dapat meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain.

Maksim Kuantiti diperlihatkan dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H199-D9/11 : *MPIK. Lambat lagi, sebulan dari sekarang* yang dituturkan oleh Fuad bagi menjawab pertanyaan Farhana dalam dialog MR-B17(10)-Fa-H198-D6/9 : *Yakah? Maktab mana? Bila?* Maklumat yang diberikan oleh Fuad tentang tempat, iaitu MPIK dan masa dia memulakan pengajian, mencukupi serta memenuhi permintaan Farhana selain dapat mewujudkan kerjasama dalam komunikasi.

Maksim Relevan pula terdapat dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H198-D6/11 : *Eh, aku pun nak pindah juga*, yang dilafazkan oleh Fuad mempunyai pertalian dengan soalan Farhana dalam dialog MR-B17(10)-Fa-H198-D4/9 : *Kau ada?* Maklumat yang diberikan oleh Fuad secara tersiratnya bermaksud dia tidak ada di sekolah dengan memberikan jawapan bahawa dia hendak pindah juga. Maklumat ini masih berkaitan dengan topik perbincangan mereka. Maksim Relevan juga terdapat dalam dialog MR-B17(10)-Fa-H199-D9/9 : *Mak dan ayah kau pula kan jadi sembilan selepas kau kahwin nanti. Sebabnya, ayah mentua kau pasang dua* sebagaimana yang dituturkan oleh Farhana. Maklumat ini mempunyai pertalian dengan permintaan Fuad dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H199-D11/11 : *Emak dan ayah kau akan jadi lapan pula selepas kau kahwin nanti, tahu?* Jawapan Farhana secara tersiratnya menggambarkan dia tahu perkara yang dimaksudkan oleh Fuad tetapi dia sengaja mengenakan Fuad kembali dengan gurauan atau berlawak dalam dialog tersebut. Noriati A Rashid (2005) memberikan pendapat bahawa unsur lawak atau

kecindan dianggap sopan kerana penutur cuba menghiburkan pendengar supaya suasana lebih santai dan menyenangkan orang lain. Maklumat yang diberikan oleh Farhana relevan dengan pertanyaan Fuad walaupun disampaikan dengan gurauan.

Maksim Cara, iaitu teknik susunan tertib pula diperlihatkan dalam dialog MR-B17(10)-Fu-H199-D10/11 : *Aku mahu kau terima hakikat bahawa kita sekarang ada tiga emak dan tiga ayah yang semuanya perlu kita hormati. **Pertama** emak di Kuantan, **kedua** ayah di Kuala Lumpur, **ketiga** dan **keempat** mama dan apak di Sungai Ruan dan **kelima** dan **keenam**, Pak Mail dan Mak Salmah. Jadi enam kesemuanya, di empat tempat yang berasingan, yang dituturkan oleh Fuad untuk memberi penerangan kepada Farhana bahawa mereka berdua mempunyai enam orang emak dan ayah. Penggunaan kata bilangan seperti **pertama**, **kedua**, **ketiga**, **keempat**, **kelima** dan **keenam** digunakan agar maklumat lebih tersusun atau sistematik serta lebih difahami oleh pendengar dengan mudah lebih-lebih lagi Fuad sedang menjelaskan hal keluarga besar mereka yang baharu. Maklumat yang tersusun amat penting dalam mewujudkan kerjasama yang sekali gus menjadikan maklumat lebih terperinci dan mudah difahami pendengar dalam berkomunikasi selain mencerminkan kesopanan berbahasa.*

Ringkasnya, analisis terhadap 11 peristiwa bahasa yang mematuhi Pola 1, 6 PS + 4 PK dalam MPKMU memperlihatkan penggunaan Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan, Simpati, Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara oleh watak yang terlibat amat bersesuaian dengan konteks peristiwa-peristiwa ini. Penggunaan pola-pola kombinasi maksim Pola 1 dalam berkomunikasi dapat memberikan gambaran tentang kesopanan berbahasa dalam korpus kajian.

### 3.3.2 Pengklasifikasian Pola 2: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Kualiti + Relevan (5 PS + 3 PK)

Pengklasifikasian Pola 2, iaitu pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Kualiti + Relevan dalam analisis ditandai oleh kata kunci yang tertentu. Maksim Kebijaksanaan merujuk pada cara yang berhemah dan sopan untuk mendekati dan berkomunikasi dengan orang lain bagi mewujudkan keselesaan dan kemesraan. Perlakuan bijaksana ini ditandai dengan penggunaan bentuk panggilan, kata ganti nama dan bijaksana dalam berurusan dengan orang lain. Kebijaksanaan juga ditandai dengan ungkapan seperti mencadang, menasihati, meminta, mengajak dan menjemput. Maksim Kedermawanan ditandai sikap murah hati atau dermawan manakala Maksim Sokongan ditandai kata-kata pujian. Maksim Kerendahan Hati pula ditandai ungkapan meminta maaf dan mencaci diri sendiri. Maksim Persetujuan ditandai dengan kesediaan pendengar bersetuju dengan permintaan atau pertanyaan daripada penutur sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Maksim Kuantiti ditandai sumbangan maklumat yang mencukupi manakala Maksim Kualiti ditandai maklumat yang benar dan ada bukti. Maksim Relevan pula ditandai maklumat yang berkaitan dengan perkara yang ditanya atau diminta. Terdapat 17 peristiwa yang mematuhi prinsip hampir sama MPKMU dan diklasifikasikan dalam Pola 2 ini. Kesemua dialog ini dianalisis berdasarkan peristiwa-peristiwa dalam Jadual 3.14 yang berikut:

**Jadual 3.14:** Pengklasifikasian Pola 2, 5 PS + 3 PK

Bil	Peristiwa bahasa	Pola 2, 5 PS + 3 PK	Dialog
1	4	Kebijaksanaan+Persetujuan	3
2	8	Kebijaksanaan+Kedermawanan+Persetujuan+Kualiti	6
3	9	Kebijaksanaan+Kedermawanan+Persetujuan	6
4	10	Kebijaksanaan+Kerendahan Hati+Persetujuan+Kuantiti+Relevan	8

**Jadual 3.14, sambungan**

<b>Bil</b>	<b>Peristiwa bahasa</b>	<b>Pola 2, 5 PS + 3 PK</b>	<b>Dialog</b>
5	12	Kebijaksanaan+Kedermawanan+Sokongan+Persetujuan+Kuantiti	7
6	14	Kebijaksanaan+Persetujuan+Relevan	6
7	15	Kebijaksanaan+Kerendahan Hati+Persetujuan+Kuantiti	14
8	16	Kebijaksanaan+Kerendahan Hati+Persetujuan	4
9	17	Kebijaksanaan+Sokongan+Kerendahan Hati+Relevan	5
10	18	Kebijaksanaan+Sokongan+Kerendahan Hati+Persetujuan+Kuantiti+Relevan	14
11	19	Kebijaksanaan+Kerendahan Hati+ Relevan	5
12	20	Kebijaksanaan+Persetujuan+Relevan	4
13	21	Kebijaksanaan+Persetujuan+Relevan	8
14	26	Kebijaksanaan+Persetujuan+Kuantiti	4
15	27	Kebijaksanaan+Kedermawanan+Relevan	5
16	29	Kebijaksanaan+Persetujuan+Kuantiti+Relevan	11
17	33	Kebijaksanaan+Persetujuan	2
		<b>Jumlah</b>	<b>112</b>

Berdasarkan Jadual 3.14, terdapat 17 peristiwa bahasa dengan jumlah 126 dialog yang akan dianalisis dan diklasifikasikan dalam Pola 2 ini. Peristiwa 4 diwakili tiga dialog, peristiwa 8 diwakili enam dialog, peristiwa 9 diwakili enam dialog, peristiwa 10 diwakili lapan dialog, peristiwa 12 diwakili tujuh dialog, peristiwa 14 diwakili enam dialog, peristiwa 15 diwakili 14 dialog, peristiwa 16 diwakili empat dialog, peristiwa 17 diwakili lima dialog, peristiwa 18 diwakili 14 dialog, peristiwa 19 diwakili lima dialog, peristiwa 20 diwakili empat dialog, peristiwa 21 diwakili lapan dialog, peristiwa 26 diwakili empat dialog, peristiwa 27 diwakili lima dialog, peristiwa 29 diwakili 11 dialog dan peristiwa 33 diwakili dua dialog. Perbincangan analisis bagi setiap peristiwa dan pola kombinasi maksim adalah seperti berikut:

### **3.3.2.1 Peristiwa 4 Perbincangan tentang kertas peperiksaan: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Persetujuan**

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan terdapat dalam Jadual 3.15 berikut:



**Jadual 3.15:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan+Persetujuan	Peristiwa 4
MR-B4(11)-Fa-H40-D8/11 MR-B4(11)-Fu-H40-D7/9 MR-B4(11)-Fa-H40-D9/11	Fuad dulu tentu ambil kertas ni, kan? Cikgu Farhana pun, kan? Farhana. Panggil saya Farhana, sudahlah. Esok lusa boleh panggil Ana saja.	Perbincangan tentang kertas peperiksaan

Jadual 3.15 memaparkan perbualan dalam peristiwa perbincangan tentang kertas peperiksaan antara Farhana dan Fuad yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan dan Persetujuan. Maksim Kebijaksanaan dapat dikenal pasti melalui penggunaan kata panggilan hormat, iaitu *Cikgu Farhana* oleh Fuad dalam peristiwa ini. Kata panggilan hormat, iaitu *cikgu* dalam konteks peristiwa ini bersesuaian kerana ini merupakan kali pertama Fuad bertemu dengan Farhana di sekolah itu. Namun, bagi mewujudkan kemesraan dan mengurangkan jarak sosial dalam berkomunikasi, Farhana menolak panggilan hormat tersebut dan meminta dirinya dipanggil dengan nama peribadi, iaitu *Farhana* atau *Ana* sahaja dan terdapat dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H40-D9/11 *Farhana. Panggil saya Farhana, sudahlah. Esok lusa boleh panggil Ana saja*. Penggunaan kata nama peribadi adalah lebih sopan dan mesra dibandingkan dengan penggunaan kata ganti *engkau* khasnya bagi dua orang rakan sekerja yang baru berkenalan.

Maksim Persetujuan pula ditandai dengan jawapan yang berbentuk ayat tanya daripada Fuad bagi menjawab soalan Farhana tentang kertas peperiksaan dalam dialog MR-B4(11)-Fu-H40-D7/9 *Cikgu Farhana pun, kan?* menandakan persetujuan Fuad dengan mengulangkan balik perkara yang ditanya Farhana dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H40-D8/11 *Fuad dulu tentu ambil kertas ni, kan?* Persetujuan yang diberikan oleh Fuad adalah secara langsung dan difahami bahawa Fuad mengambil kertas yang sama untuk subjek Bahasa Inggeris. Dari segi konteksnya,

Fuad bukan bermaksud menyoal tetapi memberikan persetujuan bagi menjawab pertanyaan Farhana. Persetujuan secara langsung dapat memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain. Zainol Abidin Kassim & Jaafar Jambi (2006) mengatakan bahawa persetujuan dapat mengelakkan konflik dan mewujudkan suasana harmoni dalam sesuatu situasi komunikasi.

### 3.3.2.2 Peristiwa 8 Fuad membawa jagung ke sekolah: Kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Kedermawanan+Persetujuan+Kualiti

Pola Maksim Kebijaksanaan+Kedermawanan+Persetujuan+Kualiti dapat terdapat dalam Jadual 3.16 berikut:

**Jadual 3.16:** Pola Maksim Kebijaksanaan+Kedermawanan+Persetujuan+Kualiti

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa  Buku/Bab	Kebijaksanaan+Kedermawanan+ Persetujuan+Kualiti	Peristiwa 8
MR-B5(10)-Fu-H49-D9/11	Ana ...Hari ni saya ada bawa barang sedikit. Istimewa. Awak nak tak? Saya bawa jagung. Awak punya pasal, kalau nak, saya hantar sampai ke rumah.	
MR-B5(10)-Fa-H49-D9/11	Betul ke awak ni, Fuad?	
MR-B5(10)-Fu-H50-D10/11	Eh, betul! Apa pula tak betulnya. Saya memang tanam jagung, sebelum jadi cikgu ni lagi. Tak percaya, tanya Cikgu Abas. Tak percaya juga lagi, jom saya tunjuk dalam bonet kereta saya. Kalau tak percaya juga lagi, balik sekolah ni saya bawa awak pergi tengok kebun saya. Ha ... mana satu yang awak nak? Semua boleh. Yang penting, awak kena percaya saya memang tanam jagung.	Fuad membawa jagung ke sekolah
MR-B5(10)-Fa-H50-D10/11	Okeylah, saya percaya. Kalau awak memang nak bagi kepada saya, hai ... Dengan besar hati saya terima. Saya pun memang suka makan jagung.	
MR-B5(10)-Fu-H51-D11/11	Jangan lupa, balik nanti ambil jagung di kereta saya, okey? Kalau awak malu nak bawa balik, saya boleh hantar.	
MR-B5(10)-Fa-H51-D11/11	Alah, tak payah. Rumah saya dekat saja.	

Jadual 3.16 memaparkan perbualan dalam peristiwa Fuad membawa jagung ke sekolah yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Persetujuan + Kualiti. Maksim Kebijaksanaan ditandai dengan pemilihan kata yang

tepat dan sopan untuk mencadang. Dalam peristiwa ini, bijaksana mencadang terdapat dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H50-D10/11 : *Kalau tak percaya juga lagi, balik sekolah ni saya bawa awak pergi tengok kebun saya.* Fuad mencadangkan Farhana pergi ke kebun jagungnya jika Farhana tidak percaya bahawa dia menanam jagung yang ditandai kata *kalau* dalam dialog tersebut. Kata *kalau* lebih lembut dan sesuai sekali gus dapat meminimumkan kos pendengar dalam berkomunikasi.

Maksim Kebijaksanaan juga ditandai dengan bentuk panggilan yang sopan, iaitu kata panggilan hormat seperti *cikgu* dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H50-D10/11. Fuad menggunakan panggilan *Cikgu Abas* dalam perbualannya dengan Farhana walaupun orang tersebut tidak hadir dalam perbualan. Kata panggilan ini memperlihatkan penutur sentiasa memilih kata yang tepat untuk memberikan manfaat kepada pendengar sebagai tanda hormat. Perbualan dalam peristiwa ini juga memaparkan penggunaan kata ganti nama yang sopan dan halus seperti *saya, awak* dan kata ganti nama peribadi, iaitu *Fuad* dan *Ana*. Nor Hashimah Jalaludin (1992) berpendapat bahawa penggunaan kata ganti nama *saya* tergolong dalam bahasa halus. Dalam peristiwa ini, penggunaan kata-kata ganti nama tersebut memantapkan kesopanan berbahasa yang dapat memaksimumkan manfaat kepada pendengar.

Maksim Kedermawanan terdapat dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H49-D9/11 : *Ana ...Hari ni saya ada bawa barang sikit. Istimewa. Awak nak tak? Saya bawa jagung. Awak punya pasal, kalau nak, saya hantar sampai ke rumah.* Sikap dermawan yang merujuk kepada tindakan mempelawa ditandai oleh ayat tanya, iaitu *Awak nak tak?* yang bermaksud *mahu atau tidak*. Dalam konteks ini Fuad mempelawa Farhana untuk menerima dan menikmati jagung yang dibawanya ke sekolah. Sikap dermawan dalam peristiwa ini turut ditandai oleh sikap menawarkan bantuan kepada rakan baik. Fuad menawarkan bantuan untuk menghantar jagung sampai ke rumah Farhana

dalam ungkapan *saya hantar sampai ke rumah*. Kedermawanan Fuad juga terserlah dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H51-D11/11 : *Jangan lupa, balik nanti ambil jagung di kereta saya, okey? Kalau awak malu nak bawa balik, saya boleh hantar*. Fuad mengingatkan Farhana agar mengambil jagung dalam keretanya dan menawarkan bantuan untuk menghantar jagung tersebut ke rumah Farhana melalui ungkapan *saya boleh hantar*. Sikap dermawan yang ditunjukkan oleh Fuad memperjelas bahawa Fuad seorang yang tinggi budi bahasanya walaupun seorang mualaf. Mustafa Daud (1995) menyatakan bahawa sifat pemurah dan dermawan membawa implikasi yang berkesan kepada jasa, bakti dan budi dalam bentuk harta, tenaga, nasihat dan bahasa yang lemah lembut (p.119).

Sikap dermawan yang dikenal pasti melalui tindakan mempelawa dan menawarkan bantuan kepada rakan sekerja bukan sahaja memanifestasikan kesopanan berbahasa malahan mencerminkan kesanggupan penutur memaksimumkan kos diri untuk memberikan keuntungan kepada pendengar. Sikap ini turut dimanifestasikan oleh peribahasa Melayu yang berbunyi *orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa*. Tindakan menolak tawaran atau bantuan juga mencerminkan sikap dermawan. Farhana dalam dialog MR-B5(10)-Fa-H51-D11/11 : *Alah, tak payah. Rumah saya dekat saja*, menolak tawaran Fuad untuk menghantar jagung ke rumahnya. Penolakan atas tawaran atau bantuan bukan sahaja mencerminkan penuturnya rela meminimumkan keuntungan dirinya malahan memanifestasikan kehalusan budi bahasa yang berpada-pada ketika menerima bantuan orang lain dan relevan dengan sikap sopan dalam berkomunikasi.

Kesepakatan dalam perbualan amat signifikan bagi mewujudkan kesopanan berbahasa dalam Maksim Persetujuan. Farhana dalam dialog MR-B5(10)-Fa-H50-D10/11 : *Okeylah, saya percaya*, bersetuju secara langsung dengan permintaan Fuad

yang mahu akan Farhana percaya bahawa dia menanam jagung. Kata *okeylah* menandakan persetujuan penuh Farhana terhadap permintaan Fuad. Fuad juga menunjukkan persetujuan secara langsung dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H50-D10/11 : *Eh, betul! Apa pula tak betulnya. Saya memang tanam jagung, sebelum jadi cikgu ni lagi.* Kata *betul* dalam dialog ini menandakan persetujuan secara langsung Fuad bagi menjawab pertanyaan Farhana dalam dialog MR-B5(10)-Fa-H49-D9/11. Persetujuan secara langsung dalam komunikasi bukan sahaja dapat memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain malahan memanifestasikan kesepakatan yang memaparkan kesopanan dalam berkomunikasi.

Maksim Kualiti pula terdapat dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H50-D10/11 : *Saya memang tanam jagung, sebelum jadi cikgu ni lagi. Tak percaya, tanya Cikgu Abas. Tak percaya juga lagi, jom saya tunjuk dalam bonet kereta saya. Kalau tak percaya juga lagi, balik sekolah ni saya bawa awak pergi tengok kebun saya.* Fuad dalam dialog ini berusaha untuk membuat Farhana percaya bahawa dia menanam jagung sebelum menjadi guru. Ungkapan *tanya Cikgu Abas, saya tunjuk dalam bonet kereta saya* dan *saya bawa awak pergi tengok kebun saya* yang diujarkan oleh Fuad, memerihalkan fakta dan bukti yang cukup untuk menegaskan dia memang menanam jagung walaupun dengan nada gurauan. Bukti ini dapat memberikan keyakinan kepada Farhana bahawa Fuad berkata benar dan jujur. Maksim ini perlu dipatuhi dalam perbualan bukan sahaja untuk memperlihatkan kejujuran penutur malahan dapat menghasilkan komunikasi yang berkesan sehingga mewujudkan kesopanan dalam berbahasa. Zaitul Azma Zainon Hamzah et al., (2011) menyatakan bahawa Maksim Kualiti Grice akan menyeimbangkan tindakan santun bagi melahirkan jalinan yang berterusan dalam sesuatu perbualan (p.328). Pematuhan terhadap maksim ini dalam perbualan bukan sahaja untuk memperlihatkan kejujuran

penutur malahan dapat meningkatkan keyakinan pendengar berdasarkan fakta yang telah dikemukakan.

### 3.3.2.3 Peristiwa 9 Fuad mempelawa Farhana menumpang keretanya: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Kedermawanan+Persetujuan

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Kedermawanan+Persetujuan ini terdapat dalam Jadual 3.17 berikut:

**Jadual 3.17:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Kedermawanan+Persetujuan

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa  Buku/Bab	Kebijaksanaan+Kedermawanan+Persetujuan	Peristiwa 9
MR-B7(14)-Fu-H70-D1/16 MR-B7(14)-Fa-H70-D1/18 MR-B7(14)-Fu-H71-D2/16 MR-B7(14)-Fa-H71-D2/18  MR-B7(14)-Fu-H71-D3/16  MR-B7(14)-Fa-H72-D3/18	Ana! Farhana! Nak balik? Ha-ah. Tiket pula tak ada. Naik kereta sayalah. Saya nak ke Raub ni. Tak apalah Fuad. Kalau tak ada tiket pun, saya boleh ambil bas sambung-sambung. Sini ke Kemaman, selepas tu Kemaman ke Kuantan. Tak pun, saya ambil teksi. Jomlah. Lagipun saya nak beli keropok Losong ni, tapi tak berapa tahu jalan ke sana. Awak ada, bolehlah tolong tunjuk. Kita minum dulu, ya? Okey.	Fuad mempelawa Farhana menumpang keretanya

Jadual 3.17 memaparkan perbualan dalam peristiwa Fuad mempelawa Farhana menumpang keretanya yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Persetujuan. Maksim Kebijaksanaan diperlihatkan melalui pemilihan kata yang tepat untuk meminta bantuan daripada orang lain dan penggunaan bentuk-bentuk panggilan yang mencerminkan kesopanan berbahasa. Fuad dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H71-D3/16 : *Jomlah. Lagipun saya nak beli keropok Losong ni, tapi tak berapa tahu jalan ke sana. Awak ada, **bolehlah tolong tunjuk***. Ungkapan ***bolehlah tolong tunjuk*** dalam dialog ini menandakan penutur memilih ungkapan yang sesuai untuk meminta bantuan daripada orang lain. Kata ***boleh*** dan ***tolong*** dalam ungkapan ini memanasikan kelembutan apatah lagi apabila ditambah dengan partikel ***lah***. Penggunaan dan pemilihan ungkapan yang

sesuai dalam meminta bantuan dapat memberikan pilihan dan meminimumkan kos pendengar dalam berkomunikasi.

Pemilihan kata yang tepat dan sopan untuk memanggil orang lain seperti *awak* dan kata ganti nama peribadi, iaitu *Fuad* dan *Ana* dalam peristiwa ini menandakan kebijaksanaan penutur dalam berkomunikasi kerana tahu memilih kata ganti nama yang sesuai berdasarkan hubungan antara mereka yang rapat. Begitu juga halnya dengan penggunaan kata ganti nama *saya* untuk menamakan diri sendiri adalah lebih sopan. Pemilihan kata yang tepat untuk memanggil dan menamakan diri sendiri bukan sahaja mencerminkan kesopanan malahan dapat memaksimumkan manfaat kepada pendengar.

Maksim Kedermawanan dalam peristiwa ini ditandai sikap murah hati untuk mempelawa rakan menumpang kereta seperti dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H71-D2/16 : *Naik kereta sayalah*. Fuad mempelawa Farhana menumpang keretanya untuk balik ke Raub. Ayat *Naik kereta sayalah*, bukan sahaja mencerminkan kedermawanan Fuad terhadap rakan sekerjanya malahan menggambarkan usahanya untuk memaksimumkan kos diri sendiri. Walau bagaimanapun, Maksim Kedermawanan bukan hanya ditandai dengan mempelawa tetapi menolak pelawaan juga sikap dermawan. Pelawaan Fuad ditolak Farhana dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H71-D2/18 : *Tak apalah Fuad*. Kalau tak ada tiket pun, saya boleh ambil bas sambung-sambung. Ayat *Tak apalah Fuad*, mengintepretasikan penolakan Farhana dengan cara yang baik terhadap pelawaan Fuad walaupun tindakan tersebut memaksimumkan kos dan meminimumkan keuntungan dirinya sendiri. Fuad dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H71-D3/16 : *Jomlah*. Lagipun saya nak beli keropok Losong ni, tapi tak berapa tahu jalan ke sana, sekali lagi mempelawa Farhana menumpang

keretanya. Kata **Jumlah** dalam konteks ini bermaksud untuk mempelawa Farhana menumpang keretanya sekali lagi walaupun akan memaksimumkan kos dirinya.

Maksim Persetujuan pula ditandai kata kunci yang menggambarkan persetujuan secara langsung. Farhana dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H72-D3/18 : **Okey**, menandakan persetujuan Farhana terhadap pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H71-D3/16. Begitu juga dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H70-D1/18 : **Ha-ah. Tiket pula tak ada**, menandakan persetujuan Farhana terhadap pertanyaan daripada Fuad dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H70-D1/16 : *Ana! Farhana! Nak balik?* Penggunaan kata **Okey** dan **Ha-ah** yang bermaksud **ya** dalam kedua-dua dialog yang dituturkan oleh Farhana menandakan persetujuan secara langsung dalam berkomunikasi yang mencitrakan kesopanan bagi melancarkan komunikasi selain memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dan orang lain, sekali gus mempamerkan kesopanan berbahasa.

### 3.3.2.4 Peristiwa 10 Perbualan tentang keluarga Farhana: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan ini terdapat dalam Jadual 3.18 berikut:

**Jadual 3.18:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan

<b>Pola kombinasi maksim/ Peristiwa</b>	<b>Kebijaksanaan+Kerendahan Hati+Persetujuan+Kuantiti+Relevan</b>	<b>Peristiwa 10</b>
<b>Buku/Bab</b>		
MR-B7(14)-Fu-H72-D4/16	Diam saja Ana, takutkah? Siapa ada di rumah?	Perbincangan tentang keluarga Farhana
MR-B7(14)-Fa-H72-D4/18	Mak, adik-adik.	
MR-B7(14)-Fu-H72-D5/16	Awak anak sulung?	
MR-B7(14)-Fa-H72-D5/18	Ha-ah..	
MR-B7(14)-Fu-H72-D6/16	Ayah?	
MR-B7(14)-Fa-H72-D6/18	Ayah dah tak ada. Dah empat tahun meninggal, masa saya di UK.	
MR-B7(14)-Fu-H73-D7/16	Oh, maaf!	
MR-B7(14)-Fa-H73-D7/18	Tak apa.	



Jadual 3.18 memaparkan perbualan dalam peristiwa perbincangan tentang keluarga Farhana yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan. Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui bentuk-bentuk panggilan yang mencerminkan kesopanan dan digunakan oleh kedua-dua watak dalam peristiwa komunikasi. Dialog dalam peristiwa ini memaparkan penggunaan kata ganti nama *saya* untuk menamakan diri sendiri dan penggunaan kata ganti nama *awak* dan *kata nama peribadi* seperti *Ana* untuk menyapa orang lain. Penggunaan kata-kata ganti nama tersebut mencerminkan kebijaksanaan penutur memilih kata ganti nama yang sesuai. Penggunaan kata panggilan keluarga seperti *mak* dan *ayah* juga dapat dikesan dalam dialog ini bagi memanasikan sikap hormat kepada orang tua yang melahirkan kita ke dunia. Pemilihan dan penggunaan kata yang sesuai dalam memanggil atau menyapa seseorang bersesuaian dengan peristiwa ini dan sekali gus dapat memaksimumkan manfaat kepada pendengar.

Peristiwa bahasa ini juga mematuhi Maksim Kerendahan Hati yang ditandai tindakan meminta maaf. Fuad dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H73-D7/16 : *Oh, maaf!* meminta maaf kepada Farhana kerana bertanya tentang ayah Farhana yang sudah meninggal dunia. Kata *maaf* dalam dialog ini memanasikan kekesalan Fuad atas kesilapannya bertanya perkara yang sensitif agar dapat menjaga hati pendengar, iaitu Farhana. Justeru, kata *maaf* yang diujarkan oleh Fuad mencerminkan sikap merendah dirinya yang sanggup memaksimumkan cacian kepada diri sendiri dalam berkomunikasi. Permintaan maaf daripada Fuad dapat meredakan keadaan dan Farhana menerima permohonan maaf tersebut dengan menyatakan *Tak apa* dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H73-D7/18. Sikap merendah diri merupakan amalan yang disanjung tinggi dalam budaya masyarakat Melayu selain memperlihatkan kepekaan

penutur untuk memastikan pihak lawan tutur tidak tersinggung akibat terlajak kata dalam berbicara.

Maksim Persetujuan dalam peristiwa ini ditandai dengan persetujuan secara langsung daripada Farhana dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H72-D5/18 : ***Ha-ah..*** bagi menyetujui pertanyaan Fuad yang mengatakannya anak sulung dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H72-D5/16. Kata ***Ha-ah*** bermaksud ***Ya***, yang mencerminkan persetujuan secara langsung daripada Farhana. Persetujuan secara langsung dapat memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dan orang lain selain dapat melancarkan komunikasi.

Selain itu, peristiwa bahasa ini juga menggambarkan kehadiran Maksim Kuantiti dalam PK Grice yang ditandai dengan sumbangan maklumat yang mencukupi. Dialog MR-B7(14)-Fa-H72-D4/18 : ***Mak, adik-adik***, yang diujarkan oleh Farhana bagi menjawab pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H72-D4/16 ***Siapa ada di rumah?*** dapat diinterpretasikan bahawa Farhana memberikan maklumat hanya mak dan adik-adiknya yang berada di rumah. Senario ini memanifestasikan sumbangan maklumat yang mencukupi dan berinformatif dalam berkomunikasi selain dapat memenuhi kehendak penutur.

Maksim Relevan pula dikenal pasti melalui sumbangan maklumat yang mempunyai pertalian yang rapat seperti dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H72-D6/18 : ***Ayah dah tak ada. Dah empat tahun meninggal, masa saya di UK.*** Maklumat yang diberikan oleh Farhana ketika menjawab pertanyaan Fuad tentang ayahnya dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H72-D6/16, menggambarkan maklumat yang berkaitan secara tersurat dan memenuhi permintaan Fuad. Maklumat tentang ayahnya yang sudah meninggal dunia selama empat tahun semasa dia berada di UK mempunyai pertalian

dengan pertanyaan Fuad tentang ayahnya dan sekali gus memperlihatkan sumbangan maklumat yang relevan dengan kehendak penutur. Kehadiran maksim-maksim Grice (1975) dalam peristiwa bahasa bukan sahaja mencerminkan kerjasama bagi melancarkan komunikasi malahan dapat meningkatkan kesopanan berbahasa.

### 3.3.2.5 Peristiwa 12 Perbualan ketika singgah dan selepas makan: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti ini terdapat dalam Jadual 3.19 berikut:

**Jadual 3.19:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa	Buku/Bab	Kebijaksanaan+Kedermawanan+Sokongan+ Persetujuan+ Kuantiti	Peristiwa 12
MR-B7(14)-Fu-H75-D13/16		Jom, kita makan dulu. Aku dah lapar ni. Apa fasal tak habis makan ni?	Perbualan ketika Singgah dan Selepas Makan
MR-B7(14)-Fa-H76-D14/18		Aku kenyang lagi sebenarnya. Masa kau tegur dekat stesen bas tadi, aku baru lepas sarapan.	
MR-B7(14)-Fu-H76-D14/16		Laa ... Ngapa tak cakap? Tak baik tahu makan tak habis. Rezeki!	
MR-B7(14)-Fa-H76-D15/18		Hari ini aku bukan saja naik kereta <i>free</i> , makan pun nampaknya <i>free</i> . Baik engkau, Fuad?	
MR-B7(14)-Fu-H77-D15/16		Memang aku baik. Kau baru tahu hari inikah?	
MR-B7(14)-Fa-H77-D16/18		Eh, tadi kau tanya masjid, ngapa tak tanya aku? Kat depan tu ha....	
MR-B7(14)-Fu-H77-D16/16		La ingatkan kau tak tahu.	

Jadual 3.19 memaparkan perbualan dalam peristiwa ketika singgah dan selepas makan yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti. Maksim Kebijaksanaan dipatuhi apabila penutur, iaitu Fuad menasihati Farhana dengan cara yang berhemah dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H76-D14/16 : *Tak baik tahu makan tak habis*, apabila melihat Farhana tidak menghabiskan makanannya. Ayat *Tak baik tahu makan tak habis* yang diujarkan oleh Fuad menandakan nasihat yang disampaikan dengan cara yang halus

dan mencerminkan bahasa yang berlapik agar Farhana tidak tersinggung. Fuad boleh sahaja menyatakan *Jangan membazir*, namun lebih kasar bunyinya. Apabila nasihat disampaikan dengan cara yang halus, maka dapat meminimumkan kos kepada pendengar dalam berkomunikasi. Tindakan menasihati harus dilakukan dengan berhati-hati agar tidak menggores perasaan orang lain dan ditandai dengan kata, ungkapan nasihat dan bahasa yang berlapik. Tenas Effendy (2011) menyatakan bahawa apabila menasihati, hendaklah menyampaikannya dengan baik-baik, santun dan lemah lembut dan bahasa yang jelas dan orang tua-tua mengingatkan, “Apabila bercakap memberi nasihat, jangan memaksa jangan menghujat” (p.30). Kebijaksanaan penutur menyampaikan nasihat melalui kata dan ungkapan yang sesuai memudahkan penerimaan pendengar sekali gus memberikan manfaat kepada pendengar kerana nasihat dapat menambah baik amalan dan sikap positif dalam diri seseorang.

Maksim Kebijaksanaan dalam peristiwa ini turut ditandai penggunaan kata ganti nama yang sesuai seperti *aku*, *kau* dan diselang-selikan dengan penggunaan kata ganti nama peribadi, iaitu *Fuad*. Penggunaan kata ganti nama berkenaan masih sopan terutamanya *aku* dan *kau* kerana faktor keakraban hubungan mereka. Pemilihan kata ganti nama yang sesuai dalam berkomunikasi akan memberikan manfaat kepada pendengar selain mencitrakan kesopanan.

Sikap murah hati dengan mempelawa dan membelanjakan rakan sekerja makan mematuhi Maksim Kedermawanan dalam peristiwa ini. Fuad dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H75-D13/16 : *Jom, kita makan dulu. Aku dah lapar ni*, mempelawa Farhana makan ketika mereka singgah walaupun tindakan tersebut memaksimumkan kos dirinya. Sikap dermawan dalam konteks peristiwa ini mencitrakan budi pekerti yang terpuji dalam masyarakat Melayu kerana kesanggupan berbudi dengan harta.

Maksim Sokongan pula terdapat dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H76-D15/18 : *Hari ini aku bukan saja naik kereta free, makan pun nampaknya free. Baik engkau, Fuad?* Farhana memuji Fuad dengan mengatakan Fuad seorang yang *baik* sebagai tanda menghargai sikap murah hati Fuad yang menumpang dan membelanjakannya makan. Tindakan ini dapat memaksimumkan pujian terhadap orang lain dalam berkomunikasi bagi memanasikan kesopanan berbahasa.

Maksim Persetujuan pula dikenal pasti dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H77-D15/16 : *Memang aku baik*, apabila Fuad menyetujui pandangan Farhana yang mengatakannya baik dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H76-D15/18 setelah Fuad menumpangkannya dan membelanjakan Farhana makan. Persetujuan secara langsung daripada Fuad dapat memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain dalam berkomunikasi walaupun disampaikan dengan nada gurauan namun dapat memaparkan kesopanan berbahasa.

Peristiwa ini juga memperlihatkan kehadiran Maksim Kuantiti seperti yang terdapat dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H76-D14/18 : *Aku kenyang lagi sebenarnya* yang dilafazkan oleh Farhana bagi menjawab pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B7(14)-Fu-H75-D13/16 : *Apa fasal tak habis makan ni?* Jawapan daripada Farhana bahawa dia masih kenyang dapat memenuhi permintaan Fuad kerana Farhana telah memberikan maklumat secukupnya. Penggunaan maksim ini juga terdapat dalam dialog M-B7(14)-Fu-H77-D16/16 : *La ingatkan kau tak tahu* yang dituturkan oleh Fuad apabila Farhana bertanya dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H77-D16/18 : *Eh, tadi kau tanya masjid, ngapa tak tanya aku?* Jawapan Fuad bahawa dia beranggapan Farhana tidak tahu dalam dialog M-B7(14)-Fu-H77-D16/16, dapat memenuhi dan menjawab pertanyaan daripada Farhana. Sumbangan maklumat yang secukupnya dalam berkomunikasi dapat memanasikan kerjasama di samping melancarkan

komunikasi agar perbualan menjadi lebih bermakna dan mencerminkan kesopanan berbahasa dalam berkomunikasi.

### 3.3.2.6 Peristiwa 14 Perbualan Fuad dan Farhana dalam telefon: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Persetujuan+Relevan

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan ini terdapat dalam Jadual 3.20 berikut:

**Jadual 3.20:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan+Persetujuan+Relevan	Peristiwa 14
MR-B8(13)-Fa-H90-D1/3	Assalamualaikum ... Hei, akulah! Kau selamat tiba di rumah, kan?	Perbualan Fuad dan Farhana dalam telefon
MR-B8(13)-Fu-H90-D1/3	Ya, alhamdulillah. Hampir tengah malam. Er ...	
MR-B8(13)-Fa-H90-D2/3	Ana, aku telefon kau nanti?	
MR-B8(13)-Fu-H90-D2/3	Tapi, nombor aku ...	
MR-B8(13)-Fa-H90-D3/3	Tak apa.. Aku memang ada simpan nombor telefon kau.	
MR-B8(13)-Fu-H90-D3/3	Oh yakah? Okeylah, assalamualaikum.	
MR-B8(13)-Fa-H90-D3/3	Walaikumussalam.	

Jadual 3.20 memaparkan perbualan dalam peristiwa Fuad dan Farhana berbual melalui telefon yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan. Maksim Kebijaksanaan ditandai dengan pemilihan kata yang sopan untuk membuka bicara atau memulakan perbualan. Farhana dalam dialog MR-B8(13)-Fa-H90-D1/3 : *Assalamualaikum ... Hei, akulah!* mengucapkan salam untuk memulakan perbualan dalam telefon. Salam juga digunakan oleh Farhana untuk menutup bicara antara mereka dalam dialog MR-B8(13)-Fa-H90-D3/3 : Okeylah, *assalamualaikum*. Salam akhir Farhana dijawab Fuad dalam dialog MR-B8(13)-Fu-H90-D3/3 : *Walaikumussalam*.

Penggunaan kata *assalamualaikum* dan *walaikumussalam* ketika hendak memulakan bicara mahupun menutup bicara mencerminkan doa akan kesejahteraan dan keselamatan pendengar dan hal ini dapat mempererat hubungan sesama Islam.

Marlyna Maros & Mohd Baharin Mayidin (2011) mengatakan bahawa *assalamualaikum* bermaksud mengucapkan selamat sejahtera kepada pendengar dan tidak berkaitan dengan topik perbincangan melainkan maklumat mengenai agama kepercayaan penutur dan sifat santunnya (p.231). Usaha memberi dan menjawab salam dalam perbualan merupakan amalan yang dituntut dalam agama selain melambangkan kesopanan berbahasa. Tindakan ini dapat memaksimumkan manfaat kepada orang yang mendengar. Apabila kedua-dua pihak mendapat manfaat, maka semua pihak berada dalam zon yang selesa. Peristiwa ini juga memperlihatkan penggunaan kata ganti nama *aku* dan *kau*. Pemilihan kata ganti nama ini sesuai dan sopan apabila digunakan oleh dua orang rakan sekerja yang sudah akrab dan rapat.

Maksim Persetujuan pula dipaparkan melalui persetujuan secara langsung Fuad dalam dialog MR-B8(13)-Fu-H90-D1/3 : *Ya, alhamdulillah. Hampir tengah malam,* ketika menjawab pertanyaan Farhana adakah Fuad selamat sampai ke rumah dalam dialog MR-B8(13)-Fa-H90-D1/3 : *Kau selamat tiba di rumah, kan? Ayat Ya, alhamdulillah* yang dilafazkan oleh Fuad menandakan persetujuan secara langsung bahawa dia selamat sampai. Persetujuan dalam dialog tersebut disertai kata *alhamdulillah* yang menandakan kesyukuran atas keselamatan dan kesejahteraan. Penggunaan kata *alhamdulillah* ini dapat membezakan agama penutur kerana orang Islam cenderung mengucapkan kesyukuran. *Alhamdulillah* bermaksud segala puji bagi Allah dan untuk menyatakan nikmat kesyukuran (*Kamus Dewan, 2007*). Persetujuan dalam berkomunikasi amat penting kerana dapat memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dan orang lain selain melancarkan komunikasi.

Maksim Relevan pula dikenal pasti dalam dialog MR-B8(13)-Fa-H90-D2/3 : *Tapi, nombor aku ...* yang dilafazkan oleh Farhana bagi menjawab pertanyaan Fuad

dalam dialog MR-B8(13)-Fu-H90-D1/3 : *Er ... Ana, aku telefon kau nanti?* Jawapan Farhana *Tapi, nombor aku* merupakan maklumat yang secara tersiratnya menandakan kesediaannya menanti panggilan daripada Fuad tetapi dia bimbang Fuad tidak memiliki nombor telefonnya. Oleh itu, maklumat yang diberikan oleh Farhana masih relevan dengan permintaan Fuad yang hendak menelefonnya kemudian walaupun jawapan yang diberikan secara tersirat. Dalam konteks ini, Farhana sepatutnya mengeyakan pertanyaan Fuad, namun jawapan tersebut sudah memadai untuk Fuad memahaminya. Sumbangan maklumat daripada Farhana mempunyai pertalian dengan permintaan Fuad dan tidak menimbulkan salah faham dalam komunikasi. Kerelevanan maklumat dalam berkomunikasi dapat memanifestasikan kerjasama yang sekali gus memperlihatkan kesopanan berbahasa.

### 3.3.2.7 Peristiwa 15 Peristiwa Fuad memberi kad harijadi kepada Farhana: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti ini terdapat dalam Jadual 3.21 berikut:

**Jadual 3.21:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti

Pola Kombinasi Maksim/ Peristiwa  Buku/Bab	Kebijaksanaan+Kerendahan Hati+Persetujuan+Kuantiti	Peristiwa 15
MR-B12(13)-Fu-H126-D1/37 MR-B12(13)-Fa-H126-D1/32 MR-B12(13)-Fu-H126-D2/37 MR-B12(13)-Fa-H126-D2/32 MR-B12(13)-Fu-H126-D3/37 MR-B12(13)-Fa-H126-D3/32 MR-B12(13)-Fu-H126-D5/37 MR-B12(13)-Fa-H126-D5/32 MR-B12(13)-Fu-H126-D6/37  MR-B12(13)-Fa-H127-D6/32 MR-B12(13)-Fu-H127-D8/37  MR-B12(13)-Fa-H127-D7/32	Ana ... Hari ni kau ada dapat kad tak? Ada Warna apa? Merah jambu. Cantik tak? Tahu. Siapa? Engkaulah. Ya ... Betul. Murah saja, empat ringgit setengah. Ya? Siapa tanya? Eh, kau tak tanya ya? Aku ingat kau tanya tadi. Kau suka tak? Tentulah aku suka. Kau tahu sebab apa aku suka? Sebab, kau yang bagi!	Fuad memberi kad harijadi kepada Farhana



Jadual 3.21 memaparkan perbualan dalam peristiwa Fuad memberikan kad harijadi kepada Farhana yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti. Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui penggunaan kata ganti nama yang sesuai untuk memanggil rakan sekerja yang sudah akrab seperti *aku* dan *kau* yang digunakan oleh Fuad dan Farhana. Penggunaan kata ganti nama *aku* dan *kau* dalam konteks hubungan kedua-duanya mencerminkan kesopanan berbahasa. Penggunaan kata ganti nama peribadi seperti *Ana* dalam peristiwa ini turut menggambarkan pemilihan kata yang sesuai untuk menyapa rakan. Pemilihan kata ganti nama yang sesuai dan tepat dalam berkomunikasi dapat memaksimumkan manfaat kepada pendengar yang sekali gus memanasifasikan kesopanan berbahasa. Nik Safiah Karim (2012) mengatakan bahawa jika bahasa digunakan tidak betul atau tidak tepat maka perhubungan menjadi tidak berkesan, dengan kata lain menjadi pincang (p.131).

Maksim Kerendahan Hati dipatuhi dalam peristiwa ini berdasarkan dialog MR-B12(13)-Fu-H126-D6/38 : *Murah saja, empat ringgit setengah* oleh Fuad. Ungkapan negatif, iaitu *murah saja* dalam dialog ini mencerminkan kerendahan hati Fuad kerana sanggup mencaci diri sendiri dengan mengaku bahawa dia membeli kad yang murah dengan harga empat ringgit setengah. Fuad sanggup memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri dengan mengakui kelemahan diri walaupun pada hakikatnya mampu membelikan kad yang lebih mahal. Leech (1993) menyatakan bahawa cacian yang berlebihan kepada diri sendiri dalam berkomunikasi adalah sopan (p.164).

Maksim Persetujuan dalam peristiwa ini ditandai persetujuan secara langsung dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H126-D3/32 : *Cantik*, yang dilafazkan oleh Farhana. Kata *cantik* dalam dialog tersebut merupakan persetujuan secara langsung Farhana

terhadap pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H126-D3/37 : *Cantik tak?* yang merujuk kepada kad yang diberikan oleh Fuad kepada Farhana. Persetujuan secara langsung juga terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H127-D7/32 : ***Tentulah aku suka*** yang dituturkan oleh Farhana bagi menjawab pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H127-D8/37 : *Kau suka tak?* dan dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H126-D6/37 : ***Ya ... Betul***, Fuad pula bersetuju secara langsung dengan Farhana apabila melafazkan kata ***ya*** dan disusuli kata ***betul*** apabila Farhana mengatakan Fuad yang memberikan kad tersebut. Persetujuan secara langsung dalam peristiwa ini bukan sahaja dapat melancarkan komunikasi malahan dapat memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain yang sekali gus memmanifestasikan kesopanan.

Peristiwa ini juga memperlihatkan kehadiran Maksim Kuantiti dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H126-D2/32 : ***Merah jambu*** yang dituturkan oleh Farhana bagi menjawab pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H126-D2/38 : *Warna apa?* Ayat ***Merah jambu*** mencerminkan maklumat yang mencukupi apabila ditanya tentang warna kad yang diterima. Dialog MR-B12(13)-Fu-H126-D4/37 : *Kau tahu siapa yang bagi?* yang dituturkan oleh Fuad dan dijawab Farhana dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H126-D4/32 : ***Tahu*** juga memenuhi permintaan penutur dan dialog MR-B12(13)-Fu-H126-D5/37 : *Siapa?* yang dituturkan oleh Fuad dan jawapan Farhana dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H126-D5/32 : ***Engkaulah***, mencerminkan sumbangan maklumat yang cukup dan memenuhi kehendak melalui pertanyaan atau permintaan sekali gus mewujudkan kerjasama dalam berkomunikasi. Penutur memperlihatkan sikap berhati-hati agar maklumat yang diberikan tidak berlebihan kerana maklumat yang berlebihan akan mengundang kebosanan kepada pendengar. Gagasan Grice (1975) dalam Maksim Kuantiti sejalur dengan perkongsian Wan Aminurrashid

(2002) yang menyatakan bahawa apabila berkomunikasi, sedikitkan percakapan dan berbicara sekadar yang perlu kecuali apabila berdakwah dan berceramah (p.16). Oleh itu, maklumat secukupnya yang diberikan oleh Farhana mematuhi kehendak Maksim Kuantiti PK Grice (1975) bagi memmanifestasikan kerjasama dan kesopanan berbahasa.

### 3.3.2.8 Peristiwa 16 Peristiwa Fuad mempelawa Farhana keluar berjalan: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan ini terdapat dalam Jadual 3.22 berikut:

**Jadual 3.22:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan	Peristiwa 16
MR-B12(13)-Fu-H127-D9/37 MR-B12(13)-Fa-H127-D8/32 MR-B12(13)-Fu-H127-D10/37 MR-B12(13)-Fa-H127-D9/32	Ana, duduk kejam. Tak mahu ucap terima kasihkah? Aku tahulah kad aku tu murah. Okey, terima kasih. Ana, err ...Aku ingat nak ajak kau jalan-jalan petang ni. Itu pun kalau kau nak. Petang ni ... bolehlah. Setakat jalan-jalan apa salahnya.	Fuad mengajak Farhana keluar berjalan

Jadual 3.22 memaparkan perbualan dalam peristiwa Fuad mengajak Farhana keluar berjalan yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan+ Sokongan + Kerendahan Hati. Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui sikap sopan meminta rakan duduk untuk berbicara. Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H127-D9/37 : Ana, **duduk kejam**, meminta Farhana duduk sekejap supaya dia dapat berbicara dengan Farhana. Ungkapan **duduk kejam** merupakan permintaan yang beradab agar memudahkan perbualan dan pendengar berasa selesa. Penutur yang meminta lawan tuturnya duduk untuk berbincang dapat

memperlihatkan adab. Tambahan pula, situasi duduk untuk berbicara lebih sopan dibandingkan dengan situasi berdiri.

Pemilihan kata yang tepat untuk berurusan dengan orang lain juga terserlah melalui tindakan yang bijaksana untuk mencadang. Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H127-D10/37 : *Ana, err ...Aku **ingat** nak ajak kau jalan-jalan petang ni. Itu pun **kalau** kau nak*, bercadang untuk mengajak Farhana keluar. Kata **kalau** dan **ingat** dalam dialog ini merupakan penanda untuk mencadangkan sesuatu. Pemilihan kata yang sesuai dan disusuli cara yang berhemah ini tidak akan memberikan tekanan kepada pendengarnya, iaitu Farhana kerana lebih lembut, sopan dan memberikan pilihan. Pemilihan dan penggunaan kata yang tepat dan sesuai untuk meminta dan mencadangkan sesuatu dapat meminimumkan kos pendengar dalam berkomunikasi.

Peristiwa ini juga memperlihatkan penggunaan kata ganti nama yang sesuai seperti kata ganti nama peribadi bagi mencerminkan kebijaksanaan berbahasa. Kata ganti nama peribadi, iaitu **Ana** didapati lebih lembut dan sopan di samping penggunaan kata ganti nama **aku** dan **kau**. Penggunaan kata ganti nama **aku** dan **kau** antara Farhana dan Fuad masih sopan kerana faktor keakraban hubungan mereka.

Maksim Kerendahan Hati pula terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H127-D9/37 : *Aku tahulah kad aku tu murah* yang dilafazkan oleh Fuad. Kata sifat **murah** yang dilafazkan oleh Fuad mengimplicasikan cacian terhadap dirinya sendiri kerana sanggup mengakui bahawa kad yang dibelinya murah. Tindakan ini memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri di samping mencerminkan bahasa yang sopan. Menurut Mustafa Daud (1995) sifat merendah diri memperkaya budi bahasa (p.3).

Maksim Persetujuan dalam peristiwa ini dipatuhi apabila Farhana menyetujui cadangan Fuad yang hendak mengajaknya keluar dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H127-D9/32 : *Petang ni ... bolehlah. Setakat jalan-jalan apa salahnya. Kata **bolehlah*** dalam dialog ini memmanifestasikan persetujuan secara langsung Farhana terhadap cadangan Fuad. Pemilihan kata **bolehlah** ini juga mengintepretasikan sikap berhati-hati Farhana dalam memberikan persetujuan agar kesopanan tetap terpelihara dan tidak memperlihatkan persetujuan yang berlebih-lebihan. Persetujuan secara langsung juga terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H127-D8/32 : *Okey, terima kasih*, yang dituturkan oleh Farhana bagi menyetujui permintaan Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H127-D9/37 : *Tak mahu ucap terima kasihkah?* Penutur yang sopan sentiasa berusaha untuk mewujudkan kesepakatan dalam berkomunikasi agar dapat memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain selain menjaga air muka lawan tuturnya.

### 3.3.2.9 Peristiwa 17 Perbualan semasa memesan makanan: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Sokongan+Kerendahan Hati+Relevan

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Relevan ini terdapat dalam Jadual 3.23 berikut:

**Jadual 3.23:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Relevan

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa  Buku/Bab	Kebijaksanaan+Sokongan+ Kerendahan Hati+Relevan	Peristiwa 17
MR-B12(13)-Fu-H128-D11/37 MR-B12(13)-Fa-H128-D10/32  MR-B12(13)-Fu-H128-D12/37 MR-B12(13)-Fa-H128-D11/32 MR-B12(13)-Fu-H128-D13/37	Kau nak makan apa Ana? Ikut kaulah. Aku ikut saja, orang nak belanjalah katakan. Apa fasal kau pandang aku macam tu? Aku lupa pakai gincukah? Taklah. Sebab kau cantik. Bohonglah. La ... Tak percaya? Kalau tak percaya, balik rumah nanti jangan lupa tengok cermin.	Perbualan semasa memesan makanan

Jadual 3.23 memaparkan perbualan dalam peristiwa semasa memesan makanan yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Relevan. Maksim Kebijaksanaan diperlihatkan melalui pemilihan kata yang sesuai dan lembut dalam memberikan cadangan menerusi penggunaan kata *kalau*. Fuad memberikan cadangan kepada Farhana agar melihat cermin apabila balik dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H128-D13/37 : *La ... Tak percaya? Kalau tak percaya, balik rumah nanti jangan lupa tengok cermin*. Cadangan yang ditandai kata *kalau* dapat meminimumkan kos pendengar dalam berkomunikasi. Pemilihan kata yang tepat dan sesuai untuk memanggil rakan dalam peristiwa ini ditandai kata ganti nama *aku, kau* dan kata ganti nama peribadi, iaitu *Ana*. Penggunaan kata ganti nama tersebut mencerminkan kesopanan berbahasa kerana digunakan oleh dua orang rakan yang akrab. Penggunaan kata ganti nama yang sesuai dapat memaksimumkan manfaat kepada pendengar.

Maksim Sokongan dalam peristiwa ini ditandai kata pujian dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H128-D12/37 : *Sebab kau cantik*. Kata sifat *cantik* yang dituturkan oleh Fuad dalam dialog ini mencerminkan pujian dan menunjukkan Farhana seorang gadis yang cantik. Penutur, iaitu Fuad berusaha memaksimumkan pujian terhadap orang lain dalam berkomunikasi bagi mengekspresi kesopanan berbahasa. Tindakan ini juga dapat menyenangkan hati pendengar kerana tiada sesiapa yang suka dikeji. Tambahan pula, ketiadaan pujian akan mengimplicasikan cacian.

Penolakan terhadap pujian turut merupakan penanda bagi Maksim Kerendahan Hati dalam peristiwa ini. Farhana dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H128-D11/32 : *Bohonglah*, menolak pujian Fuad yang mengatakannya cantik. Kata *bohonglah* dalam dialog ini bermakna tidak benar dan Farhana tidak menerima pujian dengan

mudah, sebaliknya menyangkal pujian tersebut. Muhammad Khair Fatimah (1996) menyatakan bahawa seseorang kena menahan lidah agar tidak memuji-muji diri atau melebih-lebihkan diri dengan menyebut kelebihan dan kemuliaan (p.112). Penolakan terhadap pujian mencerminkan sikap rendah diri dan sikap tidak bermegah-megah dengan pujian sebagaimana adab yang menjadi amalan masyarakat Melayu. Penolakan ini bukan sahaja melambangkan ketinggian budi bahasa malahan meminimumkan pujian terhadap diri sendiri.

Maksim Relevan dalam peristiwa ini terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H128-D10/32 : *Ikut kaulah. Aku ikut saja, orang nak belanjalah katakan.* Ayat yang dituturkan oleh Farhana dalam dialog ini memberikan sumbangan maklumat yang mempunyai pertalian dengan pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H128-D11/37 : *Kau nak makan apa Ana?* Jawapan yang diberikan oleh Farhana, ***Ikut kaulah. Aku ikut saja, orang nak belanjalah katakan,*** secara tersiratnya berkaitan dengan pertanyaan Fuad tentang apa yang hendak dimakan oleh Farhana walaupun jawapannya langsung tidak berkaitan dengan makanan. Walau bagaimanapun, jawapannya difahami dan bermakna Fuad bebas untuk memesan makanan. Yong Suet Ping (1997) menyatakan bahawa walaupun Maksim Relevan disampaikan secara tersirat, namun perbualan masih dapat diteruskan. Sumbangan maklumat yang mempunyai pertalian dengan perkara yang diminta amat berkesan untuk mewujudkan kerjasama dalam berkomunikasi.

#### **3.3.2.10 Peristiwa 18 Farhana ingin mendapat kepastian Fuad: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan**

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan ini terdapat dalam Jadual 3.24 berikut:

**Jadual 3.24:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa	Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati +Persetujuan+ Kuantiti + Relevan	Peristiwa 18
MR-B12(13)-Fa-H129-D12/32	Fuad, aku tanya kau sikit boleh? Kenapa kau ajak aku keluar ni?	Farhana ingin mendapatkan kepastian Fuad
MR-B12(13)-Fu-H129-D14/37	Sebab hari ni hari jadi kau ...	
MR-B12(13)-Fa-H129-D13/32	Tapi, orang lain pun ada hari jadi juga, kan? Kenapa tak susah-susah cari tarikh hari jadi mereka macam kau cari aku punya, lepas tu beri kad dan ajak keluar?	
MR-B12(13)-Fu-H129-D15/37	Entahlah Ana. Mungkin sebab kau istimewa. Aku sukakan kau.	
MR-B12(13)-Fa-H129-D14/32	Tapi aku tak cantik, kan?	
MR-B12(13)-Fu-H129-D16/37	Siapa kata?	
MR-B12(13)-Fa-H130-D15/32	Maksud aku, Sofia dulu jauh lebih cantik.	
MR-B12(13)-Fu-H130-D17/37	Kau cemburu, Ana?	
MR-B12(13)-Fa-H130-D16/32	Cemburu tu tidaklah. Tapi dia yang pertama, bukan?	
MR-B12(13)-Fu-H130-D18/37	Tapi dia adik aku.	
MR-B12(13)-Fa-H130-D17/32	Yalah ...	
MR-B12(13)-Fu-H130-D19/37	Dia sudah tiada.	
MR-B12(13)-Fa-H130-D18/32	Maaf Fuad, maaf. Aku betul-betul minta maaf. Aku tak bermaksud melukakan perasaan kau.	
MR-B12(13)-Fu-H130-D20/37	Tak mengapa.	

Jadual 3.24 memaparkan perbualan dalam peristiwa Farhana ingin mendapatkan kepastian Fuad yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan. Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui penggunaan kata yang tepat untuk memanggil rakan yang sudah akrab, iaitu kata ganti nama *aku*, *kau* dan kata ganti nama peribadi seperti *Ana* dan *Fuad*. Penggunaan dan pemilihan kata ganti nama yang tepat ini memancarkan kesopanan berbahasa dan memaksimumkan manfaat kepada pendengar.

Maksim Sokongan dikenal pasti melalui kata pujian daripada Farhana untuk adik Fuad bernama Sofia dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H130-D15/32 : *Maksud aku, Sofia dulu jauh lebih cantik*. Kata sifat *cantik* merupakan kata pujian yang memaksimumkan pujian terhadap orang lain walaupun orang ketiga dalam perbualan. Maksim Sokongan turut diperlihatkan menerusi usaha meminimumkan



cacian terhadap orang lain. Dalam MR-B12(13)-Fu-H130-D20/37 : *Tak mengapa* yang diujarkan oleh Fuad mencerminkan sokongannya sebagai tanda memaafkan kesilapan yang dilakukan oleh Farhana supaya Farhana tidak dibelenggu dengan perasaan bersalah. Tindakan ini dilakukan oleh Fuad setelah Farhana meminta maaf atas keterlanjurannya menyebut nama Sofia yang sudah meninggal dunia. Fuad memiliki sifat pemaaf dengan tidak berkecil hati dalam hal tersebut. Mustafa Daud (1995) mengatakan bahawa pemaaf merupakan sifat penting sebagai budi bahasa di hati. Kemaafan yang diberi terhadap orang yang melakukan kesalahan, menyebabkan tutur katanya terus halus dan bersopan santun (p.128).

Maksim Kerendahan Hati pula terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H130-D18/32 : *Maaf Fuad, maaf. Aku betul-betul minta maaf. Aku tak bermaksud melukakan perasaan kau.* Farhana mengungkapkan kata *maaf* sebanyak tiga kali sebagai tanda kerendahan hati atas kesilapannya menyebut nama adik Fuad yang sudah meninggal dunia. Kata *maaf* dapat memaksimumkan cacian kepada diri sendiri dalam usaha memanifestasikan kekesalan dan kesopanan berbahasa. Permintaan maaf melambangkan orang Melayu sebagai bangsa yang sangat mementingkan budi bahasa semasa berinteraksi agar tiada pihak tersinggung. Rahmat Ismail (1997) menyatakan bahawa budi pekerti yang mulia dan luhur menjadi identiti kepada budaya Melayu.

Maksim Kerendahan Hati juga terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H129-D14/32 : *Tapi aku tak cantik, kan?*, yang dituturkan oleh Farhana. Ungkapan negatif *tak cantik* menggambarkan penolakan Farhana atas pujian Fuad yang mengatakannya istimewa. Penolakan terhadap pujian mencerminkan penutur berusaha untuk meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dalam berkomunikasi

agar dapat mencerminkan kehalusan budi bahasa. Situasi ini bertepatan dengan pendapat Nor Azian Abdul Aziz (2005) yang mengatakan bahawa orang yang menyangkal pujian yang diterima berbanding dengan mengiakan sahaja dilihat sebagai ujaran yang tinggi budi bahasanya (p.86).

Maksim Persetujuan pula ditandai persetujuan secara langsung seperti dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H130-D17/32 : *Yalah ...* yang dituturkan oleh Farhana bagi menyetujui pernyataan Fuad bahawa Sofia adiknya dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H130-D18/37 : *Tapi dia adik aku.* Kata ***yalah*** mencerminkan persetujuan secara langsung Farhana yang dapat memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dan orang lain selain melancarkan komunikasi.

Peristiwa bahasa ini juga memperlihatkan kehadiran Maksim Kuantiti seperti dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H129-D14/37 : ***Sebab hari ni hari jadi kau ...*** yang dilafazkan oleh Fuad bagi memenuhi permintaan Farhana dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H129-D12/32 : *Fuad, aku tanya kau sikit boleh? Kenapa kau ajak aku keluar ni?*, iaitu bertanya sebab Fuad membawanya keluar. Jawapan yang diberikan oleh Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H129-D14/37 adalah mencukupi dan tidak berlebihan. Dialog MR-B12(13)-Fa-H130-D16/32 : ***Cemburu tu tidaklah,*** yang dituturkan oleh Farhana dapat memenuhi pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H130-D17/37 : *Kau cemburu, Ana?* Jawapan atau maklumat yang diberikan oleh Farhana dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H130-D16/32 mencukupi untuk memenuhi permintaan Fuad bahawa dia tidak cemburu berdasarkan topik perbualan mereka dan sekali gus dapat mewujudkan kerjasama dalam berkomunikasi.

Maksim Relevan pula terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H129-D15/37 : *Entahlah Ana. Mungkin sebab kau istimewa. Aku sukakan kau* seperti yang dituturkan oleh Fuad bagi menjawab pertanyaan Farhana dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H129-D13/32 : *Tapi, orang lain pun ada hari jadi juga, kan? Kenapa tak susah-susah cari tarikh hari jadi mereka macam kau cari aku punya, lepas tu beri kad dan ajak keluar?* Jawapan yang diberikan oleh Fuad mempunyai pertalian dengan pertanyaan Farhana yang inginkan kepastian. Penggunaan ayat ***Entahlah Ana*** memperlihatkan cakap berlapis yang digunakan oleh Fuad supaya tidak menunjukkan secara terang-terang bahawa dia meminati Farhana. Seterusnya, ayat ***Mungkin sebab kau istimewa*** masih lagi memperlihatkan cakap beralas yang digunakan oleh Fuad menerusi penggunaan kata ***mungkin*** di awal ayat supaya tidak menunjukkan secara ketara bahawa dia memuja Farhana. Setelah memberikan dua jawapan secara berlapis, barulah Fuad memperlihatkan kekuatannya untuk berterus terang bahawa dia menyukai Farhana.

Situasi ini menunjukkan bahawa Fuad seorang yang berhati-hati dalam pertuturannya agar maruahnya terpelihara dan orang yang mendengar berasa tenang. Situasi ini melantunkan makna bahawa orang Melayu cukup berhati-hati menyampaikan pendiriannya jika perkara yang dibicarakan bersifat peribadi. Hal ini bertepatan dengan perkongsian Norhana Bakhary (2014) yang mengatakan bahawa orang Melayu tidak suka berterus terang dalam menyampaikan sesuatu maksud atau mesej. Maklumat yang diberikan oleh Fuad sama ada yang berlapis atau secara terus terang memperlihatkan pertalian dengan pertanyaan Farhana sehingga mewujudkan kerjasama antara kedua-duanya dalam berkomunikasi.

### 3.3.2.11 Peristiwa 19 Bergurau pasal makanan: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Kerendahan Hati+ Relevan

Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Relevan terdapat dalam Jadual 3.25 berikut:

**Jadual 3.25:** Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Relevan

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa	Kebijaksanaan+Kerendahan Hati+Relevan	Peristiwa 19
Buku/Bab		
MR-B12(13)-Fu-H130-D21/37 MR-B12(13)-Fa-H130-D19/32	Aku lima kau lima belas. Kau makan banyak. Ah, tak betul! Aku satu kau sembilan belas. Aku kecil. Kau besar. Logiknya tentulah perut aku kecil, perut kau besar.	Bergurau tentang makanan
MR-B12(13)-Fu-H130-D22/37	Boleh tahan engkau, ya?	
MR-B12(13)-Fa-H130-D20/32	Kau cemburu?	
MR-B12(13)-Fu-H130-D23/37	Okey ... Okey, maaf.	

Jadual 3.25 memaparkan perbualan dalam peristiwa Fuad dan Farhana bergurau tentang makanan yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Relevan. Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui penggunaan kata ganti nama seperti *aku* dan *kau* dalam perbualan. Pemilihan kata ganti nama ini sesuai dan mencerminkan kesopanan berbahasa sebab berlaku dalam perbualan dua orang rakan sekerja yang akrab.

Maksim Kerendahan Hati pula terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H130-D23/37 : *Okey ... Okey, maaf*. Fuad meminta maaf dengan penanda kata *maaf* kepada Farhana walaupun pada masa itu mereka sedang bergurau kerana tidak mahu hubungannya dengan Farhana terjejas apabila melihat Farhana galak bergurau. Tindakan Fuad ini mencerminkan sikap rendah diri seseorang yang sanggup memaksimumkan cacian kepada diri sendiri bagi memanifestasikan kesopanan walaupun dalam gurauan. Situasi ini menunjukkan bahawa Fuad seorang yang berhati-hati dan halus dalam berbicara dan bertepatan dengan pendapat Mustafa

Daud (1995) bahawa masyarakat Melayu memiliki sifat berhati-hati dalam setiap tutur kata agar tidak membawa implikasi yang buruk.

Peristiwa ini juga memperlihatkan kehadiran Maksim Relevan seperti dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H130-D19/32 : *Ah, tak betul! Aku satu kau sembilan belas. Aku kecil. Kau besar. Logiknya tentulah perut aku kecil, perut kau besar.* Pandangan Farhana ini masih relevan dengan kata-kata Fuad yang mengatakan Farhana makan banyak dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H130-D21/37. Farhana menyatakan pendapat Fuad itu salah kerana Fuadlah yang secara logiknya makan banyak kerana badannya lebih besar. Maksim ini juga terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H130-D20/32 : *Kau cemburu?* yang dituturkan oleh Farhana bagi memberikan respons kepada pertanyaan Fuad yang mengatakan Farhana boleh tahan atau galak kalau bergurau dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H130-D22/37. Walaupun Farhana tidak menjawab *ya*, tetapi difahami secara tersiratnya bahawa jawapan ini memperlihatkan ciri pertalian bahawa Farhana mengiakannya dengan cara Farhana bertanyakan semula adakah Fuad cemburu dengan sikap Farhana yang galak bergurau. Jawapan atau maklumat yang diberikan dalam dialog-dialog tersebut masih mempunyai pertalian dengan pertanyaan bagi mewujudkan kerjasama semasa berkomunikasi.

**3.3.2.12 Peristiwa 20 Perbualan tentang Fuad hendak ke rumah Cikgu Zamani: Pola Kombinasi Maksim Kebijakan+Persetujuan+Relevan**

Pola Kombinasi Maksim Kebijakan + Persetujuan + Relevan terdapat dalam Jadual 3.26 berikut:

**Jadual 3.26:** Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan+Persetujuan+Relevan	Peristiwa 20
MR-B12(13)-Fu-H131-D24/38 MR-B12(13)-Fa-H131-D21/32 MR-B12(13)-Fu-H131-D25/38 MR-B12(13)-Fa-H131-D22/32	Err Ana, malam ni aku nak ke rumah Cikgu Zamani, tau. Buat apa pula? Entah, dia ajak ke rumah selepas isyak. Ada makan-makan sikit, katanya dah banyak kali dia ajak sebelum ni, cuma aku saja yang asyik cari alasan. Kali ini aku pergilah. Pergilah.	Perbualan tentang Fuad hendak ke rumah Cikgu Zamani

Jadual 3.26 memaparkan perbualan dalam peristiwa Fuad hendak ke rumah Cikgu Zamani yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan. Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui penggunaan kata ganti nama seperti *aku* dan *kata nama peribadi*, iaitu *Ana* dalam perbualan. Pemilihan kata ganti nama ini sesuai dan mencerminkan kesopanan berbahasa sebab berlaku dalam perbualan dua orang rakan sekerja yang akrab. Selain itu, maksim ini juga diperlihatkan melalui penggunaan kata panggilan hormat, iaitu *cikgu* yang digunakan oleh Fuad untuk memanggil *Cikgu Zamani*. Penggunaan kata panggilan yang sesuai bukan sahaja mencerminkan kesopanan malahan dapat memaksimumkan manfaat kepada orang lain.

Maksim Persetujuan pula terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H131-D22/32 : *Pergilah*, yang dilafazkan oleh Farhana bagi menyetujui kata-kata Fuad yang hendak pergi ke rumah Cikgu Zamani dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H131-D25/38 : *Kali ini aku pergilah*. Farhana memberikan persetujuan secara langsung dengan menyuruh Fuad pergi ke rumah Cikgu Zamani dalam peristiwa ini dan memanasikan usaha memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain selain melancarkan komunikasi.

Maksim Relevan dalam peristiwa ini terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H131-D25/38 : *Entah, dia ajak ke rumah selepas isyak. Ada makan-makan sikit, katanya dah banyak kali dia ajak sebelum ni, cuma aku saja yang asyik cari alasan.* Jawapan Fuad bagi menjawab pertanyaan Farhana dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H131-D21/32 : *Buat apa pula?* mempunyai pertalian yang rapat walaupun Fuad tidak memberitahu apa tujuannya secara objektif. Jawapan yang diberikan oleh Fuad dapat memenuhi permintaan Farhana dan mencerminkan ciri-ciri yang rapat dengan pertanyaan tersebut. Tindakan ini dapat mewujudkan kerjasama dalam perbualan yang sekali gus memanifestasikan kesopanan dalam berkomunikasi.

### 3.3.2.13 Peristiwa 21 Cadangan Fuad hendak membawa Farhana ke rumah selepas makan: Pola Kombinasi Maksim Kebijakan + Persetujuan + Relevan

Pola kombinasi Maksim Kebijakan + Persetujuan + Relevan terdapat dalam Jadual 3.27 berikut:

**Jadual 3.27:** Pola kombinasi Maksim Kebijakan + Persetujuan + Relevan

<b>Pola kombinasi maksim/ Peristiwa</b>	<b>Kebijakan+Persetujuan+Relevan</b>	<b>Peristiwa 21</b>
<b>Buku/Bab</b> MR-B12(13)-Fu-H131-D26/37	Selepas ni ikut aku balik rumah sekejap boleh tak? Mandi, makan-makan dulu. Selepas isyak nanti aku hantar kau, langsung ke rumah Cikgu Zamani. Nak tak?	Fuad bercadang membawa Farhana ke rumah
MR-B12(13)-Fa-H131-D23/32	Boleh. Eh, takut pula aku! Buatnya mak ayah kau nak buat menantu selepas tengok muka aku, macam mana? Masalah besar tu, Fuad. Seram aku.	
MR-B12(13)-Fu-H131-D27/37	Kau nak seram apa, Ana? Apa, aku ni bukan orangkah?	
MR-B12(13)-Fa-H131-D24/32	Orang tu memanglah orang. Tapi, kau tu besar, aku kecil.	
MR-B12(13)-Fu-H131-D28/37	Okey, cukup! Eh, tadi kau cakap pantang makan aiskrim?	Fuad bercadang membawa Farhana ke rumah
MR-B12913)-Fa-H132-D25/32	Habis, dah aiskrim ni cair, siapa nak makan?	
MR-B12(13)-Fu-H132-D29/37	Okeylah, okeylah. Kau menang. Aku nak ke tandas kejam, Nak ikut, jom. Tak nak, duduk sini diam-diam. Kalau ada orang tanya, cakap kau dah bertunang, okey? Ingat, ini arahan.	
MR-B12(13)-Fa-H132-D26/32	Alah, cakap dah bertunang buat apa. Baik aku cakap dah kahwin.	

Jadual 3.27 memaparkan perbualan dalam peristiwa Fuad bercadang membawa Farhana ke rumah yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan. Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui cara yang berhemah untuk mencadangkan sesuatu. Dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H131-D26/37 : *Selepas ni ikut aku balik rumah sekejap **boleh tak?** Mandi, makan-makan dulu. Selepas isyak nanti aku hantar kau, langsung ke rumah Cikgu Zamani. **Nak tak?*** yang dituturkan oleh Fuad merupakan cadangannya kepada Farhana dan ditandai ungkapan ***boleh tak*** dan ***nak tak***. Ungkapan yang digunakan ini memberi pilihan dan keselesaan kepada pendengar, iaitu Farhana agar tidak terbeban. Tindakan mencadang juga terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H132-D29/37 : ***Kalau** ada orang tanya, cakap kau dah bertunang, okey? Ingat, ini arahan.* Fuad memberi cadangan dalam keadaan bergurau dengan menggunakan kata ***kalau***. Penggunaan ungkapan dan kata yang sesuai serta lembut sifatnya dapat meminimumkan kos pendengar dalam berkomunikasi.

Maksim Kebijaksanaan juga ditandai penggunaan kata ganti nama yang sesuai bagi mencerminkan kesopanan dan kemesraan antara dua orang rakan sekerja, iaitu ***aku, kau*** dan kata ganti nama seperti ***Ana*** dan ***Fuad***. Terdapat juga kata panggilan hormat seperti ***cikgu*** untuk ***Cikgu Zamani*** dan kata panggilan keluarga seperti ***mak*** dan ***ayah***. Penggunaan bentuk-bentuk panggilan yang tepat dan sesuai dapat menggambarkan kesopanan berbahasa dan sekali gus dapat memaksimumkan manfaat kepada pendengar selain memaparkan kesopanan berbahasa.

Maksim Persetujuan, iaitu persetujuan secara langsung terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H131-D23/32 : ***Boleh***, yang dilafazkan oleh Farhana untuk menyetujui cadangan Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H131-D26/37. Persetujuan juga



terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H131-D24/32 : ***Orang tu memanglah orang***, yang dilafazkan oleh Farhana dengan mengulang semula ujaran Fuad untuk menyetujui kata-kata Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H131-D27/37 yang mengatakan dirinya orang. Jawapan Farhana tersebut dipersetujui Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H131-D28/37 : ***Okey, cukup***. Dialog MR-B12(13)-Fu-H132-D29/37 : ***Okeylah, okeylah. Kau menang***, juga menandakan persetujuan Fuad terhadap pertanyaan Farhana dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H132-D25/32. Pemilihan kata ***okey*** mengintepretasikan ***ya*** dalam peristiwa ini. Persetujuan secara langsung dengan ditandai kata ***okeylah, boleh***, atau ***mengulang*** semula maklumat tertentu amat penting bagi melancarkan komunikasi selain memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dan orang lain.

Maksim Relevan dalam peristiwa ini terdapat dalam dialog MR-B12(13)-Fa-H132-D25/32 : ***Habis, dah aiskrim ni cair, siapa nak makan?*** yang dituturkan oleh Farhana masih mempunyai pertalian dengan pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B12(13)-Fu-H131-D28/37 : ***Eh, tadi kau cakap pantang makan aiskrim?*** Walaupun jawapan Farhana tidak menjurus kepada kehendak soalan tetapi difahami secara tersiratnya bahawa Farhana terpaksa makan aiskrim tersebut. Ayat tanya yang diujarkan oleh Farhana dapat menjawab segala persoalan Fuad tentang sebab Farhana berbuat demikian. Maklumat yang relevan dengan pertanyaan atau permintaan amat penting bagi mewujudkan kerjasama dalam komunikasi selain menggambarkan kesopanan berbahasa.

#### **3.3.2.14 Peristiwa 26 Perbualan Fuad dan Farhana tentang adik-adik Farhana di rumah: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Kuantiti**

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Kuantiti terdapat dalam Jadual 3.28 berikut:

**Jadual 3.28:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Kuantiti

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan+Persetujuan+Kuantiti	Peristiwa 26
MR-B16(19)-Fu-H176-D6/24  MR-B16(19)-Fa-H176-D6/20   MR-B16(19)-Fu-H176-D7/24  MR-B16(19)-Fa-H176-D7/20	Mak sakit pun kau boleh bising lagi? Eh, adik-adik kau di rumah siapa jaga? Tak ada siapa. Mereka dah besar, pandai bawa diri. Lagipun mereka dah biasa macam ni. Mak memang selalu masuk hospital. Aku pula jauh. Cuma, kalau kau lapang, bolehlah kau jenguk mereka di rumah sekejap. Nak tidur di rumah pun tak apa. Tapi, faham-faham sajalah. Empat orang hero, rumah mesti macam kapal karam. Okey, nanti selepas maghrib aku pergi. Err ... Ana, aku ingat nak tidur di sini saja, temankan engkau. Boleh tak? Kalau sudi tidur di kaki lima, apa salahnya. Tapi aku ingat misi mesti marah. Ginilah. Kau tipu sikit. Cakap kepada dia yang sakit tu mak engkau.	Perbualan tentang adik-adik Farhana

Jadual 3.28 memaparkan perbualan dalam peristiwa tentang adik-adik Farhana di rumah yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan. Maksim Kebijaksanaan diperlihatkan melalui cara berhemah untuk mencadangkan sesuatu seperti dalam dialog MR-B16(19)-Fa-H176-D6/20 : *Cuma, kalau kau lapang, bolehlah kau jenguk mereka di rumah sekejap. Nak tidur di rumah pun tak apa*, setelah Fuad bertanya tentang adik-adiknya dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H176-D6/24. Penggunaan kata *kalau* dan *bolehlah* yang dituturkan oleh Farhana mencerminkan kelembutan dan memberikan pilihan kepada Fuad jika Fuad ada masa lapang. Penggunaan kata tersebut memberikan kelonggaran kepada Fuad dan dapat meminimumkan kos pendengar dalam berkomunikasi. Penggunaan kata panggilan keluarga seperti *mak* dan kata ganti nama seperti *aku, kau* dan kata ganti nama peribadi, iaitu *Ana* amat sesuai dan tepat dalam peristiwa ini bagi memanifestasikan kesopanan berbahasa.

Maksim Persetujuan pula terdapat dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H176-D7/24 : *Okey, nanti selepas maghrib aku pergi*, yang dilafazkan oleh Fuad menandakan

persetujuan secara langsung Fuad atas cadangan Farhana dalam dialog MR-B16(19)-Fa-H176-D6/20 untuk menjenguk adik-adiknya. Kata *Okey* yang dituturkan oleh Fuad memberikan gambaran setuju sepenuhnya. Dialog MR-B16(19)-Fa-H176-D7/20 : *Kalau sudi tidur di kaki lima, apa salahnya* juga menandakan persetujuan secara langsung Farhana atas pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H176-D7/24 : *Err ... Ana, aku ingat nak tidur di sini saja, temankan engkau. Boleh tak?* Ayat yang dituturkan oleh Farhana dalam dialog MR-B16(19)-Fa-H176-D7/20 mencerminkan persetujuan asalkan jika Fuad sudi tidur di kaki lima wad. Persetujuan secara langsung dalam komunikasi dapat memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dan orang lain selain mencerminkan kesopanan dalam berkomunikasi.

Maksim Kuantiti dalam peristiwa ini terdapat dalam dialog MR-B16(19)-Fa-H176-D6/20 : *Tak ada siapa. Mereka dah besar, pandai bawa diri* yang diujarkan oleh Farhana bagi menjawab pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H176-D6/24 : *Eh, adik-adik kau di rumah siapa jaga?* Ayat-ayat dalam dialog MR-B16(19)-Fa-H176-D6/20, memanifestasikan maklumat yang mencukupi sekali gus meningkatkan pemahaman Fuad bahawa adik-adik Farhana tidak akan bermasalah walaupun tiada orang yang menjaga mereka. Jawapan tersebut mencukupi untuk memenuhi pertanyaan Fuad dan menjelaskan jalinan kerjasama dalam komunikasi selain memperlihatkan kesopanan.

### **3.3.2.15 Peristiwa 27 Fuad mengejutkan Farhana dari tidur: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Kedermawanan+Relevan**

Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Kedermawanan+Relevan terdapat dalam Jadual 3.29 berikut:

**Jadual 3.29:** Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Kedermawanan+Relevan

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan+ Kedermawanan+Relevan	Peristiwa 27
MR-B16(19)-Fa-H179-D8/20 MR-B16(19)-Fu-H179-D8/24 MR-B16(19)-Fu-H182-D9/24      MR-B16(19)-Fa-H182-D9/20 MR-B16(19)-Fu-H182-D10/24	Fuad. Tidurlah. Biar aku pula yang jaga. Bangunlah Ana. Pergilah basuh muka. Ada perkara penting yang aku nak bincang dengan engkau. Aku rasa, mak engkau ni tentu lena tidurnya. Kita bincang di bawahlah, ya? Kau boleh pesan pada misi supaya jenguk-jengukkan mak. Apa halnya ni, Fuad? Ada hal penting. Apa halnya, mari kita bincang di bawah. Mari.	Fuad mengejutkan Farhana dari tidur

Jadual 3.29 memaparkan perbualan dalam peristiwa Fuad mengejutkan Farhana dari tidur yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Relevan. Maksim Kebijaksanaan diperlihatkan melalui cara yang berhemah untuk mencadang, menyuruh dan meminta. Tindakan mencadang terdapat dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H182-D9/24 : *Kau boleh pesan pada misi supaya jenguk-jengukkan mak*. Fuad memberi cadangan kepada Farhana agar meminta jururawat melihat keadaan ibunya. Kata *boleh* digunakan untuk mencadang kerana mencerminkan kelembutan dan pilihan. Cara berhemah untuk menyuruh pula terdapat dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H179-D8/24 : *Tidurlah* dan dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H182-D9/24 : *Bangunlah Ana. Pergilah basuh muka*. Kata *tidurlah, bangunlah* dan *pergilah* dalam dialog-dialog tersebut menggambarkan kelembutan untuk menyuruh seseorang berbuat sesuatu dan dapat meminimumkan kos pendengar lebih-lebih lagi disertai partikel *lah* yang mencitrakan kelembutan. Situasi ini bertepatan dengan pendapat Tenas Effendi (2011), iaitu menyuruh seseorang hendaklah dilakukan dengan cara senonoh, bersopan santun, berbudi bahasa halus, bukan memaksa dan bukan dengan cara yang kasar (p.36). Dalam peristiwa ini, Maksim Kebijaksanaan juga ditandai penggunaan kata ganti nama seperti *aku, kau* dan kata nama peribadi,

iaitu *Fuad* dan *Ana* yang memmanifestasikan kesopanan dalam konteks hubungan Fuad dan Farhana yang akrab.

Maksim Kedermawanan diperlihatkan dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H179-D8/24 : *Biar aku pula yang jaga*. Dalam dialog ini Fuad memberikan bantuan kepada Farhana untuk menjaga ibu Farhana yang masih berada di wad. Fuad sanggup memaksimumkan kos diri demi memberikan manfaat atau keuntungan kepada orang lain. Sikap dermawan bukan hanya dinilai dengan kesanggupan membelanjakan harta benda tetapi keluhuran budi lebih diutamakan.

Maksim Relevan pula terdapat dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H182-D10/24 : *Ada hal penting. Apa halnya, mari kita bincang di bawah*, yang dituturkan oleh Fuad untuk menjawab soalan Farhana dalam dialog MR-B16(19)-Fa-H182-D9/20 : *Apa halnya ni, Fuad?* Maklumat yang diberikan oleh Fuad masih menepati ciri-ciri yang rapat dengan pertanyaan Farhana walaupun Fuad tidak menyatakan perkara yang penting tersebut secara objektif tetapi secara tersiratnya difahami bahawa memang ada perkara yang memerlukan perbincangan. Pemberian maklumat yang berkaitan amat penting bagi memenuhi Maksim Relevan dalam berkomunikasi selain memaparkan kesopanan.

### **3.3.2.16 Peristiwa 29 Fuad mencungkil latar belakang ibu Farhana: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan**

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan terdapat dalam Jadual 3.30 berikut:

**Jadual 3.30:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan+Persetujuan+Kuantiti+ Relevan	Peristiwa 29
MR-B16(19)-Fu-H184-D17/24 MR-B16(19)-Fa-H184-D15/20	Pernah tak kau tinggal di Kuala Lipis? Setakat yang aku tahu, tak pernah. Tapi, mungkin juga aku tak tahu. Mak tak pernah cerita apa-apa? Ayah? Tak pernah. Yang aku tahu, aku ni anak sulung.	Fuad mencungkil latar kehidupan ibu Farhana
MR-B16(19)-Fu-H185-D18/24 MR-B16(19)-Fa-H185-D16/20	Kau pernah tak cerita fasal aku kepada mak? Ada tak ada, cuma hari tu sajalah. Hari yang kau hantar aku dulu.	
MR-B16(19)-Fu-H185-D19/24 MR-B16(19)-Fa-H185-D17/20	Jadi, mak tahu aku orang Raub? Rasa aku, ya. Tapi tak pasti pula dia ingat atau tidak. Cuma masa kenalkan kau hari tu saja aku bercerita tentang engkau. Selepas itu tak pernah lagi. Mak mungkin tak perasan. Siapa sangka, sebab muka kau Melayu. Manalah dia tahu kau mualaf.	
MR-B16(19)-Fu-H185-D20/24	Takkan mak kau tak pernah langsung menyebut Kuala Lipis, atau Lembah Klau?	
MR-B16(19)-Fa-H185-D18/20	Tak pernah, Fuad. Memang tak pernah. Tapi ... Mungkin betul juga mak ada menyimpan rahsia. Ada pernah sekali, aku masuk ke biliknya tanpa mengetuk pintu. Cepat-cepat dia tutup sebuah kotak kecil, selepas tu terus simpan. Mata dia merah masa tu. Puas aku tanya kenapa mak menangis. Dia cuma menggeleng, katanya tak ada apa-apa.	
MR-B16(19)-Fu-H185-D21/24	Kau tak tanya apa isi kotak tu?	
MR-B16(19)-Fa-H185-D19/20	Mak kata cincin. Cincin yang ayah bagi. Aku pun, bila dia kata macam tu terus buat kesimpulan yang dia teringatkan arwah ayah. Selepas tu aku tak berani tanya apa-apa lagi.	
MR-B16(19)-Fu-H185-D22/24	Pernah tak kau tengok cincin tu? (Farhana menggeleng)	

Jadual 3.30 memaparkan perbualan dalam peristiwa Fuad mencungkil latar kehidupan ibu Farhana yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan. Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui penggunaan kata panggilan yang sesuai seperti *aku*, *kau* dan *Fuad* untuk memanggil seseorang yang rapat. Penggunaan kata panggilan keluarga seperti *mak* dan *ayah* turut digunakan sebagai tanda hormat. Penggunaan kata panggilan yang sesuai dapat memaksimumkan manfaat kepada pendengar.

Maksim Persetujuan pula terdapat dalam dialog MR-B16(19)-Fa-H185-D17/20 : ***Rasa aku, ya***, yang dilafazkan oleh Farhana untuk menjawab soalan Fuad dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H185-D19/24 : ***Jadi, mak tahu aku orang Raub?*** Ayat ***Rasa aku, ya*** menandakan persetujuan secara langsung Farhana bahawa ibunya mengetahui bahawa Fuad orang Raub. Dialog MR-B16(19)-Fa-H185-D18/20 : ***Tak pernah, Fuad. Memang tak pernah***, yang dituturkan oleh Farhana juga menandakan persetujuan Farhana terhadap pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H185-D20/24 yang menanyakan sama ada ibu Farhana pernah menyebut nama Kuala Lipis atau tidak. Persetujuan secara langsung dalam berkomunikasi dapat memmanifestasikan kesopanan berbahasa dan memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dan orang lain.

Maksim Kuantiti pula diperlihatkan dalam dialog MR-B16(19)-Fa-H184-D15/20 : ***Setakat yang aku tahu, tak pernah***. Jawapan yang diberikan oleh Farhana dalam dialog tersebut mencukupi untuk menjawab pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H184-D17/24 yang bertanya adakah Farhana pernah tinggal di Kuala Lipis. Maksim ini juga terdapat dalam dialog MR-B16(19)-Fa-H185-D16/20 : ***Ada tak ada, cuma hari tu sajalah***, iaitu jawapan yang diberikan oleh Farhana untuk menjawab pertanyaan Fuad dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H185-D18/24 : ***Kau pernah tak cerita fasal aku kepada mak?*** Maklumat yang diberikan oleh Farhana bahawa dia ada bercerita tentang Fuad pada hari Fuad menghantarnya ke Kuantan adalah amat mencukupi untuk menjawab pertanyaan Fuad. Pemberian maklumat yang mencukupi dapat mempamerkan kerjasama dalam situasi yang dialami oleh mereka.

Maksim Relevan pula terdapat dalam dialog MR-B16(19)-Fa-H185-D19/20 : ***Mak kata cincin. Cincin yang ayah bagi*** juga merupakan sumbangan maklumat yang

relevan diberikan oleh Farhana untuk menjawab pertanyaan Fuad berhubung dengan isi kotak seperti dalam dialog MR-B16(19)-Fu-H185-D21/24 : *Kau tak tanya apa isi kotak tu?* Maklumat yang diberikan oleh Farhana secara tersiratnya difahami bahawa Farhana ada bertanyakan hal tersebut kepada ibunya sehingga mendapatkan maklumat tentang cincin tersebut. Jawapan Farhana yang berkaitan dengan maklumat tentang cincin masih lagi relevan dengan pertanyaan Fuad. Sumbangan maklumat yang relevan dan mempunyai pertalian yang rapat untuk menjawab pertanyaan atau permintaan seseorang memberikan makna yang berkesan. Perkara ini dapat mewujudkan kerjasama dalam berkomunikasi selain memaparkan kesopanan berbahasa. Kerjasama dalam berkomunikasi memperlihatkan adab dan sopan yang amat disanjung tinggi dan dihargai masyarakat.

### 3.3.2.17 Peristiwa 33 Fuad berpesan kepada Farhana sebelum ke Mekah: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Persetujuan

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan terdapat dalam Jadual 3.31 berikut:

**Jadual 3.31:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa	Kebijaksanaan+Persetujuan	Peristiwa 33
	Buku/Bab	
MR-B19(4)-Fu-H208-D1/1	Ana. Kalau rajin, tolong-tolonglah masukkan kain baju ab ... Aku ke dalam beg, taklah kelam-kabut sangat bila balik nanti.	Fuad berpesan kepada Farhana
MR-B19(4)-Fa-H208-D1/1	Nanti kau balik, beg engkau dah siap tiga buah depan pagar.	

Jadual 3.31 memaparkan perbualan dalam peristiwa Fuad berpesan kepada Farhana yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan. Maksim Kebijaksanaan diperlihatkan melalui penggunaan kata panggilan yang tepat seperti *aku*, *kau/engkau* dan *Ana*. Pemilihan kata tersebut sesuai dan tepat dalam konteks perhubungan mereka yang merupakan adik-beradik. Kebijaksanaan juga



menyerlah melalui cara meminta bantuan seperti dalam dialog MR-B19(4)-Fu-H208-D1/1 : *Kalau rajin, tolong-tolonglah* masukkan kain baju ab ... Aku ke dalam beg, taklah kelam-kabut sangat bila balik nanti, yang dituturkan oleh Fuad. Fuad meminta bantuan Farhana untuk mengemaskan pakaiannya supaya dia tidak kelam-kabut nanti. Penggunaan kata *kalau* dan *tolong-tolonglah* mencerminkan kelembutan dalam meminta bantuan walaupun antara adik dan abang. Usaha ini dapat memberikan manfaat kepada pendengar di samping mencerminkan kesopanan berbahasa.

Maksim Persetujuan pula ditandai persetujuan secara tidak langsung dalam dialog MR-B19(4)-Fa-H208-D1/1 : *Nanti kau balik, beg engkau dah siap tiga buah depan pagar* yang dilafazkan oleh Farhana bagi menjawab permintaan Fuad dalam dialog MR-B19(4)-Fu-H208-D1/1. Jawapan Farhana secara tidak langsung menggambarkan persetujuannya untuk membantu Fuad walaupun disampaikan dalam nada yang bergurau. Persetujuan secara tidak langsung dapat meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain selain memerihalkan kesopanan dalam berkomunikasi.

Ringkasnya, analisis terhadap 17 peristiwa yang mematuhi Pola 2, 5 PS + 3 PK dalam MPKMU memperlihatkan penggunaan Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan, Kuantiti, Kualiti dan Relevan oleh watak yang terlibat amat bersesuaian dengan konteks peristiwa - peristiwa ini. Penggunaan pola-pola kombinasi maksim Pola 2 dalam berkomunikasi dapat memberi gambaran tentang kesopanan berbahasa dalam korpus kajian.

### 3.3.3 Pengklasifikasian Pola 3: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Kuantiti + Kualiti (4 PS + 2 PK)

Pengklasifikasian Pola 3, iaitu pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Kuantiti + Kualiti dalam analisis ditandai oleh kata kunci yang tertentu. Maksim Kebijaksanaan merujuk pada cara yang berhemah dan sopan untuk mendekati dan berkomunikasi dengan orang lain bagi mewujudkan keselesaan dan kemesraan. Perlakuan bijaksana ini ditandai dengan penggunaan bentuk panggilan, kata ganti nama dan bijaksana dalam berurusan dengan orang lain. Kebijaksanaan juga ditandai penggunaan kata yang sesuai untuk menasihati dan menyuruh. Maksim Sokongan ditandai kata-kata pujian kepada seseorang. Maksim Kerendahan Hati pula ditandai ungkapan mengkritik diri sendiri atau mengakui kelemahan diri sendiri. Terdapat satu peristiwa bahasa yang mematuhi prinsip ekonomis MPKMU dan diklasifikasikan dalam Pola 3. Kesemua dialog ini dianalisis berdasarkan peristiwa dan pola kombinasi maksim dalam Jadual 3.32 yang berikut:

**Jadual 3.32:** Pengklasifikasian Pola 3, 4 PS + 2 PK

Bil	Peristiwa bahasa	Pola 3, 4 PS + 2 PK	Dialog
1	5	Kebijaksanaan+Sokongan+Kerendahan Hati	4
<b>Jumlah</b>			<b>4</b>

Berdasarkan Jadual 3.32, terdapat satu peristiwa bahasa dengan jumlah empat dialog yang akan dianalisis dan memenuhi cakupan Pola 3 ini. Peristiwa 5 ini diwakili empat dialog. Perbincangan analisis bagi peristiwa ini adalah seperti berikut.

### 3.3.3.1 Peristiwa 5 Perbincangan tentang Persediaan Memulakan Tugas: Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati terdapat dalam Jadual 3.33 berikut:

**Jadual 3.33:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan+Sokongan+ Kerendahan Hati	Peristiwa 5
MR-B4(11)-Fu-H40-D8/9 MR-B4(11)-Fa-H40-D10/11 MR-B4(11)-Fu-H41-D9/9 MR-B4(11)-Fa-H41-D11/11	Oh ya! Kalau ada buku yang saya nak pakai, di mana agaknya boleh saya dapatkan buku-buku itu? Oh ... Senang saja! Cari di meja saya. Fuad nampak tak meja yang berpembalut merah dan yang paling semak tu? Ha ... meja sayalah tu! Nak apa-apa, cari sajalah. Insya-Allah, semua ada. Apalagi ya? Rasanya tak ada dah. Buat masa ni tak ada. Esok lusa mungkin banyak lagi. Tak apa. Perlahan-lahanlah. Saya yakin dengan kemampuan Fuad dan sebenarnya ... Panitia Bahasa Inggeris sangat mengharapkan idea baharu daripada Fuad.	Perbincangan tentang persediaan memulakan tugas

Jadual 3.33 memaparkan perbualan dalam peristiwa perbincangan tentang persediaan memulakan tugas yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati. Pemilihan kata yang sesuai dan bijaksana untuk memberi nasihat amat signifikan dalam peristiwa ini dan ditandai dengan ayat ***Perlahan-lahan***. Sebenarnya, Farhana memberikan nasihat agar Fuad bersabar dalam usaha menyesuaikan diri dengan tugas di sekolah dan terdapat dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H41-D11/11 : *Tak apa. Perlahan-lahanlah*. Nasihat ini dilunakkan dengan penggunaan partikel ***lah*** supaya lebih lembut dan dapat diterima pendengar di samping memaksimumkan manfaat kepada pendengar. Maksim ini juga ditandai cara yang berhemah untuk meminta bantuan pada masa depan dalam dialog MR-B4(11)-Fu-H41-D9/9 : *Buat masa ni tak ada. Esok lusa mungkin banyak lagi*. Fuad menyatakan secara berlapik bahawa dia akan meminta bantuan lagi pada masa depan

kepada Farhana dalam ayat *Esok lusa mungkin banyak lagi*. Cara yang berhemah ini dapat memberi keselesaan kepada pendengar selain memberikan manfaat.

Pemilihan kata yang tepat untuk menyuruh seseorang dalam sesuatu perbualan amat penting agar dapat diterima dan memberikan manfaat kepada pendengar. Bijaksana menyuruh dalam peristiwa ini ditandai dengan kosa kata *cari* dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H40-D10/11 : *Oh ... Senang saja! Cari di meja saya. Fuad nampak tak meja yang berpembalut merah dan yang paling semak tu? Ha ... meja sayalah tu! Nak apa-apa, cari sajalah. Insya-Allah, semua ada.* Penggunaan kata kerja *cari* dan *ungkapan cari sajalah* oleh Farhana memberi kebebasan kepada Fuad untuk mencari bahan yang diperlukan oleh Fuad di atas mejanya. Arahan yang diberikan oleh Farhana menampakkan kelembutan apabila disertai partikel *lah*, sekali gus memberikan manfaat kepada Fuad agar mendapatkan bahan yang diperlukan sebelum memulakan tugas. Tindakan Farhana ini bukan sahaja meminimumkan kos pendengar malahan memancarkan kesopanan berbahasa.

Peristiwa ini juga menunjukkan penggunaan kata ganti nama diri *saya* dalam dialog MR-B4(11)-Fu-H40-D8/9 : *Oh ya! Kalau ada buku yang saya nak pakai, di mana agaknya boleh saya dapatkan buku- buku itu?* Kata ganti nama peribadi pula digunakan oleh Farhana untuk memanggil rakannya Fuad dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H40-D10/11 : *Fuad nampak tak meja yang berpembalut merah dan yang paling semak tu? Ha ... meja sayalah tu! Nak apa-apa, cari sajalah. Insya-Allah, semua ada. Apalagi ya? Rasanya tak ada dah. Ada apa- apa lagi yang Fuad nak tanya?* Penggunaan kata ganti nama diri *saya* dan nama peribadi, iaitu *Fuad* merupakan pemilihan kata yang tepat, halus dan sopan. Tindakan ini dapat mewujudkan kemesraan semasa berkomunikasi selain memancarkan kehalusan berbahasa.

Maksim Sokongan dalam peristiwa ini pula ditandai dengan perbuatan memuji orang lain. Farhana memuji Fuad dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H41-D11/11 : *Saya yakin dengan kemampuan Fuad dan sebenarnya ...* . Ungkapan *Saya yakin dengan kemampuan Fuad* membawa pengertian bahawa Fuad berkebolehan dan pujian ini adalah sebagai tanda sokongan dan penghargaan Farhana sebagai Ketua Panitia akan kehadiran Fuad di sekolah itu. Pujian bukan sahaja dapat menyenangkan hati pendengar malah memaksimumkan pujian terhadap orang lain sudah menjadi lumrah. Pujian amat disenangi oleh semua individu dan tidak ada seorang individu pun yang suka dikeji.

Maksim Kerendahan Hati dalam peristiwa ini dapat dikenal pasti melalui ungkapan negatif, iaitu *paling semak* dalam dialog MR-B4(11)-Fa-H40-D10/11 : *Fuad nampak tak meja yang berpembalut merah dan yang paling semak tu? Ha ... meja sayalah tu!* Farhana menunjukkan sikap rendah diri dengan mengakui kelemahan dirinya sendiri. Situasi ini menggambarkan meja Farhana paling tidak teratur, namun Farhana sanggup mengakuinya. Sikap ini dapat melahirkan penilaian yang positif daripada pendengar kerana berhubung rapat dengan kejujuran. Dalam peristiwa ini penutur mempunyai kesanggupan untuk memaksimumkan cacian terhadap dirinya sendiri selain memberi gambaran kesopanan berbahasa menurut Leech (1983).

Ringkasnya, analisis terhadap peristiwa 5 yang mematuhi Pola 3, 4 PS + 2 PK dalam MPKMU memperlihatkan penggunaan Maksim Kebijaksanaan, Sokongan dan Kerendahan Hati oleh watak yang terlibat dan amat relevan dengan konteks peristiwa ini. Penggunaan pola kombinasi maksim Pola 3 dalam berkomunikasi dapat memberikan gambaran tentang kesopanan berbahasa dalam korpus kajian.

### 3.3.4 Pengklasifikasian Pola 4: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kuantiti (3 PS + 1 PK)

Pengklasifikasian Pola 4, iaitu pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kuantiti dalam analisis ditandai oleh kata kunci yang tertentu. Maksim Kebijaksanaan merujuk pada cara yang berhemah dan sopan untuk mendekati dan berkomunikasi dengan orang lain bagi mewujudkan keselesaan dan kemesraan. Perlakuan bijaksana ini ditandai dengan penggunaan bentuk panggilan, kata ganti nama dan bijaksana dalam berurusan dengan orang lain. Kebijaksanaan juga ditandai penggunaan kata yang sesuai untuk menasihati. Maksim Sokongan ditandai kata-kata pujian kepada seseorang. Maksim Kedermawanan ditandai sikap dermawan dalam membantu orang lain manakala Maksim Sokongan ditandai kata penghargaan terhadap seseorang. Terdapat satu peristiwa bahasa yang mematuhi prinsip ekonomis MPKMU dan diklasifikasikan dalam Pola 4. Kesemua dialog ini dianalisis berdasarkan peristiwa dan pola kombinasi maksim dalam Jadual 3.34 yang berikut:

**Jadual 3.34:** Pengklasifikasian Pola 4, 3 PS + 1 PK

Bil	Peristiwa bahasa	Pola 4, 3 PS + 1 PK	Dialog
1	24	Kebijaksanaan+Kedermawanan+Sokongan	4
<b>Jumlah</b>			4

Berdasarkan Jadual 3.34, terdapat satu peristiwa bahasa dengan jumlah empat dialog yang akan dianalisis dan memenuhi cakupan Pola 4 ini. Peristiwa 24 ini diwakili empat dialog. Perbincangan analisis bagi peristiwa ini adalah seperti berikut.

### 3.3.4.1 Peristiwa 24 Farhana balik ke Kuantan tanpa memberitahu Fuad: Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan

Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan terdapat dalam Jadual 3.35 berikut:

**Jadual 3.35:** Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan+Kedermawanan+Sokongan	Peristiwa 24
MR-B15(11)-Fu-H173-D2/3	Ana! Lain kali kalau ada masalah, jangan selesaikan sendiri kalau rasa ada orang yang boleh tolong. Kau rela bersusah payah naik bas daripada minta tolong daripada kawan kau ni.	Farhana balik ke Kuantan tanpa memberitahu Fuad
MR-B15(11)-Fa-H173-D1/2 MR-B15(11)-Fu-H173-D3/3	Aku tak mahu susahkan kau. Sebaliknya Ana, dengan cara ini kau lebih susahkan aku. Kau tahu berapa laju aku bawa kereta tadi? Seratus empat puluh. Bergegar kiri kanan. Sekurang-kurangnya kalau kau ada di sebelah, taklah aku fikirkan nyawa aku seorang saja. Lain kali jangan buat macam ni lagi, okey?	
MR-B15(11)-Fa-H173-D2/2	Terima kasih, Fuad.	

Jadual 3.35 memaparkan perbualan dalam peristiwa Farhana balik ke Kuantan tanpa memberitahu Fuad yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan. Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui kebijaksanaan dalam menasihati seperti dalam dialog MR-B15(11)-Fu-H173-D2/3 : *Ana! Lain kali kalau ada masalah, jangan selesaikan sendiri kalau rasa ada orang yang boleh tolong.* Fuad menasihati Farhana agar tidak menyelesaikan masalah bersendirian selagi ada orang yang dapat membantu berdasarkan ungkapan *kalau ada masalah, jangan selesaikan sendiri.* Ungkapan-ungkapan yang digunakan oleh Fuad ini bercirikan kelembutan apabila disertai kata *kalau* yang memberikan pilihan agar pendengar berasa selesa. Dialog MR-B15(11)-Fu-H173-D3/3 : *Lain kali jangan buat macam ni lagi, okey?*, juga merupakan nasihat Fuad kepada Farhana agar tidak mengulangi tindakan tersebut kerana tindakan Farhana telah menyebabkan Fuad berasa susah hati. Nasihat tersebut disampaikan dengan menggunakan ayat

tanya agar Farhana boleh membuat penilaian dan pilihan atas nasihat tersebut. Penggunaan kata ganti nama yang tepat dan sesuai juga terdapat dalam perbualan ini seperti *aku, kau, Ana* dan *Fuad* yang mencerminkan kesopanan bagi dua orang rakan yang akrab. Kebijaksanaan dalam menasihati dan memilih kata panggilan yang sesuai dapat memaksimumkan manfaat kepada pendengar bagi mencerminkan kesopanan berbahasa.

Maksim Kedermawanan pula terdapat dalam dialog MR-B15(11)-Fa-H173-D1/2 : *Aku tak mahu susahkan kau*. Ayat yang dituturkan oleh Farhana dalam dialog ini bermaksud dia menolak bantuan yang dinyatakan oleh Fuad kerana tidak mahu membebankan Fuad dengan masalahnya. Tindakan Farhana ini bukan sahaja mencerminkan kesopanan malahan sanggup meminimumkan keuntungan diri sendiri.

Maksim Sokongan ditandai ucapan *terima kasih* dalam dialog MR-B15(11)-Fa-H173-D2/2 : *Terima kasih, Fuad*. Farhana mengucapkan terima kasih sebagai tanda menghargai kebaikan hati Fuad yang hendak membantunya jika ada masalah. Penghargaan memmanifestasikan pujian yang dapat menyenangkan hati pendengar dalam berkomunikasi. Ucapan terima kasih turut menzahirkan sikap mengenang budi orang yang telah berjasa kepada kita agar tidak dilabelkan sebagaimana peribahasa *bagai kacang lupakan kulit*.

Ringkasnya, peristiwa 24 mematuhi Pola 4, 3 PS + 1 PK dalam MPKMU. Penggunaan Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan dan Sokongan oleh watak yang terlibat amat relevan dengan konteks peristiwa ini. Penggunaan pola kombinasi maksim Pola 4 dalam berkomunikasi dapat memberi gambaran tentang kesopanan berbahasa dalam korpus kajian.



### 3.3.5 Pengklasifikasian Pola 5: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan (2 PS)

Pengklasifikasian Pola 5, iaitu pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan dalam analisis ditandai oleh kata kunci yang tertentu. Maksim Kebijaksanaan merujuk pada cara yang berhemah dan sopan untuk mendekati dan berkomunikasi dengan orang lain bagi mewujudkan keselesaan dan kemesraan. Perlakuan bijaksana ini ditandai dengan penggunaan bentuk panggilan, kata ganti nama dan bijaksana dalam berurusan dengan orang lain. Maksim Kedermawanan pula ditandai sikap dermawan dalam membantu orang lain. Terdapat dua peristiwa bahasa yang mematuhi prinsip tepat MPKMU dan diklasifikasikan dalam Pola 5. Kesemua dialog ini dianalisis berdasarkan peristiwa dan pola kombinasi maksim dalam Jadual 3.36 yang berikut:

**Jadual 3.36:** Pengklasifikasian Pola 5, 2 PS

<b>Bil</b>	<b>Peristiwa bahasa</b>	<b>Pola 5, 2 PS</b>	<b>Dialog</b>
1	6	Kebijaksanaan + Kedermawanan	5
2	13	Kebijaksanaan + Kedermawanan	2
<b>Jumlah</b>			<b>7</b>

Berdasarkan Jadual 3.36, terdapat dua peristiwa dengan jumlah tujuh dialog yang akan dianalisis dan memenuhi cakupan Pola 5 ini. Peristiwa 6 ini diwakili lima dialog dan peristiwa 13 diwakili dua dialog. Perbincangan analisis bagi setiap peristiwa ini adalah seperti berikut.

#### 3.3.5.1 Peristiwa 6: Fuad hendak Membeli Buku Rujukan: Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan ini terdapat dalam Jadual 3.37 berikut:

**Jadual 3.37:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa	Kebijaksanaan+Kedermawanan	Peristiwa 6
Buku/Bab		
MR-B5(10)-Fu-H44-D1/11	Saya pinjam tadi, masa Ana tak ada . Ambil nama penerbit.	Fuad hendak membeli buku rujukan
MR-B5(10)-Fa-H44-D1/11	Ambil nama penerbit? Nak buat apa?	
MR-B5(10)-Fu-H44-D2/11	Ingat nak cari buku tu di kedai.	
MR-B5(10)-Fa-H44-D2/11	Tak payah susah-susah beli, Fuad. Pakai sajalah buku saya tu.	
MR-B5(10)-Fu-H45-D3/11	Susah juga kalau kita sama-sama nak pakai serentak. Biarlah saya beli, senang saya nak buat ulang kaji di rumah.	

Jadual 3.37 memaparkan perbualan dalam peristiwa Fuad hendak membeli buku rujukan yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan. Maksim Kebijaksanaan dikenal pasti melalui pemilihan kata yang tepat untuk mencadangkan sesuatu. Fuad bercadang hendak membeli buku rujukan di kedai dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H44-D2/11 : *Ingat nak cari buku tu di kedai.* Penggunaan kata *ingat* menandakan cadangan Fuad untuk mencari buku rujukan tersebut di kedai dan lebih lembut bunyinya agar pendengar, iaitu Farhana tidak terasa hati. Kebijaksanaan penutur dalam peristiwa ini turut menyerlah dengan penggunaan kata ganti nama diri *saya* untuk diri sendiri dan kata ganti nama peribadi seperti *Ana* dan *Fuad*. Kedua-dua kata ganti nama ini memperlihatkan kelembutan dan kehalusan bahasa yang sekali gus memaksimumkan manfaat kepada pendengar. Indirawati Zahid (2010) mengatakan bahawa dalam budaya Melayu, menyapa atau memanggil seseorang dengan kata sapaan yang sesuai melambangkan rasa hormat kepada individu yang disapa (p.14). Pandangan ini memanasifestasikan kepentingan untuk memilih kata sapaan yang betul bagi menyapa seseorang dalam sesuatu peristiwa bahasa.

Peristiwa ini juga mematuhi Maksim Kedermawanan apabila Farhana menawarkan bantuan kepada Fuad dalam dialog MR-B5(10)-Fa-H44-D2/11 : *Tak*

*payah susah-susah beli, Fuad. Pakai sajalah buku saya tu.* Farhana menawarkan bantuan buku kepada Fuad dalam ayat *Pakai sajalah buku saya tu.* Tawaran ini mencitrakan sikap dermawannya yang sanggup memaksimumkan kos dirinya. Walau bagaimanapun, sikap dermawan bukan sahaja diperlihatkan dengan menawarkan bantuan tetapi turut ditandai sikap menolak bantuan. Fuad dalam dialog MR-B5(10)-Fu-H45-D3/11 : *Susah juga kalau kita sama-sama nak pakai serentak. Biarlah saya beli, senang saya nak buat ulang kaji di rumah,* menolak tawaran Farhana. Ungkapan *Biarlah saya beli* dalam dialog ini menandakan penolakan Fuad terhadap tawaran Farhana. Penolakan terhadap tawaran tersebut dibuat dengan cara yang baik, ada alasannya, dan dilunakkan dengan partikel *lah*. Tindakan Fuad ini bertepatan dengan sikap orang Melayu yang seboleh mungkin tidak mahu menyusahkan orang lain walaupun terpaksa meminimumkan keuntungan untuk diri sendiri selain cakap berlapik agar tidak menggores perasaan lawan tutur.

### 3.3.5.2 Peristiwa 13 Perbualan ketika Sampai di Rumah Farhana: Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan ini terdapat dalam Jadual 3.38 berikut:

**Jadual 3.38:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan

<b>Pola kombinasi maksim/ Peristiwa</b>	<b>Kebijaksanaan+Kedermawanan</b>	<b>Peristiwa 13</b>
<b>Buku/Bab</b>		
MR-B7(14)-Fa-H79-D17/18	Singah dulu Fuad. Minum, rehat-rehat sikit. Selepas asar baru bertolak pula, ya? (Fuad tersenyum)	Perbualan ketika sampai di rumah Farhana
MR-B7(14)-Fa-H79-D18/18	Mari Fuad, kita masuk ke dalam. Minum Fuad.	

Jadual 3.38 memaparkan perbualan dalam peristiwa ketika sampai di rumah Farhana yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan. Maksim Kebijaksanaan ditandai dengan pemilihan kata yang sesuai untuk

menjemput seseorang seperti dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H79-D18/18 : ***Mari Fuad, kita masuk ke dalam. Minum Fuad,*** yang dituturkan oleh Farhana. Penggunaan kata ***mari*** dan ***minum*** dalam dialog tersebut mencerminkan kelembutan agar orang yang mendengar berasa selesa. Jemputan masuk ke rumah dan jemputan minum kepada tetamu melambangkan budi bahasa yang perlu ada dalam diri seseorang. Tambahan pula, Fuad ialah tetamu yang harus dihormati kerana telah berbudi kepada Farhana.

Peristiwa ini juga memperlihatkan penggunaan kata ganti nama peribadi untuk memanggil seseorang, iaitu Farhana memanggil ***Fuad*** dengan nama peribadi bagi mencerminkan kehalusan dan kesopanan berbahasa. Penggunaan kata ganti nama ***kita*** dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H79-D18/18, memanasikan kebersamaan atau kekitaan supaya pendengar berasa senang dan tidak terasing. Kebijaksanaan dalam menjemput dan memanggil seseorang dapat memaksimumkan manfaat kepada pendengar dalam peristiwa bahasa selain mencirikan kesopanan.

Maksim Kedermawanan dalam peristiwa ini dikenal pasti berdasarkan sikap murah hati untuk mempelawa seseorang khususnya tetamu. Farhana mempelawa Fuad singgah dan berehat di rumahnya dalam dialog MR-B7(14)-Fa-H79-D17/18 : ***Singgah dulu Fuad. Minum, rehat-rehat sikit.*** Ayat yang dilafazkan oleh Farhana memperlihatkan sikap dermawan dan adabnya menerima tetamu, iaitu Fuad yang telah memberikan bantuan kepadanya. Pelawaan untuk singgah, berehat dan minum di rumahnya memanasikan kesanggupan penutur memaksimumkan kos dirinya bagi menggambarkan kesopanan.

Ringkasnya, peristiwa 6 dan 13 ini mematuhi Pola 5, 2 PS dalam MPKMU. Penggunaan Maksim Kebijaksanaan dan Kedermawanan oleh watak yang terlibat amat bersesuaian dengan konteks kedua-dua peristiwa ini. Penggunaan pola-pola

kombinasi maksim Pola 5 dalam berkomunikasi dapat memberi gambaran tentang kesopanan berbahasa dalam korpus kajian.

### 3.3.6 Pengklasifikasian Pola 6: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan (1 PS)

Pengklasifikasian Pola 6, iaitu pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan dalam analisis ditandai oleh kata kunci yang tertentu. Maksim Kebijaksanaan merujuk pada cara yang berhemah dan sopan untuk mendekati dan berkomunikasi dengan orang lain bagi mewujudkan keselesaan dan kemesraan. Perlakuan bijaksana ini ditandai dengan penggunaan bentuk panggilan, kata ganti nama dan bijaksana dalam berurusan dengan orang lain selain menasihati dengan berhemah. Terdapat satu peristiwa bahasa yang mematuhi prinsip tepat MPKMU dan diklasifikasikan dalam Pola 6. Kesemua dialog ini dianalisis berdasarkan peristiwa dan pola kombinasi maksim dalam Jadual 3.39 yang berikut:

**Jadual 3.39:** Pengklasifikasian Pola 6, 1 PS

Bil	Peristiwa bahasa	Pola 6, 1PS	Dialog
1	23	Kebijaksanaan	1
<b>Jumlah</b>			<b>1</b>

Berdasarkan Jadual 3.39, terdapat satu peristiwa bahasa dengan jumlah satu dialog yang akan dianalisis dan memenuhi cakupan Pola 6 ini. Peristiwa 23 ini diwakili satu dialog. Perbincangan analisis bagi peristiwa ini adalah seperti berikut:

#### 3.3.6.1 Peristiwa 23: Farhana bertengkar dengan Cikgu Zamani: Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan ini terdapat dalam Jadual 3.40 berikut:

**Jadual 3.40:** Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan

Pola kombinasi maksim/ Peristiwa Buku/Bab	Kebijaksanaan	Peristiwa 23
MR-B15(11)-Fu-H166-D1/3	Sudah, Ana! Cukuplah tu, mari pergi minum. Farhana (menuruti lalu menangis di kantin)	Farhana bertengkar dengan Cikgu Zamani

Jadual 3.40 memaparkan perbualan dalam peristiwa Fuad menasihati Farhana bertengkar dengan Cikgu Zamani yang mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan. Maksim Kebijaksanaan ditandai cara berhemah untuk menasihati seperti dalam dialog MR-B15(11)-Fu-H168-D1/3 : *Sudah, Ana! Cukuplah tu, mari pergi minum*, yang dituturkan oleh Fuad untuk menasihati Farhana yang sedang bertengkar dengan Cikgu Zamani. Ungkapan *Sudah, Ana! Cukuplah tu*, mencerminkan kebijaksanaan Fuad untuk menghentikan pertengkaran tersebut dan diselitkan dengan partikel *lah* agar lebih lembut walaupun nadanya tegas, namun masih sesuai kerana konteks peristiwa ini berlaku sewaktu Farhana sedang bertikam lidah dengan Cikgu Zamani. Penggunaan kata ganti nama peribadi, iaitu *Ana* juga sesuai dalam perbualan ini dan dapat memaksimumkan manfaat kepada pendengar selain mengekspresikan bahasa yang sopan.

Ringkasnya, peristiwa 23 ini mematuhi Pola 6, 1 PS dalam MPKMU. Penggunaan Maksim Kebijaksanaan oleh watak yang terlibat bersesuaian dengan konteks peristiwa ini. Walaupun dapatan memperlihatkan penggunaan hanya satu maksim dalam PS Leech (1983) dalam berkomunikasi namun dapat memberikan gambaran tentang kesopanan berbahasa dalam korpus kajian.

### 3.4 Rumusan

Berdasarkan perbincangan, didapati pola-pola kombinasi maksim yang terbentuk berdasarkan pengklasifikasian dan analisis terhadap 33 peristiwa bahasa yang

berjumlah 221 dialog, iaitu dialog yang diujarkan oleh watak Fuad sebagai watak utama dan watak Farhana sebagai watak sampingan dapat mematuhi keenam-enam pola dalam MPKMU. Ternyata MPKMU, hasil kombinasi model kesopanan Leech (1983) dan model kerjasama Grice (1975) amat relevan dan signifikan bagi menggambarkan aspek kesopanan berbahasa secara menyeluruh dalam korpus kajian. Berdasarkan analisis, pola kombinasi maksim yang tertinggi ialah **Pola 2, 5 PS + 3 PK** sebanyak 52.02 peratus manakala pola kombinasi maksim yang terendah ialah **Pola 6, 1 PS** sebanyak 0.46 peratus.

Selain itu, analisis juga menunjukkan bahawa maksim-maksim dalam PS Leech tidak berdiri sendiri dalam memperlihatkan kesopanan berbahasa sebaliknya memerlukan kombinasi maksim PK Grice dalam sesuatu peristiwa bahasa. Penggunaan maksim-maksim Leech memberikan penekanan terhadap cara berbahasa yang sopan serta berhemah, memaksimumkan manfaat dan keselesaan kepada lawan bicara agar tidak ada pihak yang menanggung beban atau tersinggung. Sementara kehadiran maksim-maksim Grice, iaitu Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara dalam peristiwa bahasa tertentu memmanifestasikan kewujudan kerjasama berdasarkan maklumat yang mencukupi, sahih, mempunyai pertalian dan mudah difahami selain mengutamakan kejelasan. Maksim Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara PK Grice (1975) wujud dalam kasus-kasus tertentu untuk melengkapi maksim-maksim Leech sebagaimana yang dipaparkan dalam analisis. Impaknya, peristiwa-peristiwa bahasa dapat diklasifikasikan dalam Pola 1, Pola 2, Pola 3, Pola 4, Pola 5 dan Pola 6 MPKMU. Pembentukan pola-pola ini memberikan gambaran bahawa sesuatu peristiwa bahasa memerlukan kombinasi maksim bagi mencerminkan kesopanan secara menyeluruh. Lanjutan daripada itu, perbualan dalam setiap peristiwa bukan sahaja memmanifestasikan kesopanan berbahasa yang signifikan malahan

mencerminkan kerjasama agar komunikasi lebih bermakna, teratur, efektif dan informatif.

Maksim Kebijaksanaan didapati signifikan wujud dalam semua pola kombinasi maksim yang terbentuk dalam peristiwa bahasa. Penggunaan Maksim Kebijaksanaan memberikan gambaran bahawa aspek kesopanan berhubung rapat dengan kearifan seseorang dalam berkomunikasi dan setiap komunikasi perlu dimulakan dengan cara yang berhemah. Tenas Effendy (2010) mengungkapkan tunjuk ajar dalam budaya Melayu yang berbunyi “Apa tanda orang yang bijak, berfikir dahulu sebelum bertindak, Apa tanda orang beradab, berfikir dahulu sebelum bercakap” (p.24). Ungkapan ini membawa pengertian yang mendalam bahawa budaya Melayu bukan sahaja memberikan penegasan agar berfikir sebelum melakukan sesuatu pekerjaan malahan kita diseru agar berfikir terlebih dahulu sebelum mengujarkan kata-kata.

Maksim ini disampaikan dengan menggunakan bahasa yang berlapik dan penutur sentiasa menghaluskan kata-kata dan ungkapan-ungkapan yang berfungsi untuk menjaga emosi pendengar dalam berkomunikasi. Penutur dan pendengar menggunakan kata panggilan dan sapaan yang sesuai dalam berkomunikasi. Penggunaan kata panggilan mencakupi kata ganti nama diri pertama seperti *saya*, kata ganti nama diri kedua seperti *awak* dan *kata nama peribadi*. Nor Hashimah Jalaludin (1992) menyatakan bahawa penggunaan kata ganti nama *saya* tergolong dalam bahasa halus sementara Asmah Omar (1993) mengatakan bahawa kata ganti nama *saya*, *kami* dan *kita* merupakan kata ganti nama pertama yang paling biasa dan diterima oleh semua golongan selain memperlihatkan aspek santun atau sopan. Perkara ini memmanifestasikan bahawa penggunaan kata ganti nama yang sesuai dan tepat perlu dititikberatkan dalam komunikasi. Menurut Teo Kok Seong (2003), penguasaan dan pengetahuan yang baik tentang sistem ganti nama bahasa Melayu



bukan sahaja melambangkan seseorang itu berbudi dan berhemah tetapi menguasai pengendalian pelbagai kategori sosial dalam struktur masyarakat Melayu. Penggunaan kata nama peribadi pula berhubung rapat dengan ciri sosiobudaya Melayu.

Kata panggilan hormat seperti *cikgu* turut menjadi penanda bagi Maksim Kebijaksanaan sebagai tanda hormat. Kedua-dua watak menyapa rakan sekerja pada peringkat awalnya dengan gelaran hormat, iaitu *cikgu*. Panggilan ini juga digunakan untuk memanggil *Cikgu Abas* dan *Cikgu Zamani* sebagai tanda menghormati kerjaya mereka dan sumbangnya kepada masyarakat. Leech dan Short (1981) ada menyatakan bahawa kesopanan ditandai oleh sapaan hormat, meminta maaf, penggunaan bahasa halus atau sirkumlokusi dan kiasan (p.312). Pandangan ini memberikan gambaran bahawa sapaan hormat dan penanda kesopanan yang lain amat penting kerana menjadi hasrat kepada pendengar agar kemesraan wujud dalam berkomunikasi.

Selain itu, analisis juga memperlihatkan penggunaan kata ganti nama *aku* dan *kau*. Penggunaan *aku* dan *kau* yang merupakan kependekan bagi *engkau* atau padanan lain, iaitu *kamu* biasanya dianggap sebagai bentuk kasar. Walau bagaimanapun, bentuk-bentuk kata ganti nama ini boleh digunakan secara sopan semasa bercakap atau berinteraksi antara dua orang sahabat yang sebaya atau sama umur dan akrab antara satu sama lain (Za'ba 1950, p.53, Amat Juhari Moain 1985, p.20, Teo Kok Seong 2003, p.15 & Indirawati Zahid 2010, p.12). Keempat-empat sarjana ini mempunyai pandangan yang sejalur tentang penggunaan kata ganti nama *aku* dan *kau* yang dianggap kasar tetapi sopan jika digunakan oleh mereka yang sebaya dan mempunyai hubungan yang rapat. Penggunaan kata ganti nama *aku* dan *kau* oleh watak Fuad dan Farhana berlaku setelah tempoh tertentu perkenalan mereka, iaitu

setelah hubungan antara mereka menjadi akrab. Dalam konteks kajian ini, penggunaannya amat relevan dan sesuai selain mencitrakan kebijaksanaan seseorang dalam berkomunikasi.

Dialog kedua-dua watak juga memperlihatkan penggunaan kata panggilan keluarga seperti *mak/emak* dan *ayah* bagi memanifestasikan kesopanan dalam berkomunikasi. Penggunaan kata panggilan ini mencitrakan sikap hormat dan kasih sayang kepada orang tua yang berjasa dalam kehidupan anak-anak. Penggunaan kata panggilan ini memanifestasikan masyarakat masih selesa dengan panggilan *emak* atau *ibu* dan *ayah* walaupun ada pandangan yang mengatakannya berada diambang kepudaran. Nor Hashimah Jalaludin (2007) menyatakan bahawa antara bahasa dan budaya saling berkait, membentuk sistem sosial keluarga Melayu. Sebagai contoh nilai kesantunan berbahasa jelas terpancar dalam sistem panggilan ini sesuai dengan unjuran Islam (p.52). Oleh itu, penggunaan kata panggilan yang tepat dan betul amat penting dalam berkomunikasi agar dapat menzahirkan sikap hormat sebagaimana pendapat Zaitul Azma Zainon Hamzah (2009) yang mengatakan bahawa penggunaan kata ganti nama diri dan kata panggilan yang sesuai menyerlahkan kesopanan berbahasa penutur di samping menimbulkan rasa hormat (p.31).

Maksim Kebijaksanaan juga ditandai dengan cara berhemah atau bijaksana untuk berurusan dengan orang lain. Ungkapan mencadang, menasihati, menyuruh, meminta bantuan, meminta maaf, menjemput, membuka bicara dan mengajak digunakan dengan berhemah bagi melantunkan kesopanan dalam berkomunikasi. Tindakan-tindakan ini boleh memberikan interpretasi yang negatif. Walau bagaimanapun, jika disampaikan secara berhemah dengan pemilihan kata yang sesuai, halus dan lembut atau tidak memaksa seperti kata *kalau* maka dapat memantulkan citra kesopanan berbahasa.

Cadangan dan suruhan juga disertai dengan partikel *lah* agar lebih lembut dan sopan. Abdul Razak Mohd. Kassim (1997) menyatakan bahawa penerapan partikel *lah* dalam penggunaan bahasa bertujuan untuk menegaskan sesuatu pernyataan dan untuk melembutkan serta melunakkan sesuatu pernyataan. Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam analisis, partikel *lah* dalam kajian ini bertujuan untuk melembut serta melunakkan sesuatu pernyataan. Penggunaan partikel *lah* dapat melembutkan nada pertuturan agar lebih mesra pada pendengaran pendengar sekali gus memperlihatkan kehalusan dalam berkomunikasi. Perkara ini seiring dengan nilai hidup masyarakat Melayu yang bersikap lemah lembut dan bersopan santun dalam pergaulan sehingga terungkap dalam pertuturannya.

Dalam kajian ini, cadangan turut diusulkan dengan penggunaan kata *kalau* agar dapat memberikan pilihan kepada pendengar. Asmah Omar (1997) mengatakan bahawa cadangan atau usulan dikenal pasti dari konteks ayat yang membayangkan makna tersebut yang antaranya penggunaan kata *kalau ... mungkin selain apa kata ... kalau* (p.27). Sehubungan dengan penggunaan kata *kalau*, Asmah Omar (2009) dalam *Nahu Melayu Mutakhir* juga ada mengetengahkan perkara yang berkaitan, iaitu meletakkan *kalau* sebagai kata penghubung syarat atau pengandaian tak setara. *Kalau* dalam analisis ini sinonim dengan syarat atau pengandaian yang bermaksud tidak semestinya suatu kenyataan (*Kamus Dewan*, 2007). Oleh itu, penggunaan kata *kalau* dalam analisis ini lebih merupakan pengandaian bagi berlakunya sesuatu perbuatan atau cadangan yang memberikan pilihan kepada pendengar. Apabila situasi ini berlaku, maka perkara ini dapat meminimumkan kos pendengar, iaitu pendengar tidak berasa terbeban atau tertekan dengan cadangan tersebut. Menurut Tenas Effendy (2011), orang tua-tua ada mengatakan *Apabila hendak memberi saran, elokkan niat luaskan fikiran* (p.40). Pendapat ini merupakan suatu representasi

bahawa pemikiran yang bernas dan niat yang ikhlas amat penting agar saranan atau cadangan memberikan manfaat kepada orang lain dan hal ini amat dititikberatkan oleh masyarakat Melayu yang terkenal dengan kehalusan budi bahasa.

Noriati A. Rashid (2005), menyatakan bahawa orang Melayu sangat mementingkan perasaan orang lain dan dalam apa jua pertimbangan mereka senantiasa mengutamakan perasaan orang lain dan ini menjadi pertimbangan dan pengukur dalam membuat keputusan (p.235). Pandangan ini memanifestasikan bahawa masyarakat Melayu amat mementingkan perilaku yang sopan dengan membuat pemilihan kata yang tepat agar dapat menyerlahkan kejernihan dan kearifan fikiran penuturnya dalam berkomunikasi sekali gus tidak menyinggung perasaan orang lain yang mendengar.

Di samping itu, Maksim Persetujuan turut memperlihatkan penggunaan yang signifikan dalam peristiwa-peristiwa bahasa yang dianalisis. Perkara ini bertujuan bagi memberikan respons terhadap permintaan, pertanyaan atau pandangan yang dikehendaki dalam usaha mewujudkan kesopanan berbahasa yang efektif. Situasi ini menunjukkan bahawa watak-watak tidak mengabaikan kesepakatan dengan memberikan persetujuan melalui persetujuan secara langsung dan secara tidak langsung. Tindakan memberikan respons terhadap permintaan, pertanyaan ataupun pandangan yang dikehendaki akan dapat melancarkan komunikasi di samping mengelakkan konflik (Sara Beden & Indirawati Zahid, 2015). Persetujuan dapat melancarkan komunikasi selain memaksimumkan kesepakatan dengan orang lain dan mengelakkan perbalahan. Jika disorot, perkara ini selaras dengan pandangan Samsudin A.Rahim (2003) yang menegaskan kepentingan kesepakatan dalam jalinan komunikasi antara individu yang menjadi asas kelancaran sesuatu proses

komunikasi (p.79). Ketiadaan persepakatan akan menyebabkan komunikasi tergendala sekali gus merencatkan pencapaian objektif komunikasi.

Maksim Kedermawanan pula ditandai sikap murah hati dengan memberikan bantuan, mempelawa, menawarkan bantuan dan menolak bantuan atau tawaran seseorang. Penolakan terhadap bantuan dan pelawaan daripada orang lain juga mengekspresikan kedermawanan jika disampaikan dengan cara berhemah dan beralasan demi menjaga kehalusan tutur bicara. Berdasarkan maksim ini, penutur sanggup memaksimumkan kos dan meminimumkan keuntungan diri sendiri demi keuntungan pihak lain. Perkara ini dapat dikenal pasti menerusi ekspresi sikap dermawan atau murah hati seseorang watak dalam mengurus sesuatu perbualan. Dalam konteks kajian ini, komunikasi antara watak memperlihatkan sikap dermawan dalam menghulurkan bantuan sama ada dalam bentuk material mahupun sokongan moral. Mustafa Daud mengatakan bahawa kebudimanan dan kedermawanan seseorang itulah yang disanjung dan dihargai oleh masyarakat (p.7). Hal ini mencerminkan bahawa kedermawanan merupakan sifat yang mulia dalam mengharmoniskan hubungan sesama insan. Perkara ini turut dikongsikan oleh Ismail Hamid (1991) yang menyatakan bahawa sifat pemurah dan dermawan dalam membahagi-bahagikan rezeki yang diperoleh dikatakan oleh perbilangan adat sebagai nilai yang disanjung tinggi (p.82).

Maksim Sokongan ditandai kata sifat yang positif, iaitu pujian kepada orang lain selain memberikan penghargaan atas jasa dan kesejahteraan seseorang. Tindakan ini dapat memaksimumkan pujian dan meminimumkan cacian terhadap orang lain dalam berkomunikasi. Pujian perlu dalam kasus tertentu kerana ketiadaan pujian mengimplikasikan cacian (Leech, 1993). Sementara penghargaan melalui ucapan terima kasih merupakan cerminan amalan berbudi bahasa. Noriati A.Rashid (2013)

mengatakan bahawa penghargaan melalui ucapan terima kasih menggambarkan perlakuan seseorang yang sentiasa mengenang budi yang diterima (p.182).

Maksim Kerendahan Hati dikenal pasti melalui tindakan meminta maaf, sikap merendah diri dan penolakan terhadap pujian yang dilakukan dengan lemah lembut. Teo Kok Seong (2003) mengatakan bahawa penolakan terhadap pujian merupakan ciri dalam budaya Melayu dan apabila pujian dijawab dengan penafian, bermakna seseorang itu tahu sosiobudaya masyarakatnya sendiri dan jika berlaku sebaliknya bermakna telah wujud satu fenomena baharu. Dalam kajian ini, penutur berusaha memaksimumkan cacian dan meminimumkan pujian kepada diri sendiri dalam melestarikan kesopanan berbahasa. Tindakan meminta maaf setelah melakukan kesilapan mencerminkan kerendahan hati seseorang sekali gus dapat mengelakkan konflik antara satu sama lain. Ala' Eddin Abdullah A.B. et al., (2015) menyatakan bahawa strategi meminta maaf penting untuk mengurangkan tindakan yang menyakitkan hati selain mengekalkan hubungan yang harmonis antara peserta perbualan. Relevan dengan maksim ini, Leech (1993) membuat usulan bahawa cacian terhadap diri sendiri dapat diterima walaupun berlebihan manakala bercakap besar merupakan pelanggaran terhadap maksim ini (p.164).

Maksim Simpati pula ditandai sikap simpati atau belas kasihan dan sikap mengambil berat akan permasalahan yang menimpa orang lain sebagaimana yang dipaparkan menerusi penggunaan kata *kasihan* misalannya. Perkara ini dapat memaksimumkan simpati dan meminimumkan antipati kepada orang lain dalam berkomunikasi. Sikap simpati dapat melahirkan perasaan bertimbang rasa sekali gus mendorong seseorang menyelami kesukaran pihak lain dan sikap ini sewajarnya disubur dan dikekalkan dalam kehidupan bermasyarakat.

Kehadiran maksim-maksim dalam PK Grice (1975), iaitu Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara (contoh, susunan tertib dan penjelasan) dalam peristiwa bahasa tertentu memperlihatkan keamatan hubungan antara kesopanan dan kerjasama agar komunikasi berjalan lancar. Maksim Kuantiti menekankan pemberian maklumat yang mencukupi dan tepat agar komunikasi lebih bermakna dan informatif. Yong Suet Ping (1997) dalam kajiannya ada mengatakan bahawa maklum balas yang ringkas dan singkat akan menjadikan perbualan kurang menarik dan tidak menggambarkan sifat ramah penutur (p.80). Walau bagaimanapun, bagi Grice (1975), pemberian maklumat yang cukup dan ringkas akan menyempurnakan komunikasi. Maklumat yang tidak mencukupi atau sebaliknya berlebihan akan mengundang masalah dan konflik dalam berkomunikasi. Abdullah Hassan & Ainon Ahmad (1999) menyatakan bahawa pemberian maklumat yang mencukupi amat penting dalam berkomunikasi sebaliknya maklumat berlebihan boleh menyebabkan pendengar keletihan (p.9).

Sementara kehadiran Maksim Kualiti pula memperlihatkan keperluan pemberian maklumat yang benar atau sahih dalam berkomunikasi. Walaupun penggunaannya agak minimum dalam analisis ini, namun kehadiran maksim ini memanifestasikan kepentingan nilai kejujuran dalam berkomunikasi sekali gus dapat meningkatkan kepercayaan pendengar. Abdullah Hassan & Ainon Ahmad, (1999) menyatakan bahawa maklumat yang disampaikan dengan tepat dan tidak palsu atau mempunyai fakta dalam berkomunikasi perlu diberi keutamaan kerana berkaitan dengan etika (p.15).

Maksim Relevan pula memaparkan pemberian maklumat yang mempunyai pertalian dan ciri-ciri yang rapat dengan pertanyaan, permintaan atau pernyataan yang dapat diekspresikan sama ada secara tersirat atau tersirat. Penggunaan maksim

ini dapat melancarkan komunikasi kerana pemberian maklumat yang relevan dapat mewujudkan kerjasama. Maksim Cara pula menzahirkan pemberian maklumat yang terperinci, tersusun dan padat agar mudah difahami dan jelas. Kehadiran maksim ini dalam peristiwa bahasa dapat memudahkan pendengar memproses dan menerima sebarang mesej atau maklumat yang diterima.

Kehadiran maksim-maksim ini memantapkan kepentingan gagasan Grice dalam memberikan sumbangan maklumat yang mengutamakan kecukupan, ketepatan, kesahihan, ketertiban dan kejelasan ketika berlangsungnya sesebuah peristiwa bahasa. Perkara ini sekali gus menyumbang kepada kerjasama ke arah peningkatan daya pemahaman terhadap maklumat yang disampaikan oleh penutur kepada pendengar agar komunikasi lebih efektif. Menurut Yong Suet Ping (1997), walaupun teori Grice (1975) ini agak sempit dan tidak bersifat sejagat, namun jika diterapkan dalam konteks dan budaya yang sesuai pasti dapat meningkatkan kualiti pentafsiran makna dan menjimatkan masa penutur dan pendengar selain menzahirkan kerjasama (p.16).

Ringkasnya, kombinasi kedua-dua model dapat memperjelas aspek kesopanan berbahasa dengan terperinci berdasarkan kehemahan, ketepatan, kehalusan, kesepakatan, kecukupan, kejelasan, kefahaman, kesahihan dan ketertiban dalam penyampaian maklumat berdasarkan kata, ungkapan dan ayat. Kesopanan berbahasa yang signifikan sebagaimana yang dimanifestasikan oleh maksim-maksim yang terdapat dalam keenam-enam pola kombinasi maksim dalam MPKMU memperlihatkan kesesuaian pemilihan novel ini untuk menjadi wadah yang berkesan ke arah pembinaan peribadi dan sikap yang positif. Menurut Noriati A. Rashid (2005), peribadi seseorang dapat dinilai menerusi bahasanya, kalau bahasanya santun dan halus, maka dia dikatakan berbudi bahasa, sebaliknya kalau bahasa yang



digunakan itu kasar dan tidak menyenangkan pendengar, maka dia dikatakan kurang ajar (p.236). Hakikatnya, kesopanan berbahasa dapat diterapkan melalui paparan dialog-dialog dalam bahan sastra sebagaimana pandangan Teo Kok Seong (2009) tentang kelebihan bidang sastra yang mampu berbicara tentang kehidupan dan mempunyai kesan langsung kepada pembaca kerana pembaca dapat memupuk pemahaman dan perasaan yang akan memberikan dampak. Perkara ini dapat diinterpretasikan melalui penggunaan bahasa yang kreatif selain pemilihan kata yang tepat serta penyusunan ayat yang baik. Pandangan ini mencitrakan bahawa karya sastra berkemampuan untuk direkayasa dalam membantu melahirkan generasi yang berperibadi mulia, berhemah tinggi dan berupaya berkomunikasi dengan membudayakan kesopanan berbahasa bertitik tolak daripada pemilihan kata, ungkapan dan ayat yang sesuai, tepat dan santun. Norazlina Mohd Kiram (2010) menyatakan bahawa “semakin halus tutur kata, semakin manis budi bahasa, semakin indah ayat-ayat yang dituturkan maka seseorang akan dihormati dan dimuliakan” (p.60). Pandangan ini memanifestasikan bahawa penghormatan dan kemuliaan amat penting dalam kehidupan bermasyarakat kerana tidak ada pihak yang mahu dikeji dan diremehkan maruahnyanya. Tambahan pula, penghormatan dan kemuliaan yang diperoleh meletakkan seseorang pada tahap yang tinggi dan menjadi kebanggaan bangsa kerana dapat melambangkan jati diri sesebuah bangsa yang bertamadun. Ringkasnya, paparan kesopanan berbahasa yang diekspresikan maksim-maksim dalam MPKMU berdasarkan peristiwa bahasa *Melunas Rindu* dapat memberikan pendedahan kepada generasi muda khususnya dan masyarakat amnya tentang tatacara berbahasa sekali gus membudayakannya dalam kehidupan.

## **BAB 4: ANALISIS PENGGUNAAN POLA KESOPANAN BERBAHASA**

### **4.1 Pendahuluan**

Bab ini akan menganalisis dan menghuraikan penggunaan pola kombinasi maksim berdasarkan MPKMU (Model Pola Kombinasi Maksim Umum) yang digunakan dalam kajian ini. Dapatan dalam Bab 3 telah memperlihatkan pengklasifikasian pola-pola kombinasi maksim berdasarkan MPKMU sebagaimana yang telah dilakukan terhadap data kajian. Oleh itu, analisis yang dilakukan dalam bab ini akan membincangkan penggunaan enam pola kombinasi maksim, iaitu Pola 1, Pola 2, Pola 3, Pola 4, Pola 5 dan Pola 6 dalam MPKMU berdasarkan tiga prinsip, iaitu prinsip hampir sama, prinsip ekonomis dan prinsip tepat. Selain itu, perbincangan juga merangkumi penggunaan jumlah maksim, jumlah dialog dan faktor yang mempengaruhinya. Perbincangan dalam bab ini juga merangkumi faktor yang mempengaruhi penggunaan pola dalam MPKMU. Analisis data diperlihatkan dalam bentuk jadual dan carta pai.

### **4.2 Prinsip Hampir Sama**

Prinsip hampir sama diaplikasi kepada pola kombinasi maksim yang memenuhi cakupan maksim yang hampir sama dengan **Pola 1, 6 PS + 4 PK** dan **Pola 2, 5 PS + 3 PK** dalam MPKMU. Maksim-maksim yang memenuhi cakupan **Pola 1** ialah Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan, Simpati, Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara. Dalam kasus ini, pola-pola yang terbentuk hasil daripada analisis perlu memenuhi kriteria (i) kehadiran Maksim Simpati (ii) kehadiran Maksim Cara atau (iii) kehadiran Maksim Simpati dan Maksim Cara selain maksim-maksim yang lain. **Pola 1** ini juga merupakan kombinasi atau

gabungan penuh dua model, iaitu PS Leech (1983) dan PK Grice (1975) yang tidak melibatkan proses pengguguran maksim.

Sementara maksim-maksim yang memenuhi cakupan dalam **Pola 2**, ialah Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan, Kuantiti, Kualiti dan Relevan. Dalam kasus ini, pola-pola yang terbentuk hasil daripada analisis perlu memenuhi kriteria (i) kehadiran Maksim Persetujuan (ii) kehadiran Maksim Relevan atau (iii) kehadiran Maksim Persetujuan dan Maksim Relevan selain cakupan maksim-maksim lain. **Pola 2** ini merupakan kombinasi atau gabungan dua model, iaitu PS Leech (1983) dan PK Grice (1975) yang melibatkan proses pengguguran maksim. Maksim yang digugurkan dalam pola ini ialah Maksim Simpati dan Maksim Cara.

### 4.3 Prinsip Ekonomis

Prinsip yang kedua, iaitu ekonomis pula diaplikasi kepada pola kombinasi maksim yang memenuhi cakupan maksim yang ringkas, iaitu **Pola 3, 4 PS + 2 PK** dan **Pola 4, 3 PS + 1 PK** dalam MPKMU. Pola kombinasi maksim yang terbentuk hasil daripada analisis yang tidak memenuhi prinsip (i) hampir sama dan (ii) tepat akan diklasifikasikan dalam pola-pola ini. Maksim-maksim yang memenuhi cakupan **Pola 3** ialah Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Kuantiti dan Kualiti. **Pola 3** ini merupakan kombinasi atau gabungan dua model, iaitu PS Leech (1983) dan PK Grice (1975) yang melibatkan proses pengguguran maksim. Maksim yang digugurkan dalam **Pola 3** ini ialah Maksim Persetujuan, Simpati, Relevan dan Cara. Pola-pola kombinasi maksim yang terhasil daripada analisis yang diklasifikasikan dalam **Pola 3** ini harus memenuhi cakupan sekurang-kurangnya tiga maksim dalam **Pola 3** ini.

Sementara maksim-maksim yang memenuhi cakupan **Pola 4** ialah Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan dan Kuantiti. **Pola 4** ini merupakan kombinasi atau gabungan dua model, iaitu PS Leech (1983) dan PK Grice (1975) yang melibatkan proses pengguguran maksim. Maksim yang digugurkan dalam **Pola 4** ini ialah Maksim Kerendahan Hati, Persetujuan, Simpati, Kualiti, Relevan dan Cara. Pola-pola kombinasi maksim yang terhasil daripada analisis yang diklasifikasikan dalam **Pola 4** ini harus memenuhi cakupan sekurang-kurangnya tiga maksim dalam **Pola 4** ini.

#### 4.4 Prinsip Tepat

Prinsip yang ketiga, iaitu secara tepat bermaksud pola-pola kombinasi maksim yang memenuhi dengan tepat cakupan maksim **Pola 5, 2 PS** dan **Pola 6, 1 PS** dalam MPKMU. Maksim-maksim yang memenuhi dengan tepat cakupan maksim dalam **Pola 5** ialah Maksim Kebijaksanaan dan Kedermawanan. **Pola 5** merupakan pola yang hanya memperlihatkan penggunaan dua maksim dalam PS Leech (1983) dan tiada maksim-maksim Grice atas faktor maksim-maksim yang berkenaan telah mengalami proses pengguguran. Maksim-maksim yang digugurkan dalam **Pola 5** ini ialah Maksim Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan, Simpati, Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara.

Sementara maksim yang memenuhi dengan tepat cakupan **Pola 6** ialah Maksim Kebijaksanaan. **Pola 6** merupakan pola yang hanya memperlihatkan penggunaan satu maksim dalam PS Leech (1983) dan tiada maksim-maksim PK Grice (1975) atas faktor maksim-maksim yang lain telah mengalami proses pengguguran. Maksim-maksim yang digugurkan dalam **Pola 6** ini ialah Maksim Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan, Simpati, Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara.

Ringkasnya, Pola-pola kombinasi maksim yang terhasil daripada analisis dan diklasifikasikan dalam **Pola 5** dan **Pola 6** ini harus memenuhi dengan tepat kriteria berkenaan.

#### 4.5 Analisis Data

Jumlah data yang digunakan dalam analisis ini ialah 221 dialog berdasarkan 33 peristiwa bahasa sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 4.1 berikut:


**Jadual 4.1:** Analisis Data

Pola	Pola Kombinasi Maksim	Peristiwa bahasa	Jumlah Peristiwa	Jumlah Dialog	Peratus (%)
1	6 PS + 4 PK	1,2,3,7,11,22, 25,28,30,31,32,	11	93	42.09
2	5 PS + 3 PK	4,8,9,10,12,14,15,16,17, 18,19,20,21,26,27,29,33	17	112	50.68
3	4 PS + 2 PK	5	1	4	1.80
4	3 PS + 1 PK	24	1	4	1.80
5	2 PS	6, 13	2	7	3.17
6	1 PS	23	1	1	0.46
<b>Jumlah</b>			<b>33</b>	<b>221</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 4.1, Pola 1, 6 PS + 4 PK telah dipatuhi oleh 11 peristiwa dengan jumlah 93 dialog manakala Pola 2, 5 PS + 3 PK telah dipatuhi oleh 17 peristiwa dengan 112 jumlah dialog. Pola 3, 4 PS + 2 PK dan Pola 4, 3 PS + 1 PK masing-masing telah dipatuhi oleh satu peristiwa dengan jumlah masing-masing empat dialog. Pola 5, 2 PS pula telah dipatuhi oleh dua peristiwa dengan jumlah tujuh dialog dan Pola 6, 1 PS telah dipatuhi oleh satu peristiwa dengan jumlah satu dialog.

##### 4.5.1 Penggunaan Pola Kombinasi Maksim Berdasarkan MPKMU

Pola-pola kombinasi maksim berdasarkan MPKMU sebagaimana yang telah diklasifikasikan dalam Bab 3 dari segi peratus penggunaannya secara keseluruhan terdapat dalam Carta 4.1 berikut.



**Carta 4.1:** Peratus Penggunaan Pola Kombinasi Maksim Berdasarkan MPKMU

Carta 4.1 menunjukkan penggunaan pola kombinasi maksim yang paling tinggi berdasarkan MPKMU ialah Pola 2, 5 PS + 3 PK yang dipatuhi oleh 50.68 peratus (17 peristiwa) atau 112 dialog. Pola yang kedua tertinggi ialah Pola 1, 6 PS + 4 PK dipatuhi 42.09 peratus (11 peristiwa) atau 93 dialog sementara pola kombinasi maksim yang ketiga tertinggi ialah Pola 5, 2 PS yang dipatuhi 3.15 peratus (dua peristiwa) atau tujuh dialog. Pola 3 dan Pola 4 masing-masing dipatuhi 1.80 peratus (masing-masing satu peristiwa) atau masing-masing empat dialog yang menunjukkan penggunaan pola kombinasi maksim yang keempat tertinggi. Pola kombinasi maksim paling rendah ialah Pola 6, 1 PS yang dipatuhi 0.46 peratus (satu peristiwa) atau satu dialog.

#### **4.6 Analisis Penggunaan Pola Kombinasi Maksim Berdasarkan MPKMU**

Berdasarkan MPKMU terdapat enam pola kombinasi maksim, iaitu **Pola 1**, 6 PS + 4 PK; **Pola 2**, 5 PS + 3 PK; **Pola 3**, 4 PS + 2 PK; **Pola 4**, 3 PS + 1 PK; **Pola 5**, 2 PS; dan **Pola 6**, 1 PS yang akan dianalisis penggunaannya. Analisis dilakukan berdasarkan tiga prinsip, iaitu prinsip hampir sama, ekonomis, dan tepat. **Pola 1** dan **Pola 2** mematuhi prinsip hampir sama, **Pola 3** dan **Pola 4** mematuhi prinsip ekonomis dan akhirnya, **Pola 5** dan **Pola 6** mematuhi prinsip tepat. Analisis turut membincangkan

penggunaan jumlah maksim dan penggunaan jumlah dialog dalam setiap peristiwa. Analisis penggunaan setiap pola kombinasi maksim diperlihatkan dalam paparan berikut.

#### 4.6.1 Pola 1: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (6 PS + 4 PK)

Berdasarkan pengklasifikasian data sebagaimana yang telah dilakukan dalam Bab 3 kajian ini, peristiwa- peristiwa yang diklasifikasi dan mematuhi **Pola 1, 6 PS + 4 PK** berdasarkan MPKMU hanya mematuhi prinsip hampir sama. Pengklasifikasian peristiwa-peristiwa yang mematuhi Pola 1 ini terdapat dalam Jadual 4.2 berikut:

**Jadual 4.2:** Pola 1, 6 PS + 4 PK

Pola	Pola Kombinasi Maksim	No. Peristiwa	Jumlah Peristiwa	Jumlah Dialog	Peratus (%)
1	6 PS + 4 PK	1,2,3,7,11,22, 25,28,30,31,32,	11	93	42.09

Berdasarkan Jadual 4.2, terdapat 11 peristiwa yang diklasifikasi dan mematuhi **Pola 1, 6 PS + 4 PK** dengan jumlah 93 dialog atau sebanyak 42.09 peratus. **Pola 1** memperlihatkan penggunaan yang kedua tertinggi berdasarkan MPKMU selepas Pola 2. Walaupun 11 peristiwa ini memperlihatkan penggunaan pola kombinasi maksim yang berbeza tetapi kesemuanya berada dalam klasifikasi yang sama, iaitu **Pola 1**. Situasi ini bertitik tolak daripada kesemua peristiwa ini mematuhi prinsip hampir sama dalam MPKMU. Dalam prinsip hampir sama, pola-pola kombinasi maksim yang terbentuk hasil daripada pengklasifikasian harus memenuhi cakupan maksim yang hampir sama dengan **Pola 1, 6 PS + 4 PK** dalam MPKMU. Berdasarkan prinsip ini, pola-pola kombinasi maksim yang terbentuk hasil daripada analisis perlu mengandungi maksim-maksim yang tercakup dalam **Pola 1, 6PS + 4 PK** (Rujuk 4.2).

Ringkasnya, perincian terhadap peristiwa-peristiwa yang diklasifikasikan dalam **Pola 1** ini dan mematuhi prinsip hampir sama adalah seperti dalam paparan berikut.

#### 4.6.1.1 Penggunaan Pola 1, 6 PS + 4 PK dalam 11 Peristiwa yang Mematuhi Prinsip Hampir Sama

Penggunaan **Pola 1**, 6 PS + 4 PK dalam 11 peristiwa yang mematuhi prinsip hampir sama terbahagi kepada kriteria, iaitu (i) peristiwa yang mematuhi kehadiran **Maksim Simpati**, (ii) peristiwa yang mematuhi kehadiran **Maksim Cara** dan (iii) peristiwa yang mematuhi kehadiran **Maksim Simpati** dan **Cara** sebagaimana dalam jadual dan huraian seterusnya. Empat daripada 11 peristiwa memenuhi kriteria (i) dipaparkan dalam Jadual 4.3 yang berikut:

**Jadual 4.3:** Empat Peristiwa yang Mematuhi Kehadiran Maksim Simpati

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 1 : Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (6 PS + 4 PK)
1	22	Kebijaksanaan + Persetujuan + <b>Simpati</b> + Relevan
2	25	Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + <b>Simpati</b> + Kuantiti
3	30	Kebijaksanaan + <b>Simpati</b>
4	31	Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + <b>Simpati</b> + Relevan

Berdasarkan Jadual 4.3, didapati empat daripada 11 peristiwa, iaitu **peristiwa 22, 25, 30 dan 31** mematuhi prinsip hampir sama dalam Pola 1, 6 PS + 4 PK. Kesemua peristiwa ini memperlihatkan kehadiran **Maksim Simpati** sebagai salah satu kriteria yang mematuhi prinsip hampir sama dan sekali gus empat peristiwa ini diklasifikasikan dalam Pola 1.

Sementara lima daripada 11 peristiwa dalam **Pola 1** ini pula memenuhi kriteria (ii) seperti dalam Jadual 4.4 berikut:



**Jadual 4.4:** Lima Peristiwa yang Mematuhi Kehadiran Maksim Cara

<b>Bil. Peristiwa</b>	<b>No. Peristiwa</b>	<b>Pola 1 : Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (6 PS + 4 PK)</b>
<b>1</b>	1	Kebijaksanaan + Persetujuan + <b>Cara</b> (penjelasan)
<b>2</b>	2	Kebijaksanaan + Kedermawanan + <b>Cara</b> (Penjelasan)
<b>3</b>	7	Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + <b>Cara</b> (tertib)
<b>4</b>	28	Kebijaksanaan + Persetujuan + <b>Cara</b> (penjelasan&susunan tertib)
<b>5</b>	32	Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan + <b>Cara</b> (susunan tertib)

Berdasarkan Jadual 4.4, didapati lima daripada 11 peristiwa, iaitu **peristiwa 1, 2, 7, 28 dan 32** mematuhi prinsip hampir sama dalam **Pola 1**, 6 PS + 4 PK. Kesemua peristiwa ini memperlihatkan kehadiran **Maksim Cara** sebagai salah satu kriteria yang mematuhi prinsip hampir sama dan sekali gus lima peristiwa ini diklasifikasikan dalam Pola 1. Sementara dua daripada 11 peristiwa dalam Pola 1 ini pula memenuhi kriteria (iii) seperti dalam Jadual 4.5 berikut:

**Jadual 4.5:** Dua Peristiwa yang Mematuhi Kehadiran Maksim Simpati dan Cara

<b>Bil. Peristiwa</b>	<b>No. Peristiwa</b>	<b>Pola 1 : Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (6 PS + 4 PK)</b>
<b>1</b>	3	Kebijaksanaan + Kedermawanan + <b>Simpati</b> + <b>Cara</b> (contoh)
<b>2</b>	11	Kebijaksanaan + Persetujuan + <b>Simpati</b> + Kualiti + <b>Cara</b> (penjelasan)

Berdasarkan Jadual 4.5, didapati dua daripada 11 peristiwa, iaitu **peristiwa 3 dan 11** mematuhi prinsip hampir sama dalam **Pola 1**, 6 PS + 4 PK. Kedua-dua peristiwa ini memperlihatkan kehadiran kedua-dua maksim, iaitu **Maksim Simpati dan Cara** sebagai salah satu kriteria yang mematuhi prinsip hampir sama dan sekali gus dua peristiwa ini diklasifikasikan dalam Pola 1. Ringkasnya, kesemua 11 peristiwa yang diklasifikasikan dalam **Pola 1** mematuhi prinsip hampir sama dalam pembentukan **Pola 1**, 6 PS + 4 PK berdasarkan MPKMU.

#### 4.6.1.2 Penggunaan Pola 1, 6 PS + 4 PK Berdasarkan Jumlah Maksim dan Dialog dalam 11 Peristiwa

Penggunaan dan pematuhan **Pola 1, 6 PS + 4 PK** yang dipaparkan dalam 11 peristiwa ini memperlihatkan variasi dari aspek penggunaan jumlah maksim dan jumlah dialog. Paparan 11 peristiwa yang memperlihatkan variasi tersebut terdapat dalam Jadual 4.6 yang berikut:

**Jadual 4.6:** Pola 1, 6 PS+4 PK - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Dialog dalam 11 Peristiwa

Bil Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 1 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (6 PS + 4 PK)	Jumlah Dialog
1	1	Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (penjelasan)	5
2	2	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Cara (Penjelasan)	2
3	3	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Simpati + Cara (contoh)	6
4	7	Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Cara (tertib)	11
5	11	Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Kualiti + Cara (penjelasan)	11
6	22	Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Relevan	14
7	25	Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti	10
8	28	Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara(penjelasan&susunan tertib	11
9	30	Kebijaksanaan + Simpati	3
10	31	Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Simpati + Relevan	8
11	32	Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan + Cara (susunan tertib)	12
<b>Jumlah</b>			<b>93 (42.09%)</b>

Berdasarkan Jadual 4.6, didapati penggunaan jumlah maksim dengan jumlah dialog berdasarkan 11 peristiwa yang diklasifikasikan dalam **Pola 1** ini adalah bervariasi antara satu peristiwa dengan peristiwa yang lain. **Peristiwa 1** memperlihatkan penggunaan tiga kombinasi maksim, iaitu Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (penjelasan) dengan jumlah lima dialog manakala **peristiwa 2** pula memperlihatkan penggunaan tiga kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Kedermawanan + Cara dengan jumlah dua dialog. Seterusnya, **peristiwa 3**

menggunakan empat kombinasi maksim, iaitu Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Simpati + Cara (contoh) dengan jumlah enam dialog. Selanjutnya, **peristiwa 7** memperlihatkan penggunaan empat kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Cara (tertib) dengan jumlah 11 dialog manakala **peristiwa 11** menunjukkan penggunaan lima kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Kualiti + Cara (penjelasan) walaupun jumlah dialognya sama, iaitu 11 dialog.

Selain itu, **peristiwa 22** menunjukkan penggunaan empat kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Relevan dengan jumlah 14 dialog manakala **peristiwa 25** pula memperlihatkan penggunaan lima kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti dengan jumlah 10 dialog. Peristiwa seterusnya, iaitu **peristiwa 28** menunjukkan penggunaan tiga kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Persetujuan + Cara (penjelasan & susunan tertib) dengan jumlah 11 dialog sementara **peristiwa 30** memperlihatkan penggunaan dua kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Simpati dengan jumlah tiga dialog. **Peristiwa 31** pula menunjukkan penggunaan lima kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Simpati + Relevan dengan jumlah lapan dialog manakala **peristiwa 32** memperlihatkan penggunaan enam kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan + Cara (susunan tertib) dengan jumlah 12 dialog.

Berdasarkan perincian 11 peristiwa yang diklasifikasikan dalam **Pola 1** ini, didapati penggunaan jumlah maksim dan jumlah dialog memperlihatkan variasi. Perincian ini terdapat dalam Jadual 4.7 di bawah yang disusun berdasarkan penggunaan jumlah maksim diikuti penggunaan jumlah dialog.

**Jadual 4.7:** Pola 1, 6 PS + 4 PK - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Jumlah Dialog

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 1 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (6 PS + 4 PK)	
		Penggunaan Jumlah Maksim	Jumlah Dialog
1	1	3	5
2	2	3	2
3	28	3	11
4	3	4	6
5	7	4	11
6	22	4	14
7	11	5	11
8	25	5	10
9	31	5	8
10	30	2	3
11	32	6	12

Berdasarkan Jadual 4.7, terdapat dua variasi penggunaan jumlah maksim dan penggunaan jumlah dialog dalam Pola 1 ini. Variasi tersebut ialah :

- (i) Penggunaan jumlah maksim sama, jumlah dialog berbeza dan
- (ii) Penggunaan jumlah maksim berbeza, jumlah dialog berbeza

**Variasi (i)** dipatuhi **peristiwa 1, 2, 28, 3, 7, 22, 11, 25 dan 31** manakala **variasi (ii)** dipatuhi **peristiwa 30 dan 32**. Peristiwa 1, 2, 28, 3, 7, 22, 11, 25 dan 31 yang mematuhi **variasi (i)** terbahagi kepada tiga kelompok. Peristiwa 1, 2 dan 28 memperlihatkan penggunaan jumlah maksim yang sama, iaitu tiga maksim tetapi jumlah dialog berbeza. Kelompok peristiwa 3, 7 dan 22 dalam variasi yang sama memperlihatkan penggunaan jumlah maksim yang sama, iaitu empat maksim dengan jumlah dialog yang turut berbeza. Seterusnya, kelompok peristiwa 11, 25 dan 31 menggunakan lima maksim dan dialognya turut berbeza. Sementara peristiwa 30 dan 32 yang mematuhi **variasi (ii)** memperlihatkan penggunaan jumlah maksim yang berbeza, iaitu masing-masing dua dan enam maksim manakala jumlah dialog turut berbeza, iaitu tiga dan 12 dialog. Didapati penggunaan jumlah maksim dan jumlah

dialog bervariasi bergantung kepada faktor konteks. Oleh itu, analisis konteks dilakukan terhadap 11 peristiwa Pola 1 ini.

**Analisis Konteks-Pola 1, 6 PS + 4 PK** melibatkan satu perenggan pra dan pascadata. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kasus konteks yang tidak relevan, maka dua ayat pradata (sebelum data) dan dua ayat pascadata (selepas data) akan diambil kira. Analisis konteks akan dipaparkan dalam bentuk jadual yang mengandungi tiga kolum secara vertikal, iaitu **kolum 1** ialah kolum peristiwa yang akan dianalisis. **Kolum 2**, ialah kolum konteks yang memaparkan maklumat tentang konteks sama ada relevan atau pun tidak dan ringkasan data manakala **kolum 3**, pula tentang kesinambungan maklumat yang memaparkan keterangan konteks sama ada relevan atau pun tidak dan inti pati data. Analisis konteks disusun berdasar urutan variasi, iaitu variasi (i) kemudian variasi (ii).

**(a) Analisis Konteks Peristiwa-peristiwa dalam Pola 1 Variasi (i)**

Berikut merupakan analisis konteks peristiwa-peristiwa yang mematuhi **variasi (i)**, iaitu **peristiwa 1, 2, 28, 3, 7, 22, 11, 25** dan **31** sebagaimana dalam Jadual 4.7. Dalam kelompok peristiwa 1, 2 dan 28, didapati peristiwa 28 memperlihatkan penggunaan jumlah dialog yang tertinggi, iaitu 11 dialog, diikuti peristiwa 1, iaitu lima dialog manakala peristiwa 2 hanya berjumlah dua dialog. Analisis **peristiwa 1** berdasarkan konteks terdapat dalam Jadual 4.8 berikut:

**Jadual 4.8:** Analisis Konteks Peristiwa 1

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
1 Taklimat daripada Farhana	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad berbual-bual kosong dengan kawan-kawan baharunya. (ii) Fuad terlihat Farhana sedang menuju ke arahnya. (iii)Fuad berpura-pura tidak melihat, sehinggalah Farhana menyapanya terlebih dahulu (37)	Konteks ini relevan kerana memberikan gambaran peristiwa yang akan berlaku bahawa Farhana akan datang untuk bercakap dengan Fuad.

**Jadual 4.8, sambungan**

Peristiwa	Konteks	Kesinambungan Maklumat
1  Taklimat daripada Farhana	<b>Data : (37-38)</b> Mula: Kalau Cikgu Fuad senang, kita duduk di kerusi tu sekejap Akhir: Nak panggil Fuad saja? Okeylah, kalau gitu. Sekali lagi selamat datang. Ini jadual Fuad. Lima kelas semuanya, satu kelas lima waktu seminggu. Jadi, dua puluh lima waktulah seminggu. Tiga kelas tingkatan lima, dua kelas tingkatan tiga. 5 Bestari, 5 Dedikasi, 5 Jujur, 3 Dedikasi dan 3 Ikhlas. Ha ... lima semuanya.	<b>Inti Pati</b> (i)Farhana meminta Fuad duduk untuk berbincang (ii)Farhana memberikan taklimat tentang kelas yang akan diajar Fuad (iii)Farhana mengalu-alukan kedatangan Fuad ke sekolah itu. (iv)Farhana memberikan penerangan tentang kelas yang akan diajar oleh Fuad.
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad mengangguk setelah mendengar penerangan Farhana. (ii) Fuad bertanya tentang keadaan murid-murid yang akan diajarnya (38)	Konteks ini relevan kerana berkesinambungan dengan peristiwa sebelumnya, iaitu tentang kelas yang akan diajar Fuad.

Jadual 4.8 memaparkan analisis konteks peristiwa 1, iaitu peristiwa taklimat daripada Farhana yang menggunakan lima dialog. Berdasarkan analisis, didapati wujud penyediaan konteks, iaitu sebelum dan selepas peristiwa 1 ini. Perenggan sebelum peristiwa ini sudah memberikan gambaran awal bahawa Farhana akan datang untuk menemui Fuad apabila Fuad menyedari bahawa Farhana menuju ke arahnya yang relevan dengan inti pati data. Inti pati data termasuklah permintaan Farhana agar Fuad duduk, kemudian memberikan taklimat, Farhana mengalu-alukan Fuad dan penerangan Farhana tentang kelas murid yang diajar oleh Fuad. Konteks pascadata, iaitu perenggan pada halaman 38 memperlihatkan kesinambungan maklumat apabila Fuad mendengar penerangan Farhana dan bertanyakan hal yang sama, iaitu tentang murid yang akan diajarnya. Faktor penyediaan konteks pra dan pascadata mempengaruhi penggunaan jumlah dialog dalam peristiwa ini. Walaupun dalam slot ini Farhana perlu memberikan taklimat yang agak terperinci kepada Fuad yang pertama kali menjadi guru sandaran, namun penggunaan lima dialog dapat memberikan maklumat bagi melengkapkan peristiwa 1 ini atas faktor penyediaan konteks pradata dan pascadata.

Sementara analisis **peristiwa 2** berdasarkan konteks peristiwa terdapat dalam Jadual 4.9 berikut:

**Jadual 4.9:** Analisis Konteks Peristiwa 2

Peristiwa	Konteks	Kesinambungan Maklumat
2  Perbincangan tentang tahap kecerdasan pelajar	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad meminta dipanggil dengan nama saja. (ii)Farhana memberitahu tentang kelas dan jumlah kelas yang akan diajar Fuad. (iii)Farhana turut memberitahu jumlah waktu dan jadual Fuad. (38)	Konteks ini relevan kerana memberikan gambaran awal bahawa Fuad akan bertanya lebih lanjut tentang kelas yang akan diajarnya.
	<b>Data: (38-39)</b> Mula: Murid-muridnya macam mana? Akhir: Dan ketiga-tiga kelompok tu, teknik pengajaran kena berbeza. Nanti saya beritahu perlahan-lahan. Hari ni taklimat saja.	<b>Inti Pati</b> (i)Fuad ingin tahu tentang tahap kecerdasan pelajar kelasnya. (ii)Farhana memberikan penerangan (iii)Farhana memberikan cadangan teknik pengajaran (iv)Farhana meminta Fuad agar menyesuaikan diri perlahan-lahan.
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad membuat catatan dengan tekun. (ii)Farhana memerhati Fuad. (iii)Farhana mengimbas sejarah hidup Fuad yang diketahuinya (39)	Konteks ini berkesinambungan dengan peristiwa 2, iaitu Fuad mencatatkan maklumat ekoran daripada penerangan dan cadangan Farhana.

Jadual 4.9 memaparkan analisis konteks peristiwa 2, iaitu peristiwa perbincangan tentang tahap kecerdasan pelajar menggunakan dua dialog. Berdasarkan analisis, didapati ada penyediaan konteks, iaitu sebelum dan selepas peristiwa 2 ini. Perenggan sebelum peristiwa ini sudah memberikan gambaran awal tentang kelas yang diajar oleh Fuad berdasarkan taklimat Farhana dan relevan dengan data. Inti pati data meliputi pertanyaan Fuad tentang tahap pelajar, penerangan dan cadangan teknik pengajaran dan nasihat agar Fuad menyesuaikan diri secara perlahan-lahan. Konteks pascadata, iaitu perenggan pada halaman 39 memperlihatkan kesinambungan maklumat dengan data, iaitu ketekunan Fuad membuat catatan terhadap penerangan Farhana tentang maklumat kelasnya. Oleh itu, faktor penyediaan konteks sebelum dan selepas peristiwa ini mempengaruhi penggunaan dialog dalam peristiwa ini. Slot ini

hanya memberikan fokus kepada tahap kecerdasan pelajar. Sehubungan dengan itu, penggunaan dua dialog memadai bagi melengkapkan maklumat dalam peristiwa ini.

Analisis bagi **peristiwa 28** berdasarkan konteks terdapat dalam Jadual 4.10 yang berikut:

**Jadual 4.10:** Analisis Konteks Peristiwa 28

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
28	<p><b>Konteks Relevan</b></p> <p>(i)Fuad mengajak Farhana berbincang.            (ii)Fuad menarik tangan Farhana kerana nalurinya menyatakan Farhana mahramnya.            (iii)Fuad pasrah kalau itulah takdirnya. (182)</p>	<p>Konteks ini relevan dengan data, iaitu memberikan gambaran bahawa Fuad hendak berbincang dengan Farhana dan sudah dapat meneka bahawa dia dan Farhana bersaudara, lantas menyiasat lebih lanjut.</p>
Fuad bertanyakan maklumat ibu Farhana	<p><b>Data: (182-184)</b></p> <p>Mula: Ana ... Betul ke nama mak kau, Mariana?</p> <p>Akhir: Semua ini mungkin betul, tapi mungkin juga salah. Segala-galanya bergantung pada jawapan engkau selepas ini. Boleh?</p>	<p><b>Inti Pati</b></p> <p>(i)Fuad bertanya tentang nama ibu Farhana            (ii)Farhana memberikan jawapan            (iii)Isu nama ibu mereka yang sama,            (iv)Fuad mengusul dan bertanyakan hal ini berulang-ulang kali            (v) Fuad menasihati Farhana agar menghadapi takdir            (vi)Fuad akan menyiasat lebih lanjut</p>
	<p><b>Konteks Relevan</b></p> <p>(i)Farhana mendengar kata-kata Fuad.            (ii)Farhana menjadi cemas dan berdebar-debar untuk menghadapi kenyataan itu (184)</p>	<p>Konteks ini relevan kerana berkesinambungan dengan peristiwa 28, iaitu memberi gambaran emosi Farhana apabila mendengar perkara yang diluar dugaannya.</p>

Jadual 4.10 memaparkan analisis konteks peristiwa 28, iaitu peristiwa Fuad bertanyakan maklumat ibu Farhana menggunakan 11 dialog. Berdasarkan analisis, didapati ada penyediaan konteks, iaitu sebelum dan selepas peristiwa 28 ini. Konteks sebelum peristiwa ini memberikan gambaran awal tentang Fuad hendak berbincang dengan Farhana dan Fuad sudah dapat meneka bahawa dia dan Farhana bersaudara dan relevan dengan data. Inti pati data termasuklah maklumat tentang nama ibu Farhana, respons Farhana, isu nama ibu mereka, usulan Fuad, nasihat Fuad dan Fuad



akan menyiasat lebih lanjut. Konteks pascadata, iaitu perenggan pada halaman 184 memperlihatkan kesinambungan maklumat dengan data, iaitu gambaran emosi Farhana apabila mendengar perkara yang diluar dugaannya, iaitu kebarangkalian mereka bersaudara sebagaimana maklumat dalam perbincangan tersebut. Walaupun peristiwa ini memperlihatkan penyediaan konteks pra dan pascadata, tetapi penggunaan jumlah dialognya tinggi, iaitu 11 dialog. Perkara ini berlaku atas faktor penggunaan unsur pertanyaan yang berulang-ulang kali oleh watak Fuad bagi memperoleh maklumat yang jelas dan tepat daripada Farhana. Menurut Abdul Ganing Laengkang (2010) pengulangan digunakan untuk memberikan penekanan agar maklumat yang disampaikan lebih jelas dan mudah diingati (p.100). Pengulangan unsur pertanyaan dalam peristiwa ini berlaku ekoran daripada nama ibu Fuad dan Farhana yang sama sehingga Fuad memerlukan maklumat yang jelas dan tepat daripada Farhana. Lanjutan itu, penggunaan unsur pertanyaan yang signifikan dalam peristiwa ini sekali gus menyumbang kepada peningkatan penggunaan jumlah dialog.

Sementara kelompok peristiwa 3, 7 dan 22 memperlihatkan penggunaan jumlah maksim yang sama, iaitu empat maksim dengan jumlah dialog yang turut berbeza. Analisis konteks berdasarkan **peristiwa 3** terdapat dalam Jadual 4.11 yang berikut:

**Jadual 4.11:** Analisis Konteks Peristiwa 3

Peristiwa	Konteks	Kesinambungan Maklumat
3 Perbincangan tentang persediaan mengajar dan maklumat Kertas Bahasa Inggeris	<b>Konteks Tidak Relevan</b> Tinggi, segar, dan berwajah Melayu. Farhana hanyut sebentar mengenangkan sejarah anak muda itu, sebelum cepat-cepat mengalihkan pandangannya sebaik-baik dilihatnya Fuad mengangkat muka. (39)	Konteks ini tidak relevan dengan peristiwa 3 kerana konteks ini tentang gambaran fikiran Farhana tentang fizikal Fuad dan tindakan Farhana yang mengimbas sejarah hidup Fuad dan tidak memberikan gambaran tentang perbincangan kertas bahasa Inggeris.

**Jadual 4.11, sambungan**

Peristiwa	Konteks	Kesinambungan Maklumat
3  Perbincangan tentang persediaan mengajar dan maklumat Kertas Bahasa Inggeris	<p><b>Data : (39-40)</b> Mula: Sebelum terlupa, ini buku-buku Fuad. Ini sajalah stok yang kita ada. Dah lama sangat buku teks ni, tak sesuai lagi dengan sukatan sekarang. Sekarang kita guna sukatan pelajaran 1119, Fuad tahu, kan?</p> <p>Akhir: Masih bernasib baik.</p>	<p><b>Inti Pati</b> (i)Farhana memberikan buku-buku kepada Fuad. (ii)Perbincangan tentang sukatan pelajaran 1119 (iii)Simpati Farhana dengan nasib anak-anak nelayan yang terpaksa belajar sukatan tersebut (iv)Fuad juga bersimpati atas nasib pelajar</p>
	<p><b>Konteks Relevan</b> (i)Farhana bertanya adakah Fuad juga mengambil kertas bahasa Inggeris yang sama. (ii)Fuad mengiakan dan bertanya semula kepada Farhana (40)</p>	<p>Konteks ini relevan kerana berkesinambungan dengan peristiwa 3, iaitu masih membincangkan maklumat kertas Bahasa Inggeris.</p>

Jadual 4.11 memaparkan analisis konteks peristiwa 3, iaitu peristiwa perbincangan tentang persediaan mengajar dan maklumat Kertas Bahasa Inggeris yang menggunakan enam dialog. Berdasarkan analisis, didapati tidak ada penyediaan konteks pradata dalam peristiwa 3 ini kerana tidak relevan, iaitu tidak ada gambaran maklumat tentang perbincangan mengajar dan kertas bahasa Inggeris, sebaliknya tentang gambaran fikiran Farhana tentang fizikal Fuad dan imbasan Farhana tentang sejarah hidup Fuad. Inti pati data pula tentang Farhana memberikan bantuan buku, perbincangan sukatan kertas 1119, simpati Farhana dan Fuad atas nasib pelajar yang mengambil kertas bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, didapati peristiwa ini mempunyai konteks yang relevan selepasnya, iaitu memperlihatkan kesinambungan maklumat tentang perbincangan kertas Bahasa Inggeris sebagaimana perbincangan dalam inti pati data. Walaupun tidak ada penyediaan konteks pradata, namun penyediaan konteks pascadata membantu melengkapkan maklumat dan jumlah enam dialog memadai penggunaannya dalam peristiwa 3 ini.

Sementara analisis berdasarkan konteks bagi **peristiwa 7** pula terdapat dalam Jadual 4.12 yang berikut:

**Jadual 4.12:** Analisis Konteks Peristiwa 7

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
7	<b>Konteks Tidak Relevan</b> Dia tahu tidak ada faedahnya bertengkar tentang wang ringgit dengan Fuad. Tidak akan luak wang simpanannya kalau sekadar untuk membeli sebuah buku rujukan SPM. (45)	Konteks ini tidak relevan dengan peristiwa 7 kerana maklumat dalam konteks ini tentang gambaran fikiran Farhana terhadap kemewahan hidup Fuad.
Perbincangan program peningkatan akademik	<b>Data: (45-48)</b> Mula: Tolong saya, Fuad. Tapi sebelum tu, duduklah dulu. Awak tu dahlah tinggi, berdiri pula. Sakit tengkuk saya. Akhir: Okey, cantik nama tu.	<b>Inti Pati</b> (i)Perbincangan tentang program akademik (ii)Cadangan program (iii)Perancangan program (iv) Nama program akademik
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Farhana bersetuju dengan cadangan Fuad. (ii)Farhana mencatat hasil perbincangannya dengan Fuad dalam kertas. (45)	Konteks ini relevan kerana berkesinambungan dengan peristiwa 7, iaitu Farhana telah mengambil kira cadangan Fuad dalam perbincangan peningkatan program akademik.

Jadual 4.12 memaparkan analisis konteks peristiwa 7, iaitu peristiwa perbincangan program peningkatan akademik yang menggunakan 11 dialog. Berdasarkan analisis, didapati tidak ada penyediaan konteks sebelum peristiwa 7 ini, iaitu tidak ada gambaran maklumat tentang program peningkatan akademik sebaliknya konteks ini tentang gambaran fikiran Farhana terhadap kemewahan hidup Fuad dan tidak relevan dengan data. Inti pati data pula tentang perbincangan program akademik, cadangan dan perancangan program. Walau bagaimanapun, didapati peristiwa ini mempunyai konteks selepasnya, iaitu memperlihatkan kesinambungan maklumat dengan perbincangan program peningkatan akademik apabila Farhana mengambil kira cadangan Fuad. Fuad telah menerangkan cadangannya dengan jelas dan lengkap kepada Farhana agar maklumat tersebut dapat difahami oleh Farhana. Walaupun ada penyediaan konteks pascadata, namun peristiwa ini menggunakan 11 dialog. Perkara ini berlaku atas faktor peristiwa ini memperlihatkan keperluan pengarang untuk memberikan maklumat yang padat dan lengkap tentang program yang dicadang, dirancang sehinggalah cara perlaksanaannya selain perbincangan nama program. Kepadatan maklumat perlu disertai dengan penerangan yang jelas sebagaimana

pendapat Abdul Ganing Laengkang (2010), bahawa penerangan yang jelas bermakna idea yang terang, nyata dan dapat difahami dengan mudah (p.130). Oleh itu, kepadatan maklumat yang diperlukan dalam peristiwa ini menyumbang kepada peningkatan penggunaan jumlah dialog.

Analisis **peristiwa 22** berdasarkan konteks terdapat dalam Jadual 4.13 yang berikut:

**Jadual 4.13:** Analisis Konteks Peristiwa 22

Peristiwa	Konteks	Kesinambungan Maklumat
22  Perbualan selepas balik dari rumah Farhana	<b>Konteks Relevan</b> (i)Farhana menangis (ii)Farhana kelihatan murung dalam perjalanan pulang. (134)	Konteks ini relevan kerana memberikan gambaran tentang perasaan Farhana setelah berjumpa ibu angkat Fuad dan berkaitan dengan data.
	<b>Data: (134-137)</b> Mula: Senyap saja, Ana? Ingat Mak Mahkah?  Akhir: Siapa? Ah, aku tak nak!	(i)Tentang perasaan Farhana (ii)Ajakan Fuad ke rumah Zamani (iii)Konflik Farhana dan Cikgu Zamani (iv)Penghargaan Fuad (v)Gurauan Farhana.
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Farhana tergelak kecil. (ii)Fuad kebingungan. (iii)Fuad tertanya-tanya kenapa dia menjerit (iv)Fuad bimbang Farhana dapat menebak perasaannya (137)	Konteks ini relevan kerana berkesinambungan dengan maklumat dalam peristiwa 22. Farhana ketawa ekoran gurauannya dan Fuad pula bingung memikirkan jawapan spontannya itu.

Jadual 4.13 memaparkan analisis konteks peristiwa 22, iaitu peristiwa perbualan selepas balik dari rumah Farhana yang menggunakan 14 dialog. Berdasarkan analisis, didapati ada penyediaan konteks, iaitu sebelum dan selepas peristiwa 22 ini. Konteks sebelum peristiwa ini memberikan gambaran awal tentang reaksi Farhana setelah bertemu dengan Mak Mah dan relevan dengan data. Inti pati data peristiwa ini meliputi perasaan Farhana, ajakan Fuad, konflik Farhana-Zamani, penghargaan Fuad dan gurauan Farhana. Konteks pascadata, iaitu perenggan pada halaman 137 memperlihatkan kesinambungan maklumat dengan data, iaitu berkesinambungan dengan inti pati maklumat dalam peristiwa 22. Farhana ketawa ekoran gurauannya dan Fuad pula bingung memikirkan jawapan spontannya itu. Walaupun peristiwa ini

memperlihatkan penyediaan konteks pra dan pascadata, namun 14 dialog digunakan dalam peristiwa ini. Perkara ini berlaku atas faktor kepelbagaian isu yang dibualkan, iaitu tentang perasaan Farhana, ajakan Fuad, konflik Farhana-Zamani, penghargaan Fuad dan gurauan Farhana dengan tujuan agar paparan maklumat menjadi relevan dengan peristiwa 22. Walaupun pelbagai isu dibicarakan namun secocok dengan topik dan keperluan mencapai objektif komunikasi dalam peristiwa ini. Samsudin A. Rahim (2003) mengatakan bahawa kesesuaian maklumat atau secocok dengan keperluan komunikasi merupakan perkara yang sangat penting (p.87). Kesannya, faktor tersebut menyebabkan penggunaan 14 dialog dalam peristiwa ini.

Kelompok **peristiwa 11, 25 dan 31** pula menggunakan lima maksim dan dialognya turut berbeza. Analisis konteks berdasarkan **peristiwa 11** terdapat dalam Jadual 4.14 berikut:

**Jadual 4.14:** Analisis Konteks Peristiwa 11

Peristiwa	Konteks	Kesinambungan Maklumat
Perbualan tentang keluarga Fuad	<b>Konteks Tidak Relevan</b> “Tak apa.” Secepat itu juga Farhana membalas, untuk mengikis perasaan bersalah Fuad.	Konteks ini tidak relevan dengan peristiwa 11 kerana maklumat ini tidak memberikan gambaran awal tentang peristiwa 11.
	<b>Data : (73-75)</b> Mula: Awak pula macam mana? Mak dan ayah awak di Raub tentu sihat lagi,kan?  Akhir: Entahlah Fuad. Aku ... Sebenarnya simpati dengan kau. Tak aku sangka.....	<b>Inti Pati</b> (i)kisah silam keluarga Fuad (ii)ibu bapanya, (iii) luahan perasaan tidak puas hati Fuad terhadap tindakan bapanya yang tidak acuh tentang agama. (iv)kekesalan Fuad (v)Farhana simpati
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Farhana terdiam. (ii)Farhana menundukkan wajahnya. (iii)Farhana menangis (75)	Konteks ini relevan kerana memberikan gambaran emosi sedih Farhana setelah mendengar kisah silam Fuad dan keluarganya.

Jadual 4.14 memaparkan analisis konteks peristiwa 11, iaitu perbualan tentang keluarga Fuad yang menggunakan 10 dialog. Berdasarkan analisis, didapati tidak ada penyediaan konteks sebelum peristiwa 11 ini, iaitu tidak ada gambaran maklumat

tentang keluarga Fuad untuk dibincangkan sebaliknya tentang gambaran tindakan Farhana bagi mengelakkan Fuad berasa bersalah dan tidak relevan dengan data. Intipati data pula tentang kisah silam keluarga Fuad, perasaan tidak puas hati Fuad, kekesalan Fuad dan simpati Farhana. Walau bagaimanapun, didapati peristiwa ini mempunyai konteks pascadata, iaitu memperlihatkan pemberian maklumat yang relevan dengan perbincangan tentang keluarga Fuad apabila Farhana mempamerkan emosi sedih ekoran mendengar kisah sedih Fuad. Walaupun ada penyediaan konteks pascadata, namun peristiwa ini menggunakan 10 dialog. Perkara ini berlaku atas faktor peristiwa ini memerlukan pengarang memadatkan maklumat dengan terperinci supaya khalayak dapat memahami situasi dan sejarah keluarga Fuad dengan terperinci sebagaimana situasi yang berlaku dalam peristiwa 7. Lanjutan itu, pengarang dapat membekalkan maklumat yang lengkap untuk disajikan kepada khalayak. Keperluan menyediakan maklumat yang padat telah menyumbang ke arah penggunaan jumlah dialog yang tinggi.

Sementara analisis konteks bagi **peristiwa 25** pula terdapat dalam Jadual 4.15 yang berikut.

**Jadual 4.15:** Analisis Konteks Peristiwa 25

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
25  Perbualan Fuad dan Farhana tentang penyakit ibu Farhana dan teguran Fuad	<b>Konteks Relevan</b> (i)Farhana terharu (ii)Farhana seperti mahu memeluk Fuad tapi akal membatasinya (iii)Farhana mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Fuad (173)	Konteks ini berkaitan dengan peristiwa 25 kerana memberikan gambaran penghargaan Farhana atas sikap prihatin Fuad tentang masalah ibunya yang sakit.

**Jadual 4.15, sambungan**

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
25  Perbualan Fuad dan Farhana tentang penyakit ibu Farhana dan teguran Fuad	<p><b>Data: (174-176)</b> Mula: Tak apa. Jom, kita ke atas. Mak sakit apa? Terukkah?</p> <p>Akhir: Aku tahu. Kau memang takut nak marah aku.</p>	<p><b>Inti Pati</b> (i) Tentang penyakit ibu Farhana (ii) Farhana memberitahu keadaan ibunya (iii) Cadangan Fuad untuk mengambil cuti (iii) Teguran Fuad kerana Farhana mengetepikannya (iv) Gurauan Farhana.</p>
	<p><b>Konteks Relevan</b> (i) Farhana ketawa (ii) Fuad menegur Farhana yang ketawa. (iii) Fuad menjegilkan mata dan bertanya hal adik Farhana. (176)</p>	<p>Konteks ini relevan kerana berkesinambungan dengan kesan gurauan Farhana.</p>

Jadual 4.15 memaparkan analisis konteks peristiwa 25, iaitu peristiwa perbualan Fuad dan Farhana tentang penyakit ibu Farhana dan teguran Fuad yang menggunakan 11 dialog. Berdasarkan analisis, didapati ada penyediaan konteks, iaitu sebelum dan selepas peristiwa 25 ini. Konteks sebelum peristiwa ini memberikan gambaran awal bahawa Farhana menghargai sikap prihatin Fuad tentang masalah ibunya yang sakit dan relevan dengan data. Inti pati data termasuklah tentang penyakit ibu Farhana, keadaan ibu Farhana, cadangan Fuad, teguran Fuad dan gurauan Farhana. Konteks pascadata, iaitu perenggan pada halaman 176 memperlihatkan kesinambungan maklumat dengan data, iaitu berkesinambungan dengan kesan gurauan Farhana, iaitu Farhana ketawa dan Fuad menjegilkan mata setelah Fuad menegur tindakannya. Walaupun peristiwa ini memperlihatkan penyediaan konteks pradata dan pascadata, namun 11 dialog digunakan untuk melengkapkannya. Hal ini demikian kerana peristiwa ini juga memperlihatkan kepelbagaian isu yang dibualkan oleh watak Fuad dan Farhana. Isu tersebut merangkumi penyakit ibu Farhana, teguran Fuad dan cadangan Fuad hendak tidur di hospital. Peristiwa ini turut diselitkan dengan unsur gurauan sebagaimana situasi yang berlaku dalam peristiwa 22. Faktor kepelbagaian isu dalam peristiwa ini turut menyumbang ke arah penggunaan jumlah 11 dialog.

Sementara analisis bagi **peristiwa 31** berdasarkan konteks terdapat dalam Jadual 4.16 yang berikut:

**Jadual 4.16:** Analisis Konteks Peristiwa 31

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
31	<p><b>Konteks Relevan</b></p> <p>(i)Zalifah mengucap tahniah dan memberitahu Farhana bahawa Cikgu Zamani akan berpindah</p> <p>(ii)Dalam diam Zalifah mengagumi Farhana hebat bertegang leher</p> <p>(iii)Fuad yang mendengar kehairanan tapi faham kemudiannya yang Zamani hendak pindah sehingga mengucapkan tahniah kepada Farhana. (196)</p>	Konteks ini relevan kerana memberikan gambaran akan perbincangan dalam data ini tentang Cikgu Zamani kerana sudah disebut oleh mereka bertiga.
Perbualan Fuad dan Farhana tentang Cikgu Zamani	<p><b>Data: (196-198)</b></p> <p>Mula: Sunyilah sekolah ni tahun depan. Tak nak beli hadiah, Ana?</p> <p>Akhir: Lantaran sebagai manusia, kita lahir dan terdidik dalam berbagai-bagai persekitaran yang akhirnya mencorakkan peribadi kita!</p>	<p><b>Inti Pati</b></p> <p>(i)Usikan Fuad kepada Farhana tentang perpindahan Zamani</p> <p>(ii)Pandangan Farhana</p> <p>(iii)Pandangan peribadi Fuad tentang sikap Cikgu Zamani</p>
	<p><b>Konteks Relevan</b></p> <p>(i)Fuad berpendapat Cikgu Zamani barangkali tersilap memilih bidang pekerjaan.</p> <p>(ii) Berharap Cikgu Zamani akan belajar bertanggungjawab (198).</p>	Konteks ini relevan kerana berkesinambungan dengan data, iaitu masih lagi berkisar tentang pandangan Fuad tentang Cikgu Zamani.

Jadual 4.16 memaparkan analisis konteks peristiwa 31, iaitu peristiwa perbualan Fuad dan Farhana tentang Cikgu Zamani yang menggunakan lapan dialog. Berdasarkan analisis, didapati ada penyediaan konteks, iaitu sebelum dan selepas peristiwa 31 ini. Konteks sebelum peristiwa ini memberikan gambaran akan perbincangan dalam data, iaitu tentang Cikgu Zamani kerana sudah disebut oleh mereka bertiga. Inti pati data meliputi usikan Fuad tentang perpindahan Zamani, pandangan Farhana dan pandangan Fuad tentang Zamani. Konteks pascadata, iaitu perenggan pada halaman 198 memperlihatkan kesinambungan maklumat dengan data, iaitu konteks ini masih lagi berkisar kepada pandangan Fuad tentang Cikgu Zamani yang diharapkan menjadi lebih baik. Penyediaan konteks pradata dan pascadata memberikan sumbangan dalam melengkapkan maklumat dalam peristiwa ini.



Gambaran perwatakan Cikgu Zamani dapat dipaparkan dengan jelas berdasarkan perbualan dengan menggunakan lapan dialog.

**(b) Analisis Konteks Peristiwa-peristiwa dalam Pola 1 Variasi (ii)**

Peristiwa **30** dan **32** yang mematuhi **variasi (ii)** menunjukkan penggunaan jumlah maksim berbeza dan dialog juga berbeza. Analisis konteks bagi **peristiwa 30** terdapat dalam Jadual 4.17 yang berikut.

**Jadual 4.17:** Analisis Konteks Peristiwa 30

Peristiwa	Konteks	Kesinambungan Maklumat
30  Fuad menasihati Farhana agar menerima takdir	<p><b>Konteks Relevan</b> (i)Robert Lim hendak melihat ibu Farhana yang sakit (ii)Farhana menahan mereka daripada masuk melihat ibunya. (186)</p>	Konteks ini relevan kerana memberikan gambaran bahawa Farhana bimbang keadaan ibunya dan relevan dengan data.
	<p><b>Data: (187-189)</b> Mula: Macam mana kalau mak terjaga? Dia sakit, lelah lagi. Saya bimbang sakitnya bertambah teruk.  Akhir: Jodoh pertemuan, semua tu kuasa Tuhan. Aku yakin, kau akan bertemu jodoh dengan orang yang jauh lebih baik daripada aku. Dahlah, jangan nangis lagi.</p>	<p><b>Inti Pati</b> (i)kebimbangan Farhana tentang penyakit ibunya (ii) nasihat Fuad dengan panjang lebar kepada Farhana akan takdir yang harus dihadapi mereka. (iii)Farhana menangis dan Fuad memujuk</p>
	<p><b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad merenung Farhana dan timbul perasaan sayangnya kepada adiknya itu. (ii)Robert Lim menemui Mariana (189)</p>	Konteks ini relevan berkesinambungan dengan peristiwa 30 kerana menggambarkan perasaan sayang Fuad kepada adik kandungnya setelah mengetahui takdir mereka bersaudara.

Jadual 4.17 memaparkan analisis konteks peristiwa 30, iaitu peristiwa Fuad menasihati Farhana agar menerima takdir yang menggunakan tiga dialog. Berdasarkan analisis, didapati ada penyediaan konteks, iaitu sebelum dan selepas peristiwa 30 ini. Konteks sebelum peristiwa ini memberikan gambaran awal bahawa Farhana bimbang keadaan ibunya dan relevan dengan data. Inti pati data memaparkan maklumat tentang kebimbangan Farhana, nasihat Fuad dan kesedihan Farhana. Konteks selepas data, iaitu perenggan pada halaman 189 memperlihatkan kesinambungan maklumat dengan

data, iaitu berkesinambungan dengan maklumat dalam peristiwa 30. Konteks ini menggambarkan perasaan sayang Fuad setelah memujuk Farhana yang merupakan adik kandungnya sebaik sahaja mengetahui takdir mereka bersaudara. Kemunculan Robert Lim, iaitu ayah Fuad menjadi bukti kukuh bahawa mereka bersaudara. Penyediaan konteks pra dan pascadata dapat membantu melengkapkan maklumat yang hendak disampaikan dalam peristiwa ini walaupun hanya menggunakan tiga dialog.

Akhirnya, analisis konteks bagi **peristiwa 32** pula terdapat dalam Jadual 4.18 yang berikut:

**Jadual 4.18:** Analisis Konteks Peristiwa 32

Peristiwa	Konteks	Kesinambungan Maklumat
32  Fuad akan melanjutkan pelajaran dan nasihat kepada Farhana	<b>Konteks Tidak Relevan</b> Mungkin juga dia lebih sesuai menjadi akauntan atau pegawai bank misalnya, yang segala urusan kewangan pada satu-satu hari haruslah benar-benar tepat sebelum dapat menutup kaunter. Di situlah dia akan dapat belajar sendiri apa ertinya tanggungjawab, tanpa perlu diperingatkan selalu.	Konteks ini tidak relevan kerana konteks ini tentang pandangan Fuad terhadap Cikgu Zamani dan tidak menyentuh tentang Fuad hendak melanjutkan pelajaran.
	<b>Data: (198-200)</b> Mula: Aku cuma kasihankan kau Ana. Selepas ini tak ada lagilah kawan kau nak bergaduh.  Akhir: Mak dan ayah kau pula kan jadi sembilan selepas kau kahwin nanti. Sebabnya, ayah mentua kau pasang dua. Aaa ... Terkena engkau, padan muka!	(i)Usikan Fuad (ii) Fuad hendak melanjutkan pelajaran (iii)Nasihat Fuad untuk Farhana agar menerima keluarga besar mereka (iv)Gurauan Farhana
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad ketawa terbahak-bahak dengan gurauan Farhana (ii)Fuad berjanji akan memberikan laluan supaya Farhana berkahwin dulu (iii)Fuad akan menjaga Farhana sebagai adik	Konteks ini relevan kerana berkesinambungan, iaitu tentang kesan daripada gurauan dalam peristiwa ini sehingga Fuad ketawa dan Fuad berjanji akan menjaga Farhana.

Jadual 4.18 memaparkan analisis konteks peristiwa 32, iaitu Fuad akan melanjutkan pelajaran dan nasihat kepada Farhana yang menggunakan 12 dialog. Berdasarkan analisis, didapati tidak ada penyediaan konteks sebelum peristiwa 32 ini, iaitu tidak ada gambaran maklumat tentang Fuad hendak melanjutkan pelajaran, sebaliknya tentang pandangan dan harapan Fuad kepada Zamani. Inti pati data pula tentang usikan Fuad, Fuad hendak melanjutkan pelajaran, nasihat Fuad dan gurauan Farhana. Walau

bagaimanapun, didapati peristiwa ini memperlihatkan penyediaan konteks pascadata, iaitu pemberian maklumat yang relevan tentang kesan gurauan dalam peristiwa ini sehingga Fuad ketawa dan Fuad berjanji dengan dirinya akan menjaga Farhana. Walaupun ada penyediaan konteks pascadata, namun peristiwa ini menggunakan 12 dialog. Perkara ini berlaku atas faktor peristiwa ini memperlihatkan dua topik perbualan, iaitu hal Fuad hendak melanjutkan pelajaran dan nasihat kepada Farhana agar menerima keluarga besar mereka. Topik-topik ini sudah tentu melibatkan kepelbagaian isu dalam perbincangan. Peristiwa ini juga memperlihatkan penyelitan unsur lawak atau humor sebagaimana situasi yang berlaku dalam peristiwa 22 dan 25. Ahmad Khair Mohd. Nor (2006) menyatakan bahawa humor telah menjadi sebahagian daripada budaya dalam masyarakat hingga kini dan berfungsi untuk hiburan dan pendidikan. Oleh itu, faktor ini turut menyumbang kepada peningkatan penggunaan jumlah dialog.

**Dapatan Analisis Konteks – Pola 1, 6 PS + 4PK** terhadap 11 peristiwa yang tercakup dalam Pola 1 terdapat dalam Jadual 4.19 yang berikut:

**Jadual 4.19:** Dapatan Analisis Konteks Pola 1

Bil Peristiwa	No Peristiwa	Dapatan Analisis Konteks Pola 1, 6 PS + 4 PK		
		Pradata	Pascadata	Signifikan/Tidak
1	1	✓	✓	Signifikan
2	2	✓	✓	Signifikan
3	28	✓	✓	Tidak signifikan
4	3	x	✓	Signifikan
5	7	x	✓	Tidak signifikan
6	22	✓	✓	Tidak signifikan
7	11	x	✓	Tidak signifikan
8	25	✓	✓	Tidak Signifikan
9	31	✓	✓	Signifikan
10	30	✓	✓	Signifikan
11	32	x	✓	Tidak signifikan

Jadual 4.19 memaparkan hasil dapatan analisis konteks terhadap 11 peristiwa yang tercakup dalam Pola 1, 6 PS + 4 PK. Berdasarkan analisis, terdapat dua variasi penyediaan konteks, iaitu **variasi (i) pascadata** sebagaimana dalam **peristiwa 3, 7, 11** dan **32** manakala **variasi (ii) pra** dan **pascadata** sebagaimana dalam **peristiwa 1, 2, 28, 25, 22, 30** dan **31**.

Dapatan memperlihatkan enam daripada 11 peristiwa, iaitu **peristiwa 1, 2, 3, 25, 30** dan **31** yang faktor penyediaan konteksnya didapati bersifat signifikan manakala lima daripada 11 peristiwa, iaitu **peristiwa 28, 7, 11, 22** dan **32** sebaliknya, iaitu tidak bersifat signifikan. Berdasarkan dapatan tersebut, didapati faktor penyediaan konteks mempengaruhi penggunaan jumlah dialog dengan signifikan dalam peristiwa 1, 2, 3, 25, 30 dan 31. Situasi ini berlaku bertitik tolak daripada faktor penyediaan konteks memberikan sumbangan yang signifikan dalam melengkapkan maklumat dalam setiap peristiwa berkenaan berdasarkan penggunaan jumlah dialog tertentu. Sementara lima daripada 11 peristiwa yang memperlihatkan kewujudan penyediaan konteks namun tidak bersifat signifikan kewujudannya kerana tidak memberikan impak dalam mempengaruhi penggunaan jumlah dialog, sebaliknya wujud faktor-faktor lain.

Analisis terhadap peristiwa yang mematuhi **variasi (i)**, iaitu kelompok peristiwa 1, 2 dan 28 memperlihatkan situasi yang sama, iaitu penyediaan konteks pra dan pascadata. Faktor konteks memberikan sumbangan maklumat yang mencukupi dan mempengaruhi penggunaan jumlah dialog dengan signifikan dalam peristiwa 1 dan 2, iaitu dengan jumlah masing-masing tiga dialog. Walau bagaimanapun, penyediaan konteks tidak bersifat signifikan dalam peristiwa 28 kerana didapati peristiwa 28 menunjukkan penggunaan jumlah yang tertinggi, iaitu 11 dialog walaupun dalam variasi dan situasi yang sama. Perkara ini berlaku atas faktor penggunaan pengulangan

unsur pertanyaan yang signifikan oleh pengarang dalam peristiwa ini bagi membekalkan maklumat yang tepat, jelas dan terperinci.

Berdasarkan kelompok peristiwa 3, 7 dan 22, didapati peristiwa 3 dan 7 memperlihatkan situasi yang sama, iaitu penyediaan konteks pascadata dan kedua-dua peristiwa tidak memperlihatkan penyediaan konteks pradata manakala peristiwa 22 memperlihatkan penyediaan konteks pra dan pascadata. Walaupun kedua-dua peristiwa (3 dan 7) memperlihatkan situasi yang sama, namun penggunaan jumlah dialognya berbeza, iaitu enam dan 11 dialog. Faktor konteks memberikan sumbangan maklumat yang signifikan kepada peristiwa 3 berdasarkan penggunaan jumlah enam dialog. Didapati peristiwa 7 menggunakan 11 dialog walaupun memperlihatkan situasi yang sama dan perkara ini berlaku bertitik tolak daripada faktor kepadatan maklumat yang diperlukan dalam peristiwa 7 agar dapat memberikan gambaran terperinci tentang program peningkatan akademik selain berfungsi untuk memastikan mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang menjadi lebih jelas. Walaupun wujud penyediaan konteks dalam peristiwa 7, tetapi kewujudannya tidak bersifat signifikan atas faktor keperluan kepadatan dan kejelasan dalam pemberian maklumat dalam peristiwa ini. Kewujudan penyediaan konteks juga tidak bersifat signifikan dalam peristiwa 22 kerana penggunaan jumlah 14 dialog dalam peristiwa 22 dipengaruhi faktor kepelbagaian isu yang dibualkan antara watak yang terlibat.

Kelompok peristiwa 11, 25 dan 31 pula, ketiga-tiganya memperlihatkan penyediaan konteks, iaitu peristiwa 11 konteksnya pascadata manakala peristiwa 25 dan 31 pula konteksnya pra dan pascadata. Peristiwa 11 dan 25 tidak memperlihatkan perbezaan penggunaan jumlah dialog yang ketara, iaitu 10 dan 11 dialog walaupun memperlihatkan situasi penyediaan konteks yang berbeza. Analisis memperlihatkan pengaruh konteks memberikan sumbangan maklumat kepada kedua-dua peristiwa ini

namun tidak bersifat signifikan kerana penggunaan jumlah dialog agak tinggi dalam kedua-dua peristiwa walaupun ada penyediaan konteks. Perkara ini berlaku kerana penggunaan dialog dalam peristiwa 11 turut dipengaruhi faktor kepadatan maklumat yang dibekalkan oleh pengarang kepada pembaca manakala peristiwa 25 pula menunjukkan pengaruh faktor kepelbagaian isu yang wujud secara spontan dalam slot perbualan peristiwa ini. Walau bagaimanapun penyediaan konteks memberikan sumbangan yang signifikan dalam peristiwa 31 kerana penyediaan konteks memberikan sumbangan maklumat yang mencukupi bagi melengkapkan peristiwa ini walaupun hanya dengan lapan dialog.

Analisis terhadap peristiwa 30 dan 32 yang mematuhi **variasi (ii)**, didapati peristiwa 30 memperlihatkan kewujudan penyediaan konteks pra dan pascadata manakala peristiwa 32 memperlihatkan situasi penyediaan konteks pascadata. Walau bagaimanapun, faktor penyediaan konteks didapati signifikan dalam memberikan sumbangan maklumat bagi melengkapkan peristiwa 30 berdasarkan penggunaan tiga jumlah dialog. Sementara peristiwa 32 pula, walaupun ada penyediaan konteks pascadata tetapi jumlah dialognya tinggi, iaitu 12 dialog dan penggunaan jumlah 12 dialog dalam peristiwa 32 dipengaruhi faktor kepelbagaian isu selain penyelitan unsur lawak atau gurauan. Faktor ini menyumbang ke arah peningkatan jumlah dialog dalam peristiwa berkenaan walaupun memperlihatkan penyediaan konteks.

Secara keseluruhannya, dapatan berdasarkan analisis terhadap variasi (i) dan variasi (ii) bagi 11 peristiwa dalam Pola 1 berdasarkan konteks memperlihatkan faktor penyediaan konteks bersifat signifikan dalam mempengaruhi penggunaan jumlah dialog dalam enam peristiwa. Walau bagaimanapun, didapati kewujudan penyediaan konteks tidak bersifat signifikan sebagaimana kasus yang berlaku dalam **peristiwa 28, 7, 11, 22, dan 32** yang bertitik tolak atas empat faktor. Pertama, pengulangan unsur

pertanyaan yang signifikan bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan jelas dalam sesebuah peristiwa bahasa agar dapat mencapai objektif komunikasi. Kedua, penyelitan unsur lawak atau gurauan untuk mewujudkan suasana santai dan mesra. Unsur ini juga digunakan untuk mengelakkan ketegangan ekoran berlakunya sesuatu konflik. Ketiga, faktor kepadatan maklumat bagi memberikan gambaran secara terperinci tentang sesuatu topik perbualan agar mesej tercapai. Sementara faktor keempat, kepelbagaian isu dan topik yang wujud secara spontan dalam slot peristiwa bahasa yang berlangsung.

Ringkasnya, faktor penyediaan konteks, pengulangan unsur pertanyaan, penyelitan unsur lawak, kepadatan maklumat dan kepelbagaian isu dalam sesebuah peristiwa bahasa memberikan sumbangan dan impak terhadap penggunaan jumlah dialog dalam 11 peristiwa dalam Pola 1 ini.

#### **4.6.2 Pola 2 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Kualiti + Relevan (5 PS + 3 PK)**

Berdasarkan pengklasifikasian data sebagaimana yang telah dilakukan dalam Bab 3 kajian ini, peristiwa- peristiwa yang diklasifikasi dan mematuhi **Pola 2**, 5 PS + 3 PK berdasarkan MPKMU hanya mematuhi prinsip hampir sama. Pengklasifikasian peristiwa-peristiwa yang mematuhi **Pola 2** ini terdapat dalam Jadual 4.20 berikut:

**Jadual 4.20:** Pola 2, 5 PS + 3 PK

<b>Pola</b>	<b>Pola Kombinasi Maksim</b>	<b>No. Peristiwa</b>	<b>Jumlah Peristiwa</b>	<b>Jumlah Dialog</b>	<b>Peratus</b>
2	5 PS + 3 PK	4,8,9,10,12,14,15,16,17,18,19,20,21,26,27,29,33	17	112	50.68

Berdasarkan Jadual 4.20, terdapat 17 peristiwa yang diklasifikasi dan mematuhi **Pola 2**, 5 PS + 3 PK dengan jumlah 112 dialog atau sebanyak 50.68 peratus. **Pola 2**

memperlihatkan penggunaan yang tertinggi berdasarkan MPKMU. Walaupun 17 peristiwa ini memperlihatkan penggunaan pola kombinasi maksim yang berbeza tetapi kesemuanya diklasifikasi dalam kelompok yang sama, iaitu **Pola 2**. Situasi ini berlaku bertitik tolak daripada kesemua peristiwa ini mematuhi prinsip hampir sama dalam MPKMU. Dalam prinsip hampir sama, pola-pola kombinasi maksim yang terbentuk hasil daripada pengklasifikasian harus memenuhi cakupan maksim yang hampir sama dengan **Pola 2**, 5 PS + 3 PK berdasarkan MPKMU (Rujuk 4.2). Perincian terhadap peristiwa-peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 2 ini dan mematuhi prinsip hampir sama adalah seperti paparan berikut.

#### 4.6.2.1 Penggunaan Pola 2, 5 PS + 3 PK dalam 17 Peristiwa yang Mematuhi Prinsip Hampir Sama

Penggunaan **Pola 2**, 5 PS + 3 PK dalam 17 peristiwa yang mematuhi prinsip hampir sama terbahagi kepada kriteria, iaitu (i) peristiwa yang mematuhi kehadiran **Maksim Persetujuan**, (ii) peristiwa yang mematuhi kehadiran **Maksim Relevan** dan (iii) peristiwa yang mematuhi kehadiran **Maksim Persetujuan** dan **Relevan** sebagaimana dalam jadual dan huraian seterusnya. Lapan daripada 17 peristiwa memenuhi kriteria (i) dipaparkan dalam Jadual 4.21 yang berikut:

**Jadual 4.21:** Lapan Peristiwa yang Mematuhi Kehadiran Maksim Persetujuan

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 2 : Kebijaksanaan + Kederawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Kualiti + Relevan (5 PS + 3 PK)
1	4	Kebijaksanaan + <b>Persetujuan</b>
2	8	Kebijaksanaan + Kederawanan + <b>Persetujuan</b> + Kualiti
3	9	Kebijaksanaan + Kederawanan + <b>Persetujuan</b>
4	12	Kebijaksanaan + Kederawanan + Sokongan + <b>Persetujuan</b> + Kuantiti
5	15	Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + <b>Persetujuan</b> + Kuantiti
6	16	Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + <b>Persetujuan</b>
7	26	Kebijaksanaan + <b>Persetujuan</b> + Kuantiti
8	33	Kebijaksanaan + <b>Persetujuan</b>



Berdasarkan Jadual 4.21, didapati lapan daripada 17 peristiwa, iaitu peristiwa **4, 8, 9, 12, 15, 16, 26** dan **33** mematuhi prinsip hampir sama dalam Pola 2, 5 PS + 3 PK. Kesemua peristiwa ini memperlihatkan kehadiran **Maksim Persetujuan** dalam pola kombinasi maksim berkenaan sebagai salah satu kriteria yang mematuhi prinsip hampir sama dan sekali gus lapan peristiwa ini diklasifikasikan dalam **Pola 2**.

Sementara tiga daripada 17 peristiwa dalam Pola 2 ini pula memenuhi kriteria (ii) seperti dalam Jadual 4.22 berikut:

**Jadual 4.22:** Tiga Peristiwa yang Mematuhi Kehadiran Maksim Relevan

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 2 : Kebijakan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Kualiti + Relevan (5 PS + 3 PK)
1	17	Kebijakan + Sokongan + Kerendahan Hati + <b>Relevan</b>
2	19	Kebijakan + Kerendahan Hati + <b>Relevan</b>
3	27	Kebijakan + Kedermawanan + <b>Relevan</b>

Berdasarkan Jadual 4.22, didapati tiga daripada 17 peristiwa, iaitu peristiwa **17, 19** dan **27** mematuhi prinsip hampir sama dalam Pola 2, 5 PS + 3 PK. Kesemua peristiwa ini memperlihatkan kehadiran **Maksim Relevan** dalam pola kombinasi maksim berkenaan sebagai salah satu kriteria yang mematuhi prinsip hampir sama dan sekali gus tiga peristiwa ini diklasifikasikan dalam Pola 2.

Seterusnya, sebanyak enam daripada 17 peristiwa dalam Pola 2 ini pula memenuhi kriteria (iii) seperti dalam Jadual 4.23 berikut:

**Jadual 4.23:** Enam Peristiwa yang Mematuhi Kehadiran Maksim Persetujuan dan Relevan

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 2 : Kebijakan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Kualiti + Relevan (5 PS + 3 PK)
1	10	Kebijakan + Kerendahan Hati + <b>Persetujuan</b> + Kuantiti + <b>Relevan</b>
2	14	Kebijakan + <b>Persetujuan</b> + <b>Relevan</b>
3	18	Kebijakan + Sokongan + Kerendahan Hati + <b>Persetujuan</b> + Kuantiti + <b>Relevan</b>
4	20	Kebijakan + <b>Persetujuan</b> + <b>Relevan</b>
5	21	Kebijakan + <b>Persetujuan</b> + <b>Relevan</b>
6	29	Kebijakan + <b>Persetujuan</b> + Kuantiti + <b>Relevan</b>

Berdasarkan Jadual 4.23, didapati enam daripada 17 peristiwa, iaitu peristiwa **10, 14, 18, 20, 21 29** mematuhi prinsip hampir sama dalam **Pola 2, 5 PS + 3 PK**. Kesemua peristiwa ini memperlihatkan kehadiran kedua-dua maksim, iaitu **Maksim Persetujuan dan Relevan** dalam pola kombinasi maksim berkenaan sebagai salah satu kriteria yang mematuhi prinsip hampir sama dan sekali gus enam peristiwa ini diklasifikasikan dalam **Pola 2**. Ringkasnya, kesemua 17 peristiwa yang diklasifikasikan dalam **Pola 2** mematuhi prinsip hampir sama dalam pembentukan **Pola 2** berdasarkan MPKMU.

#### 4.6.2.2 Penggunaan Pola 2, 5 PS + 3 PK Berdasarkan Jumlah Maksim dan Dialog dalam 17 Peristiwa

Penggunaan dan pematuhan **Pola 2, 5 PS + 3 PK** yang dipaparkan dalam 17 peristiwa ini memperlihatkan variasi dari aspek penggunaan jumlah maksim dan jumlah dialog. Paparan 17 peristiwa yang memperlihatkan variasi tersebut terdapat dalam Jadual 4.24 yang berikut:

**Jadual 4.24:** Pola 2, 5 PS+3 PK - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Dialog dalam 17 Peristiwa

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 2 : Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Kualiti + Relevan (5 PS + 3 PK)	Jumlah Dialog
1	4	Kebijaksanaan + Persetujuan	3
2	8	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Persetujuan + Kualiti	6
3	9	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Persetujuan	6
4	10	Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan	8
5	12	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti	7
6	14	Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan	6
7	15	Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti	14
8	16	Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan	4
9	17	Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Relevan	5
10	18	Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan	14
11	19	Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Relevan	5
12	20	Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan	4
13	21	Kebijaksanaan + Persetujuan+Relevan	8

**Jadual 4.24, sambungan**

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 2 : Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Kualiti + Relevan (5 PS + 3 PK)	Jumlah Dialog
14	26	Kebijaksanaan + Persetujuan + Kuantiti	4
15	27	Kebijaksanaan + Kedermawanan + Relevan	5
16	29	Kebijaksanaan + Persetujuan + Kuantiti + Relevan	11
17	33	Kebijaksanaan + Persetujuan	2
<b>Jumlah</b>			<b>112 (50.68%)</b>

Berdasarkan Jadual 4.24, didapati penggunaan jumlah maksim dengan jumlah dialog berdasarkan 17 peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 2 ini adalah berbeza dan bervariasi antara satu peristiwa dengan peristiwa yang lain. **Peristiwa 4** memperlihatkan penggunaan dua kombinasi maksim, iaitu Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan dengan jumlah tiga dialog manakala **peristiwa 8** pula memperlihatkan penggunaan empat kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Kedermawanan + Persetujuan + Kualiti dengan jumlah enam dialog. Seterusnya, **peristiwa 9** menggunakan tiga kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Kedermawanan + Persetujuan dengan jumlah enam dialog dan **peristiwa 10** menunjukkan penggunaan lima kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan dengan jumlah lapan dialog. Selanjutnya, **peristiwa 12** memperlihatkan penggunaan lima kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Persetujuan + Kuantiti dengan jumlah 7 dialog manakala **peristiwa 14** menunjukkan penggunaan tiga kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan dengan enam jumlah dialog.

Selain itu, **peristiwa 15** menunjukkan penggunaan empat kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti dengan jumlah 14 dialog manakala **peristiwa 16** pula memperlihatkan penggunaan tiga kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan dengan jumlah empat dialog.

Peristiwa seterusnya, iaitu **peristiwa 17** menunjukkan penggunaan empat kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Relevan dengan jumlah lima dialog sementara **peristiwa 18** memperlihatkan penggunaan enam kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Relevan dengan jumlah 14 dialog.

**Peristiwa 19** pula menunjukkan penggunaan tiga kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Relevan dengan jumlah lima dialog manakala **peristiwa 20** turut menggunakan tiga kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan dengan jumlah empat dialog dan perkara yang sama berlaku dalam **peristiwa 21** apabila memperlihatkan penggunaan tiga kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Persetujuan + Relevan tetapi dengan jumlah lapan dialog. Peristiwa selanjutnya, iaitu **peristiwa 26** menggunakan tiga kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Persetujuan + Kuantiti dengan jumlah empat dialog dan **peristiwa 27** pula menunjukkan penggunaan tiga kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Kedermawanan + Relevan dengan jumlah tiga dialog. **Peristiwa 29** memperlihatkan penggunaan empat kombinasi maksim dengan jumlah 11 dialog dan akhirnya **peristiwa 33** menunjukkan penggunaan dua kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Persetujuan dengan jumlah dua dialog.

Berdasarkan analisis terhadap 17 peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 2 ini, didapati penggunaan jumlah maksim dan penggunaan jumlah dialog memperlihatkan variasi sebagaimana dalam Jadual 4.25 di bawah yang disusun berdasarkan penggunaan jumlah maksim diikuti penggunaan jumlah dialog.

**Jadual 4.25:** Pola 2, 5 PS+3 PK – Peristiwa, Jumlah Maksim dan Jumlah Dialog

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 2 : Kebijakan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Kualiti + Relevan (5 PS + 3 PK)	
		Penggunaan Jumlah Maksim	Jumlah Dialog
1	8	4	6
2	15	4	14
3	17	4	5
4	29	4	11
5	10	5	8
6	12	5	7
7	4	2	3
8	33	2	2
9	18	6	14
10	21	3	8
11	9	3	6
12	14	3	6
13	16	3	6
14	20	3	4
15	26	3	4
16	19	3	5
17	27	3	5

Berdasarkan Jadual 4.25, terdapat empat variasi penggunaan jumlah maksim dan penggunaan jumlah dialog dalam 17 peristiwa Pola 2 ini. Variasi tersebut ialah :

- (i) penggunaan jumlah maksim sama, jumlah dialog berbeza
- (ii) penggunaan jumlah dan jenis maksim sama, jumlah dialog berbeza
- (iii) penggunaan jumlah maksim berbeza, jumlah dialog berbeza dan
- (iv) penggunaan jumlah maksim sama, jumlah dialog sama

**Variasi (i)** dipatuhi **peristiwa 8, 15, 17, 29, 10** dan **12**, **variasi (ii)** dipatuhi **peristiwa 4** dan **33**, **variasi (iii)** dipatuhi **peristiwa 18** dan **21** manakala **variasi (iv)** dipatuhi **peristiwa 9, 14, 16, 20, 26, 19** dan **27**.

Peristiwa 8, 15, 17 dan 29 yang mematuhi **variasi (i)** memperlihatkan penggunaan jumlah maksim yang sama, iaitu **empat maksim** tetapi jumlah dialog berbeza manakala peristiwa 10 dan 12 dalam variasi yang sama memperlihatkan penggunaan jumlah maksim yang sama, iaitu lima maksim dengan jumlah dialog yang turut

berbeza. **Variasi (ii)** dipatuhi peristiwa 4 dan 33, iaitu penggunaan jumlah dan jenis maksim yang sama tetapi dialog berbeza. Kedua-dua peristiwa ini menggunakan dua maksim dan jenis maksim yang sama, iaitu Maksim Kebijaksanaan dan Persetujuan namun jumlah dialognya berbeza.

**Variasi (iii)** dipatuhi peristiwa 18 dan 21, iaitu penggunaan jumlah maksim berbeza dan jumlah dialog berbeza. Penggunaan jumlah maksim masing-masing sebanyak enam dan tiga maksim dan dialognya turut berbeza. Sementara **variasi (iv)** dipatuhi peristiwa 9, 14, 16, 20, 26, 19 dan 27 yang memperlihatkan penggunaan jumlah maksim yang sama, iaitu tiga maksim dan jumlah dialog yang sama, iaitu peristiwa 9, 14 dan 16 masing-masing menggunakan enam dialog, peristiwa 20 dan 26 masing-masing menggunakan empat dialog dan peristiwa 19 dan 27 masing-masing memperlihatkan penggunaan lima dialog. Penggunaan jumlah maksim dan jumlah dialog bervariasi bergantung kepada faktor konteks. Oleh itu, analisis konteks dilakukan terhadap 17 peristiwa Pola 2.

**Analisis Konteks-Pola 2, 5 PS + 3 PK** melibatkan satu perenggan pra dan pascadata. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kasus konteks yang tidak relevan, maka dua ayat pradata dan dua ayat pascadata akan diambil kira. Analisis konteks akan dipaparkan dalam bentuk jadual yang mengandungi tiga kolum secara vertikal, iaitu **kolum 1** ialah kolum peristiwa yang akan dianalisis. **Kolum 2**, ialah kolum konteks yang memaparkan maklumat tentang konteks sama ada relevan atau pun tidak dan data manakala **kolum 3**, pula tentang kesinambungan maklumat yang memaparkan keterangan konteks sama ada relevan atau pun tidak dan inti pati data. Analisis konteks disusun berdasar urutan variasi, iaitu variasi (i), (ii), (iii) dan (iv).

**(a) Analisis Konteks Peristiwa dalam Pola 2 Variasi (i)**

Berikut merupakan analisis konteks bagi peristiwa-peristiwa yang mematuhi **variasi (i)**, iaitu **peristiwa 8, 15, 17, 29, 10 dan 12** sebagaimana dalam Jadual 4.24. Dalam kelompok penggunaan jumlah maksimumnya empat, didapati peristiwa 15 memperlihatkan penggunaan jumlah dialog yang tertinggi, iaitu 15 dialog, diikuti peristiwa 29, iaitu 11 dialog, peristiwa 8, enam dialog dan peristiwa 17 hanya menggunakan lima dialog. Analisis **peristiwa 8** berdasarkan konteks terdapat dalam Jadual 4.26 berikut:

**Jadual 4.26: Analisis Konteks Peristiwa 8**

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
8	<b>Konteks Tidak Relevan</b> Hampa. Farhana tetap bersahaja, menjadikannya terus unggul sebagai seorang yang terlalu sukar diselami perasaannya (hal. 49)	Konteks ini hanya memberikan gambaran tentang sikap Farhana dan tidak relevan dengan peristiwa yang akan berlaku.
Fuad membawa jagung ke sekolah	<b>Data: (49-51)</b>  Ayat Mula : Ana ...Hari ni saya ada bawa barang sikit. Istimewa. Awak nak tak? Saya bawa jagung. Awak punya pasal, kalau nak, saya hantar sampai ke rumah.  Ayat Akhir : Alah, tak payah. Rumah saya dekat saja.	<b>Inti Pati</b> (i)Fuad membawa jagung. (ii)Memberikan jagung kepada rakan-rakan dan Farhana. (iii)Menawarkan bantuan untuk menghantar jagung ke rumah Farhana. (iv)Farhana menolak tawaran Fuad.
8	<b>Konteks Relevan</b> (i)Farhana berasa senang hati dilayan Fuad dengan baik sehingga mahu menghantar jagung ke rumahnya dan berasa dirinya istimewa. (ii)Farhana membayangkan ramai kawan perempuannya yang cemburu. (iii)Farhana tidak mempunyai perasaan istimewa terhadap Fuad. (iv)Farhana mengagumi kesegakan Fuad. (hal. 51)	Konteks ini memberikan gambaran yang relevan tentang perasaan Farhana yang senang dengan layanan Fuad ekoran sikap kedermawanan Fuad untuk menghantar jagung sehingga ke rumah Farhana.

Jadual 4.26 memaparkan analisis konteks peristiwa 8, iaitu peristiwa Fuad membawa jagung ke sekolah yang menggunakan enam dialog. Berdasarkan analisis, didapati tidak ada penyediaan konteks sebelum peristiwa 8 ini, iaitu tidak ada gambaran maklumat tentang Fuad hendak membawa jagung ke sekolah. Konteks

sebelumnya merupakan gambaran sikap Farhana yang sukar diselami dan tidak relevan dengan data. Inti pati data dalam peristiwa ini pula tentang Fuad membawa jagung, memberikan jagung kepada rakan-rakan dan Farhana, menawarkan bantuan untuk menghantar jagung ke rumah Farhana dan Farhana menolak tawaran Fuad. Walau bagaimanapun, didapati peristiwa ini mempunyai kesinambungan maklumat dengan konteks pascadata, iaitu pengarang memberikan gambaran maklumat tentang perasaan senang Farhana ekoran daripada layanan istimewa Fuad kepadanya sehingga hendak menghantar jagung ke rumahnya sebagaimana yang terdapat dalam perenggan selepas peristiwa 8 ini pada halaman 51. Konteks pascadata memberikan sumbangan maklumat dengan penggunaan jumlah enam dialog mencukupi bagi melengkapkan peristiwa 8 ini. Situasi ini juga menggambarkan pengarang memendekkan peristiwa ini dengan perenggan pascadata.

Seterusnya, analisis **peristiwa 15** berdasarkan konteks peristiwa terdapat dalam Jadual 4.27 berikut:

**Jadual 4.27:** Analisis Peristiwa 15

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
15	<b>Konteks Tidak Relevan</b> Baginya Fuad seorang yang luar biasa. Oleh itu, pasangannya mestilah seorang yang luar biasa juga. (hal 126)	Konteks ini tidak memberikan maklumat tentang peristiwa yang akan berlaku, hanya maklumat tentang pandangan Farhana terhadap Fuad.
Fuad memberikan kad harijadi kepada Farhana	<b>Data : (126-127)</b> Mula: Ana ... Hari ni kau ada dapat kad tak?  Akhir: Tentulah aku suka. Kau tahu sebab apa aku suka? Sebab, kau yang bagi!	<b>Inti Pati</b> (i) Pertanyaan Fuad tentang kad (ii) Pertanyaan tentang warna, keadaan kad (iii) Fuad memberitahu kadnya murah (iv) Fuad berlawak (v) Fuad ingin tahu reaksi Farhana (vi) Farhana menyatakan reaksinya.



**Jadual 4.27, sambungan**

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
15  Fuad memberikan kad harijadi kepada Farhana	<b>Konteks Relevan</b> (i)Farhana hendak beredar dengan cepat setelah berkata begitu (ii)Fuad menahan (iii)Farhana berdebar-debar dan cemas. (hal 127)	Konteks ini memberikan kesinambungan maklumat kepada data, iaitu gambaran perasaan malu dan cemas Farhana setelah menyatakan reaksinya terhadap kad yang diberikan oleh Fuad.

Jadual 4.27 memaparkan analisis konteks peristiwa 15, iaitu peristiwa Fuad memberikan kad harijadi kepada Farhana menggunakan 14 dialog. Berdasarkan analisis, didapati tidak ada penyediaan konteks sebelum peristiwa 15 ini, iaitu tidak ada gambaran maklumat bahawa Fuad hendak berbual tentang kad hari jadi yang diberikannya. Konteks ini tidak relevan kerana konteks sebelum peristiwa ini memperkatakan gambaran fikiran Farhana tentang kriteria pasangan Fuad. Inti pati data dalam peristiwa ini pula ialah maklumat tentang kad hari jadi yang diberikan Fuad, harga kad, lawak oleh Fuad, pertanyaan Fuad dan reaksi Farhana.

Walau bagaimanapun, didapati peristiwa ini mempunyai kesinambungan maklumat dengan konteks pascadata, iaitu maklumat tentang perasaan malu dan cemas Farhana ekoran daripada pemberian maklumat tentang reaksinya terhadap kad hari jadi yang diberikan oleh Fuad. Walaupun terdapat penyediaan konteks pascadata, namun peristiwa ini menggunakan 14 dialog bagi melengkapkan maklumat yang sepatutnya. Perkara ini berlaku bertitik tolak atas faktor pengulangan unsur pertanyaan yang digunakan oleh Fuad yang bertanya tentang kad yang diberikannya sehinggalah mencapai tujuannya untuk mengetahui reaksi dan perasaan Farhana. Tindakan Fuad ini bertepatan dengan pendapat Zawiyah Mohammad Yusof (2009) yang mengatakan bahawa salah satu fungsi pertanyaan adalah untuk mengetahui perasaan (p.101). Pengulangan unsur pertanyaan yang signifikan dalam peristiwa bahasa memberikan impak terhadap kepanjangan sesebuah peristiwa. Walau bagaimanapun, penggunaan

unsur ini merupakan strategi untuk mempamerkan kesopanan sebagaimana pendapat Siti Hajar Abdul Aziz (2009) yang mengatakan bahawa salah satu cara untuk menjadikan permintaan nampak lebih sopan dan beradab adalah dengan menggunakan permintaan dalam bentuk pertanyaan (p.211). Tambahan pula struktur ayat yang digunakan dalam dialog peristiwa ini ringkas kerana relevan dengan pengulangan unsur pertanyaan agar lebih mudah difahami dan jelas. Peristiwa ini juga menyelitkan unsur lawak bagi mengelakkan ketegangan antara kedua-dua watak yang turut menyumbang kepada penggunaan jumlah dialog dalam peristiwa ini.

Seterusnya, analisis **peristiwa 17** berdasarkan konteks peristiwa terdapat dalam Jadual 4.28 berikut:

**Jadual 4.28:** Analisis Konteks Peristiwa 17

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
17  Perbualan semasa memesan makanan	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad dan Farhana duduk berhadapan (ii)Farhana berada dalam keadaan sedikit serba salah (iii)Keserbasalahannya lenyap apabila pelayan datang untuk mengambil pesanan (128).	Konteks ini relevan kerana memberikan gambaran peristiwa yang akan berlaku seterusnya dengan kedatangan pelayan.
	<b>Data : (128-129).</b> Mula : Kau nak makan apa Ana?  Akhir : La ... Tak percaya? Kalau tak percaya, balik rumah nanti jangan lupa tengok cermin.	<b>Inti Pati</b> (i)Fuad memesan makanan (ii)Gurauan pasal makanan (iii)Pujian Fuad kepada Farhana (iv)Penafian Farhana (v)Cadangan Fuad kepada Farhana sambil bergurau.
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Farhana terdiam. (ii)Berusaha mencari kata-kata yang baik untuk menyembunyikan debaran setelah dipuji (iii) Farhana agak cemas. (hal. 129).	Konteks ini memberi gambaran kesinambungan maklumat dengan data kerana menggambarkan reaksi Farhana yang cemas setelah dipuji oleh Fuad.

Jadual 4.28 memaparkan analisis konteks peristiwa 17, iaitu peristiwa perbualan semasa memesan makanan yang menggunakan lima dialog. Berdasarkan analisis, didapati ada penyediaan konteks, iaitu sebelum dan selepas peristiwa 17 ini. Perenggan sebelum peristiwa ini sudah memberikan gambaran maklumat tentang perasaan

Farhana dan kedatangan pelayan dapat menjelas dan melengkapkan maklumat dalam peristiwa 17 ini, iaitu tentang pemesanan makanan. Konteks ini relevan dengan inti pati data dalam peristiwa ini, iaitu maklumat tentang pemesanan makanan, gurauan, pujian, penafian Farhana dan gurauan Fuad. Selepas peristiwa ini, perenggan pada halaman 129 memperlihatkan kesinambungan maklumat, iaitu gambaran perasaan cemas Farhana setelah mendengar kata-kata Fuad dalam slot gurauan antara mereka lebih-lebih lagi yang melibatkan pujian Fuad. Faktor penyediaan konteks pra dan pascadata mempengaruhi penggunaan jumlah dialog dalam peristiwa ini. Penggunaan lima dialog memadai kerana dapat memberikan maklumat bagi melengkapkan peristiwa 17 ini atas faktor penyediaan konteks pra dan pascadata.

Sementara analisis **peristiwa 29** berdasarkan konteks peristiwa terdapat dalam Jadual 4.29 berikut:

**Jadual 4.29:** Analisis Konteks Peristiwa 29

Peristiwa	Konteks	Kesinambungan Maklumat
29	<p><b>Konteks Relevan</b></p> <p>(i)Farhana setuju dengan cadangan Fuad untuk menyiasat tentang latar belakang ibunya</p> <p>(ii)Farhana berdebar dan cemas sehingga urat nadinya sehingga berasa lemah (hal.184).</p>	Konteks ini relevan kerana pengarang sudah memberikan gambaran debaran perasaan Farhana lebih awal tentang pertanyaan Fuad tentang ibunya.
Fuad mencungkil latar belakang ibu Farhana	<p><b>Data : (184-185).</b></p> <p>Mula : Pernah tak kau tinggal di Kuala Lipis?</p> <p>Akhir : Pernah tak kau tengok cincin tu?</p> <p>Farhana :(menggeleng)</p>	<p>Inti Pati</p> <p>(i)Fuad bertanya tempat tinggal Farhana</p> <p>(ii)Fuad bertanya asal-usul ibu Farhana</p> <p>(iii)Fuad bertanya adakah Farhana bercerita tentang Fuad kepada ibunya</p> <p>(iv)Fuad bertanya tentang cincin</p>
	<p><b>Konteks Relevan</b></p> <p>(i)Fuad sedar pertanyaannya tentang cincin tidak akan banyak membantu.</p> <p>(ii)Cincin yang sebentuk lagi ada di tangan ayahnya.</p> <p>(iii) Dia sukar untuk membuat perbandingan kerana tidak pernah melihatnya (hal. 185).</p>	Konteks ini relevan kerana memperlihatkan kesinambungan maklumat tentang cincin yang ditanyakan oleh Fuad bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas.

Jadual 4.29 memaparkan analisis peristiwa 29, iaitu peristiwa Fuad mencungkil latar belakang ibu Farhana menggunakan 11 dialog. Peristiwa ini memperlihatkan penyediaan konteks, iaitu sebelum dan selepas peristiwa ini. Konteks sebelum peristiwa ini pada halaman 184 sudah menggambarkan maklumat tentang perasaan cemas Farhana setelah mendengar sedikit sebanyak tentang isu yang ditimbulkan oleh Fuad. Oleh itu, sudah ada gambaran maklumat bahawa Fuad akan berbincang lebih lanjut tentang ibu Farhana dengan Farhana. Inti pati data dalam peristiwa ini meliputi pertanyaan Fuad tentang tempat tinggal Farhana, asal-usul ibunya dan pertanyaan tentang cincin kepunyaan ibu Farhana.

Konteks selepas peristiwa ini berkesinambungan dengan peristiwa 29, iaitu berkaitan maklumat tentang cincin yang ditanyakan oleh Fuad kepada Farhana. Walaupun ada penyediaan konteks pra dan pascadata, namun peristiwa ini menggunakan 11 dialog. Perkara ini berlaku atas faktor pengulangan unsur pertanyaan yang bertepatan dengan strategi seseorang untuk mendapatkan maklumat dengan lebih tepat dan terperinci sebagaimana yang dilakukan oleh Fuad. Ketepatan dan kesesuaian maklumat perlu dititikberatkan antara dua individu yang terlibat dalam komunikasi sebagaimana pendapat Shamsudin A.Rahim (2003) yang mengatakan bahawa setiap individu yang terlibat dalam proses komunikasi harus memastikan maklumat yang tersebar itu, jelas, tidak berlaku pembaziran, bersesuaian atau secocok dengan objektif komunikasi (p.86). Penggunaan unsur pertanyaan yang berulang bagi memperoleh ketepatan maklumat yang dilakukan oleh watak Fuad telah menyumbang kepada penggunaan jumlah 11 dialog dalam peristiwa ini. Zawiyah Mohammad Yusof (2009) menegaskan bahawa fungsi utama pertanyaan adalah untuk mendorong komunikasi, seterusnya mencapai matlamat dan sekali gus untuk mendapatkan sesuatu fakta (p.100).

Seterusnya, analisis bagi **peristiwa 10** dan **12** dalam kelompok penggunaan jumlah maksimumnya lima, didapati penggunaan jumlah dialognya tidak memperlihatkan perbezaan yang ketara, iaitu masing-masing lapan dan tujuh dialog. Analisis **peristiwa 10** berdasarkan konteks pula terdapat dalam Jadual 4.30 berikut:

**Jadual 4.30:** Analisis Konteks Peristiwa 10

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
10  Perbualan tentang keluarga Farhana	<b>Konteks Tidak Relevan</b> Dia boleh bercakap dan bergurau tentang apa-apa sahaja dengan Fuad di sekolah, tetapi entah mengapa keaslian sikapnya seolah-olah dikepong dalam suasana begitu. Duduk pun dia serba tidak kena, seolah-olah Fuad memerhatinya walaupun hakikatnya anak muda itu menumpukan perhatian sepenuhnya pada jalan raya (hal.72)	Konteks ini tidak relevan dengan peristiwa yang akan berlaku kerana hanya berkaitan dengan pandangan Farhana tentang dirinya sendiri ketika berada dalam kereta bersama-sama dengan Fuad.
	<b>Data: (72-73)</b> Mula: Diam saja Ana, takutkah? Siapa ada di rumah? Akhir: Tak apa.	<b>Inti Pati</b> (i)Fuad bertanya tentang keluarga Farhana (ii)Farhana memberitahu tentang ibu dan adik-adiknya (ii)Fuad bertanya tentang ayah Farhana kerana tidak mengetahui ayah Farhana sudah meninggal.
	<b>Konteks Tidak Relevan</b> Secepat itu juga Farhana membalas, untuk mengikis perasaan bersalah Fuad. “Awak pula macam mana?” (hal. 73)	Konteks ini tidak relevan kerana maklumatnya tidak berkesinambungan dengan data. Konteks ini menandakan pertukaran topik perbualan.

Jadual 4.30 memaparkan analisis peristiwa 10, iaitu perbualan tentang keluarga Farhana menggunakan lapan dialog. Peristiwa ini tidak memperlihatkan penyediaan konteks pra dan pascadata kerana konteks sebelumnya tidak relevan, iaitu tidak memberikan gambaran akan maklumat perbualan tentang keluarga Farhana. Maklumat tersebut tentang gambaran fikiran Farhana tentang dirinya sendiri. Inti pati data dalam peristiwa ini pula berkisar tentang pertanyaan Fuad berkaitan keluarga Farhana, tentang ibu dan adik-adik Farhana dan ayah Farhana yang sudah meninggal dunia. Konteks pascadata, iaitu dua ayat pada halaman 73 juga tidak memberikan gambaran kesinambungan maklumat. Dua ayat tersebut menandakan tindakan pantas Farhana

untuk mengelakkan Fuad daripada berasa bersalah setelah bertanya tentang ayah Farhana yang sudah tiada. Farhana bertindak dengan cara menukar topik perbualan, iaitu bertanya tentang hal Fuad. Pengarang menyudah atau menamatkan peristiwa ini dengan cara menukar topik perbualan melalui watak Farhana dan peristiwa ini tidak memperlihatkan pengaruh konteks. Walaupun tiada penyediaan konteks, namun lapan dialog memadai bagi melengkapkan peristiwa ini.

Sementara analisis **peristiwa 12** berdasarkan konteks terdapat dalam Jadual 4.31 berikut:

**Jadual 4.31:** Analisis Konteks Peristiwa 12

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
12	<b>Konteks Relevan</b> (i) Mereka sampai di bandar Dungun (ii) Fuad memberhentikan keretanya di hadapan sebuah warung (hal. 75)	Konteks ini relevan kerana memberikan gambaran maklumat yang mereka hendak singgah makan.
Perbualan ketika singgah dan selepas makan	<b>Data : (75-76)</b> Mula : Jom, kita makan dulu. Akhir : Laa ingatkan kau tak tahu.	<b>Inti Pati</b> (i) Fuad mengajak Farhana makan (ii) Nasihat Fuad berkaitan pembaziran (iii) Pujian Farhana atas kebaikan Fuad (iv) Pertanyaan Fuad yang hendak mencari masjid.
	<b>Konteks Relevan</b> (i) Fuad memandu dan berhenti di hadapan sebuah masjid. (ii) Mereka keluar bersama-sama kemudian berpisah arah, (hal.76)	Konteks ini relevan kerana memberikan maklumat tentang Fuad yang hendak mencari masjid untuk solat.

Jadual 4.31 memaparkan analisis konteks peristiwa 12, iaitu perbualan ketika singgah dan selepas makan yang menggunakan tujuh dialog. Peristiwa ini memperlihatkan penyediaan konteks pra dan pascadata. Konteks sebelum peristiwa ini relevan kerana memberikan gambaran maklumat bahawa Fuad dan Fahana akan singgah makan, iaitu Fuad berhenti di hadapan warung. Konteks ini relevan dengan inti pati data dalam peristiwa ini yang memaparkan maklumat tentang Fuad mengajak

Farhana makan, nasihat Fuad tentang pembaziran, pujian Farhana dan pertanyaan Fuad tentang masjid. Sementara konteks selepasnya berdasarkan perenggan halaman 76 merupakan kesinambungan maklumat kerana berkaitan dengan pertanyaan Fuad yang hendak mencarikan masjid untuk solat. Oleh itu, penyediaan konteks pradata dan pascadata memberikan sumbangan maklumat dalam melengkapkan peristiwa ini.

**(b) Analisis Konteks Peristiwa – peristiwa dalam Pola 2 Variasi (ii)**

Selanjutnya, **peristiwa 4** dan **33** yang mematuhi **variasi (ii)** memperlihatkan penggunaan jumlah maksim sama, penggunaan jenis maksim sama tetapi jumlah dialog berbeza. Kedua-dua peristiwa menggunakan maksim yang sama, iaitu Maksim Kebijaksanaan dan Persetujuan atas faktor kedua-dua peristiwa mempunyai objektif yang sama, iaitu untuk mendapatkan persetujuan tentang sesuatu perkara selain menggunakan cara yang berhemah walaupun bahan bualannya berbeza-beza. Analisis **peristiwa 4** berdasarkan konteks terdapat dalam Jadual 4.32 berikut:

**Jadual 4.32:** Analisis Konteks Peristiwa 4

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
4  Farhana memberikan maklumat tentang kertas bahasa Inggeris.	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad bersetuju dan memahami penerangan Farhana tentang kertas bahasa Inggeris. (ii)Fuad mengambil berat akan nasib pelajar yang mengambil kertas bahasa Inggeris. (hal.40)	Konteks ini relevan kerana memberikan gambaran tentang sikap Fuad yang mengambil berat akan nasib pelajar yang terpaksa mengambil kertas bahasa Inggeris 1119.
	<b>Data : (hal. 40)</b> Mula: Fuad dulu tentu ambil kertas ni, kan? Akhir :Farhana. Panggil saya Farhana, sudahlah. Esok lusa boleh panggil Ana saja.	<b>Inti Pati</b> (i)Farhana inginkan kepastian bahawa Fuad menduduki kertas yang sama (ii)Fuad mengiakan dan bertanya Farhana semula (iii)Farhana meminta dirinya dipanggil Ana apabila Fuad memanggilnya dengan panggilan Cikgu Farhana.
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad ketawa apabila Farhana meminta dirinya dipanggil Ana (ii)Fuad bertanya tentang buku-buku (iii)Fuad masih malu-malu bertanya (hal.40)	Konteks ini relevan kerana maklumat berkesinambungan dengan data sebelumnya, iaitu rekasi Fuad apabila Farhana meminta dirinya dipanggil Ana.

Jadual 4.32 memaparkan analisis konteks peristiwa 4, iaitu peristiwa Farhana memberikan maklumat tentang kertas bahasa Inggeris menggunakan tiga dialog. Peristiwa ini memperlihatkan penyediaan konteks pradata dan pascadata bagi melengkapkan maklumat dalam peristiwa ini. Konteks pradata didapati relevan kerana memberikan gambaran maklumat tentang kertas bahasa Inggeris yang berkaitan dengan inti pati data. Inti pati data meliputi Farhana inginkan kepastian tentang kertas bahasa Inggeris, respons Fuad dan permintaan Farhana agar Fuad memanggilnya Ana. Hal yang sama berlaku selepas peristiwa ini, iaitu ada kesinambungan maklumat ekoran daripada Farhana meminta dirinya dipanggil Ana. Konteks pascadata memberikan maklumat tentang reaksi Fuad setelah Farhana meminta dirinya dipanggil Ana. Penggunaan tiga dialog mencukupi untuk melengkapkan peristiwa ini atas faktor penyediaan konteks pradata dan pascadata.

Sementara analisis konteks bagi **peristiwa 33** pula terdapat dalam Jadual 4.33 berikut:

**Jadual 4.33:** Analisis Konteks Peristiwa 33

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
33	<p><b>Konteks Relevan</b></p> <p>(i)Farhana tersengih mendengar pesanan ibunya waktu di lapangan terbang.</p> <p>(ii)Mak Salmah meminta Farhana mendengar pesanan ibunya walaupun 50 kali.</p> <p>(iii)Mak Salmah terharu dengan kemesraan yang wujud dalam keluarga itu (hal. 208)</p>	Konteks ini relevan kerana memberikan gambaran bahawa Fuad akan berpesan kepada Farhana selepas ibunya berpesan kerana Fuad juga berangkat ke Mekah.
Fuad berpesan kepada Farhana sebelum pemergiannya ke Mekah.	<p><b>Data: (208)</b></p> <p>Mula: Ana. Kalau rajin, tolong-tolonglah masukkan baju ab ... aku ke dalam beg..taklah kelam-kabut nanti.</p> <p>Akhir : Nanti kau balik, beg engkau dah siap tiga buah depan pagar.(hal.208)</p>	<p><b>Inti Pati</b></p> <p>(i)Pesanan Fuad kepada Farhana agar membantunya mengemas barang</p> <p>(ii) Persetujuan Farhana dalam bentuk gurauan atas pesanan Fuad ketika di lapangan terbang.</p>
	<p><b>Konteks Relevan</b></p> <p>(i)Mariana menegur Farhana yang bergurau dengan abangnya, Fuad.</p> <p>(ii)Mariana memberitahu Faud bahawa Farhana memang bersikap begitu.</p> <p>(iii) Mariana berharap selepas ini ada orang yang berani menegur sikap Farhana (hal.208)</p>	Konteks ini relevan kerana berkesinambungan dengan data ekoran daripada jawapan Farhana kepada Fuad. Mariana menegur sikap Farhana yang menjawab Fuad dengan gurauan.



Jadual 4.33 memaparkan analisis konteks peristiwa 33, iaitu peristiwa Fuad berpesan kepada Farhana sebelum pemergiannya ke Mekah hanya menggunakan dua dialog. Peristiwa ini juga memperlihatkan penyediaan konteks pra dan pascadata. Konteks sebelum peristiwa ini merupakan pesanan Mariana kepada Farhana yang memberikan gambaran sudah pasti Fuad juga meninggalkan pesan kerana Fuad juga akan berangkat ke Mekah dan berkaitan dengan data. Inti pati data termasuklah pesanan Fuad dan persetujuan Farhana dengan gurauan. Konteks pascadata juga relevan kerana berkesinambungan dengan data, iaitu nasihat Mariana kepada Farhana ekoran gurauan Farhana terhadap pesanan Fuad. Peristiwa ini memperlihatkan penggunaan dua dialog untuk melengkapkan maklumat yang secukupnya atas faktor penyediaan konteks pradata dan pascadata.

**(c) Analisis Konteks Peristiwa – peristiwa dalam Pola 2 Variasi (iii)**

Seterusnya, analisis **peristiwa 18** dan **21** yang mematuhi **variasi (iii)**, iaitu penggunaan jumlah maksim berbeza dan jumlah dialog berbeza. Peristiwa 18 menggunakan enam maksim dan 14 dialog manakala peristiwa 21 menggunakan tiga maksim dan lapan dialog. Analisis **peristiwa 18** berdasarkan konteks terdapat dalam Jadual 4.34 berikut:

**Jadual 4.34:** Analisis Konteks Peristiwa 18

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
18 Farhana ingin mendapat kepastian Fuad	<b>Konteks Tidak Relevan</b> Akhirnya tiada apa-apa yang terlintas. Akhirnya dia bersuara perlahan. (129)	Konteks ini tidak relevan kerana tidak menyumbang apa-apa maklumat kepada peristiwa 18 bahawa Farhana hendak meminta kepastian Fuad.

**Jadual 4.34, sambungan**

Peristiwa	Konteks	Kesinambungan Maklumat
18  Farhana ingin mendapat kepastian Fuad	<p><b>Data : (129-130)</b> Mula : Fuad, aku tanya kau sikit boleh? Kenapa kau ajak aku keluar ni?  Akhir: Tak mengapa</p>	<p><b>Inti Pati</b> (i)Farhana bertanya kerana ingin kepastian (ii)Fuad memberikan jawapannya (iii)Fuad memuji Farhana istimewa dan cantik (iv)Farhana menafikan (v)Farhana mengatakan Sofea lebih cantik (vi)Fuad mengatakan Farhana cemburu (vii)Fuad menekankan bahawa Sofea adiknya dan sudah meninggal dunia (viii)Farhana meminta maaf dan Fuad memahami dan menerimanya.</p>
	<p><b>Konteks Relevan</b> (i)Suasana menjadi tegang dan asing bagi mereka. (ii)Farhana berasa bersalah atas isu yang dibangkitkannya (130).</p>	<p>Konteks ini relevan kerana maklumat ini memberikan gambaran tentang kesan daripada isu adik Fuad yang telah meninggal dibangkitkan oleh Farhana.</p>

Jadual 4.34 memaparkan analisis konteks peristiwa 18, iaitu peristiwa Farhana ingin mendapatkan kepastian Fuad dengan menggunakan 14 dialog. Peristiwa ini tidak memperlihatkan penyediaan konteks pradata kerana konteksnya tidak relevan, iaitu tidak jelas memberikan gambaran bahawa Farhana hendak meminta kepastian Fuad. Inti pati data peristiwa ini tentang pertanyaan Farhana, respons Fuad, pujian Fuad, penafian Farhana, tentang Sofea, tanggapan Fuad, penegasan Fuad bahawa adiknya sudah meninggal dunia dan permohonan maaf Farhana.

Walau bagaimanapun, konteks pascadata, iaitu perenggan pada halaman 130 memberikan gambaran kesinambungan maklumat dengan data kerana menggambarkan impak situasi tersebut dan perasaan bersalah Farhana akibat membangkitkan isu Sofea yang telah meninggal dunia. Walaupun ada penyediaan konteks pascadata, namun 14 dialog digunakan dalam peristiwa ini. Perkara ini berlaku

bertitik tolak daripada pelbagai isu yang wujud secara spontan sehingga menimbulkan konflik dan perbualan menjadi meleret-leret sebagaimana dalam inti pati data sehinggalah permintaan maaf diujarkan oleh Farhana agar konflik tidak berlarutan. Ujaran maaf dalam konteks peristiwa ini dapat menamatkan konflik sebagaimana dalam kajian Nurul Jamilah (2010) yang mengatakan bahawa maaf mempunyai hubungan dalam menjaga nilai kesantunan antara penutur dan pendengar untuk mengelakkan perasaan dendam dan perbalahan antara kedua-dua pihak (p.7). Kepelbagaian isu sehingga kepada proses penyelesaian konflik dalam peristiwa ini menyumbang kepada peningkatan penggunaan jumlah dialog.

Sementara analisis berdasarkan konteks bagi **peristiwa 21** pula terdapat dalam Jadual 4.35 yang berikut:

**Jadual 4.35:** Analisis Konteks Peristiwa 21

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
21	<b>Konteks Tidak Relevan</b> “Pergilah,” balas Farhana. Ketara sekali riak tidak senang pada kata-katanya. (131)	Konteks ini tidak relevan kerana tidak memberikan gambaran maklumat yang jelas dan tidak berkaitan dengan data, sebaliknya berkaitan dengan persetujuan Farhana apabila Fuad hendak ke rumah Zamani.
Fuad hendak membawa Farhana ke rumah selepas makan	<b>Data : (131-132)</b> Mula : Selepas ni ikut aku balik rumah sekejap boleh tak? Mandi, makan-makan dulu. Selepas isyak nanti aku hantar kau, langsung ke rumah Cikgu Zamani. Nak tak? Akhir: Alah, cakap dah bertunang buat apa. Baik aku cakap dah kahwin.	<b>Inti Pati</b> (i)Fuad bercadang membawa Farhana ke rumahnya (ii)Gurauan Farhana (iii)Gurauan tentang aiskrim (iv)Fuad mengalah (v)Fuad hendak ke tandas dan bergurau (vi)Farhana membalas gurauan Fuad
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Gurauan Fuad dan Farhana meleret-leret. (ii)Fuad tersenyum-senyum melihat telatah Farhana yang ada-ada saja ilhamnya menjawab. (iii) Fuad membayangkan dunia akan kelam jika Farhana bermurung. (132)	Konteks ini berkesinambungan dengan data, iaitu kesan gurauan antara Fuad dan Farhana membuat Fuad berfikir tentang Farhana.

Jadual 4.35 memaparkan analisis konteks peristiwa 21, iaitu peristiwa Fuad hendak membawa Farhana ke rumah selepas makan menggunakan lapan dialog. Peristiwa ini tidak memperlihatkan penyediaan konteks pradata kerana konteks sebelumnya tidak relevan, iaitu tidak memberikan gambaran awal bahawa Fuad hendak membawa Farhana ke rumahnya sebagaimana dalam data, sebaliknya berkaitan dengan persetujuan Farhana apabila Fuad hendak ke rumah Zamani. Inti pati data peristiwa ini pula tentang cadangan Fuad untuk membawa Farhana ke rumah, gurauan Farhana, gurauan tentang aiskrim, Fuad mengalah dan gurauan antara Fuad dan Farhana. Walau bagaimanapun, konteks selepasnya, iaitu perenggan pada halaman 132 memberikan gambaran kesinambungan maklumat dengan data kerana gurauan antara Fuad dan Farhana membuat Fuad berfikir tentang Farhana. Walaupun ada penyediaan konteks pascadata, namun lapan dialog digunakan dalam peristiwa ini. Peristiwa ini memperlihatkan penggunaan unsur gurauan yang meleret-leret dan berulang kali sehingga turut menyumbang terhadap penggunaan jumlah lapan dialog. Walau bagaimanapun, unsur gurauan ini merupakan strategi penting dalam berkomunikasi sebagaimana pandangan Wan Aminurrashid (2002) bahawa senda gurau penting semasa bercakap supaya perbualan kita tidak membosankan pendengar dan menghilangkan tekanan (p.19).

**(d) Analisis Konteks Peristiwa – peristiwa dalam Pola 2 Variasi (iv)**

Peristiwa **9, 14, 16, 20, 26, 19** dan **27** yang mematuhi **variasi (iv)** memperlihatkan penggunaan jumlah maksim sama, iaitu tiga maksim dan jumlah dialog sama. Jumlah dialog dikatakan sama kerana kelompok peristiwa 9, 14 dan 16 menggunakan enam dialog, kelompok peristiwa 20 dan 26 menggunakan empat dialog manakala kelompok peristiwa 19 dan 27 menggunakan lima dialog.

Kelompok **peristiwa 9, 14** dan **16** menggunakan enam dialog dan analisis **peristiwa 9** berdasarkan konteks terdapat dalam Jadual 4.36 berikut:

**Jadual 4.36:** Analisis Konteks Peristiwa 9

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
9	<p><b>Konteks Relevan</b></p> <p>(i)Fuad berasa serba salah hendak mempelawa Farhana menumpang keretanya</p> <p>(ii)Fuad bimbang disalah anggap</p> <p>(iii)Fuad terus melangkah dan tidak mahu Farhana hilang daripada pandangannya.</p> <p>(iv)Keretanya pula memang kosong. (70)</p>	<p>Konteks ini relevan kerana memberikan gambaran maklumat bahawa Fuad sudah merancang hendak mempelawa Farhana menumpang keretanya.</p>
Fuad mengajak Farhana menumpang keretanya	<p><b>Data : (70-72)</b></p> <p>Mula: Ana! Farhana! Nak balik?</p> <p>Akhir: Okey.</p>	<p><b>Inti Pati</b></p> <p>(i)Fuad mempelawa Farhana menumpang keretanya.</p> <p>(ii) Farhana memberikan alasan untuk menolak.</p> <p>(iii)Fuad memujuk lagi dan Farhana bersetuju.</p> <p>(iv)Fuad meminta Farhana menunjukkan arah hendak membeli keropok lekor.</p> <p>(v)Fuad mengajak Farhana minum.</p>
	<p><b>Konteks Relevan</b></p> <p>(i)Mereka menaiki kereta menuju ke Losong</p> <p>(ii)Fuad hendak membeli keropok lekor yang terkenal sedapnya sebelum meneruskan perjalanan.</p> <p>(iii)Farhana mendiamkan diri dan masih berasa segan (72).</p>	<p>Konteks ini relevan kerana maklumat ini berkesinambungan dengan perancangan Fuad hendak membeli keropok lekor.</p>

Jadual 4.36 memaparkan analisis konteks peristiwa 9, iaitu peristiwa Fuad mengajak Farhana menumpang keretanya menggunakan enam dialog. Peristiwa ini memperlihatkan penyediaan konteks pradata dan pascadata. Konteks sebelum peristiwa ini memberikan maklumat awal bahawa Fuad ada perancangan hendak mempelawa Farhana menumpang keretanya apabila sudah membuat pertimbangan untuk menumpangkan Farhana dan relevan dengan data. Inti pati data peristiwa ini memaparkan pelawaan Fuad agar Farhana menumpang keretanya, penolakan Farhana, pujukan Fuad, permintaan Fuad agar Farhana menunjukkan arah jalan untuk membeli keropok lekor dan Fuad mengajak Farhana minum. Konteks pascadata juga relevan

kerana berkesinambungan dengan data, iaitu mempunyai kesinambungan dengan rancangan Fuad hendak membeli keropok lekor apabila mereka menuju ke Losong. Peristiwa ini memperlihatkan penggunaan enam dialog untuk melengkapkan maklumat yang secukupnya atas faktor penyediaan konteks.

Seterusnya, analisis konteks bagi **peristiwa 14** pula terdapat dalam Jadual 4.37 yang berikut:

**Jadual 4.37:** Analisis Konteks Peristiwa 14

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
14	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad hendak menyatakan hajatnya pulang ke Sungai Ruan (ii) Telefon bimbitnya berbunyi. (iii)Fuad menekan punat sebelum bersuara. (89)	Konteks ini relevan kerana memberikan maklumat awal bahawa Fuad akan menerima panggilan telefon.
Perbualan Fuad dan Farhana dalam telefon.	<b>Data : (90)</b> Mula: Assalamualaikum ... Hei, akulah! Kau selamat tiba di rumah, kan? Akhir: Waalaikumussalam.	<b>Inti Pati</b> (i)Farhana bertanya khabar (ii)Fuad berjanji akan menelefon Farhana (iii) Farhana menyetujuinya.
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Swee Lan sudah menerpa ke arah Peter Lim ketika Fuad berbual dalam telefon. (ii)Fuad berhenti berbual melalui telefon. (iii)Swee Lan dapat mendengar nama orang yang menghubungi Fuad dan teringat dengan Mariana (91).	Konteks ini berkesinambungan dengan peristiwa yang berlaku iaitu, Fuad berhenti berbual dan Swee Lan mengetahui orang yang bercakap dengan Fuad dalam telefon.

Jadual 4.37 memaparkan analisis konteks peristiwa 14, iaitu peristiwa Fuad dan Farhana berbual dalam telefon menggunakan enam dialog. Peristiwa ini memperlihatkan penyediaan konteks pradata dan pascadata. Konteks sebelum peristiwa ini memberikan maklumat awal bahawa Fuad akan menerima panggilan telefon, berdasarkan maklumat awal apabila telefon Fuad berdering dan relevan dengan data. Inti pati data dalam peristiwa ini meliputi pertanyaan Farhana tentang situasi Fuad, janji Fuad untuk telefon semula dan persetujuan Farhana. Konteks pascadata juga relevan kerana berkesinambungan dengan data, iaitu memberikan maklumat bahawa Fuad berhenti berbual dan Swee Lan mengetahui lawan bicara Fuad

tersebut walaupun ketika itu situasinya agak cemas. Walaupun ada penyediaan konteks pra dan pascadata, namun perbualan dalam peristiwa ini ditamatkan oleh situasi cemas yang dicetuskan oleh Peter Lim yang sakit sehingga memendekkan slot ini. Peristiwa ini memperlihatkan penggunaan jumlah enam dialog atas faktor slot situasi cemas dalam plot peristiwa.

Seterusnya, analisis konteks peristiwa 16 pula terdapat dalam Jadual 4.38 yang berikut:

**Jadual 4.38:** Analisis Konteks Peristiwa 16

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
16  Fuad mempelawa Farhana keluar berjalan	<b>Konteks Tidak Relevan</b> Setelah berkata begitu, Farhana cuba beredar. Ditariknya buku kedatangan murid, lalu mula menapak (127).	Konteks ini tidak relevan kerana tidak memberikan gambaran maklumat bahawa Fuad hendak membawa Farhana keluar.
	<b>Data : (127)</b> Mula: Ana, duduk kejam.  Akhir: Petang ni ... bolehlah. Setakat jalan-jalan apa salahnya.	<b>Inti Pati</b> (i)Fuad meminta Farhana duduk. (ii)Fuad memberitahu hasratnya hendak membawa Farhana keluar berjalan-jalan (iii)Farhana menyetujuinya dengan cakap yang berlapik.
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Farhana berfikir bahawa cakupnya lebih berlapik (ii)Mereka sudah berbual tentang perkara yang sensitif, terkeluar dari landasan persahabatan. (iii) Fuad lega mendengar jawapan Farhana.(128)	Konteks ini relevan kerana berkesinambungan dengan data, iaitu Farhana berfikir tentang cara dia menjawab pelawaan Fuad dengan lebih berlapik dan Fuad juga lega dengan jawapan Farhana. Masing-masing ingin menjaga maruah diri.

Jadual 4.38 memaparkan analisis konteks peristiwa 16, iaitu peristiwa Fuad mempelawa Farhana keluar berjalan menggunakan enam dialog. Peristiwa ini tidak memperlihatkan penyediaan konteks pradata kerana konteks sebelumnya tidak relevan, iaitu tentang tindakan Farhana yang hendak beredar dan tidak memberikan gambaran bahawa Fuad akan mempelawa Farhana keluar berjalan. Inti pati data pula tentang permintaan Fuad, iaitu Fuad memberitahu hasratnya untuk membawa Farhana berjalan dan persetujuan Farhana. Walau bagaimanapun, konteks pascadata, iaitu

perenggan pada halaman 128 memberikan gambaran kesinambungan maklumat dengan data. Ekoran daripada perbualan dalam peristiwa ini, Farhana berfikir tentang cara dia menjawab pelawaan Fuad dengan lebih berlapik dan Fuad juga lega dengan jawapan Farhana. Walaupun tiada penyediaan konteks pradata, namun penyediaan konteks pascadata dan penggunaan enam dialog dapat memberikan maklumat atau gambaran yang menyeluruh tentang peristiwa ini.

Kelompok **peristiwa 20** dan **26** pula menggunakan empat dialog dan analisis **peristiwa 20** berdasarkan konteks terdapat dalam Jadual 4.39 berikut:

**Jadual 4.39:** Analisis Konteks Peristiwa 20

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
20	<b>Konteks Tidak Relevan</b> Farhana tergelak. Dia senang dilayan-layan begitu, biarpun agak kecewa kerana gagal menebak isi hati Fuad. (131)	Konteks ini tidak relevan kerana tidak memberikan gambaran tentang Fuad hendak memberitahu bahawa dia hendak ke rumah Zamani. Konteks ini tentang perasaan Farhana.
Fuad hendak ke rumah Cikgu Zamani	<b>Data : (131)</b> Mula: Err Ana, malam ni aku nak ke rumah Cikgu Zamani, tau.  Akhir: Pergilah.	<b>Inti Pati</b> (i)Fuad memberitahu yang dia hendak ke rumah Cikgu Zamani. (ii)Farhana bertanya tujuannya. (iii)Fuad memberitahu Zamani menjemputnya. (iv)Farhana menyuruh Fuad pergi.
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad mengajak Farhana mengikutnya balik. (ii)Makan di rumahnya. (iii)Fuad akan menghantar Farhana pulang dan terus ke rumah Zamani. (131)	Konteks ini berkesinambungan dengan data kerana berkesinambungan dengan maklumat Fuad hendak ke rumah Zamani selepas dia menghantar Farhana balik.

Jadual 4.39 memaparkan analisis konteks peristiwa 20, iaitu peristiwa Fuad hendak ke rumah Cikgu Zamani menggunakan empat dialog. Peristiwa ini tidak memperlihatkan penyediaan konteks pradata kerana konteksnya tidak relevan, iaitu tidak memberikan gambaran bahawa Fuad hendak memberitahu bahawa dia hendak ke rumah Zamani sebaliknya tentang perlakuan Farhana. Inti pati data ialah maklumat tentang Fuad hendak ke rumah Zamani, pertanyaan Farhana, jawapan Fuad dan



persetujuan Farhana agar Fuad pergi. Walau bagaimanapun, konteks pascadata, iaitu perenggan pada halaman 131 memberikan gambaran kesinambungan maklumat dengan data. Ekoran daripada perbualan dalam peristiwa ini, Fuad memberitahu bahawa dia akan ke rumah Zamani selepas dia menghantar Farhana balik. Walaupun tiada penyediaan konteks pradata, namun penyediaan konteks pascadata dapat memberikan maklumat yang lengkap dalam peristiwa ini dan objektif komunikasi tercapai. Sementara analisis konteks **peristiwa 26** pula terdapat dalam Jadual 4.40 berikut:

**Jadual 4.40:** Analisis Konteks Peristiwa 26

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
26	<b>Konteks Tidak Relevan</b> Kau memang takut nak marah aku. Farhana tergelak kecil lalu menekup mulutnya. (176)	Konteks ini tidak relevan kerana tidak memberikan gambaran awal bahawa Fuad hendak bertanya tentang adik-adik Farhana.
Perbualan tentang adik-adik Farhana	<b>Data : (176)</b> Mula: Mak sakit pun kau boleh bising lagi? Eh, adik-adik kau di rumah siapa jaga?  Akhir: Kalau sudi tidur di kaki lima, apa salahnya. Tapi aku ingat misi mesti marah. Ginilah. Kau tipu sikit. Cakap kepada dia yang sakit tu mak engkau.	<b>Inti Pati</b> (i)Fuad bertanya tentang adik-adik Farhana. (ii)Farhana memberitahu adik-adiknya pandai berdikari. (iii)Fuad akan melawat adik-adik Farhana (iv)Fuad memberitahu dia hendak tidur di hospital. (v)Farhana menyarankan Fuad tidur di kaki lima wad dan memberitahu jururawat bahawa ibunya juga ibu Fuad.
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad tergelak. (ii)Fuad berharap ibu Farhana akan menjadi ibunya juga suatu hari nanti. (iii)Farhana tersipu malu kerana tahu perkara yang bermain dalam fikiran Fuad. (176)	Konteks ini relevan, iaitu berkesinambungan dengan data. Fuad ketawa dan Fuad mengharapkan ibu Farhana juga ibunya ekoran daripada cadangan Farhana.

Jadual 4.40 memaparkan analisis konteks peristiwa 26, iaitu peristiwa perbualan tentang adik-adik Farhana menggunakan empat dialog. Peristiwa ini tidak memperlihatkan penyediaan konteks pradata kerana konteks sebelumnya tidak relevan, iaitu tidak memberikan gambaran bahawa Fuad hendak bertanya tentang adik-adik Farhana, sebaliknya tentang gurauan Farhana. Inti pati data pula tentang

pertanyaan Fuad tentang adik-adik Farhana, respons Farhana, Fuad akan melawat adik-adiknya, Fuad hendak tidur di hospital dan cadangan Farhana agar Fuad tidur di kaki lima wad dan memberitahu jururawat bahawa ibu Farhana ialah ibunya. Walau bagaimanapun, konteks selepasnya, iaitu perenggan pada halaman 176 memperlihatkan kesinambungan maklumat dengan data. Fuad ketawa mendengar cadangan Farhana. Fuad mengharapkan ibu Farhana juga ibunya ekoran daripada cadangan Farhana agar dia tidur di kaki lima hospital dan menipu jururawat. Walaupun tiada penyediaan konteks pradata, namun penyediaan konteks pascadata memberikan sumbangan dalam melengkapkan peristiwa ini.

Kelompok **peristiwa 19** dan **27** pula memperlihatkan penggunaan lima dialog. Analisis konteks **peristiwa 19** terdapat dalam Jadual 4.41 berikut:

**Jadual 4.41:** Analisis Konteks Peristiwa 19

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
19  Bergurau pasal makanan	<b>Konteks Relevan</b> (i)Makanan yang dipesan tiba (ii)Fuad mewujudkan keriangannya dengan mengatur makanan (iii)Fuad melupakan peristiwa sebentar tadi dan tidak mahu melayan fikirannya kerana dia harus memanfaatkan waktu yang menyenangkan itu. (130)	Konteks ini relevan kerana pengarang memberikan gambaran awal bahawa Fuad hendak mewujudkan suasana yang ceria kerana tidak mahu waktu menyenangkan itu sia-sia.
	<b>Data : (130)</b> Mula: Aku lima kau lima belas. Kau makan banyak. Akhir: Okey ... Okey, maaf.	<b>Inti Pati</b> (i)Fuad bergurau dengan mengatakan Farhana makan banyak (ii)Farhana tidak mahu mengalah (iii)Fuad meminta maaf dan mengalah
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad mengangkat tangan tanda beralah. (ii)Sekali lagi Fuad meminta maaf dan mengucapkan selamat ulang tahun (131)	Konteks ini relevan kerana maklumat berkesinambungan dengan data, iaitu Fuad meminta maaf sekali lagi sebagai tanda beralah kerana tidak mahu gurauan mereka akan berpanjangan.

Jadual 4.41 memaparkan analisis konteks peristiwa 19, iaitu peristiwa bergurau pasal makanan menggunakan lima dialog. Peristiwa ini memperlihatkan penyediaan konteks pra dan pascadata. Konteks sebelum peristiwa ini memberikan maklumat awal

bahawa Fuad hendak mewujudkan suasana yang ceria kerana tidak mahu waktu yang menyenangkan itu menjadi sia-sia dan relevan dengan data. Konteks ini relevan dengan inti pati data yang memaparkan maklumat tentang gurauan Fuad, gurauan Farhana dan permintaan maaf Fuad. Konteks selepasnya juga relevan kerana berkesinambungan dengan data, iaitu Fuad mengalah apabila Farhana galak bergurau dan meminta maaf sekali lagi kerana tidak mahu gurauan mereka menjadi berpanjangan. Oleh itu, penyediaan konteks pra dan pascadata memberikan sumbangan dalam melengkapkan maklumat dalam peristiwa ini.

Analisis berdasarkan konteks bagi **peristiwa 27** pula terdapat dalam Jadual 4.42 berikut:

**Jadual 4.42:** Analisis Konteks Peristiwa 27

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
27  Fuad mengejutkan Farhana dari tidur	<b>Konteks Tidak Relevan</b> Dia menghampiri Farhana dengan sedikit berjingkit. Walau bagaimanapun, Farhana tersedar juga. (179)	Konteks ini tidak relevan kerana tidak memberikan gambaran bahawa Fuad hendak mengejutkan Farhana.
	<b>Data : (179-182)</b> Mula: Fuad. Akhir: Ada hal penting. Apa halnya, mari kita bincang di bawah. Mari.	<b>Inti Pati</b> (i)Fuad dengan tidak sengaja membuat Farhana terkejut dan menyuruhnya tidur semula (ii)Kemudian Fuad mengejutkan Farhana dan memintanya membasuh muka. (iii)Fuad hendak membincangkan hal penting dengan Farhana (iv)Farhana tertanya-tanya.
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad menarik tangan Farhana (ii)Fuad tidak begitu pasti apa sebabnya, tetapi nalurinya seolah-olah meyakinkan bahawa Farhana mahramnya. (iii)Fuad pasrah jika itu takdirnya.(182)	Konteks ini relevan kerana berkesinambungan dengan data, iaitu menggambarkan tindakan Fuad kerana hendak berbincang sesuatu yang penting dengan Farhana sebagaimana tujuannya mengejutkan Farhana dari tidur.

Jadual 4.42 memaparkan analisis konteks peristiwa 27, iaitu peristiwa Fuad mengejutkan Farhana dari tidur menggunakan lima dialog. Peristiwa ini tidak memperlihatkan penyediaan konteks pradata kerana konteksnya tidak relevan, iaitu

tidak memberikan gambaran bahawa Fuad hendak mengejutkan Farhana, sebaliknya Fuad bimbang Farhana terbangun. Inti pati data pula tentang Fuad tidak sengaja membuat Farhana terjaga, Fuad mengejutkan Farhana, Fuad hendak berbincang hal penting dan Farhana tertanya-tanya. Konteks selepasnya, iaitu perenggan pada halaman 182 memberikan gambaran kesinambungan maklumat dengan data. Perenggan ini relevan dengan tindakan Fuad yang hendak berbincang sesuatu perkara yang penting dengan Farhana. Fuad telah mengejutkan Farhana dari tidur dan menarik tangan Farhana untuk pergi berbincang. Walaupun tiada penyediaan konteks pradata, namun penyediaan konteks pascadata memberikan sumbangan maklumat yang lengkap dalam peristiwa ini walaupun dengan menggunakan lima dialog.

**Dapatan Analisis Konteks - Pola 2, 5 PS +3 PK** terhadap 17 peristiwa yang tercakup dalam Pola 2 terdapat dalam Jadual 4.43 yang berikut:

**Jadual 4.43:** Dapatan Analisis Konteks Pola 2

Bil. Peristiwa	No Peristiwa	Dapatan Analisis Konteks Pola 2, 5 PS + 3 PK		
		Pradata	Pascadata	Signifikan/Tidak
1	8	x	✓	Signifikan
2	15	x	✓	Tidak signifikan
3	17	✓	✓	Signifikan
4	29	✓	✓	Tidak signifikan
5	10	x	x	Penyediaan konteks Ø
6	12	✓	✓	Signifikan
7	4	✓	✓	Signifikan
8	33	✓	✓	Signifikan
9	18	x	✓	Tidak signifikan
10	21	x	✓	Tidak signifikan
11	9	✓	✓	Signifikan
12	14	✓	✓	Tidak signifikan
13	16	x	✓	Signifikan
14	20	x	✓	Signifikan
15	26	x	✓	Signifikan
16	19	✓	✓	Signifikan
17	27	x	✓	Signifikan

Jadual 4.43 memaparkan hasil dapatan analisis konteks terhadap 17 peristiwa yang tercakup dalam Pola 2, 5 PS + 3 PK. Berdasarkan analisis, terdapat tiga variasi

penyediaan konteks, iaitu **(i) pascadata** sebagaimana dalam **peristiwa 8, 15, 18, 21, 16, 20, 26 dan 27** manakala **(ii) pra dan pascadata** sebagaimana dalam **peristiwa 17, 29, 12, 4, 33, 9, 14 dan 19**. Sementara satu lagi peristiwa, iaitu **peristiwa 10** memperlihatkan **(iii) tiada penyediaan konteks**, iaitu tidak ada penyediaan konteks sama ada pra atau pascadata kerana maklumat pra dan pascadata tidak relevan dengan inti pati data dalam peristiwa 10.

Dapatan memperlihatkan 11 daripada 17 peristiwa, iaitu peristiwa **8, 17, 12, 4, 33, 9, 16, 20, 26, 19 dan 27** yang faktor penyediaan konteksnya didapati bersifat signifikan manakala lima daripada 17 peristiwa, iaitu **peristiwa 15, 29, 18, 14 dan 21** memperlihatkan situasi sebaliknya, iaitu kewujudan penyediaan konteks tidak bersifat signifikan. Berdasarkan dapatan tersebut, didapati faktor penyediaan konteks mempengaruhi penggunaan jumlah dialog dengan signifikan dalam peristiwa 8, 17, 12, 4, 33, 9, 16, 20, 26, 19 dan 27 bertitik tolak daripada faktor penyediaan konteks memberikan sumbangan yang signifikan dalam melengkapkan maklumat dalam setiap peristiwa berkenaan berdasarkan penggunaan jumlah dialog tertentu. Sementara peristiwa 15, 29, 18, 14 dan 21 yang memperlihatkan kewujudan penyediaan konteks namun tidak bersifat signifikan kewujudannya kerana tidak memberikan impak dalam mempengaruhi penggunaan jumlah dialog, sebaliknya wujud faktor-faktor lain. Walaupun peristiwa 10 menunjukkan penyediaan konteks  $\emptyset$ , didapati penggunaan lapan dialog ini signifikan bagi melengkapkan maklumat dalam peristiwa ini.

Analisis terhadap peristiwa-peristiwa yang mematuhi **variasi (i)**, iaitu kelompok peristiwa 8, 15, 17 dan 29, mendapati faktor penyediaan konteks memberikan sumbangan yang signifikan kepada peristiwa 8 dan 17. Kedua-dua peristiwa ini memperlihatkan penggunaan enam dan lima dialog atas faktor kewujudan penyediaan konteks pra dan pascadata. Peristiwa 15 memperlihatkan penyediaan konteks

pascadata manakala peristiwa 29 memperlihatkan penyediaan konteks pradata dan pascadata. Walau bagaimanapun, peristiwa 15 dan 29 memperlihatkan penggunaan jumlah dialog yang tinggi, iaitu 14 dan 11 dialog walaupun dalam kelompok yang sama dan menunjukkan penyediaan konteks. Penggunaan jumlah dialog ini sedemikian berlaku atas faktor penggunaan unsur pertanyaan dan lawak dalam peristiwa 15 dan penggunaan unsur pertanyaan yang berulang-ulang bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan jelas dalam peristiwa 29. Penggunaan unsur-unsur ini menyumbang ke arah peningkatan penggunaan jumlah dialog sekali gus memberikan gambaran bahawa kewujudan penyediaan konteks yang tidak signifikan dalam peristiwa 15 dan 29.

Berdasarkan kelompok peristiwa 10 dan 12, didapati faktor konteks hanya signifikan dalam memberikan sumbangan maklumat kepada peristiwa 12. Walau bagaimanapun, dapatan juga memperlihatkan konteks tidak wujud dalam peristiwa 10 kerana peristiwa ini tidak memperlihatkan penyediaan konteks sama ada pra atau pascadata. Peristiwa 10 ini menggunakan lapan dialog manakala peristiwa 12 yang menunjukkan penyediaan konteks pra dan pascadata menggunakan tujuh dialog. Penggunaan jumlah dialog antara kedua-dua peristiwa tidak memperlihatkan perbezaan yang ketara. Oleh itu, didapati bahawa konteks sama ada wujud atau sebaliknya tidak memberikan impak dalam melengkapkan maklumat dalam peristiwa 10. Penggunaan lapan dialog dalam peristiwa 10 ini memadai kerana objektif komunikasi tercapai berdasarkan ketepatan penggunaan unsur-unsur bahasa dengan perkara yang dibincangkan dalam peristiwa ini.

Berdasarkan analisis terhadap peristiwa 4 dan 33 yang mematuhi **variasi (ii)**, didapati kedua-dua peristiwa ini mempunyai situasi yang sama, iaitu memperlihatkan penyediaan konteks pradata dan pascadata. Penyediaan konteks didapati signifikan

dalam kedua-dua peristiwa kerana memperlihatkan penggunaan jumlah dialog yang rendah, iaitu tiga dan dua dialog. Penyediaan konteks pradata dan pascadata memberikan sumbangan yang signifikan bagi melengkapkan maklumat dalam kedua-dua peristiwa bahasa berkenaan. Perkara ini berlaku atas faktor kelengkapan maklumat dan ketepatan pemilihan kata dalam kedua-dua peristiwa bahasa ini. Pemilihan unsur-unsur bahasa yang mudah dan tepat dapat menyumbang kepada kejelasan maklumat sebagaimana dalam dapatan kajian Abdul Ganing Laengkang (2010) bahawa pemilihan ungkapan yang mudah oleh penceramah atau penutur dapat memperjelas maklumat yang hendak disampaikan kepada pendengar.

Sementara peristiwa 18 dan 21 yang mematuhi **variasi (iii)** mempunyai situasi yang sama, iaitu hanya memperlihatkan penyediaan konteks pascadata tetapi penggunaan jumlah maksim dan jumlah dialognya berbeza. Peristiwa 18 menggunakan 14 dialog manakala peristiwa 21 menggunakan lapan dialog. Oleh itu, faktor konteks tidak mempengaruhi penggunaan jumlah dialog dengan signifikan sebaliknya maklumat dalam kedua-dua peristiwa ini dipengaruhi oleh faktor kewujudan kepelbagaian isu dan konflik sehinggalah kepada penyelesaiannya selain penyelitan unsur lawak. Perkara ini menyumbang kepada penggunaan jumlah dialog dalam peristiwa 18 dan 21.

Berdasarkan analisis terhadap peristiwa-peristiwa yang mematuhi **variasi (iv)**, didapati kelompok peristiwa 9, 14 dan 16 memperlihatkan penyediaan konteks. Peristiwa 9 dan 14 memperlihatkan situasi yang sama, iaitu penyediaan konteks pradata dan pascadata manakala peristiwa 16 pula memperlihatkan penyediaan konteks pascadata. Penggunaan enam dialog dalam peristiwa 9 dan 16 memperlihatkan pengaruh konteks yang signifikan kerana memberikan sumbangan maklumat bagi melengkapkan kedua-dua peristiwa. Walaupun peristiwa 14 menunjukkan penyediaan

konteks pra dan pascadata, namun penggunaan enam dialog turut dipengaruhi faktor situasi dalam slot peristiwa berkenaan. Pengarang menamatkan peristiwa 14 kerana berlakunya situasi cemas, iaitu Peter Lim sakit dan menyebabkan Fuad memendekkan perbualan dalam telefon sekali gus menamatkan peristiwa tersebut. Oleh itu, penyediaan konteks dalam peristiwa 14 tidak bersifat signifikan.

Kelompok peristiwa 20 dan 26 pula memperlihatkan situasi yang sama, iaitu kedua-duanya menunjukkan penyediaan konteks pascadata dan penyediaan konteks ini didapati bersifat signifikan kerana membantu melengkapkan maklumat dalam kedua-dua peristiwa ini. Sementara kelompok peristiwa 19 dan 27, memperlihatkan kriteria yang berbeza, iaitu peristiwa 19 memperlihatkan penyediaan konteks pra dan pascadata manakala peristiwa 27 hanya memperlihatkan kewujudan penyediaan konteks pascadata. Didapati penyediaan konteks membantu melengkapkan maklumat dalam kedua-dua peristiwa yang sama jumlah dialognya, iaitu lima. Walaupun peristiwa 27 hanya memperlihatkan penyediaan konteks pascadata, namun penggunaan lima dialog mencukupi untuk memberikan maklumat yang lengkap. Penyediaan konteks dalam peristiwa 19 dan 27 didapati bersifat signifikan atas faktor kesesuaian penggunaan unsur-unsur bahasa dan kecukupan maklumat sehingga objektif komunikasi tercapai.

Secara keseluruhannya, dapatan berdasarkan analisis terhadap variasi (i), (ii), (iii) dan (iv) dalam 17 peristiwa Pola 2 berdasarkan konteks memperlihatkan faktor penyediaan konteks mempengaruhi penggunaan jumlah dialog dengan signifikan dalam 11 peristiwa. Sementara lima lagi peristiwa memperlihatkan penyediaan konteks yang tidak bersifat signifikan. Kewujudan penyediaan konteks ini tidak bersifat signifikan atas faktor penggunaan jumlah dialog turut dipengaruhi empat faktor. Pertama, pengulangan unsur pertanyaan bagi mendapatkan maklumat yang



tepat dan jelas dalam sesebuah peristiwa bahasa agar dapat mencapai objektif komunikasi. Kedua, penyelitan unsur lawak atau gurauan untuk mewujudkan suasana santai, dan mesra selain untuk mengelakkan ketegangan ekoran berlakunya sesuatu konflik. Ketiga, perubahan topik perbualan untuk menamatkan sesuatu slot dalam peristiwa atas sebab tertentu dan situasi cemas wujud dalam plot cerita. Akhirnya, kepelbagaian isu yang wujud secara spontan dalam sesuatu peristiwa bahasa yang berlangsung.

Ringkasnya, faktor penyediaan konteks, pengulangan unsur pertanyaan, penyelitan unsur lawak, perubahan topik perbualan dan kepelbagaian isu dalam sesebuah peristiwa bahasa memberikan sumbangan terhadap aspek penggunaan jumlah dialog berdasarkan 17 peristiwa dalam Pola 2 ini.

#### **4.6.3 Pola 3 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Kuantiti + Kualiti (4 PS + 2 PK)**

Berdasarkan pengklasifikasian data sebagaimana yang telah dilakukan dalam Bab 3 kajian ini, peristiwa yang diklasifikasi dan mematuhi Pola 3, 4 PS + 2 PK berdasarkan MPKMU hanya mematuhi prinsip ekonomis. Pengklasifikasian peristiwa Pola 3 terdapat dalam Jadual 4.44 berikut:

**Jadual 4.44:** Pola 3, 4 PS + 2 PK

<b>Pola</b>	<b>Pola Kombinasi Maksim</b>	<b>No. Peristiwa</b>	<b>Jumlah Peristiwa</b>	<b>Jumlah Dialog</b>	<b>Peratus (%)</b>
3	4 PS + 2 PK	5	1	4	1.80

Berdasarkan Jadual 4.44, terdapat 1 peristiwa yang diklasifikasi dan mematuhi **Pola 3**, 4 PS + 2 PK dengan jumlah empat dialog atau sebanyak 1.80 peratus. **Pola 3** memperlihatkan penggunaan yang keempat tertinggi berdasarkan MPKMU selepas Pola 2, Pola 1 dan Pola 5. Pola 3 ini mematuhi prinsip ekonomis atau ringkas dalam

MPKMU (Rujuk 4.3). Perincian terhadap peristiwa yang diklasifikasikan dalam **Pola 3** ini dan mematuhi prinsip ekonomis adalah seperti dalam paparan berikut.

#### 4.6.3.1 Penggunaan Pola 3, 4 PS + 2 PK dalam 1 Peristiwa yang Mematuhi Prinsip Ekonomis

Penggunaan **Pola 3, 4 PS + 2 PK** dalam satu peristiwa yang mematuhi prinsip ekonomis, iaitu berasaskan kriteria memenuhi sekurang-kurangnya tiga maksim yang tercakup dalam Pola 3. Peristiwa yang memenuhi kriteria ini dipaparkan dalam Jadual 4.45 berikut:

**Jadual 4.45:** Satu Peristiwa yang Memenuhi Tiga Kombinasi Maksim

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 3 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Kuantiti + Kualiti (4 PS + 2 PK)
1	5	Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati

Berdasarkan Jadual 4.45, didapati peristiwa 5 yang mematuhi prinsip ekonomis dalam **Pola 3, 4 PS + 2 PK**. Peristiwa ini memperlihatkan pematuhan pada kriteria dalam Pola 3, iaitu memenuhi tiga maksim, iaitu **Maksim Kebijaksanaan, Sokongan** dan **Kerendahan Hati** yang tercakup dalam **Pola 3**. Oleh itu, peristiwa 5 ini diklasifikasikan dalam Pola 3.

#### 4.6.3.2 Penggunaan Pola 3, 4 PS + 2 PK Berdasarkan Jumlah Maksim dan Dialog dalam 1 Peristiwa

Penggunaan dan pematuhan Pola 3, 4 PS + 2 PK yang dipaparkan dalam satu peristiwa ini memperlihatkan variasi dari segi penggunaan jumlah maksim dan dialog. Peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 3 ini terdapat dalam Jadual 4.46 yang berikut:

**Jadual 4.46:** Pola 3, 4 PS+2 PK - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Dialog dalam Satu Peristiwa

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 3 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Kuantiti + Kualiti (4 PS + 2 PK)	Jumlah Dialog
1	5	Kebijaksanaan+Sokongan+Kerendahan Hati	4

Berdasarkan Jadual 4.46, didapati penggunaan jumlah maksim dengan jumlah dialog berdasarkan satu peristiwa yang diklasifikasikan dalam **Pola 3** ini memperlihatkan penggunaan tiga kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati dengan jumlah empat dialog.

Berdasarkan analisis terhadap satu peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 3 ini, didapati penggunaan jumlah maksim dan jumlah dialog menunjukkan variasi. Peristiwa ini terdapat dalam Jadual 4.47 di bawah yang disusun berdasarkan penggunaan jumlah maksim diikuti penggunaan jumlah dialog.

**Jadual 4.47:** Pola 3, 4 PS + 2 PK - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Jumlah Dialog

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 3 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Kuantiti + Kualiti (4 PS + 2 PK)	
		Penggunaan Jumlah Maksim	Jumlah Dialog
1	5	3	4

Berdasarkan Jadual 4.47, didapati penggunaan jumlah maksim dan dialog memperlihatkan variasi jumlah maksim dan dialog berbeza dengan penggunaan tiga maksim dan empat dialog. Situasi ini bergantung kepada faktor konteks. Justeru, analisis konteks dilakukan terhadap satu peristiwa Pola 3 ini.

**Analisis Konteks-Pola 3, 4 PS +2 PK** melibatkan satu perenggan sebelum dan sesudah data. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kasus konteks yang tidak relevan, maka dua ayat sebelum dan dua ayat selepas data akan diambil kira. Analisis konteks akan dipaparkan dalam bentuk jadual yang mengandungi tiga kolom secara vertikal, iaitu **kolum 1** ialah kolom peristiwa yang akan dianalisis. **Kolum 2**, ialah kolom konteks yang memaparkan maklumat tentang konteks sama ada relevan atau pun tidak dan data manakala **kolum 3**, pula tentang kesinambungan maklumat yang memaparkan keterangan konteks sama ada relevan atau pun tidak dan inti pati data.

(a) Analisis Konteks Peristiwa 5 dalam Pola 3

Analisis konteks berdasarkan peristiwa 5 terdapat dalam Jadual 4.48 yang berikut:

Jadual 4.48: Analisis Konteks Peristiwa 5

Peristiwa	Konteks	Kesinambungan Maklumat
5  Perbincangan tentang Persediaan Memulakan Tugas	<b>Konteks Tidak Relevan</b> “Esok lusa boleh panggil Ana saja.” Bergurau pula dia, ketegangan telah menyurut. (40)	Konteks ini tidak relevan kerana tidak memberikan gambaran bahawa Fuad hendak bertanya tentang persediaan mengajar.
	<b>Data : (40-41)</b> Mula : Oh ya! Kalau ada buku yang saya nak pakai, di mana agaknya boleh saya dapatkan buku- buku itu?  Akhir : Tak apa. Perlahan-lahanlah. Saya yakin dengan kemampuan Fuad dan sebenarnya ... Panitia Bahasa Inggeris sangat mengharapkan idea baharu daripada Fuad.	<b>Inti Pati</b> (i)Fuad bertanya tentang buku yang boleh digunakannya. (ii)Farhana memberikan bantuan kepada Fuad. (iii)Farhana memberi nasihat, motivasi dan pujian sebelum Fuad memulakan tugas.
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad ingin menepis pandangan positif Farhana kepadanya. (ii)Fuad akhirnya membiarkan pandangan dan andaian orang lain tentang dirinya. (iii)Fuad mengambil positif andaian- andaian tersebut agar memberikan semangat kepadanya. (41)	Konteks ini relevan kerana berkesinambungan dengan data, iaitu Fuad menilai dan mengambil positif tanggapan orang lain kepadanya ekoran daripada harapan dan pujian Farhana kepadanya dalam data.

Jadual 4.48 memaparkan analisis konteks peristiwa 5, iaitu peristiwa perbincangan tentang persediaan memulakan tugas yang menggunakan empat dialog. Peristiwa ini tidak memperlihatkan penyediaan konteks pradata kerana konteks sebelumnya tidak relevan, iaitu tidak memberikan gambaran bahawa Fuad hendak bertanya tentang persediaan mengajar sebaliknya tentang permintaan Farhana. Konteks ini tidak relevan dengan inti pati data yang meliputi persediaan buku untuk mengajar, bantuan buku daripada Farhana dan pujian Farhana agar Fuad sedia menjalankan tugas. Walau bagaimanapun, konteks selepasnya, iaitu perenggan pada halaman 41 memberikan gambaran kesinambungan maklumat dengan data kerana Fuad menilai dan mengambil positif tanggapan orang lain kepadanya ekoran daripada harapan dan pujian Farhana kepadanya sebagaimana dalam data agar dapat menguatkan semangatnya dalam menjalankan tugas. Menurut Look Thien Jee (1997) pujian perlu diberi keutamaan

lebih daripada diri sendiri kerana berkaitan dengan harga diri dan penghormatan terhadap orang lain (p.119). Penggunaan empat dialog dengan penyediaan konteks pascadata dapat memberikan sumbangan maklumat bagi melengkapkan peristiwa ini.

**Dapatan Analisis Konteks-Pola 3, 4 PS +2 PK** terhadap satu peristiwa yang tercakup dalam Pola 3 terdapat dalam Jadual 4.49 yang berikut:

**Jadual 4.49:** Dapatan Analisis Konteks Pola 3

Bil Peristiwa	No Peristiwa	Dapatan Analisis Konteks Pola 3, 4 PS + 2 PK		
		Pradata	Pascadata	Signifikan/Tidak
1	5	X	✓	Signifikan

Jadual 4.49 memaparkan hasil dapatan analisis konteks terhadap satu peristiwa yang tercakup dalam Pola 3, 4 PS +2 PK. Berdasarkan analisis, didapati peristiwa 5 memperlihatkan situasi penyediaan konteks pascadata. Walaupun tiada penyediaan konteks pradata, namun penyediaan konteks pascadata dapat memberikan sumbangan maklumat yang lengkap dalam peristiwa ini. Faktor penyediaan konteks pascadata memberikan sumbangan yang signifikan atas faktor kesesuaian penggunaan unsur-unsur bahasa dengan topik yang menjadi fokus perbincangan dalam peristiwa ini.

#### **4.6.4 Pola 4 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kuantiti (3 PS + 1 PK)**

Berdasarkan pengklasifikasian data sebagaimana yang telah dilakukan dalam Bab 3 kajian ini, peristiwa yang diklasifikasi dan mematuhi Pola 4, 3 PS + 1 PK berdasarkan MPKMU hanya mematuhi prinsip ekonomis. Pengklasifikasian peristiwa Pola 4 terdapat dalam Jadual 4.50 berikut:

**Jadual 4.50:** Pola 4, 3 PS + 1 PK

<b>Pola</b>	<b>Pola Kombinasi Maksim</b>	<b>No. Peristiwa</b>	<b>Jumlah Peristiwa</b>	<b>Jumlah Dialog</b>	<b>Peratus (%)</b>
4	3 PS + 1 PK	24	1	4	1.80

Berdasarkan Jadual 4.50, terdapat satu peristiwa yang diklasifikasi dan mematuhi **Pola 4, 3 PS + 1 PK** dengan jumlah 4 dialog atau sebanyak 1.80 peratus. **Pola 4** memperlihatkan penggunaan yang keempat tertinggi atau berkongsi kedudukannya dengan Pola 3 atas faktor sama banyak jumlah penggunaannya dengan Pola 3, 4 PS + 2 PK, iaitu 1.80 peratus berdasarkan MPKMU selepas Pola 2, Pola 1 dan Pola 5. **Pola 4** ini mematuhi prinsip ekonomis atau ringkas dalam MPKMU (Rujuk 4.3). Perincian terhadap peristiwa yang diklasifikasikan dalam **Pola 4** ini dan mematuhi prinsip ekonomis adalah seperti dalam paparan berikut.

#### **4.6.4.1 Penggunaan Pola 4, 3 PS + 1 PK dalam 1 Peristiwa yang Mematuhi Prinsip Ekonomis**

Penggunaan Pola 4, 3 PS + 1 PK dalam satu peristiwa yang mematuhi prinsip ekonomis, iaitu berasaskan kriteria memenuhi sekurang-kurangnya tiga maksim yang tercakup dalam Pola 4. Peristiwa yang memenuhi kriteria ini dipaparkan dalam Jadual 4.51 berikut:

**Jadual 4.51:** Satu Peristiwa yang Mematuhi Tiga Pola Kombinasi Maksim

<b>Bil. Peristiwa</b>	<b>No. Peristiwa</b>	<b>Pola 4 : Pola Kombinasi Maksim Kebijakan + Kedermawanan + Sokongan + Kuantiti (3 PS + 1 PK)</b>
1	24	Kebijakan + Kedermawanan + Sokongan

Berdasarkan Jadual 4.51, didapati peristiwa 24 mematuhi prinsip ekonomis dalam **Pola 4, 3 PS + 1 PK**. Peristiwa ini memperlihatkan pematuhan pada kriteria prinsip ekonomis dalam Pola 4, iaitu memenuhi sekurang-kurangnya tiga maksim, iaitu

**Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan dan Sokongan** yang tercakup dalam **Pola**

4. Oleh itu, peristiwa 24 ini diklasifikasikan dalam **Pola 4**.

#### **4.6.4.2 Penggunaan Pola 4, 3 PS + 1 PK Berdasarkan Jumlah Maksim dan Dialog dalam Satu Peristiwa**

Penggunaan dan pematuhan Pola 4, 3 PS + 1 PK yang dipaparkan dalam satu peristiwa ini memperlihatkan variasi dari aspek penggunaan jumlah maksim dan dialog. Peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 4 ini terdapat dalam Jadual 4.52 yang berikut.

**Jadual 4.52:** Pola 4, 3 PS +1 PK - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Dialog dalam Satu Peristiwa

<b>Bil. Peristiwa</b>	<b>No. Peristiwa</b>	<b>Pola 4 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kuantiti (3 PS + 1 PK)</b>	<b>Jumlah Dialog</b>
1	24	Kebijaksanaan+Kedermawanan + Sokongan	4

Berdasarkan Jadual 4.52, didapati penggunaan jumlah maksim dengan penggunaan jumlah dialog berdasarkan satu peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 4 ini memperlihatkan penggunaan tiga kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan dengan jumlah empat dialog.

Berdasarkan analisis terhadap satu peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 4 ini, didapati penggunaan jumlah maksim dan penggunaan jumlah dialog memperlihatkan variasi sebagaimana dalam Jadual 4.53 di bawah yang disusun berdasarkan penggunaan jumlah maksim diikuti penggunaan jumlah dialog.

**Jadual 4.53:** Pola 4, 3 PS + 1 PK - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Jumlah Dialog

<b>Bil. Peristiwa</b>	<b>No. Peristiwa</b>	<b>Pola 4 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kuantiti (3 PS + 1 PK)</b>	
		<b>Penggunaan Jumlah Maksim</b>	<b>Jumlah Dialog</b>
1	24	3	4

Berdasarkan Jadual 4.53, didapati penggunaan jumlah maksim dan dialog memperlihatkan variasi penggunaan jumlah maksim dan dialog berbeza dengan penggunaan tiga maksim dan empat dialog. Situasi ini bergantung kepada faktor konteks. Sehubungan itu, analisis konteks dilakukan terhadap satu peristiwa Pola 4 ini.

**Analisis Konteks-Pola 4, 3 PS +1 PK** melibatkan satu perenggan sebelum dan sesudah data. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kasus konteks yang tidak relevan, maka dua ayat sebelum dan dua ayat selepas data akan diambil kira. Analisis konteks akan dipaparkan dalam bentuk jadual yang mengandungi tiga kolom secara vertikal, iaitu **kolum 1** ialah kolom peristiwa yang akan dianalisis. **Kolum 2**, ialah kolom konteks yang memaparkan maklumat tentang konteks sama ada relevan atau pun tidak dan data manakala **kolum 3**, pula tentang kesinambungan maklumat yang memaparkan keterangan konteks sama ada relevan atau pun tidak dan inti pati data.

**(a) Analisis Konteks Peristiwa 24 dalam Pola 4**

Analisis peristiwa 24 berdasarkan konteks terdapat dalam Jadual 4.54 yang berikut:

**Jadual 4.54:** Analisis Konteks Peristiwa 24

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
24	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad sampai di kafeteria hospital (ii)Fuad melihat Farhana sedang membuat bayaran di kaunter (iii)Fuad lega dan mendapatkan Farhana. (173)	Konteks ini relevan kerana memberikan gambaran awal bahawa Fuad memang mencari Farhana dan relevan dengan data.
Farhana balik ke Kuantan tanpa memberitahu Fuad	<b>Data : (173)</b> Mula : Ana! Lain kali kalau ada masalah, jangan selesaikan sendiri kalau rasa ada orang yang boleh tolong. Kau rela bersusah payah naik bas daripada minta tolong daripada kawan kau ni. Akhir : Terima kasih, Fuad	<b>Inti Pati</b> (i)Nasihat Fuad ekoran tindakan Farhana (ii)Teguran dan ingatan Fuad sebagai kawan (iii)Penghargaan Farhana atas keprihatinan Fuad



**Jadual 4.54, sambungan**

Peristiwa	Konteks	Kesinambungan Maklumat
24 Farhana balik ke Kuantan tanpa memberitahu Fuad	<b>Konteks Tidak Relevan</b> ‘Tak apa, jom naik ke atas. Mak sakit apa?’ (174)	Konteks ini tidak relevan kerana tidak berkesinambungan dengan data. Konteks ini memperlihatkan Fuad menukar topik perbualan agar Farhana tidak berasa bersalah atas tegurannya.

Jadual 4.54 memaparkan analisis konteks peristiwa 24, iaitu peristiwa Farhana balik ke Kuantan tanpa memberitahu Fuad yang menggunakan empat dialog. Peristiwa ini memperlihatkan penyediaan konteks pradata, iaitu pengarang sudah memberikan gambaran awal bahawa Fuad mencari Farhana dan relevan dengan data. Inti pati data meliputi nasihat Fuad, teguran Fuad dan penghargaan Farhana atas keprihatinan Fuad. Walau bagaimanapun, konteks pascadata, iaitu dua ayat pada halaman 174 tidak berkesinambungan dengan data. Konteks ini memperlihatkan tindakan pengarang menamatkan peristiwa 24 dengan cara menukar topik perbualan agar Farhana tidak berasa terbeban dengan teguran Fuad.

**Dapatan Analisis Konteks -Pola 4, 3 PS +1 PK** terhadap satu peristiwa yang tercakup dalam Pola 4 terdapat dalam Jadual 4.55 yang berikut:

**Jadual 4.55:** Dapatan Analisis Konteks Pola 4

Bil	No Peristiwa	Dapatan Analisis Konteks Pola 4, 3 PS + 1 PK		
		Pradata	Pascadata	Signifikan/Tidak
1	24	✓	X	Tidak signifikan

Jadual 4.55 memaparkan hasil dapatan analisis konteks terhadap satu peristiwa yang tercakup dalam Pola 4, 3 PS +1 PK. Berdasarkan analisis, didapati peristiwa 24 memperlihatkan situasi penyediaan konteks pradata. Penyediaan konteks pradata memberikan sumbangan dalam melengkapkan maklumat dalam peristiwa ini. Walau bagaimanapun, didapati penggunaan jumlah empat dialog turut dipengaruhi faktor

penukaran topik perbualan dalam peristiwa ini bagi mengelakkan situasi yang membebankan pendengar berlaku, sekali gus memmanifestasikan kesopanan. Peristiwa ini memperlihatkan kewujudan konteks yang bersifat tidak signifikan kerana faktor penukaran topik perbualan. Faktor ini mendorong penggunaan jumlah empat dialog dalam peristiwa ini sehingga wujudnya topik yang lain selepas itu. Oleh itu, peristiwa 24 ini dipendekkan dengan penggunaan jumlah empat dialog.

#### 4.6.5 Pola 5 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan (2 PS)

Berdasarkan pengklasifikasian data sebagaimana yang telah dilakukan dalam Bab 3 kajian ini, peristiwa-peristiwa yang diklasifikasi dan mematuhi Pola 5, 2 PS berdasarkan MPKMU hanya mematuhi prinsip tepat. Pengklasifikasian peristiwa Pola 5 terdapat dalam Jadual 4.56 berikut:

**Jadual 4.56:** Pola 5 (2 PS)

Pola	Pola Kombinasi Maksim	No. Peristiwa	Jumlah Peristiwa	Jumlah Dialog	Peratus (%)
5	2 PS	6 & 13	2	7	3.17

Berdasarkan Jadual 4.56, terdapat dua peristiwa yang diklasifikasi dan mematuhi **Pola 5, 2 PS** dengan jumlah tujuh dialog atau sebanyak 3.17 peratus. **Pola 5** memperlihatkan penggunaan yang ketiga tertinggi berdasarkan MPKMU selepas Pola 2 dan Pola 1. Pola 5 ini mematuhi prinsip tepat dalam MPKMU. Berdasarkan prinsip tepat, pola kombinasi maksim hasil daripada pengklasifikasian harus memenuhi cakupan maksim yang tepat sebagaimana dalam Pola 5, 2 PS, iaitu kombinasi Maksim Kebijaksanaan dan Kedermawanan. Perincian terhadap peristiwa yang diklasifikasikan dalam **Pola 5** ini dan mematuhi prinsip tepat adalah seperti berikut.

#### 4.6.5.1 Penggunaan Pola 5, 2 PS dalam Dua Peristiwa yang Mematuhi Prinsip Tepat Pola 5

Penggunaan Pola 5, 2 PS dalam dua peristiwa yang mematuhi prinsip tepat, iaitu berasaskan kriteria peristiwa yang mematuhi kehadiran Maksim Kebijaksanaan dan Kedermawanan adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.57 berikut:

**Jadual 4.57:** Dua Peristiwa yang Mematuhi Kehadiran Maksim Kebijaksanaan dan Kedermawanan

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 5 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawan (2 PS)
1	6	Kebijaksanaan + Kedermawanan
2	13	Kebijaksanaan + Kedermawanan

Berdasarkan Jadual 4.57, didapati peristiwa 6 dan 13 yang mematuhi prinsip tepat dalam **Pola 5, 2 PS**. Kedua-dua peristiwa ini memperlihatkan kehadiran **Maksim Kebijaksanaan** dan **Kedermawanan** sebagai kriteria yang mematuhi prinsip tepat dalam **Pola 5**. Peristiwa 6 dan 13 mematuhi prinsip tepat ini dan diklasifikasikan dalam **Pola 5, 2 PS** berdasarkan MPKMU (Rujuk 4.4).

#### 4.6.5.2 Penggunaan Pola 5, 2 PS Berdasarkan Jumlah Maksim dan Dialog dalam 2 Peristiwa

Penggunaan dan pematuhan Pola 5, 2 PS yang dipaparkan dalam dua peristiwa ini memperlihatkan variasi dari aspek penggunaan jumlah dialog. Peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 4 ini terdapat dalam Jadual 4.58 yang berikut:

**Jadual 4.58:** Pola 5, 2 PS - Peristiwa Jumlah Maksim dan Dialog dalam Dua Peristiwa

Bil Peristiwa	Peristiwa	Pola 5 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan (2PS)	Jumlah Dialog
1	6	Kebijaksanaan+Kedermawanan	5
2	13	Kebijaksanaan+Kedermawanan	2

Berdasarkan Jadual 4.58, didapati peristiwa 6 dan 13 yang diklasifikasikan dalam Pola 5 ini memperlihatkan penggunaan dua kombinasi maksim, iaitu Kebijaksanaan + Kedermawanan dengan penggunaan dialog masing-masingnya lima dan dua dialog.

Berdasarkan analisis terhadap dua peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 5 ini, didapati penggunaan jumlah maksim dan dialog menunjukkan variasi. Maklumat ini terdapat dalam Jadual 4.59 di bawah yang disusun berdasarkan penggunaan jumlah maksim diikuti penggunaan jumlah dialog.

**Jadual 4.59:** Pola 5, 2 PS - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Jumlah Dialog

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 5 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan (2 PS)	
		Penggunaan Jumlah Maksim	Jumlah Dialog
1	6	2	5
2	13	2	2

Berdasarkan Jadual 4.59, didapati peristiwa 6 dan 13 ini memaparkan variasi penggunaan jenis maksim dan jumlah maksim sama, dialog berbeza. Dapatan ini memperlihatkan variasi tersebut atas faktor konteks. Oleh itu, analisis konteks dilakukan terhadap dua peristiwa Pola 5 ini.

**Analisis Konteks-Pola 5, 2 PS** melibatkan satu perenggan sebelum dan sesudah data. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kasus konteks yang tidak relevan, maka dua ayat sebelum dan dua ayat selepas data akan diambil kira. Analisis konteks akan dipaparkan dalam bentuk jadual yang mengandungi tiga kolum secara vertikal, iaitu **kolum 1** ialah kolum peristiwa yang akan dianalisis. **Kolum 2**, ialah kolum konteks yang memaparkan maklumat tentang konteks sama ada relevan atau pun tidak dan data manakala **kolum 3**, pula tentang kesinambungan maklumat yang memaparkan keterangan konteks sama ada relevan atau pun tidak dan inti pati data.

**Peristiwa 6 dan 13** ini memperlihatkan penggunaan jenis maksim sama, jumlah maksim sama dan dialog berbeza, iaitu menggunakan pola kobinasi Maksim Kebijaksanaan dan Kedermawanan atas faktor kedua-dua peristiwa mematuhi prinsip yang sama, iaitu tepat dalam MPKMU. Tambahan pula, kesopanan yang dizahirkan oleh watak mempamerkan cara yang berhemah dalam berkomunikasi selain memberi penekanan pada sikap dermawan watak walaupun bahan bualan, latar dan situasinya berbeza-beza dalam kedua-dua peristiwa.

**(a) Analisis Konteks Peristiwa 6 dalam Pola 5**

Analisis **peristiwa 6** berdasarkan konteks terdapat dalam Jadual 4.60 yang berikut:

**Jadual 4.60:** Analisis Konteks Peristiwa 6

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
6  Fuad hendak Membeli Buku Rujukan	<b>Konteks Relevan</b> (i)Farhana sedang menyiapkan kerjanya (ii)Farhana perasan Fuad menghampirinya (iii)Fuad mengepit sebuah buku (44)	Konteks ini relevan kerana memberikan gambaran awal bahawa Fuad hendak berbincang tentang buku yang hendak dibelinya.
	<b>Data : (44-45)</b> Mula : Saya pinjam tadi, masa Ana tak ada. Ambil nama penerbit.  Akhir : Susah juga kalau kita sama-sama nak pakai serentak. Biarlah saya beli, senang saya nak buat ulang kaji di rumah.	<b>Inti Pati</b> (i)Fuad memberitahu dia telah meminjam buku Farhana (ii)Fuad hendak membeli buku itu (iii)Farhana melarang dan menawarkan bukunya (iv)Fuad memberikan alasan hendak membeli buku itu.
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Farhana berfikir tentang tindakannya. (ii)Farhana akur bahawa Fuad mampu membeli buku dengan kemewahannya. (iii)Tidak perlu bertengkar dengan Fuad pasal wang (45).	Konteks ini relevan dengan data kerana Farhana membuat penilaian dan akur bahawa dia tidak perlu menghalang Fuad membeli buku rujukan tersebut.

Jadual 4.60 memaparkan analisis konteks peristiwa 6, iaitu peristiwa Fuad hendak membeli buku rujukan yang menggunakan lima dialog. Peristiwa ini memperlihatkan penyediaan konteks pradata dan pascadata. Konteks pradata memberikan gambaran awal bahawa Fuad hendak berbincang tentang buku yang hendak dibelinya dan relevan

dengan data. Konteks relevan kerana inti pati data meliputi maklumat tentang Fuad meminjam buku Farhana, Fuad hendak membeli buku, tawaran Farhana dan penegasan Fuad hendak membeli buku. Konteks pascadata juga relevan kerana berkesinambungan dengan data, iaitu Farhana membuat penilaian dan akur bahawa dia tidak perlu menghalang Fuad daripada membeli buku rujukan tersebut. Penyediaan konteks pradata dan pascadata didapati signifikan dalam memberikan sumbangan maklumat yang memadai. Penggunaan lima dialog dapat menyelesaikan isu Fuad yang hendak membeli buku rujukan dalam peristiwa ini.

**(b) Analisis Konteks Peristiwa 13 dalam Pola 5**

Sementara analisis konteks bagi **peristiwa 13** pula terdapat dalam Jadual 4.61 yang berikut:

**Jadual 4.61: Analisis Konteks Peristiwa 13**

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
13  Perbualan ketika Sampai di Rumah Farhana	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad dan Farhana balik ke Kuantan (ii)Pukul empat petang mereka tiba di Taman Tas Kuantan, rumah Farhana. (79)	Konteks ini relevan kerana memberikan gambaran bahawa mereka sudah sampai di rumah Farhana dan relevan dengan data.
	<b>Data : (79)</b> Mula : Singgah dulu Fuad. Minum, rehat-rehat sikit. Selepas asar baru bertolak pula, ya? Akhir : Mari Fuad, kita masuk ke dalam. Minum Fuad.	<b>Inti Pati</b> (i)Farhana mempelawa Fuad singgah di rumahnya (ii)Farhana menjemput Fuad masuk dan minum
	<b>Konteks Relevan</b> (Mereka berbual kosong di rumah Farhana (ii)Ibu Farhana tidak dapat bercakap banyak (iii)Fuad percaya lelah itu yang menyebabkan ibu Farhana kurang sihat (80)	Konteks ini relevan kerana berkesinambungan dengan data, iaitu Fuad berbual dengan Farhana dan ibunya sambil minum.

Jadual 4.61 memaparkan analisis konteks peristiwa 13, iaitu peristiwa perbualan ketika sampai di rumah Farhana yang menggunakan dua dialog. Peristiwa ini memperlihatkan penyediaan konteks pradata dan pascadata. Konteks sebelum peristiwa ini memberikan sumbangan maklumat bahawa mereka sudah sampai di

rumah Farhana dan relevan dengan data. Inti pati data tentang pelawaan Farhana dan jemputan Farhana relevan dengan konteks pradata. Konteks pascadata juga relevan kerana berkesinambungan dengan data, iaitu Fuad berbual dengan Farhana dan ibunya sambil minum setelah dipelawa oleh Farhana sebagaimana dalam data. Oleh itu, penyediaan konteks pradata dan pascadata didapati signifikan dalam memberikan sumbangan maklumat yang lengkap walaupun hanya dengan penggunaan jumlah dua dialog atas faktor kesesuaian pemilihan unsur-unsur bahasa dengan topik yang dibicarakan dalam peristiwa bahasa ini.

**Dapatan Analisis Konteks – Pola 5, 2 PS** terhadap dua peristiwa yang tercakup dalam Pola 5 terdapat dalam Jadual 4.62 yang berikut:

**Jadual 4.62:** Dapatan Analisis Konteks Pola 5

Bil Peristiwa	No Peristiwa	Dapatan Penyediaan Konteks Pola 5, 2 PS		
		Pradata	Pascadata	Signifikan/Tidak
1	6	✓	✓	Signifikan
2	13	✓	✓	Signifikan

Jadual 4.62 memaparkan hasil dapatan analisis konteks terhadap dua peristiwa yang tercakup dalam Pola 5, 2 PS. Peristiwa 6 dan 13 memperlihatkan situasi yang sama, iaitu penyediaan konteks pradata dan pascadata yang memberikan sumbangan dalam melengkapkan maklumat dalam kedua-dua peristiwa ini. Walaupun kedua-dua peristiwa memperlihatkan penggunaan jumlah dialog yang berbeza, iaitu lima dan dua dialog namun penyediaan konteks dapat memberikan sumbangan maklumat yang mencukupi. Penyediaan konteks pra dan pascadata didapati bersifat signifikan dalam kedua-dua peristiwa ini atas faktor kesesuaian penggunaan unsur-unsur bahasa dengan maklumat yang menjadi topik perbualan sehingga objektif komunikasi tercapai.

#### 4.6.6 Pola 6 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan (1 PS)

Berdasarkan pengklasifikasian data sebagaimana yang telah dilakukan dalam Bab 3 kajian ini, peristiwa yang diklasifikasi dan mematuhi Pola 6, 1 PS berdasarkan MPKMU hanya mematuhi prinsip tepat. Paparan peristiwa ini terdapat dalam Jadual 4.63 berikut:

**Jadual 4.63:** Pola 6, 1 PS

Pola	Pola Kombinasi Maksim	No. Peristiwa	Jumlah Peristiwa	Jumlah Dialog	Peratus (%)
6	1 PS	23	1	1	0.46

Berdasarkan Jadual 4.63, terdapat 1 peristiwa yang diklasifikasi dan mematuhi **Pola 6, 1 PS** dengan jumlah 1 dialog atau sebanyak 0.46 peratus. **Pola 6** memperlihatkan penggunaan pola kombinasi maksim yang terendah berdasarkan MPKMU dalam kajian ini selepas Pola 2, Pola 1, Pola 5 dan Pola 3 & 4. **Pola 6** ini mematuhi prinsip tepat dalam MPKMU. Berdasarkan prinsip tepat, pola kombinasi maksim hasil daripada pengklasifikasian harus memenuhi cakupan maksim yang tepat sebagaimana dalam **Pola 6, 1 PS**, iaitu kombinasi Maksim Kebijaksanaan. Perincian terhadap peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 6 ini dan mematuhi prinsip tepat adalah seperti dalam paparan seterusnya.

##### 4.6.6.1 Penggunaan Pola 6, 1 PS dalam satu Peristiwa yang Mematuhi Prinsip Tepat Pola 6

Penggunaan Pola 6, 1 PS dalam satu peristiwa yang mematuhi prinsip tepat, iaitu berasaskan kriteria peristiwa yang mematuhi kehadiran Maksim Kebijaksanaan adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.64 berikut:



**Jadual 4.64:** Satu Peristiwa yang Mematuhi Kehadiran Maksim Kebijakan

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 6 : Pola Kombinasi Maksim Kebijakan (1 PS)
1	23	Kebijakan

Berdasarkan Jadual 4.64, didapati peristiwa 23 yang mematuhi prinsip tepat dalam Pola 6, 1 PS. Peristiwa ini memperlihatkan kehadiran **Maksim Kebijakan** sebagai kriteria yang mematuhi prinsip tepat dalam **Pola 6**. Justeru, peristiwa 23 mematuhi prinsip tepat ini dan diklasifikasikan dalam **Pola 6**, 1 PS berdasarkan MPKMU.

#### 4.6.6.2 Penggunaan Pola 6, 1 PS Berdasarkan Jumlah Maksim dan Dialog dalam satu Peristiwa

Penggunaan Pola 6, 2 PS berdasarkan penggunaan jumlah maksim dan penggunaan jumlah dialog dalam satu peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 6 ini memperlihatkan variasi sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 4.65 yang berikut:

**Jadual 4.65:** Pola 6, 1 PS - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Dialog dalam Satu Peristiwa

Bil Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 6 : Pola Kombinasi Maksim Kebijakan (1 PS)	Jumlah Dialog
1	23	Kebijakan	1

Berdasarkan Jadual 4.65, didapati penggunaan jumlah maksim dengan jumlah dialog berdasarkan satu peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 6 ini memperlihatkan penggunaan satu kombinasi maksim, iaitu Kebijakan dengan jumlah satu dialog.

Berdasarkan analisis terhadap satu peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 6 ini, didapati penggunaan jumlah maksim dan dialog adalah sama sebagaimana dalam

Jadual 4.66 di bawah yang disusun berdasarkan penggunaan jumlah maksim diikuti penggunaan jumlah dialog.

**Jadual 4.66:** Pola 6, 1 PS - Peristiwa, Jumlah Maksim dan Jumlah Dialog

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Pola 6 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan (1 PS)	
		Penggunaan Jumlah Maksim	Jumlah Dialog
1	23	1	1

Berdasarkan Jadual 4.66, didapati penggunaan jumlah maksim dan dialog memperlihatkan penggunaan jumlah dan jenis maksim sama, dialog sama berdasarkan penggunaan satu maksim dan satu dialog. Situasi ini bergantung kepada faktor konteks. Sehubungan itu, analisis konteks dilakukan terhadap satu peristiwa Pola 6 ini.

**Analisis Konteks-Pola 6, 1 PS** melibatkan satu perenggan sebelum dan sesudah data. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kasus konteks yang tidak relevan, maka dua ayat sebelum dan dua ayat selepas data akan diambil kira. Analisis konteks akan dipaparkan dalam bentuk jadual yang mengandungi tiga kolum secara vertikal, iaitu **kolum 1** ialah kolum peristiwa yang akan dianalisis. **Kolum 2**, ialah kolum konteks yang memaparkan maklumat tentang konteks sama ada relevan atau pun tidak dan data manakala **kolum 3**, pula tentang kesinambungan maklumat yang memaparkan keterangan konteks sama ada relevan atau pun tidak dan inti pati data.

**(a) Analisis Konteks Peristiwa 23 dalam Pola 6**

Analisis **peristiwa 23** berdasarkan konteks terdapat dalam Jadual 4.67 yang berikut:

**Jadual 4.67:** Analisis Konteks Peristiwa 23

<b>Peristiwa</b>	<b>Konteks</b>	<b>Kesinambungan Maklumat</b>
23  Farhana bertengkar dengan Cikgu Zamani	<b>Konteks Relevan</b> (i)Fuad bingkas (ii)Fuad menolak kerusi ke belakang dengan kuat. (iii)Pergaduhan terhenti dan Fuad menjadi sasaran (166)	Konteks ini relevan kerana memberikan gambaran tindakan awal Fuad yang bangkit sebelum menghentikan Farhana daripada pertengkaran.
	<b>Data : (166)</b>  Mula dan akhir : Sudah, Ana! Cukuplah tu, mari pergi minum.	<b>Inti Pati</b> (i)Fuad menghentikan Farhana daripada terus bertengkar dengan Cikgu Zamani. (ii) Fuad mengajak Farhana ke kantin.
	<b>Konteks Relevan</b> (i)Farhana menurut (ii)Farhana menangis di kantin (iii)Fuad membiarkan supaya Farhana dapat melampias kemarahannya. (166)	Konteks ini relevan dengan data tindakan Fuad telah menghentikan pertengkaran dan Farhana menurut kata-kata Fuad.

Jadual 4.67 memaparkan analisis konteks peristiwa 23, iaitu peristiwa Farhana bertengkar dengan Cikgu Zamani yang menggunakan satu dialog. Peristiwa ini memperlihatkan situasi penyediaan konteks pradata dan pascadata. Konteks sebelum peristiwa ini memberikan gambaran akan tindakan Fuad yang bingkas bangun dari tempat duduknya kerana berniat menghentikan pertengkaran tersebut dan relevan dengan data. Inti pati data memperlihatkan Fuad terus menghentikan pertengkaran dan mengajak Farhana ke kantin. Konteks selepasnya juga relevan dengan data kerana memperlihatkan kesinambungan, iaitu tindakan Fuad telah menghentikan pertengkaran dan Farhana menurut kata-kata Fuad beredar dari situ ke kantin dan pertengkaran terhenti. Oleh itu, penyediaan konteks pradata dan pasadata didapati bersifat signifikan atas faktor memberikan sumbangan maklumat dalam peristiwa ini walaupun hanya dengan penggunaan jumlah satu dialog.

**Dapatan Analisis Konteks – Pola 6, 1 PS** terhadap satu peristiwa yang tercakup dalam Pola 6, terdapat dalam Jadual 4.68 yang berikut:

**Jadual 4.68:** Dapatan Analisis Konteks Pola 6

Bil Peristiwa	No Peristiwa	Dapatan Analisis Konteks Pola 6, 1 PS		
		Pradata	Pascadata	Signifikan/Tidak
1	23	✓	✓	Signifikan

Jadual 4.68 memaparkan hasil dapatan analisis konteks terhadap satu peristiwa yang tercakup dalam Pola 6, 1 PS. Peristiwa 23 memperlihatkan penyediaan konteks pra dan pascadata dan kewujudan konteks ini memberikan sumbangan yang signifikan dalam melengkapkan maklumat dalam peristiwa ini. Walaupun peristiwa ini menggunakan satu dialog namun penggunaan satu dialog dapat memberikan gambaran yang lengkap dalam peristiwa ini dan objektif komunikasi untuk meleraikan pertengkaran tersebut tercapai. Jika disorot, didapati faktor penyediaan konteks pra dan pascadata bersifat signifikan kerana kesesuaian pemilihan unsur-unsur bahasa dalam memberikan sumbangan untuk melengkapkan maklumat dalam peristiwa ini.

#### **4.7 Faktor –faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Pola Kombinasi Maksim Berdasarkan MPKMU**

Berdasarkan analisis terhadap data kajian dengan menggunakan MPKMU sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini (Rujuk 4.5.1) didapati Pola 2, 5 PS + 3 PK memperlihatkan penggunaan kekerapan pola kombinasi maksim yang tertinggi sementara Pola 6, 1 PS pula rendah penggunaannya. Situasi ini berlaku bertitik tolak daripada beberapa faktor, iaitu (i) pematuhan pada prinsip hampir sama, (ii) pematuhan pada prinsip ekonomis, (iii) pematuhan pada prinsip tepat dan (iv) keberkaitan peristiwa dengan sub-subtema dan tema sebagaimana dalam perbincangan seterusnya.

#### 4.7.1 Pematuhan pada Prinsip Hampir Sama

Prinsip hampir sama merupakan salah satu daripada tiga prinsip (Rujuk 4.2) yang diambil kira dalam proses pengklasifikasian pola-pola kombinasi maksim yang terbentuk hasil daripada analisis berdasarkan MPKMU. Dua pola yang mematuhi prinsip ini ialah Pola 1 dan Pola 2. Berdasarkan prinsip ini, terdapat 17 peristiwa yang mematuhi Pola 2, 5 PS + 3 PK kerana memenuhi cakupan maksim-maksim dalam Pola 2 ini, iaitu Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan, Kuantiti, Kualiti dan Relevan atau tanpa kehadiran atau penggunaan Maksim Simpati dan Maksim Cara. Oleh itu, 17 peristiwa ini diklasifikasikan dalam Pola 2 atas faktor memenuhi prinsip hampir sama (Rujuk 4.6.2.1) yang sekali gus memperlihatkan penggunaan yang tertinggi dan menjadi faktor kekerapan penggunaannya dalam peristiwa bahasa. 17 peristiwa ini memenuhi kriteria (i) peristiwa yang mematuhi kehadiran Maksim Persetujuan, (ii) peristiwa yang mematuhi kehadiran Maksim Relevan dan (iii) peristiwa yang mematuhi kehadiran Maksim Persetujuan dan Relevan.

Berdasarkan prinsip ini juga, terdapat 11 peristiwa yang mematuhi Pola 1, 6 PS + 4 PK kerana memenuhi cakupan maksim-maksim dalam Pola 1 ini, iaitu Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan, Simpati, Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara atau memperlihatkan kehadiran semua maksim hasil kombinasi penuh kedua-dua model Leech dan Grice. Oleh itu, 11 peristiwa ini diklasifikasikan dalam Pola 1 atas faktor memenuhi prinsip hampir sama (Rujuk 4.6.1.1) yang sekali gus memperlihatkan penggunaan yang kedua tertinggi. 11 peristiwa ini memenuhi kriteria (i) peristiwa yang mematuhi kehadiran Maksim Simpati, (ii) peristiwa yang mematuhi kehadiran Maksim Cara dan (iii) peristiwa yang mematuhi kehadiran Maksim Simpati dan Cara.

#### 4.7.2 Pematuhan pada Prinsip Ekonomis

Prinsip ekonomis merupakan salah satu daripada tiga prinsip (Rujuk 4.3) yang diambil kira dalam proses pengklasifikasian pola-pola kombinasi maksim yang terbentuk hasil daripada analisis berdasarkan MPKMU. Dua pola yang mematuhi prinsip ini ialah Pola 3 dan Pola 4. Berdasarkan prinsip ini, terdapat satu peristiwa yang mematuhi Pola 3, 4 PS + 2 PK kerana memenuhi sekurang-kurangnya tiga cakupan maksim dalam Pola 3 ini, iaitu Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Kuantiti dan Kualiti. Oleh itu, hanya satu peristiwa diklasifikasikan dalam Pola 3 atas faktor memenuhi prinsip ekonomis (Rujuk 4.6.3.1) yang sekali gus memperlihatkan keempat tertinggi kekerapan penggunaannya dalam peristiwa bahasa yang dianalisis. Satu peristiwa ini memenuhi kriteria dalam Pola 3, iaitu memenuhi sekurang-kurangnya cakupan tiga maksim, iaitu Maksim Kebijaksanaan, Sokongan dan Kerendahan Hati yang tercakup dalam Pola 3.

Berdasarkan prinsip ini juga, terdapat satu peristiwa yang mematuhi Pola 4, 3 PS + 1 PK kerana memenuhi sekurang-kurangnya tiga cakupan maksim dalam Pola 4 ini, iaitu Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan dan Kuantiti. Oleh itu, hanya satu peristiwa diklasifikasikan dalam Pola 4 atas faktor memenuhi prinsip ekonomis (Rujuk 4.6.4.1) yang sekali gus memperlihatkan keempat tertinggi kekerapan penggunaannya dalam peristiwa bahasa sebagaimana Pola 3. Satu peristiwa ini memenuhi kriteria dalam Pola 4, iaitu memenuhi sekurang-kurangnya cakupan tiga maksim, iaitu Maksim Kebijaksanaan, Sokongan dan Kedermawanan yang tercakup dalam Pola 4.

### 4.7.3 Pematuhan pada Prinsip Tepat

Prinsip tepat merupakan salah satu daripada tiga prinsip (Rujuk 4.4) yang diambil kira dalam proses pengklasifikasian pola-pola kombinasi maksim yang terbentuk hasil daripada analisis berdasarkan MPKMU. Dua pola yang mematuhi prinsip ini ialah Pola 5 dan Pola 6. Berdasarkan prinsip ini, terdapat dua peristiwa yang mematuhi Pola 5, 2 PS kerana memenuhi dengan tepat cakupan maksim dalam Pola 5 ini, iaitu Maksim Kebijaksanaan dan Kedermawanan. Oleh itu, dua peristiwa diklasifikasikan dalam Pola 5 atas faktor memenuhi prinsip tepat (Rujuk 4.6.5.1) yang sekali gus memperlihatkan ketiga tertinggi kekerapan penggunaannya. Dua peristiwa ini memenuhi kriteria dalam Pola 5, iaitu memenuhi cakupan secara tepat, iaitu Maksim Kebijaksanaan dan Kedermawanan yang tercakup dalam Pola 5.

Berdasarkan prinsip ini juga, terdapat satu peristiwa yang mematuhi Pola 6, 1 PS kerana memenuhi dengan tepat cakupan maksim dalam Pola 6 ini, iaitu Maksim Kebijaksanaan secara tunggal. Oleh itu, hanya satu peristiwa diklasifikasikan dalam Pola 6 atas faktor memenuhi prinsip tepat (Rujuk 4.6.6.1) yang sekali gus memperlihatkan paling rendah kekerapan penggunaannya. Satu peristiwa ini memenuhi kriteria dalam Pola 6, iaitu memenuhi cakupan secara tepat, iaitu Maksim Kebijaksanaan dalam Pola 6. Penggunaan Pola ini paling rendah bukan hanya disebabkan oleh faktor dipatuhi satu peristiwa tetapi turut dipatuhi satu dialog. Walau bagaimanapun, didapati penggunaan satu maksim dan satu dialog ini masih memadai untuk mencerminkan cara yang bijaksana dalam memanifestasikan kesopanan berbahasa. Ringkasnya, ternyata bahawa penutur lebih cenderung menggunakan pelbagai maksim dalam berkomunikasi agar dapat menggambarkan kesopanan secara holistik. Faktor ini turut menjadi titik tolak bahawa Pola 2, (5 PS + 3 PK) tertinggi

penggunaannya dan diikuti Pola 1 (6 PS + 4 PK) manakala Pola 6 (1 PS) paling rendah penggunaannya.

#### 4.7.4 Keberkaitan Peristiwa dengan Subtema dan Tema

Berdasarkan analisis sebelum ini, didapati Pola 2, 5 PS + 3 PK memperlihatkan penggunaan pola kombinasi maksim yang tertinggi dari segi kekerapannya berdasarkan MPKMU dan terdapat 17 peristiwa yang mematuhi Pola 2 ini. 17 peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 2 ini memenuhi cakupan maksim dalam Pola 2, iaitu maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan, Sokongan, Kerendahan Hati, Persetujuan, Kuantiti, Kualiti dan Relevan yang sekali gus memperlihatkan keberkaitan 17 peristiwa ini dengan sub-subtema yang menjurus kepada tema novel ini, iaitu kasih sayang. Keberkaitan 17 peristiwa dalam Pola 2 ini dengan subtema yang menjurus kepada tema novel menjadi salah satu faktor penggunaan kekerapan yang tertinggi dibandingkan dengan pola-pola kombinasi maksim yang lain. Pengelompokan 17 peristiwa dalam Pola 2 ini berdasarkan sub-subtema terdapat dalam Jadual 4.69 berikut:

**Jadual 4.69:** Pengelompokan Peristiwa Pola 2 Berdasarkan Subtema

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Peristiwa (Pola 2, 5 PS + 3 PK)	Subtema	Tema
1	9	Fuad mempelawa Farhana menumpang keretanya	sayang kepada sahabat akrab	Kasih sayang
2	12	Perbualan ketika singgah dan selepas makan		
3	14	Perbualan Fuad dan Farhana dalam telefon		
4	15	Fuad memberi kad harijadi kepada Farhana		
5	16	Fuad mempelawa Farhana keluar berjalan		
6	17	Perbualan semasa memesan makanan		
7	18	Farhana ingin mendapat kepastian Fuad		
8	19	Bergurau pasal makanan		
9	10	Perbualan tentang keluarga Farhana	sayang kepada keluarga	
10	27	Fuad mengejutkan Farhana dari tidur		
11	29	Fuad mencungkil latar belakang ibu Farhana		
12	21	Fuad hendak membawa Farhana ke rumah selepas makan	sayang kepada ibu bapa angkat	



**Jadual 4.69, sambungan**

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Peristiwa (Pola 2, 5 PS + 3 PK)	Subtema	Tema
13	20	Perbualan tentang Fuad hendak ke rumah Cikgu Zamani	sayang kepada teman sekerja	Kasih sayang
14	26	Perbualan Fuad dan Farhana tentang adik-adik Farhana	sayang kepada adik-beradik	
15	33	Fuad berpesan kepada Farhana sebelum ke Mekah		
16	4	Maklumat tentang kertas peperiksaan	sayang kepada profesion perguruan	
17	8	Fuad membawa jagung ke sekolah	sayang kepada sumber alam	

Jadual 4.69 memaparkan 17 peristiwa, iaitu peristiwa 9, 12, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 10, 27, 29, 21, 20, 26, 33, 4 dan 8 yang memaparkan sub-subtema yang menjurus kepada tema, iaitu kasih sayang. Sub-subtema sebut ialah **(i) sayang kepada sahabat akrab** yang dipaparkan dalam peristiwa 9, 12, 14, 15, 16, 17, 18, dan 19, **(ii) sayang kepada keluarga** dipaparkan dalam peristiwa 10, 27, 29, **(iii) sayang kepada ibu bapa angkat** yang dipaparkan dalam peristiwa 21, **(iv) sayang kepada teman sekerja** dipaparkan dalam peristiwa 20, **(v) sayang kepada adik-beradik** dipaparkan dalam peristiwa 26 dan 33, **(vi) sayang kepada profesion perguruan** dalam peristiwa 4 dan **(vii) sayang kepada sumber alam** dipaparkan dalam peristiwa 8. Sub-subtema ini dimanifestasikan oleh maklumat berdasarkan dialog yang disampaikan oleh watak-watak dengan menggunakan maksim-maksim tertentu yang mematuhi Pola 2 dalam peristiwa-peristiwa bahasa yang dirujuk.

Analisis akan dipaparkan dalam bentuk jadual yang mengandungi lima kolum. **Kolum 1** ialah bilangan peristiwa, **kolum 2** pula nombor peristiwa, **kolum 3** ialah dialog yang relevan, **kolum 4** ialah maksim yang digunakan dan **kolum 5** ialah

subtema. Perbincangan analisis disusun berdasarkan sub-subtema (i), (ii), (iii), (iv), (v), (vi) dan (vii) sebagaimana dalam paparan yang berikut.

#### 4.7.4.1 Subtema sayang kepada sahabat akrab

Peristiwa-peristiwa yang menggambarkan subtema sayang kepada sahabat akrab terdapat dalam Jadual 4.70 berikut:

**Jadual 4.70:** Subtema sayang kepada sahabat akrab

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Dialog	Maksim	Subtema
1	9	<b>Fu</b> : Naik kereta sayalah.	Kedermawanan	Sayang kepada sahabat akrab
2	12	<b>Fu</b> : Tak baik tahu makan tak habis. Rezeki!	Kebijaksanaan	
		<b>Fu</b> : Jom, kita makan dulu	Kedermawanan	
3	14	<b>Fa</b> : Hari ini aku bukan saja naik kereta free, makan pun nampaknya <i>free</i> . Baik engkau, Fuad	Sokongan	
		<b>Fa</b> : ... Hei, akulah! Kau selamat tiba di rumah, kan?, <b>Fa</b> : Ya, Alhamdulillah.	Persetujuan	
4	15	<b>Fu</b> : Cantik tak? <b>Fa</b> : Cantik	Persetujuan	
		<b>Fu</b> : Kau suka tak? <b>Fa</b> : Tentulah aku suka.		
5	16	<b>Fu</b> : Aku ingat nak ajak kau jalan-jalan petang ni. Itu pun kalau kau nak.	Kebijaksanaan	
		<b>Fa</b> : Petang ni ... bolehlah. Setakat jalan-jalan apa salahnya.	Persetujuan	
6	17	<b>Fu</b> : Sebab kau cantik.	Sokongan	
7	18	<b>Fa</b> : Maaf Fuad, maaf. Aku betul-betul minta maaf. Aku tak bermaksud melukakan perasaan kau.	Kerendahan Hati	
8	19	<b>Fu</b> : Okey ... Okey, maaf.	Kerendahan Hati	

Berdasarkan Jadual 4.70, peristiwa 9, 12, 14, 15, 16, 17, 18 dan 19 atau sebanyak lapan daripada 17 peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 2, 5 PS + 3 PK ini menggarapkan subtema tentang sayang kepada sahabat akrab. Subtema ini dimanifestasikan oleh watak Fuad dan Farhana melalui penggunaan dialog yang menggambarkan maksim-maksim yang bersesuaian. Paparan subtema berdasarkan peristiwa 9 dimanifestasikan oleh penggunaan Maksim Kedermawanan. Fuad menunjukkan sikap dermawan dengan mempelawa Farhana menumpang keretanya

dalam dialog *Naik kereta sayalah*. Dialog ini memberikan gambaran tentang sikap dermawan Fuad kepada sahabat baiknya. **Peristiwa 12** pula memperlihatkan penggunaan Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan dan Sokongan bagi menggambarkan subtema ini. Maksim Kebijaksanaan digunakan untuk menasihati sebagaimana Fuad memberikan nasihat dengan cara yang berhemah sebagai tanda sayang kepada sahabat baiknya agar tidak membazir makanan dalam dialog *Tak baik tahu makan tak habis*. Maksim Kedermawanan pula ditunjukkan oleh sikap dermawan Fuad yang mempelawa Farhana makan dalam dialog *Jom, kita makan dulu*. Nor Azian Abdul Aziz (2005) mengatakan bahawa kedermawanan melambangkan seseorang mendahulukan kepentingan orang lain (p.152). Sementara Maksim Sokongan digunakan oleh watak Farhana untuk memberikan penghargaan dan pujian kepada sahabatnya Fuad atas jasa baik Fuad membelanjakannya makan semasa menumpangkannya balik ke Kuantan sebagaimana dalam dialog *Hari ini aku bukan saja naik kereta free, makan pun nampaknya free. Baik engkau, Fuad*.

Seterusnya, **peristiwa 14** pula memperlihatkan penggunaan Maksim Persetujuan dalam dialog *Hei, akulah! Kau selamat tiba di rumah, kan?*, iaitu pertanyaan Farhana kepada Fuad bagi mendapatkan persetujuan tentang situasi Fuad. Pertanyaan ini mencitrakan keprihatinan dan sikap mengambil berat Farhana terhadap sahabat rapatnya Fuad. Pertanyaan ini dipersetujui Fuad dalam dialog *Ya, Alhamdulillah*, bagi menandakannya selamat agar Farhana tidak tertanya-tanya dan bimbang.

Pemaparan subtema sayang kepada sahabat dalam **peristiwa 15** pula dimanifestasikan oleh penggunaan Maksim Persetujuan, iaitu melalui pertanyaan Fuad dan pernyataan yang diberikan oleh Farhana tentang kad hari jadi yang diberikan oleh Fuad. Subtema ini diekspresikan dalam dialog *Cantik tak?*, iaitu pertanyaan Fuad dan Farhana memberikan persetujuan dalam dialog *Cantik*. Seterusnya, dalam dialog *Kau*

*suka tak?* yang diujarkan oleh Fuad dan diiringi jawapan Farhana dalam dialog *Tentulah aku suka* memmanifestasikan persepakatan antara dua sahabat yang saling menghargai. Pemberian kad tersebut mencerminkan keprihatinan Fuad tentang hari yang bermakna dalam kehidupan sahabat baiknya sebagai tanda sayang kepada sahabat.

Selanjutnya, dalam **peristiwa 16**, subtema ini dimanifestasikan oleh Maksim Kebijaksanaan dan Persetujuan. Maksim Kebijaksanaan digunakan oleh Fuad dengan memberikan cadangan untuk mengajak Farhana keluar bersiar-siar bagi meraikan hari jadi Farhana sebagai tanda sayang kepada sahabatnya sebagaimana dalam dialog *Aku ingat nak ajak kau jalan-jalan petang ni. Itu pun kalau kau nak.* Cadangan ini digunakan bagi mengelakkan Farhana berasa terbeban sekali gus dapat mengelak Farhana berasa serba salah. Tindakan ini menzahirkan sikap sayang Fuad kepada sahabatnya sehingga tidak mahu sahabatnya tersinggung. Farhana menyetujui cadangan tersebut agar Fuad tidak berkecil hati dalam dialog *Petang ni ... bolehlah. Setakat jalan-jalan apa salahnya.* Cadangan dan persetujuan antara kedua-duanya memmanifestasikan sikap menghargai antara satu sama lain agar hubungan baik antara mereka berkekalan sekali gus mengekspresikan sayang kepada sahabat. Persetujuan sangat penting dalam berkomunikasi bagi mewujudkan suasana yang sihat dan harmonis selain dapat mengelakkan perselisihan faham (Look Thien Jee, 1997).

**Peristiwa 17** memaparkan penggunaan Maksim Sokongan, iaitu pujian Fuad kepada Farhana kerana Fuad mulai menyukainya dalam dialog *Sebab kau cantik* sebagai tanda menghargai sahabat. **Peristiwa 18** pula memperlihatkan penggunaan Maksim Kerendahan Hati dalam dialog *Maaf Fuad, maaf. Aku betul-betul minta maaf. Aku tak bermaksud melukakan perasaan kau* yang dituturkan oleh Farhana untuk mengelakkan sahabat baiknya, iaitu Fuad berasa tersinggung atau berkecil hati.

Penggunaan kata maaf dalam kajian ini bertepatan dengan pendapat Nurul Jamilah (2010) yang mendapati bahawa penggunaan leksikal maaf menunjukkan nilai kesantunan yang tinggi sebagai tanda mengakui kesalahan oleh orang Melayu bagi memmanifestasikan sikap rendah diri sebagaimana dalam Maksim Kerendahan Hati dalam PS Leech (1983). **Peristiwa 19** turut memperlihatkan penggunaan Maksim Kerendahan Hati, iaitu sikap rendah diri Fuad dengan meminta maaf sebagai tanda menjaga hati sahabat baiknya sebagaimana dalam dialog *Okey ... okey maaf* walaupun mereka sedang bergurau. Sikap rendah diri dapat melestarikan hubungan yang harmonis dan mesra antara satu sama lain selain memperlihatkan perlakuan yang sopan apabila semua pihak berasa selesa dan tidak tersinggung. Jeniri Amir (2009) dalam penulisannya menyatakan bahawa bahasa yang santun atau sopan dapat melahirkan manusia berbudi yang disanjung tinggi (p.143).

Ringkasnya, kelapan-lapan peristiwa dalam kelompok subtema ini menggarap subtema sayang kepada sahabat akrab yang terbit daripada sikap prihatin, dermawan, baik hati, menghargai, memuji dan merendah diri watak-watak. Garapan ini dimanifestasikan oleh dialog-dialog yang memperlihatkan penggunaan Maksim Kedermawanan, Kebijaksanaan, Sokongan, Persetujuan dan Kerendahan Hati dalam peristiwa yang dirujuk. Kesemua peristiwa ini berhubungan kesan daripada satu tema yang sama, iaitu kasih sayang.

#### **4.7.4.2 Subtema sayang kepada keluarga**

Peristiwa-peristiwa yang menggambarkan subtema sayang kepada keluarga terdapat dalam Jadual 4.71 berikut:

**Jadual 4.71:** Subtema sayang kepada keluarga

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Dialog	Maksim	Subtema
1	10	<b>Fu</b> ; Siapa ada di rumah? <b>Fa</b> : Mak, adik-adik.	Kuantiti	Sayang kepada keluarga
2	27	<b>Fu</b> : Bangunlah Ana. Pergilah basuh muka. Ada perkara penting yang aku nak bincang dengan engkau.	Kebijaksanaan	
		<b>Fa</b> : Apa halnya ni, Fuad? <b>Fu</b> : Ada hal penting. Apa halnya, mari kita bincang di bawah.	Relevan	
3	29	<b>Fu</b> : Pernah tak kau tinggal di Kuala Lipis? <b>Fa</b> : Setakat yang aku tahu, tak pernah. <b>Fu</b> : Kau pernah tak cerita fasal aku kepada mak? <b>Fa</b> : Ada tak ada, cuma hari tu sajalah.	Kuantiti	

Berdasarkan Jadual 4.71, **peristiwa 10, 27 dan 29** atau sebanyak tiga daripada 17 peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 2, 5 PS + 3 PK ini merupakan garapan subtema tentang sayang kepada keluarga yang dimanifestasikan oleh watak Fuad dan Farhana melalui penggunaan dialog yang menggambarkan maksim-maksim yang relevan dengan subtema. Paparan subtema ini berdasarkan **peristiwa 10** dimanifestasikan oleh penggunaan Maksim Kuantiti, iaitu melalui pertanyaan Fuad sebagai tanda prihatin dan mengambil berat akan keluarga Farhana. Subtema ini digambarkan dalam dialog *Siapa ada di rumah?* Farhana pula memberikan maklumat yang mencukupi tentang keluarganya dalam dialog *Mak, dan adik-adik*. Perkara ini turut memperlihatkan kerjasama kedua-duanya dalam pemberian maklumat yang berkaitan dengan keluarga.

Seterusnya, **peristiwa 27** memaparkan penggunaan Maksim Kebijaksanaan dan Relevan yang digunakan oleh Fuad bagi menunjukkan sikap bertanggungjawab terhadap keluarga. Fuad meminta secara berhemah agar Farhana bangun daripada tidur kerana ada perkara penting yang hendak dibincangkannya dalam dialog *Bangunlah Ana. Pergilah basuh muka. Ada perkara penting yang aku nak bincang*

*dengan engkau*. Apabila Farhana bertanya dalam dialog *Apa halnya, Fuad?* Fuad memberikan maklumat bahawa dia hendak membincangkan perkara penting, iaitu hal yang berkaitan dengan keluarga mereka kerana sebelum itu Fuad melihat nama ibu Farhana persis nama ibunya. Tindakan ini diambilnya sebagai gambaran sikap prihatin, bertanggungjawab dan sayangnya kepada keluarga.

**Peristiwa 29** pula memperlihatkan penggunaan Maksim Kuantiti apabila Fuad meminta maklumat yang tepat tentang ibu Farhana dalam dialog *Pernah tak kau tinggal di Kuala Lipis?* Farhana memberikan maklumat bahawa dia tidak pernah tinggal di Kuala Lipis dalam dialog *Setakat yang aku tahu tak pernah*. Apabila Fuad bertanya dalam dialog *Kau pernah tak cerita fasal aku kepada mak?* Farhana memberikan maklumat secukupnya dalam dialog *Ada tak ada, Cuma hari tu jer lah*. Penggunaan Maksim Kuantiti membolehkan maklumat yang diperoleh lebih tepat, jelas dan mencukupi kerana maklumat yang berlebihan merupakan pembaziran selain membosankan pendengar (Grice, 1975). Tindakan Fuad menyiasat dan mendapatkan maklumat yang tepat dan mencukupi daripada Farhana menandakan sikap bertanggungjawab Fuad untuk mengetahui hal ehwal keluarga sekali gus akan dapat menyatukan keluarga mereka.

Ringkasnya, ketiga-tiga peristiwa dalam kelompok subtema ini menggarap dengan jelas subtema sayang kepada keluarga yang terbit daripada sikap bertanggungjawab dan prihatin melalui watak Fuad. Subtema ini dimanifestasikan oleh dialog-dialog yang memperlihatkan penggunaan Maksim Kuantiti, Kebijaksanaan dan Relevan dalam peristiwa yang dirujuk sebagaimana yang tercakup dalam Pola 2.

#### 4.7.4.3 Subtema sayang kepada ibu bapa angkat

Peristiwa yang menggambarkan subtema sayang kepada ibu bapa angkat terdapat dalam Jadual 4.72 berikut:

**Jadual 4.72:** Subtema sayang kepada ibu bapa angkat

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Dialog	Maksim	Subtema
1	21	<b>Fu</b> : Selepas ni ikut aku balik rumah sekejap boleh tak? Mandi, makan-makan dulu. Selepas isyak nanti aku hantar kau, langsung ke rumah Cikgu Zamani. Nak tak?	Kebijaksanaan	sayang kepada ibu bapa angkat

Berdasarkan Jadual 4.72, peristiwa 21 atau satu daripada 17 peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 2, 5 PS + 3 PK ini merupakan garapan subtema tentang sayang kepada ibu bapa angkat yang dimanifestasikan oleh watak Fuad. Paparan subtema ini diperlihatkan menerusi penggunaan dialog yang mengekspresikan maksim yang bersesuaian. Paparan subtema ini berdasarkan **peristiwa 21** dimanifestasikan oleh penggunaan Maksim Kebijaksanaan apabila Fuad memberikan cadangan agar Farhana mengikutnya balik ke rumah sebagaimana dalam dialog *Selepas ni ikut aku balik rumah sekejap boleh tak? Mandi, makan-makan dulu. Selepas Isyak nanti aku hantar kau, langsung ke rumah Cikgu Zamani. Nak tak?* Cadangan ini membolehkan Fuad memperkenalkan Farhana kepada ibu bapa angkatnya dengan tujuan untuk menggembirakan mereka atas dasar kasih sayangnya kepada ibu bapa angkat. Fuad amat menghormati dan menyayangi ibu bapa angkat yang telah berjasa kepadanya.

Ringkasnya, peristiwa 21 dalam kelompok subtema ini dapat memaparkan sikap sayang kepada ibu bapa angkat yang terbit daripada sikap prihatin dan sayang kepada ibu bapa angkat khususnya melalui watak Fuad. Subtema ini dimanifestasikan oleh



dialog yang memperlihatkan penggunaan Maksim Kebijakan dalam peristiwa yang dirujuk sebagaimana yang tercakup dalam Pola 2.

#### 4.7.4.4 Subtema sayang kepada teman sekerja

Peristiwa yang menggambarkan subtema sayang kepada teman sekerja terdapat dalam Jadual 4.73 berikut:

**Jadual 4.73:** Subtema sayang kepada teman sekerja

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Dialog	Maksim	Subtema
1	20	<b>Fu</b> : Entah, dia ajak ke rumah selepas isyak. Ada makan-makan sikit, katanya dah banyak kali dia ajak sebelum ni, cuma aku saja yang asyik cari alasan. Kali ini aku pergilah. <b>Fa</b> : Pergilah.	Persetujuan	sayang kepada teman sekerja

Berdasarkan Jadual 4.73, peristiwa 20 atau sebanyak satu daripada 17 peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 2, 5 PS + 3 PK ini merupakan garapan subtema tentang sayang kepada teman sekerja yang dimanifestasikan oleh watak Fuad dan Farhana. Subtema ini dizahirkan melalui penggunaan dialog yang memanifestasikan maksim-maksim yang bersesuaian. Paparan subtema ini berdasarkan **peristiwa 20** dimanifestasikan oleh penggunaan Maksim Persetujuan. Farhana memberikan persetujuan agar Fuad pergi menghadiri jemputan di rumah Cikgu Zamani. Persetujuan tersebut digambarkan dalam dialog *Pergilah*. Persetujuan ini diberikan oleh Farhana setelah Fuad menyatakan dia hendak pergi pada kali tersebut dalam dialog *Kali ini aku pergilah* setelah banyak kali jemputan daripada Cikgu Zamani tidak dipenuhinya. Fuad menerima jemputan tersebut dan Farhana mempamerkan sikap yang positif dan bertolak ansur dengan memberikan persetujuan agar Fuad memenuhi jemputan tersebut sebagai tanda menyayangi teman sekerja walaupun hubungan antara Farhana-Zamani berkonflik selama ini. Strategi komunikasi yang

digunakan oleh Farhana ini didapati bertepatan dengan dapatan Zainol Abidin Kassim (2003) yang mendapati bahawa strategi komunikasi yang menggunakan Maksim Persetujuan dapat mengelakkan konflik dan mewujudkan suasana harmoni.

Ringkasnya, peristiwa 20 dalam kelompok subtema ini dapat memaparkan sikap sayang kepada teman sekerja yang terbit daripada sikap bertolak ansur dan positif demi menjaga hati teman sekerja khususnya melalui watak Fuad dan Farhana. Subtema ini dimanifestasikan oleh dialog-dialog yang memperlihatkan penggunaan Maksim Persetujuan dalam peristiwa yang dirujuk sebagaimana yang tercakup dalam Pola 2.

#### 4.7.4.5 Subtema sayang kepada adik-beradik

Peristiwa-peristiwa yang menggambarkan subtema sayang kepada adik-beradik terdapat dalam Jadual 4.74 berikut:

**Jadual 4.74:** Subtema sayang kepada adik-beradik

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Dialog	Maksim	Subtema
1	26	<b>Fa</b> : Tak ada siapa. Mereka dah besar, pandai bawa diri. Lagipun mereka dah biasa macam ni. Mak memang selalu masuk hospital. Aku pula jauh. Cuma, kalau kau lapang, bolehlah kau jenguk mereka di rumah sekejap.	Kebijaksanaan	sayang kepada adik-beradik
		<b>Fu</b> : Okey, nanti selepas maghrib aku pergi.	Persetujuan	
2	33	<b>Fu</b> : Ana. Kalau rajin, tolong-tolonglah masukkan kain baju ab ... Aku ke dalam beg, taklah kelam-kabut sangat bila balik nanti.	Kebijaksanaan	
		<b>Fa</b> : Nanti kau balik, beg engkau dah siap tiga buah depan pagar.	Persetujuan	

Berdasarkan Jadual 4.74, peristiwa 26 dan 33 atau sebanyak dua daripada 17 peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 2, 5 PS + 3 PK ini merupakan garapan subtema tentang sayang kepada adik-beradik yang dimanifestasikan oleh watak Fuad dan Farhana. Subtema ini diperlihatkan melalui penggunaan dialog yang memanifestasikan maksim-maksim yang bersesuaian. Paparan subtema ini

berdasarkan **peristiwa 26** dimanifestasikan oleh penggunaan Maksim Kebijakan dan Persetujuan yang digunakan oleh watak Fuad dan Farhana. Maksim Kebijakan digunakan oleh Farhana dengan memberikan cadangan kepada Fuad agar menjenguk adik-adiknya di rumah ketika ibu mereka terlantar di hospital. Tindakan ini dilakukan sebagai tanda sayang dan prihatin kepada adik-adiknya walaupun adik-adiknya pandai berdikari sebagaimana dalam dialog *Cuma, kalau kau lapang, bolehlah kau jenguk mereka di rumah sekejap*. Fuad pula menyetujuinya dalam dialog *Okey, nanti selepas maghrib aku pergi* bagi menandakan sikap prihatinnya kepada adik-adik Farhana.

Dalam **peristiwa 33** pula, subtema ini dipaparkan dengan penggunaan Maksim Kebijakan dan Persetujuan. Fuad meminta bantuan Farhana untuk membantunya mengemas barang-barang ketika dia hendak ke Mekah dalam dialog *Ana. Kalau rajin, tolong-tolonglah masukkan kain baju ab ...*. Permintaan ini dipersetujui oleh Farhana dalam dialog *Nanti kau balik, beg engkau dah siap tiga buah depan pagar* sebagai tanda kerelaan membantu dan sayang kepada abangnya walaupun dengan nada bergurau. Tambahan pula peristiwa ini berlaku setelah masing-masing mengetahui bahawa mereka adik-beradik, maka kasih sayang menjadi semakin erat.

Ringkasnya, peristiwa 26 dan 33 dalam kelompok subtema ini dapat memaparkan sikap sayang kepada adik-beradik yang terbit daripada sikap sayang, prihatin dan saling membantu agar dapat mengharmoniskan hubungan adik-beradik khususnya melalui watak Fuad dan Farhana. Perkara ini dimanifestasikan oleh dialog-dialog yang memperlihatkan penggunaan Maksim Kebijakan dan Persetujuan dalam peristiwa yang dirujuk sebagaimana yang tercakup dalam Pola 2.

#### 4.7.4.6 Subtema sayang kepada profesion perguruan

Peristiwa yang menggambarkan subtema sayang kepada profesion perguruan terdapat dalam Jadual 4.75 berikut:

**Jadual 4.75:** Subtema sayang kepada profesion perguruan

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Dialog	Maksim	Subtema
1	4	Fa : Fuad dulu tentu ambil kertas ni, kan? Fu : Cikgu Farhana pun, kan?	Persetujuan	sayang kepada profesion perguruan

Berdasarkan Jadual 4.75, peristiwa 4 atau sebanyak satu daripada 17 peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 2, 5 PS + 3 PK ini merupakan garapan subtema tentang sayang kepada profesion perguruan yang dimanifestasikan oleh watak Fuad dan Farhana. Subtema ini dizahirkan melalui penggunaan dialog yang menggambarkan maksim yang bersesuaian dalam peristiwa ini. Paparan subtema ini berdasarkan **peristiwa 4** dimanifestasikan oleh penggunaan Maksim Persetujuan oleh Fuad. Fuad memberikan persetujuan bahawa mereka pernah menduduki kertas peperiksaan yang sama sebagaimana dalam dialog *Cikgu Farhana pun, kan?* Persetujuan ini diberikannya bagi menjawab pertanyaan Farhana dalam dialog *Fuad dulu tentu ambil kertas ni, kan?* Perkara ini memudahkan mereka menjalankan tanggungjawab kepada para murid termasuklah memberikan gambaran sikap dedikasi kepada profesion perguruan.

Ringkasnya, peristiwa 4 dalam kelompok subtema ini dapat memaparkan sikap sayang kepada profesion perguruan yang terbit daripada sikap tanggungjawab dan dedikasi kepada tugas khususnya melalui watak Fuad dan Farhana. Subtema ini dimanifestasikan oleh dialog-dialog yang memperlihatkan penggunaan Maksim Persetujuan dalam peristiwa yang dirujuk sebagaimana yang tercakup dalam Pola 2.

#### 4.7.4.7 Subtema sayang kepada sumber alam

Peristiwa yang menggambarkan subtema sayang kepada sumber alam terdapat dalam Jadual 4.76 berikut:

**Jadual 4.76:** Subtema sayang kepada sumber alam

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Dialog	Maksim	Subtema
1	8	<b>Fu</b> : Eh, betul! Apa pula tak betulnya. Saya memang tanam jagung, sebelum jadi cikgu ni lagi. Tak percaya, tanya Cikgu Abas. Tak percaya juga lagi, jom saya tunjuk dalam bonet kereta saya. Kalau tak percaya juga lagi, balik sekolah ni saya bawa awak pergi tengok kebun saya. Ha ... mana satu yang awak nak? Semua boleh. Yang penting, awak kena percaya saya memang tanam jagung.	Kualiti	sayang kepada sumber alam

Berdasarkan Jadual 4.76, peristiwa 8 atau sebanyak 1 daripada 17 peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 2, 5 PS + 3 PK ini merupakan garapan subtema tentang sayang kepada sumber alam yang dimanifestasikan oleh watak Fuad. Subtema ini diperlihatkan melalui penggunaan dialog yang mengekspresikan maksim yang bersesuaian dalam peristiwa ini. Paparan subtema ini berdasarkan **peristiwa 8** dimanifestasikan oleh penggunaan Maksim Kualiti apabila Fuad memberikan bukti bahawa dialah yang menanam jagung ketika dipersoalkan oleh Farhana sebagaimana dalam dialog *Saya memang tanam jagung, sebelum jadi cikgu ni lagi. Tak percaya, tanya Cikgu Abas. Tak percaya juga lagi, jom saya tunjuk dalam bonet kereta saya. Kalau tak percaya juga lagi, balik sekolah ni saya bawa awak pergi tengok kebun saya.* Maklumat yang disampaikan oleh Fuad merupakan pembuktian bahawa Fuad menyayangi sumber alam, iaitu tanah yang dibelinya daripada Awang Sojar dengan mengusahakannya sendiri sehingga membuahkan hasil. Pembuktian yang diberikan oleh Fuad ini menepati gagasan Maksim Kualiti Grice (1975) yang menyarankan seseorang bercakap benar dan ada bukti. Perkara ini selaras dengan ajaran agama sebagaimana dalam kajian Abdul Ganing Laengkang (2010) yang menyatakan

bahawa Islam menitikberatkan kejujuran dan kebenaran (p.72). Walaupun Fuad digambarkan sebagai seorang anak muda yang berada, namun Fuad memiliki sikap sayang kepada sumber alam kerana sanggup mengerjakan tanah yang dibelinya dengan tenaga sendiri untuk menanam jagung.

Ringkasnya, peristiwa 8 dalam kelompok subtema ini dapat memaparkan subtema sayang kepada sumber alam yang terbit daripada sikap menyayangi dan menghargai sumber alam, iaitu tanah khususnya melalui watak Fuad. Subtema ini dimanifestasikan oleh dialog yang memperlihatkan penggunaan Maksim Kualiti dalam peristiwa yang dirujuk sebagaimana yang tercakup dalam Pola 2.

Berdasarkan perbincangan terhadap 17 peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 2, 5 PS + 3 PK ini, didapati kesemua peristiwa memperlihatkan paparan dan gambaran tentang keberkaitan peristiwa dengan subtema sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 4.5. Kesemua subtema hasil daripada pengelompokan 17 peristiwa, iaitu sayang kepada sahabat akrab, sayang kepada keluarga, sayang kepada ibu bapa angkat, sayang kepada teman sekerja, sayang kepada adik-beradik, sayang kepada profesion perguruan dan sayang kepada sumber alam dapat menggambarkan tema novel ini. Sub-subtema ini dimanifestasikan oleh penggunaan dialog yang mengekspresikan maksim-maksim yang tercakup dalam Pola 2 sehingga menyerlahkan tema novel ini, iaitu kasih sayang. Sehubungan dengan itu, 17 peristiwa ini telah diklasifikasikan dalam Pola 2, 5 PS + 3 PK, MPKMU selain memperlihatkan penggunaan pola kombinasi maksim yang tertinggi.

Sementara Pola 6, 1 PS memperlihatkan penggunaan pola kombinasi maksim yang terendah dan hanya dipatuhi satu peristiwa, iaitu peristiwa 23. Perkara ini berlaku atas faktor hanya peristiwa ini yang mematuhi prinsip tepat dalam pola ini. Lanjutan itu,

berdasarkan satu peristiwa sahaja sudah semestinya sukar untuk menggambarkan tema secara jelas.

#### 4.8 Rumusan

Secara keseluruhannya, didapati analisis penggunaan pola kesopanan berbahasa memperlihatkan 33 peristiwa yang diklasifikasikan dalam keenam-enam pola kombinasi maksim telah mematuhi ketiga-tiga prinsip yang ditetapkan dalam pembentukan MPKMU. Pola 1 dan Pola 2 memenuhi prinsip hampir sama, Pola 3 dan Pola 4 memenuhi prinsip ekonomis manakala Pola 5 dan Pola 6 memenuhi prinsip tepat. Dapatan memperlihatkan penggunaan pola kombinasi maksim yang paling tinggi berdasarkan MPKMU ialah Pola 2, 5 PS + 3 PK, iaitu sebanyak 50.68 peratus (17 peristiwa) atau 112 dialog. Pola yang kedua tertinggi ialah Pola 1, 6 PS + 4 PK, iaitu 42.09 peratus (11 peristiwa) atau 93 dialog sementara pola kombinasi maksim yang ketiga tertinggi ialah Pola 5, 2 PS dipatuhi 3.15 peratus (dua peristiwa) atau tujuh dialog. Pola 3 dan Pola 4 masing-masing sebanyak 1.80 peratus (masing-masing satu peristiwa) atau masing-masing empat dialog yang menunjukkan penggunaan pola kombinasi maksim yang keempat tertinggi. Pola kombinasi maksim paling rendah ialah Pola 6, 1 PS sebanyak 0.46 peratus (satu peristiwa) atau satu dialog.

**Pola 1, 6 PS + 4 PS** dipatuhi 11 peristiwa atau sebanyak 93 dialog (42.09%). 11 peristiwa ini memenuhi prinsip hampir sama berdasarkan tiga kriteria, iaitu memperlihatkan kehadiran (i) Maksim Simpati, (ii) Maksim Cara dan (iii) Maksim Simpati dan Cara. **Pola 2, 5 PS + 3 PK** dipatuhi 17 peristiwa atau sebanyak 112 dialog (50.68%). 17 peristiwa ini memenuhi prinsip hampir sama berdasarkan tiga kriteria, iaitu memperlihatkan kehadiran (i) Maksim Persetujuan, (ii) Maksim Relevan dan (iii) Maksim Persetujuan dan Relevan.

**Pola 3, 4 PS + 2 PK** dipatuhi satu peristiwa atau sebanyak empat dialog (1.80 %). Peristiwa ini mematuhi prinsip ekonomis berdasarkan kriteria memenuhi sekurang-kurangnya tiga kombinasi maksim dalam Pola 3, iaitu Maksim Kebijaksanaan, Sokongan dan Kerendahan Hati. **Pola 4, 3 PS + 1 PS** dipatuhi satu peristiwa atau sebanyak 4 dialog (1.80%). Peristiwa ini juga mematuhi prinsip ekonomis berdasarkan kriteria memenuhi sekurang-kurangnya tiga kombinasi maksim dalam Pola 4, iaitu Maksim Kebijaksanaan, Kedermawanan dan Sokongan.

**Pola 5, 2 PS** dipatuhi dua peristiwa atau sebanyak tujuh dialog (3.17%). Kedua-dua peristiwa ini mematuhi prinsip tepat berdasarkan kriteria memenuhi dengan tepat Pola 5, iaitu Maksim Kebijaksanaan dan Kedermawanan. **Pola 6, 1 PS** dipatuhi satu peristiwa atau sebanyak satu dialog (0.46%). Peristiwa ini mematuhi prinsip tepat berdasarkan kriteria memenuhi dengan tepat Pola 6, iaitu mematuhi pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan.

Penutur dan pendengar dalam setiap peristiwa bahasa menggunakan maksimum-maksimum yang memenuhi cakupan keenam-enam pola kombinasi maksim dalam MPKMU berdasarkan jumlah dialog tertentu bagi membolehkan komunikasi berjalan dengan lancar. Penutur juga memperlihatkan penggunaan pelbagai maksim dalam peristiwa bahasa yang berlangsung agar kesopanan tetap terpelihara sekali gus dapat diperlihatkan secara terperinci. Aspek kesopanan perlu diberi keutamaan dalam berkomunikasi kerana berhubung kait dengan budaya dalam sesebuah masyarakat. Mohammad Syawal & Nuraini Yusoff (2014) berpendapat bahawa kesopanan berhubung rapat dengan budaya dan bahasa masyarakat kerana bahasa yang sopan menggambarkan budaya masyarakat yang menerapkan nilai-nilai kesantunan (p.89). Walaupun objektif, latar dan bahan bualan dalam 33 peristiwa ini bervariasi, namun



semuanya dapat diklasifikasi dalam MPKMU atas dasar mematuhi prinsip-prinsip yang telah ditetapkan.

Berdasarkan analisis terhadap penggunaan jumlah maksim dan penggunaan jumlah dialog terhadap 33 peristiwa dalam MPKMU, dapatan memperlihatkan hasil yang bervariasi, iaitu lima variasi. **Variasi (i) penggunaan jumlah maksim sama, jumlah dialog berbeza** yang dikenal pasti dalam peristiwa 1, 2, 28, 3, 7, 22, 11, 25, 31, 8, 15, 17, 29, 10 dan 12, **variasi (ii) penggunaan jumlah maksim berbeza, jumlah dialog berbeza** sebagaimana yang dikenal pasti dalam peristiwa 18, 21, 24, 5, 22, 30 dan 32, **variasi (iii) penggunaan jumlah dan jenis maksim sama, dialog berbeza** dalam peristiwa 6, 13, 4 dan 33. **Variasi (iv)** memperlihatkan **penggunaan jumlah maksim sama, dialog sama** dalam peristiwa 9, 14, 16, 20, 26, 19 dan 27 manakala **variasi (v) penggunaan jumlah dan jenis maksim sama, dialog sama** sebagaimana dalam peristiwa 23. Dapatan ini memperlihatkan variasi kerana dipengaruhi faktor penyediaan konteks.

Dapatan kajian berdasarkan analisis penyediaan konteks terhadap 33 peristiwa yang mematuhi Pola 1, Pola 2, Pola 3, Pola 4, Pola 5 dan Pola 6 dalam MPKMU terdapat dalam Jadual 4.77 yang berikut:

**Jadual 4.77:** Dapatan Analisis Konteks

Sifat : Signifikan/Tidak signifikan/ Penyediaan konteks Ø	Penyediaan Konteks	No. Peristiwa	Jumlah Peristiwa		Peratus (%)
	Pra dan Pascadata/ Pradata/Pascadata/ Tiada konteks				
Signifikan	Pradata dan Pascadata	1,2,4,6,9,12,13,17,19, 23,30,31&33	13	20	60.6
	Pradata	0	0		
	Pascadata	3,5,8,16,20,26&27	7		

**Jadual 4.77, sambungan**

Sifat : Signifikan/Tidak signifikan/ Penyediaan konteks Ø	Penyediaan Konteks	No. Peristiwa	Jumlah Peristiwa		Peratus (%)
	Pra dan Pascadata/ Pradata/Pascadata/ Tiada konteks				
Tidak Signifikan	Pradata dan Pascadata	14,22,25,28&29	5	12	36.4
	Pradata	24	1		
	Pascadata	7,11,15,18,21&32	6		
Penyediaan konteks Ø	Tiada penyediaan konteks	10	1	1	3.00
<b>Jumlah</b>		<b>33</b>			<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 4.77, dapatan analisis konteks diperlihatkan dalam tiga sifat iaitu (i) penyediaan konteks yang bersifat signifikan, (ii) penyediaan konteks yang tidak bersifat signifikan dan (iii) penyediaan konteks Ø. Penyediaan **(i) konteks yang bersifat signifikan** terdapat dalam 20 peristiwa yang dianalisis atau menunjukkan dapatan sebanyak 60.6 peratus berdasarkan dua variasi penyediaan konteks. Kewujudan penyediaan konteks yang bersifat signifikan ini dikenal pasti berdasarkan (i) variasi penyediaan konteks pradata dan pascadata dalam 13 peristiwa, iaitu dalam peristiwa 1, 2, 4, 6, 9, 12, 13, 17, 19, 23, 30, 31 dan 33 manakala (ii) variasi penyediaan konteks pascadata terdapat dalam tujuh peristiwa, iaitu dalam peristiwa 3, 5, 8, 16, 20, 26 dan 27. Penyediaan konteks dalam 20 peristiwa ini bersifat signifikan atau memberikan impak terhadap penggunaan jumlah dialog kerana secara puratanya penggunaan jumlah dialog lebih rendah, iaitu antara satu hingga enam dialog. Berdasarkan dapatan ini juga, didapati penyediaan konteks pradata dan pascadata memperlihatkan jumlah yang dominan kerana signifikan dalam 13 peristiwa yang dianalisis, iaitu dalam peristiwa 1, 2, 4, 6, 9, 12, 13, 17, 19, 23, 30, 31 dan 33. Situasi ini memanasifestasikan penyediaan maklumat pradata dan pascadata memberikan sumbangan pengetahuan kepada penutur dan pendengar dalam berkomunikasi. Maklumat pradata atau maklumat lama penting apabila seseorang tidak ada pengetahuan sedia ada tentang perkara yang dibincangkan. Birner (2013) mengatakan

bahawa maklumat lama atau *old information* merujuk kepada maklumat awal yang hadir atau dimunculkan dalam sesebuah wacana manakala maklumat baharu atau *new information* adalah sebaliknya (p.218). Kewujudan maklumat lama atau pradata dalam kajian ini membantu meningkatkan pengetahuan atau memberikan maklumat awal kepada penutur dan pendengar dalam berkomunikasi.

Maklumat baharu atau konteks pascadata dihadirkan selepas data. Halliday dan Hassan (1976) mengatakan bahawa maklumat baharu atau *new information* merupakan maklumat yang dipercayai oleh penutur tidak ada dalam pengetahuan pendengar yang mungkin tidak disebut sebelumnya (p.69). Dalam kajian ini, maklumat baharu membantu memberikan pengetahuan tambahan kepada maklumat yang sedang disampaikan atau dibincangkan dalam komunikasi sebagaimana yang berlaku dalam 13 peristiwa ini. Oleh itu, kewujudan maklumat lama dan maklumat baharu atau penyediaan konteks pradata dan pascadata dalam 13 peristiwa ini telah memberikan sumbangan maklumat yang signifikan. Didapati penyediaan konteks pra dan pascadata ini mempengaruhi penggunaan jumlah dialog dengan signifikan atas faktor kesesuaian dan keserasian pemilihan dan penggunaan unsur-unsur bahasa dengan topik yang menjadi fokus perbincangan sehingga objektif komunikasi tercapai. Dalam penyediaan konteks yang bersifat signifikan ini tidak wujud variasi penyediaan konteks pradata atas faktor kewujudannya tidak signifikan.

Sementara variasi penyediaan konteks pascadata kurang dominan kerana hanya bersifat signifikan dalam tujuh peristiwa, iaitu 3, 5, 8, 16, 20, 26 dan 27. Walaupun tiada maklumat lama atau pradata dalam tujuh peristiwa ini namun kewujudan maklumat baharu atau pascadata membantu dalam menyumbangkan pengetahuan tambahan kepada penutur dan pendengar. Maklumat lama atau pradata tidak wujud kerana kewujudannya tidak signifikan apabila peserta dalam komunikasi sudah

memiliki pengetahuan tentang perkara yang hendak dibincangkan dalam perbualan. Kewujudan variasi konteks pascadata ini memberikan sumbangan yang signifikan atas faktor kesesuaian pemilihan unsur-unsur bahasa dengan konteks peristiwa sehingga menjamin kelengkapan maklumat dan memperlihatkan kesopanan berbahasa dalam setiap peristiwa berkenaan.

Sementara **(ii) penyediaan konteks yang tidak bersifat signifikan** pula terdapat dalam 12 peristiwa yang dianalisis atau menunjukkan dapatan sebanyak 36.4 peratus berdasarkan tiga variasi penyediaan konteks sebagaimana dalam Jadual 4.77. Kewujudan penyediaan konteks yang tidak bersifat signifikan dikenal pasti berdasarkan (i) variasi penyediaan konteks pra dan pascadata dalam lima peristiwa, iaitu peristiwa 14, 22, 25, 28 dan 29, (ii) variasi penyediaan konteks pradata dalam satu peristiwa, iaitu peristiwa 24 manakala (iii) variasi penyediaan konteks pascadata dalam enam peristiwa, iaitu dalam peristiwa 7, 11, 15, 18, 21 dan 32. Walaupun wujud penyediaan konteks dalam 12 peristiwa ini, namun tidak signifikan kerana wujudnya unsur lewah sehingga perbualan menjadi meleret-leret. Bruno C. (2010) dalam artikel yang bertajuk *Old Information before New Information* memberikan pandangan bahawa pemberian maklumat lama sebelum maklumat baharu, dapat meningkatkan daya pemahaman pendengar atau pembaca dengan lebih baik lebih-lebih lagi apabila maklumat lama tersebut berkaitan dengan maklumat baharu yang dibincangkan dalam perbualan. Walau bagaimanapun, dapatan ini juga memperlihatkan dapatan sebaliknya, iaitu kewujudan penyediaan konteks yang tidak bersifat signifikan berdasarkan tiga variasi penyediaan konteks dalam 12 peristiwa. Kewujudan penyediaan konteks didapati tidak bersifat signifikan kerana kewujudannya tidak memberikan impak kepada penggunaan jumlah dialog atas sebab kewujudan faktor-faktor lain dalam peristiwa bahasa yang berlangsung.

Tambahan pula, kewujudan konteks ini tidak menyumbangkan pengetahuan atau maklumat yang signifikan dalam 12 peristiwa berkenaan. Situasi ini menunjukkan bahawa penyediaan konteks pradata dan pascadata atau maklumat lama dan maklumat baharu tidak semestinya membantu dalam melengkapkan maklumat atau meningkatkan pemahaman pendengar dalam sesebuah peristiwa bahasa. Senario ini memberikan gambaran bahawa pandangan Bruno (2010) hanya relevan dengan senario yang berlaku dalam 20 peristiwa, iaitu situasi penyediaan konteksnya bersifat signifikan sebagaimana yang telah dibincangkan.

Kewujudan variasi penyediaan konteks pra dan pascadata dalam peristiwa 14, 22, 25, 28 dan 29 didapati bersifat tidak signifikan kerana tidak memberikan impak terhadap penggunaan jumlah dialog. Walaupun wujud konteks sebelum dan selepas data, namun paparan peristiwanya lebih panjang dan secara purata penggunaan dialognya lebih tinggi, melebihi jumlah 10 dialog. Sementara variasi penyediaan konteks pascadata yang bersifat tidak signifikan terdapat dalam peristiwa 7, 11, 15, 18, 21 dan 32. Situasi ini menunjukkan bahawa maklumat baharu atau *new information* yang wujud selepas data tidak memberikan impak yang signifikan. Hal ini demikian kerana lima peristiwa ini lebih panjang dan secara purata penggunaan dialognya juga lebih tinggi, iaitu melebihi jumlah 11 dialog.

Kedua-dua variasi penyediaan konteks ini didapati bersifat tidak signifikan kerana kewujudan lima faktor dalam mempengaruhi penggunaan jumlah dialog. Pertama, pengulangan unsur pertanyaan yang signifikan bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan jelas dalam sesebuah peristiwa bahasa agar dapat mencapai objektif komunikasi. Kedua, penyelitan unsur lawak atau gurauan untuk mewujudkan suasana santai dan mesra selain untuk mengelakkan ketegangan ekoran berlakunya sesuatu konflik. Ketiga, faktor kepadatan maklumat bagi memberikan gambaran secara

terperinci tentang sesuatu topik perbualan agar mesej tercapai. Keempat, kepelbagaian isu dan topik yang wujud secara spontan dalam slot peristiwa bahasa yang berlangsung. Akhirnya, faktor perubahan topik perbualan untuk menamatkan atau memendekkan sesuatu slot dalam plot cerita atas sebab tertentu.

Variasi penyediaan konteks pradata dalam peristiwa 24 turut memperlihatkan kewujudan penyediaan konteks yang bersifat tidak signifikan atas faktor penyediaan konteks tidak mempengaruhi penggunaan jumlah dialognya. Sebaliknya, situasi ini dipengaruhi oleh penukaran topik perbualan dalam plot cerita peristiwa 24, maka slot peristiwa ini ditamatkan dengan jumlah empat dialog. Walaupun penyediaan konteks berdasarkan tiga variasi dalam 12 peristiwa ini bersifat tidak signifikan dengan kewujudan lima faktor yang telah dijelaskan sebelum ini, namun kesemua peristiwa ini dapat mencapai objektif komunikasi. Dapatan ini sejalur dengan pendapat Yong Suet Ping (1997) yang menegaskan bahawa dalam sesi perbualan, objektif komunikasi perlu dicapai walaupun dalam masa yang singkat (p.113). Hal ini sedemikian bertitik tolak daripada penggunaan dan pemilihan unsur-unsur bahasa yang sesuai dengan konteks peristiwa sehingga menyumbang kepada kecukupan maklumat.

Dapatan turut memperlihatkan sifat **(iii) penyediaan konteks Ø**, iaitu tidak wujud penyediaan konteks sama ada pradata atau pascadata atau gabungan kedua-dua situasi dalam satu peristiwa atau sebanyak 3.00 peratus, iaitu dalam analisis peristiwa 10 (Rujuk Jadual 4.77). Walau bagaimanapun, peristiwa ini memperlihatkan maklumat yang mencukupi dan objektif komunikasi tercapai atas faktor keserasian penggunaan unsur-unsur bahasa dengan perkara yang menjadi fokus perbincangan selain wujudnya keserasian dengan konteks peristiwa. Perkara ini turut memperjelas pemilihan kata, ungkapan dan ayat dalam konteks peristiwa ini bersesuaian dan memperlihatkan ketepatan sehingga objektif komunikasi tercapai sekali gus kesopanan tetap

terpelihara. Jeniri Amir (2009) mengatakan bahawa bahasa yang perlu dipupuk ialah bahasa yang sopan agar bahasa yang terpancar daripada fikiran dan mulut melambangkan bahasa yang beradab. (p.142).

Berdasarkan dapatan analisis konteks ini, dapat disimpulkan bahawa faktor penyediaan konteks bersifat signifikan dalam 20 daripada 33 peristiwa yang dianalisis atau 60.6 peratus. Sementara 12 lagi peristiwa atau sebanyak 36.4 peratus memperlihatkan kewujudan penyediaan konteks yang bersifat tidak signifikan bertitik tolak daripada wujudnya faktor-faktor lain. Sementara satu daripada 33 peristiwa memperlihatkan penyediaan konteks  $\emptyset$ , iaitu dalam peristiwa 10 (3.00%). Dapatan ini memperlihatkan bahawa penyediaan konteks bukanlah keperluan yang wajib ada dalam komunikasi atau sesebuah peristiwa bahasa kerana konteks yang bersifat signifikan dirujuk jika didapati relevan, berkesinambungan dengan data dan memberikan impak terhadap kecukupan maklumat. Penyediaan konteks (yang bersifat signifikan dan bersifat tidak signifikan) juga tidak memberikan impak yang tinggi dan menyeluruh terhadap kecukupan maklumat dalam peristiwa bahasa bagi mencerminkan kesopanan. Pencapaian objektif komunikasi bukan sahaja bergantung kepada adab sopan sebagaimana dalam gagasan Leech (1983) malah mementingkan kecukupan dan kejelasan maklumat sebagaimana dalam gagasan Grice (1975) agar kedua-dua pihak berpuas hati. Berdasarkan hasil dapatan ini, didapati bahawa lebih kecil jumlah dialog maka impaknya lebih tinggi dengan syarat wujudnya keserasian atau kesesuaian antara perkara yang dibincangkan dengan penggunaan dan pemilihan unsur-unsur bahasa dalam melengkapkan maklumat dalam sesebuah peristiwa bahasa.

Analisis terhadap penggunaan pola kombinasi dalam MPKMU pula telah memperlihatkan Pola 2, 5 PS + 3 PK tertinggi penggunaannya dan Pola 6, 1 PS pula terendah penggunaannya. Situasi ini dipengaruhi faktor pematuhan peristiwa-

peristiwa Pola 2 pada prinsip hampir sama. 17 peristiwa yang diklasifikasikan dalam Pola 2 mematuhi prinsip hampir sama dalam MPKMU berdasarkan kriteria (i) peristiwa yang mematuhi kehadiran Maksim Persetujuan, (ii) peristiwa yang mematuhi kehadiran Maksim Relevan dan (iii) peristiwa yang mematuhi kehadiran Maksim Persetujuan dan Relevan.

Sementara pola kombinasi maksim yang paling rendah penggunaannya ialah Pola 6, 1 PS. Situasi ini berlaku bertitik tolak atas faktor hanya satu peristiwa dan satu dialog yang mematuhi Pola 6, 1 PS ini dan memenuhi cakupan maksim Kebijaksanaan berdasarkan prinsip secara tepat dalam pola ini. Faktor lain yang mempengaruhi situasi ini ialah pematuhan pada prinsip ekonomis Pola 3 dan Pola 4 selain pematuhan pada prinsip tepat bagi Pola 5 dan Pola 6. Sementara faktor keberkaitan peristiwa-peristiwa dengan subtema pula, dapatan memperlihatkan 17 peristiwa dalam Pola 2 ini dapat memanasifasikan tujuh subtema yang menjurus ke arah tema kasih sayang berdasarkan penggunaan dialog dan maksim-maksim yang tertentu. Sementara hanya satu peristiwa yang mematuhi Pola 6 yang semestinya tidak dapat menggambarkan tema secara jelas.

Ringkasnya, penutur dan pendengar dalam sesuatu peristiwa bahasa berkecenderungan untuk menyampaikan maklumat yang mencukupi dan lengkap dalam berkomunikasi bagi menggambarkan kesopanan berbahasa secara menyeluruh. Jika disorot, didapati aspek kesopanan berbahasa turut dipengaruhi faktor konteks yang memberikan sumbangan maklumat dengan signifikan dalam peristiwa bahasa *Melunas Rindu* sebagaimana yang dimanifestasikan dalam hasil dapatan. Walau bagaimanapun, dapatan turut memperlihatkan pengaruh faktor yang lain seperti pengulangan unsur pertanyaan, penyelitan unsur lawak, kepadatan maklumat, kepelbagaian isu dan perubahan topik perbualan bagi memendekkan sesuatu slot



peristiwa dalam peristiwa-peristiwa yang tertentu. Sehubungan dengan itu, novel *Melunas Rindu* yang digunakan dalam kajian ini dapat memaparkan kesopanan berbahasa berdasarkan acuan dan gagasan hasil kombinasi Leech (1983) dan Grice (1975) sebagaimana dalam MPKMU walaupun dipengaruhi pelbagai faktor. Kedua-dua watak dalam peristiwa bahasa ini mempamerkan budi pekerti, adab sopan dan kerjasama dalam berbicara agar kedua-dua pihak berasa selesa dan mendapat manfaat. Kedua-dua pihak memperlihatkan kesepakatan dan kerjasama dalam memberi dan menerima maklumat sehingga objektif komunikasi tercapai. Situasi ini turut memperjelas bahawa pengarang memiliki kepekaan untuk membentuk watak yang bersahsiah mulia dan berbudi pekerti. Menurut Hashim Musa (2004), orang yang berbudi pekerti merupakan orang yang budiman dan terkandung di dalamnya sopan santun, pemurah, bijaksana, mulia serta penuh kebaikan dan kebaktian (p.76) sementara Nor Azlina Mohd Kiram & Raja Masittah Raja Ariffin (2012) mengatakan bahawa kesopanan berbahasa amat perlu sebagai agen untuk membentuk keperibadian diri dan keharmonian hidup bermasyarakat.

## BAB 5: PEMETAAN STRUKTUR PERISTIWA BAHASA

### 5.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan pemetaan struktur peristiwa bahasa berdasarkan Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU). Dapatan dalam Bab 4 telah memperlihatkan penggunaan enam pola kombinasi maksim berdasarkan MPKMU, iaitu Pola 1, 6 PS + 4 PK; Pola 2, 5 PS + 3 PK; Pola 3, 4 PS + 2 PK; Pola 4, 3PS + 1 PK; Pola 5, 2 PS dan Pola 6, 1 PS. Dapatan memperlihatkan aspek kesopanan berbahasa dipengaruhi oleh faktor konteks dan faktor-faktor lain yang wujud sekaligus bertepatan dengan objektif komunikasi. Sehubungan dengan itu, bab ini akan membincangkan pemetaan struktur peristiwa, iaitu penyusunan struktur peristiwa dalam keenam-enam pola kombinasi maksim berkenaan. Seterusnya, bab ini juga akan membincangkan aspek-aspek yang mempengaruhi struktur peristiwa bahasa tersebut dalam bahagian rumusan.

### 5.2 Analisis Data

Pemetaan struktur peristiwa bahasa ini dilakukan dengan menggunakan data sebagaimana dalam Bab 3 dan Bab 4. Dapatan ini diperoleh daripada analisis yang telah dilakukan sebelum ini, iaitu dalam Bab 3: Pengklasifikasian Pola Kesopanan Berbahasa dan Bab 4: Analisis Penggunaan Pola Kesopanan Berbahasa. Dapatan dan data berkenaan terdapat dalam Jadual 5.1 berikut:

**Jadual 5.1:** Analisis Data

Pola	Pola Kombinasi Maksim	Peristiwa	Jumlah Peristiwa	Jumlah Dialog	Peratus (%)
1	6 PS + 4 PK	1,2,3,7,11,22, 25,28,30,31,32,	11	93	42.09
2	5 PS + 3 PK	4,8,9,10,12,14,15,16,17, 18,19,20,21,26,27,29,33	17	112	50.68
3	4 PS + 2 PK	5	1	4	1.80
4	3 PS + 1 PK	24	1	4	1.80

**Jadual 5.1, sambungan**

<b>Pola</b>	<b>Pola Kombinasi Maksim</b>	<b>Peristiwa</b>	<b>Jumlah Peristiwa</b>	<b>Jumlah Dialog</b>	<b>Peratus (%)</b>
5	2 PS	6, 13	2	7	3.17
6	1 PS	23	1	1	0.46
<b>Jumlah</b>			<b>33</b>	<b>221</b>	<b>100</b>

PS= Prinsip Kesopanan PK=Prinsip Kerjasama

Berdasarkan Jadual 5.1, terdapat 33 peristiwa bahasa yang akan melalui proses pemetaan bagi memperlihatkan struktur yang digunakan berdasarkan dialog yang diujarkan oleh watak Fuad dan watak Farhana. Berdasarkan Jadual 5.1, Pola 1, 6 PS + 4 PK telah dipatuhi oleh 11 peristiwa dengan jumlah 93 dialog atau 42.09 peratus manakala Pola 2, 5 PS + 3 PK telah dipatuhi oleh 17 peristiwa dengan 112 jumlah dialog atau 50.68 peratus. Pola 3, 4 PS + 2 PK dan Pola 4, 3 PS + 1 PK masing-masing telah dipatuhi oleh satu peristiwa dengan jumlah masing-masing empat dialog atau 1.80 peratus. Pola 5, 2 PS pula telah dipatuhi oleh dua peristiwa dengan jumlah tujuh dialog atau 3.17 peratus dan Pola 6, 1 PS telah dipatuhi oleh satu peristiwa dengan jumlah satu dialog atau 0.46 peratus.

### **5.3 Paparan Analisis Pemetaan Struktur Peristiwa**

Analisis pemetaan struktur peristiwa akan dipaparkan dalam bentuk jadual yang mengandungi empat kolom. **Kolum 1** ialah paparan peristiwa, **kolum 2** tentang strategi yang digunakan dalam dialog, **kolum 3** pula tentang dialog-dialog yang dituturkan oleh watak Fuad dan Farhana yang mematuhi maksim manakala **kolum 4** tentang maksim yang digunakan. Analisis pemetaan struktur peristiwa ini akan disusun berdasarkan peristiwa-peristiwa yang mematuhi MPKMU, iaitu bermula dengan Pola 1, Pola 2, Pola 3, Pola 4, Pola 5 dan Pola 6 sebagaimana dalam paparan analisis seterusnya.

### 5.3.1 Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 1: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (6 PS + 4 PK)

Pemetaan struktur peristiwa Pola 1, melibatkan peristiwa-peristiwa bahasa yang mematuhi Pola 1, 6 PS + 4 PK berdasarkan MPKMU sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 5.2 berikut:

**Jadual 5.2:** 11 Peristiwa - Pola 1, 6 PS + 4 PK

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Peristiwa Pola 1, 6 PS + 4 PK	Dialog
1	1	Taklimat daripada Farhana	5
2	2	Perbincangan tentang tahap kecerdasan pelajar	2
3	3	Perbincangan tentang persediaan mengajar Kertas Bahasa Inggeris	6
4	7	Perbincangan program peningkatan akademik	11
5	11	Perbualan tentang keluarga Fuad	11
6	22	Perbualan selepas balik dari rumah Fuad	14
7	25	Perbualan tentang penyakit ibu Farhana dan teguran Fuad	10
8	28	Fuad bertanyakan maklumat ibu Farhana	11
9	30	Fuad menasihati Farhana agar menerima takdir	3
10	31	Perbualan Fuad dan Farhana tentang Cikgu Zamani	8
11	32	Fuad akan melanjutkan pelajaran dan nasihat kepada Farhana	12
<b>Jumlah</b>			<b>93</b>

Berdasarkan Jadual 5.2, terdapat 11 peristiwa yang mengandungi 93 dialog yang mematuhi Pola 1 ; 6 PS + 4 PK. Pemetaan struktur bagi setiap peristiwa dalam Pola 1 adalah seperti dalam paparan berikut:

#### 5.3.1.1 Pemetaan Struktur Peristiwa 1 : Taklimat daripada Farhana

Pemetaan struktur peristiwa 1, iaitu Taklimat daripada Farhana terdapat dalam Jadual 5.3 yang berikut:

**Jadual 5.3:** Pemetaan Struktur Peristiwa 1

Peristiwa 1	Strategi	Dialog	Maksim
Taklimat daripada Farhana	Cadangan	<b>Fa</b> : Kalau Cikgu Fuad senang, kita duduk di kerusi tu sekejap.	Kebijaksanaan
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Boleh ... Boleh.	Persetujuan
	Penghargaan	<b>Fa</b> : Terlebih dahulu, saya nak ucapkan selamat datanglah kepada Cikgu Fuad.	Kebijaksanaan
	Permintaan	<b>Fu</b> : Fuad ... Panggil Fuad sudahlah.	
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Nak panggil Fuad saja?	Persetujuan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Okeylah, kalau gitu.	
	Penjelasan	<b>Fa</b> : Ini jadual Fuad. Lima kelas semuanya, satu kelas lima waktu seminggu. Jadi, dua puluh lima waktulah seminggu. Tiga kelas tingkatan lima, dua kelas tingkatan tiga. 5 Bestari, 5 Dedikasi, 5 Jujur, 3 Dedikasi dan 3 Ikhlas. Ha ... lima semuanya.	Cara (penjelasan)

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 1 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.3, mukadimah perbualan dimulakan oleh Farhana dengan menggunakan strategi cadangan dalam dialog : *Kalau Cikgu Fuad senang, kita duduk di kerusi tu sekejap* dengan mencadangkan Fuad duduk untuk berbincang jika lapang agar tidak membebankan Fuad selain mencerminkan kebijaksanaan untuk memulakan bicara. Tindakan Farhana ini bertepatan dengan pendapat Nor Azlina Mohd Kiram & Raja Masittah Raja Ariffin (2012) yang mengatakan bahawa dalam konteks percakapan, budi ialah kebijaksanaan, iaitu cara yang paling bijak ketika mengeluarkan kata-kata (p.286). Seterusnya, Fuad memberikan persetujuan dengan menggunakan strategi pernyataan, iaitu dalam dialog *Boleh ... Boleh* bagi menandakan dia bersetuju. Kemudian Farhana meneruskan perbualan dengan memberikan penghargaan kepada Fuad sebagai tanda mengalu-alukan kedatangan Fuad di sekolah itu dalam dialog : *Terlebih dahulu, saya nak ucapkan selamat datanglah kepada Cikgu Fuad*. Apabila mendengar Farhana memanggilnya dengan panggilan Cikgu, maka Fuad

menggunakan strategi permintaan, iaitu meminta dirinya dipanggil Fuad sahaja dalam dialog : *Fuad ... Panggil Fuad sudahlah.*

Permintaan ini menginterprestasikan kehemahan dan kearifan Fuad dalam berbicara agar situasi pada ketika itu tidak terlalu formal. Bagi menggambarkan persetujuan dengan permintaan tersebut, Farhana bertanya semula dalam dialog : *Nak panggil Fuad saja?* dan kemudian menyetujuinya melalui penggunaan strategi pernyataan sebagaimana dalam dialog : *Okeylah, kalau gitu.* Akhirnya, Farhana menggunakan strategi penjelasan sebagai kaedah untuk menerangkan maklumat dengan jelas tentang kelas-kelas yang diajar oleh Fuad dan jumlah waktu pengajaran dalam seminggu sebagaimana dalam dialog : *Ini jadual Fuad. Lima kelas semuanya, satu kelas lima waktu seminggu. Jadi, dua puluh lima waktulah seminggu. Tiga kelas tingkatan lima, dua kelas tingkatan tiga. 5 Bestari, 5 Dedikasi, 5 Jujur, 3 Dedikasi dan 3 Ikhlas. Ha ... lima semuanya.* Penjelasan ini dapat membantu dalam memberikan gambaran awal kepada Fuad tentang kelas-kelas yang akan diajarnya. Peristiwa taklimat daripada Farhana memperlihatkan penggunaan strategi cadangan, penghargaan, permintaan, pernyataan, dan penjelasan. Penggunaan strategi-strategi ini bersesuaian dengan topik yang menjadi fokus perbualan, iaitu penghargaan terhadap Fuad yang menjadi warga sekolah. Strategi-strategi ini juga membolehkan objektif komunikasi, iaitu memberikan maklumat tentang kelas yang akan diajar oleh Fuad tercapai.

### **5.3.1.2 Pemetaan Struktur Peristiwa 2: Perbincangan tentang tahap kecerdasan pelajar**

Pemetaan struktur peristiwa 2, iaitu perbincangan tentang tahap kecerdasan pelajar terdapat dalam Jadual 5.4 yang berikut:

**Jadual 5.4:** Pemetaan Struktur Peristiwa 2

Peristiwa: 2	Strategi	Dialog	Maksim
Perbincangan tentang tahap kecerdasan pelajar	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Murid-muridnya macam mana?	Cara (penjelasan)
	Penjelasan	<b>Fa</b> : Itulah ... Nak kata bagus, taklah bagus sangat. Kalau ikutkan pembahagiannya, kelas 5 Bestari tu kelas cemerlang, 5 Dedikasi sederhana, <i>last</i> sekali kelas 3 Ikhlas tu lemah sikit. Maknanya, Fuad dapat satu kelas cemerlang, 3 kelas sederhana dan satu kelas lemah.	
	Cadangan	<b>Fa</b> : Dan ketiga-tiga kelompok tu, teknik pengajaran kena berbezalah.	Kebijaksanaan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Nanti saya beritahu perlahan-lahan.	Kedermawanan

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 2 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.4, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi pertanyaan dengan bertanya tentang keadaan murid-murid yang bakal diajarnya bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas dalam dialog : *Murid-muridnya macam mana?*. Kemudian, barulah Farhana menggunakan strategi penjelasan bagi menjelaskan tahap pelajar agar Fuad mendapat maklumat lengkap seperti dalam dialog : *Itulah ... Nak kata bagus, taklah bagus sangat. Kalau ikutkan pembahagiannya, kelas 5 Bestari tu kelas cemerlang, 5 Dedikasi sederhana, last sekali kelas 3 Ikhlas tu lemah sikit. Maknanya, Fuad dapat satu kelas cemerlang, 3 kelas sederhana dan satu kelas lemah.* Penjelasan yang dikemukakan oleh Farhana ini sudah tentu akan dapat membantu Fuad untuk memahami latar belakang pelajarinya.

Seterusnya, Farhana memberikan saranan dengan menggunakan strategi cadangan kepada Fuad tentang teknik pengajaran yang perlu diaplikasi dalam kelas-kelas berkenaan dalam dialog : *Dan ketiga-tiga kelompok tu, teknik pengajaran kena berbezalah.* Cadangan Farhana ini memberikan manfaat selain dapat mengurangkan kos yang ditanggung oleh Fuad. Akhirnya, Farhana menawarkan bantuan dengan menggunakan strategi pernyataan dalam dialog : *Nanti saya beritahu perlahan-lahan.*

Farhana akan memberitahu perkara yang penting kepada Fuad bagi memaparkan sikap dermawannya dalam usaha membantu Fuad. Peristiwa perbincangan tentang tahap kecerdasan pelajar memperlihatkan penggunaan strategi pertanyaan, strategi cadangan, strategi pernyataan dan strategi penjelasan. Penggunaan strategi-strategi ini bertepatan dengan fokus maklumat tentang keadaan kelas yang hendak diketahui oleh Fuad. Objektif komunikasi, iaitu memudahkan Fuad memahami keadaan pelajar yang akan diajarnya tercapai.

### 5.3.1.3 Pemetaan Struktur Peristiwa 3: Perbincangan tentang persediaan mengajar dan maklumat Kertas Bahasa Inggeris

Pemetaan struktur peristiwa 3, iaitu perbincangan tentang tahap kecerdasan pelajar terdapat dalam Jadual 5.5 yang berikut:

**Jadual 5.5:** Pemetaan Struktur Peristiwa 3

Peristiwa : 3	Strategi	Dialog	Maksim
Perbincangan tentang persediaan mengajar Kertas Bahasa Inggeris	Pernyataan	<b>Fa</b> : Sebelum terlupa, ini buku-buku Fuad.	Kedermawanan
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Sekarang kita guna sukatan pelajaran 1119, Fuad tahu, kan? <b>Fu</b> : 1119, kertas yang kita ambil dulu tu?	Kebijaksanaan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Kasihan budak-budak kita.	Simpati
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Pemarkahannya bagaimana?	Kebijaksanaan
	Penjelasan	<b>Fa</b> : Piawaian Malaysia. Tapi disertakan juga piawaian antarabangsa dalam sijil mereka. Contohnya, kalau P4 piawaian kita, mungkin P7 piawaian mereka. Tapi itu sebagai makluman saja. Penilaian ke universiti, mereka pakai piawaian kita.	Cara (memberikan contoh)
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Masih bernasib baik.	Simpati

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 3 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.5, mukadimah perbualan dimulakan oleh Farhana dengan menggunakan strategi pernyataan dalam dialog : *Sebelum terlupa, ini buku-buku Fuad*, iaitu menyatakan



kerelaannya memberikan bantuan buku kepada Fuad sebagai tanda dermawan. Seterusnya, Farhana menggunakan strategi pertanyaan dalam dialog : ***Sekarang kita guna sukatan pelajaran 1119, Fuad tahu, kan?*** untuk bertanya kepada Fuad tentang sukatan pelajaran 1119 dan Fuad juga menggunakan strategi pertanyaan untuk menjawab soalan Farhana tentang kertas 1119 dalam dialog : ***1119, kertas yang kita ambil dulu tu?*** untuk memberikan respons kepada pertanyaan Farhana selain memperlihatkan cara yang bijaksana dalam berbahasa. Kemudian Farhana menyatakan sikap simpatinya kepada para pelajar yang mempunyai latar belakang sebagai anak nelayan yang terpaksa menduduki peperiksaan yang piawaiannya bertaraf England dalam dialog : ***Kasih budak-budak kita***. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci, Fuad menggunakan strategi pertanyaan tentang pemarkahan kertas tersebut seperti dalam dialog : ***Pemarkahannya bagaimana?***. Farhana memberikan maklumat dengan teknik yang lebih jelas, iaitu memberikan contoh agar Fuad lebih faham sebagaimana dalam dialog : ***Piawaian Malaysia. Tapi disertakan juga piawaian antarabangsa dalam sijil mereka. Contohnya, kalau P4 piawaian kita, mungkin P7 piawaian mereka. Tapi itu sebagai makluman saja. Penilaian ke universiti, mereka pakai piawaian kita.***

Penjelasan ini dapat membantu untuk meningkatkan pemahaman Fuad tentang situasi semasa, iaitu keperluan dan pencapaian pelajar dalam subjek Bahasa Inggeris. Akhirnya, apabila mendengar maklumat yang diberikan oleh Farhana, Fuad menggunakan strategi pernyataan untuk menyatakan sikap mengambil beratnya tentang nasib pelajar dalam dialog ***Masih bernasib baik*** sekali gus menggambarkan simpatinya. Look Thien Jee (1997) menegaskan bahawa meluahkan rasa simpati terhadap orang lain memberikan gambaran bahawa seseorang itu kaya dengan budi pekerti dan berhati mulia (p.120). Penegasan ini bertepatan dengan sikap mulia

Farhana dan Fuad dalam peristiwa ini yang bersimpati dengan nasib para pelajar. Strategi pernyataan, pertanyaan dan penjelasan digunakan dalam peristiwa ini ini agar bertepatan dengan topik perbualan, iaitu tentang maklumat kertas Bahasa Inggeris yang diduduki oleh para pelajar. Penggunaan strategi-strategi ini dapat mencapai objektif komunikasi, iaitu memberikan maklumat tentang kertas 1119 kepada Fuad.

#### 5.3.1.4 Pemetaan Struktur Peristiwa 7: Perbincangan program peningkatan akademik

Pemetaan struktur peristiwa 7, iaitu perbincangan program peningkatan akademik terdapat dalam Jadual 5.6 yang berikut:

**Jadual 5.6:** Pemetaan Struktur Peristiwa 7

Peristiwa :7	Strategi	Dialog	Maksim
Perbincangan program peningkatan akademik	Permintaan	<b>Fa</b> : Tolong saya, Fuad Tapi sebelum tu, duduklah dulu.	Kebijaksanaan
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Tolong apa tu?	
	Permintaan	<b>Fa</b> : Itulah nak tanya awak, mana tahu awak ada idea nak tambah.	
	Lawak	<b>Fu</b> : Hodohnya tulisan awak.	
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Apa lagi ya?	
	Cadangan	<b>Fu</b> : Apa kata kalau kita buat satu program yang mendidik murid secara individu.	
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Macam program mentor-mentee, gitu?	Persetujuan
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Gitulah lebih kurang.	Cara (susunan tertib)
	Penerangan	<b>Fu</b> : Pertama, kita tahu apa penyakit seseorang murid itu. Kedua, kita boleh ajar mereka berdasarkan kelemahan mereka dan bukannya mengajar berdasarkan apa yang kita nak beri.	
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Macam mana Ana, tak baguskah cadangan saya tu?	
	Pujian	<b>Fa</b> : Eh bagus, bagus tu!	Kebijaksanaan
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Apa agaknya nama yang Fuad nak beri kepada program ni? Apa-apa program, kita mesti ada nama.	
	Cadangan	<b>Fu</b> : Ha ... Apa kata kalau kita beri nama, <i>English Personal Guidance</i> .	
	Pujian	<b>Fa</b> : Okey, cantik nama tu.	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 7 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.6, mukadimah perbualan dimulakan oleh Farhana dengan menggunakan strategi permintaan, iaitu meminta bantuan daripada Fuad sambil meminta Fuad duduk sebagaimana dalam dialog : ***Tolong saya, Fuad Tapi sebelum tu, duduklah dulu.*** Kemudian, Fuad bertanya dalam dialog : ***Tolong apa tu?*** tentang bantuan yang diperlukan oleh Farhana. Farhana memberitahu bahawa dia meminta bantuan idea daripada Fuad tentang program akademik sekolah dalam dialog : ***Itulah nak tanya awak, mana tahu awak ada idea nak tambah.*** Apabila melihat tulisan Farhana, Fuad menggunakan strategi lawak dengan mengatakan tulisan Farhana buruk yang bertujuan untuk mengusik supaya situasi itu lebih santai dalam dialog : ***Hodohnya tulisan awak.***

Seterusnya, Farhana menerangkan program yang sedia ada sambil bertanya lagi kepada Fuad dalam dialog : ***Apa lagi ya?*** Setelah mendengar pertanyaan Farhana, Fuad menggunakan strategi cadangan untuk memberikan idea bagi menambah baik program sedia ada dalam dialog : ***Apa kata kalau kita buat satu program yang mendidik murid secara individu.*** Setelah mendengar cadangan Fuad, Farhana menggunakan strategi pertanyaan bagi mendapatkan persetujuan daripada Fuad tentang program yang dicadang oleh Fuad seperti dalam dialog : ***Macam program mentor-mentee gitu?*** Fuad menyatakan persetujuannya secara tidak langsung dengan menggunakan strategi pernyataan dalam dialog : ***Gitulah lebih kurang*** tentang program yang dimaksudkan oleh Farhana. Pernyataan persetujuan secara tidak langsung ini dapat melancarkan komunikasi walaupun maklumat yang diterima bukanlah yang paling tepat. Dalam konteks ini, Fuad menjaga tatacara berbahasa agar Farhana tidak berkecil hati dengan memberikan persetujuan secara tidak langsung menerusi dialog : ***Gitulah lebih kurang.*** Tindakan Fuad ini bertepatan dengan amalan

adab sopan dalam berkomunikasi sebagaimana pendapat Nor Azian Ab Aziz (2005) yang mengatakan bahawa orang Melayu terlalu menjaga adab sopan dan tatasusila ketika berbahasa supaya tidak timbul sebarang konflik atau rasa kecil hati di pihak pendengar.

Seterusnya, Fuad memberikan penerangan kepada Farhana tentang kelebihan program tersebut dengan cara yang tersusun dan tertib agar mudah difahami Farhana sebagaimana dalam dialog : ***Pertama, kita tahu apa penyakit seseorang murid itu. Kedua, kita boleh ajar mereka berdasarkan kelemahan mereka dan bukannya mengajar berdasarkan apa yang kita nak beri.*** Penerangan secara tertib ini dapat memudah dan meningkatkan daya pemahaman terhadap maklumat yang diberi. Kemudian Fuad menggunakan strategi pertanyaan dengan bertanya pandangan Farhana berkaitan cadangannya dalam dialog : ***Macam mana Ana, tak baguskah cadangan saya tu?*** Farhana menggunakan strategi pujian dalam dialog : ***Eh bagus, bagus tu!*** sebagai tanda penghargaan atas idea yang disumbangkan oleh Fuad. Selanjutnya, Farhana bertanyakan Fuad tentang nama program mereka itu dalam dialog : ***Apa agaknya nama yang Fuad nak beri kepada program ni?*** Fuad memberikan cadangan nama program tersebut dalam dialog : ***Ha ... Apa kata kalau kita beri nama, English Personal Guidance.*** Akhirnya, setelah Fuad menyatakan nama program yang dicadangkannya bagi memberikan respons kepada pertanyaan Farhana maka Farhana menggunakan strategi pujian sekali lagi dalam dialog : ***Okey, cantik nama tu*** sebagai tanda sokongan dan penghargaan terhadap buah fikiran Fuad. Strategi permintaan, pertanyaan, lawak, penerangan, cadangan, pernyataan dan pujian digunakan dalam peristiwa ini agar bersesuaian dengan konteks peristiwa selain mencapai objektif komunikasi, iaitu mendapatkan sumbangan idea daripada Fuad.

### 5.3.1.5 Pemetaan Struktur Peristiwa 11: Perbualan tentang keluarga Fuad

Pemetaan struktur peristiwa 11, iaitu perbualan tentang keluarga Fuad terdapat dalam Jadual 5.7 yang berikut:

**Jadual 5.7:** Pemetaan Struktur Peristiwa 11

Peristiwa : 11	Strategi	Dialog	Maksim
Perbualan tentang keluarga Fuad	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Mak dan ayah awak di Raub tentu sihat lagi,kan?	Persetujuan
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Sihat.	
	Pernyataan	<b>Fa</b> : O ... Jadi yang di Raub tu bukan..	
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Bukan. Mereka tu ayah dan emak saudara saya.	Kualiti
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Tapi, kenapa semua orang tak tahu?	
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Tak semua, Ana. Maksud saya, ada juga orang yang tahu cerita sebenarnya. Cikgu Abas misalnya, dia tahu.	
	Permintaan	<b>Fa</b> : Jadi maksud awak ... Maaflah Fuad, saya nak tanya ...	Kebijaksanaan
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Teruskan.	
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Maksudnya, awak ni memang lahir Islam?	Cara (penjelasan)
	Penjelasan	<b>Fu</b> : Aku memang dibenihkan dalam syariat Islam. Cuma jangan tanya apa agama ayah aku sekarang? Sebab itulah Ana, sampai sekarang aku masih belum rasa nak jumpa ayah aku. Aku terkilan. Bagi aku tak menjadi hal kalau dia tak tahu langsung tentang Islam atau tak pernah menganutinya. Tapi hakikatnya itu agamanya dulu. Apa pun alasannya masuk Islam dulu, bagi aku agama tetap satu perkara yang tak boleh dipertanyakan.	
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Salahkah aku, Ana?	Persetujuan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Entahlah Fuad.	
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Aku ... Sebenarnya simpati dengan kau.	Simpati

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 11 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.7, mukadimah perbualan dimulakan oleh Farhana dengan menggunakan strategi pertanyaan dalam dialog : *Mak dan ayah awak di Raub tentu sihat lagi,kan?* bagi

mendapatkan persetujuan Fuad tentang keadaan ibu dan ayah Fuad di Raub. Fuad memberikan persetujuan bahawa mereka itu sihat dengan menggunakan strategi pernyataan dalam dialog : **Sihat**. Seterusnya, Farhana menggunakan strategi pernyataan dengan menyatakan bahawa mak dan ayah yang dimaksudkan Fuad di Raub itu adalah bukan ibu bapa kandung Fuad yang sebenar dalam dialog : **O ... Jadi yang di Raub tu bukan...** Fuad menyetujuinya dengan mengiakan pernyataan Farhana dalam dialog **Bukan**. Pernyataan persetujuan yang diberikan dapat melancarkan komunikasi yang berlangsung apabila kedua-dua pihak berada dalam zon yang selesa.

Bagi mendapatkan maklumat yang benar atau sahih Farhana menggunakan strategi pertanyaan dengan bertanya tentang sebab semua orang tidak tahu akan cerita sebenar diri Fuad dalam dialog : **Tapi, kenapa semua orang tak tahu?** Fuad menggunakan strategi pernyataan dengan memaklumkan bahawa ada orang yang mengetahui tentang cerita sebenar dirinya dengan memberikan bukti, iaitu Cikgu Abas mengetahui cerita diri Fuad dalam dialog : **Tak semua, Ana. Maksud saya, ada juga orang yang tahu cerita sebenarnya. Cikgu Abas misalnya, dia tahu.** Pernyataan tersebut dapat memberikan maklumat yang sahih kepada Farhana. Apabila mendengar maklumat yang diberikan oleh Fuad, Farhana ingin bertanya lebih lanjut dengan menggunakan strategi permintaan, iaitu meminta maaf terlebih dahulu sebelum bertanya dalam dialog : **Jadi maksud awak ... Maaflah Fuad, saya nak tanya ...** dan Fuad pula memberikan izin sebagai tanda berhemah dalam dialog **Teruskan**. Permintaan maaf daripada Farhana dapat mengelakkan konflik antara mereka seandainya pertanyaan tersebut menyentuh sensitiviti dan permintaan ini juga mencerminkan bahawa penutur seorang yang bijaksana dalam berbahasa. Dalam konteks peristiwa ini, meminta maaf sebelum bertanya menunjukkan sikap hormat dan kehalusan budi bahasa selain

mencerminkan bahasa yang sopan dan mengandung nilai hormat yang tinggi (Nurul Jamilah Rosly, 2010) sebagaimana yang dimanifestasikan oleh watak Farhana.

Selanjutnya, Farhana menggunakan strategi pertanyaan bagi mendapatkan penjelasan tentang status agama Fuad sebagaimana dalam dialog : ***Maksudnya, awak ni memang lahir Islam?*** Fuad memberikan penjelasan yang terperinci tentang sejarah dirinya yang memang Islam sejak lahir dan menjelaskan perasaan tidak puas hatinya dengan tindakan ayahnya yang membelakangi agama dalam dialog : ***Aku memang dibenihkan dalam syariat Islam. Cuma jangan tanya apa agama ayah aku sekarang? Sebab tulah Ana, sampai sekarang aku masih belum rasa nak jumpa ayah aku. Aku terkilan. Bagi aku tak menjadi hal kalau dia tak tahu langsung tentang Islam atau tak pernah menganutinya. Tapi hakikatnya itu agamanya dulu.*** Strategi penjelasan yang digunakan oleh Fuad dapat memudahkan Farhana memahami dengan lebih mendalam dan terperinci tentang sejarah hidup Fuad sebagai rakannya. Hal ini dapat memuaskan hati Farhana apabila maklumat yang diberi semakin jelas.

Akhirnya, bagi mendapatkan persetujuan sama ada dia bersalah atau tidak, Fuad menggunakan strategi pertanyaan dengan bertanya kepada Farhana dalam dialog : ***Salahkah aku, Ana?*** Farhana mengambil jalan tengah dengan menyatakan persetujuan secara tidak langsung dalam dialog : ***Entahlah Fuad.*** Pernyataan persetujuan secara tidak langsung ini menandakan sikap berhati-hati Farhana dalam mengujarkan kata-kata agar Fuad tidak tersinggung. Dalam konteks ini, Farhana mengaplikasikan konsep ketidakterusan sebagai strategi penting untuk menjaga keharmonian semasa berkomunikasi. Akhirnya, Farhana menyatakan perasaan simpatinya atas nasib yang menimpa Fuad sebagaimana dalam dialog : ***Aku ... Sebenarnya simpati dengan kau.*** Pernyataan simpati daripada Farhana dapat menyeimbangkan perasaan Fuad yang terkesan oleh sejarah silamnya. Strategi

pertanyaan, pernyataan dan penjelasan digunakan dalam peristiwa ini agar dapat mewujudkan situasi bebas konflik yang bertepatan dengan objektif komunikasi, iaitu untuk mengetahui latar belakang keluarga dan sejarah silam hidup Fuad.

### 5.3.1.6 Pemetaan Struktur Peristiwa 22: Perbualan selepas balik dari rumah Fuad

Pemetaan struktur peristiwa 22, iaitu perbualan selepas balik dari rumah Fuad terdapat dalam Jadual 5.8 yang berikut:

**Jadual 5.8:** Pemetaan Struktur Peristiwa 22

Peristiwa : 22	Strategi	Dialog	Maksim
Perbualan selepas balik dari rumah Fuad	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Ingat Mak Mahkah?	Simpati
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Aku kasihan tengok dia.	
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Aku pun.	Persetujuan
	Cadangan	<b>Fu</b> : Sekurang-kurangnya selepas ni, kalau kau sudi, bolehlah kau temankan dia.	Kebijaksanaan
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Tak nak ikut sekali ke rumah Cikgu Zamani?	Relevan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Pakai baju macam ni, tak kan nak pergi makan kenduri.	
	Cadangan	<b>Fu</b> : Aku hantar balik dulu. Mandi, salin baju lain.	
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Tak naklah. Lagipun, orang jemput engkau, bukannya aku.	
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Jauh hati bunyinya?	
	Penjelasan	<b>Fa</b> : Jauh hati tu tidaklah. Lagipun, apa faedahnya nak kecil hati dengan orang macam Cikgu Zamani tu? Aku ni kan semua tak betul pada mata dia? Orang putih celup, sosial, tak pandai pakai baju kurung, tudung siba...	
	Permintaan	<b>Fa</b> : Aku turun dululah, Fuad.	Kebijaksanaan
	Lawak	<b>Fa</b> : Aku dengar Cikgu Zamani nak jodohkan kau dengan seseorang. <b>Fu</b> : Siapa? Ah, aku tak nak!	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 22 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.8, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi pertanyaan untuk mengetahui reaksi Farhana yang berdiam diri dalam dialog : **Ingat**



**Mak Mahkah?** Farhana menyatakan perasaan simpatinya kepada Mak Salmah sebagaimana dalam dialog : *Aku kasihan tengok dia*. Apabila mendengar pernyataan Farhana, Fuad menyetujuinya dalam dialog : *Aku pun* kerana Fuad juga bersimpati. Seterusnya, Fuad memberikan cadangan kepada Farhana agar menemani Mak Salmah jika Farhana sudi dalam dialog : *Sekurang-kurangnya selepas ni, kalau kau sudi, bolehlah kau temankan dia* sebagai tanda berhemah dalam berkomunikasi. Apabila mendapati Farhana tersentak, Fuad menukar topik perbualan dengan menggunakan strategi pertanyaan, iaitu bertanya untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan pemergian Fuad ke rumah Cikgu Zamani dalam dialog : *Tak nak ikut sekali ke rumah Cikgu Zamani?* Farhana memberikan jawapan yang relevan, iaitu Farhana tidak turut serta kerana pakaiannya yang tidak sesuai dalam dialog : *Pakai baju macam ni, tak kan nak pergi makan kenduri*. Fuad terus memberikan cadangan agar Farhana menukar bajunya dalam dialog : *Aku hantar balik dulu. Mandi, salin baju lain* tetapi Farhana memberikan pernyataan yang relevan, iaitu orang tidak menjemputnya dalam dialog : *Lagipun, orang jemput engkau, bukannya aku*.

Setelah itu, Fuad menggunakan strategi pertanyaan bagi mendapatkan maklumat yang relevan dalam dialog : *Jauh hati bunyinya?* apabila Farhana memberikan pelbagai alasan seperti orang berjauh hati. Farhana menggunakan strategi penjelasan untuk memberikan maklumat yang relevan tentang masalahnya dengan Cikgu Zamani sehinggalah maklumat tentang tudung yang dipakai oleh Farhana dalam dialog : *Jauh hati tu tidaklah. Lagipun, apa faedahnya nak kecil hati dengan orang macam Cikgu Zamani tu? Aku ni kan semua tak betul pada mata dia? Orang putih celup, sosial, tak pandai pakai baju kurung, tudung sibai ...* . Penggunaan strategi penjelasan dengan memberikan maklumat yang relevan dapat memenuhi kehendak pihak lawan tutur yang ingin mengetahui perkara sebenar sekali gus mewujudkan kerjasama.

Seterusnya, Fuad menggunakan strategi pertanyaan untuk mendapatkan maklumat tudung sibai yang disebut oleh Farhana dalam dialog : *Tudung sibai? Apa benda tu?* Farhana pula menggunakan strategi pernyataan dengan memberikan maklumat relevan tentang tudung sibai yang dimaksudkannya dalam dialog : *Tudung macam aku pakai nilah. Tudung sibai ke belakang.* Akhirnya, Farhana menggunakan strategi permintaan dalam dialog : *Aku turun dululah, Fuad* untuk beredar setelah Fuad menghantarnya balik sambil berlawak dalam dialog : *Aku dengar Cikgu Zamani nak jodohkan kau dengan seseorang* untuk mengusik Fuad. Fuad turut menggunakan strategi lawak bagi memberikan respons kepada Farhana dengan tujuan untuk bergurau dalam dialog : *Siapa? Ah, aku tak nak!* Penyelitan strategi lawak dapat meningkatkan kemesraan dalam perbualan agar situasi santai wujud. Strategi pertanyaan, pernyataan, cadangan, penerangan dan lawak digunakan dalam peristiwa ini agar bersesuaian dengan konteks peristiwa, latar dan topik perbualan selain mencapai objektif komunikasi, iaitu mengetahui reaksi Farhana dan mencadangkan Farhana mengikutnya ke rumah Cikgu Zamani.

### 5.3.1.7 Pemetaan Struktur Peristiwa 25: Perbualan Fuad dan Farhana tentang penyakit ibu Farhana dan teguran Fuad

Pemetaan struktur peristiwa 25, iaitu perbualan Fuad dan Farhana tentang penyakit ibu Farhana terdapat dalam Jadual 5.9 yang berikut:

**Jadual 5.9:** Pemetaan Struktur Peristiwa 25

Peristiwa : 25	Strategi	Dialog	Maksim
Perbualan Fuad dan Farhana tentang penyakit ibu Farhana dan teguran Fuad	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Mak sakit apa? Terukkah?	Kuantiti
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Sakit biasa dialah. Lelah. Semasa masuk hospital tengah hari tadi, katanya teruk. Sekarang okey sikit, dah boleh bercakap.	
	Penghargaan	<b>Fu</b> : Alhamdulillah.	Kebijaksanaan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Kasihan mak.	Simpati
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Aku ingat nak ambil cuti sakit sajalah.	
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Menyusahkan kau saja, Fuad	

**Jadual 5.9, sambungan**

Peristiwa : 25	Strategi	Dialog	Maksim
Perbualan Fuad dan Farhana tentang penyakit ibu Farhana dan teguran Fuad	Nasihat	Fu : Kalau betul kau kawan aku, aku harap kau tak cakap lagi perkara-perkara macam tu.	Kebijaksanaan
	Permintaan	Fa : Okey, maaf, maaf.	Kerendahan Hati
	Pernyataan	Fu : Aku tak marah, Ana.	Persetujuan
	Lawak	Fa : Aku tahu. Kau memang takut nak marah aku.	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 25 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.9, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi pertanyaan, iaitu bertanya tentang keadaan penyakit ibu Farhana dalam dialog : ***Mak sakit apa? Terukkah?*** bagi memperoleh maklumat yang mencukupi. Farhana menggunakan strategi pernyataan dengan memberikan maklumat yang mencukupi dan informatif tentang penyakit lelah yang dihidapi ibunya dan keadaan ibunya yang mula-mula teruk semakin bertambah baik dalam dialog : ***Sakit biasa dialah. Lelah. Semasa masuk hospital tengah hari tadi, katanya teruk. Sekarang okey sikit, dah boleh bercakap.*** Dalam komunikasi ini, pemberian maklumat yang mencukupi dengan menggunakan strategi pernyataan memperlihatkan kerjasama sehingga kedua-dua pihak, iaitu penutur dan pendengar berpuas hati dengan maklumat yang diberi dan diterima. Situasi ini memperlihatkan sikap kedua-dua pihak yang menitikberatkan keperluan untuk mewujudkan komunikasi bebas konflik. Setelah mendengar keadaan ibu Farhana, Fuad menggunakan strategi penghargaan, iaitu menyatakan rasa bersyukur atas kesejahteraan ibu Farhana dalam dialog : ***Alhamdulillah.*** Noriati A.Rashid (2005) menyatakan bahawa penggunaan strategi *alhamdulillah* adalah untuk memberikan tindak balas positif setelah mendengar sesuatu pernyataan atau maklumat (p.243).

Seterusnya, Farhana menggunakan strategi pernyataan bagi memperlihatkan sikap simpati kepada ibunya dalam dialog *Kasihannya mak*. Fuad mengekspresikan sikap mengambil berat dengan menyatakan bahawa dia akan mengambil cuti untuk menemani Farhana dalam dialog : *Aku ingat nak ambil cuti sakit sajalah*. Apabila mendengar pernyataan Fuad, Farhana menggunakan strategi pernyataan, iaitu melahirkan perasaan simpatinya kepada Fuad kerana tidak mahu membebankan dan menyusahkan Fuad dengan masalahnya sebagaimana dalam dialog : *Menyusahkan kau saja, Fuad*. Setelah itu, Fuad menggunakan strategi nasihat, iaitu menasihati Farhana bahawa Farhana perlu memberitahunya jika memerlukan pertolongan seandainya Farhana menganggap Fuad sebagai kawan baik sebagaimana dalam dialog : *Kalau betul kau kawan aku, aku harap kau tak cakap lagi perkara-perkara macam tu*. Apabila mendengar nasihat daripada Fuad, Farhana meminta maaf dalam dialog : *Okey, maaf, maaf* atas perbuatannya yang membelakangi Fuad sebagai tanda kerendahan hati dengan menggunakan strategi permintaan, iaitu meminta maaf.

Tindakan Farhana meminta maaf dengan menggunakan strategi permintaan menandakan usahanya untuk mengelakkan konflik antara dirinya dan Fuad agar Fuad tidak berkecil hati dengan perbuatannya. Permintaan maaf yang diminta setelah kita melakukan kesilapan akan dapat menyejukkan hati orang yang mendengar selain memperlihatkan perasaan kesal tentang peristiwa yang telah berlaku. Dalam peristiwa bahasa ini, Fuad agak terkilan dengan sikap Farhana yang menganggap kewujudan Fuad tidak penting. Ternyata selepas ucapan maaf daripada Farhana, Fuad berterusterang bahawa dia tidak memarahi Farhana sebagaimana dalam dialog selepas Farhana meminta maaf. Strategi permintaan yang digunakan untuk meminta maaf menandakan kekesalan dan sikap rendah diri Farhana sebagaimana gagasan Leech (1983) bahawa Maksim Kerendahan Hati ini dapat memaksimumkan cacian kepada

diri sendiri. Cacian kepada diri sendiri dengan tindakan merendah diri adalah sopan. Jamilah Rosly (2010) mengatakan bahawa semakin kerap konsep (maaf) ini digunakan dalam ujaran maka pertelingkahan dapat dihindari (p.96).

Akhirnya, Fuad menyatakan dia tidak marah kepada Farhana dalam dialog : ***Aku tak marah, Ana*** dan Farhana menyetujuinya dengan menggunakan strategi lawak dalam dialog : ***Aku tahu. Kau memang takut nak marah aku*** sambil berlawak. Dalam situasi ini respons Farhana dengan menggunakan strategi lawak dapat mengurangkan ketegangan sekali gus mengelakkan konflik daripada berpanjangan antara mereka yang bertitik tolak daripada perbuatan Farhana yang membelakangi Fuad berhubung masalah kesihatan ibunya. Strategi pertanyaan, pernyataan, penghargaan, nasihat, permintaan dan lawak digunakan dalam peristiwa ini bagi memancarkan kesopanan berbahasa selain keperluan mewujudkan komunikasi bebas konflik yang bersesuaian dengan objektif komunikasi, iaitu menasihati Farhana.

### 5.3.1.8 Pemetaan Struktur Peristiwa 28: Fuad bertanyakan maklumat ibu Farhana

Pemetaan struktur peristiwa 28, iaitu Fuad bertanyakan hal ibu Farhana terdapat dalam Jadual 5.10 yang berikut:

**Jadual 5.10:** Pemetaan Struktur Peristiwa 28

Peristiwa: 28	Strategi	Dialog	Maksim
Fuad bertanyakan hal ibu Farhana	Sapaan	<b>Fu</b> : Ana ...	Kebijaksanaan
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Betul ke nama mak kau, Mariana?	Persetujuan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Memang pun nama mak aku Mariana.	
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Jadi, memang betul? Mariana binti Osman, ya?	
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Ya, betul.	
	Permintaan	<b>Fa</b> : Tolonglah beritahu aku.	Kebijaksanaan

**Jadual 5.10, sambungan**

Peristiwa: 28	Strategi	Dialog	Maksim
Fuad bertanyakan hal ibu Farhana	Penjelasan	<b>Fu</b> : Kau tau Ana, nama mak aku pun Mariana juga. Dan datuk aku pula, dipanggil Seman. Besar kemungkinan nama betulnya ialah Osman. Jadi, nama mak aku ialah Mariana binti Osman, sama macam nama mak engkau dan mak aku pula khabarnya masih hidup ...	Cara (penjelasan)
	Sapaan	<b>Fa</b> : Fuad ...?	Persetujuan
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Betul nama mak engkau, Mariana?	
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Betul.	
	Penerangan	<b>Fu</b> : Pertama sekali, kita perlu tenang fikiran. Gunakan segala kematangan dan kebijaksanaan yang kita ada untuk menerima apa sahaja takdir untuk kita. Kita semua ni makhluk Allah. Ingat, Allah menurunkan dugaan kepada hamba-hamba yang dikasihi-Nya. Kedua, kita siasat dulu. Semua ini mungkin betul, tapi mungkin juga salah.	Cara (susunan tertib)

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 28 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.10, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi sapaan, iaitu menyapa Farhana dalam dialog : **Ana ...** sebagai tanda kebijaksanaannya memulakan bicara. Kemudian Fuad menggunakan strategi pertanyaan dalam dialog : **Betul ke nama mak kau, Mariana?** bagi mendapatkan persetujuan daripada Farhana tentang nama ibu Farhana. Farhana menyatakan persetujuan dengan menggunakan strategi pernyataan bahawa ibunya memang bernama Mariana sebagaimana dalam dialog : **Memang pun nama mak aku Mariana.** Walau bagaimanapun, Fuad bertanya sekali lagi dengan menggunakan strategi pertanyaan bagi mendapatkan persetujuan tentang hal yang sama dalam dialog : **Jadi, memang betul? Mariana binti Osman, ya?** Farhana menyatakan persetujuannya melalui strategi pernyataan bahawa memang ibunya bernama Mariana dalam dialog : **Ya, betul.** Dalam konteks peristiwa ini, pertanyaan yang berulang kali daripada Fuad bukan sahaja untuk memperoleh ketepatan maklumat, namun sebagai usaha untuk mengelakkan salah faham pada

kemudian hari. Andai kata Fuad tidak mendapatkan maklumat yang tepat daripada Farhana, hal ini mungkin akan menimbulkan konflik antara mereka atau ada pihak yang akan berkecil hati.

Seterusnya, Farhana menggunakan strategi permintaan dengan meminta Fuad memberitahunya perkara yang sebenar dalam dialog : *Tolonglah beritahu aku.* Kemudian, Fuad menggunakan strategi penjelasan bagi menjelaskan nama ibu dan datuknya yang mirip dengan nama ibu dan datuk Farhana, iaitu Osman sebagaimana dalam dialog : *Kau tau Ana, nama mak aku pun Mariana juga. Dan datuk aku pula, dipanggil Seman. Besar kemungkinan nama betulnya ialah Osman. Jadi, nama mak aku ialah Mariana binti Osman, sama macam nama mak engkau dan mak aku pula khabarnya masih hidup.* Penjelasan Fuad dengan terperinci tentang isu yang berlaku menandakan usaha dan kerjasama padu yang diberikan oleh Fuad agar Farhana mendapat gambaran sebenar tentang hal tersebut. Tindakan ini sekali gus dapat mengelakkan kekeliruan di pihak Farhana tentang reaksi Fuad. Apabila Farhana mendengar penjelasan Fuad, Farhana menggunakan strategi sapaan untuk menyapa Fuad dengan penuh tanda tanya dalam dialog : *Fuad ...?* Farhana bertindak sedemikian kerana mengalami kekeliruan dengan situasi pada masa itu.

Selanjutnya, Fuad menggunakan strategi pertanyaan untuk mengesahkan nama ibu Farhana sekali lagi bagi mendapatkan persetujuan daripada Farhana dalam dialog : *Betul nama mak engkau, Mariana?* Farhana menggunakan strategi pernyataan dengan mengiakan nama ibunya yang disebut oleh Fuad sebagai tanda persetujuan dalam dialog *Betul.* Akhirnya, Fuad menggunakan strategi penerangan, iaitu menerangkan secara tertib dengan menggunakan strategi penjelasan kepada Farhana tentang cara yang terbaik untuk mereka menghadapi dugaan dan takdir. Strategi ini

terdapat dalam dialog : *Pertama sekali, kita perlu tenangkan fikiran. Gunakan segala kematangan dan kebijaksanaan yang kita ada untuk menerima apa sahaja takdir untuk kita. Kedua, kita siasat dulu. Semua ini mungkin betul, tapi mungkin juga salah.*

Penerangan secara tertib dalam berkomunikasi dapat meningkatkan kejelasan maklumat sebagaimana yang dilakukan oleh Fuad sekali gus dapat mengelak salah faham antara mereka berdua. Hal ini juga dapat menyelesaikan kemelut yang dihadapi mereka. Strategi sapaan, pertanyaan, pernyataan dan penjelasan digunakan dalam peristiwa ini bagi mempamerkan kesopanan selain keperluan mewujudkan komunikasi bebas konflik yang bersesuaian dengan objektif komunikasi, iaitu mengesahkan maklumat tentang ibu Farhana. Penggunaan strategi-strategi bahasa tersebut telah memudahkan proses penyampaian dan penerimaan maklumat dengan berkesan sehingga komunikasi menjadi lancar. Perkara ini berlaku atas faktor kedua-dua peserta perbualan memperlihatkan kerjasama dan kesungguhan untuk menjaga air muka pihak lawan tuturnya agar komunikasi bebas konflik. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Asmah Omar (1996) bahawa air muka sesuatu pihak perlu diberi perhatian sewajarnya kerana melibatkan maruah dan harga diri seseorang. Secara ringkasnya, penggunaan strategi-strategi bahasa menerusi maksim-maksim Leech (1983) dan Grice (1975) dapat memperlihatkan usaha untuk mewujudkan komunikasi bebas konflik.

#### **5.3.1.9 Pemetaan Struktur Peristiwa 30: Fuad menasihati Farhana agar menerima takdir**

Pemetaan struktur peristiwa 30, iaitu Fuad menasihati Farhana agar menerima takdir terdapat dalam Jadual 5.11 yang berikut:



**Jadual 5.11:** Pemetaan Struktur Peristiwa 30

Peristiwa: 30	Strategi	Dialog	Maksim
Fuad menasihati Farhana agar menerima takdir	Pertanyaan	<b>Fa:</b> Macam mana kalau mak terjaga?	Simpati
	Pernyataan	<b>Fa :</b> Saya bimbang sakitnya bertambah teruk.	
	Nasihat	<b>Fu :</b> Sabarlah Ana, sabarlah. Tapi, yakinlah Ana. Setiap satu pemberian Allah kepada kita, tentu ada hikmahnya.	Kebijaksanaan
	Motivasi	<b>Fu :</b> Jodoh pertemuan, semua tu kuasa Tuhan. Aku yakin, kau akan bertemu jodoh dengan orang yang jauh lebih baik daripada aku.	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 30 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.11, mukadimah perbualan dimulakan oleh Farhana dengan menggunakan strategi pertanyaan dalam dialog : *Macam mana kalau mak terjaga?* ekoran perasaan risaunya tentang keadaan ibunya. Kemudian Farhana menggunakan strategi pernyataan untuk menggambarkan kebimbangan dan tanda simpati kepada ibunya dalam dialog : *Saya bimbang sakitnya bertambah teruk.* Seterusnya, Fuad yang memahami keadaan tersebut menggunakan strategi nasihat agar Farhana bersabar, yakin dan menerima ketentuan takdir dengan reda dan tenang sebagaimana dalam dialog : *Sabarlah Ana, sabarlah. Tapi, yakinlah Ana. Setiap satu pemberian Allah kepada kita, tentu ada hikmahnya.* Akhirnya, Fuad memberikan dorongan dengan menggunakan strategi motivasi bahawa segala yang berlaku merupakan ketentuan dan mengharapkan Farhana akan bertemu jodoh yang lebih baik lagi nanti sebagaimana dalam dialog : *Jodoh pertemuan, semua tu kuasa Tuhan. Aku yakin, kau akan bertemu jodoh dengan orang yang jauh lebih baik daripada aku.* Pemberian nasihat dan motivasi ini dapat memberikan kekuatan dan membantu Farhana agar bersikap lebih positif dalam menghadapi kenyataan hidup dan menerima takdir. Strategi pertanyaan, pernyataan, nasihat dan motivasi digunakan dalam peristiwa ini agar bertepatan dengan konteks peristiwa dan topik perbualan selain mencapai objektif komunikasi,

iaitu menasihati Farhana agar menerima takdir. Penggunaan strategi motivasi dan nasihat dalam peristiwa ini bertepatan dengan penulisan Ismail Mis (2011) yang mengatakan bahawa strategi motivasi dan nasihat terkandung dalam novel *Melunas Rindu* dan mewarnai kehidupan watak yang ditonjolkan pengarang dan menjadikan novel ini menarik untuk dibaca dan dihayati.

### 5.3.1.10 Pemetaan Struktur Peristiwa 31: Perbualan Fuad dan Farhana tentang Cikgu Zamani

Pemetaan struktur peristiwa 31, iaitu Perbualan Fuad dan Farhana tentang Cikgu Zamani terdapat dalam Jadual 5.12 yang berikut:

**Jadual 5.12:** Pemetaan Struktur Peristiwa 31

Peristiwa: 31	Strategi	Dialog	Maksim
Perbualan Fuad dan Farhana tentang Cikgu Zamani	Pernyataan	<b>Fu</b> : Sunyilah sekolah ni tahun depan.	Kebijaksanaan
	Lawak	<b>Fu</b> : Tak nak beli hadiah, Ana?	
	Ajakan	<b>Fu</b> : Jom, minum. Aku rasa lega dengar Cikgu Zamani dapat tukar.	
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Kenapa pula?	Relevan
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Tak tahan aku, hari-hari dengar kau bergaduh dengan dia. Sakit telinga..	
	Cadangan	<b>Fa</b> : Selepas ni kau bolehlah nasihat aku banyak-banyak.	Kebijaksanaan
	Lawak	<b>Fa</b> : Lima kilo sehari pun boleh. Aku tak marah.	
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Aku sebenarnya lega bukan semata-mata kerana mengenangkan engkau, tapi Cikgu Abas. Aku kasihan tengok dia.	Simpati
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Sekurang-kurangnya apabila Cikgu Zamani tak ada, taklah dia bermasalah sangat tahun depan. Betul tak Ana?	Persetujuan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Dan Zamani tu pula akan buat perangai yang serupa di sekolah baharunya.	
Pernyataan	<b>Fu</b> : Sekurang-kurangnya aku tidak menghukumnya sebagai guru, tetapi aku lebih melihatnya sebagai seorang individu ... Yang mungkin dari saat lahirnya sudah begitu perwatakannya.	Sokongan	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 31 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.12, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi pernyataan dalam dialog : *Sunylah sekolah ni tahun depan* dan diikuti strategi lawak dalam dialog : *Tak nak beli hadiah, Ana?* dengan tujuan untuk mengusik Farhana tentang perpindahan Cikgu Zamani dalam bentuk ayat tanya. Selepas itu, Fuad mengajak Farhana minum sambil menyatakan kelegaannya sebab Cikgu Zamani sudah berpindah sebagaimana dalam dialog : *Jom, minum. Aku rasa lega dengar Cikgu Zamani dapat tukar*. Kemudian, Farhana menggunakan strategi pertanyaan untuk bertanya bagi mendapatkan maklumat yang relevan tentang pandangan Fuad dalam dialog : *Kenapa pula?* Fuad memberikan maklumat yang relevan dengan menggunakan strategi pernyataan bahawa dia tidak tahan mendengar Farhana dan Cikgu Zamani bergaduh sebagaimana dalam dialog : *Tak tahan aku, hari-hari dengar kau bergaduh dengan dia*. Apabila mendengar maklumat tersebut, Farhana menggunakan strategi cadangan dengan memberikan cadangan bahawa Fuad boleh menasihatinya sesuka hati dalam dialog : *Selepas ni kau bolehlah nasihat aku banyak-banyak*. Kemudian Farhana menggunakan strategi lawak dalam dialog : *Lima kilo sehari pun boleh. Aku tak marah*, bagi mewujudkan kemesraan antara mereka. Seterusnya, Fuad menyatakan simpatinya kepada Cikgu Abas dengan menggunakan strategi pernyataan sebagaimana dalam dialog : *Aku kasihan tengok dia*, kerana Cikgu Abas sering bertolak-ansur dalam melayan kerenah Cikgu Zamani.

Selanjutnya, Fuad menggunakan strategi pertanyaan untuk mendapatkan persetujuan Farhana tentang kebenaran kata-katanya tentang Cikgu Zamani dalam dialog : *Betul tak Ana?* Farhana pula menggunakan strategi pernyataan bahawa Cikgu Zamani akan meneruskan sikapnya walaupun di tempat baharu sebagai tanda persetujuan secara tidak langsung sebagaimana dalam dialog : *Dan Zamani tu pula*

*akan buat perangai yang serupa di sekolah baharunya.* Akhirnya, Fuad menggunakan strategi pernyataan untuk menyatakan sokongannya kepada Cikgu Zamani sebagai tanda meminimumkan cacian kepada Cikgu Zamani dalam dialog : *Sekurang-kurangnya aku tidak menghukumnya sebagai guru, tetapi aku lebih melihatnya sebagai seorang individu.* Ujaran-ujaran yang dituturkan oleh Fuad mencerminkan perlakuan yang sopan dan memanifestasikan kehalusan budi bahasa dalam berbicara walaupun Cikgu Zamani memiliki karakter yang agak negatif. Sanat Md Nasir (1998) sebagaimana yang dipetik oleh Norazlina Mohd Kiram & Raja Masittah (2011) mengatakan bahawa setiap perlakuan manusia yang santun merupakan ibadah (p.116). Strategi pernyataan, lawak, pertanyaan, pernyataan, ajakan, permintaan dan cadangan digunakan dalam peristiwa ini agar memperlihatkan keserasian dengan konteks peristiwa dan topik yang menjadi fokus perbualan, iaitu tentang Cikgu Zamani selain mencapai objektif komunikasi, iaitu menilai sikap Cikgu Zamani.

### 5.3.1.11 Pemetaan Struktur Peristiwa 32: Fuad akan melanjutkan pelajaran dan nasihat kepada Farhana

Pemetaan struktur peristiwa 32, iaitu Fuad akan melanjutkan pelajaran dan nasihat kepada Farhana terdapat dalam Jadual 5.13 yang berikut:

**Jadual 5.13:** Pemetaan Struktur Peristiwa 32

Peristiwa: 32	Strategi	Dialog	Maksim
Fuad akan melanjutkan pelajaran dan nasihat Kepada Farhana	Lawak	<b>Fu</b> : Aku cuma kasihankan kau Ana. Selepas ini tak ada lagilah kawan kau nak bergaduh.	Kebijaksanaan
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Kau ada?	Relevan
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Eh, aku pun nak pindah juga!	
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Kau nak ke mana?	
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Berita baik untuk aku. Berita buruk untuk engkau. Maktab dah panggil aku ...	

Jadual 5.13, sambungan

Peristiwa: 32	Strategi	Dialog	Maksim
Fuad akan melanjutkan pelajaran dan nasihat Kepada Farhana	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Yakah? Maktab mana? Bila?	Kuantiti
	Pernyataan	<b>Fu</b> : MPIK. Lambat lagi, sebulan dari sekarang.	
	Penghargaan	<b>Fa</b> : Oohh...? Tahniah!	Sokongan
	Penjelasan	<b>Fu</b> : Pertama emak di Kuantan, kedua ayah di Kuala Lumpur, ketiga dan keempat mama dan apak di Sungai Ruan dan kelima dan keenam, Pak Mail dan Mak Salmah. Jadi enam kesemuanya, di empat tempat yang berasingan.	Cara (susunan tertib)
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Kau boleh terima mereka Ana?	Relevan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Aku malah berbangga kerana rupa-rupanya aku ini mempunyai keluarga yang besar.	
	Lawak	<b>Fa</b> : Mak dan ayah kau pula kan jadi sembilan selepas kau kahwin nanti. Sebabnya, ayah mentua kau pasang dua. Aaa ... Terkena engkau, padan muka!	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 32 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.13, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi lawak, iaitu bergurau bahawa dia kasihan kerana Farhana tidak ada teman bergaduh bagi tujuan mengusik Farhana dalam dialog : *Aku cuma kasihankan kau Ana. Selepas ini tak ada lagilah kawan kau nak bergaduh.* Kemudian, Farhana memberikan respons dengan menggunakan strategi pertanyaan bahawa Fuad sebagai ganti teman bergaduh dalam dialog : *Kau ada?* untuk mendapatkan maklumat berkaitan. Seterusnya, Fuad menyatakan maklumat yang relevan, iaitu dia juga akan berpindah dalam dialog : *Eh, aku pun nak pindah juga.* Farhana menggunakan pertanyaan, iaitu bertanya tentang maklumat perpindahan Fuad dalam dialog : *Kau nak ke mana?* Fuad memberikan maklumat yang berkaitan secara tersirat dalam dialog : *Berita baik untuk aku. Berita buruk untuk engkau. Maktab dah panggil aku ...* Farhana pun bertanya lebih lanjut dalam dialog : *Yakah? Maktab mana? Bila?* bagi mendapatkan maklumat yang mencukupi. Kemudian Fuad memberikan

maklumat yang mencukupi bahawa dia akan melanjutkan pelajaran di MPIK dalam masa sebulan lagi dengan menggunakan strategi pernyataan sebagaimana dalam dialog : ***MPIK. Lambat lagi, sebulan dari sekarang.*** Strategi pertanyaan dan pernyataan dalam komunikasi ini didapati sesuai dan berkesan agar penutur dan pendengar mendapat maklumat yang diperlukan oleh mereka.

Selanjutnya, Farhana menggunakan strategi penghargaan dengan mengucapkan tahniah sebagai tanda sokongan atas kejayaan Fuad memasuki maktab dalam dialog : ***Oohh...? Tahniah.*** Setelah itu, Fuad menggunakan strategi penjelasan, iaitu menjelaskan secara tertib kepada Farhana tentang kedudukan keluarga mereka yang bersaiz besar. Keluarga besar mereka terdiri daripada ayah dan ibu kandungnya, ibu bapa angkatnya termasuk mama dan apaknya di Sungai Ruan. Strategi ini terdapat dalam dialog : ***Pertama emak di Kuantan, kedua ayah di Kuala Lumpur, ketiga dan keempat mama dan apak di Sungai Ruan dan kelima dan keenam, Pak Mail dan Mak Salmah. Jadi enam kesemuanya, di empat tempat yang berasingan.*** Penjelasan secara tersusun atau tertib ini memudahkan penerima maklumat membuat interpretasi sekali gus memahaminya dengan mendalam. Pemberian maklumat dengan menggunakan susunan tertib ini menjadikan maklumat lebih sistematik dan jelas sebagaimana gagasan Grice (1975) dalam Maksim Cara. Zawiyah Mohammad Yusof (2009) pula mengatakan bahawa komunikasi yang teratur dengan penyusunan maklumat membolehkan komunikasi berlangsung dengan baik. Maklumat yang sebaliknya, menyebabkan penerima sukar memahami mesej.

Selanjutnya, Fuad menggunakan strategi pertanyaan bagi mendapatkan maklumat daripada Farhana tentang keluarga besar mereka dalam dialog : ***Kau boleh terima mereka Ana?*** Farhana menggunakan strategi pernyataan bagi memberikan maklumat

yang relevan dengan pertanyaan Fuad tentang penerimaannya terhadap keluarga besar mereka secara tersirat sebagaimana dalam dialog : *Aku malah berbangga kerana rupa-rupanya aku ini mempunyai keluarga yang besar.* Akhirnya, Farhana menggunakan strategi lawak untuk menyampaikan maklumat yang relevan dengan mengatakan ayah dan mak mertua Fuad menjadi sembilan setelah Fuad kahwin kerana ayah mertua Fuad kahwin dua. Tujuannya adalah untuk mengusik Fuad sebagaimana dalam dialog : *Mak dan ayah kau pula kan jadi sembilan selepas kau kahwin nanti. Sebabnya, ayah mentua kau pasang dua. Aaa ... Terkena engkau, padan muka!* Berdasarkan peristiwa ini, didapati penggunaan strategi lawak lebih signifikan atas faktor hubungan kedua-duanya lebih akrab, iaitu sebagai adik dan abang memandangkan peristiwa ini berlaku setelah mereka mengetahui hal yang sebenar. Strategi lawak, pertanyaan, pernyataan, penjelasan dan penghargaan digunakan dalam peristiwa ini agar bersesuaian dengan konteks peristiwa. Penggunaan strategi-strategi ini juga bersesuaian dengan maklumat yang diperlukan dan topik perbualan. Objektif komunikasi, iaitu pemberian maklumat kepada Farhana tentang Fuad akan melanjutkan pelajaran dan maklumat tentang keluarga mereka tercapai.

#### 5.3.1.1.1 Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 1, 6 PS + 4 PK

Hasil pemetaan struktur peristiwa-peristiwa Pola 1, 6 PS + 4 PK terdapat dalam jadual 5.14 berikut:

**Jadual 5.14:** Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola I, 6 PS + 4 PK

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Hasil Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 1
1	1	Kebijaksanaan+Persetujuan+Kebijaksanaan+Persetujuan+Cara(penjelasan)
2	2	Cara+Kebijaksanaan+Kedermawanan
3	3	Kedermawanan+Kebijaksanaan+Simpati+Kebijaksanaan+Cara (penjelasan)+Simpati
4	7	Kebijaksanaan+Persetujuan+Cara(susunan tertib)+Sokongan
5	11	Persetujuan+Kualiti+Kebijaksanaan+Cara(penjelasan)+Persetujuan+Simpati
6	22	Simpati+Persetujuan+Kebijaksanaan+Relevan+Kebijaksanaan

**Jadual 5.14, sambungan**

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Hasil Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 1
7	25	Kuantiti+Kebijaksanaan+Simpati+Kebijaksanaan+Kerendahan Hati+Persetujuan
8	28	Kebijaksanaan+Persetujuan+Kebijaksanaan+Cara(penjelasan)+Persetujuan +Cara (susunan tertib)
9	30	Simpati+Kebijaksanaan
10	31	Kebijaksanaan+Relevan+Kebijaksanaan+Simpati+Persetujuan+Sokongan
11	32	Kebijaksanaan+Relevan+Kuantiti+Sokongan+Cara (susunan tertib)+Relevan

Jadual 5.14 menunjukkan hasil pemetaan struktur berdasarkan 11 peristiwa bahasa yang diklasifikasikan dalam Pola 1, 6 PS + 4 PK. Pemetaan ini memperlihatkan struktur peristiwa yang bervariasi walaupun tercakup dalam pola yang sama. Hasil pemetaan struktur peristiwa dalam Pola 1 tidak memperlihatkan sama ada persamaan atau pengulangan struktur antara 11 peristiwa tersebut. Perkara ini berlaku bertitik tolak daripada faktor penggunaan strategi-strategi bahasa yang berbeza-beza bagi mengekspresikan maksim-maksim yang digunakan. Selain itu, setiap peristiwa mempunyai konteks, latar dan topik yang berbeza-beza bagi mewujudkan situasi bebas konflik yang bertepatan dengan objektif komunikasi. Impaknya, hasil pemetaan struktur peristiwa bahasa bervariasi.

Hasil pemetaan struktur peristiwa turut memperlihatkan pengulangan penggunaan maksim tertentu dalam peristiwa yang dianalisis. **Peristiwa 1, 3, 22, 25, 28 dan 31** memperlihatkan pengulangan Maksim Kebijaksanaan. Situasi ini berlaku bertitik tolak atas faktor penutur dan pendengar mementingkan kebijaksanaan dan kearifan dalam berkomunikasi yang dimanifestasikan oleh cara yang berhemah semasa berurusan dan mendekati orang lain. Perkara ini akan menyerlahkan kesopanan sekali gus dapat mengelakkan pendengar berasa terbeban sebaliknya berasa lebih selesa.

Pengulangan penggunaan Maksim Persetujuan pula berlaku dalam **peristiwa 1, 11 dan 28**. Pengulangan maksim ini mencerminkan bahawa peristiwa bahasa



memberikan penekanan terhadap persepakatan bagi mewujudkan kelancaran komunikasi. Pemetaan juga menunjukkan pengulangan penggunaan Maksim Cara dalam **peristiwa 28**. Perkara ini memperlihatkan betapa signifikannya pemberian maklumat yang jelas dan terperinci bagi meningkatkan pemahaman pendengar dalam berkomunikasi. Sementara pengulangan penggunaan Maksim Relevan berlaku dalam **peristiwa 32**. Pengulangan ini memanifestasikan kepentingan pemberian maklumat yang mempunyai pertalian atau berkaitan dalam perbualan bagi mewujudkan kerjasama.

Ringkasnya, pemetaan struktur peristiwa memperlihatkan variasi atas faktor pengulangan maksim-maksim tertentu yang dimanifestasikan oleh strategi-strategi bahasa, iaitu kata, ungkapan dan ayat dalam struktur peristiwa bahasa yang berlangsung. Perkara ini berlaku bertitik tolak daripada penggunaannya yang signifikan dalam setiap peristiwa bahasa tersebut agar objektif komunikasi tercapai selain mencitrakan kesopanan berbahasa.

### **5.3.2 Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 2: Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Kuantiti + Kualiti + Relevan (5 PS + 3 PK)**

Peristiwa-peristiwa bahasa yang tercakup dalam Pola 2, 5 PS + 3 PK berdasarkan MPKMU terdapat dalam Jadual 5.15 berikut:

**Jadual 5.15:** 17 Peristiwa - Pola 2, 5 PS + 3 PK

<b>Bil. Peristiwa</b>	<b>No. Peristiwa</b>	<b>Peristiwa-peristiwa Pola 2, 5 PS + 3 PK</b>	<b>Dialog</b>
1	4	Perbincangan tentang kertas peperiksaan	3
2	8	Fuad membawa jagung ke sekolah	6
3	9	Fuad mempelawa Farhana menumpang keretanya	6
4	10	Perbualan tentang keluarga Farhana	8
5	12	Perbualan ketika singgah dan selepas makan	7
6	14	Perbualan Fuad dan Farhana dalam telefon	6
7	15	Fuad memberi kad harijadi kepada Farhana	14
8	16	Fuad mempelawa Farhana keluar berjalan	4

**Jadual 5.15, sambungan**

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Peristiwa-peristiwa Pola 2, 5 PS + 3 PK	Dialog
9	17	Perbualan semasa memesan makanan	5
10	18	Farhana ingin mendapat kepastian Fuad	14
11	19	Bergurau pasal makanan	5
12	20	Perbualan tentang Fuad hendak ke rumah Cikgu Zamani	4
13	21	Fuad hendak membawa Farhana ke rumah selepas makan	8
14	26	Perbualan Fuad dan Farhana tentang adik-adik Farhana	4
15	27	Fuad mengejutkan Farhana dari tidur	5
16	29	Fuad mencungkil latar belakang ibu Farhana	11
17	33	Fuad berpesan kepada Farhana sebelum ke Mekah	2
<b>Jumlah</b>			<b>112</b>

Berdasarkan Jadual 5.15, terdapat 17 peristiwa yang mengandungi 112 dialog yang mematuhi Pola 2, 5 PS + 3 PK. Pemetaan struktur bagi setiap peristiwa dalam Pola 2 adalah seperti berikut:

#### 5.3.2.1 Pemetaan Struktur Peristiwa 4 : Perbincangan tentang kertas peperiksaan

Pemetaan struktur peristiwa 4, iaitu perbincangan tentang kertas peperiksaan terdapat dalam Jadual 5.16 yang berikut.

**Jadual 5.16: Pemetaan Struktur Peristiwa 4**

Peristiwa: 4	Strategi	Dialog	Maksim
Perbincangan tentang kertas peperiksaan	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Fuad dulu tentu ambil kertas ni, kan?	Persetujuan
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Cikgu Farhana pun, kan?	
	Permintaan	<b>Fa</b> : Farhana. Panggil saya Farhana, sudahlah. Esok lusa boleh panggil Ana saja.	Kebijaksanaan

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 4 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.16, mukadimah perbualan dimulakan oleh Farhana dengan menggunakan strategi pertanyaan. Strategi ini dipaparkan dalam dialog : *Fuad dulu tentu ambil kertas ni, kan?* Farhana bertanya kepada Fuad bagi mendapatkan persetujuan tentang kertas Bahasa Inggeris yang diambil Fuad dahulu. Fuad menggunakan strategi pertanyaan

untuk memberikan persetujuan dengan mengulang pertanyaan yang sama tetapi ditujukan kepada Farhana bagi menandakan persetujuan secara langsung sebagaimana dalam dialog : *Cikgu Farhana pun, kan?* Akhirnya, Farhana menggunakan strategi permintaan, iaitu meminta Fuad memanggil dirinya Farhana atau Ana sahaja. Permintaan ini bertujuan untuk mewujudkan kemesraan antara mereka selain menggambarkan kebijaksanaan dalam berbahasa. Strategi permintaan ini dipaparkan dalam dialog : *Farhana. Panggil saya Farhana, sudahlah. Esok lusa boleh panggil Ana saja.* Strategi pertanyaan dan permintaan digunakan dalam peristiwa ini agar bersesuaian dengan topik yang menjadi fokus perbincangan dan konteks peristiwa selain mencapai objektif komunikasi, iaitu memberikan maklumat tentang kertas peperiksaan.

### 5.3.2.2 Pemetaan Struktur Peristiwa 8 : Fuad membawa jagung ke sekolah

Pemetaan struktur peristiwa 8, iaitu Fuad membawa jagung ke sekolah terdapat dalam Jadual 5.17 yang berikut:

**Jadual 5.17:** Pemetaan Struktur Peristiwa 8

Peristiwa : 8	Strategi	Dialog	Maksim
Fuad membawa jagung ke sekolah	Sapaan	<b>Fu</b> : Ana ...	Kebijaksanaan
	Pelawaan	<b>Fu</b> : Awak nak tak? Saya bawa jagung.	Kedermawanan
	Penawaran	<b>Fu</b> : Awak punya pasal, kalau nak, saya hantar sampai ke rumah.	
	Pertanyaan	<b>Fa</b> :Betul ke awak ni, Fuad?	Persetujuan
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Eh, betul! Apa pula tak betulnya	
	Penjelasan dan lawak	<b>Fu</b> : Saya memang tanam jagung, sebelum jadi cikgu ni lagi. Tak percaya, tanya Cikgu Abas. Tak percaya juga lagi, jom saya tunjuk dalam bonet kereta saya. Kalau tak percaya juga lagi, balik sekolah ni saya bawa awak pergi tengok kebun saya. Ha ...	Kualiti
	Penegasan	<b>Fu</b> : Yang penting, awak kena percaya saya memang tanam jagung.	Persetujuan

**Jadual 5.17, sambungan**

Peristiwa : 8	Strategi	Dialog	Maksim
Fuad membawa jagung ke sekolah	Pernyataan	<b>Fa</b> : Okeylah, saya percaya.	Kedermawanan
	Penawaran	<b>Fu</b> : Jangan lupa, balik nanti ambil jagung di kereta saya, okey? Kalau awak malu nak bawa balik, saya boleh hantar.	
	Penolakan	<b>Fa</b> : Alah, tak payah. Rumah saya dekat saja.	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 8 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.17, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi sapaan dalam dialog : *Ana ...* bagi memperlihatkan kebijaksanaan memilih kata yang sesuai bagi memulakan perbualan. Strategi sapaan yang digunakan oleh Fuad bagi memulakan perbualan ini mencerminkan sikap sopannya. Awang Sariyan (2007) mengatakan bahawa seseorang boleh dianggap tidak bersopan semasa bertutur apabila tiada kata sapaan yang digunakan bagi memulakan perbualan. Oleh itu, strategi sapaan yang digunakan oleh Fuad adalah tepat dan sesuai. Kemudian Fuad meneruskan perbualan dengan menggunakan strategi pelawaan dalam dialog : *Awak nak tak? Saya bawa jagung*, iaitu mempelawa Farhana untuk mengambil jagung yang dibawanya dan seterusnya menawarkan bantuan untuk menghantar jagung ke rumah dalam dialog : *Awak punya pasal, kalau nak, saya hantar sampai ke rumah* sebagai tanda sikap dermawan. Seterusnya, Farhana menggunakan strategi pertanyaan dalam dialog : *Betul ke awak ni, Fuad?*, iaitu untuk mendapatkan persetujuan yang Fuad benar-benar membawa jagung ke sekolah dan Fuad menyatakan kebenarannya sebagai tanda persetujuan sebagaimana dalam dialog : *Eh, betul! Apa pula tak betulnya*.

Seterusnya, bagi meyakinkan Farhana, Fuad menggunakan strategi penjelasan dan strategi lawak bahawa dia memang menanam jagung sambil menjelaskan bukti sebagaimana dalam dialog : *Saya memang tanam jagung, sebelum jadi cikgu ni lagi*.

*Tak percaya, tanya Cikgu Abas. Tak percaya juga lagi, jom saya tunjuk dalam bonet kereta saya. Kalau tak percaya juga lagi, balik sekolah ni saya bawa awak pergi tengok kebun saya. Ha ....* Penjelasan yang disertai bukti ini dapat meyakinkan pendengar, iaitu Farhana terhadap maklumat yang disampaikan Fuad sebagai penutur. Setelah itu, Fuad membuat penegasan dalam dialog : *Yang penting, awak kena percaya saya memang tanam jagung* dan Farhana menyetujuinya secara langsung dalam dialog : *Okeylah, saya percaya*. Akhirnya, Fuad menawarkan sekali lagi bantuan untuk menghantar jagung yang di bawanya ke rumah Farhana. Tawaran ini dipaparkan dalam dialog : *Kalau awak malu nak bawa balik, saya boleh hantar* tetapi Farhana menolak tawaran tersebut. Penolakan ini menandakan sikap dermawan walaupun meminimum keuntungan dirinya sebagaimana yang dipaparkan dalam dialog : *Alah, tak payah. Rumah saya dekat saja*. Strategi sapaan, pelawaan, penawaran, pertanyaan, pernyataan, penegasan, penjelasan dan lawak digunakan dalam peristiwa. Penggunaan strategi-strategi ini serasi dengan topik perbualan, latar dan konteks peristiwa selain mencapai objektif komunikasi, iaitu memberikan jagung kepada Farhana.

### 5.3.2.3 Pemetaan Struktur Peristiwa 9: Fuad mempelawa Farhana menumpang keretanya

Pemetaan struktur peristiwa 9, iaitu Fuad mempelawa Farhana menumpang keretanya terdapat dalam Jadual 5.18 yang berikut:

**Jadual 5.18:** Pemetaan Struktur Peristiwa 9

Peristiwa: 9	Strategi	Dialog	Maksim
Fuad mempelawa Farhana menumpang keretanya	Sapaan	<b>Fu</b> : Ana! Farhana!	Kebijaksanaan
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Nak balik?	Persetujuan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Ha-ah.	
	Pelawaan	<b>Fu</b> : Naik kereta sayalah.	Kedermawanan
	Penolakan	<b>Fa</b> : Tak apalah Fuad. Kalau tak ada tiket pun, saya boleh ambil bas sambung-sambung	
	Pelawaan	<b>Fu</b> : Jomlah.	

**Jadual 5.18, sambungan**

<b>Peristiwa: 9</b>	<b>Strategi</b>	<b>Dialog</b>	<b>Maksim</b>
Fuad mempelawa Farhana menumpang keretanya	Permintaan	<b>Fu</b> : Lagipun saya nak beli keropok Losong ni, tapi tak berapa tahu jalan ke sana. Awak ada, bolehlah tolong tunjuk.	Kebijaksanaan
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Kita minum dulu, ya?	Persetujuan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Okey.	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 9 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.18, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi sapaan, iaitu menyapa Farhana sebelum bertanya dalam dialog : **Ana! Farhana!** Kemudian barulah Fuad menggunakan strategi pertanyaan bagi mendapatkan persetujuan Farhana yang disangkanya hendak balik dalam dialog : **Nak balik?** Farhana menyatakan persetujuannya bahawa dia memang hendak balik dalam dialog : **Ha-ah..** Setelah mendengar persetujuan daripada Farhana, Fuad menggunakan strategi pelawaan, iaitu mempelawa Farhana menumpang keretanya dalam dialog : **Naik kereta sayalah** bagi memperlihatkan kedermawanannya. Farhana pula menolak pelawaan tersebut dalam dialog : **Tak apalah Fuad. Kalau tak ada tiket pun, saya boleh ambil bas sambung-sambung** bagi menandakan sikap dermawan. Penolakan Farhana terhadap pelawaan Fuad disertai alasan yang munasabah dapat mengelak Fuad daripada berkecil hati.

Seterusnya, Fuad mempelawa sekali lagi sebagai tanda kedermawanannya dalam dialog : **Jomlah.** Kemudian, Fuad meminta bantuan daripada Farhana dalam dialog : **Awak ada, bolehlah tolong tunjuk,** iaitu meminta Farhana untuk menunjukkan tempat membeli keropok. Akhirnya, Fuad menggunakan strategi pertanyaan bagi mendapatkan persetujuan daripada Farhana dalam dialog : **Kita minum dulu, ya?** Seterusnya, Farhana memberikan persetujuannya dalam dialog : **Okey** dengan menggunakan strategi pernyataan. Persetujuan yang diberikan oleh Farhana dapat

melancarkan komunikasi dan tindakan ini bertepatan dengan pendapat Mohamed Haron (1997) yang mengatakan bahawa kejayaan atau kegagalan sesuatu komunikasi bergantung kepada keupayaan dan kelancaran dalam interaksi tersebut. Strategi sapaan, pertanyaan, pernyataan, pelawaan, penolakan dan permintaan digunakan dalam peristiwa ini agar bersesuaian dengan konteks peristiwa, latar dan topik perbualan. Penggunaan strategi-strategi ini dapat mencapai objektif komunikasi, iaitu menumpangkan Farhana balik Kuantan.

#### 5.3.2.4 Pemetaan Struktur Peristiwa 10 : Perbualan tentang keluarga Farhana

Pemetaan struktur peristiwa 10, iaitu perbualan tentang keluarga Farhana terdapat dalam Jadual 5.19 yang berikut:

**Jadual 5.19:** Pemetaan Struktur Peristiwa 10

Peristiwa: 10	Strategi	Dialog	Maksim
Perbualan tentang keluarga Farhana	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Diam saja Ana, takutkah?	Kebijaksanaan
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Siapa ada di rumah?	Kuantiti
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Mak, adik-adik.	
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Awak anak sulung?	Persetujuan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Ha-ah..	
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Ayah?	Relevan
	Penerangan	<b>Fa</b> : Ayah dah tak ada. Dah empat tahun meninggal, masa saya di UK.	
	Permintaan	<b>Fu</b> : Oh, maaf!	
			Kerendahan Hati

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 10 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.19, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi pertanyaan dalam dialog : *Diam saja Ana, takutkah?* untuk mengetahui situasi Farhana yang pertama kali menumpang keretanya. Kemudian, Fuad bertanya lagi bagi mendapatkan maklumat yang mencukupi daripada Farhana dalam dialog : *Siapa ada di rumah?* untuk mengetahui tentang keluarga Farhana. Farhana memberikan maklumat yang mencukupi bagi menjawab pertanyaan Fuad, iaitu tentang keluarganya dalam dialog : *Mak, adik-adik*. Seterusnya, Fuad bertanya lagi bagi mendapatkan

persetujuan bahawa Farhana anak sulung atau sebaliknya dalam dialog : *Awak anak sulung?* Farhana menjawab dengan menggunakan strategi pernyataan dalam dialog : *Ha-ah...*, iaitu mengeyakan sebagai tanda persetujuan sepenuhnya.

Seterusnya, Fuad menggunakan strategi pertanyaan bagi mendapatkan maklumat yang relevan tentang ayah Farhana dalam dialog : *Ayah?* Farhana menggunakan strategi penerangan dalam dialog : *Ayah dah tak ada. Dah empat tahun meninggal, masa saya di UK* bagi memberikan maklumat kepada Fuad. Pemberian maklumat yang relevan dengan topik yang dibicarakan dapat mewujudkan kerjasama dan melancarkan komunikasi yang berlangsung. Akhirnya, Fuad menggunakan strategi permintaan, iaitu meminta maaf kepada Farhana dalam dialog : *Oh, maaf!* apabila mendapat maklumat berkaitan ayah Farhana sudah meninggal. Strategi permintaan yang digunakan untuk meminta maaf menandakan sikap berhati-hati Fuad agar Farhana tidak tersinggung. Situasi ini bertepatan dengan pendapat Noriati A. Rashid (2005) yang mengatakan bahawa sistem dan nilai dan norma orang Melayu sangat mempengaruhi strategi berbahasa masyarakat ini. Keutamaan untuk menjaga aib mendorong orang Melayu berhati-hati dalam setiap perlakuan (p.240). Strategi pertanyaan, penerangan, pernyataan dan permintaan digunakan dalam peristiwa ini agar bertepatan dengan konteks peristiwa dan maklumat yang diperlukan. Penggunaan strategi-strategi ini juga dapat mencapai objektif komunikasi, iaitu mengetahui maklumat tentang keluarga Farhana.

#### **5.3.2.5 Pemetaan Struktur Peristiwa 12 : Perbualan ketika singgah dan selepas makan**

Pemetaan struktur peristiwa 12, iaitu perbualan ketika singgah dan selepas makan terdapat dalam Jadual 5.20 yang berikut:



**Jadual 5.20:** Pemetaan Struktur Peristiwa 12

Peristiwa: 12	Strategi	Dialog	Maksim
Perbualan ketika singgah dan selepas makan	Pelawaan	<b>Fu</b> : Jom, kita makan dulu. Aku dah lapar ni.	Kedermawanan
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Apa fasal tak habis makan ni?	Kuantiti
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Aku kenyang lagi sebenarnya	
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Laa ... Ngapa tak cakap?	Kebijaksanaan
	Nasihat	<b>Fu</b> : Tak baik tahu makan tak habis. Rezeki!	
	Pujian	<b>Fa</b> : Hari ini aku bukan saja naik kereta <i>free</i> , makan pun nampaknya <i>free</i> . Baik engkau, Fuad?	Sokongan
	Pernyataan dan lawak	<b>Fu</b> : Memang aku baik. Kau baru tahu hari inikah?	Persetujuan
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Eh, tadi kau tanya masjid, ngapa tak tanya aku?	Kuantiti
	Pernyataan	<b>Fu</b> : La ingatkan kau tak tahu.	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 12 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.20, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan mempelawa Farhana makan sebagai tanda sikap dermawan dalam dialog : ***Jom, kita makan dulu.*** Seterusnya, selepas makan Fuad bertanya tentang sebab Farhana makan tidak habis bagi mendapatkan maklumat yang mencukupi dalam dialog : ***Apa fasal tak habis makan ni?*** Farhana menyatakan bahawa dia masih kenyang untuk memberikan maklumat yang mencukupi dalam dialog : ***Aku kenyang lagi sebenarnya.*** Apabila mendengar maklumat daripada Farhana, Fuad menggunakan strategi pertanyaan dalam dialog : ***Laa ... Ngapa tak cakap?*** Seterusnya, Fuad menggunakan strategi nasihat sebagai tanda bijaksana dalam berkomunikasi, iaitu menasihati Farhana dengan cara yang berhemah sebagaimana dalam dialog : ***Tak baik tahu makan tak habis.*** Kemudian, Farhana memuji Fuad sebagai tanda sokongan atas kebaikan Fuad dalam dialog : ***Hari ini aku bukan saja naik kereta free, makan pun nampaknya free. Baik engkau, Fuad?*** Fuad kemudiannya, menyatakan persetujuannya bahawa dia memang baik sambil menggunakan strategi lawak sebagaimana dalam dialog : ***Memang aku baik.***

*Engkau baru tahu hari inikah?* Berdasarkan intepretasi, jawapan yang diberikan oleh Fuad bukanlah bermakna dia bersetuju dan bangga dengan pujian tersebut. Fuad menyetujuinya dengan menggunakan strategi lawak sebagai tanda untuk bergurau.

Akhirnya, Farhana menggunakan strategi pertanyaan dengan bertanyakan sebab Fuad tidak bertanya kepadanya tentang lokasi masjid dalam dialog : *Eh, tadi kau tanya masjid, ngapa tak tanya aku?* bagi mendapatkan maklumat yang tepat daripada Fuad. Fuad memberikan maklumat yang mencukupi kepada Farhana dalam dialog : *La ingatkan kau tak tahu* kerana dia menyangka Farhana tidak tahu. Strategi pelawaan, pertanyaan, pernyataan, nasihat, pujian dan lawak digunakan dalam peristiwa ini agar dapat memerihalkan topik yang menjadi fokus perbualan dan sesuai dengan latar peristiwa. Penggunaan strategi-strategi ini dapat mencapai objektif komunikasi, iaitu memuji dan menasihati.

### 5.3.2.6 Pemetaan Struktur Peristiwa 14: Perbualan Fuad dan Farhana dalam telefon

Pemetaan struktur peristiwa 14, iaitu perbualan Fuad dan Farhana dalam telefon terdapat dalam Jadual 5.21 yang berikut:

**Jadual 5.21:** Pemetaan Struktur Peristiwa 14

Peristiwa : 14	Strategi	Dialog	Maksim
Perbualan Fuad dan Farhana dalam telefon	Ucapan	<b>Fa</b> : Assalamualaikum .	Kebijaksanaan
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Kau selamat tiba di rumah, kan?	Persetujuan
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Ya, Alhamdulillah.	
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : ... Ana, aku telefon kau nanti?	Relevan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Tapi, nombor aku ...	
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Aku memang ada simpan nombor telefon kau.	Persetujuan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Oh yakah? Okeylah..	
	Ucapan	<b>Fa</b> : assalamualaikum.	Kebijaksanaan
	Ucapan	<b>Fu</b> : Waalaikumussalam.	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 14 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.21, mukadimah perbualan dimulakan oleh Farhana dengan menggunakan strategi ucapan, iaitu memberi ucapan salam kepada Fuad dalam dialog : *Assalamualaikum* ketika menelefon Fuad bagi memperlihatkan kebijaksanaan dalam berkomunikasi. Seterusnya, bagi mendapatkan persetujuan, Farhana menggunakan strategi pertanyaan dalam dialog : *Kau selamat tiba di rumah, kan?* Farhana ingin mengetahui sama ada Fuad selamat sampai di rumah. Bagi memberikan persetujuan, Fuad menggunakan strategi pernyataan dalam dialog : *Ya, Alhamdulillah*, iaitu dengan mengeyakan dan melafazkan kesyukuran bahawa dia selamat sampai. Dalam usaha mendapatkan maklumat yang berkaitan, Fuad menggunakan strategi pertanyaan dalam dialog : ... *Ana, aku telefon kau nanti?*, iaitu bertanya sama ada dia boleh menelefon Farhana selepas itu. Farhana memberikan respons berkaitan dengan menggunakan strategi pernyataan dalam dialog : *Tapi, nombor aku ...* . Walaupun jawapannya secara tersirat bahawa Fuad boleh menghubunginya cuma bimbang Fuad tiada nombornya masih relevan untuk memenuhi pertanyaan Fuad. Kemudian Fuad menggunakan strategi pernyataan dalam dialog : *Aku memang ada simpan nombor telefon kau* bagi mendapatkan persetujuan daripada Farhana dan Farhana memberikan persetujuan dalam dialog *Okeylah*.

Akhirnya, sebelum menamatkan perbualan dalam telefon, Fuad menggunakan strategi ucapan dalam dialog : *assalamualaikum*, iaitu menutup bicara dengan ucapan salam dan Farhana menjawab salam dalam dialog : *Walaikumussalam*. Penggunaan ucapan salam ialah ucapan khas bagi orang Islam dan dapat membezakan antara pertemuan sesama Islam dan bukan Islam (Wan Aminurrashid, 2002) sebagaimana komunikasi Fuad dan Farhana walaupun dalam perbualan di telefon. Strategi ucapan, pertanyaan dan pernyataan digunakan dalam peristiwa ini agar bersesuaian dengan

konteks peristiwa dan latar perbualan dalam telefon. Strategi-strategi ini juga membolehkan objektif komunikasi, iaitu Farhana hendak mengetahui keadaan Fuad tercapai.

### 5.3.2.7 Pemetaan Struktur Peristiwa 15: Fuad memberi kad hari jadi kepada Farhana

Pemetaan struktur peristiwa 15, iaitu Fuad memberi kad hari jadi kepada Farhana terdapat dalam Jadual 5.22 yang berikut:

**Jadual 5.22:** Pemetaan Struktur Peristiwa 15

Peristiwa: 15	Strategi	Dialog	Maksim
Fuad memberikan kad harijadi kepada Farhana	Sapaan	<b>Fu</b> : Ana ...	Kebijaksanaan
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Hari ni kau ada dapat kad tak?	Kuantiti
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Ada.	
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Warna apa?	
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Merah jambu.	Persetujuan
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Cantik tak?	
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Cantik	Kuantiti
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Kau tahu siapa yang bagi?	
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Tahu.	
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Siapa?	Persetujuan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Engkaulah.	
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Ya ... Betul.	Kerendahan Hati
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Murah saja, empat ringgit setengah.	Persetujuan
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Kau suka tak?	
	Lawak, pertanyaan dan pernyataan	<b>Fa</b> : Tentulah aku suka. Kau tahu sebab apa aku suka? Sebab, kau yang bagi!	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 15 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.22, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi sapaan. Paparannya terdapat dalam dialog : **Ana ...** bagi menyapa Farhana melalui penggunaan kata nama peribadi, iaitu *Ana* sebelum meneruskan perbualan. Tindakan ini dapat memperlihatkan kebijaksanaan berbahasa selain mengundang kemesraan dalam berkomunikasi. Seterusnya, barulah Fuad bertanya dengan menggunakan strategi pertanyaan bagi mendapatkan maklumat yang mencukupi dalam dialog : **Hari**

*ni kau ada dapat kad tak?* Farhana pula menggunakan strategi pernyataan dalam dialog : *Ada*, bagi memberikan maklumat yang ditanya Fuad. Kemudian Fuad menggunakan strategi pertanyaan sekali lagi dalam dialog : *Warna apa?*, tentang kad yang diberikan oleh Fuad dan Farhana memberikan warna kad tersebut dalam dialog : *Merah jambu*. Pernyataan maklumat yang mencukupi dan lengkap dapat memperlihatkan kerjasama dan semua pihak akan berpuas hati. Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2004) mengatakan bahawa apabila bercakap kita perlu memberikan maklumat yang cukup-cukup, dapat difahami, tidak lebih dan tidak kurang (p.7).

Selanjutnya, strategi pertanyaan juga digunakan oleh Fuad untuk mendapatkan persetujuan sama ada kad tersebut cantik atau tidak dalam dialog : *Cantik tak?* Farhana pula menggunakan strategi pernyataan bagi memberikan persetujuannya bahawa kad itu cantik dalam dialog : *Cantik*. Bagi mendapatkan maklumat yang mencukupi, Fuad menggunakan strategi pertanyaan dalam dialog : *Kau tahu siapa yang bagi?* Farhana menggunakan strategi pernyataan bagi memberikan maklumat yang diminta dalam dialog : *Tahu*, iaitu dia tahu orang yang memberikan kad. Apabila Fuad bertanya dalam dialog : *Siapa?* Farhana memberikan maklumat yang tepat bahawa Fuad yang memberikan kad tersebut dalam dialog : *Engkaulah*. Setelah mendengar maklumat daripada Farhana, Fuad memberikan persetujuan dalam dialog : *Ya ... Betul*. Seterusnya, Fuad menggunakan strategi pernyataan melalui ungkapan negatif dalam dialog : *murah saja empat ringgit setengah* bagi mengekspresikan kerendahan hatinya bahawa kad yang diberinya murah.

Akhirnya, dalam usaha mendapatkan persetujuan untuk mengetahui reaksi Farhana sama ada menyukai kad tersebut atau tidak, Fuad menggunakan strategi pertanyaan dalam dialog : *Kau suka tak?* Farhana pula menggunakan strategi pernyataan dengan

mengakui bahwa dia menyukai kad tersebut lebih-lebih lagi Fuad yang memberinya dengan menyelitkan strategi lawak dalam dialog : *Tentulah aku suka. Kau tahu sebab apa aku suka? Sebab, kau yang bagi!* Strategi sapaan, pertanyaan, pernyataan dan lawak digunakan dalam peristiwa ini agar bersesuaian dengan topik yang menjadi fokus perbualan dan konteks peristiwa. Penggunaan strategi-strategi ini dapat mencapai objektif komunikasi, iaitu Fuad hendak mengetahui reaksi Farhana terhadap kad yang diberinya sempena hari jadi Farhana. Penggunaan strategi pertanyaan yang amat signifikan dalam peristiwa ini telah membantu Fuad mencapai matlamatnya untuk mengetahui reaksi Farhana.

### 5.3.2.8 Pemetaan Struktur Peristiwa 16: Fuad mempelawa Farhana keluar berjalan

Pemetaan struktur peristiwa 16, iaitu Fuad mempelawa Farhana keluar berjalan terdapat dalam Jadual 5.23 yang berikut:

**Jadual 5.23:** Pemetaan Struktur Peristiwa 16

Peristiwa : 16	Strategi	Dialog	Maksim
Fuad mempelawa Farhana keluar berjalan	Sapaan	<b>Fu</b> : Ana ..	Kebijaksanaan
	Permintaan	<b>Fu</b> : ... duduk kejam	
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Aku tahulah kad aku tu murah.	Kerendahan Hati
	Pertanyaan dan lawak	<b>Fu</b> : Tak mahu ucap terima kasihkah?	Persetujuan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Okey, terima kasih.	
	Sapaan	<b>Fu</b> : Ana, err ...	Kebijaksanaan
	Cadangan	<b>Fu</b> : Aku ingat nak ajak kau jalan-jalan petang ni. Itu pun kalau kau nak.	
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Petang ni ... bolehlah. Setakat jalan-jalan apa salahnya.	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 16 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.23, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi sapaan. Fuad menggunakan kata nama peribadi untuk menyapa rakannya bagi

menggambarkan kebijaksanaan berbahasa dalam dialog : *Ana ...* . Kemudian, barulah Fuad menggunakan strategi permintaan dengan meminta Farhana duduk sebelum menyampaikan hajatnya dalam dialog : ... *duduk kejap*. Seterusnya, Fuad menggunakan strategi pernyataan untuk memberitahu bahawa kad yang diberinya murah bagi menggambarkan kerendahan hati dalam dialog : *Aku tahulah kad aku tu murah*. Pernyataan Fuad tersebut memperlihatkan keikhlasan hatinya dengan memberikan kad kepada Farhana.

Selepas itu barulah Fuad menggunakan strategi pertanyaan untuk mendapatkan persetujuan Farhana agar mengucapkan terima kasih kepadanya dengan penyelitan strategi lawak dalam dialog : *Tak mahu ucap terima kasihkah?* Farhana menyatakan persetujuannya dengan mengucapkan terima kasih atas pemberian kad tersebut dalam dialog : *Okey, terima kasih*. Strategi lawak dan pernyataan persetujuan Farhana dapat menyeimbangkan perasaan Fuad agar situasi perbualan tidak tegang. Kemudian Fuad menyapa Farhana sekali lagi dalam dialog : *Ana, err* sebelum menyatakan cadangannya. Akhirnya, barulah Fuad menyatakan cadangannya secara berhemah untuk membawa Farhana keluar bersiar-siar dalam dialog : *Aku ingat nak ajak kau jalan-jalan petang ni. Itu pun kalau kau nak*. Farhana memberikan persetujuan dengan menyatakan kesudiannya untuk keluar berjalan-jalan sebagaimana dalam dialog : *Petang ni ... bolehlah. Setakat jalan-jalan apa salahnya*. Pernyataan persetujuan ini memperlihatkan kepekaan dan kesepakatan dalam berkomunikasi agar kelancarannya terjamin dan tiada pihak yang berkecil hati atau mendapat malu.

Dalam konteks peristiwa ini, keperluan menjaga air muka diperlihatkan dengan jelas menerusi persetujuan Farhana atas cadangan Fuad supaya Fuad tidak berasa malu andai kata cadangannya ditolak. Perkara ini bersesuaian dengan dapatan Nor Azlina &

Raja Masittah (2011) yang mengkaji gaya pengurusan air muka dalam novel *Saga*, iaitu keperluan menjaga air muka menggambarkan nilai kesantunan Melayu yang merujuk kepada keperluan untuk dihormati, dihargai dan diterima (p.294). Strategi sapaan, permintaan, pernyataan, pertanyaan dan cadangan digunakan dalam peristiwa ini agar relevan dengan konteks peristiwa dan serasi dengan fokus yang menjadi topik perbualan. Penggunaan strategi-strategi ini juga dapat mencapai objektif komunikasi, iaitu Fuad berjaya menyampaikan hajatnya hendak membawa Farhana bersiar-siar.

### 5.3.2.9 Pemetaan Struktur Peristiwa 17: Perbualan semasa memesan makanan

Pemetaan struktur peristiwa 17, iaitu perbualan semasa memesan makanan terdapat dalam Jadual 5.24 yang berikut:

**Jadual 5.24:** Pemetaan Struktur Peristiwa 17

Peristiwa : 17	Strategi	Dialog	Maksim
Perbualan semasa memesan makanan	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Kau nak makan apa Ana?	Relevan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Ikut kaulah. Aku ikut saja, ...	
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Apa fasal kau pandang aku macam tu? Aku lupa pakai gincukah?	Sokongan
	Pujian	<b>Fu</b> : Taklah. Sebab kau cantik.	
	Penafian	<b>Fa</b> : Bohonglah.	Kerendahan Hati
	Cadangan dan awak	<b>Fu</b> : La ... Tak percaya? Kalau tak percaya, balik rumah nanti jangan lupa tengok cermin.	Kebijaksanaan

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 17 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.24, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi pertanyaan dalam dialog : ***Kau nak makan apa Ana?*** Tujuannya untuk mendapatkan maklumat yang relevan daripada Farhana, iaitu tentang makanan yang hendak dipesan. Farhana memberikan maklumat yang relevan dalam dialog : ***Ikut kaulah. Aku ikut saja, ...*** dengan menggunakan strategi pernyataan. Walaupun maklumat yang diberikan oleh Farhana secara tersirat, namun dapat difahami oleh Fuad sebagai



pendengar. Pertalian maklumat sangat penting untuk dipatuhi kerana dapat menghasilkan komunikasi yang bermakna. Yong Suet Ping (1997) mengatakan bahawa sesuatu perbualan mungkin nampak seperti tiada pertalian tetapi jika penutur berjaya menggambarkan implikatur yang dihasratkan, maka wujudlah pertalian (p.111) sebagaimana maklumat yang diberikan oleh Farhana untuk menjawab pertanyaan Fuad dalam konteks peristiwa ini.

Seterusnya, Fuad menggunakan strategi pujian dalam dialog : ***Taklah. Sebab kau cantik*** bagi memuji Farhana apabila Farhana bertanyakan sebab Fuad memandangnya dalam dialog : ***Apa fasal kau pandang aku macam tu? Aku lupa pakai gincukah?*** Seterusnya, Farhana menggunakan strategi penafian untuk menyangkal atau menolak pujian Fuad bagi mencerminkan kerendahan hatinya. Strategi ini sebagaimana yang dipaparkan dalam dialog : ***Bohonglah***. Nor Azian Abdul Aziz (2005) menyatakan bahawa seseorang yang menyangkal pujian yang diterima berbanding dengan mengeyakan sahaja dilihat sebagai ujaran yang tinggi budi bahasanya (p.86). Akhirnya, Fuad menggunakan strategi cadangan dan strategi lawak dengan memberikan cadangan kepada Farhana agar melihat dirinya di cermin jika tidak percaya akan pujian Fuad dalam dialog : ***La ... Tak percaya? Kalau tak percaya, balik rumah nanti jangan lupa tengok cermin***. Strategi pertanyaan, pernyataan, pujian, penafian, cadangan dan lawak digunakan dalam peristiwa ini berdasarkan kesesuaiannya dengan konteks peristiwa. Penggunaan strategi-strategi ini juga dapat mencapai objektif komunikasi, iaitu untuk mewujudkan suasana yang mesra ketika memesan makanan.

### 5.3.2.10 Pemetaan Struktur Peristiwa 18 : Farhana ingin mendapat kepastian Fuad

Pemetaan struktur peristiwa 18, iaitu Farhana ingin mendapatkan kepastian Fuad terdapat dalam Jadual 5.25 yang berikut:

**Jadual 5.25:** Pemetaan Struktur Peristiwa 18

Peristiwa: 18	Strategi	Dialog	Maksim
Farhana ingin mendapatkan kepastian daripada Fuad	Sapaan	<b>Fa</b> : Fuad ...	Kebijaksanaan
	Permintaan	<b>Fa</b> : Aku tanya kau sikit boleh?	
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Kenapa kau ajak aku keluar ni ?	Kuantiti
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Sebab hari ni hari jadi kau ...	
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Kenapa tak susah-susah cari tarikh hari jadi mereka macam kau cari aku punya, lepas tu beri kad dan ajak keluar?	Sokongan
	Pujian	<b>Fu</b> : Mungkin sebab kau istimewa. Aku sukakan kau.	
	Penafian	<b>Fa</b> : Tapi aku tak cantik, kan?	Kerendahan Hati
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Siapa kata?	Relevan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Maksud aku, Sofia dulu jauh lebih cantik.	
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Kau cemburu, Ana?	Kuantiti
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Cemburu tu tidaklah.	
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Tapi dia yang pertama, bukan?	Persetujuan
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Tapi dia adik aku.	
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Yalah...	
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Dia sudah tiada.	Kerendahan Hati
	Permintaan	<b>Fa</b> : Maaf Fuad, maaf. Aku betul-betul minta maaf.	
Pernyataan	<b>Fu</b> : Tak apa.	Sokongan	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 18 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.25, mukadimah perbualan dimulakan oleh Farhana dengan menggunakan strategi sapaan. Farhana menyapa Fuad melalui penggunaan kata nama peribadi dalam dialog : **Fuad ...** sebelum bertanya sesuatu kepada Fuad bagi memperlihatkan kebijaksanaan seseorang dalam berbahasa. Kemudian, barulah Farhana menggunakan strategi permintaan dengan tujuan meminta izin untuk bertanya dalam dialog : **Aku tanya kau sikit boleh?** Seterusnya, barulah Farhana menggunakan strategi pertanyaan sekali lagi untuk mendapatkan maklumat mencukupi tentang sebab Fuad membawanya keluar

dalam dialog : *Kenapa kau ajak aku keluar ni?* Setelah itu, Fuad menggunakan strategi pernyataan bagi memberikan maklumat yang secukupnya, iaitu kerana harijadi Farhana sebagaimana dalam dialog : *Sebab hari ni hari jadi kau ...* . Pernyataan maklumat yang lengkap atau cukup dalam konteks peristiwa ini memperlihatkan kerjasama padu antara penutur dan pendengar.

Seterusnya, Fuad menggunakan strategi pujian dengan memuji Farhana istimewa dan dia menyukainya dalam dialog : *Mungkin sebab kau istimewa. Aku sukakan kau.* Strategi pujian digunakan oleh Fuad apabila Farhana bertanya tentang sebab Fuad memberikan layanan yang berbeza kepadanya ketika hari jadi. Perkara ini terpapar dalam dialog : *Kenapa tak susah-susah cari tarikh hari jadi mereka macam kau cari aku punya, lepas tu beri kad dan ajak keluar?* Apabila mendengar pujian Fuad, Farhana menggunakan strategi penafian, iaitu menolak pujian bagi menggambarkan kerendahan hatinya dalam dialog : *Tapi aku tak cantik, kan?* Penafian yang dilakukan oleh Farhana ini dapat menghindar dirinya dilabel sebagai wanita yang tidak bersopan atau mengada-ngada. Tindakan Farhana menyangkal pujian daripada Fuad dalam peristiwa ini sebagaimana situasi yang sama berlaku dalam peristiwa 17 mencitrakan bahawa Farhana seorang wanita yang memiliki sopan santun dan budi pekerti yang tinggi selain memperlihatkan sikap berhati-hati. Wan Aminurrashid (2002) ada memperkatakan hal ini, iaitu kita mesti berhati-hati apabila memuji dan menerima pujian dan apabila dipuji, berwaspadalah dan jangan mudah lupa diri (p.24).

Selanjutnya, bagi mendapatkan maklumat yang relevan, Fuad menggunakan strategi pertanyaan tentang siapa yang menyatakan Farhana tidak cantik dalam dialog : *Siapa kata?* Farhana menggunakan strategi pernyataan bagi memberikan maklumat yang relevan walaupun secara tersirat dalam dialog : *Maksud aku, Sofia dulu jauh*

*lebih cantik*, iaitu dengan menyatakan Sofia lebih cantik. Pernyataan maklumat yang relevan ini dapat memenuhi kehendak pihak yang memerlukan maklumat berkenaan sekali gus komunikasi berjalan lancar.

Setelah mendengar jawapan Farhana, Fuad menggunakan strategi pertanyaan untuk mendapatkan maklumat yang mencukupi sama ada Farhana cemburu atau tidak. Strategi ini terpapar dalam dialog : *Kau cemburu, Ana?* Seterusnya, Farhana menggunakan strategi pernyataan dengan menyatakan dia tidak cemburu bagi menandakan ketepatan maklumat dalam dialog : *Cemburu itu tidaklah.* Kemudiannya, Farhana menggunakan strategi pertanyaan dalam dialog : *Tapi dia yang pertama, bukan?* Fuad menggunakan strategi pernyataan dengan menyatakan bahawa Sofia ialah adiknya dalam dialog : *Tapi dia adik aku.* Farhana pula menyatakan persetujuannya dalam dialog : *Yalah ...* . Seterusnya, Farhana menggunakan strategi permintaan dengan meminta maaf dalam dialog : *Maaf Fuad, maaf. Aku betul-betul minta maaf* sebagai tanda kerendahan hatinya. Farhana meminta maaf apabila Fuad menyatakan bahawa adiknya sudah meninggal dunia dalam dialog : *Dia sudah tiada.* Permintaan maaf ini dapat menggambarkan kekesalan Farhana atas kesalahannya dan menyeimbangkan perasaan Fuad yang mungkin tidak mahu isu tentang adiknya disebut. Maslida Yusof, Marlyna Maros & Mohammad Fadzeli Jaafar (2009) mengatakan bahawa maksud atau niat yang terkandung dalam kata maaf dianggap menyampaikan maksud yang sama, iaitu permohonan secara eksplisit agar sesuatu kesalahan yang dilakukan dianggap selesai. Dalam konteks peristiwa ini, Fuad menunjukkan kemuliaan hatinya apabila tidak memperbesar hal tersebut malahan memberikan sokongan kepada Farhana agar tidak berasa bersalah.

Akhirnya, Fuad menggunakan strategi pernyataan dalam dialog : *Tak mengapa*, sebagai tanda meminimumkan cacian dan sebagai tanda sokongan kepada Farhana apabila mendengar ujaran maaf daripada Farhana. Tindakan ini dapat menghindari konflik. Zawiyah Mohammad Yusof (2009) mengatakan bahawa konflik adalah sesuatu yang boleh memutuskan hubungan antara dua manusia dan menghalang kerjasama (p.83). Oleh itu, konflik harus dihindari dalam berkomunikasi. Strategi sapaan, pertanyaan, pernyataan, pujian, penafian dan permintaan digunakan dalam peristiwa ini agar bersesuaian dengan konteks, topik perbincangan dan hasrat mewujudkan situasi bebas konflik. Penggunaan strategi-strategi ini juga dapat mencapai objektif komunikasi. Farhana telah berjaya mendapat maklumat tentang sebab Fuad memberikan kad dan membawanya keluar walaupun wujud konflik yang berakhir dengan penyelesaian antara mereka.

### 5.3.2.11 Pemetaan Struktur Peristiwa 19: Bergurau pasal makanan

Pemetaan struktur peristiwa 19, iaitu bergurau pasal makanan terdapat dalam Jadual 5.26 yang berikut:

**Jadual 5.26:** Pemetaan Struktur Peristiwa 19

Peristiwa : 19	Strategi	Dialog	Maksim
Bergurau tentang makanan	Lawak	<b>Fu</b> : Aku lima kau lima belas. Kau makan banyak.	Kebijaksanaan
	Pernyataan dan lawak	<b>Fa</b> : Ah, tak betul! Aku satu kau sembilan belas. Aku kecil. Kau besar. Logiknya tentulah perut aku kecil, perut kau besar.	Relevan
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Boleh tahan engkau, ya?	
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Kau cemburu?	
	Permintaan	<b>Fu</b> : Okey ... Okey, maaf.	Kerendahan Hati

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa sebagaimana paparan dalam Jadual 5.26, mukadimah perbualan dimulakan Fuad dengan menggunakan strategi lawak dalam dialog : *Aku lima kau lima belas. Kau makan banyak*. Penggunaan strategi ini

menggambarkan kemesraan atas faktor keakraban mereka dengan tujuan untuk mengusik Farhana. Farhana pula menggunakan strategi lawak dan strategi pernyataan untuk memberikan maklumat yang relevan dengan gurauan Fuad apabila menyatakan Fuad makan lebih banyak sebab badannya lebih besar sebagaimana dalam dialog : **Ah, tak betul! Aku satu kau sembilan belas. Aku kecil. Kau besar. Logiknya tentulah perut aku kecil, perut kau besar.** Apabila mendengar gurauan Farhana, Fuad memberikan respons yang relevan dengan menggunakan strategi pertanyaan, iaitu untuk menyatakan Farhana sangat galak kalau bergurau dalam dialog : **Boleh tahan engkau, ya?**

Selepas itu, Farhana pun menggunakan strategi pertanyaan bagi memberikan respons yang relevan kepada Fuad dengan bertanya sama ada Fuad cemburu melihat dia galak bergurau sebagaimana dalam dialog : **Kau cemburu?** Akhirnya, Fuad mengakhiri gurauan dengan meminta maaf dalam dialog : **Okey ... Okey, maaf** kepada Farhana agar gurauan itu tidak berpanjangan. Permintaan maaf dapat mengembalikan suasana santai dalam berkomunikasi agar gurauan tidak berpanjangan. Strategi sapaan, pernyataan, lawak, pertanyaan dan permintaan digunakan dalam peristiwa ini agar bersesuaian dengan topik dan konteks peristiwa. Penggunaan strategi-strategi tersebut dapat mencerminkan kesopanan berbahasa selain mencapai objektif komunikasi, iaitu mewujudkan suasana yang mesra.

#### **5.3.2.12 Pemetaan Struktur Peristiwa 20: Perbualan tentang Fuad hendak ke rumah Cikgu Zamani**

Pemetaan struktur peristiwa 20, iaitu perbualan tentang Fuad hendak ke rumah Cikgu Zamani terdapat dalam Jadual 5.27 yang berikut:

**Jadual 5.27:** Pemetaan Struktur Peristiwa 20

Peristiwa : 20	Strategi	Dialog	Maksim
Fuad hendak ke rumah Cikgu Zamani	Sapaan	<b>Fu</b> : Err Ana, ..	Kebijaksanaan
	Pernyataan	<b>Fu</b> : malam ni aku nak ke rumah Cikgu Zamani, tau.	
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Buat apa pula?	Relevan
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Entah, dia ajak ke rumah selepas isyak.	
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Kali ini aku pergilah.	Persetujuan
	Suruhan	<b>Fa</b> : Pergilah.	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 20 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.27, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi sapaan melalui penggunaan kata nama peribadi dalam dialog : *Err Ana, ...* untuk menyapa Farhana sebelum memberitahu sesuatu bagi menggambarkan cara berhemah. Kemudian barulah Fuad memberitahu dengan menggunakan strategi pernyataan bahawa dia hendak ke rumah Cikgu Zamani dalam dialog : *malam ni aku nak ke rumah Cikgu Zamani, tau*. Seterusnya, Farhana menggunakan strategi pertanyaan untuk bertanya tentang tujuan Fuad ke rumah Cikgu Zamani dalam dialog : *Buat apa pula?* bagi mendapatkan maklumat yang relevan. Fuad pula menggunakan strategi pernyataan untuk memberikan maklumat yang relevan dalam dialog : *Entah, dia ajak ke rumah selepas isyak*. Maklumat yang diberikan oleh Fuad walaupun secara tersirat masih memperlihatkan pertalian dengan pertanyaan Farhana.

Akhirnya, Fuad menggunakan strategi pernyataan bahawa dia akan pergi kali ini seolah-olah untuk mendapatkan persetujuan daripada Farhana dalam dialog : *Kali ini aku pergilah*. Farhana pula menggunakan strategi suruhan bagi memperlihatkan persetujuannya dalam dialog : *Pergilah*. Penggunaan strategi ini dapat melancarkan komunikasi apabila wujudnya kesepakatan antara peserta perbualan sebagaimana gagasan Maksim Persetujuan dalam PS Leech (1983). Strategi sapaan, pernyataan, pertanyaan dan suruhan digunakan dalam peristiwa ini agar sesuai dengan konteks

peristiwa. Penggunaan strategi-strategi ini dapat mencapai objektif komunikasi, iaitu Fuad berjaya memberitahu Farhana dan tujuannya ke rumah Cikgu Zamani.

### 5.3.2.13 Pemetaan Struktur Peristiwa 21: Fuad hendak membawa Farhana ke rumah selepas makan

Pemetaan struktur peristiwa 21, iaitu Fuad hendak membawa Farhana ke rumah selepas makan terdapat dalam Jadual 5.28 yang berikut:

**Jadual 5.28:** Pemetaan Struktur Peristiwa 21

Peristiwa: 21	Strategi	Dialog	Maksim
Fuad hendak membawa Farhana ke rumah selepas makan	Cadangan	<b>Fu</b> : Selepas ni ikut aku balik rumah sekejap boleh tak?	Kebijaksanaan
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Mandi, makan-makan dulu. Selepas isyak nanti aku hantar kau, langsung ke rumah Cikgu Zamani. Nak tak?	
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Boleh.	Persetujuan
	Lawak	<b>Fa</b> : Buatnya mak ayah kau nak buat menantu selepas tengok muka aku, macam mana? Masalah besar tu, Fuad. Seram aku.	
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Apa, aku ni bukan orangkah?	
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Orang tu memanglah orang. Tapi, kau tu besar, aku kecil.	
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Eh, tadi kau cakap pantang makan aiskrim?	Relevan
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Habis, dah aiskrim ni cair, siapa nak makan?	
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Okeylah, okeylah. Kau menang.	Persetujuan
	Cadangan	<b>Fu</b> : Kalau ada orang tanya, cakap kau dah bertunang.	Kebijaksanaan
	Lawak	<b>Fa</b> : Alah, cakap dah bertunang buat apa. Baik aku cakap dah kahwin.	Persetujuan

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 21 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.28, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi cadangan, iaitu mencadangkan Farhana mengikutnya balik ke rumah dalam dialog : *Selepas ni ikut aku balik rumah sekejap boleh tak?* Kemudian, Farhana memberikan persetujuan dalam dialog *Boleh* sambil berlawak dengan Fuad sebagaimana dalam dialog : *Buatnya mak ayah kau nak buat menantu selepas tengok muka aku, macam*



*mana? Masalah besar tu, Fuad. Seram aku.* Strategi lawak ini dapat mewujudkan situasi yang santai dan mesra selain memperlihatkan keakraban antara Fuad dan Farhana.

Seterusnya, Fuad menggunakan strategi pertanyaan dalam dialog : *Apa, aku ni bukan orangkah?* bagi mendapatkan persetujuan Farhana apabila Farhana bergurau dengan mengatakan dia seram. Lantas Farhana memberikan persetujuan bahawa Fuad memang orang tetapi Fuad berbadan besar sebagaimana dalam dialog : *Orang tu memanglah orang. Tapi, kau tu besar, aku kecil* dengan tujuan untuk berlawak. Setelah itu, Fuad menggunakan strategi pertanyaan bagi mendapatkan maklumat yang relevan dalam dialog : *Eh, tadi kau cakap pantang makan aiskrim?* Seterusnya, Farhana memberikan maklumat yang relevan dengan menggunakan strategi pertanyaan sebagaimana dalam dialog : *Habis, dah aiskrim ni cair, siapa nak makan?* Strategi ini digunakan untuk menyampaikan maklumat secara tersirat dalam peristiwa ini. Kemudian, Fuad menyatakan persetujuannya sambil berlawak dengan menyatakan Farhana menang dalam dialog : *Okeylah, okeylah. Kau menang.*

Akhirnya, Fuad menggunakan strategi cadangan sambil berlawak dengan memberikan cadangan kepada Farhana bahawa Farhana sudah bertunang kalau ada orang bertanya dalam dialog : *Kalau ada orang tanya, cakap kau dah bertunang.* Farhana juga menggunakan strategi lawak dalam memberikan persetujuannya secara tidak langsung dalam dialog : *Alah, cakap dah bertunang buat apa. Baik aku cakap dah kahwin.* Strategi lawak agak signifikan dalam peristiwa ini apabila penutur bergurau tentang perkara yang agak bersifat peribadi. Perkara ini bertepatan dengan pendapat Samsudin A. Rahim (2003) bahawa apabila hubungan bersifat peribadi, wujud kemungkinan penutur sanggup mencitrakan hal-hal peribadi (p.77) sebagaimana situasi yang berlaku dalam komunikasi Fuad dan Farhana. Strategi

cadangan, pertanyaan, pernyataan dan lawak digunakan dalam peristiwa ini agar bersesuaian dengan topik yang menjadi fokus perbualan. Strategi-strategi ini turut membantu dalam mencapai objektif komunikasi, iaitu menyampaikan hajat untuk membawa Farhana ke rumah.

#### 5.3.2.14 Pemetaan Struktur Peristiwa 26 : Perbualan Fuad dan Farhana tentang adik-adik Farhana di rumah

Pemetaan struktur peristiwa 26, iaitu perbualan Fuad dan Farhana tentang adik-adik Farhana terdapat dalam Jadual 5.29 yang berikut:

**Jadual 5.29:** Pemetaan Struktur Peristiwa 26

Peristiwa: 26	Strategi	Dialog	Maksim
Perbualan Fuad dan Farhana tentang adik-adik Farhana di rumah	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Eh, adik-adik kau di rumah siapa jaga?	Kuantiti
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Tak ada siapa. Mereka dah besar, pandai bawa diri.	
	Cadangan	<b>Fa</b> : Cuma, kalau kau lapang, bolehlah kau jenguk mereka di rumah sekejap. Nak tidur di rumah pun tak apa.	Kebijaksanaan
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Okey, nanti selepas maghrib aku pergi.	Persetujuan
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Ana, aku ingat nak tidur di sini saja, temankan engkau. Boleh tak?	
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Kalau sudi tidur di kaki lima, apa salahnya.	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 26 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.29, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi pertanyaan, iaitu bertanya tentang adik-adik Farhana dalam dialog : ***Eh, adik-adik kau di rumah siapa jaga?*** Kemudian, Farhana memberikan maklumat yang mencukupi dan informatif dengan menggunakan strategi pernyataan tentang situasi adik-adiknya yang tiada dijagai sesiapa dan pandai berdikari. Paparannya terdapat dalam dialog : ***Tak ada siapa. Mereka dah besar, pandai bawa diri.*** Pemberian maklumat yang mencukupi daripada Farhana menandakan kerjasamanya bagi memberikan respons terhadap pertanyaan Fuad. Kewujudan kerjasama dapat melancarkan komunikasi dan

komunikasi akan berkembang apabila tiada pihak tersinggung. Seterusnya, Farhana memberikan cadangan kepada Fuad agar menjenguk adik-adiknya jika berkelapangan. Strategi cadangan ini digunakan sebagai tanda berhemah dalam berkomunikasi agar memberikan pilihan kepada Fuad sebagaimana dalam dialog : *Cuma, kalau kau lapang, bolehlah kau jenguk mereka di rumah sekejap. Nak tidur di rumah pun tak apa.* Apabila mendengar cadangan daripada Farhana, Fuad menggunakan strategi pernyataan bagi menyatakan persetujuannya dalam dialog : *Okey, nanti selepas maghrib aku pergi.* Cadangan yang diberikan oleh Farhana telah dipersetujui oleh Fuad dan ini menandakan sikap berhemah yang ditunjukkan Fuad agar dapat mengelakkan pihak lawan tutur tersinggung.

Seterusnya, Fuad bertanya kepada Farhana untuk mendapatkan persetujuan tentang Fuad hendak menemani Farhana di hospital dalam dialog : *Ana, aku ingat nak tidur di sini saja, temankan engkau. Boleh tak?* Akhirnya, Farhana memberikan persetujuannya dengan menggunakan strategi pernyataan, iaitu asalkan Fuad sudi tidur di kaki lima wad dalam dialog : *Kalau sudi tidur di kaki lima, apa salahnya.* Penggunaan strategi pertanyaan, pernyataan dan cadangan dalam peristiwa ini dapat memperjelas maklumat yang diminta agar tidak wujud salah faham antara kedua-dua peserta. Strategi-strategi ini turut digunakan berdasarkan keperluan mewujudkan situasi komunikasi bebas konflik yang bertepatan dengan objektif komunikasi, iaitu mengetahui keadaan adik-adik Farhana.

#### **5.3.2.15 Pemetaan Struktur Peristiwa 27 : Fuad mengejutkan Farhana dari tidur**

Pemetaan struktur peristiwa 27, iaitu Fuad mengejutkan Farhana dari tidur terdapat dalam Jadual 5.30 yang berikut:

**Jadual 5.30:** Pemetaan Struktur Peristiwa 27

Peristiwa: 27	Strategi	Dialog	Maksim
Fuad mengejutkan Farhana dari tidur	Sapaan	<b>Fa</b> : Fuad.	Kebijaksanaan
	Suruhan	<b>Fu</b> : Tidurlah.	Kedermawanan
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Biar aku pula yang jaga.	
	Suruhan	<b>Fu</b> : Bangunlah Ana. Pergilah basuh muka.	Kebijaksanaan
	Cadangan	<b>Fu</b> : Kau boleh pesan pada misi supaya jenguk-jengukkan mak.	
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Apa halnya ni, Fuad?	Relevan
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Ada hal penting.	Kebijaksanaan
	Ajakan	<b>Fu</b> : Apa halnya, mari kita bincang di bawah.	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 27 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.30, mukadimah perbualan dimulakan oleh Farhana dengan menyapa Fuad apabila terjaga daripada tidur dalam dialog : *Fuad* dan Fuad menyuruh Farhana tidur semula dalam dialog : *Tidurlah*. Kemudiannya, Fuad menyatakan bahawa dia yang akan menjaga ibu Farhana sebagai tanda dermawannya sebagaimana dalam dialog : *Biar aku pula yang jaga* walaupun memaksimumkan kos dirinya pada masa itu. Seterusnya, Fuad menggunakan strategi suruhan dalam dialog : *Bangunlah Ana. Pergilah basuh muka* dengan menyuruh Farhana bangun dan membasuh muka. Fuad juga memberikan cadangan kepada Farhana agar meminta pertolongan daripada jururawat untuk melihat-lihat keadaan ibunya sebagaimana dalam dialog : *Kau boleh pesan pada misi supaya jenguk-jengukkan mak*. Cadangan tersebut sebagai tanda berhemah dalam berkomunikasi agar tidak membebankan perasaan Farhana yang bingung pada ketika itu. Pemberian cadangan daripada Fuad ini dapat meringankan beban dan menjaga perasaan Farhana.

Selanjutnya, bagi mendapatkan maklumat yang relevan, Farhana menggunakan strategi pertanyaan dalam dialog : *Apa halnya ni, Fuad?* Fuad memberikan maklumat yang relevan bahawa ada hal penting walaupun tidak menyatakan hal tersebut sebagaimana dalam dialog : *Ada hal penting*. Pemberian maklumat yang

relevan dengan pertanyaan dapat menjamin kelancaran komunikasi. Akhirnya, Fuad mengajak Farhana berbincang dalam dialog : *Apa halnya, mari kita bincang di bawah.* Strategi sapaan, suruhan, pernyataan, pertanyaan, cadangan dan ajakan digunakan agar sesuai dengan konteks peristiwa ini dan topik perbualan. Strategi-strategi ini membolehkan objektif komunikasi, iaitu untuk berbincang tentang hal yang mustahak tercapai.

### 5.3.2.16 Pemetaan Struktur Peristiwa 29: Fuad mencungkil latar belakang ibu Farhana

Pemetaan struktur peristiwa 29, iaitu Fuad mencungkil latar belakang ibu Farhana terdapat dalam Jadual 5.31 yang berikut:

**Jadual 5.31** : Pemetaan Struktur Peristiwa 29

Peristiwa: 29	Strategi	Dialog	Maksim
Fuad mencungkil latar belakang ibu Farhana	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Pernah tak kau tinggal di Kuala Lipis?	Kuantiti
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Setakat yang aku tahu, tak pernah	
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Kau pernah tak cerita fasal aku kepada mak?	Persetujuan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Ada tak ada, cuma hari tu sajalah.	
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Jadi, mak tahu aku orang Raub?	Relevan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Rasa aku, ya. Tapi tak pasti pula dia ingat atau tidak.	
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Kau tak tanya apa isi kotak tu?	Kebijaksanaan
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Mak kata cincin. Cincin yang ayah bagi.	
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Pernah tak kau tengok cincin tu? (Farhana menggeleng)	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 29 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.31, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi pertanyaan dalam dialog : *Pernah tak kau tinggal di Kuala Lipis?*, sebagai tanda untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan mencukupi daripada Farhana. Kemudian, Farhana menyatakan maklumat yang mencukupi dalam dialog : *Setakat yang aku tahu, tak pernah.* Fuad bertanya lagi kepada Farhana bagi mendapatkan maklumat yang tepat sebagaimana dalam dialog : *Kau pernah tak cerita fasal aku*

*kepada mak?* Seterusnya, Farhana menyatakan maklumat yang dapat memenuhi pertanyaan Fuad dalam dialog : *Ada tak ada, cuma hari tu sajalah.* Fuad menggunakan strategi pertanyaan berulang kali bagi mendapatkan maklumat yang mencukupi dan tepat. Pengulangan strategi pertanyaan menginterpretasikan penegasan dan kepentingan sesuatu maklumat yang hendak diperoleh daripada lawan tutur.

Seterusnya, Fuad menggunakan strategi pertanyaan bagi mendapatkan persetujuan sama ada ibu Farhana mengetahui dirinya orang Raub dalam dialog : *Jadi, mak tahu aku orang Raub?* Farhana pula menggunakan strategi pernyataan dalam dialog : *Rasa aku, ya. Tapi tak pasti pula dia ingat atau tidak* bagi memberikan persetujuan tentang hal tersebut. Kemudian, Fuad menggunakan strategi pertanyaan bagi mendapatkan maklumat yang relevan tentang isi kandungan kotak dalam dialog : *Kau tak tanya apa isi kotak tu?* Oleh itu, Farhana pula menggunakan strategi pernyataan bagi memberikan maklumat yang relevan dalam dialog : *Mak kata cincin. Cincin yang ayah bagi.* Akhirnya, Fuad menggunakan strategi pertanyaan sekali lagi dalam dialog : *Pernah tak kau tengok cincin tu?* Penggunaan strategi pertanyaan menandakan usahanya menyiasat dengan cara yang berhemah tentang hal tersebut walaupun hanya dijawab dengan gelengan oleh Farhana. Strategi pertanyaan dan pernyataan digunakan dengan signifikan dalam peristiwa ini agar bertepatan dengan konteks peristiwa dan perkara yang menjadi fokus perbualan. Penggunaan strategi-strategi ini membantu mencapai objektif komunikasi, iaitu mendapatkan maklumat tentang ibu Farhana.

#### **5.3.2.17 Pemetaan Struktur Peristiwa 33: Fuad berpesan kepada Farhana sebelum ke Mekah**

Pemetaan struktur peristiwa 33, iaitu Fuad berpesan kepada Farhana sebelum ke Mekah terdapat dalam Jadual 5.32 yang berikut:

**Jadual 5.32:** Pemetaan Struktur Peristiwa 33

Peristiwa: 33	Strategi	Dialog	Maksim
Fuad berpesan kepada Farhana sebelum ke Mekah	Sapaan	<b>Fu</b> : Ana.	Kebijaksanaan
	Permintaan	<b>Fu</b> : Kalau rajin, tolong-tolonglah masukkan kain baju ab ... Aku ke dalam beg, taklah kelam-kabut sangat bila balik nanti.	
	Lawak	<b>Fa</b> : Nanti kau balik, beg engkau dah siap tiga buah depan pagar.	Persetujuan

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 33 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.32, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi sapaan, iaitu menyapa Farhana dengan menggunakan kata nama peribadi dalam dialog : **Ana** sebagai tanda berhemah dalam berkomunikasi. Kemudian, barulah Fuad meminta bantuan daripada Farhana untuk mengemas beg pakaiannya sebagaimana yang dipaparkan dalam dialog : **Kalau rajin, tolong-tolonglah masukkan kain baju ab ... Aku ke dalam beg, taklah kelam-kabut sangat bila balik nanti**. Akhirnya, Farhana memberikan persetujuannya secara tidak langsung bahawa apabila balik nanti semua beg Fuad sudah di pintu pagar rumah dengan menggunakan strategi lawak. Strategi ini terdapat dalam dialog : **Nanti kau balik, beg engkau dah siap tiga buah depan pagar**. Strategi lawak ini menandakan kemesraan yang telah terjalin antara mereka adik-beradik. Strategi sapaan, permintaan dan lawak digunakan dalam peristiwa ini agar bersesuaian dengan konteks peristiwa. Penggunaan strategi-strategi ini juga mampu mencapai objektif komunikasi, iaitu meminta bantuan daripada Farhana.

#### 5.3.2.1.1 Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 2, 5 PS + 3 PK

Hasil pemetaan struktur peristiwa – peristiwa Pola 2, 5 PS + 3 PK terdapat dalam Jadual 5. 33 berikut:

**Jadual 5.33:** Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 2, 5 PS + 3 PK

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Hasil Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 2
1	4	Persetujuan+Kebijaksanaan
2	8	Kebijaksanaan+Kedermawanan+Persetujuan+Kualiti+Persetujuan+Kedermawanan
3	9	Kebijaksanaan+Persetujuan+Kedermawanan+Kebijaksanaan+Persetujuan
4	10	Kebijaksanaan+Kuantiti+Persetujuan+Relevan+Kerendahan Hati
5	12	Kedermawanan+Kuantiti+Kebijaksanaan+Sokongan+Persetujuan+Kuantiti
6	14	Kebijaksanaan+Persetujuan+Relevan+Persetujuan+Kebijaksanaan
7	15	Kebijaksanaan+Kuantiti+Persetujuan+Kuantiti+Persetujuan+Kerendahan Hati+Persetujuan
8	16	Kebijaksanaan+Kerendahan Hati +Persetujuan+Kebijaksanaan+Persetujuan
9	17	Relevan+Sokongan+Kerendahan Hati+Kebijaksanaan
10	18	Kebijaksanaan+Kuantiti+Sokongan+Kerendahan Hati +Relevan+Kuantiti+Persetujuan+Kerendahan Hati+Sokongan
11	19	Kebijaksanaan+Relevan+Kerendahan Hati
12	20	Kebijaksanaan+Relevan+Persetujuan
13	21	Kebijaksanaan+Persetujuan+Relevan+Persetujuan+Kebijaksanaan+Persetujuan
14	26	Kuantiti+Kebijaksanaan+Persetujuan
15	27	Kebijaksanaan+Kedermawanan+Kebijaksanaan+Relevan+Kebijaksanaan
16	29	Kuantiti+Persetujuan+Relevan+Kebijaksanaan
17	33	Kebijaksanaan+Persetujuan

Jadual 5.33 menunjukkan hasil pemetaan struktur berdasarkan 17 peristiwa yang tercakup dalam Pola 2, 5 PS + 3 PK. Pemetaan ini memperlihatkan struktur peristiwa yang bervariasi dan berbeza walaupun tercakup dalam pola yang sama. Hasil pemetaan struktur peristiwa dalam Pola 2 tidak memperlihatkan sama ada persamaan atau pengulangan struktur antara 17 peristiwa bahasa tersebut. Perkara ini berlaku bertitik tolak daripada faktor penggunaan strategi-strategi bahasa yang berbeza-beza bagi mengekspresikan maksim-maksim tertentu. Setiap peristiwa mempunyai konteks, latar, topik, dan keperluan mewujudkan komunikasi bebas konflik dan topik bagi mencapai objektif komunikasi. Impaknya, hasil pemetaan struktur peristiwa bahasa didapati bervariasi.

Hasil pemetaan struktur peristiwa turut memperlihatkan pengulangan penggunaan maksim-maksim tertentu dalam peristiwa bahasa yang dianalisis. **Peristiwa 9, 14, 16, 21 dan 27** memperlihatkan pengulangan penggunaan Maksim Kebijaksanaan, malahan



lebih daripada dua kali khususnya dalam peristiwa 27. Situasi ini memanifestasikan kepentingan bersikap bijaksana dalam berkomunikasi berdasarkan cara yang berhemah untuk berurusan dan mendekati orang lain. Penutur dan pendengar mempamerkan kearifan dan kejernihan fikiran dalam berkomunikasi sehingga menerbitkan sikap berhati-hati dalam mengeluarkan patah-patah kata. Oleh itu, tidak ada pihak yang tersinggung sebaliknya memberikan manfaat kepada semua pihak.

Seterusnya, hasil pemetaan juga memperlihatkan pengulangan penggunaan Maksim Persetujuan dalam **peristiwa 8, 9, 14, 15, 16, dan 21**. Perkara ini mencerminkan kesepakatan dalam berkomunikasi amat signifikan agar komunikasi berjalan lancar dan pergeseran atau perselisihan faham akan terhindar. Sementara **peristiwa 12, 15 dan 18** memperlihatkan pengulangan penggunaan Maksim Kuantiti. Situasi ini memberikan gambaran bahawa kecukupan dan ketepatan maklumat dalam berkomunikasi amat dititikberatkan agar dapat menzahirkan kerjasama. **Peristiwa 18** juga memperlihatkan pengulangan penggunaan Maksim Sokongan dan Kerendahan Hati. Pengulangan penggunaan Maksim Sokongan menandakan kepentingan memberikan penghargaan berdasarkan strategi pujian agar orang yang mendengar berasa dihargai dan dihormati. Sementara pengulangan penggunaan Maksim Kerendahan Hati pula menggambarkan kekesalan dan menandakan permohonan maaf amat perlu diberi penekanan sewajarnya bagi mengelakkan sesuatu pihak tersinggung atau tergores. **Peristiwa 8** pula memperlihatkan pengulangan penggunaan Maksim Kedermawanan yang mencerminkan kepentingan sikap dermawan bagi mencitrakan amalan yang mulia.

Ringkasnya, pemetaan struktur peristiwa memperlihatkan variasi atas faktor pengulangan maksim-maksim tertentu yang dimanifestasikan oleh strategi-strategi bahasa, iaitu kata, ungkapan dan ayat dalam struktur peristiwa bahasa yang

berlangsung. Perkara ini berlaku bertitik tolak daripada penggunaannya yang signifikan dalam konteks setiap peristiwa dan relevan dengan keperluan mewujudkan komunikasi bebas konflik. Penggunaannya juga turut sesuai dengan topik dan latar peristiwa yang sekali gus bertepatan dengan objektif komunikasi.

### 5.3.3 Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 3 : Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Kuantiti + Kualiti (4 PS + 2 PK)

Peristiwa bahasa yang tercakup dalam Pola 3, 4 PS + 2 PK berdasarkan MPKMU terdapat dalam Jadual 5.34 berikut:

**Jadual 5.34:** Satu Peristiwa - Pola 3, 4 PS + 2 PK

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Peristiwa Pola 3, 4 PS + 2 PK	Dialog
1	5	Perbincangan tentang persediaan memulakan tugas	4
<b>Jumlah</b>			<b>4</b>

Berdasarkan Jadual 5.34, terdapat satu peristiwa yang mengandungi empat dialog bagi mewakili Pola 3, 4 PS + 2 PK. Pemetaan struktur bagi peristiwa dalam Pola 3 adalah seperti berikut:

#### 5.3.3.1 Pemetaan Struktur Peristiwa 5: Perbincangan tentang persediaan memulakan tugas

Pemetaan struktur peristiwa 5, iaitu perbincangan tentang persediaan memulakan tugas terdapat dalam Jadual 5.35 yang berikut:

**Jadual 5.35:** Pemetaan Struktur Peristiwa 5

Peristiwa : 5	Strategi	Dialog	Maksim
Perbincangan tentang persediaan memulakan tugas	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Kalau ada buku yang saya nak pakai, di mana agaknya boleh saya dapatkan buku- buku itu?	Kebijaksanaan
	Suruhan	<b>Fa</b> : Cari di meja saya. Nak apa-apa, cari sajalah.	

Jadual 5.35, sambungan

Peristiwa : 5	Strategi	Dialog	Maksim
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Fuad nampak tak meja yang berpembalut merah dan yang paling semak tu?	Kerendahan Hati
	Pertanyaan	<b>Fu</b> : Apalagi ya?	Kebijaksanaan
	Permintaan	<b>Fu</b> : Buat masa ni tak ada. Esok lusa mungkin banyak lagi.	
	Nasihat	<b>Fa</b> : Tak apa. Perlahan-lahanlah.	
	Pujian	<b>Fa</b> : Saya yakin dengan kemampuan Fuad dan sebenarnya ... Panitia Bahasa Inggeris sangat mengharapkan idea baharu daripada Fuad.	Sokongan

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 5 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.35, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi pertanyaan dalam dialog : *Kalau ada buku yang saya nak pakai, di mana agaknya boleh saya dapatkan buku-buku itu?* Strategi ini digunakan sebagai tanda berhemah bagi memulakan perbualan. Kemudian Farhana menyuruh Fuad mencari buku atau apa-apa yang diperlukannya di atas mejanya secara berhemah dalam dialog : *Cari di meja saya. Nak apa-apa, cari sajalah.* Pada masa yang sama, Farhana dengan rendah diri mengakui bahawa mejanya paling semak dengan menggunakan strategi pertanyaan sebagaimana dalam dialog : *Fuad nampak tak meja yang berpembalut merah dan yang paling semak tu?*

Seterusnya, Fuad bertanya sendiri dalam dialog : *Apalagi ya?*, tentang apa-apa yang diperlukannya. Kemudian, Fuad menyatakan setakat itu sahaja pada masa tersebut dan akan bertanya lagi pada masa akan datang sebagaimana dalam dialog : *Buat masa ni tak ada. Esok lusa mungkin banyak lagi.* Selanjutnya, Farhana menggunakan strategi nasihat dalam dialog : *Tak apa. Perlahan-lahanlah* untuk menasihati Fuad agar menyesuaikan diri secara perlahan-lahan dan bersabar. Strategi nasihat ini menandakan kehemahan dan ketenangan Farhana dalam berbicara agar

Fuad berasa dirinya dihargai sekali gus memudahkannya memahami maklumat yang diterima. Muhammad Khair Fatimah (1996) dalam membicarakan adab dan sopan santun ada mengatakan bahawa becakaplah dengan tenang serta jelas supaya dapat difahami maksud dan tujuannya oleh orang yang mendengar (p.102). Akhirnya, Farhana menggunakan strategi pujian dalam dialog : *Saya yakin dengan kemampuan Fuad dan sebenarnya ... Panitia Bahasa Inggeris sangat mengharapkan idea baharu daripada Fuad.* Pujian ini bertujuan memberikan semangat Fuad yang baru hendak memulakan tugas. Strategi pertanyaan, suruhan, pernyataan, nasihat dan pujian digunakan dalam peristiwa ini agar bersesuaian dengan konteks peristiwa dan topik perbualan. Strategi-strategi ini turut membantu mencapai objektif komunikasi, iaitu memudahkan persediaan Fuad untuk mengajar.

#### 5.3.3.1.1 Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 3, 4 PS + 2 PK

Hasil pemetaan struktur peristiwa Pola 3, 4 PS + 2 PK terdapat dalam Jadual 5. 36 berikut:

**Jadual 5.36:** Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 3, 4 PS + 2 PK

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Hasil Pemetaan struktur peristiwa Pola 3
1	5	Kebijaksanaan+Kerendahan Hati +Kebijaksanaan+Sokongan

Jadual 5.36 menunjukkan hasil pemetaan struktur berdasarkan satu peristiwa yang tercakup dalam Pola 3, 4 PS + 2 PK. Pemetaan ini tidak memperlihatkan variasi atas faktor Pola 3 ini hanya dipatuhi oleh satu peristiwa. Walau bagaimanapun, berlakunya pengulangan penggunaan maksim, iaitu Maksim Kebijakan. Situasi ini berlaku bertitik tolak daripada penggunaannya yang signifikan dan perlu diekspresi dalam perbualan agar dapat mencerminkan kearifan dan kejernihan fikiran dalam berkomunikasi.

### 5.3.4 Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 4 : Pola Kombinasi Maksim Kebijakan + Kedermawanan + Sokongan + Kuantiti (3 PS + 1 PK)

Peristiwa bahasa yang tercakup dalam Pola 4, 3 PS + 1 PK berdasarkan MPKMU terdapat dalam Jadual 5.37 berikut:

**Jadual 5.37:** Satu Peristiwa - Pola 4, 3 PS + 1 PK

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Peristiwa Pola 4, 3 PS + 1 PK	Dialog
1	24	Persitiwa Farhana balik ke Kuantan tanpa memberitahu Fuad	4
<b>Jumlah</b>			<b>4</b>

Berdasarkan Jadual 5.37, terdapat satu peristiwa yang mengandungi empat dialog bagi mewakili Pola 4, 3 PS + 1 PK. Pemetaan struktur bagi peristiwa dalam Pola 4 adalah seperti berikut:

#### 5.3.4.1 Pemetaan Struktur Peristiwa 24 : Farhana balik ke Kuantan tanpa memberitahu Fuad

Pemetaan struktur peristiwa 24, iaitu Farhana balik ke Kuantan tanpa memberitahu Fuad terdapat dalam Jadual 5.38 yang berikut:

**Jadual 5.38:** Pemetaan Struktur Peristiwa 24

Peristiwa : 24	Strategi	Dialog	Maksim
Farhana balik ke Kuantan tanpa memberitahu Fuad	Sapaan	<b>Fu</b> : Ana!	Kebijaksanaan
	Cadangan dan nasihat	<b>Fu</b> : Lain kali kalau ada masalah, jangan selesaikan sendiri kalau rasa ada orang yang boleh tolong.	
	Pernyataan	<b>Fa</b> : Aku tak mahu susahkan kau.	Kedermawanan
	Pernyataan	<b>Fu</b> : Sekurang-kurangnya kalau kau ada di sebelah, taklah aku fikirkan nyawa aku seorang saja.	Kebijaksanaan
	Nasihat	<b>Fu</b> : Lain kali jangan buat macam ni lagi, okey?	
	Penghargaan	<b>Fa</b> : Terima kasih, Fuad.	Sokongan

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 24 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.38, mukadimah perbualan dalam peristiwa ini dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi sapaan untuk menyapa Farhana dengan menggunakan kata

nama peribadi, iaitu Ana dalam dialog : **Ana!** Kemudian, Fuad menggunakan strategi cadangan, iaitu memberikan cadangan kepada Farhana agar tidak bertindak menyelesaikan masalah sendiri dan disampaikan dengan cara yang berhemah dalam dialog : **Lain kali kalau ada masalah, jangan selesaikan sendiri kalau rasa ada orang yang boleh tolong.** Setelah mendengar cadangan dan nasihat Fuad, Farhana menggunakan strategi pernyataan bagi mencerminkan sikap dermawan, iaitu menyatakan penolakannya terhadap tawaran Fuad kerana tidak mahu menyusahkan Fuad dalam dialog : **Aku tak mahu susahkan kau.** Strategi penolakan yang disertai alasan ini menandakan sikap berhati-hati Farhana agar Fuad tidak berkecil hati. Sikap berhati-hati dalam berbicara menzahirkan kehalusan budi seseorang yang amat disanjung tinggi oleh masyarakat.

Setelah Fuad mendengar pernyataan Farhana, Fuad menggunakan strategi pernyataan sebagai tanda kebijaksanaan dalam berkomunikasi dalam dialog : **Sekurang-kurangnya kalau kau ada di sebelah, taklah aku fikirkan nyawa aku seorang saja** sebelum menasihati. Kemudian barulah Fuad menggunakan strategi nasihat untuk menasihati Farhana agar tidak mengulangi perbuatan tersebut dalam dialog : **Lain kali jangan buat macam ni lagi, okey?** Strategi nasihat ini menandakan sikap ambil berat Fuad terhadap masalah yang dihadapi Farhana sebagai kawan baik. Akhirnya, Farhana menggunakan strategi penghargaan dengan mengucapkan terima kasih sebagai tanda sokongan terhadap kebaikan Fuad dalam dialog : **Terima kasih, Fuad.** Strategi sapaan, cadangan, nasihat, pernyataan dan penghargaan digunakan dalam peristiwa ini berdasarkan keperluan mewujudkan komunikasi bebas konflik. Strategi-strategi ini juga sesuai dengan topik perbualan dan latar selain mencapai objektif komunikasi, iaitu Fuad tidak mahu Farhana bertindak menyelesaikan masalah sendiri.

#### 5.3.4.1.1 Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 4, 3 PS + 1 PK

Hasil pemetaan struktur peristiwa dengan menggunakan data Pola 4, 3 PS + 1 PK terdapat dalam Jadual 5.39 berikut:

**Jadual 5.39:** Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 4, 3 PS + 1 PK

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Hasil Pemetaan struktur peristiwa Pola 4
1	24	Kebijaksanaan+Kedermawanan+Kebijaksanaan+Sokongan

Jadual 5.39 menunjukkan hasil pemetaan struktur berdasarkan satu peristiwa yang tercakup dalam Pola 4, 3 PS + 1 PK. Pemetaan ini tidak memperlihatkan variasi atas faktor Pola 4 ini hanya dipatuhi oleh satu peristiwa. Walau bagaimanapun, berlakunya pengulangan penggunaan maksim, iaitu Maksim Kebijakan sebagai situasi yang berlaku dalam Pola 3. Perkara ini berlaku bertitik tolak daripada penggunaannya yang signifikan dan perlu diberi keutamaan dalam perbualan bagi mencerminkan kesopanan berbahasa.

#### 5.3.5 Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 5: Pola Kombinasi Maksim Kebijakan + Kedermawanan (2 PS)

Peristiwa-peristiwa bahasa yang tercakup dalam Pola 5, 2 PS berdasarkan MPKMU terdapat dalam Jadual 5.40 berikut:

**Jadual 5.40:** Dua Peristiwa - Pola 5, 2 PS

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Peristiwa Pola 5, 2 PS	Dialog
1	6	Fuad hendak membeli buku rujukan	5
2	13	Perbualan ketika sampai di rumah Farhana	2
<b>Jumlah</b>			<b>7</b>

Berdasarkan Jadual 5.40, terdapat dua peristiwa yang mengandungi tujuh dialog bagi mewakili Pola 5, 2 PS. Pemetaan struktur bagi setiap peristiwa dalam Pola 5 adalah seperti berikut:

### 5.3.5.1 Pemetaan Struktur Peristiwa 6 : Fuad hendak Membeli Buku Rujukan

Pemetaan struktur peristiwa 6, iaitu Fuad hendak membeli buku rujukan terdapat dalam Jadual 5.41 yang berikut:

**Jadual 5.41:** Pemetaan Struktur Peristiwa 6

Peristiwa: 6	Strategi	Dialog	Maksim
Fuad hendak membeli buku rujukan	Pernyataan	<b>Fu</b> : Saya pinjam tadi, masa Ana tak ada . Ambil nama penerbit.	Kebijaksanaan
	Pertanyaan	<b>Fa</b> : Ambil nama penerbit? Nak buat apa?	
	Cadangan	<b>Fu</b> : Ingat nak cari buku tu di kedai.	
	Penawaran	<b>Fa</b> : Tak payah susah-susah beli, Fuad. Pakai sajalah buku saya tu.	Kedermawanan
	Penolakan	<b>Fu</b> : Biarlah saya beli, senang saya nak buat ulang kaji di rumah.	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 6 sebagaimana dalam paparan Jadual 5.41, mukadimah perbualan dimulakan oleh Fuad dengan menggunakan strategi pernyataan, iaitu menyatakan dirinya telah meminjam buku Farhana dalam dialog : *Saya pinjam tadi, masa Ana tak ada. Ambil nama penerbit*, bagi memperlihatkan cara berhemah dalam berkomunikasi. Kemudian Farhana bertanya tentang sebab Fuad berbuat demikian dalam dialog : *Ambil nama penerbit? Nak buat apa?* Lantas Fuad menyatakan cadangannya dengan berhemah agar Farhana tidak berkecil hati, iaitu dia hendak mencari buku tersebut di kedai dalam dialog : *Ingat nak cari buku tu di kedai*. Cadangan yang disampaikan dengan cara berhemah dapat mengelak lawan tutur berkecil hati atau tersinggung. Apabila mendengar cadangan Fuad, maka Farhana menawarkan bantuan buku kepada Fuad agar menggunakan bukunya dan tidak perlu membeli buku itu dalam dialog : *Pakai sajalah buku saya tu*. Tindakan Farhana menandakan kedermawanan kepada rakan sekerja. Akhirnya, Fuad menolak tawaran tersebut dengan memberikan alasan yang munasabah dalam dialog : *Biarlah saya beli, senang saya nak buat ulang kaji di rumah* walaupun meminimumkan keuntungan kepada dirinya. Strategi pernyataan, pertanyaan, cadangan, penawaran dan penolakan digunakan dalam peristiwa ini agar sesuai dengan topik perbincangan. Strategi-strategi



ini juga mencitrakan kesopanan selain mencapai objektif komunikasi, iaitu Fuad hendak memiliki buku sendiri.

### 5.3.5.2 Pemetaan Struktur Peristiwa 13: Perbualan ketika sampai di rumah Farhana

Pemetaan struktur peristiwa 13, iaitu perbualan ketika sampai di rumah Farhana terdapat dalam Jadual 5.42 yang berikut:

**Jadual 5.42:** Pemetaan Struktur Peristiwa 13

Peristiwa: 13	Strategi	Dialog	Maksim
Perbualan ketika sampai di rumah Farhana	Pelawaan	<b>Fa</b> : Singgah dulu Fuad. Minum, rehat-rehat sedikit.	Kedermawanan
	Cadangan	<b>Fa</b> : Selepas asar baru bertolak pula, ya? (Fuad hanya senyum)	Kebijaksanaan
	Jemputan	<b>Fa</b> : Mari Fuad, kita masuk ke dalam. Minum Fuad.	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 13 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.42, mukadimah perbualan dimulakan oleh Farhana dengan mempelawa Fuad singgah dan berehat di rumahnya sebagai tanda sikap dermawan kepada tetamu dalam dialog : *Singgah dulu Fuad. Minum, rehat-rehat sedikit.* Seterusnya, Farhana mencadangkan Fuad bertolak selepas waktu Asar dalam dialog : *Selepas asar baru bertolak pula, ya?* yang dibalas oleh Fuad dengan senyuman. Akhirnya, Farhana menjemput Fuad masuk ke dalam rumah dan minum sebagai tanda menghormati tetamu sebagaimana dalam dialog : *Mari Fuad, kita masuk ke dalam. Minum Fuad.* Strategi pelawaan, cadangan dan jemputan digunakan dalam peristiwa ini agar bersesuaian dengan konteks dan latar peristiwa. Penggunaannya turut membantu mencapai objektif komunikasi, iaitu sebagai tanda menghormati tetamu.

### 5.3.5.1.1 Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 5, 2 PS

Hasil pemetaan struktur peristiwa dengan menggunakan data Pola 5, 2 PS terdapat dalam Jadual 5.43 berikut:

**Jadual 5.43:** Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 5, 2 PS

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Hasil Pemetaan struktur peristiwa Pola 5
1	6	Kebijaksanaan + Kedermawanan
2	13	Kedermawanan + Kebijaksanaan

Jadual 5.43 menunjukkan hasil pemetaan struktur berdasarkan dua peristiwa yang tercakup dalam Pola 5, 2 PS. Pemetaan ini memperlihatkan struktur peristiwa yang bervariasi walaupun dalam kelompok yang sama. Peristiwa 6 kekal sebagaimana struktur asalnya namun peristiwa 13 strukturnya berubah setelah pemetaan. Perkara ini berlaku bertitik tolak daripada konteks, latar, topik dan objektif komunikasi yang berbeza-beza dalam setiap peristiwa. Ringkasnya, objektif komunikasi tercapai yang sekali gus dapat mencerminkan kesopanan berbahasa.

### 5.3.6 Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 6 : Pola Maksim Kebijaksanaan (1PS)

Peristiwa bahasa yang tercakup dalam Pola 6, 1 PS berdasarkan MPKMU terdapat dalam Jadual 5.44 berikut:

**Jadual 5.44:** Satu Peristiwa - Pola 6, 1 PS

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Peristiwa Pola 6, 1 PS	Dialog
1	23	Farhana bertengkar dengan Cikgu Zamani	1
<b>Jumlah</b>			<b>1</b>

Berdasarkan Jadual 5.44, terdapat satu peristiwa yang mengandungi satu dialog bagi mewakili Pola 6, 1 PS. Pemetaan struktur bagi peristiwa dalam Pola 6 adalah seperti berikut:

### 5.3.6.1 Pemetaan Struktur Peristiwa 23 : Farhana bertengkar dengan Cikgu Zamani

Pemetaan struktur peristiwa 23, iaitu Farhana bertengkar dengan Cikgu Zamani terdapat dalam Jadual 5.45 yang berikut:

**Jadual 5.45:** Pemetaan Struktur Peristiwa 23

Peristiwa: 23	Strategi	Dialog	Maksim
Farhana bertengkar dengan Cikgu Zamani	Permintaan	<b>Fu</b> : Sudah, Ana!	Kebijaksanaan
	Nasihat	<b>Fu</b> : Cukuplah tu, mari pergi minum.	

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa 23 sebagaimana paparan dalam Jadual 5.45, mukadimah perbualan dalam peristiwa ini dimulakan Fuad dengan menggunakan strategi permintaan, iaitu meminta Farhana berhenti bertengkar dengan Cikgu Zamani sebagaimana dalam dialog *Sudah, Ana!* dengan nada yang tegas kerana situasi yang tegang pada masa itu. Kemudian Fuad menggunakan strategi nasihat, iaitu menasihati Farhana agar menghentikan pertengkaran dalam dialog : *Cukuplah tu*, agar pertengkaran tersebut tidak berterusan. Walaupun nasihat tersebut bernada tegas, namun bersesuaian dan relevan dengan situasi pada masa itu. Strategi permintaan dan nasihat digunakan dalam peristiwa ini agar bersesuaian dengan konteks peristiwa yang sedang berlangsung. Strategi-strategi ini membantu dalam usaha mencapai objektif komunikasi, iaitu menasihati Farhana agar berhenti bertengkar dengan Cikgu Zamani.

#### 5.3.6.1.1 Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 6, 1 PS

Hasil pemetaan struktur peristiwa dengan menggunakan data Pola 6, 1 PS terdapat dalam Jadual 5.46 berikut:

**Jadual 5.46:** Dapatan Pemetaan Struktur Peristiwa Pola 6, 1 PS

Bil. Peristiwa	No. Peristiwa	Hasil Pemetaan struktur peristiwa Pola 6
	23	Kebijaksanaan

Jadual 5.46 menunjukkan hasil pemetaan struktur berdasarkan satu peristiwa yang tercakup dalam Pola 6, 1 PS. Pemetaan ini memperlihatkan struktur peristiwa yang sama dengan struktur asalnya kerana hanya diekspresikan satu maksim dan satu dialog. Walaupun situasinya sedemikian, namun dapat mempamerkan kesopanan berbahasa.

#### **5.4 Rumusan**

Berdasarkan pemetaan struktur peristiwa terhadap 33 peristiwa yang mengandungi 221 dialog dengan berlandaskan MPKMU, iaitu **Pola 1, Pola 2, Pola 3, Pola 4, Pola 5** dan **Pola 6** didapati pemetaan struktur peristiwa adalah bervariasi walaupun berada dalam pola kombinasi maksim yang sama. Hasil pemetaan ini memperlihatkan variasi dari segi paparan aturan struktur peristiwa yang dimanifestasikan oleh penggunaan strategi-strategi bahasa berdasarkan maksim-maksim Leech (1983) dan Grice (1975) sebagaimana dalam MPKMU atas faktor konteks, topik dan latar yang berbeza-beza. Perkara ini turut berkaitan dengan keperluan mewujudkan situasi komunikasi bebas konflik yang bertepatan dengan objektif komunikasi. Komunikasi bebas konflik perlu diberi perhatian sewajarnya sebagaimana yang ditegaskan oleh Indirawati Zahid (2005b) yang mengatakan bahawa penutur mewujudkan situasi bebas konflik yang pasti menguntungkan kedua-dua belah pihak dan sebenarnya inilah yang cuba dicapai setiap kali pertembungan antara dua manusia berlaku.

Sehubungan itu, bagi mencapai situasi bebas konflik, peserta dalam perbualan sedaya upaya untuk menzahirkan kesopanan berbahasa dengan menggunakan pelbagai strategi menerusi strategi-strategi bahasa yang dimanifestasikan oleh maksim-maksim Leech (1983) dan Grice (1975) secara berulang-ulang. Senario ini bertepatan dengan pandangan Indirawati Zahid (2012) yang mengatakan bahawa strategi kesantunan yang pelbagai digunakan dalam usaha mewujudkan situasi bebas konflik dan kesesuaian strategi yang digunakan bergantung kepada pengguna dan konteksnya (p.188).

Sehubungan dengan itu, kewujudan situasi ini dalam komunikasi akan dapat memelihara atau menjaga air muka semua pihak di sekitarnya. Oleh itu, kesopanan dimanifestasikan dengan pelbagai cara, iaitu tidak semestinya mematuhi susunan skala Leech (1983) dan Grice (1975) sebagaimana yang terbentuk dalam MPKMU. Penyusunan struktur yang berbeza-beza berdasarkan pemetaan memperlihatkan kesesuaian susunan struktur peristiwa berkenaan dengan objektif komunikasi. Situasi ini memanifestasikan bahawa pembudayaan kesopanan dalam kehidupan seharian bukan sahaja mengharmoniskan hubungan antara satu sama lain tetapi dapat menjamin objektif sesuatu komunikasi itu tercapai. Dalam berkomunikasi, kesopanan akan menyerlah apabila kedua-dua pihak berasa selesa, tidak tersinggung dan air mukanya terpelihara. Lanjutan itu, setiap penutur sewajarnya menjaga air muka lawan tuturnya menerusi strategi-strategi bahasa yang mencirikan kesopanan. Perkara ini bertepatan dengan pendapat Marlyna Maros (2011) yang menyatakan bahawa keperluan menjaga air muka dan hubungan baik sesama penutur mencerminkan nilai budaya Melayu agar pertuturan tidak menyinggung perasaan orang lain. Asmah Omar (1996) pula menghubungkan penjagaan air muka dengan akar umbi budaya dan norma dalam masyarakat kerana air muka dalam budaya Melayu berhubung rapat dengan maruah

dan martabat pihak-pihak yang terlibat dalam komunikasi. Pandangan-pandangan ini memanasifestasikan bahawa aspek kesopanan perlu dititikberatkan untuk memelihara maruah sesuatu pihak sekali gus mengelakkan pertelingkahan. Oleh itu, seseorang itu harus berhati-hati dalam berbicara dengan menggunakan pelbagai strategi supaya tidak ada pihak yang tersinggung mahupun tercalar maruahnya.

Pemetaan struktur peristiwa terhadap **Pola 1** yang dipatuhi 11 peristiwa, **Pola 2** yang dipatuhi 17 peristiwa dan **Pola 5** yang dipatuhi dua peristiwa telah memperlihatkan variasi. Walau bagaimanapun, kesemua peristiwa dalam pola tersebut dapat diklasifikasikan dalam pola masing-masing atas faktor mematuhi prinsip yang tertentu berdasarkan pengaplikasiannya dalam MPKMU. Sementara **Pola 3**, **Pola 4** dan **Pola 6** pula hanya dipatuhi satu peristiwa yang tidak dapat diperlihatkan variasinya secara jelas, namun susunan struktur peristiwanya tetap berbeza. Hasil pemetaan terhadap 33 peristiwa ini juga tidak memperlihatkan pengulangan mahupun persamaan struktur antara peristiwa. Situasi ini turut menyumbang kepada hasil dapatan yang bervariasi. Walau bagaimanapun, pengulangan penggunaan maksimum tertentu berlaku dalam peristiwa bahasa itu sendiri.

Pemetaan struktur peristiwa memperlihatkan pengulangan penggunaan maksimum tertentu lebih daripada sekali dalam peristiwa bahasa itu sendiri. Maksimum yang memperlihatkan pengulangan penggunaannya ialah Maksim Kebijaksanaan, Persetujuan, Kuantiti, Cara, Relevan, Sokongan, Kerendahan Hati dan Kedermawanan. Walau bagaimanapun, Maksim Kebijaksanaan dan Persetujuan memperlihatkan pengulangan yang signifikan dalam struktur peristiwa yang dianalisis. Pengulangan Maksim Kebijaksanaan berlaku dalam **peristiwa 1, 3, 5, 9, 16, 21, 22, 24, 25, 27, 18** dan **31** manakala pengulangan Maksim Persetujuan berlaku dalam **peristiwa 8, 9, 11, 14, 15, 16, 21** dan **28**. Secara puratanya pengulangan ini berlaku

sebanyak dua kali dalam setiap peristiwa yang dirujuk kecuali dalam kasus **peristiwa 27**, iaitu pengulangan Maksim Kebijaksanaan berlaku sebanyak tiga kali manakala dalam **peristiwa 15** pula pengulangan Maksim Persetujuan turut berlaku sebanyak tiga kali.

Pengulangan Maksim Kebijaksanaan memanifestasikan penggunaannya yang signifikan bagi menzahirkan pendekatan berhemah dan bijaksana sekali gus memaksimumkan manfaat kepada orang lain agar kesopanan lebih menyerlah. Perkara ini berlaku bertitik tolak atas faktor penutur dan pendengar mementingkan kehemahan dan kearifan dalam berkomunikasi yang dimanifestasikan oleh cara yang sopan semasa berurusan dan mendekati orang lain sama ada untuk mencadang, menyapa, meminta dan bertanya. Perkara ini akan menyerlahkan kesopanan sekali gus dapat mengelakkan pendengar berasa terbeban atau menanggung kos. Lanjutan daripada itu, komunikasi akan berlangsung dengan harmoni kerana setiap pihak bijak dalam menjaga tutur kata. Asmah Omar (1996) menghubungkaitkannya dengan maruah dan martabat. Oleh itu, pengungkapan dan pemilihan bahasa hendaklah sopan, sesuai, berlapik dan tidak kesat agar tiada pihak yang tercalar maruahnya. Jeniri Amir (2009) turut menegaskan bahawa penggunaan bahasa yang halus dan bersopan akan memberikan kesan yang besar terhadap minda khalayaknya, iaitu pendengar akan berasa tenteram dan bahagia. Jika sebaliknya, akan menyebabkan pendengar terhiris perasaannya dan berasa serba salah.

Sementara Maksim Persetujuan pula dapat memaksimumkan kesepakatan bagi kelancaran komunikasi yang sekali gus mengharmoniskan hubungan ke arah komunikasi bebas konflik. Maksim ini perlu diberi keutamaan dalam berkomunikasi agar komunikasi berjalan dengan lancar dan tiada perbalahan atau persengketaan yang wujud. Pengulangan Maksim Kuantiti pula berlaku dalam **peristiwa 12, 15 dan 18**,

sekali gus mencerminkan kepentingan pemberian maklumat yang mencukupi dalam komunikasi. Pengulangan penggunaan Maksim Relevan berlaku dalam **peristiwa 32**. Maksim Kedermawanan pula dalam **peristiwa 8** dan pengulangan penggunaan maksim ini memanasifestasikan bahawa kedermawanan atau kemurahan hati merupakan sifat yang mulia. Dalam konteks kajian ini, kedermawanan bukanlah melibatkan pemberian harta benda sebaliknya bantuan dari segi penyediaan kemudahan dan maklumat yang bermanfaat sebagaimana yang ditunjukkan oleh Farhana dalam usaha membantu Fuad yang hendak memulakan tugas. Kedermawanan diperlihatkan dari aspek naluri yang sewajarnya wujud dalam hubungan sesama insan. Maksim Sokongan dan Kerendahan Hati pula berlaku dalam **peristiwa 18**. Pengulangan penggunaan maksim-maksim berkenaan bukan sahaja menjadi faktor hasil pemetaan yang bervariasi, selebihnya memanasifestasikan kerelevanan pengulangan maksim-maksim tersebut atas keperluan mewujudkan situasi bebas konflik serta bersesuaian dengan konteks peristiwa, latar dan topik perbualan.

Sehubungan dengan itu, pengulangan penggunaan maksim-maksim dalam analisis peristiwa bahasa *Melunas Rindu* bukanlah sewenang-wenangnya. Pengulangan ini mengandungi makna dan mesej yang mendalam bahawa adab dan sikap-sikap mulia yang diketengah dan diekspresikan oleh maksim-maksim Leech (1983) dan Grice (1975) sewajarnya disemai dan disuburkan dalam kalangan generasi muda agar kita dapat melahirkan modal insan yang sejajar dengan aspirasi dan matlamat dalam FPK. FPK menekankan pengembangan potensi individu secara seimbang dan harmonis, menyeluruh dan bersepadu (Pusat Perkembangan Kurikulum 2001, p.6-8). Inti pati falsafah ini berkehendakkan pengembangan potensi murid yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek dengan mengisi jiwa generasi muda negara dengan kehalusan budi dan kemanusiaan yang terdapat dalam teks sastera di negara kita.



Usulan ini mencerminkan bahawa pengintegrasian ini akan dapat membantu untuk melahirkan generasi yang bersikap positif, bijak mengawal diri dalam berkomunikasi dan mampu membina peribadi yang mulia melalui apresiasi terhadap teks-teks sastra yang dibaca. Impaknya, usaha murni tersebut dapat melahirkan insan yang berbudi bahasa. Mustafa Daud (1995) menegaskan bahawa berbudi bahasa merangkumi pertuturan atau percakapan yang elok, baik, halus, hormat, bijaksana, tinggi budi bicara, beradab, bersopan santun, bertatatertib, berbudi pekerti mulia, memberikan buah fikiran dan nasihat selain bermanis muka untuk menyenangkan pendengar.

Pemetaan juga memperlihatkan bahawa Maksim Kebijaksanaan digunakan dengan dominan sebagai mukadimah perbualan. Terdapat 21 daripada 33 peristiwa bahasa yang mukadimah perbualannya menggunakan Maksim Kebijaksanaan. Perkara ini diperlihatkan dalam peristiwa **1, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 14, 15, 16, 18, 19, 20, 21, 23, 24, 27, 28, 31, 32** dan **33** sementara 12 peristiwa bahasa yang selebihnya menggunakan maksim-maksim yang lain. **Peristiwa 3, 12** dan **13** memperlihatkan penggunaan Maksim Kedermawanan, peristiwa **25, 26** dan **29** menggunakan Maksim Kuantiti, peristiwa **4** dan **11** menggunakan Maksim Persetujuan, peristiwa **11** dan **30** menggunakan Maksim Simpati, peristiwa **17** Maksim Relevan dan peristiwa **2** menggunakan Maksim Cara. Maksim Kebijaksanaan memperlihatkan penggunaan yang signifikan sebagai mukadimah perbualan kerana dapat memberikan gambaran bahawa pendekatan yang berhemah untuk berurusan dan mendekati orang lain secara bijaksana sangat dititikberatkan khususnya untuk memulakan perbualan. Perkara ini sekali gus dapat menarik perhatian pendengar apabila pendengar berasa lebih selesa selain dapat menghaluskan komunikasi.

Kebijaksanaan dalam berkomunikasi mencerminkan kearifan dan kejernihan fikiran penuturnya sehingga pendengar tidak berasa tersinggung sebaliknya mendapat

manfaat selain dapat memelihara hubungan antara kedua-duanya. Gagasan inilah yang dititikberatkan oleh Leech (1983) dan Grice (1975) apabila memberikan penekanan tentang adab atau kesopanan dan kerjasama dalam berinteraksi. Apabila wujud kesopanan dan kerjasama maka komunikasi akan berkembang kerana semua pihak berada dalam zon yang selesa sekali gus mencapai objektif komunikasi.

Pemetaan struktur peristiwa bahasa memaparkan penggunaan strategi-strategi berbahasa melalui penggunaan kata, ungkapan dan ayat bagi mengekspresikan penggunaan maksim-maksim Leech (1983) dan Grice (1975). Strategi-strategi yang digunakan dalam 33 peristiwa ini adalah seperti strategi cadangan, sapaan, permintaan, pertanyaan, pernyataan, ucapan, penghargaan, lawak, nasihat, penafian, penolakan, ajakan, suruhan, pujian dan penjelasan.

Strategi sapaan memperlihatkan penggunaan yang signifikan untuk memulakan perbualan kerana dapat mempamerkan kebijaksanaan dan kearifan dalam berbahasa. Penggunaan strategi sapaan melalui kata sapaan yang sesuai dan halus bagi memulakan bicara amat signifikan untuk menggambarkan kesopanan bertitik tolak daripada pemilihan kata yang tepat dan sesuai untuk menyapa orang lain. Perkara ini dapat mewujudkan kemesraan antara satu sama lain. Awang Sariyan (2007) menyatakan bahawa sistem sapaan berperanan sebagai penghubung langsung antara pihak yang menyapa dan pihak yang disapa selain berperanan sebagai penghubung antara penutur dengan pendengar dan menjadi strategi wacana yang signifikan dalam peristiwa komunikasi (p.36). Sementara Teo Kok Seong (2012) pula berpendapat bahawa pertemuan antara dua pihak biasanya bermula dengan sapaan yang mengisyaratkan hasrat untuk memulakan perbualan seterusnya. Kedua-dua pandangan ini memanasifikasikan betapa signifikannya penggunaan strategi sapaan sebagai mukadimah perbualan dalam sesebuah komunikasi yang berlangsung. Impaknya,

apabila kedua-dua pihak berasa selesa maka komunikasi akan berkembang ke peringkat seterusnya. Dalam konteks ini, penggunaan kata ganti nama yang kurang tepat pula akan memberikan implikasi dalam komunikasi. Perkara ini sebagaimana yang ditegaskan oleh Nik Safiah Karim (2012) yang mengatakan bahawa walaupun bentuk-bentuk kata ganti nama kelihatan sederhana dan senang difahami, namun aspek penggunaannya agak rumit dan kerap kali berlaku salah faham akibat penggunaan kata ganti nama yang kurang tepat (p.132).

Strategi pertanyaan juga memperlihatkan penggunaan yang signifikan dalam peristiwa-peristiwa bahasa tertentu. Dalam kasus tertentu strategi ini digunakan untuk memulakan perbualan dengan tujuan untuk mendapatkan respons daripada pihak lawan tutur agar komunikasi berkembang. Strategi pertanyaan juga signifikan digunakan dalam berkomunikasi bagi memperoleh persetujuan, mendapatkan maklumat yang mencukupi dan maklumat yang relevan. Penggunaan strategi pertanyaan dalam perbualan merupakan pendekatan yang berkesan untuk mendapatkan maklumat selain mencetuskan perbualan selanjutnya dalam komunikasi. Penggunaan strategi ini merupakan pendekatan yang sesuai untuk mendapatkan persetujuan dan pendapat agar tidak mengimplikasikan paksaan. Secara fitrahnya, setiap pertanyaan pasti diikuti jawapan sekiranya wujud kerjasama dan kesopanan dalam berbahasa. Hasil analisis memperlihatkan sebanyak 11 peristiwa bahasa (**peristiwa 2, 11, 22, 25, 30, 4, 10, 17, 26, 29 dan 5**) memulakan perbualan dengan menggunakan strategi pertanyaan. Paparan ini bertepatan dengan pendapat Mohamad Fadzeli Jaafar (2013) yang mengatakan bahawa penggunaan ujaran pertanyaan lebih memberi kesan khususnya dalam memulakan sesuatu perbualan (p.240). Dalam kajian ini, strategi pertanyaan digunakan bagi menggambarkan Maksim Kebijaksanaan, Persetujuan, Kuantiti dan Relevan.

Strategi pernyataan turut memperlihatkan penggunaan yang signifikan dalam peristiwa bahasa bagi memaklum, menyetujui, mengekspresi dan menyatakan pandangan atau pendapat selain meluahkan hal yang berkaitan dengan perasaan. Pernyataan persetujuan dapat menimbulkan kesepakatan yang sekali gus melancarkan komunikasi. Strategi ini juga digunakan untuk mengekspresikan sikap rendah diri, memberikan maklumat yang relevan dan maklumat yang secukupnya. Lanjutan daripada itu, strategi ini berperanan untuk mencerminkan sumbangan maklumat yang informatif dan jelas agar dapat meningkatkan pemahaman pendengar dan sekali gus memantapkan kesopanan. Penggunaan strategi pernyataan dalam kajian ini bertepatan dengan dapatan Noriati A. Rashid (2013) yang mengatakan bahawa penggunaan strategi pernyataan yang disampaikan dengan menggunakan ayat nyata berfungsi untuk memaklumkan sesuatu butiran dengan jelas. Pandangan ini membuktikan bahawa strategi pernyataan amat efektif untuk menyampaikan maklumat dengan cara yang lebih jelas dan mudah difahami. Kejelasan, kefahaman, kesepakatan, kelancaran, kebijaksanaan, kesesuaian, ketepatan dan kehalusan dalam penyampaian maklumat yang diterima pendengar amat dititikberatkan oleh Leech (1983) dan Grice (1975) dalam menyetengahkan maksim-maksim yang mencitrakan kesopanan dan kerjasama dalam komunikasi. Strategi ini digunakan untuk menyampaikan Maksim Persetujuan, Kedermawanan, Simpati, Kerendahan Hati, Sokongan, Kuantiti, Kualiti, Relevan dan Cara.

Penggunaan strategi cadangan dan permintaan pula mencerminkan kelembutan agar pendengar tidak berasa tertekan kerana diberi pilihan yang sekali gus meminimumkan kosnya dalam perbualan. Strategi cadangan dan permintaan amat signifikan digunakan bagi menggambarkan Maksim Kebijaksanaan namun dalam peristiwa tertentu strategi permintaan digunakan untuk mempamerkan sikap rendah

diri apabila penutur meminta maaf bagi memmanifestasikan Maksim Kerendahan Hati. Dalam peristiwa tertentu, strategi cadangan juga hadir bagi mendapatkan persetujuan dalam Maksim Persetujuan, iaitu persetujuan secara langsung.

Selain itu, penggunaan strategi pujian dalam peristiwa bahasa yang berlangsung mencitrakan sokongan dan penghargaan apabila penutur memuji dan berasa kagum dengan seseorang. Strategi ini berperanan untuk menyanjung dan menyenangkan hati sehingga orang yang mendengar berasa disanjung tinggi. Abdul Mua'ti @Zamri Ahmad (2001) menyatakan bahawa pujian yang ikhlas akan menjadi pendorong utama kepada pihak yang dipuji untuk meneruskan perbuatan baik dan merupakan petanda bahawa kita menghargai apa yang mereka lakukan (p.37). Berdasarkan prinsip Leech (1993) ketiadaan strategi ini akan mengimplikasikan cacian walaupun harus dilakukan secara berpada-pada sementara Abdullah Hassan & Ainon Ahmad (1999) menegaskan bahawa komunikasi yang mencerminkan penghargaan perlu mengandungi pujian dan sanjungan (p.7). Dalam kajian ini, strategi pujian membantu dalam usaha mencapai objektif komunikasi selain menggambarkan penggunaan Maksim Sokongan.

Strategi lawak juga diselitkan dalam perbualan agar peristiwa bahasa yang berlangsung menjadi lebih mesra dan tidak tegang. Noriati A. Rashid (2013) dalam kajiannya menyatakan bahawa strategi kecindan bermaksud strategi yang mengandungi strategi-strategi jenaka, melucukan dan usik-mengusik dan tidak terdapat penanda linguistik yang khusus sebaliknya makna ujaran tersebut melucukan. Penyampaian maklumat dengan menggunakan strategi ini dapat membangkitkan perasaan terhibur dan gembira agar sesi komunikasi berjalan dengan tenang dan santai. Perkara ini bersesuaian dengan gagasan Leech (1983), iaitu memberikan keselesaan kepada pendengar selain relevan dengan gagasan Grice (1975) yang menegaskan kerjasama bagi menjamin kelancaran komunikasi. Strategi ini diselitkan dalam

penggunaan Maksim Kebijaksanaan, Persetujuan dan Kuantiti agar situasi komunikasi menjadi lebih mesra, selesa dan santai.

Strategi penafian digunakan untuk menolak pujian bagi memberikan gambaran kerendahan hati seseorang. Teo Kok Seong (2003) berpendapat bahawa tindakan menafikan pujian mencitrakan kehalusan budi bahasa kerana dalam sesebuah masyarakat, penolakan atau penafian terhadap pujian adalah cerminan masyarakat yang sopan. Dalam kajian ini, strategi penafian dapat memberikan gambaran yang jelas tentang Maksim Kerendahan Hati kerana seseorang yang merendah diri akan menafikan pujian daripada orang lain atas faktor kesopanan.

Strategi penjelasan turut diperlihatkan dalam analisis bagi mengekspresikan maklumat yang hendak disampaikan agar lebih jelas, difahami dan terperinci selain untuk mencirikan ketertiban. Strategi ini dapat memperlihatkan kerjasama bagi memenuhi permintaan atau pertanyaan sesuatu pihak yang meminta penjelasan tentang sesuatu perkara. Oleh itu, perkara ini dapat mengelakkan kekeliruan dan meningkatkan daya pemahaman pendengar. Penjelasan maklumat secara tertib pula memudahkan pendengar memahami maklumat dengan terperinci sekali gus melancarkan komunikasi apabila pendengar bebas daripada bebanan untuk memproses dan menginterpretasi sesuatu maklumat yang diterima. Hal ini bertepatan dengan pendapat Abdullah Hassan & Ainon Ahmad (1999) yang mengatakan bahawa komunikasi perlu memperlihatkan ciri kefahaman, iaitu pendengar betul-betul faham perkara yang dimaksudkan dalam perbualan. Dalam konteks kajian ini, strategi penjelasan digunakan untuk memmanifestasikan penggunaan Maksim Cara.

Berdasarkan perbincangan, hasil pemetaan struktur peristiwa memperlihatkan variasi. Perkara ini memperjelas bahawa peristiwa kesopanan bukanlah berlaku secara

sewenang-wenangnya tetapi bergantung kepada faktor keperluan mewujudkan komunikasi bebas konflik, bersesuaian dengan topik, latar dan konteks peristiwa bahasa yang sekali gus bertepatan dengan objektif komunikasi. Pemetaan turut memperlihatkan peserta dalam perbualan menggunakan pelbagai strategi agar kesopanan terpelihara. Dapatan ini dapat menyumbang kepada dapatan kajian Rohaidah Mashudi et al., (2013) yang mendapati bahawa pelbagai strategi komunikasi digunakan dalam peristiwa bahasa perbincangan interaktif atas faktor kesopanan. Walaupun genre dan korpus yang digunakan berbeza namun sebaliknya, terdapat persamaan bahawa pelbagai strategi komunikasi digunakan bagi menzahirkan kesopanan. Lanjutan daripada itu, hasil pemetaan memperjelas bahawa kesopanan tidak semestinya mematuhi susunan skala Leech (1983) dan Grice (1975) sebagaimana yang terbentuk dalam MPKMU. Dapatan yang bervariasi ini memberi impak bahawa kegiatan komunikasi dapat berjalan dengan harmonis sekali gus terhindar daripada ancaman konflik atau pergeseran. Pemetaan struktur peristiwa bahasa *Melunas Rindu* ini telah dapat memaparkan kesopanan berbahasa yang memberikan manfaat kepada khalayak sarannya. Sara Beden dan Indirawati Zahid (2015) menegaskan bahawa budaya berbahasa sopan, teratur, jelas dan sentiasa mengelak daripada menyinggung perasaan orang lain sepatutnya melatari kehidupan bermasyarakat (p.144). Ringkasnya, pemetaan struktur peristiwa bahasa *Melunas Rindu* ini telah dapat memaparkan kesopanan berbahasa yang dapat memberikan manfaat kepada khalayak sarannya sebagaimana dalam dapatan analisis pemetaan struktur. Menurut Abdullah Hassan & Ainon Ahmad (1999) untuk mencipta komunikasi yang berkesan, kita perlu menguruskan proses komunikasi supaya semua pihak yang terlibat berasa puas kerana objektif mereka tercapai (p.17).

## **BAB 6: PENUTUP**

### **6.1 Pendahuluan**

Bab ini akan merumuskan dapatan kajian secara keseluruhan. Kajian yang dilakukan ini menggunakan 33 peristiwa dalam novel *Melunas Rindu* berdasarkan dialog yang diujarkan oleh watak utama, iaitu Fuad dan watak sampingannya Farhana. Kajian ini telah mempunyai tiga objektif dan ketiga-tiga objektif tersebut telah dicapai. Selain itu, bab ini turut mengetengahkan implikasi dan mengusulkan cadangan untuk kajian lanjut pada masa hadapan.

### **6.2 Ringkasan Kajian**

Kajian ini mempunyai enam bab semuanya, iaitu Bab 1, Bab 2, Bab 3, Bab 4, Bab 5 dan Bab 6. Kajian ini didahului dengan bahagian pendahuluan, iaitu **Bab 1** yang merangkumi perbincangan tentang pengenalan, latar belakang Komsas, sorotan kajian, permasalahan, objektif, kepentingan kajian, bahan, kaedah penyelidikan, batas dan konsep operasional yang digunakan dalam kajian ini. Perkara-perkara ini menjadi asas atau landasan dalam penyelidikan ini.

Kajian ini telah mempunyai tiga objektif, iaitu (i) mengklasifikasi pola kesopanan berbahasa, (ii) menganalisis penggunaan pola kesopanan berbahasa dan (iii) memetakan struktur peristiwa bahasa. Objektif yang pertama, merupakan proses mengklasifikasi atau mengkategorikan 33 peristiwa bahasa ke dalam Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU) yang mengandungi enam pola, iaitu Pola 1, 6 PS + 4 PK; Pola 2, 5 PS + 3 PK; Pola 3, 4 PS + 2 PK ; Pola 4, 3 PS + 1 PK; Pola 5, 2 PS dan Pola 6, 1 PS. Sementara objektif kedua pula merupakan analisis penggunaan pola kombinasi maksim dalam keenam-enam pola MPKMU berdasarkan pematuhannya terhadap prinsip hampir sama, ekonomis dan tepat. Objektif ketiga pula



merupakan proses memeta atau menyusun atur struktur peristiwa berdasarkan maksim terhadap 33 peristiwa bahasa dalam keenam-enam pola berkenaan.

**Bab 2** merupakan perbincangan terhadap kerangka teoretis dan metodologi. Bab ini telah membincangkan kedua-dua model yang diaplikasi dalam kajian ini, iaitu model Leech (1983) dan model Grice (1975). Kajian ini telah menggabungkan kedua-dua model dan kombinasi kedua-duanya telah membentuk MPKMU yang digunakan sebagai asas analisis. Terdapat enam pola dalam MPKMU, iaitu Pola 1, 6 PS + 4 PK; Pola 2, 5 PS + 3 PK; Pola 3, 4 PS + 2 PK; Pola 4, 3 PS + 1 PK; Pola 5, 2 PS dan Pola 6, 1 PS. Bab ini juga telah membincangkan tiga prinsip dalam pengaplikasian MPKMU, iaitu tepat, hampir sama dan ekonomis.

**Bab 3** kajian ini pula memaparkan hasil analisis dapatan objektif yang pertama, iaitu mengklasifikasikan pola kesopanan berbahasa. Berdasarkan pengklasifikasian, didapati 33 peristiwa ini dapat dikategorikan ke dalam keenam-enam pola kombinasi maksim sebagaimana dalam MPKMU. Pola 1 dipatuhi 42.09 peratus atau 93 dialog (11 peristiwa), Pola 2 dipatuhi 50.68 peratus atau 112 dialog (17 peristiwa), Pola 3 dipatuhi 1.80 peratus atau empat dialog (satu peristiwa), Pola 4 dipatuhi 1.80 peratus atau empat dialog (satu peristiwa), Pola 5 dipatuhi 3.17 peratus atau tujuh dialog (dua peristiwa) dan Pola 6 dipatuhi 0.46 peratus atau satu dialog (satu peristiwa).

Berdasarkan hasil analisis, Maksim Kebijaksanaan wujud dalam semua pola kombinasi maksim yang dimanifestasikan oleh cara mendekati dan berurusan dengan orang lain secara berhemah dan bijaksana. Hal ini sekali gus dapat mengurangkan kos dan memaksimumkan manfaat dalam berkomunikasi. Penggunaan maksim ini diperlihatkan melalui cara menyapa, menasihati, mengajak, menyuruh, mencadang, meminta bantuan dan meminta diri.

Maksim Persetujuan digunakan bagi memperlihatkan kesepakatan yang tinggi agar komunikasi menjadi lancar sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Persetujuan secara langsung dikenal pasti berdasarkan kata, ungkapan dan ayat yang menyetujui pertanyaan atau permintaan manakala persetujuan secara tidak langsung diperlihatkan dengan pemberian jawapan secara berlapis. Maksim Kedermawanan yang mempamerkan sikap murah hati walaupun diri sendiri menanggung kos atau beban pula dimanifestasikan oleh sikap menawarkan bantuan, memberikan bantuan, menolak tawaran atau bantuan. Maksim Sokongan pula menjelaskan penghargaan dan pujian yang perlu diberi keutamaan sebagai landasan kesopanan. Penggunaannya diperlihatkan menerusi tindakan memuji dan menghargai orang lain agar seseorang berasa dihargai dan senang hati.

Maksim Kerendahan Hati mencerminkan sikap rendah diri agar mewujudkan suasana komunikasi yang selesa bagi mengelakkan sesuatu pihak berasa tersinggung atau mengalami konflik. Maksim ini diperlihatkan melalui tindakan meminta maaf atas kesilapan yang dilakukan dan perbuatan merendahkan diri sendiri. Maksim Simpati menunjukkan keperluan mempamerkan sikap mengambil berat dan belas kasihan atas permasalahan orang lain yang dimanifestasikan oleh sikap simpati dan sikap mengambil berat. Maksim Kuantiti memanifestasikan kepentingan pemberian maklumat yang mencukupi dalam perbualan yang diperlihatkan oleh maklumat yang cukup semasa memberikan respons terhadap sebarang pertanyaan atau permintaan. Maksim Kualiti pula memperlihatkan keperluan pemberian maklumat yang benar bagi meningkatkan kepercayaan orang lain, iaitu menuntut penutur mengemukakan maklumat yang mempunyai bukti. Maksim Relevan menggambarkan kepentingan pemberian maklumat yang mempunyai ciri-ciri pertalian dengan pertanyaan dan permintaan sama ada secara tersurat atau tersirat. Sementara Maksim Cara

mencitrakan pemberian maklumat yang jelas, teratur dan terperinci melalui teknik penjelasan, susunan tertib dan teknik memberi contoh.

Kombinasi kedua-dua model dapat menggambarkan kesopanan berbahasa secara menyeluruh dan terperinci dalam 33 peristiwa bahasa *Melunas Rindu*. Kombinasi model Leech (1983) dan Grice (1975) yang membentuk MPKMU bukan sahaja dapat mencerminkan kehemahan, kehalusan, kesepakatan, kemuliaan dan adab dalam berkomunikasi malahan dapat menggambarkan kecukupan, kejelasan, kefahaman, kesahihan dan ketertiban dalam penyampaian maklumat. Pengaplikasian tataadab dan kerjasama memudahkan penerimaan maklumat yang sekali gus melancarkan komunikasi apabila pendengar bebas daripada bebanan atau kos untuk memproses dan mengintepretasi sesuatu maklumat yang diterima.

**Bab 4** pula merupakan paparan hasil analisis dapatan objektif yang kedua, iaitu menganalisis penggunaan pola kesopanan berbahasa dalam MPKMU. Berdasarkan analisis, didapati penggunaan pola kombinasi maksim yang paling tinggi berdasarkan MPKMU ialah Pola 2, 5 PS + 3 PK yang dipatuhi oleh 50.68 peratus (17 peristiwa) atau 112 dialog. Pola yang kedua tertinggi ialah Pola 1, 6 PS + 4 PK dipatuhi 42.09 peratus (11 peristiwa) atau 93 dialog sementara pola kombinasi maksim yang ketiga tertinggi ialah Pola 5, 2 PS dipatuhi 3.15 peratus (dua peristiwa) atau tujuh dialog. Pola 3 dan Pola 4 masing-masing dipatuhi 1.80 peratus (masing-masing satu peristiwa) atau masing-masing empat dialog yang menunjukkan penggunaan pola kombinasi maksim yang keempat tertinggi. Pola kombinasi maksim paling rendah penggunaannya ialah Pola 6, 1 PS yang dipatuhi 0.46 peratus (satu peristiwa) atau satu dialog.

Pola 1, 6 PS + 4 PS dipatuhi 11 peristiwa dan Pola 2, 5 PS + 3 PK dipatuhi 17 peristiwa mematuhi prinsip hampir sama dalam MPKMU. 11 peristiwa dalam Pola 1 dan 17 peristiwa dalam Pola 2 memenuhi kriteria-kriteria prinsip hampir sama. Pola 3, 4 PS + 2 PK dipatuhi satu peristiwa dan Pola 4, 3 PS + 1 PS dipatuhi satu peristiwa mematuhi prinsip ekonomis dalam MPKMU. Satu peristiwa dalam Pola 3 dan satu peristiwa dalam Pola 4 memenuhi kriteria, yaitu sekurang-kurangnya mencakupi tiga maksim dalam setiap pola. Pola 5, 2 PS dipatuhi dua peristiwa dan Pola 6, 1 PS dipatuhi satu peristiwa yang mematuhi prinsip tepat dalam MPKMU atas faktor memenuhi kriteria tepat dalam MPKMU.

Analisis terhadap penggunaan pola ini turut memperlihatkan penggunaan jumlah maksim dan jumlah dialog yang bervariasi. Terdapat lima variasi penggunaannya, yaitu variasi (i) penggunaan jumlah maksim sama, jumlah dialog berbeza, variasi (ii) penggunaan jumlah maksim berbeza, jumlah dialog berbeza, variasi (iii) penggunaan jumlah dan jenis maksim sama, dialog berbeza, variasi (iv) memperlihatkan penggunaan jumlah maksim sama, dialog sama dan variasi (v) penggunaan jumlah dan jenis maksim sama, dialog sama. Penggunaannya memperlihatkan variasi atas faktor konteks.

Analisis konteks pula memperlihatkan tiga sifat penyediaan konteks, yaitu (i) penyediaan konteks yang bersifat signifikan memperlihatkan dapatan sebanyak 60.6 peratus manakala (ii) penyediaan konteks yang bersifat tidak signifikan menunjukkan dapatan sebanyak 36.4 peratus dan (iii) penyediaan konteks  $\emptyset$  sebanyak 3.00 peratus. Penyediaan konteks yang bersifat signifikan diperlihatkan dalam dua situasi penyediaan konteks, yaitu pradata dan pascadata dalam 13 peristiwa dan pascadata terdapat dalam tujuh peristiwa. Sementara penyediaan konteks yang tidak bersifat signifikan pula diperlihatkan dalam tiga situasi, yaitu pradata dan pascadata dalam

lima peristiwa, pradata sahaja dalam satu peristiwa manakala situasi konteks pascadata sahaja dalam enam peristiwa. Dapatan turut memperlihatkan penyediaan konteks  $\emptyset$ , iaitu tidak wujud penyediaan konteks sama ada pradata atau pascadata atau gabungan kedua-dua situasi dalam satu peristiwa. Hasil dapatan ini memperlihatkan bahawa kewujudan konteks dalam peristiwa *Melunas Rindu* memberikan sumbangan dalam komunikasi namun kewujudannya bukanlah wajib dalam sesebuah peristiwa bahasa. Situasi ini juga menunjukkan bahawa kewujudan konteks tidak memberikan impak yang menyeluruh terhadap penggunaan jumlah dialog dan kecukupan maklumat dalam komunikasi yang berlangsung. Kewujudan konteks didapati tidak signifikan dalam peristiwa *Melunas Rindu* berlaku bertitik tolak daripada kewujudan faktor-faktor yang mempengaruhi peristiwa bahasa yang berlangsung. Antaranya faktor pengulangan unsur pertanyaan, kepadatan maklumat, kewujudan isu secara spontan, perubahan topik perbualan dan penyelitan unsur lawak dalam slot peristiwa tertentu.

Dapatan kajian turut memperlihatkan empat faktor yang mempengaruhi penggunaan pola kombinasi maksim dalam MPKMU, iaitu faktor pematuhan pada prinsip hampir sama, pematuhan pada prinsip ekonomis, pematuhan pada prinsip tepat dan keberkaitan peristiwa dengan subtema dan tema. Penggunaan Pola 2 (17 peristiwa) dapat memperjelas sub-subtema yang menjurus kepada tema novel ini, iaitu kasih sayang.

**Bab 5** pula merupakan paparan hasil dapatan objektif yang ketiga, iaitu memetakan struktur peristiwa kesopanan berbahasa. Pemetaan struktur dilakukan terhadap 33 peristiwa yang mematuhi enam pola dalam MPKMU. Hasil pemetaan memperlihatkan struktur yang bervariasi atas faktor keperluan mewujudkan situasi bebas konflik yang bertepatan dengan objektif komunikasi selain faktor konteks, latar dan peristiwa yang berbeza-beza. Pemetaan struktur peristiwa memperlihatkan kepelbagaian kerana tidak

ada struktur yang berulang dan tidak ada struktur yang menunjukkan persamaan. Setiap struktur berbeza dalam 33 peristiwa bahasa yang dianalisis. Pemetaan struktur peristiwa bahasa memperlihatkan pengulangan penggunaan maksim-maksim tertentu lebih daripada sekali dalam peristiwa bahasa itu sendiri. Maksim-maksim yang memperlihatkan pengulangan penggunaannya ialah Maksim Kebijaksanaan, Persetujuan, Kuantiti, Cara, Relevan, Sokongan, Kerendahan Hati dan Kedermawanan. Pengulangan merupakan penyumbang kepada pemetaan struktur yang memperlihatkan kepelbagaian tersebut.

Dapatan turut menunjukkan penggunaan unsur-unsur bahasa melalui penggunaan kata, ungkapan dan ayat bagi mengekspresikan penggunaan maksim-maksim Leech (1983) dan Grice (1975). Unsur-unsur bahasa yang digunakan dalam 33 peristiwa ini adalah seperti unsur cadangan, sapaan, permintaan, pertanyaan, pernyataan, ucapan, penghargaan, lawak, nasihat, penafian, penolakan, ajakan, suruhan, pujian, dan penjelasan. Penggunaan unsur-unsur bahasa ini bersesuaian dengan keperluan untuk menggambarkan maksim sekali gus mewujudkan situasi bebas konflik yang bertepatan dengan objektif komunikasi.

Hasil dapatan ketiga-tiga objektif kajian telah dipaparkan dalam tiga bab analisis, iaitu **Bab 3**, **Bab 4** dan **Bab 5**. Ketiga-tiga bab berkenaan telah memaparkan aspek kesopanan berbahasa dalam 33 peristiwa bahasa *Melunas Rindu* dengan terperinci. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa dapatan memperlihatkan penutur dan pendengar dalam peristiwa-peristiwa bahasa menggunakan pelbagai maksim bagi mempamerkan kesopanan berbahasa sehingga membentuk pola kombinasi maksim sebagaimana dalam MPKMU. Situasi ini sekali gus bertepatan dengan usaha untuk mewujudkan komunikasi bebas konflik yang bertepatan dengan objektif komunikasi. Impaknya, paparan kesopanan dalam kajian ini dari sudut pragmatik memperlihatkan nilai tambah

yang terdapat dalam novel *Melunas Rindu*, iaitu berdasarkan pendedahan dan perincian tentang tatacara berkomunikasi yang sekali gus mengarah kepada pembinaan kemurnian dan kemuliaan jiwa. Dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa kombinasi kedua-dua model, iaitu Leech (1983) dan Grice (1975) dapat memperinci dan memperjelas aspek kesopanan berbahasa dalam novel *Melunas Rindu* yang diekspresikan oleh penggunaan maksim-maksim kesopanan Leech (1983) dan Grice (1975). Oleh itu, novel ini relevan dijadikan teks Komsas di sekolah kerana dapat memperlihatkan tatacara beradab sopan sebagaimana yang dimanifestasikan oleh sikap positif dan sahsiah mulia para watak. Sikap terpuji ini mencakupi sikap rendah diri, kesepakatan yang jitu, keazaman yang kuat, wawasan yang tinggi, berbudi pekerti mulia, mempamerkan keseimbangan emosi dalam menangani konflik dan patuh kepada pencipta walaupun seorang mualaf.

Berdasarkan ciri pemilihan dan penulisan buku teks, didapati novel ini menepati ciri-ciri berkenaan. Tajul Ariffin Noordin (1993) dalam buku *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Pandangan dan Maklum Balas*, menggariskan ciri-ciri ini. Antaranya, (i) fakta berkaitan dengan ciri asas dalam pembinaan akhlak, (ii) tidak bercangah dengan akhlak dan adab sopan, (iii) sesuai dengan tingkat pemikiran atau pemahaman murid, (iv) menggunakan bahasa yang baik dan sopan dan (v) selaras dengan falsafah, prinsip dan matlamat pendidikan bersepadu (p.48-49). Berdasarkan ciri-ciri ini, didapati novel *Melunas Rindu* yang dijadikan korpus kajian ini memperlihatkan kesesuaian teks ini sebagai teks Komsas. Perincian adab sopan yang dicitrakan oleh penggunaan bahasa yang sopan dalam tatacara berkomunikasi berlandaskan ekspresi maksim-maksim kesopanan Leech (1983) dan Grice (1975) dalam dialog yang diujarkan oleh watak Fuad dan Farhana selain penggunaan bahasa yang berkualiti serta sesuai dengan tahap pemikiran para murid telah meletakkan teks

ini sebagai teks yang relevan untuk menjadi bahan bacaan dan penghayatan para murid. Teks ini memperlihatkan pematuhan pada ciri pemilihan teks yang berkaitan dengan adab sopan, penggunaan bahasa yang sopan dan berkualiti selain pematuhan pada nilai-nilai murni yang terkandung dalam FPK. Abdul Raof Dalip (1993) mengatakan bahawa sesebuah teks yang memperlihatkan pematuhan pada nilai-nilai murni sekali gus memenuhi ciri pendidikan bersepadu yang menuntut keseimbangan antara kerohanian dan kejasmanian (p.19).

Tuntasnya, paparan kesopanan berbahasa yang terperinci dalam kajian ini memberikan manfaat kepada generasi muda khususnya dan masyarakat amnya melalui pendedahan tentang tataadab berbahasa yang berhemah, tertib dan sopan sekali gus relevan dengan sosiobudaya masyarakat. Lanjutan itu, kita akan dapat melahirkan generasi yang mengutamakan dan membudayakan aspek kesopanan berbahasa selain mencerminkan sahsiah dan akhlak yang terpuji, berjati diri, termasuklah memperkaya wawasan diri dan kepatuhan kepada Tuhan dalam kehidupan seharian. Perkara ini turut memberikan penjelasan bahawa langkah mengintegrasikan bahan sastra dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah wajar dalam usaha memenuhi aspirasi dalam FPK, iaitu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani yang bermatlamat untuk melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Pusat Perkembangan Kurikulum 2001, p.3).



### 6.3 Implikasi

Kajian ini telah menyumbang ke arah memperkaya khazanah dalam bidang pragmatik. Sehubungan itu, penerokaan terhadap aspek kesopanan berbahasa dalam kajian ini dapat mengisi kekurangan kajian dengan menggunakan bahan Komsas dari sudut pragmatik khususnya yang memberikan fokus terhadap aspek kesopanan berbahasa. Lanjutan daripada itu, kajian ini dapat menjadi pemangkin kepada kajian-kajian baharu dengan menggunakan bahan Komsas pada masa depan berdasarkan analisis secara pragmatik. Impaknya, rincian dapatan kajian ini dapat menyumbang kepada pertambahan korpus dan khazanah ilmu dalam bidang kesantunan Melayu.

Sehubungan dengan itu, kajian ini turut memberikan sumbangan dari sudut pembuktian dan penelitian nilai tambah yang terkandung dalam bahan Komsas. Bahan-bahan Komsas bukan setakat memperlihatkan kandungan nilai-nilai murni malahan mempunyai nilai tambah kerana dapat diteroka dan diteliti dari perspektif pemikiran yang lebih tinggi dengan menggunakan teori-teori linguistik. Oleh itu, bahan Komsas terbukti memiliki input baharu, iaitu nilai tambah sekali gus situasi ini memberikan gambaran bahawa novel *Melunas Rindu* amat relevan dipilih sebagai bahan Komsas. Siti Mahani Angterian, Hasnah Mohamad & Raja Masittah Raja Ariffin (2014) berpendapat bahawa novel adalah sumber utama dalam bidang kesusasteraan yang mempunyai kepentingan tersendiri untuk dikaji selain sebagai wadah sastera yang dekat dengan masyarakat termasuk pelajar sekolah (p.20).

Selain itu, pemilihan bahan Komsas oleh panel penilai telah melalui proses-proses tertentu termasuklah penyaringan dan penilaian berdasarkan kriteria dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh PPK. Pihak PPK telah mengambil kira teks atau karya yang dipilih mesti selaras dengan kehendak FPK, Kurikulum Kebangsaan, Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan

Melayu Elektif. Perkara ini termasuklah pertimbangan terhadap bahan yang bermutu, bernilai estetika dan memiliki kesesuaian agar dapat memenuhi hasrat yang terkandung dalam FPK, iaitu untuk melahirkan insan yang seimbang, berketerampilan dan harmonis. Hasil dapatan kajian ini memperlihatkan kesesuaian teks ini dipilih sebagai bahan Komsas kerana dapat memberikan paparan kesopanan berbahasa secara terperinci dan menyeluruh. Watak-watak memiliki sahsiah yang terpuji dan berjati diri tinggi kerana mengutamakan penghormatan, kerjasama dan ketinggian adab dalam berkomunikasi sebagaimana yang dimanifestasikan oleh maksim-maksim Leech (1983) dan Grice (1975). Kajian ini dapat dijadikan panduan oleh PPK dalam proses pemilihan bahan teks sastera yang bermutu pada masa akan datang. Lanjutan itu, perkara ini seterusnya dapat menyumbang kepada pemilihan bahan Komsas yang relevan pada masa depan termasuklah memberikan panduan kepada panel penilai.

Lanjutan itu, kajian ini dapat memberikan sumbangan dalam bidang pendidikan menerusi pendedahan kepada generasi muda tentang tatacara yang berhemah untuk berkomunikasi dengan mengambil kira faktor siapa lawan tutur, tujuan dan situasi komunikasi yang berlangsung khususnya penggunaan kata ganti nama yang sesuai. Walaupun kata ganti nama merupakan aspek kecil dalam bahasa Melayu, namun penggunaannya memberikan impak yang tinggi dalam masyarakat. Seseorang yang tidak menguasai dan menggunakannya dengan betul bukan sahaja melanggar peraturan penggunaan bahasa Melayu, malahan telah melanggar tatasusila dan kesopanan berbahasa dalam masyarakat Melayu (Nik safiah Karim, 2012). Oleh itu, kajian ini menyumbang ke arah melahirkan generasi yang mempunyai kepekaan akan situasi di sekelilingnya agar tidak ada pihak yang tersinggung sekali gus membudayakannya dalam kehidupan. Oleh itu, aspirasi dalam FPK untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis akan terlaksana. Ringkasnya, diharap kajian ini

memberikan sumbangan kepada dunia pendidikan dalam usaha membina budaya sopan santun dalam kalangan generasi muda khususnya dan masyarakat secara keseluruhannya.

Sumbangan yang tidak kurang pentingnya ialah kajian ini telah mengusul dan mengetengahkan model yang relevan untuk meneroka aspek kesopanan dalam bahan Komsas. MPKMU yang merupakan kombinasi dua model Barat, iaitu Leech (1983) dan Grice (1975) dapat memperlihatkan gambaran kesopanan berbahasa secara komprehensif dalam peristiwa bahasa berdasarkan ujaran-ujaran watak utama dan watak sampingannya. Aspek kesopanan berbahasa yang dimanifestasikan oleh kombinasi kedua-dua model ini sebagaimana dalam MPKMU membuktikan bahawa peserta yang terlibat dalam komunikasi sedaya upaya untuk berlaku sopan dengan menggunakan pelbagai strategi agar tiada pihak yang tersinggung atau tercalar maruahnyanya. Sehubungan dengan itu, peserta yang terlibat dalam perbualan juga lebih cenderung menggunakan kombinasi pelbagai maksim agar kesopanan dan kehalusan berbahasa lebih menyerlah sekali gus dapat mencapai objektif komunikasi.

#### **6.4 Cadangan Kajian Lanjutan**

Terdapat beberapa cadangan yang diusulkan oleh pengkaji agar kajian dengan menggunakan bahan Komsas dari sudut pragmatik terus berkembang. Oleh sebab kajian ini menggunakan genre novel, maka disarankan kajian-kajian yang akan datang untuk membuat penerokaan secara mendalam dengan menggunakan genre sastera yang lain seperti cerpen, puisi dan drama. Tambahan pula, adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa dapatan kajian ini tidak dapat digunakan untuk menggambarkan aspek kesopanan dalam semua novel Komsas atau mewakili teks-teks Komsas secara

keseluruhannya. Oleh itu, lebih banyak kajian perlu dilakukan dan diperluas dalam pelbagai genre sastera dan tidak terhad kepada novel sahaja.

Selain itu, kajian kesopanan berbahasa dengan menggunakan novel *Melunas Rindu* ini boleh diperluas dengan membuat kajian lebih lanjut. Oleh sebab kajian ini hanya memberikan fokus terhadap watak utama dan satu watak sampingan, maka disarankan pengkaji-pengkaji akan datang boleh membuat penerokaan lebih lanjut dengan meneliti watak utama dan watak-watak sampingan yang lain seperti Pak Ismail, Mak Salmah, Cikgu Abas dan Chin. Sehubungan dengan itu, kajian dengan menggunakan novel ini akan dapat diperluas, dirinci dan dipelbagai. Pengkaji-pengkaji akan datang boleh juga memperluas kajian menggunakan genre novel yang diguna pakai oleh para murid di zon-zon yang lain. Kajian juga boleh diperluas dengan membuat perbandingan antara novel yang digunakan di zon-zon yang lain.

Saranan lain yang berkaitan termasuklah mengaplikasikan model-model kesopanan yang relevan seperti model Lakoff (1974), B&L (1978&1987), model Fraser (1990), model Searle (1969) dan model yang diketengahkan oleh sarjana-sarjana tempatan. Model-model ini boleh dikombinasi dan disesuaikan dengan data korpus untuk mengkaji aspek kesopanan berbahasa. Oleh itu, model-model yang baharu dapat dihasilkan bagi meneliti aspek kesopanan berbahasa dalam bahan Komsas. Lanjutan itu, usulan ini akan dapat mempelbagai pengaplikasian model-model kesopanan selain memperlihatkan paparan pola kesopanan berbahasa yang bervariasi dalam bahan Komsas. Penghasilan model-model yang baharu akan dapat menyumbang kepada perkembangan kajian dalam bidang pragmatik. Rumusannya, kajian kesopanan berbahasa dapat diteliti dari perspektif yang pelbagai atas faktor peristiwa, konteks dan objektif yang berbeza-beza dalam peristiwa bahasa.

## RUJUKAN

- Abdul Ganing Laengkang. (2010). *Kesantunan bahasa dalam ceramah motivasi*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2001). *Santun komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Mohd Yassin. (1998). *Kesantunan berteraskan prinsip dan maksim Leech dalam teks Lembaga Budi*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Abdullah Hassan & Ainon Ahmad. (1999). *Komunikasi untuk guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Ahmad. (2004). *Mengendalikan masalah dalam hubungan peribadi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani Yahya. (2007). Budaya pengajaran (Komsas) dalam bahasa Melayu. *Jurnal PENDETA*. 3, 81-87.
- Abdul Raof Dalip. (1993). Peranan pendidikan bersepadu membentuk ummah dan masyarakat: Teras KBSM. Dalam Adnan Kamis (Ed.), *Kurikulum bersepadu sekolah menengah: Pandangan dan maklum balas* (hlm. 19-34). Bangi: Penerbit Univerisiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Razak Mohd. Kassim. (1997). Kehadiran partikel *lah* dalam puisi Dharmawijaya: Fungsi dan kesannya. *Jurnal Dewan Bahasa*. 41 (2), 156-161.
- Abdul Shukor Abdullah. (2000, Julai). Teks komponen kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Institut Bahasa, Kuala Lumpur.
- Abdul Sukor Shaari, Nuraini Yusoff & Mohd Isha Awang. (2003). *Bahasa Melayu komunikasi*. Pahang Darul Makmur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Ab Rahman Ab Rashid. (2006). *Hubungan estetik dan nilai dengan latar belakang murid dalam pendidikan Komsas*. (Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaysia.
- Adnan Khamis. (1993). *Kurikulum bersepadu sekolah menengah pandangan dan maklum balas*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Agung Pramujiono. (2012). Dari mianzi dan lian menuju *face*: Dari kearifan lokal Cina menuju teori kesantunan yang mendunia. *Jurnal Lingua Cultura*, 6 (2), 200-206.
- Ahmad Khair Mohd. Nor. (2006, April). Humor dalam ungkapan. *Dewan Bahasa*, 26-28.
- Ala'Eddin Abdullah, A. B., Marlyna, M., Ashinida, A., & Mouad, A. (2015). Apology strategies in Jordanian Arabic. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 15(2),83-99.
- Aminudin Mansor. (2012, Julai). Bahasa memancarkan budi bahasa. *Dewan Bahasa*, 40-41.
- Ani Omar. (2014). Pendidikan sastera remaja di Malaysia dalam membina generasi unggul berasaskan falsafah pendidikan negara. *Jurnal PENDETA*, 5, 1-22.
- Antologi Harga Remaja*. (2009). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ary, D., Jacobs, L. C. & Razavieh, A. (2002). Introduction to research in education. 6<sup>th</sup> Ed. Belmont, CA: Wadsworth Thompson Learning.
- Asmah Omar. (1986). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (1993). *Nahu Melayu mutakhir* (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (1996). *Wacana, perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Omar. (1997). *Wacana temuduga dan wawancara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2000). *Wacana, perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2002). *Setia dan santun bahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir*. (Edisi Kelima). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2006). Persuratan dan peradaban nasional abad ke-21: Gagasan dan kerangka strategi untuk peradaban Melayu. Dalam Mohamad Saleh Rahamad, S.M. Zakir & Shamsudin Othman (Ed.), *Persuratan dan peradaban nasional* (hlm.1-29). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Ismail. (2010, Oktober). Mencari kekuatan bahasa dan sastera kebangsaan. *Dewan Bahasa*, 15-18.
- Azizah Ahmad. (2005, Julai). Budi bahasa dan kesantunan berbahasa. *Dewan Bahasa*, 18-20.
- Birner, B. J. (2013). *Introductions to pragmatics*. Wiley-Blackwell: West Sussex UK.
- Boonjeera C. (2011). Perception of politeness in English request by Thai EFL learners. *3L: Language, Linguistics and Literature, The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 7(2), 59-71.
- Brown, P. & Levinson, S. C. (1987). *Politeness some universals in language usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Bruno, C. (2010). Old information before new information. San Jose State University Writing Center. Retrieved from <http://www.sjsu.edu/writingcenter>

- Choy, Y. P. (1978). Aspects in the development of communicative competence with reference in Korean deference system. Dalam *Disertation Abstracts International*. 39, 259.
- Ding, C. M. (2005, Julai). Bahasa penjaga budaya. *Dewan Bahasa*, 48-51
- Ervin, T. S. (1972). Sociolinguistic rules of address. Dalam John, B. P. and Holmes, J. *Sociolinguistics* (hlm. 225-241). Harmondsworth: Penguin.
- Fauziah Ahmad, Zalina Mohd Lazim & Kalthum Ibrahim. (2010). Komsas: Penguasaan, konflik dan harapan pelajar. *Jurnal Linguistik*, 10 (1), 118-136.
- Fraser, B. (1990). Perspective of politeness. *Journal of Pragmatics*, 14, 219-236.
- Goffman, E. (1955). On face work: An analysis of ritual elements in social interactions. *Psychiatry*, 18, 213-231.
- Goffman, E. (1967). *Interaction ritual: Essays on face to face behavior*. New York: Pantheon.
- Grice, H.P. (1975). Logic and conversations. Dalam Cole, P. & Morgan (Ed.), *Syntax and semantic : Speech act*. (pp. 41-58). New York: Academic Press.
- Gu, Y. (1990). Politeness phenomena in modern Chinese. *Journal of Pragmatics*, 14, 237-257.
- Halliday, M.A.K & Hassan, R. (1976). *Cohesion in English*. Longman: London.
- Hartini Hamzah. (2009). *Melunas Rindu* (Edisi murid). Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Hashim Musa. (2004). Citra hati budi Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 14, 64-78.
- Hashim Awang. (1987). *Glosari mini kesusasteraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.



- Hawkins, J. M. (2001). *Kamus dwibahasa oxford fajar* (Edisi Ketiga). Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hymes, D. (1974). *Foundations in sociolinguistics: An ethnographic approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Hymes, D. (1977). *Foundations in sociolinguistics: An ethnographic approach*. London: Tavistock Publications Limited.
- Ide, S. (1982). Japanese sociolinguistics politeness and women's language. *Jurnal Lingua*, 57, 357-385.
- Indirawati Zahid. (2005a, Mac). Kesantunan berbahasa. *Dewan Bahasa*, 46-48.
- Indirawati Zahid. (2005b, Julai). Bahasa bebas konflik. *Dewan Bahasa*, 24-27.
- Indirawati Zahid. (2010, Mac). Bahasa halus paparan kesantunan Melayu. *Dewan Bahasa*, 12-15.
- Indirawati Zahid. (2012). Kesantunan Melayu ke arah situasi bebas konflik. Dalam Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof (Ed.), *Prinsip dan aplikasi kesantunan berbahasa* (hlm. 170-189). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Mis. (2011, Mac). Unsur motivasi dalam *Melunas Rindu*. Pelita Bahasa, 26-27.
- Jeniri Amir. (2009). *Bahasa negara dan bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. (2003). Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei & Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001) *Falsafah pendidikan kebangsaan: Matlamat dan misi*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003a). *Huraian sukatan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah menengah: Bahasa Melayu tingkatan empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003b). *Kurikulum bersepadu sekolah menengah: Sukatan pelajaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lakoff, R.T. (1975). *Language and woman's place*. New York: Harper and Row, London.
- Leech, G. (1983). *Principles of pragmatics*. London: Longman.
- Leech, G. (1993). *Prinsip pragmatik*. (Terj. Azhar M. Simin.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leech, G. dan Short, M. (1981). *Style in fiction: A linguistics introduction to English fictional prose*. London: Longman.
- Leech, G. & Short, M. (1993). *Gaya dalam cereka: Penerapan linguistik dalam prosa cereka Inggeris*. (Terj. Umar Junus.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Look T. J. (1997). *Retorik dalam penjualan insurans: suatu analisis Prinsip Kerjasama Grice dan Prinsip Kesopanan*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Ma'arof Abdul Rahman. (2005). Prinsip kesantunan. *Jurnal Dewan Bahasa*. 5(7), 16-17.
- Mao, L. M. R. (1994). Beyond politeness theory: Face revisited and renewed. *Jurnal of Pragmatics*, 12, 403-426.
- Maizatul Akma Aziz. (2010). *Patriotisme dalam novel Komsas*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

- Mana Sikana. (2009). *Kritikan sastera Melayu moden*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Pustaka Karya.
- Marlyna Maros. (2011). Strategi kesantunan Melayu dalam membuat teguran. *Jurnal Elektronik*, 3, 7-20.
- Marlyna Maros & Mohd. Baharin Mayidin. (2011). Jenis dan fungsi sapaan serta persepsi kesantunan dalam interaksi di kaunter pertanyaan. *Jurnal Bahasa*, 11 (2), 219-234.
- Maslida Yusof, Marlyna Maros & Mohammad Fadzeli Jaafar. (2009). Lakukan bahasa maaf dalam kalangan pelajar IPTA. Kertas kerja Persidangan Serumpun Seminar UNHAS-UKM IV, Falkuti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Matsumoto, Y. (1988). Politeness and conversations universals-observation from Japanese. *Jurnal Multilingua*, 8, 207-222.
- Misran Rokimin. (2000, Februari). Generasi alaf baru: Pendidikan sastera disajikan. *Dewan Sastera*, -12.
- Mohd Azmi Sidek. (1997). *Kesantunan berbahasa dalam pantun*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohamad Fadzeli Jaafar. (1997). Kesantunan dalam masyarakat Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*. 41 (4), 292-298.
- Mohamad Fadzeli Jaafar. (2013). Teori sistemik-fungsional dalam stilistik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Hanafi Hairan. (2004). *Masalah pendidikan Komsas: Satu kajian kes di daerah Hulu Selangor*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Malaysia.
- Mohamed Haron. (1997). Kendala komunikasi: Aspek kecacatan artikulasi. *Jurnal Dewan Bahasa*, 41 (4), 282-291.

- Mohammad Idris. (2000). *Kesantunan berbahasa dalam perbualan keluarga Melayu*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohammad Syawal Narawi & Nuraini Yusoff. (2014). Pengkategorian kata panggilan dalam masyarakat Kelabit: Perspektif sosiolinguistik. *Jurnal Linguistik*, 18 (2), 79-89.
- Mohd Fahmi Mohamed Zaki. (2011, Februari). Bahasa santun, bangsa bertamadun. *Dewan Bahasa*, 14-17.
- Mohd Yazid Kassim. (2005). *Genre drama dalam teks sastera: kajian kandungan nilai*. (Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Muhammad Khair Fatimah. (1996). *Adab dan sopan santun dalam Islam*. (Terj. Mohd Sofuan Amrullah). Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.
- Musa Daia. (1993). Falsafah pendidikan negara dalam pelaksanaan KBSM. Dalam Adnan Kamis (Ed.), *Kurikulum bersepadu sekolah menengah: Pandangan dan maklum balas* (hlm. 53-74). Bangi: Penerbit Univerisiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustafa Daud. 1995. *Budi bahasa dalam tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naffi Mat. (2006, September). Keperluan teks sastera dalam pengajaran bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 44-47.
- Nik Safiah Karim. (1985). Pengajaran bahasa dan sastera dalam pendidikan di Malaysia. Kertas Kerja dalam Seminar. Persatuan Linguistik Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (1993). *Tatabahasa dewan* (Edisi Baharu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (2003). Sastera dalam pengajaran bahasa Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 1(1), 51-62.

- Nik Safiah Karim. (2012). Kesantunan berbahasa dalam konteks pekerjaan: Perspektif penggunaan kata ganti nama. Dalam Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof (Ed.), *Prinsip dan aplikasi kesantunan berbahasa* (hlm. 131-147). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2007). Kewajaran pengajaran Komsas dalam bahasa Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 5, 10-21.
- Nik Hassan Basri Nik Abdul Kadir. (2005). *Citra komsas*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Idris.
- Nor Azian Abdul Aziz. (2005). *Analisis kesantunan berbahasa: Satu kajian kes*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Noor Hatini Zolkifli & Siti Saniah Abu Bakar. (2011). Unsur eufemisme dalam novel Papa dan Azfa Hanani. *Jurnal Bahasa*, 12 (1), 83-108.
- Norazlina Mohd Kiram. (2010, Februari). Kesantunan bahasa cerminan peribadi. *Dewan Bahasa*, 59-61.
- Norazlina Mohd Kiram & Raja Masittah Raja Ariffin. (2012). Kesantunan berbahasa orang Melayu menerusi gaya pengurusan air muka dalam Saga: Aplikasi teori Ting-Toomey. *Jurnal Bahasa*, 12 (2), 284-300.
- Nor Hashimah Jalaludin. (1992). *Semantik dan pragmatik: Suatu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaludin. (2007, April). Apabila penjual roti dipanggil *uncle*. Dalam Sunduvan Tanak. *Dewan Bahasa*, 51-53.
- Norhana Bakhary. 2014. Strategi kesantunan berbahasa masyarakat adat perpatih dalam kata perbilangan. *Jurnal Bahasa*. 14 (2), 239-271.
- Noriati Abd. Rashid. (2003). *Kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan*. (Tesis Kedoktoran yang diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

- Noriati Abd. Rashid. (2005). Nilai kesantunan dalam konteks sosiobudaya masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 232-253.
- Noriati Abd. Rashid. (2013). *Kesantunan orang Melayu dalam majlis pertunangan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nurul Jamilah Rosly. (2010). *Kesantunan berbahasa dalam novel Julia: Satu analisis lakuan bahasa maaf berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech (1983)*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Othman Puteh. (1995). *Pengisian dunia sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Falsafah pendidikan kebangsaan: Matlamat dan misi*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Qaisar, K. & Faraz, A. B. (2012). Nunnery scene: A pragmatic analysis of Hamlet-Ophelia encounter. *3L: Language, Linguistics and Literature, The Southeast Asean Journal of English Language Studies*, 18 (2), 25-34.
- Rahman Shaari. (1985). *Memahami istilah sastera*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd.
- Rahman Shaari. (1990). Membaca karya sastera. Dalam Sapiah Osman (Ed.), *Membaca satu pengenalan*, (hlm. 111-123). Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Rahmat Ismail. (1997). *Etika sosial: Satu peradaban dalam kehidupan sosial manusia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Razali Ayob. (2007). Za'ba dan ungkapan kesantunan. *Jurnal PENDETA*. 3, 119-129.
- Robert Sibarani, M.S. (2004). Fenomena kesantunan berbahasa dalam bahasa Indonesia/Melayu. Dalam Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris (Ed). *Pemikiran Melayu tradisi dan kesinambungan* (hlm. 215-227). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Rohaidah Mashudi, Ahmad Mahmood Musanif, Adi Yasran Abdul Aziz & Hasnah Mohamad. (2013). Faktor kesopanan dan strategi komunikasi dalam genre perbincangan di televisyen. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13 (3), 164-178.
- Richards, J. C., Platt, J. & Platt, H. (1995). *Dictionary of language teaching & applied linguistics*. England: Longman.
- Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad & Ahmad Kamal Abdullah (1988). *Glosari istilah kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samad Buang. (2000, Julai). Pengenalan komponen wajib kesusasteraan Melayu dalam Bahasa Melayu. *Pelita Bahasa*, 21-24.
- Samsudin A.Rahim. (2003). *Komunikasi asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2014a). Analisis kesopanan berbahasa dalam komponen sastera (Komsas): *Melunas Rindu*. *Jurnal Isu dalam Pendidikan*, 38 (2), 235-246.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2014b). Analisis Kesopanan Bahasa Leech & Grice: Manifestasi struktur dan pola kesopanan bahasa dalam peristiwa *Melunas Rindu*. *Jurnal JATI (Journal of Southeast Asean Studies)*. 19, 151-168.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2015). Analisis kesopanan bahasa dalam novel *Melunas Rindu*: Aplikasi Maksim Leech (1983) & Grice (1975) dan kaitannya dengan sosiobudaya Melayu. *Jurnal Bahasa*, 15 (1), 143-172.
- Saville-Troike, M. (1991). *Etnografi komunikasi suatu pengenalan*. (Terj. Ajid Che Kob). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Searle, J.R. (1969). *Speech acts*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Shukri Zakaria. (2007). *Analisis nilai-nilai murni novel Panas Salju tingkatan 3*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Siri pendidikan guru bahasa Melayu II*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Siti Hajar Che Man, Munir Shuaib, Razif Muhd & Sarjit Kaur. (2012). Kesedaran dan amalan kesopanan dalam kalangan remaja Malaysia: Menilai sumbangan teori kesopanan Brown Levinson. *Jurnal Akademika*, 82 (2), 81-85.
- Siti Mahani Angterian, Hasnah Mohamad & Raja Masittah Raja Ariffin. (2014). Ayat perintah dalam novel *Kabus di Perbukitan*. *Jurnal Linguistik*, 18 (2), 19-29.
- Siti Zakiah Mat Nor. (2005). *Teks Komsas Perlumbaan Kedua dan Julia: Satu perbandingan kecenderunagn struktur kajian kes di Zon Utara Kubang Pasu*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Kuala Lumpur.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2002). Kesusasteraan kebangsaan Malaysia dalam pluralisme budaya: Satu tinjauan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 12, 40-47.
- Tan A. G. (2003). *Cerpen-cerpen Komsas: Satu kajian tentang kompleksiti kasih sayang*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.
- Tajul Ariffin Noordin. (1993). Pendidikan bersepadu: Konsep dan falsafahnya dalam KBSM. Dalam Adnan Kamis (Ed.), *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan maklum balas* (hlm. 35-52). Bangi: Penerbit Univerisiti Kebangsaan Malaysia.
- Tenas Effendy. (2010). *Kearifan pemikiran Melayu*. Pekanbaru: Pemerintah Kota Pekanbaru & Tenas Effendy Foundation.
- Tenas Effendy. (2011). *Kesantunan dan semangat Melayu*. Pekanbaru: Pemerintah Kota Pekanbaru & Tenas Effendy Foundation.
- Teo, K. S. (2003, Mac). Kesantunan berbahasa kes bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 14-23.
- Teo, K. S. (2009, Disember). Bahasa dijunjung sastera disanjung. *Dewan Bahasa*, 6-10.



- Teo K. S. (2012). Kejayaan komunikasi Cina-Melayu: Kes Cina peranakan Kelantan yang mengamalkan kesantunan bahasa Melayu. Dalam Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof (Ed.), *Prinsip dan aplikasi kesantunan berbahasa* (hlm. 113-130). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thomas, J. (1995). *Meaning in interaction: An introduction to pragmatics*. London/New York: Longman.
- Walter, S. & Corner, D. (1995). *Membesar bersama kesusasteraan*. (Terj. Shamsudin Jaafar). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Wan Abdul Kadir. (2007). *Nilai dan norma: Masyarakat dan budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Ilmu.
- Wan Aminurrashid. (2002). *Etiket Islam: Panduan sopan santun*. Pahang: PTS Publications & Distribution.
- Whitehead, R. J. (1968). *Children's literature: Strategies of teaching*. New Jersey: Prentice Hall.
- Yong, S. P. (1997). *Satu analisis perbualan di kalangan guru berpandukan teori Grice*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Yule, G. (1996). *Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (1950). Malay manners and etiquette. *JMBRAS*, XXIII.
- Zainol Abidin Kassim. (2003). *Kesantunan berbahasa: Kajian kes dalam interaksi verbal di kalangan pengajar-pengajar Jepun*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Zainol Abidin Kassim & Jaafar Jambi. (2006). Strategi dan ciri kesantunan berbahasa Jepun. *Jurnal Bahasa*, 6 (3), 483-519.

- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2009, September). Akhlak mulia melalui kesantunan berbahasa. *Dewan Bahasa*, 28-31.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2011, Februari). Perilaku sopan dalam peribahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 6-9.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Hassan & Mohd Nur Hafizudin Md Adama. (2011). Kesantunan bahasa dalam kalangan remaja sekolah menengah. *Jurnal Bahasa*, 12 (2), 321-328.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2012). Kesantunan dan strategi Berbahasa dalam konteks pendidikan. Dalam Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof (Ed.), *Prinsip dan aplikasi kesantunan berbahasa* (hlm. 63-81). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zawiyah Mohammad Yusof. (2009). *Kemahiran komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zena Moayad Najeeb, Marlyna Maros & Nor Fariza. (2012). Politeness in e-mails of Arab students in Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 12 (1), 125-145.
- Zul Fikri Zamir Mohamad Munir. (2012, Jun). Bahasa dan sastera tonggak kegemilangan bangsa. *Dewan Bahasa*, 29-31.

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### Senarai Penerbitan

1. Sara Beden & Indirawati Zahid. (2014). Analisis kesopanan berbahasa dalam Komponen Sastera (Komsas): *Melunas Rindu*. *Jurnal Isu Dalam Pendidikan*, 38 (2), 235-246.
2. Sara Beden & Indirawati Zahid. (2014). Analisis kesopanan bahasa Leech & Grice: Manifestasi struktur dan pola kesopanan bahasa dalam peristiwa *Melunas Rindu*. *Jurnal JATI (Journal of Southeast Asean Studies)*, 19, 151-168.
3. Sara Beden & Indirawati Zahid. (2015). Analisis kesopanan bahasa dalam novel *Melunas Rindu*: Aplikasi maksim Leech & Grice. *Jurnal Bahasa*, 15 (1), 143-172.
4. Sara Beden & Indirawati Zahid. (2015). Analisis kesopanan bahasa Leech (1983) & Grice (1975): Manifestasi pola dan struktur kesopanan bahasa dalam novel *Melunas Rindu*. *Jurnal Pengajian Melayu*. 26, 29-50.
5. Sara Beden & Indirawati Zahid. (2015). Paparan kesopanan berbahasa dalam teks Komsas *Melunas Rindu*: Aplikasi model Leech (1983) & Grice (1975). *Jurnal Issues in Language Studies*, 4 (2), 41-62.
6. Sara Beden dan Indirawati Zahid. (2015). Pemetaan Struktur Peristiwa Bahasa *Melunas Rindu*: Analisis Berdasarkan Model Prinsip Kesopanan Leech (1983). *Jurnal Jendela Alam*. 9, 135-161.
7. Sara Beden dan Indirawati Zahid. (2015). Analisis Pola Kesopanan dalam Peristiwa Bahasa *Melunas Rindu*: Aplikasi Model Leech (1983) & Grice (1975). *Jurnal Linguistik*, 19 (2), 24-44.
8. Sara Beden & Indirawati Zahid. (2016). Pemetaan struktur peristiwa bahasa: Komunikasi bebas konflik. *GEMA Online, Journal of Language Studies*, 16 (1), 67-87.
9. Sara Beden & Indirawati Zahid. (2016). Kombinasi Model Leech (1983) & Grice (1975): Manifestasi Pola Kesopanan Berbahasa *Melunas Rindu*. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 2 (2), 1-10.

## Senarai Kertas Kerja dan Pembentangan

1. Sara Beden dan Indirawati Zahid. 2014. Analisis Kesopanan Berbahasa dalam Novel *Melunas Rindu*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (p.140-165) Anjuran Universiti Tun Hussein Onn, Parit Raja Johor ( 9-10 April) Universiti Tun Hussein Onn, Johor.
2. Sara Beden dan Indirawati Zahid. 2014. Kesopanan Berbahasa: Paparan Sosiobudaya Melayu dalam *Melunas Rindu*. Proceeding of The 50<sup>TH</sup> Anniversary Celebration International Conference (p.282-292). Anjuran Universiti Hankuk, Korea Selatan (15 -16 Mei) Universiti Hankuk, Korea Selatan.
3. Sara Beden dan Indirawati Zahid. 2014. Analisis Kesopanan Bahasa Leech (1983) & Grice (1975): Manifestasi Struktur Pola Kesopanan Berbahasa dalam Peristiwa *Melunas Rindu*. Memperkuat Kemitraan Strategis Negara Serumpun, Prosiding Konferensi Internasional Hubungan Indonesia-Malaysia Ke-8 (The 8th International Conference on Indonesia-Malaysia Relations) (p.654-663). Anjuran Universitas Lanchang Kuning, Pekanbaru, Riau Indonesia & Universiti Malaya, (23-25 September), Universitas Lanchang Kuning, Riau Indonesia.
4. Sara Beden dan Indirawati Zahid. 2014. Pola dan Struktur Kesopanan Berbahasa Leech (1983) & Grice (1975) dalam Peristiwa *Melunas Rindu*. Seminar Antarabangsa Psikolinguistik III (SEAPSIL3). Anjuran Universiti Putra Malaysia & Persatuan Psikolinguistik Malaysia (PERSIMA), (26-27 November), Hotel Grand Margherita, Kuching Sarawak.
5. Sara Beden dan Indirawati Zahid. 2015. Analisis Kesopanan Berbahasa Berdasarkan Kombinasi Model Leech (1983) & Grice (1975). Prosiding SLiK2015, Seminar Linguistik Kebangsaan 2015 (p.21-30). Persatuan Linguistik Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka & Universiti Kebangsaan Malaysia (20-21 Januari), Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
6. Sara Beden dan Indirawati Zahid. 2015. Pemetaan struktur peristiwa bahasa: komunikasi bebas konflik. Prosiding Konferensi Internasional Hubungan Indonesia-Malaysia Ke-9 (The 9th International Conference on Indonesia-Malaysia Relations) (p.457-482). Anjuran Universitas Negeri Yogyakarta & Universiti Malaya (15-16 September), Universitas Negeri Yogyakarta, Yogyakarta Indonesia.
7. Sara Beden dan Indirawati Zahid. 2015. Paparan Kesopanan Berbahasa dalam Teks Komsas *Melunas Rindu*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Pembangunan Pendidikan, Alam Sekitar, Pelancongan, Ekonomi, Politik dan Warisan (Jilid 2 p.535-553). Anjuran Pertubuhan Rangkaian Ahli Akademik dan Profesional Anak

Negeri Terengganu dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu (23-26 November), Hotel Permai Inn, Kuala Terengganu. Terengganu.

8. Sara Beden dan Indirawati Zahid. (2016). Kombinasi Model Leech (1983) & Grice (1975): Pemanifestasiannya dalam Analisis Pola Kesopanan Berbahasa *Melunas Rindu*. 2<sup>nd</sup> International Conference on Global Bussiness & Social Entrepreneurship. Fairhouse Beach Resort and Hotel (13-14 Mac) Koh Samui Thailand.

University of Malaya

LAMPIRAN A

Bil	Manual Pola Kombinasi Maksim
1	<b>Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (6+4)</b>
2	<b>Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan (6+3)</b>
3	<b>Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti (6+2)</b>
4	<b>Kebijaksanaan + Kedermawanan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti (6+1)</b>
5	<b>Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (5+4)</b>
6	<b>Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan (5+3)</b>
7	<b>Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti (5+2)</b>
8	<b>Kebijaksanaan + Sokongan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti (5+1)</b>
9	<b>Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (4+4)</b>
10	<b>Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan (4+3)</b>
11	<b>Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti (4+2)</b>
12	<b>Kebijaksanaan + Kerendahan Hati + Persetujuan + Simpati + Kuantiti (4+1)</b>
13	<b>Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (3+4)</b>
14	<b>Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan (3+3)</b>
15	<b>Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Kuantiti + Kualiti (3+2)</b>
16	<b>Kebijaksanaan + Persetujuan + Simpati + Kuantiti (3+1)</b>
17	<b>Kebijaksanaan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (2+4)</b>
18	<b>Kebijaksanaan + Simpati + Kuantiti + Kualiti + Relevan (2+3)</b>
19	<b>Kebijaksanaan + Simpati + Kuantiti + Kualiti (2+2)</b>
20	<b>Kebijaksanaan + Simpati + Kuantiti (2+1)</b>
21	<b>Kebijaksanaan + Kuantiti + Kualiti + Relevan + Cara (1+4)</b>
22	<b>Kebijaksanaan + Kuantiti + Kualiti + Relevan (1+3)</b>
23	<b>Kebijaksanaan + Kuantiti + Kualiti (1+2)</b>
24	<b>Kebijaksanaan + Kuantiti (1+1)</b>

**LAMPIRAN B**

<b>Buku/BAB</b>	<b>Dialog Fuad-Farhana</b>
<p>MR-B4(11)-Fa-H37-D1/12            MR-B4(11)-Fu-H-H38-D1/9            MR-B4(11)-Fa-H38-D2/12            MR-B4(11)-Fu-H38-D2/9            MR-B4(11)-Fa-H38-D3/12</p>	<p>Kalau Cikgu Fuad senang, kita duduk di kerusi tu sekejap.            Boleh ... Boleh.            Terlebih dahulu, saya nak ucapkan selamat datanglah kepada Cikgu Fuad.            Fuad ... Panggil Fuad sudahlah.            Nak panggil Fuad saja? Okeylah, kalau gitu. Sekali lagi selamat datang. Ini jadual Fuad. Lima kelas semuanya, satu kelas lima waktu seminggu. Jadi, dua puluh lima waktulah seminggu. Tiga kelas tingkatan lima, dua kelas tingkatan tiga. 5 Bestari, 5 Dedikasi, 5 Jujur, 3 Dedikasi dan 3 Ikhlas. Ha ... lima semuanya.</p>
<p>MR-B4(11)-Fu-H38-D3/9            MR-B4(11)-Fa-H38-D4/12</p>	<p>Murid-muridnya macam mana?            Itulah ... Nak kata bagus, taklah bagus sangat. Kalau ikutkan pembahagiannya, kelas 5 Bestari tu kelas cemerlang, 5 Dedikasi sederhana, <i>last</i> sekali kelas 3 Ikhlas tu lemah sikit. Maknanya, Fuad dapat satu kelas cemerlang, 3 kelas sederhana dan satu kelas lemah. Dan ketiga-tiga kelompok tu, teknik pengajaran kena berbeza. Nanti saya beritahu perlahan-lahan. Hari ni taklimat saja.</p>
<p>MR-B4(11)-Fa-H39-D5/12             MR-B4(11)-Fu-H39-D4/9            MR-B4(11)-Fa-H39-D6/12             MR-B4(11)-Fu-H40-D5/9            MR-B4(11)-Fa-H40-D7/12</p>	<p>Sebelum terlupa, ini buku-buku Fuad. Ini sajalah stok yang kita ada. Tapi sebenarnya untuk Bahasa Inggeris ni, kita tak banyak pakai buku teks. Dah lama sangat buku teks ni, tak sesuai lagi dengan sukatan sekarang. Sekarang kita guna sukatan pelajaran 1119, Fuad tahu, kan?            1119, kertas yang kita ambil dulu tu?            Ini dah masuk tahun kedua sukatan baru ini dilaksanakan. Kasihan budak-budak kita. Bayangkanlah, mereka yang rata-rata anak nelayan, petani mengambil peperiksaan yang piawaiannya bertaraf England!            Pemarkahannya bagaimana?            Piawaiian Malaysia. Tapi disertakan juga piawaiian antarabangsa dalam sijil mereka. Contohnya, kalau</p>

MR-B4(11)-Fu-H40-D6/9	P4 piawaian kita, mungkin P7 piawaian mereka. Tapi itu sebagai makluman saja. Penilaian ke universiti, mereka pakai piawaian kita. Masih bernasib baik.
MR-B4(11)-Fa-H40-D8/12 MR-B4(11)-Fu-H40-D7/9 MR-B4(11)-Fa-H40-D9/12	Fuad dulu tentu ambil kertas ni, kan? Cikgu Farhana pun, kan? Farhana. Panggil saya Farhana, sudahlah. Esok lusa boleh panggil Ana saja.
MR-B4(11)-Fu-H40-D8/9 MR-B4(11)-Fa-H40-D10/12	Oh ya! Kalau ada buku yang saya nak pakai, di mana agaknya boleh saya dapatkan buku-buku itu? Oh ... Senang saja! Cari di meja saya. Fuad nampak tak meja yang berpembalut merah dan yang paling semak tu? Ha ... meja sayalah tu! Nak apa-apa, cari sajalah. Insya-Allah, semua ada.
MR-B4(11)-Fa-H41-D11/12 MR-B4(11)-Fu-H41-D9/9 MR-B4(11)-Fa-H41-D12/12	Apalagi ya? Rasanya tak ada dah. Ada apa-apa lagi yang Fuad nak tanya? Buat masa ni tak ada. Esok lusa mungkin banyak lagi. Tak apa. Perlahan-lahanlah. Saya yakin dengan kemampuan Fuad dan sebenarnya ... Panitia Bahasa Inggeris sangat mengharapkan idea baharu daripada Fuad.
MR-B5(10)-Fu-H44-D1/11 MR-B5(10)-Fa-H44-D1/11 MR-B5(10)-Fu-H44-D2/11 MR-B5(10)-Fa-H44-D2/11 MR-B5(10)-Fu-H45-D3/11	Saya pinjam tadi, masa Ana tak ada . Ambil nama penerbit. Ambil nama penerbit? Nak buat apa? Ingat nak cari buku tu di kedai. Tak payah susah-susah beli, Fuad. Pakai sajalah buku saya tu. Susah juga kalau kita sama-sama nak pakai serentak. Biarlah saya beli, senang saya nak buat ulang kaji di rumah.
MR-B5(10)-Fa-H45-D3/11 MR-B5(10)-Fu-H45-D4/11 MR-B5(10)-Fa-H45-D4/11	Tolong saya, Fuad. Tapi sebelum tu, duduklah dulu. Awak tu dahlah tinggi, berdiri pula. Sakit tengkuh saya. Tolong apa tu? Ini ha ... Saya ada mesyuarat tengah hari ni dan kena bentangkan beberapa program sebagai lanjutan daripada program yang dah sedia ada. Saya dah siap sebahagian. Itulah nak tanya awak, mana tahu awak ada idea nak tambah.



MR-B5(10)-Fu-H45-D5/11	Hodohnya tulisan awak. (Spontan dia mengusik)
MR-B5(10)-Fa-H45-D5/11	Pengajaran berkelompok berdasarkan keputusan ujian bulan Februari dah ada, penekanan pada aspek <i>grammar</i> dah ada, begitu juga dengan kelas bimbingan untuk budak-budak yang lemah dalam penulisan karangan. Apa lagi ya?
MR-B5(10)-Fu-H46-D6/11	Apa kata kalau kita buat satu program yang mendidik murid secara individu. Maksud saya, kita pilih murid berdasarkan beberapa kriteria ,kumpulkan mereka dalam lima hingga enam orang sekumpulan. Seorang cikgu akan bertanggungjawab untuk setiap kumpulan.
MR-B5(10)-Fa-H46-D6/11	Macam program mentor-mentee, gitu?
MR-B5(10)-Fu-H46-D7/11	Gitulah lebih kurang. Tapi program ini khusus untuk Bahasa Inggeris saja. Memang nampak stereotaip, tapi saya percaya, yang menjadikan satu-satu program itu stereotaip adalah kerana pelaksanaan yang lemah. Saya percaya, kalau kita betul-betul melaksanakan program ini dengan cuba mencari masa membimbing murid secara individu, sedikit sebanyak akan ada kesannya. Banyak kelebihannya. Pertama, kita tahu apa penyakit seseorang murid itu. Kedua, kita boleh ajar mereka berdasarkan kelemahan mereka dan bukannya mengajar berdasarkan apa yang kita nak beri. Selama ini kita mungkin ajar secara umum, sedangkan ada murid yang lemah <i>grammar</i> misalnya, atau grammarnya dah bagus, tapi kurang perbendaharaan kata pula. Yalah, saya tahu, masalah tentu ada. Yang pastinya kita tak cukup cikgu. Lagi satu bila masanya kita nak jumpa budak-budak tu kerana jadual mereka penuh dan kita pula tak boleh ambil masa cikgu lain.Kalau Ana benarkan, saya ambil tiga kumpulan. Saya akan buat jadual untuk mereka pada sebelah petang, selepas kelas lanjutan. Saya tak kisah balik lambat sikit tiap-tiap hari. Macam mana Ana, tak baguskah cadangan saya?
MR-B5(10)-Fa-H48-D7/11	Eh bagus, bagus tu! Apa ... Apa agaknya nama yang Fuad nak beri kepada program ni? Apa-apa program, kita mesti ada nama.
MR-B5(10)-Fu-H49-D8/11	Hm ... Personal ... Personal Guidance. Ha ... Apa kata kalau kita beri nama, English Personal
MR-B5(10)-Fa-H49-D8/11	Guidance? Okey, cantik nama tu.
MR-B5(10)-Fu-H49-D9/11	Ana ... Hari ni saya ada bawa barang sikit. Istimewa. Awak nak tak? Saya bawa jagung. Awak punya pasal, kalau nak, saya hantar sampai ke rumah.

MR-B5(10)-Fa-H49-D9/11 MR-B5(10)-Fu-H50-D10/11  MR-B5(10)-Fa-H50-D10/11	Betul ke awak ni, Fuad? Eh, betul! Apa pula tak betulnya. Saya memang tanam jagung, sebelum jadi cikgu ni lagi. Tak percaya, tanya Cikgu Abas. Tak percaya juga lagi, jom saya tunjuk dalam bonet kereta saya. Kalau tak percaya juga lagi, balik sekolah ni saya bawa awak pergi tengok kebun saya. Ha ... mana satu yang awak nak? Semua boleh. Yang penting, awak kena percaya saya memang tanam jagung. Okeylah, saya percaya. Kalau awak memang nak bagi kepada saya, hai ... Dengan besar hati saya terima. Saya pun memang suka makan jagung.
MR-B5(10)-Fu-H51-D11/11  MR-B5(10)-Fa-H51-D11/11	Jangan lupa, balik nanti ambil jagung di kereta saya, okey? Kalau awak malu nak bawa balik, saya boleh hantar. Alah, tak payah. Rumah saya dekat saja.
MR-B7(14)-Fu-H70-D1/16 MR-B7(14)-Fa-H70-D1/18 MR-B7(14)-Fu-H71-D2/16 MR-B7(14)-Fa-H71-D2/18	Ana! Farhana! Nak balik? Ha-ah. Tiket pula tak ada. Naik kereta sayalah. Saya nak ke Raub ni. Tak apalah Fuad. Kalau tak ada tiket pun, saya boleh ambil bas sambung-sambung. Sini ke Kemaman, selepas tu Kemaman ke Kuantan. Tak pun, saya ambil teksu.
MR-B7(14)-Fu-H71-D3/16  MR-B7(14)-Fa-H72-D3/18	Jomlah. Lagipun saya nak beli keropok Losong ni, tapi tak berapa tahu jalan ke sana. Awak ada, bolehlah tolong tunjuk. Kita minum dulu, ya? Okey.
MR-B7(14)-Fu-H72-D4/16 MR-B7(14)-Fa-H72-D4/18 MR-B7(14)-Fu-H72-D5/16 MR-B7(14)-Fa-H72-D5/18 MR-B7(14)-Fu-H72-D6/16 MR-B7(14)-Fa-H72-D6/18 MR-B7(14)-Fu-H73-D7/16 MR-B7(14)-Fa-H73-D7/18	Diam saja Ana, takutkah? Siapa ada di rumah? Mak, adik-adik. Awak anak sulung? Ha-ah.. Ayah? Ayah dah tak ada. Dah empat tahun meninggal, masa saya di UK. Oh, maaf! Tak apa.

<p>MR-B7(14)-Fa-H73-D8/18 MR-B7(14)-Fu-H73-D8/16</p> <p>MR-B7(14)-Fa-H73-D9/18 MR-B7(14)-Fu-H73-D9/16</p>	<p>Awak pula macam mana? Mak dan ayah awak di Raub tentu sihat lagi,kan? Sihat. Memang mereka sihat tapi mereka tu sebenarnya bukan orang tua saya. Saya sebenarnya nak cari saudara-mara sebelah emak. Nak minta mereka tunjuk di mana kubur emak saya. O ... Jadi yang di Raub tu bukan ... . Bukan. Mereka tu ayah dan emak saudara saya. Yang sebetulnya ayah saya ialah Robert Lim, ayah Sofia juga. Saya dengan Sofia tapi adik-beradik, tapi berlainan ibu. Emak saya Melayu, dengan ayah saya yang memeluk Islam semata-mata untuk memenuhi syarat berkahwin secara Islam. Tak lama lepas tu ayah saya kahwin dengan Aunti Susan, dapat Sofia. Emak saya pula mati sewaktu melahirkan saya.</p>
<p>MR-B7(14)-Fa-H73-D10/18 MR-B7(14)-Fu-H73-D10/16</p>	<p>Tapi, kenapa semua orang tak tahu? Maksud saya, semua orang mengikut apa yang saya faham, sedangkan cerita tu tak berapa betul.. Tak semua, Ana. Maksud saya, ada juga orang yang tahu cerita sebenarnya. Cikgu Abas misalnya, dia tahu. Cuma mereka tak beritahu orang. Kau pun tentu nampak rasionalnya, kan? Buat apa lagi bercerita tentang masa silam aku sedangkan aku sekarang sudah ada baharu?</p>
<p>MR-B7(14)-Fa-H74-D11/18 MR-B7(14)-Fu-H74-D11/16 MR-B7(14)-Fa-H74-D12/18 MR-B7(14)-Fu-H74-D12/16</p> <p>MR-B7(14)-Fa-H75-D13/18</p>	<p>Jadi maksud awak ... Maafilah Fuad, saya nak tanya ... Tak apa. Teruskan. Maksudnya, awak ni memang lahir Islam? Aku memang dibenihkan dalam syariat Islam. Cuma jangan tanya apa agama ayah aku sekarang? Sebab itulah Ana, sampai sekarang aku masih belum rasa nak jumpa ayah aku. Aku terkilan. Bagi aku tak menjadi hal kalau dia tak tahu langsung tentang Islam atau tak pernah menganutinya. Tapi hakikatnya itu agamanya dulu. Apa pun alasannya masuk Islam dulu, bagi aku agama tetap satu perkara yang tak boleh dipermainkan. Agama itu satu kepercayaan, bukan satu perkara yang boleh ditukar ganti sesuka hati. Salahkah kalau aku tak mempedulikan ayah sendiri akibat ketidacacuhannya kepada agama?Salahkah aku,Ana? Entahlah Fuad. Aku ... Sebenarnya simpati dengan kau. Tak aku sangka..... .</p>

MR-B7(14)-Fu-H75-D13/16 MR-B7(14)-Fa-H76-D14/18 MR-B7(14)-Fu-H76-D14/16	Jom, kita makan dulu. Aku dah lapar ni. Apa fasal tak habis makan ni? Aku kenyang lagi sebenarnya. Masa kau tegur dekat stesen bas tadi, aku baru lepas sarapan. Laa ... Ngapa tak cakap? Tak baik tahu makan tak habis. Rezeki!
MR-B7(14)-Fa-H76-D15/18 MR-B7(14)-Fu-H77-D15/16 MR-B7(14)-Fa-H77-D16/18 MR-B7(14)-Fu-H77-D16/16	Hari ini aku bukan saja naik kereta <i>free</i> , makan pun nampaknya <i>free</i> . Baik engkau, Fuad? Memang aku baik. Kau baru tahu hari inikah? Eh, tadi kau tanya masjid, ngapa tak tanya aku? Kat depan tu ha.... La ingatkan kau tak tahu.
MR-B7(14)-Fa-H79-D17/18 MR-B7(14)-Fa-H79-D18/18	Singgah dulu Fuad. Minum, rehat-rehat sikit. Selepas asar baru bertolak pula, ya? Fuad (tersenyum) Mari Fuad, kita masuk ke dalam. Minum Fuad.
MR-B8(13)-Fa-H90-D1/3 MR-B8(13)-Fu-H90-D1/3 MR-B8(13)-Fa-H90-D2/3 MR-B8(13)-Fu-H90-D2/3 MR-B8(13)-Fa-H90-D3/3 MR-B8(13)-Fu-H90-D3/3	Assalamualaikum ... Hei, akulah! Kau selamat tiba di rumah, kan? Ya, <i>alhamdulillah</i> . Hampir tengah malam. Er ... Ana, aku telefon kau nanti? Tapi, nombor aku ... Tak apa.. Aku memang ada simpan nombor telefon kau. Oh yakah? Okeylah, assalamualaikum. Walaikumussalam.
MR-B12(13)-Fu-H126-D1/38 MR-B12(13)-Fa-H126-D1/32 MR-B12(13)-Fu-H126-D2/38 MR-B12(13)-Fa-H126-D2/32 MR-B12(13)-Fu-H126-D3/38 MR-B12(13)-Fa-H126-D3/32 MR-B12(13)-Fu-H126-D4/38 MR-B12(13)-Fa-H126-D4/32 MR-B12(13)-Fu-H126-D5/38	Ana ... Hari ni kau ada dapat kad tak? Ada. Warna apa? Merah jambu. Cantik tak? Canti Kau tahu siapa yang bagi? Tahu. Siapa?

MR-B12(13)-Fa-H126-D5/32 MR-B12(13)-Fu-H126-D6/38 MR-B12(13)-Fa-H127-D6/32 MR-B12(13)-Fu-H127-D8/38 MR-B12(13)-Fa-H127-D7/32	Engkaulah. Ya ... Betul. Murah saja, empat ringgit setengah. Ya? Siapa tanya? Eh, kau tak tanya ya? Aku ingat kau tanya tadi. Kau suka tak? Tentulah aku suka. Kau tahu sebab apa aku suka? Sebab, kau yang bagi!
MR-B12(13)-Fu-H127-D9/38 MR-B12(13)-Fa-H127-D8/32 MR-B12(13)-Fu-H127-D10/38 MR-B12(13)-Fa-H127-D9/32	Ana, duduk kechap. Tak mahu ucap terima kasihkah? Aku tahulah kad aku tu murah. Okey, terima kasih. Ana, err ...Aku ingat nak ajak kau jalan-jalan petang ni. Itu pun kalau kau nak. Petang ni ... bolehlah. Setakat jalan-jalan apa salahnya.
MR-B12(13)-Fu-H128-D11/38 MR-B12(13)-Fa-H128-D10/32  MR-B12(13)-Fu-H128-D12/38 MR-B12(13)-Fa-H128-D11/32 MR-B12(13)-Fu-H128-D13/38	Kau nak makan apa Ana? Ikut kaulah. Aku ikut saja, orang nak belanjalah katakan. Apa fasal kau pandang aku macam tu? Aku lupa pakai gincukah? Taklah. Sebab kau cantik. Bohonglah. La ... Tak percaya? Kalau tak percaya, balik rumah nanti jangan lupa tengok cermin.
MR-B12(13)-Fa-H129-D12/32 MR-B12(13)-Fu-H129-D14/38 MR-B12(13)-Fa-H129-D13/32  MR-B12(13)-Fu-H129-D15/38 MR-B12(13)-Fa-H129-D14/32 MR-B12(13)-Fu-H129-D16/38 MR-B12(13)-Fa-H130-D15/32	Fuad, aku tanya kau sikit boleh? Kenapa kau ajak aku keluar ni? Sebab hari ni hari jadi kau ... Tapi, orang lain pun ada hari jadi juga, kan? Kenapa tak susah-susah cari tarikh hari jadi mereka macam kau cari aku punya, lepas tu beri kad dan ajak keluar? Entahlah Ana. Mungkin sebab kau istimewa. Aku sukakan kau. Tapi aku tak cantik, kan? Siapa kata? Maksud aku, Sofia dulu jauh lebih cantik.
MR-B12(13)-Fu-H130-D17/38 MR-B12(13)-Fa-H130-D16/32	Kau cemburu, Ana? Cemburu tu tidaklah. Tapi dia yang pertama, bukan?

MR-B12(13)-Fu-H130-D18/38 MR-B12(13)-Fa-H130-D17/32 MR-B12(13)-Fu-H130-D19/38 MR-B12(13)-Fa-H130-D18/32 MR-B12(13)-Fu-H130-D20/38	Tapi dia adik aku. Yalah ... Dia sudah tiada. Maaf Fuad, maaf. Aku betul-betul minta maaf. Aku tak bermaksud melukakan perasaan kau. Tak mengapa.
MR-B12(13)-Fu-H130-D21/38 MR-B12(13)-Fa-H130-D19/32  MR-B12(13)-Fu-H130-D22/38 MR-B12(13)-Fa-H130-D20/32 MR-B12(13)-Fu-H130-D23/38	Aku lima kau lima belas. Kau makan banyak. Ah, tak betul! Aku satu kau sembilan belas. Aku kecil. Kau besar. Lojiknya tentulah perut aku kecil, perut kau besar. Boleh tahan engkau, ya? Kau cemburu? Okey ... Okey, maaf.
MR-B12(13)-Fu-H131-D24/38 MR-B12(13)-Fa-H131-D21/32 MR-B12(13)-Fu-H131-D25/38  MR-B12(13)-Fa-H131-D22/32	Err Ana, malam ni aku nak ke rumah Cikgu Zamani, tau. Buat apa pula? Entah, dia ajak ke rumah selepas isyak. Ada makan-makan sikit, katanya dah banyak kali dia ajak sebelum ni, cuma aku saja yang asyik cari alasan. Kali ini aku pergilah. Pergilah.
MR-B12(13)-Fu-H131-D26/38  MR-B12(13)-Fa-H131-D23/32  MR-B12(13)-Fu-H131-D27/38 MR-B12(13)-Fa-H131-D24/32 MR-B12(13)-Fu-H131-D28/38	Selepas ni ikut aku balik rumah sekejap boleh tak? Mandi, makan-makan dulu. Selepas isyak nanti aku hantar kau, langsung ke rumah Cikgu Zamani. Nak tak? Boleh. Eh, takut pula aku! Buatnya mak ayah kau nak buat menantu selepas tengok muka aku, macam mana? Masalah besar tu, Fuad. Seram aku. Kau nak seram apa, Ana? Apa, aku ni bukan orangkah? Orang tu memanglah orang. Tapi, kau tu besar, aku kecil. Okey, cukup!
MR-B12(13)-Fu-H132-D29/38 MR-B12(13)-Fa-H132-D25/32	Eh, tadi kau cakap pantang makan aiskrim? Habis, dah aiskrim ni cair, siapa nak makan?

MR-B12(13)-Fu-H132-D30/38 MR-B12(13)-Fa-H132-D26/32	Okeylah, okeylah. Kau menang. Aku nak ke tandas kejap, Nak ikut, jom. Tak nak, duduk sini diam-diam. Kalau ada orang tanya, cakap kau dah bertunang, okey? Ingat, ini arahan. Alah, cakap dah bertunang buat apa. Baik aku cakap dah kahwin.
MR-B12(13)-Fu-H134-D31/38 MR-B12(13)-Fa-H134-D27/32 MR-B12(13)-Fu-H134-D32/38-	Senyap saja, Ana? Ingat Mak Mahkah? Aku kasihan tengok dia. Aku pun. Sebab itulah, aku bawa kau jumpa dia. Sekurang-kurangnya selepas ni, kalau kau sudi, bolehlah kau temankan dia. Farhana (tersentak)
MR-B12(13)-Fu-H135-D33/38 MR-B12(13)-Fa-H135-D28/32 MR-B12(13)-Fu-H135-D34/38 MR-B12(13)-Fa-H135-D29/32 MR-B12(13)-Fu-H136-D35/38 MR-B12(13)-Fa-H136-D30/32  MR-B12(13)-Fu-H136-D36/38 MR-B12(13)-Fa-H136-D31/32 MR-B12(13)-Fu-H136-D37/38 MR-B12(13)-Fa-H136-D32/32  MR-B12(13)-Fu-H136-D38/38	Tak nak ikut sekali ke rumah Cikgu Zamani? Tak naklah. Pakai baju macam ni, tak kan nak pergi makan kenduri. Aku hantar balik dulu. Mandi, salin baju lain. Aku tunggu sampai kau siap pakai gincu. Tak naklah. Lagipun, orang jempit engkau, bukannya aku. Jauh hati bunyinya? Jauh hati tu tidaklah. Lagipun, apa faedahnya nak kecil hati dengan orang macam Cikgu Zamani tu? Aku ni kan semua tak betul pada mata dia? Orang putih celup, sosial, tak pandai pakai baju kurung, tudung sibai ... Tudung sibai? Apa benda tu? Tudung macam aku pakai nilah. Tudung sibai ke belakang. O ... Aku turun dululah, Fuad. Esok kita jumpa lagi. Jaga-jaga Fuad. Aku dengar cerita Cikgu Zamani nak jodohkan kau dengan seseorang. Siapa? Ah, aku tak nak! Farhana (tergelak kecil)
MR-B15(11)-Fu-H168-D1/6	Sudah, Ana! Cukuplah tu, mari pergi minum. Farhana (menuruti lalu menangis di kantin)

<p>MR-B15(11)-Fu-H173-D2/6</p> <p>MR-B15(11)-Fa-H173-D1/2</p> <p>MR-B15(11)-Fu-H173-D3/6</p> <p>MR-B15(11)-Fa-H173-D2/2</p>	<p>Ana! Lain kali kalau ada masalah, jangan selesaikan sendiri kalau rasa ada orang yang boleh tolong. Kau rela bersusah payah naik bas daripada minta tolong daripada kawan kau ni.</p> <p>Aku tak mahu susahkan kau.</p> <p>Sebaliknya Ana, dengan cara ini kau lebih susahkan aku. Kau tahu berapa laju aku bawa kereta tadi? Seratus empat puluh. Bergegar kiri kanan. Sekurang-kurangnya kalau kau ada di sebelah, taklah aku fikirkan nyawa aku seorang saja. Lain kali jangan buat macam ni lagi, okey?</p> <p>Terima kasih, Fuad.</p>
<p>MR-B16(19)-Fu-H174-D1/24</p> <p>MR-B16(19)-Fa-H174-D1/20</p> <p>MR-B16(19)-Fu-H174-D2/24</p> <p>MR-B16(19)-Fa-H174-D2/20</p>	<p>Tak apa. Jom, kita ke atas. Mak sakit apa? Terukkah?</p> <p>Sakit biasa dialah. Lelah. Semasa masuk hospital tengah hari tadi, katanya teruk. Sekarang okey sikit, dah boleh bercakap.</p> <p><i>Alhamdulillah.</i></p> <p>Mak sakit tak menentu. Mujurlah adik-adik boleh diharap. Masa-masa ginilah aku rasa macam nak minta tukar saja tahun depan. Kasihan mak. Esok macam mana, tak kan kau nak cuti sakit?</p>
<p>MR-B16(19)-Fu-H175-D3/24</p> <p>MR-B16(19)-Fa-H175-D3/20</p> <p>MR-B16(19)-Fu-H175-D4/24</p> <p>MR-B16(19)-Fa-H175-D4/20</p>	<p>Aku ingat nak ambil cuti sakit sajalah. Lagipun aku belum pernah ambil sejak kerja.</p> <p>Menyusahkan kau saja, Fuad.</p> <p>Ana ... Kalau betul kau kawan aku, aku harap kau tak cakap lagi perkara-perkara macam tu. Kau buat aku ni tak penting langsung bagi engkau, sedangkan pada pihak aku, kau sangat penting.</p> <p>Okey, maaf, maaf.</p>
<p>MR-B16(19)-Fu-H176-D5/24</p> <p>MR-B16(19)-Fa-H176-D5/20</p> <p>MR-B16(19)-Fu-H176-D6/24</p> <p>MR-B16(19)-Fa-H176-D6/20</p> <p>MR-B16(19)-Fu-H176-D7/24</p>	<p>Aku tak marah, Ana.</p> <p>Aku tahu. Kau memang takut nak marah aku.</p> <p>Mak sakit pun kau boleh bising lagi? Eh, adik-adik kau di rumah siapa jaga?</p> <p>Tak ada siapa. Mereka dah besar, pandai bawa diri. Lagipun mereka dah biasa macam ni. Mak memang selalu masuk hospital. Aku pula jauh. Cuma, kalau kau lapang, bolehlah kau jenguk mereka di rumah sekejap. Nak tidur di rumah pun tak apa. Tapi, faham-faham sajalah. Empat orang hero, rumah mesti macam kapal karam.</p> <p>Okey, nanti selepas maghrib aku pergi. Err ... Ana, aku ingat nak tidur di sini saja, temankan engkau.</p>



MR-B16(19)-Fa-H176-D7/20	Boleh tak? Kalau sudi tidur di kaki lima, apa salahnya. Tapi aku ingat misi mesti marah. Ginilah. Kau tipu sikit. Cakap kepada dia yang sakit tu mak engkau. Okey?
MR-B16(19)-Fa-H179-D8/20 MR-B16(19)-Fu-H179-D8/24	Fuad. Tidurlah. Biar aku pula yang jaga.
MR-B16(19)-Fu-H182-D9/24  MR-B16(19)-Fa-H182-D9/20 MR-B16(19)-Fu-H182-D10/24	Bangunlah Ana. Pergi basuh muka. Ada perkara penting yang aku nak bincang dengan engkau. Aku rasa, mak engkau ni tentu lena tidurnya. Kita bincang di bawahlah, ya? Kau boleh pesan pada misi supaya jenguk-jengukkan mak. Apa halnya ni, Fuad? Ada hal penting. Apa halnya, mari kita bincang di bawah. Mari.
MR-B16(19)-Fu-H182-D11/24 MR-B16(19)-Fa-H182-D10/20 MR-B16(19)-Fu-H183-D12/24 MR-B16(19)-Fa-H183-D11/20 MR-B16(19)-Fu-H183-D13/24 MR-B16(19)-Fa-H183-D12/20	Ana ... Betul ke nama mak kau, Mariana? Memang pun nama mak aku Mariana. Jadi, memang betul? Mariana binti Osman, ya? Ya, betul. Apa hal ni, Fuad? Bingung aku. Kenapa kau tak pernah beritahu aku? Beritahu apa? Nama mak? Perlukah aku beritahu? Maksud aku, dalam persahabatan kita dengan sesiapa pun, adakah pernah kita tanya nama mak kawan kita? Kalau kita tahu pun, mungkin secara kebetulan. Saja-saja nak tanya, rasa aku tidak. Ganjil bunyinya. Lagipun, cuba kau ingat balik. Ada pernah kau tanya nama mak kepada aku selama ni? Apa hal ni, Fuad? Tolonglah beritahu aku.
MR-B16(19)-Fu-H183-D14/24  MR-B16(19)-Fa-H183-D13/20	Kau tau Ana, nama mak aku pun Mariana juga. Dan datuk aku pula, dipanggil Seman. Besar kemungkinan nama betulnya ialah Osman. Jadi, nama mak aku ialah Mariana binti Osman, sama macam nama mak engkau dan mak aku pula khabarnya masih hidup ... Fuad ...?

<p>MR-B16(19)-Fu-H183-D15/24 MR-B16(19)-Fa-H183-D14/20</p> <p>MR-B16(19)-Fu-H183-D16/24</p>	<p>Betul nama mak engkau, Mariana? Betul. Ya Allah, kenapa boleh jadi macam ni? Nama aku sendiri adalah gabungan nama mak dengan nama arwah ayah! Ginilah Ana. Pertama sekali, kita perlu tenangkan fikiran. Gunakan segala kematangan dan kebijaksanaan yang kita ada untuk menerima apa sahaja takdir untuk kita. Kita semua ni makhluk Allah. Ingat, Allah menurunkan dugaan kepada hamba-hamba yang dikasihi-Nya. Kedua, kita siasat dulu. Semua ini mungkin betul, tapi mungkin juga salah. Segala-galanya bergantung pada jawapan engkau selepas ini. Boleh? Farhana (mengangguk)</p>
<p>MR-B16(19)-Fu-H184-D17/24 MR-B16(19)-Fa-H184-D15/20</p> <p>MR-B16(19)-Fu-H185-D18/24 MR-B16(19)-Fa-H185-D16/20 MR-B16(19)-Fu-H185-D19/24 MR-B16(19)-Fa-H185-D17/20</p>	<p>Pernah tak kau tinggal di Kuala Lipis? Setakat yang aku tahu, tak pernah. Tapi, mungkin juga aku tak tahu. Mak tak pernah cerita apa-apa? Ayah? Tak pernah. Yang aku tahu, aku ni anak sulung. Kau pernah tak cerita fasal aku kepada mak? Ada tak ada, cuma hari tu sajalah. Hari yang kau hantar aku dulu. Jadi, mak tahu aku orang Raub? Rasa aku, ya. Tapi tak pasti pula dia ingat atau tidak. Cuma masa kenalkan kau hari tu saja aku bercerita tentang engkau. Selepas itu tak pernah lagi. Mak mungkin tak perasan. Siapa sangka, sebab muka kau Melayu. Manalah dia tahu kau mualaf.</p>
<p>MR-B16(19)-Fu-H185-D20/24 MR-B16(19)-Fa-H185-D18/20</p> <p>MR-B16(19)-Fu-H185-D21/24 MR-B16(19)-Fa-H185-D19/20</p>	<p>Takkan mak kau tak pernah langsung menyebut Kuala Lipis, atau Lembah Klau? Tak pernah, Fuad. Memang tak pernah. Tapi ... Mungkin betul juga mak ada menyimpan rahsia. Ada pernah sekali, aku masuk ke biliknya tanpa mengetuk pintu. Cepat-cepat dia tutup sebuah kotak kecil, selepas tu terus simpan. Mata dia merah masa tu. Puas aku tanya kenapa mak menangis. Dia cuma menggeleng, katanya tak ada apa-apa. Kau tak tanya apa isi kotak tu? Mak kata cincin. Cincin yang ayah bagi. Aku pun, bila dia kata macam tu terus buat kesimpulan yang dia teringatkan arwah ayah. Selepas tu aku tak berani tanya apa-apa lagi.</p>

MR-B16(19)-Fu-H185-D22/24	Pernah tak kau tengok cincin tu? Farhana (menggeleng)
MR-B16(19)-Fa-H187-D20/20 MR-B16(19)-Fu-H187-D23/24  MR-B16(19)-Fu-H188-D24/24	Macam mana kalau mak terjaga? Dia sakit, lelah lagi. Saya bimbang sakitnya bertambah teruk. Sabarlah Ana, sabarlah. Mari, Ana. Kita duduk di koridor tu sekejap. Segalanya cukup berat untuk kita, Ana. Aku pun tak tahu, mengapa semuanya harus berakhir seperti ini. Walaupun aku belum pernah berterus terang dengan engkau, aku yakin kau sebenarnya tahu perasaan aku. Mana mungkin ... ya, mana mungkin kita hadapi hakikat yang sebegini. Farhana (Tangisan Farhana mulai menggilu) Tapi, yakinlah Ana. Setiap satu pemberian Allah kepada kita, tentu ada hikmahnya. Mungkin sekarang kita tak dapat melihatnya lagi kerana kita sangat hampa. Tapi sekurang-kurangnya tidakkah kau rasa bangga, kita yang sama-sama cerdik ni, sebenarnya keluar daripada rahim yang sama. Lama-lama nanti, kau tentu akan gembira menerima aku sebagai abang kau. Jodoh pertemuan, semua tu kuasa Tuhan. Aku yakin, kau akan bertemu jodoh dengan orang yang jauh lebih baik daripada aku. Dahlah, jangan nangis lagi.
MR-B17(10)-Fu-H196-D1/10  MR-B17(10)-Fu-H196-D2/10 MR-B17(10)-Fa-H197-D1/9 MR-B17(10)-Fu-H197-D3/10 MR-B17(10)-Fa-H197-D2/9	Sunyilah sekolah ni tahun depan. Tak nak beli hadiah, Ana? Farhana (tersenyum sedikit) Jom, minum. Aku rasa ku lega dengar Cikgu Zamani dapat tukar. Kenapa pula? Tak tahan aku, hari-hari dengar kau bergaduh dengan dia. Sakit telinga.. Selepas ni kau bolehlah nasihat aku banyak-banyak. Lima kilo sehari pun boleh. Aku tak marah.
MR-B17(10)-Fu-H197-D4/10  MR-B17(10)-Fa-H197-D3/9  MR-B17(10)-Fu-H197-D5/10	Aku sebenarnya lega bukan semata-mata kerana mengenangkan engkau, tapi Cikgu Abas. Aku kasihan tengok dia. Cikgu Zamani sentiasa membuatkan dia serba salah dan toleransinya pula mengagumkan aku. Sekurang-kurangnya apabila Cikgu Zamani tak ada, taklah dia bermasalah sangat tahun depan. Betul tak Ana? Dan Zamani tu pula akan buat perangai yang serupa di sekolah baharunya. Percayalah cakap aku. Manusia, kalau dah macam tu susah nak ubah.

	<p>Biarlah dia. Janji kita tak tengok lagi muka dia. Bagi diri aku pula, terus teranglah Ana. Sikap Cikgu Zamani tu sedikit pun tidak mengubah tanggapan aku terhadap kemuliaan tugas seorang guru. Pada aku, seorang guru itu tetap terhormat, luhur, berjasa dan sentiasa bersedia ... Sekurang-kurangnya itulah pendapat aku sepanjang berada di sekolah ini. Orang seperti Cikgu Zamani itu ibarat nila setitik saja. Tapi kalau belanga yang mengisi susu itu besar, rasa aku takkanlah ternampak kesan nila setitik tadi. Sekurang-kurangnya aku tidak menghukumnya sebagai guru, tetapi aku lebih melihatnya sebagai seorang individu ... Yang mungkin dari saat lahirnya sudah begitu perwatakannya. Menjadi guru pula semacam satu kebetulan saja bagi dirinya. Apa lagi kita nak kata? Lantaran sebagai manusia, kita lahir dan terdidik dalam berbagai-bagai persekitaran yang akhirnya mencorakkan peribadi kita! Aku cuma kasihankan kau Ana. Selepas ini tak ada lagilah kawan kau nak bergaduh.</p>
<p>MR-B17(10)-Fa-H198-D4/9  MR-B17(10)-Fu-H198-D6/10  MR-B17(10)-Fa-H198-D5/9  MR-B17(10)-Fu-H198-D7/10   MR-B17(10)-Fa-H198-D6/9  MR-B17(10)-Fu-H199-D8/10  MR-B17(10)-Fa-H199-D7/9  MR-B17(10)-Fu-H199-D9/10   MR-B17(10)-Fa-H199-D8/9  MR-B17(10)-Fu-H199-D10/10  MR-B17(10)-Fa-H199-D9/9</p>	<p>Kau ada?  Eh, aku pun nak pindah juga!  Kau nak ke mana?  Berita baik untuk aku. Berita buruk untuk engkau. Maktab dah panggil aku, buat KPLI Bahasa Inggeris. Jadi, engkaulah yang kena tanggung aku selepas ni.  Yakah? Maktab mana? Bila?  MPIK. Lambat lagi, sebulan dari sekarang.  Oohh...? Tahniah! Jadi, miskinlah engkau selepas ni, tak ada gaji.  Yalah. Sebab tu aku nak berbaik-baik dengan engkau. Ana ...Bila tengok kau dah gembira sikit ni, aku rasa dah sesuai jugalah untuk aku cakap dengan kau. Aku mahu kau terima hakikat bahawa kita sekarang ada tiga emak dan tiga ayah yang semuanya perlu kita hormati. Pertama emak di Kuantan, kedua ayah di Kuala Lumpur, ketiga dan keempat mama dan apak di Sungai Ruan dan kelima dan keenam, Pak Mail dan Mak Salmah. Jadi enam kesemuanya, di empat tempat yang berasingan. Kau boleh terima mereka Ana?  Aku malah berbangga kerana rupa-rupanya aku ini mempunyai keluarga yang besar.  Emak dan ayah kau akan jadi lapan pula selepas kau kahwin nanti, tahu.  Mak dan ayah kau pula kan jadi sembilan selepas kau kahwin nanti. Sebabnya, ayah mentua kau pasang dua. Aaa ... Terkena engkau, padan muka!</p>

MR-B19(4)-Fu-H208-D1/1	Ana. Kalau rajin, tolong-tolonglah masukkan kain baju ab ... Aku ke dalam beg, taklah kelam-kabut sangat bila balik nanti.
MR-B19(4)-Fa-H208-D1/1	Nanti kau balik, beg engkau dah siap tiga buah depan pagar.

University of Malaysia